

**KISAH ANBIYA' DALAM AL-QURAN: KAJIAN PERSPEKTIF
PEMBANGUNAN MODAL INSAN BERASASKAN
KEUSAHAWANAN**

MOHD NASIR BIN RIPIN

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

**KISAH ANBIYA' DALAM AL-QURAN: KAJIAN
PERSPEKTIF PEMBANGUNAN MODAL INSAN
BERASASKAN KEUSAHAWANAN**

MOHD NASIR BIN RIPIN

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

ABSTRAK

Kajian ini merupakan suatu analisis dokumen terhadap kisah anbiya dalam al-Quran. Objektif pertama adalah untuk mengenal pasti kisah anbiya mengenai pembangunan modal insan berkaitan keusahawanan. Kedua, untuk menjelaskan konsep pembangunan modal insan berdasarkan kisah anbiya dalam al-Quran. Seterusnya, menerangkan pendekatan anbiya dalam proses membangunkan modal insan berkaitan keusahawanan. Keempat, untuk membezakan kriteria modal insan yang terbangun (muslihin) dengan modal insan yang tidak terbangun (mufsidin). Objektif terakhir adalah untuk mengemukakan prinsip pembangunan modal insan berkaitan keusahawanan berdasarkan kisah anbiya dalam al-Quran. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini menggunakan metode Penentuan Subjek terhadap tiga tema utama, iaitu kisah anbiya, pembangunan modal insan dan keusahawanan. Majoriti data dikutip menggunakan kajian kepustakaan serta satu bahagian kecil melalui temubual. Analisis data dilakukan secara induktif, deduktif serta komparatif. Antara anbiya yang menjadi sampel kes termasuklah nabi Nuh, Hud, Ibrahim, Lut, Yusof, Syuaib, Musa, Daud, Sulaiman, dan Muhammad SAW. Konsep pembangunan modal insan berdasarkan al-Quran merumuskan dua pendekatan, iaitu sebagai suatu proses dan sebagai keadaan. Hasil dapatan kajian mendapati anbiya menggunakan pelbagai metode dalam proses pembangunan modal insan seperti pendekatan persekitaran, motivasi, dan praktis kemahiran. Manakala dapatan kajian dari segi keadaan pula merumuskan kriteria modal insan muslihin seperti mentauhidkan Allah, berilmu, bersikap adil dan profesional. Kriteria tersebut berbeza dengan keadaan modal insan mufsidin yang bersifat syirik, zalim dan ghaflah. Kajian ini mengemukakan tiga prinsip sebagai cadangan pembangunan modal insan berkaitan keusahawanan. Yakni, dari segi kerangka atau konsep, dari segi proses dan teknik, dan dari segi hasil atau matlamat keusahawanan.

ABSTRACT

This study is a document analysis on the stories of the prophets in the Holy Quran. The first objective of the study is to identify stories of the prophets on human capital development related to entrepreneurship. Secondly, it tries to clarify the concept of human capital development based on the stories. Third, it aims to explain approaches in developing human capital. Fourth, it tries to differentiate the characteristics of developed human capital (muslihin) as compared to an undeveloped one (mufsidin). And the final objective is to present principles of human capital development in light of entrepreneurship based on the stories of the prophets in the Quran. To achieve these objectives, the study uses the method of Determination of Subjects in three main themes namely; the story of prophets, human capital development and entrepreneurship. The main body of the data collected is based on library reviews which are further supported by interviews. Analysis of the data was conducted through Inductive, Deductive as well as Comparative methods. Among the prophets featured as sample cases are Noah, Hud, Abraham, Lot, Yusof, Moses, David, Solomon, and Muhammad SAW. The study uncovered the two approaches in developing human capital namely; the process and the situational approaches. Results showed that the prophets use a variety of techniques in the process methods such as the environment, motivation, and practical skills. On the other hand, in the situational approach, muslihin methods such as tauheed, knowledgeable, justice and professional were being employed. These criteria vary significantly with the situation of mufsidin who refused the call of prophets because of shirk, unjust and ghaflah. Hence, the study proposes three principles as the fundamentals of human capital development related to entrepreneurship i.e.; concept and framework, process and technique, as well as products and entrepreneurial goals.

PENGHARGAAN

ب هلل الالرح من الالرحم

لح هلل رب الالعلين ، وال الة ولس الالم غي شرف الالفياء وامرسلين وغي له
وصحه اجمعين .

Segala puji bagi Allah SWT Tuhan seru sekalian alam serta selawat dan salam buat baginda junjungan Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para Sahabatnya. Dalam kesempatan ini, pengkaji merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan taufik dan hidayat-Nya, tesis ini dapat disempurnakan.

Pertamanya, pengkaji mengalungkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Mohd Yakub @ Zulkifli bin Haji Mohd Yusoff atas kesudian menjadi penyelia tesis ini. Segala bimbingan, tunjuk ajar, teguran dan pengorbanan dalam semua bentuk sehingga kajian ini berjaya disempurnakan amat bermakna. Beliauah guru, teman dan pengarah kepada pengkaji di APIUM. Tiada kata-kata yang ternilai serta mampu diluahkan selain mengharapakan balasan terbaik kepada beliau daripada Allah jua.

Pengkaji turut merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak dan individu terlibat yang banyak membantu. Antaranya:

- Pejabat Pengarah APIUM, terutama kepada Pn. Dayang dan rakan-rakan serta Kak Zah dan rakan-rakan di Pusat Ijazah Tinggi, APIUM.
- Jabatan al-Quran dan Hadith, terutama kepada PM Dr. Mustafa, Dr. Monica, Dr. Faisal dan Pn Lina.

- Universiti Teknologi Malaysia (UTM), khususnya Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Fakulti Tamadun Islam (FTI), serta pejabat kedekanan dan staf FTI.
- Semua sahabat, istimewa Prof. Dr. Ramli, Zulkiflee, Muhyuddin, Basit, Hafiz dan lain-lain yang tak mampu disebut, serta Ismail dari UteM dan Pak Miftahul Amani dari Tegal, Indonesia.
- Staf perpustakaan yang terlibat seperti Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan APIUM, Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM, Pusat Sumber, Pusat Islam, UTM, dan lain-lain.
- YB Dato Aliyuddin Che Hassan, Timbalan Pengerusi Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, serta Tn. Hj. Khasli dan rakan-rakan. Semua bentuk kerjasama dan sokongan kalian amat besar kepada pengkaji dalam menyiapkan tesis ini.

Akhir sekali, pengkaji abadikan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih untuk semua ahli keluarga yang sentiasa teguh menyokong sejak mula sehingga sempurna kajian ini. Teristimewa buat bonda tersayang, Hajah Rogayah Daud, isteri tercinta, Norhaya Jusoh, serta anak-anak; Asyraf, Zamir, Nabila, Lokman, Khairul Fitri dan Syamil. Pengkaji terhutang doa, restu, kasih dan motivasi dari mereka semua. Hanya Allah sahaja yang mampu membalas semua bentuk sokongan tersebut. Semoga Allah jadikan bantuan semua pihak yang terbabit dalam menyempurnakan kejayaan ini sebagai amal baik di sisi-Nya. Amin

MOHD NASIR RIPIN

Fakulti Tamadun Islam,
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Skudai, Johor Darul Takzim.

Tel.: 019-7352579/ 017 9393931

Email: nasiripin@utm.my

Jabatan Al-Quran & Hadith,

Akademi Pengajian Islam

Universiti Malaya

Kuala Lumpur

Tarikh: Khamis, 1 Disember, 2016

(1 Rabiul Awwal 1438H)

JADUAL KANDUNGAN

Halaman Judul	i
Perakuan Keaslian Penulisan	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Isi Kandungan	vii
Senarai Kependekan	xvi
Transliterasi	xix

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	PENGENALAN	1
1.2	LATAR BELAKANG MASALAH	3
1.3	PERNYATAAN MASALAH	12
1.4	OBJEKTIF KAJIAN	14
1.5	PERSOALAN KAJIAN	15
1.6	PENGERTIAN TAJUK	16
1.7	SKOP DAN LIMITASI KAJIAN	18
1.8	METODOLOGI KAJIAN	21
	1.8.1 Metode Penentuan Subjek	21
	1.8.1.1 Kisah anbiya	21
	1.8.1.2 Pembangunan Modal Insan	22
	1.8.1.3 Keusahawanan	23
	1.8.2 Metode Kutipan Data	23
	1.8.2.1 Kajian Kepustakaan	24
	1.8.2.2 Temubual	24
	1.8.3 Metode Analisis Data	25
	1.8.3.1 Analisis Induktif	25

1.8.3.2	Analisis Deduktif	26
1.8.3.3	Analisis Komparatif	27
1.8.4	Sistematika Penulisan	28
1.9	TINJAUAN LITERATUR	29
1.10	KEPENTINGAN KAJIAN	40
1.11	KESIMPULAN	42
BAB 2 ANBIYA DALAM AL-QURAN BERKAITAN KEUSAHAWANAN		
2.1	Pengenalan	43
2.2	Anbiya Dalam Al-Quran	47
2.3	Anbiya Berkaitan Keusahawanan	52
2.3.1	Konsep Keusahawanan	52
2.3.2	Anbiya Sebagai Usahawan	57
2.3.3	Konsep Keusahawanan Anbiya	62
	1. Manusia Sebagai Pengusaha	63
	2. Allah Menyediakan Sumber	65
	3. Islam Menggariskan Aturan	68
	4. Allah Menganugerahkan Ganjaran	72
2.4	Bidang Keusahawanan Anbiya	76
2.4.1	Terlibat Bidang Ternakan	78
2.4.2	Anbiya Sebagai Pakar Ekonomi	82
2.4.3	Terlibat Dengan Sektor Pembuatan	85
2.4.4	Anbiya Sebagai Pemantau Aktiviti Keusahawanan	90
2.5	Penarafan Aktiviti Keusahawanan	97
2.5.1	Aktiviti keusahawanan sebagai ibadat	97
2.5.2	Keusahawanan sebagai suatu pekerjaan dan sumber rezeki	99

2.5.3.	Aktiviti keusahawanan sebagai berjihad pada jalan Allah	101
2.6	Kesimpulan	103

BAB 3 KONSEP PEMBANGUNAN MODAL INSAN MENURUT ANBIYA

3.1	Pengenalan	105
3.2	Insan dan Pembangunan	107
3.2.1	Hakikat Insan	107
1.	Unsur Jasmani	108
2.	Unsur Rohani	110
3.2.2	Konsep Pembangunan	119
3.3	Konsep Pembangunan Modal Insan	125
3.4	Implementasi Konsep Pembangunan Modal Insan	134
3.4.1	Pembangunan Modal Insan sebagai Proses	134
1.	Merealisasikan tugas hamba dan khalifah	135
2.	Proses pemenuhan tuntutan insan	141
3.	Proses melaksanakan jihad	156
3.4.2	Pembangunan Modal Insan Sebagai Keadaan	159
3.4	Kisah Anbiya dan Pembangunan Modal Insan	166
3.4.1	Konteks Pembangunan Individu	167
3.4.2	Konteks Pembangunan Keluarga	173
3.4.3	Konteks Pembangunan Organisasi	177
3.5	Kesimpulan	185

BAB 4 PROSES PEMBANGUNAN MODAL INSAN MENURUT METODE

KISAH ANBIYA

4.1	Pengenalan	187
------------	-------------------	------------

4.2	Metode Pembangunan Modal Insan	188
4.2.1	Pendekatan Persekitaran	189
4.2.2	Teknik Teladan	196
	1. Teknik Penceritaan	198
	2. Teknik Tamsilan	202
4.2.3	Teknik Amal Soleh	209
4.2.4	Teknik Motivasi	220
	1. Berita Gembira dan Khabar Menakutkan	223
	2. Anjuran Makruf dan Tegahan Mungkar	229
4.2.5	Jihad	231
4.2.6	Praktis Kemahiran	239
4.2.7	Teknik Penilaian	248
4.3	Kesimpulan	257

BAB 5 HASIL PEMBANGUNAN MODAL INSAN ANBIYA: MUSLIHIN DAN MUFSIDIN

5.1	Pengenalan	259
5.2	Ciri-ciri Modal Insan Muslih	261
5.2.1	Bertauhid Dengan Allah	261
5.2.2	Bertawakkal	271
5.2.3	Bertakwa	278
	1. Membuka Jalan Keluar Dari Masalah	282
	2. Membuka Pintu Keberkatan dan Segala Macam Rezeki	284
	3. Mendapat Buah <i>Furqan</i>	285
	4. Mendapat Kemudahan Dalam Urusan	287
	5. Mendapat Pahala dan Menghapus Dosa	287

5.2.4	Bersabar	290
1.	Untung dan Rugi Merupakan Suatu Ujian	295
2.	Bersabar Dengan Usaha Merupakan Jihad	295
3.	Sabar Tanda Kejayaan dan Dikasihi Allah	296
5.2.5	Bersyukur	297
5.2.6	Berilmu	301
5.2.7	Berzuhud	309
5.2.8	Bersikap Adil	317
5.2.9	Profesional	323
5.3	Ciri-ciri Modal Insan Mufsidin	329
5.3.1	Syirik	330
5.3.2	Takbur	338
5.3.3	Berdusta	347
5.3.4	Tamak	355
5.3.5	Zalim	359
5.3.6	Ghafлах	365
5.4	Kesimpulan	373
 BAB 6 RUMUSAN DAN PENUTUP		
6.1	Pengenalan	376
6.2	Prinsip Pembangunan Modal Insan	378
6.2.1	Dari Segi Konsep Atau Kerangka	378
6.2.2	Dari Segi Proses Atau Teknik	388
1.	Aktiviti Keusahawanan Sebagai Bentuk Amal Soleh	389
2.	Keusahawanan Sebagai Amar Makruf dan Nahi Mungkar	393
3.	Keusahawanan Sebagai Cara Berdakwah Dan Berjihad	396

6.2.3	Dari Segi Matlamat Atau Hasil	401
6.3	Model Pembangunan Modal Insan	412
6.4	Penutup	416
	RUJUKAN	424
	LAMPIRAN	

University of Malaya

SENARAI KEPENDEKAN

Dalam penulisan tesis ini, perkataan, frasa atau nama khas yang tertentu hanya ditulis dalam bentuk ringkasan bagi tujuan memudahkan penulisan.

RINGKASAN

MAKSUD

APIUM	:	Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
AS	:	‘Alayh al-Salam
Bhd.	:	Berhad
c.	:	Cetakan
bil.	:	bilangan
Dr.	:	Doktor
ed.	:	Editor
h.	:	halaman
H	:	tahun Hijrah
hb.	:	haribulan
<i>Ibid</i>	:	<i>Ibidem</i> , iaitu rujukan pada tempat, kitab, buku, fasal atau halaman yang sama dengan sebelumnya
Idem	:	Nama penulis yang sama dengan sebelumnya
j.	:	Jilid
juz	:	juzuk
Ltd.	:	Limited
M	:	Masihi
No.	:	Nombor
<i>op.cit</i>	:	<i>Opera-citato</i> , <i>In the work cited</i> , iaitu rujukan atau

buku yang telah diselangi oleh buku atau rujukan
yang lain

pnyt.	:	penyunting
Prof.	:	Profesor
Pte.	:	Private
SAW	:	Sallallahu ‘Alayh wa Sallam
Sdn.	:	Sendirian
SWT	:	Subhanahu wa Ta‘ala
t.t.	:	tiada tarikh
terj.	:	Terjemahan
T.P	:	tiada penerbit
T.TP	:	tiada tempat terbit
UM	:	Universiti Malaya
UTM	:	Universiti Teknologi Malaysia

PANDUAN TRANSLITERASI

1. Huruf

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh</u>	<u>Transliterasi</u>
ء	'	سأل	sa'ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamal
ح	h	حيث	hadīth
خ	kh	خالد	khālid
د	d	ديوان	dīwān
ذ	dh	مذهب	madhhab
ر	r	رحمان	rahman
ز	z	زمزم	zamzam
س	s	سراب	sarāb
ش	sh	شمس	shams
ص	s	صبر	sabr
ض	d	ضمير	damir
ط	t	طاهر	tahir
ظ	z	ظهر	zuhr
ع	'	عبد	'abd
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضى	qādī
ك	k	كأس	ka's
ل	l	لهن	laban

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh</u>	<u>Transliterasi</u>
م	m	مزمار	mizmār
ن	n	نوم	nawm
هـ	h	هبط	habata
و	w	وصل	wasl
ي	y	يسار	yasar

2. Vokal Pendek

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh</u>	<u>Transliterasi</u>
ا	a	فعل	fa'ala
ي	i	حسب	hasiba
و	u	لكتب	kutiba

3. Vokal Panjang

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh</u>	<u>Transliterasi</u>
ا، آ	ā	قضى، لكتب	kātib, qadā
ي	ī	كريم	karīm
و	ū	حروف	hurūf

4. Diftong

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh</u>	<u>Transliterasi</u>
و	aw	قول	qawl
ي	ay	سيف	sayf
يى، ي	iyy	رجعي	raj'iyy/raj'i
و	uww	عدو	'aduww/'adu

PERKECUALIAN

- Huruf Arab (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada (a) bukan (').
Contoh: لكتب Transliterasi: (akbar) bukan ('akbar).
- Huruf Arab ة, ة (ta' marbutah) pada perkataan tanpa (al) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan kepada (t). Contoh: وزارة التعليم. Transliterasi : wizarat al-Ta'lim. Tetapi sekiranya terdapat pada perkataan yang ada ال (al) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir, ta' marbutah ditransliterasikan kepada (h).

Contoh:

المكتب الأهلية

Tranliterasi:

al-maktabah al-ahliyyah

قلعة
دار وبيعة

qal'ah
dar Wahbah

University of Malaya

BAB 1: PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Pembangunan insan merupakan agenda utama manusia sepanjang zaman. Agenda ini menjadi lebih penting dalam era globalisasi kini. Kepentingan ini lantaran manusia berdepan dengan banyak cabaran yang muncul dalam pelbagai bentuk dan lebih kompleks. Tanpa menafikan kejayaan yang dikecapi oleh dunia Barat, arus kemodenan menghumban manusia kepada budaya hidup yang memusatkan agenda utama pembangunan kepada aspek material atau kebendaan tanpa adanya keseimbangan yang tepat dengan aspek spiritual. Implikasi dari ketidak seimbangan ini menyebabkan kehidupan manusia berdepan dengan banyak penyakit sosial seperti keruntuhan institusi keluarga, peningkatan kadar jenayah dan sebagainya. Situasi ini boleh diumpamakan sebagai kemelatan hidup manusia moden.¹

Dalam konteks Malaysia yang sedang menuju untuk menjadi negara maju sepenuhnya tahun 2020, kemajuan yang didambakan adalah dalam acuan kita sendiri. Yakni kemajuan yang merangkumi kedua-dua aspek material dan spiritual. Aspirasi ini diketengahkan oleh pihak kerajaan seperti terungkap dalam 9 cabaran utama negara.² Hasrat ini kemudiannya diperteguhkan lagi oleh Perdana Menteri ketika itu menerusi Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK 9), iaitu untuk membangunkan modal insan yang berintegrasi dan berkualiti. Hakikat ini merupakan petunjuk awal kepada budaya

¹ Seyyed Hossain Nasr umpamanya menggunakan istilah 'The Plight of Modern Man' untuk menggambarkan keadaan ini. Lihat S.H.Nasr (2013), *The Plight Of Modern Man*, Kindle Edition, Lahore: Kazi Publication.

² Lihat '9 cabaran dalam Wawasan 2020,' di <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat>

dan fokus pembangunan yang bersifat holistik.³ Iaitu pembangunan seimbang dan menyeluruh bagi semua aspek kehidupan bersesuaian dengan Malaysia sebuah negara Islam.

Malaysia dengan imej dan slogan untuk membangunkan modal insan kelas pertama telah dijadikan agenda utama sebagai Teras Kedua dalam RMK 9 oleh mantan Perdana Menteri. Penekanan kepada pembangunan modal insan ini merupakan aset utama untuk pembangunan negara dengan pelaksanaannya adalah secara holistik termasuk memiliki keupayaan keusahawanan, pengetahuan sains dan teknologi serta sikap, nilai dan etika positif dan progresif.⁴ Ini bermakna, negara akan maju dan kekal bertahan apabila rakyat atau modal insannya terbangun. Insan terbangun adalah mereka yang seimbang dalam semua aspek termasuk dari segi sahsiah dan kepakaran teknologi.⁵ Modal insan yang seimbang ini menurut Perdana Menteri amat perlu supaya nantinya apabila menjalankan sesuatu pekerjaan, mereka akan melakukan kerja atau pengurusan secara beretika.⁶ Dalam masa yang sama, modal insan bidang kesusahawanan sebagai contoh, perlu cekal berusaha, memiliki ilmu dan keupayaan teknologi, mempunyai jaringan kerjasama serta berdaya saing di peringkat global.⁷ Inilah contoh modal insan yang diperlukan negara lantaran mempunyai asas pegangan yang kukuh serta akhlak yang utuh untuk menghadapi ujian kemajuan dan pembangunan.⁸

³ Yakni, Dato' Sri Abdullah Ahmad Badawi. Lihat '10 Prinsip Islam Hadhari' yang menjadi agenda utama Malaysia, di <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/agama/86-definisi-islam-hadhari>

⁴ Lihat Teras Kedua, "Memperkuh Modal Insan", *Rancangan Malaysia Ke 9*, h. 249, di <http://ww1.utusan.com.my/utusan/SpecialCoverage/RMK9/bahasa/Bab11.pdf>

⁵ Raja Nazrin Shah, "Ucapan sempena Majlis Konvokesyen Kolej Islam Dar ul Ridwan Ke-3," pada 29 Ogos, 2007," di <http://www.rajanzarin.com/html/speeches.php?tahun=2007>

⁶ Abdullah Ahmad Badawi, "Ucapan Perasmian Perayaan Jubli intan Jabatan Perkhidmatan Awan, Pusat Konvensyen Antarabangsa Puterajaya, di <http://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=paklah&id=3223>

⁷ Abdullah Ahmad Badawi, "Ucapan Perasmian Gerak Usahawan Nasional 2009," di Pusat Dagangan Dunia Putra, pada 6 Februari, 2009, di <http://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=paklah&id=3221>

⁸ Ahmad Sarji (2003), *Wawasan 2020 Malaysia, Memahami Konsep, Implikasi dan Cabaran*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 55

Hakikat pembangunan modal insan seimbang ini sebenarnya merujuk kepada penekanan aspek pembangunan menyeluruh sahsiah insan, iaitu dari segi dalaman di samping kemahiran mekanikal atau fizikal. Pembangunan secara menyeluruh atau bersepadu inilah yang ditekankan oleh Islam serta menjadi agenda utama dakwah oleh para nabi. Lantaran itu, Mohamed Khaled Nordin, mantan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menegaskan bahawa graduan yang berteraskan agama adalah modal insan lengkap untuk penuhi kriteria pekerjaan dalam pembangunan negara. Manakala modal insan yang dibangunkan pula seharusnya berupaya memajukan nilai nilai keusahawanan dan perniagaan dalam kalangan generasi baru umat Islam itu sendiri.⁹

Ringkasnya, hala tuju pembangunan negara tidak sekadar pembangunan material tetapi juga pembangunan insan. Manakala pengisian pembangunan insan perlu bersifat sepadu serta seimbang antara material dengan spiritual. Keseimbangan ini juga mestilah melibatkan kepada sumber-sumber atau perspektif pembangunan yang tidak hanya berdasarkan teori binaan manusia seperti amalan Barat, tetapi juga yang lebih utama dari kaca mata agama atau wahyu.

1.2 LATAR BELAKANG MASALAH

Fokus pembangunan negara bagi mencapai status negara maju pada tahun 2020 adalah bersifat holistik dan bersepadu apabila meletakkan juga matlamat melahirkan modal insan kelas pertama yang berorientasikan nilai kerohanian. Konsep bersepadu ini nyata berbeza dengan budaya pembangunan di Barat yang mereng kepada aspek kebendaan.

⁹ Mohamed Khalid Nordin (2009), "Memantapkan Budaya Keusahawanan Di Kalangan Generasi Baru Melalui Sistem Pendidikan Nasional Dan Pengajian Agama: Gagasan dan Cabaran Merealisikannya," Kertas Kerja Kongres Ekonomi Islam Ketiga (KEI-3), Dewan Merdeka, PWTC, Kuala Lumpur, pada 12-15, Januari 2009. Ketika itu, beliau adalah Menteri Pengajian Tinggi dan kini, Menteri Besar Johor.

Sejarah kehidupan manusia yang berorientasikan material sahaja memang tidak pernah puas serta impaknya memelaratkan kehidupan manusia sendiri.¹⁰ Hakikatnya, implikasi buruk dari pembangunan yang tidak mapan berpunca dari manusia sendiri yang tidak mapan. Dalam maksud manusia mungkin mempunyai kemahiran dalam sesuatu bidang pekerjaan, atau mahir berkaitan teknologi, tetapi kosong dalaman, yakni tiada isi aspek spiritualnya. Keadaan ini mungkin kesan dari amalan pembangunan serta budaya yang berpunca dari asas Barat yang salah atau berat sebelah. Iaitu suatu premis yang berorientasikan kepada keupayaan akal manusia semata-mata tanpa bancuhan nilai kerohanian atau agama sepertimana fahaman sekularisme yang sudah bersarang dan diamalkan dalam komuniti Islam sekian lama.¹¹

Kesan buruk fahaman sekularisme boleh dilihat dalam semua aspek kehidupan. Umpamanya, kesan kepada diri manusia sendiri bukan setakat menjadikan manusia sebagai hamba material, malah turut menghapuskan nilai-nilai murni sebagai seorang insan. Kesan ini menyebabkan dunia barat berdepan dengan masalah kemanusiaan yang tidak normal, jika dinisbahkan kepada aspek moral dan kemanusiaan. Stephan R. Covey memaksudkan kepincangan ini sebagai muncul manusia kaya tanpa bekerja kerana manipulasi pasaran, bahagia tanpa pengorbanan kerana sifat tamak dan individualistik,

¹⁰ Sekadar menyebut beberapa contoh kemelatan hidup manusia seperti peperangan, pembuangan bayi, peningkatan indeks jenayah, pencemaran alam sekitar, atau apa yang terangkum dalam istilah jenayah kolar putih. Iaitu kesalahan melanggar peraturan dalam perniagaan, atau pekerjaan yang melibatkan rasuah kepada kakitangan kerajaan, kesalahan jual beli saham, transaksi wang dan sebagainya. Lihat Jackson J.H, Miller R.L, Miller S.G (1997), *Business and Society Today: Managing Social Issues*, New York: West Publishing Co., h. 130.

¹¹ Fahaman yang memisahkan antara hal keduniaan dari hal keagamaan. Barat maju hasil dari ideologi ini dan dengan misi penjajahan yang diamalkan oleh Barat, negara serta umat Islam juga turut terpengaruh dengan fahaman ini. Lihat Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1985), *Islam Secularism and The Philosophy of the Future*, London-New York : Mansell Publishing Limited, h.13 - 46. Juga buku beliau (2010), *Islam dan Sekularisme* (Terj. *Islam and Secularism* oleh Khalif Muammar), Bandung: PIMPIN-Casis, UTM, h.18-21

berilmu tanpa karakter, berniaga tanpa etika, sains tanpa kemanusiaan, beragama tanpa pengorbanan dan berpolitik tanpa prinsip kebenaran.¹²

Ekoran sikap tersebut, Barat turut menyaksikan siri dekandensi moral pekerja melalui beberapa senario yang dilaporkan dalam beberapa penulisan. Umpamanya, kemunculan kes-kes penindasan majikan terhadap pekerja,¹³ penipuan terhadap pengguna,¹⁴ serta isu-isu lain seperti isu alam sekitar yang dikatakan berpunca daripada ketidakprihatinan masyarakat peniaga.¹⁵ Lantaran itu, ahli akademik turut menyuarakan rasa tidak puas hati pengguna terhadap peniaga melalui kajian yang berkaitan dengan aspek keusahawanan.¹⁶

Dalam komuniti Muslim, kesan sekularisme Barat telah mencetuskan tiga masalah besar seperti yang diutarakan oleh S. M. N. al-Attas. Pertama, kekeliruan terhadap konsep ilmu. Kedua, kehilangan adab dalam masyarakat. Ketiga, kemunculan pemimpin palsu yang tidak layak untuk memimpin komuniti Muslim kerana tidak memiliki ketinggian akhlak, intelektual dan kemantapan kerohanian yang disyaratkan dalam kepimpinan Islam.¹⁷ Permasalahan tersebut menjadi dilema berterusan orang Islam yang ditinggalkan penjajah sebagai kenangan.

¹² Stephen R. Covey (1992), *Principle - Centred Leadership*, London: Simon & Shuster, h. 87 - 93. Misalnya, Di Le Roy, Amerika Syarikat, berlaku kecurian terhadap air mani dan emberio lembu dari ladang ternakan Daniel Wenness, Minnosota, kerana bernilai AS70 ribu dolar dan mudah melakukan proses pembiakan. Lihat *Harian Metro*, 13 April, 2015: 45

¹³ Misalnya, Clyde, "Protecting All Employees Against Unjust Dismissal," *Harvard Business Review*, 58 (Jan.Feb. 1980)

¹⁴ Misalnya, Weidenbaum, M. (1996), "Consumers Product Regulation," dalam Joseph R. Des Jardins & John J. McCall (eds) (1996), *Contemporary Issues in Business Ethics*, California: Wadsworth, h. 79-83).

¹⁵ Misalnya, Tom Regan (ed.) (1984), *Earthbound: Introductory Essays in Enviromental Ethics*, New York: Random House.

¹⁶ Misalnya, Preston, I.L (1996), "Reasonable Consumer or Ignorant Consumers? How the FTC Decided", dalam Joseph R. Des Jardins & John J. McCall, (eds). *Contemporary Issues in Business Ethics*, California: Wadsworth, h. 369-376

¹⁷ S.M.N. al-Attas, *Islam Secularism and The Philosophy of the Future*, h.100; Juga *Islam dan Sekularisme*, h. 130

Pandangan di atas memperlihatkan trend budaya hidup yang serupa dalam semua negara umat Islam kesan dari pengaruh dan budaya hidup Barat yang memasuki era moden.¹⁸ Semua gejala tersebut, terutamanya kehilangan adab atau kelunturan akhlak kian ketara dalam dunia Islam termasuk juga di Malaysia. Fenomena ini dirancakkan lagi dengan kemajuan bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang memudahkan peluang dan ruang akses ke serata tempat dan bidang secara maya atas nama proses globalisasi.¹⁹ Dalam istilah Kenichi Ohmae, proses ini merujuk kepada dunia tanpa sempadan.²⁰ Fenomena baru ini mengikat ramai orang dalam suatu wadah perkongsian serta kebersamaan aspek nilai, kepercayaan, praktis dan institusi dengan Samuel Huntington menyebutnya sebagai tamadun universal.²¹ Impak segera globalisasi memperlihatkan wujudnya budaya tiga 'F' yang merujuk kepada *fashion*, *food* dan *fun* dalam cara hidup masyarakat. Semua tiga 'F' ini adalah dengan jenama Barat dengan fesyen global seperti Adidas dan Nike, makanan global seperti seperti KFC dan minuman Pepsi, serta hiburan global seperti filem Spiderman dan James Bond.²² Persepsi umum kepada pengguna semua produk tersebut dianggap mempunyai status atau ada kelas sebagai masyarakat moden.

¹⁸ Misalnya, pemujaan gaya hidup dan materialistik ala barat telah menyebabkan peningkatan ramai orang yang sanggup berhutang menggunakan kad kredit. Agensi Kaunseling dan Pengurusan Hutang (AKPK) dilaporkan telah menyelesaikan sebanyak 7, 103 kes dengan 321, 530 pelanggan yang tidak berupaya menyelesaikan hutang datang mendapatkan kaunseling setakat Februari, 2015, berbanding 309, 663 orang berbuat demikian keseluruhan tahun lalu. Lihat *Harian Metro*, 13 April, 2015: 8

¹⁹ Globalisasi bermaksud proses yang membolehkan aktiviti ekonomi, kebudayaan dan seumpamanya disebarkan ke peringkat global, terutamanya dengan kemudahan jaringan komunikasi yang merujuk kepada dunia tanpa sempadan. Lihat Kenichi Ohmae (1995), *The End of Nation State: the Rise of Regional Economies*. New York: Simon and Schuster Inc, h. 27

²⁰ Istilah globalisasi dikaitkan dengan kuasa ekonomi Jepun, Eropah dan Amerika Syarikat dalam konteks *triad power*, melintasi sempadan negara dalam slogan *beyond national borders* dan *borderless world*. Lihat Kenichi Ohmae, *The End of Nation State: the Rise of Regional Economies*. h. 27; Juga buku beliau (1999), *The borderless world: power and strategy in the interlinked economy*, (rev. ed). New York: Harper Business.

²¹ Samuel P. Huntington (1997), *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*, London: Penguin Books, h. 56

²² Padankan ciri tersebut dengan istilah 'universal civilization' yang tegak atas empat ciri. Pertama, berkongsi nilai asas, institusi dan bentuk famili. Kedua, asas perbandaran dan literasi yang menghilangkan cara hidup primitif dan buta huruf. Ketiga, andaian, nilai dan doktrin merupakan produk Barat dengan ribuan usahawan, banker, intelektual dan staf kerajaan serata dunia bertemu dalam forum antarabangsa fasih berbahasa Inggeris. Keempat, budaya kepenggunaan serata dunia berkiblatkan Barat seperti budaya pemakaian jeans serta minum coke. Lihat Huntington, *Clash of Civilizations*, h. 57-59

Dengan budaya dan ciri tersebut nyata bahawa globalisasi itu sebenarnya lebih dekat kepada proses westernisasi, yakni proses pembaratan.²³ Hal ini kerana wujud upaya Barat untuk melakukan hegemoni ke atas negara lain serta mempunyai kesan kuat ke atas politik, ekonomi, sosial, keselamatan, malah juga agama sesebuah negara.²⁴ Bila keadaan ini berlaku, kita tidak perlu bersusah payah pergi ke barat, cukup dengan hanya berada di timur tetapi menjalankan budaya hidup seperti Barat. Meskipun budaya hidup di atas nampak ketara berlaku dalam aspek sosial, namun berkait rapat dengan bidang lain seperti politik, ekonomi termasuk media. Budaya inilah yang dinamakan sebagai neo imperialisme, yakni penjajahan bentuk baru. Bila ini berlaku, maka manusia akan hilang identiti atau jati diri.

Tiada kesalahan dengan budaya hidup Barat, asalkan tidak bertentangan dengan Islam. Cuma yang dimaksudkan silap apabila impak sekularisme dan globalisasi yang merupakan penjajahan bentuk baru tersebut boleh membawa kepada budaya negatif serta pelbagai bentuk kegawatan insan seperti hilang adab dan nilai kemanusiaan.²⁵ Gejala keruntuhan akhlak ini boleh berlaku dalam semua bidang terutamanya yang menjadi tumpuan kehidupan manusia seperti sektor pekerjaan, perkhidmatan dan perniagaan. Di mana, manusia sanggup melakukan perkara yang bertentangan dengan etika atau nilai murni kemanusiaan semata-mata mahu mendapatkan harta atau pendapatan lebih untuk keperluan hidup.²⁶ Ataupun, mungkin untuk mencapai status

²³ Ayief Fathurrahman, "Globalisasi: Langkah Menuju Westernisasi Global," *Jurnal Akademika*, Vol. 16, no. 1 (2011): 1-17 (<http://stainmetro.ac.id/e-journal/index.php/akademika/article/view/25>)

²⁴ Barat mudah melakukan hegemoni dengan beberapa upaya di peringkat antarabangsa seperti sistem perbankan, kawalan nilai matawang, pengeluar barangan siap dunia, pengguna utama barangan dunia, kawalan maritime dan aerospace, peneraju sistem moral dunia, pendidikan serta penyelidikan dan pembangunan dunia, yang dimudahkan dengan penggunaan bahasa Inggeris. Lihat Huntington, h. 81-82

²⁵ Peniruan terhadap cara hidup ini menepati hakikat bahawa dari aspek lain, Barat sendiri sedang mengalami kegawatan nilai moral yang parah. Lihat Samuel P. Huntington, *Clash of Civilizations* h. 83

²⁶ Yahya Jusoh dan Azahar Muhammad (2005), *Interaksi Harta Dalam al-Qur'an*, Skudai: Penerbit UTM, h. 3

kehidupan moden seperti Barat mendorong manusia melupakan sejenak nilai. Sebenarnya, panduan untuk mengatasi kemelut ini tiada cara lain melainkan dengan kembali kepada budaya hidup yang mengutamakan nilai Islam seperti yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah.²⁷

Dalam konteks Malaysia, kejutan budaya juga berlaku ekoran perubahan arus perdana negara dari tumpuan kepada bidang pertanian kepada ekonomi berorientasikan perindustrian telah menyebabkan muncul budaya negatif dalam mengejar kekayaan. Budaya korporat telah menyebabkan segelintir manusia atas nama usahawan mengamalkan budaya tidak sihat. Ada yang meletakkan matlamat hidup untuk mengejar kekayaan dengan cara mudah sehingga sanggup melakukan jenayah.²⁸ Ada yang mendapat kehidupan selesa boleh menabung harta, namun bersikap individualistik serta berbelanja secara boros dan melampau. Ibarat pandangan mantan Perdana Menterinya, budaya tersebut mendorong kepada penyalahgunaan dalam mencari dan menggunakan harta kekayaan seperti berlaku penipuan, rasuah, pecah amanah, politik wang dan tamak haloba.²⁹

Sekadar contoh, terdapat pengusaha ladang nangka Gold Fruit Enterprise di Sungai Petani, dijatuhi hukuman kerana kesalahan mencuri air milik Syarikat Air Darulaman (SADA).³⁰ Manakala statistik Kementerian Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan tahun 2013, menunjukkan terdapat sebanyak 1,826 kes kesalahan

²⁷ Ibid, h. 3

²⁸ Contohnya, SPRM melalui kenyataan media telah menahan Pengarah Jabatan Kerja Raya Melaka (7 Oktober, 2016) atas dakwaan rasuah dan penggubalan wang haram bernilai RM4 juta, seorang pemilik syarikat kelapa sawit ditahan juga kerana penggubalan wang haram bernilai RM 9 juta (26 September, 2016) dan seorang individu dicari berkaitan penjualan kereta klon (5 Oktober, 2016). Lihat <http://www.sprm.gov.my/index.php/arkib-kenyataan-media/>

²⁹ Lihat detail dalam Mahadhir Muhammad (1999), *Kebangkitan Semula Asia*, Subang Jaya: Pelanduk Publication

³⁰ Pengusaha berkenaan didenda RM 20 ribu. Lihat www.span.gov.my/index.php/en/pengusaha-ladang-didenda-rm20-000

urusniaga dengan jumlah kompaun RM230,360.³¹ Dalam sektor perkhidmatan pula, statistik menunjukkan sebanyak 3,086 kes berkaitan aduan serta salah urus syarikat pengendali umrah yang melibatkan nilai kerugian mencecah RM17.5 juta semenjak tahun 2012 hingga 2015.³² Logiknya, pegawai atau syarikat yang menguruskan hal ehwal jemaah haji atau umrah tidak silau dengan kemewahan harta dan melakukan penipuan. Hal ini lantaran mereka lebih terdidik dan banyak berbicara soal keikhlasan, dosa, pahala dan persediaan hidup akhirat. Budaya memberikan perkhidmatan dan kepenggunaan begini nyata tidak selaras dengan etika Islam yang mementingkan kesejahteraan hubungan antara manusia dan keredaan Allah.³³

Pernah berlaku dalam sejarah keusahawanan di Malaysia, kes salah laku berkaitan peristiwa penyelewengan dalam Bumiputera Malaysian Finance (BMF) sekitar tahun 1983, yang membawa kepada pembunuhan.³⁴ Isu hampir serupa turut juga berlaku dalam perkembangan mutakhir ini. Sekadar contoh, antara isu utama aspek keusahawanan di Malaysia menurut laporan pada tahun 2012, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ialah isu Timbalan Pengarah Jabatan Landskap dan Taman, Perbadanan Putrajaya melantik syarikat Kenas Prima Sdn. Bhd. untuk kerja-kerja penyelenggaraan Taman Putra Perdana di Presint 1, Putrajaya; isu rasuah Pengurus Besar Kanan Sime Darby Engineering Sdn. Bhd., serta isu Bekas Naib Pengerusi Koperasi Pegawai Kerajaan Selangor dan Wilayah Persekutuan (KOSWIP), menerima

³¹ <http://www.kpdnkk.gov.my/images/KPDNKK/PDF/statistik/penguatkuasaanpemeriksaan13.pdf>

³² Shafiee Md Tarmudi dan Muhammad Ismail Pahmi (2016), "Perkhidmatan Pengendali Umrah: Peluang Untuk Membantu Atau Menipu" dalam *Kolokium Keusahawanan 2016* (Sunt. Jaslin Dahlan et.al), Segamat: UiTM Cawangan Johor, h. 127-129. Untuk rekod, Muka Depan *Utusan Malaysia*, (24 Jan, 2002) melaporkan kes pecah amanah dua pegawai Tabung Haji yang sabit kesalahan dan dipenjarakan.

³³ Lihat huraian etika kepenggunaan Islam oleh Mohd Zaid Mustafar dan Joni Tamkin Borhan, "Muslim Consumer Behavior: Emphasis on Ethics from Islamic Perspective," *Middle-East Journal of Scientific Research*, 18 (9), (2013): 1301-1307

³⁴ Jalil Ibrahim, Ketua Juruaudit, Bank Bumiputera Malaysia Berhad mati dibunuh di Hong Kong pada 18 Julai 1983, dikatakan gara-gara mendedahkan penyelewengan yang melibatkan BMF yang kerugian lebih kurang RM2,500 juta. Lihat Wan Sabri Wan Hussin "Mengurus Perniagaan Melalui Etika: Satu Perspektif Pembangunan Usahawan Yang Berjaya," Kertaskerja Seminar Keusahawanan Islam peringkat Kebangsaan, APIUM, anjuran Jabatan Syariah dan Pengurusan pada 6 September, 2005, h. 12. Detail skandal lihat Zakry Abadi (1983), *Skandal BMF Pedih dan Memalukan*, Kuala Lumpur: Gatra Jaya

suapan iaitu cek bernilai RM100,000 daripada Pengarah Urusan CAE Technologies Sdn. Bhd. Isu lain pula mengenai Pengurus Besar Guthrie Furniture memperoleh 16 keping cek yang bernilai RM17,600 dan sekeping cek bernilai RM5,000 serta dua keping tiket penerbangan MAS bernilai RM3,449 dari syarikat Hala Sdn. Bhd. dan syarikat Saluran Harapan Sdn. Bhd. Sebagai suapan bagi mendapatkan kontrak membekal perabot.³⁵

Kes-kes di atas berupa contoh gambaran kerendahan modal insan yang terlibat dengan sektor keusahawanan. Iaitu gambaran kepada kekosongan nilai kerohanian dan mencari harta dengan cara tidak baik. Namun, umum sedar bahawa antara isu terhangat ketika itu adalah isu skandal penyelewengan pinjaman mudah kerajaan dalam projek National Feedlot Cooperation (NFC).³⁶ Meskipun berupa skandal, namun pasti wujud sesuatu perkara yang menyebabkan isu tersebut menjadi perhatian dan tarikan umum, terutama pihak politik pembangkang. Manakala isu ususniaga dengkel terkini muncul apabila SPRM telah menahan empat individu termasuk dua pegawai kanan Jabatan Air Sabah serta dua ahli perniagaan dengan rampasan bernilai lebih RM 100 juta atas dakwaan salah guna kuasa memberikan tender prasarana kepada syarikat yang ada

³⁵ Lihat Kes Kejayaan Pendakwaan, *Laporan Tahunan 2012 SPRM*, Kuala Lumpur: SPRM, h. 65-70

³⁶ NFC atau Pusat Fidlot Nasional merupakan suatu badan milik Syarikat Agro Science Industries Sdn Bhd yang berkaitan dengan partisipasi Kerajaan Malaysia. Isu timbul apabila pemiliknya suami kepada menteri Wanita, Pembangunan dan Keluarga memenangi tender pemeliharaan lembu di atas tapak seluas 5000 ekar tanah di Gemas, Negeri Sembilan dengan kemudahan pinjaman berjumlah RM 250 juta. Isu lain ialah berlaku percanggahan fakta daripada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani pada 31 Okt, 2011, yang menyatakan pinjaman NFC belum disalurkan, tetapi jawapan bertulis Perdana Menteri kepada Dewan Rakyat keesokannya, menyatakan setakat Julai, 2011, sebanyak RM 181.9 juta geran sudah disalurkan. NFC juga didakwa telah menggunakan dananya untuk membeli kondominium One Menerung, Bangsar berharga RM 8.9 juta serta kondominium mewah di Singapura berharga RM 9.9 juta, bukan berniaga lembu. Pada 30hb Dis., 2011 seorang ahli perniagaan ditahan atas dakwaan cuba menipu Pengarah NFC berjumlah RM1.7 juta. Detail di <http://nfcorp.com.my/index.php/about/> ; Lihat Perutusan Ketua Pesuruhjaya, *Laporan Tahunan 2012 SPRM*, Kuala Lumpur: SPRM, h. 4; Kes Kejayaan Pendakwaan, h. 65-70 (<http://www.sprm.gov.my/>)

kaitan dengan keluarga melibatkan bajet kerajaan berjumlah 3.3 bilion semenjak tahun 2010.³⁷

Berdasarkan senario di atas atau kewujudan budaya negatif yang dilakukan oleh usahawan dalam sebuah negara Islam seperti Malaysia ini, seolah-olah menggambarkan bahawa bidang keusahawanan amat asing dengan Islam yang serba indah. Islam atas sifatnya yang syamil tampil menjawab semua persoalan umat termasuk berkaitan keusahawanan. Salah laku para usahawan yang bergelumang dengan naluri ingin memberikan perkhidmatan terbaik atau mengaut keuntungan maksimum menyebabkan kerjaya bidang keusahawanan diiktiraf sebagai salah satu cabang jihad.³⁸ Justeru, amalan dan transaksi bidang keusahawanan ini perlu berada pada landasan yang tepat. Ketepatan transaksi perniagaan amat berkait rapat dengan pelaku atau modal insan berkaitan keusahawanan itu sendiri.

Dalam konteks ini, kejayaan dan kegagalan sebuah organisasi atau seseorang individu banyak bergantung kepada pelaku atau diri seseorang individu yang bekerja dalam organisasi itu sendiri. Begitu juga dengan kejayaan atau kegagalan seseorang usahawan banyak bergantung kepada kekuatan dalaman atau nilai intrinsiknya, di samping faktor lain.³⁹ Kajian terhadap sekumpulan lebih 200 usahawan mendapati faktor kejayaan mereka ditunjangi sifat ketekunan dan kesederhanaan. Manakala kegagalan pula berkait rapat dengan dengan nilai dalaman yang lemah serta kehilangan

³⁷ Lihat kenyataan Media Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), SPRM, Dato' Azam Baki pada 5hb Oktober, 2016, di <http://www.sprm.gov.my/index.php/arkib-kenyataan-media/>

³⁸ Muhammad Ali Haji Hashim, (2003), *Bisnies Satu Cabang Jihad*, Kuala Lumpur: Utusan Publication

³⁹ Wan Sabri Wan Hussin, "Mengurus Perniagaan Melalui Etika", h. 7. Kekuatan dalaman diri sebagai asas kejayaan ini pernah diperkatakan oleh Pengasas Genting Group merangkap hartawan Asia, Tan Sri Lim Goh Tong sehingga berjaya menjadikan Genting Highlands Resort sebagai pusat hiburan dan percutian terkemuka dunia. Meskipun perniagaannya tidak selaras dengan Islam, tetapi kejayaannya berkaitan kekuatan dalaman seseorang. Antara tips kejayaannya seperti merendah diri, bersopan santun, menghormati orang lain, bekerja keras, berani menanggung risiko dan tidak bermain kotor dalam perniagaan. Lihat Lim Goh Tong, (2004), *Cerita Saya*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications; Juga di <http://www.usahawan.com/tokoh-perniagaan/rahsia-kejayaan-tan-sri-lim-goh-tong.html>

adab yang bertentangan dengan ajaran Islam yang dianuti.⁴⁰ Dapatan ini membuktikan bahawa kejayaan dan kegagalan sesebuah organisasi termasuk aspek keusahawanan adalah banyak berkaitan dengan modal insan itu sendiri.⁴¹

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Mengapa pembangunan modal insan dari perspektif al-Quran? Al-Quran dengan ramuan serba lengkap sebagai wahyu adalah jawapan kepada berbagai kepincangan berkaitan dengan salah laku usahawan di atas. Salah laku tersebut menggambarkan wujud satu ruang kosong dari aspek dalaman, bukan dari aspek kemahiran menjalankan aktiviti keusahawanan. Justeru, kekosongan nilai dalaman tersebut perlu kepada panduan al-Quran. Dalam rangka mencari jalan penyelesaian kepada kekosongan tersebut, kehebatan Barat sendiri yang mengagumkan kehebatan akal manusia tidak berupaya mengatasi kemelut ini. Mereka sebaliknya pua menyarankan penyelesaian menerusi nilai kerohanian. Hakikat ini pasti menyentuh dhamir Muslim yang mempunyai sumber wahyu, apabila Stephen R. Covey dalam kesimpulan bukunya secara terbuka telah berakur: "I believe that there are parts to human nature that cannot be reached by either legislation or education, but require the power of God."⁴²

⁴⁰ Berdasarkan kajian terhadap nilai, sikap dan hala tuju peniaga Melayu oleh Wan Sabri Wan Husin. Lihat ibid, h. 11; Juga lihat S.M.N. al-Attas, *Islam dan Sekularisme*, h. 129

⁴¹ Barat menyelesaikan kemelut moral manusia dengan beberapa siri pendekatan pengurusan dan etika. Bermula dengan pengurusan saintifik, sistem, organisasi sehingga kepada pendekatan manusia mengurus manusia. Lihat misalnya, Peter Drucker (1988), "The Coming of the New Organization," *Harvard Business Review*, January-February. Namun, lantaran tumpuan untuk mengaut keuntungan, maka pendekatan etika terpaksa digunakan bagi menangani nilai dalaman manusia. Lihat misalnya, Friedman, M. (1970), "The Social Responsibility of Business Is to Increase Profits," *Times Magazine*, New York, September 13. Dari perspektif etika, lahir pemikiran etika berasaskan hasil seperti teleologikal, dan etika berasaskan motif seperti deontologi, misalnya teori utilitarianisme oleh Jeremy Bentham dan John Stuart Mill. Teori etika tersebut kemudiannya digunakan dalam perniagaan. Lihat misalnya, Ferrell, O.C., Gresham, L.G., & Fraderich, J. (1989), "A Synthesis of Ethical Decision Models for Marketing," *Journal of Macromarketing*, Fall, h.58-59.; Jackson J.H, Miller R.L, Miller S.G, *Business and Society Today: Managing Social Issues*, New York: West Publishing Co. Meskipun mempunyai nilai dalaman yang serupa dengan Barat, pendekatan Islam agak berbeza.

⁴²Lihat Stephan R. Covey (1989), *The 7 Habits of Highly Effective People*, New York: Simon & Schuster, h. 319

Dalam konteks yang sama, Khurshid Ahmad menyokong jalan penyelesaian terbaik adalah dari kaca mata wahyu dan dengan berpandukan model terbaik manusia iaitu para nabi. Kata beliau:

The Islamic Ummah is today engaged in a struggle to re-establish its true ideological identity in a world steeped in secularism and worship of wealth, technology and power. Islam is not averse to wealth, technology or power; but it refuses to pursue these as goals and objects of human life. They are useful only as long as they remain means and instruments in the service of sublime goals and objectives of life - the pursuit of Godliness and establishment of a social order based on justice and brotherhood. When these means begin to be looked upon as ends, that paves the way for disaster. Such is the predicament of mankind today. In this context, Islamic resurgence represents a movement to rebuild human society on values of *Tawhid*, *Taqwa*, and *'Adl*. The inspiration for this historic struggle cannot come but from the life of the prophet, peace be upon him.⁴³

Kenyataan di atas jelas menunjukkan bahawa usaha pembangunan dan kemajuan hidup merupakan satu keperluan dan lumrah bagi manusia. Bagaimanapun, manusia terlupa status serta fungsi mereka serta nilai pembangunan itu sendiri. Kesannya manusia tenggelam dalam arus kemajuan. Bagi mengatasi masalah ini manusia perlu berpegang kepada ajaran agama di mana para nabi merupakan modelnya. Dalam konteks ini, Hisham Altalib menjelaskan kepentingan para nabi apabila beliau merujuk kepada fungsi anbiya Allah sebagai model untuk manusia. Mereka menunjukkan kepada kita cahaya yang menerangkan persoalan apa dan kenapa kepada penyelesaian bagaimana cara. Tambahan pula, di samping mempunyai ilmu, para anbiya juga dibekali Allah dengan hikmah.⁴⁴ Lantaran itulah kisah anbiya itu menjadi teladan dan

⁴³Khurshid Ahmad, 'Foreword' buku Zakaria Bashier (1990), *Sunshine at Madinah: Studies in the Life of the Prophet Muhammad*. Liecester : The Islamic Foundation, h. 9

⁴⁴ Hisham Altalib (1991), *Training Guide For Islamic Workers*. Herndon: International Institute of Islamic Thought, h. 43.

peringatan sangat berguna kepada manusia. Hal ini kerana pada kisah mereka itu terdapat pengajaran yang berguna, terutamanya kepada kalangan intelektual.⁴⁵

Jadi, isu utama yang menimbulkan persoalan etika serta salah laku berkaitan keusahawanan berpunca dari manusia atau pelaku keusahawanan itu sendiri. Salah laku tersebut seperti pecah amanah, mencari kekayaan secara salah dan lain-lain membuktikan wujudnya satu ruang kosong berkaitan nilai dalaman usahawan itu sendiri. Lantaran itu, penyelesaian kepada isu kerendahan etika tersebut perlu diselesaikan dengan cara membangunkan modal insan yang bertepatan dengan kehendak Islam menerusi amalan jurulatihnya, yakni para nabi.

Persoalannya, apakah konsep pembangunan modal insan menurut perspektif Islam, khususnya para anbiya' seperti penjelasan al-Quran? Apakah ciri modal insan yang terbangun? Apakah pula ciri modal insan yang tercela? Apakah prinsip atau pendekatan untuk membangunkan modal insan? Jawapan kepada semua persoalan ini memerlukan kajian yang lebih mendalam terhadap kisah anbiya. Iaitu dengan tumpuan terhadap *Kisah anbiya dalam al-Quran: Kajian perspektif pembangunan modal insan berteraskan keusahawanan*.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah:

1. Mengenal pasti kisah anbiya dalam al-Quran yang berkaitan dengan bidang keusahawanan

⁴⁵ Surah Yusuf, 12: 111, bermaksud: "Sesungguhnya pada kisah mereka itu terdapat pengajaran yang berguna bagi kaum yang mahu berfikir."

2. Menjelaskan konsep pembangunan modal insan berdasarkan kisah anbiya dalam al-Quran secara komprehensif
3. Menerangkan proses pendekatan anbiya untuk membangunkan modal insan berkaitan keusahawanan
4. Membezakan ciri modal insan berkaitan keusahawanan yang terbangun dengan modal insan yang tidak terbangun berdasarkan kisah anbiya dalam al-Quran
5. Mengemukakan prinsip pembangunan modal insan berkaitan keusahawanan berasaskan kisah anbiya dalam al-Quran.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah kisah anbiya dalam al-Quran yang berkaitan dengan keusahawanan?
2. Bagaimanakah konsep pembangunan modal insan berdasarkan kisah anbiya dalam al-Quran secara komprehensif?
3. Apakah proses pendekatan anbiya untuk membangunkan modal insan berkaitan keusahawanan?
4. Sejauhmanakah perbezaan ciri modal insan yang terbangun dengan modal insan yang tidak terbangun berdasarkan kisah anbiya dalam al-Quran?

5. Bagaimanakah prinsip pembangunan modal insan berkaitan keusahawanan berasaskan kisah anbiya dalam al-Quran?

1.6 PENGERTIAN TAJUK

Kajian ini bertajuk ‘Kisah Anbiya Dalam al-Quran: Kajian Perspektif Pembangunan Modal Insan Berteraskan Keusahawanan.’⁴⁶ Maksudnya, kajian ini adalah tertumpu kepada pembangunan modal insan berkaitan keusahawanan yang berdasarkan kisah anbiya dalam al-Quran.⁴⁷ Fokus utama adalah kepada pembangunan modal insan berdasarkan kisah anbiya dalam al-Quran. Bagaimanapun, pembangunan modal insan terlalu luas, maka kisah anbiya berkaitan keusahawanan sahaja yang dikaji. Untuk mendapat lebih kejelasan, beberapa frasa tajuk perlu difahami.

Maksud ‘Kisah Anbiya Dalam al-Quran,’ merujuk kepada semua kisah berkaitan dengan anbiya yang dirakamkan oleh al-Quran. Yakni semua kisah anbiya serta yang berkaitan seperti kaum mereka dan seumpamanya. Kandungan al-Quran merangkumi pelbagai kisah.⁴⁸ Ada kisah berkaitan anbiya dan kisah-kisah lain.⁴⁹ Namun, hanya kisah anbiya serta yang berkaitan sahaja yang akan dikaji. Ini kerana kisah anbiya merupakan sebaik-baik kisah diwahyukan oleh Allah untuk pengajaran manusia.⁵⁰ Dengan ini

⁴⁶ Istilah anbiya berasal dari bahasa Arab, *anbiya*, telah digunakan oleh *Kamus Dewan* sebagai anbia. Dalam kajian ini digunakan sebagai anbiya, merujuk kepada para Nabi dalam al-Quran. Lihat *Kamus Dewan*, Edisi Keempat, entri anbia, di <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=anbia>. Nama-nama nabi digunakan dalam sebutan Melayu. Manakala al-Quran, juga berasal Dari Arab, *al-Qur'an* telah diMelayukan oleh *Kamus Dewan*. Lihat entri Quran.

⁴⁷ Sama ada dicatat atau tidak, apabila disebut nama anbiya perlu diiringi dengan selawat ke atas mereka

⁴⁸ Dikatakan kandungan al-Quran terbahagi 3 aspek utama iaitu akidah, syariat, dan berkaitan kisah-kisah. Dua pertiga kandungannya adalah berkaitan kisah. Lihat Fauzi Saleh (2012), ‘Fikih Peradaban Dalam Kisah al-Qur’an, *Al-Mu’ashirah*, Vol. 9, No. 1, (JAN., 2012):39-48; M. Syuaib al-Faiz dan Thoriq Abdul Aziz At-Tamimi (2012), ‘Pengantar Penterjemah’ buku *Hikmah Kisah-kisah Dalam al-Quran* (Abdul Karim Zaidan, *Al-Muṣṭafād Min Qaṣaṣ al-Qur’ān*), 2 jilid, Jakarta Timur: Dār us Sunnah Press, h. vii

⁴⁹ Ṣalāh al-Khālīdī (1998), *al-Qaṣaṣ al-Qur’ānī*, 4 jilid, Dimasyq: Dār al-Qalam, h. 1: 28

⁵⁰ Surah Yūsof, 12: 3

bermakna, kisah lain dalam al-Quran, serta kisah anbiya yang terdapat dalam sumber bukan al-Quran tidak akan dikaji dan hanya diteliti, jika perlu sebagai sokongan.

Frasa ‘Perspektif Pembangunan Modal Insan’ bermaksud fokus utama kajian ini adalah perbincangan dari sudut tersebut.⁵¹ Iaitu segala kisah anbiya akan dikenalpasti dan analisisnya akan dihuraikan mengikut skema pembangunan modal insan. Tema pembangunan modal insan merupakan keutamaan al-Quran dan dakwah anbiya. Lantaran itu, kajian ini menggunakan konsep pembangunan modal insan dalam konteks pemakaian al-Quran tersebut. Dengan fokus ini, ada ketika perbincangan berkaitan aspek pembangunan modal insan tidak semestinya berkaitan dengan keusahawanan secara khusus, tetapi perlu dibincangkan kerana menepati perspektif kajian. Sementelahan pula, pembangunan modal insan merupakan tema umum yang terpakai kepada semua bidang termasuk keusahawanan.

Manakala frasa akhir ‘Berteraskan Keusahawanan’ bermaksud tumpuan atau penjurusan kajian adalah pembangunan modal insan berkaitan keusahawanan sahaja.⁵² Tema pembangunan modal insan yang dikandung oleh al-Quran terlalu luas, namun kajian ini hanya menumpukan perbincangan kepada modal insan yang berkaitan dengan aspek tersebut sahaja. Ini bererti, segala perkaitan perlakuan insan dengan keusahawanan seperti pencarian rezeki serta penggunaannya termasuk dalam maksud kajian ini. Namun begitu, tema pembangunan modal insan yang berkaitan dengan aspek

⁵¹ Pembangunan modal insan bermaksud suatu set aktiviti pembelajaran yang bersistematik dan dirancang oleh organisasi untuk keperluan ahli untuk mempelajari kemahiran yang diperlukan bagi memenuhi tuntutan kerja sekarang dan pada masa depan. Lihat Werner, Jon M. & DeSimone, Randy L. (2006), *Human Resources Development*, Australia-US: Thomson South-Western, h. 5.

⁵² Keusahawanan lahir dari perkataan usaha, yakni daya upaya atau ikhtiar atau kegiatan seseorang usahawan untuk melaksanakan sesuatu pekerjaan atau kemahiran. Lihat *Kamus Dewan*, Edisi Keempat, entri keusahawanan, di <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=keusahawanan>. Hari ini istilah keusahawanan sinonim dengan *entrepreneurship* yang bermaksud kemahiran menjalankan perniagaan terutama dalam mencari peluang. Lihat *Cambridge Dictionary*, entri *entrepreneurship* di <http://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/entrepreneurship>. Detail akan diterangkan dalam Bab 2 tajuk ‘Anbiya dan Keusahawanan’

jasmani, rohani, akal, hati dan nafsu, adakalanya nampak terpisah dari aspek keusahawanan, tetapi perlu dibincangkan kerana mempunyai kaitan secara tidak langsung dengan frasa ‘Berteraskan keusahawanan.’

Ringkasnya, maksud kajian ini dengan kata lain boleh difahami sebagai ‘pembangunan modal insan berkaitan keusahawanan berdasarkan kisah anbiya dalam al-Quran.’

1.7 SKOP DAN LIMITASI KAJIAN

Kajian ini memberikan tumpuan kepada persoalan utama berikut:

1. Fokus kajian hanya terhadap kisah anbiya dalam al-Quran yang berkaitan keusahawanan seperti kisah Adam, Nuh, Hud, Saleh, Ibrahim, Lut, Yusof, Syuaib, Ayub, Musa, Daud, Sulaiman dan Nabi Muhammad SAW serta yang berkaitan dengan mereka. Kisah anbiya lain serta kisah-kisah lain disentuh setakat mana wujud perkaitan dengan skop kajian sahaja.
2. Konsep pembangunan modal insan menurut al-Quran adalah secara holistik yang menggambarkan insan sebagai makhluk terbaik berdasarkan kisah anbiya. Konsep ini berbeza dengan skema pembangunan modal insan konvensional yang hanya menjurus kepada manfaat pekerja serta organisasi, tanpa sentuhan terhadap institusi keluarga dan masyarakat, apa lagi aspek kerohanian.
3. Pembentangan metode pembangunan modal insan menurut pendekatan anbiya khususnya berkaitan keusahawanan. Kajian hanya mengenal pasti pendekatan

yang digunakan oleh anbiya untuk menunjukkan proses membangunkan modal insan sahaja, tanpa melibatkan komponen implementasi metode tersebut terhadap bidang keusahawanan secara khusus atau penerapan lain-lain aspek berkaitan keusahawanan seperti kemahiran berniaga dan sebagainya.

4. Penerangan terhadap modal insan muflihun berkaitan keusahawanan yang dari sudut ciri-ciri atau sifat sahaja bagi menggambarkan keadaan terbangun untuk membezakan dengan keadaan atau ciri modal insan yang tidak terbangun, terutama dari sudut sifat kerohanian berdasarkan kisah anbiya dalam al-Quran berkaitan dengan keusahawanan. Perspektif lain seperti kemahiran mengendalikan bidang keusahawanan, pengurusan dan sebagainya tidak dianalisis.
5. Penyusunanaturan prinsip pembangunan modal insan berkaitan keusahawanan berasaskan kisah anbiya dalam al-Quran dari segi kerangka, proses dan dari segi matlamat.
6. Skop kajian perlu dibaca dalam limitasi berikut:
 - i. Terbatas setakat kisah yang dirakamkan oleh al-Quran sahaja, yakni bertepatan dengan tajuk kajian. Sumber-sumber lain berkaitan topik kajian seperti dari sunnah, tafsir atau buku-buku hanya bersifat sokongan dan tidak semestinya dirujuk, meskipun terdapat kisah berkaitan anbiya. Justeru, kajian ini banyak merujuk kepada ayat al-Quran sebagai sumber utama dan sumber lain sebagai sokongan.

- ii. Hasil dapatan bersifat kerangka idea atau falsafah pemikiran dalam skop pembangunan modal insan, bukan menjurus kepada aplikasi, proses pelaksanaan program pembangunan modal insan, mahupun berkaitan keusahawanan seperti bidang dan kemahiran mengendalikan perniagaan.
- iii. Jangkauan anbiya seramai 25 orang terlalu luas. Kisah yang disentuh bersifat sampel kes sahaja, dan terhad kepada anbiya serta kes berkaitan sahaja dengan keusahawanan sahaja, bukan semua anbiya. Sampel kajian melibatkan ramai anbiya dan tidak fokus kepada nabi tertentu seperti nabi Muhammad SAW sahaja kerana umum mengetahui Baginda cukup terkenal dengan perniagaan. Kajian ini ingin membuktikan bahawa ramai lagi anbiya terlibat dengan bidang keusahawanan, di samping Baginda sendiri.
- iv. Penggunaan istilah atau terminologi semasa bersabit pembangunan modal insan seperti latihan atau penilaian, atau keusahawanan seperti modal, keuntungan dan lain-lain akan digunapakai setakat keperluan sahaja, bukan satu kemestian.
- v. Al-Quran dan anbiya dikenali sebagai kitab suci untuk panduan dan hidayah keagamaan, bukan teks dan pakar rujuk bidang keusahawanan. Lantaran itu, kajian ini harus dibaca dalam limitasi tersebut.

1.8 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bersifat analisis dokumen menggunakan metode atau pendekatan kualitatif kepada kandungan al-Quran.⁵³ Pendekatan kajian ini adalah secara:

1.8.1 Penentuan Subjek

Pengkaji menggunakan metode penentuan subjek mengikut tema berikut:

1.8.1.1 Kisah anbiya

Terdapat kisah 25 orang anbiya yang dirakamkan oleh al-Quran. Ada tiga cara penentuan digunapakai.

- i. Kata kunci ayat atau perkataan yang berkaitan dengan kisah. Misalnya perkataan ‘naquṣṣu’⁵⁴ dan ‘al-Qaṣaṣ’⁵⁵ pada surah.
- ii. Kata kunci ayat atau surah berkaitan dengan anbiya serta rasul atau nama mereka. Misalnya perkataan ‘rusulan’⁵⁶ atau nama seperti ‘Mūsā’⁵⁷ dalam ayat serta perkataan ‘al-Anbiyā’ dan ‘Hūd’ sebagai surah.⁵⁸
- iii. Kata kunci ayat atau surah yang menggambarkan ‘perkaitan’ dengan kisah anbiya seperti kaum mereka, pengikut, penentang, balasan, dan seumpamanya.⁵⁹

⁵³ Menepati metode penyelidikan kualitatif dalam konteks analisis kandungan yang berupa kes atau peristiwa dalam kisah anbiya. Lihat Ahmad Sunawari Long (2006), *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, UKM, h. 26; Juga Syed Arabi Idid (1992), *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 106

⁵⁴ Surah Yūsof, 12: 3

⁵⁵ Surah al-Qaṣaṣ, 28.

⁵⁶ Surah al-Nisa’, 4: 165; al-Taubah, 9: 128

⁵⁷ Surah Hūd, 11: 110

⁵⁸ Lihat surah al-Anbiyā’, 21 serta Hūd, 11 sebagai contoh.

Pendekatan lain adalah dengan menggunakan sumber sokongan seperti buku berkaitan kisah anbiya yang menerangkan kisah mereka secara langsung. Anbiya serta kisah mereka boleh dianggap sebagai responden dalam konteks kajian ini dengan semua mereka bertindak sebagai populasi dan anbiya berkaitan keusahawanan sebagai sampel kes.⁶⁰

1.8.1.2 Pembangunan Modal Insan

Pembangunan modal insan antara tema utama al-Quran dengan dakwah anbiya sebagai cara pembangunan. Kunci kata insan terbangun seperti beriman, bertakwa dan beramal soleh menjadi fokus.⁶¹ Manakala lawannya seperti kufur, munafik, zalim dan seumpamanya turut diteliti.⁶² Begitu juga elemen modal insan seperti unsur jasmani, rohani, akal, hati dan nafsu turut dijadikan kata kunci.⁶³

Pembangunan modal insan merupakan kerangka teori kajian ini, dan hasil dapatan kajian merupakan adunan konsepnya yang dianalisis berasaskan kisah anbiya dalam al-Quran. Konsep pembangunan modal insan sebagai kerangka teori kajian serta contoh aplikasinya berdasarkan kisah anbiya dalam ayat al-Quran dilaporkan dalam bab ketiga kajian ini.

⁵⁹ Misalnya perkataan 'Banī Isrāel' pada ayat surah al-Mā'idah, 5: 78

⁶⁰ Lihat Bab 2 kajian ini.

⁶¹ Misalnya surah al-Baqarah, 2: 2

⁶² Ibid, 2: 6

⁶³ Perkataan qulūb, hati, misalnya dalam surah al-Baqarah, 2: 10

1.8.1.3 Keusahawanan

Tema modal insan berkaitan keusahawanan merupakan fokus untuk mencari hasil dapatan kajian. Kata kunci modal insan berkaitan aspek ini seperti ‘māl’,⁶⁴ ‘tijārah’,⁶⁵ ‘bay’,⁶⁶ ‘rizq’,⁶⁷ ‘infāq’,⁶⁸ ‘rabḥ’,⁶⁹ ‘khusr’⁷⁰ dan seumpamanya diberikan penelitian. Begitu juga penelitian terhadap ayat atau kisah anbiya yang tidak menggunakan kata kunci tersebut tetapi berkaitan dengan keusahawanan, misalnya kisah pemilik kebun dalam surah al-Kahf⁷¹ atau kisah pertemuan Musa dengan dua gadis Madyan.⁷²

Tema keusahawanan menyamai konsep pembolehubah bersandar kepada tema pembangunan modal insan yang merupakan pembolehubah bebas, digunakan untuk mencari dapatan hasil kajian. Kisah anbiya berkaitan keusahawanan dilaporkan dalam Bab 2. Manakala penemuan pembangunan modal insan berkaitan keusahawanan yang dianalisis berdasarkan kisah anbiya dalam al-Quran dilaporkan dalam Bab 4 dan Bab 5 serta Bab 6, Rumusan kajian.

1.8.2 Metode Kutipan Data

Data dalam kajian ini dikutip menggunakan cara berikut:

⁶⁴ Misalnya surah al-Kahf, 18: 46

⁶⁵ Misalnya surah al-Baqarah, 2: 282

⁶⁶ Misalnya surah al-Baqarah, 2: 275

⁶⁷ Misalnya surah al-Baqarah, 2: 254

⁶⁸ Misalnya surah al-Baqarah, 2: 16

⁶⁹ Misalnya surah al-Baqarah, 2: 3

⁷⁰ Misalnya surah al-Kahf, 18: 103

⁷¹ Misalnya, surah al-Kahf, 18: 32

⁷² Misalnya surah al-Qaṣaṣ, 28: 24

1.8.2.1. Kajian Kepustakaan

- i. Data primer dibuat menggunakan rujukan terus kepada al-Quran terhadap kisah anbiya berpandukan petunjuk dari *Mu'jam al-Mufahris Li Alfāz al-Qur'ān, Fath al-Rahmān* dan *Qur'anic Indexes*.⁷³
- ii. Manakala data sekunder menggunakan kajian kepustakaan terhadap sumber penulisan seperti buku, jurnal dan rujukan lain.
- iii. Laman sesawang turut digunakan oleh pengkaji untuk membuat rujukan tertentu.

1.8.2.2. Temubual

Sebahagian kecil data juga dikutip menggunakan kaedah temubual dengan Dato' Haji Mohamad Alayuddin Che Hasan, Timbalan Pengerusi Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, selaku pengamal bidang keusahawanan bagi menambahkan lagi maklumat dan menyokong rumusan yang dibuat oleh pengkaji. Metode ini menggunakan kaedah berdepan secara langsung dengan responden dalam satu majlis secara tidak berstruktur.⁷⁴ Pengkaji menggunakan satu temu bual sahaja kerana bentuk kajian ini adalah bersifat kualitatif dari analisis kandungan al-Quran. Tujuan temu bual adalah untuk mengesahkan dapatan yang ada dalam rakaman al-Quran oleh pengamal bidang keusahawanan masa kini.

⁷³ Dalam kajian ini pengkaji hanya menggunakan maksud terjemahan sahaja tanpa memaparkan ayat al-Quran sebenar. Terjemahan menggunakan Qur'anic Words dengan padanan terjemahan oleh Sheikh Abdullah Basmeih (2001), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an (30 Juz)*, Kuala Lumpur: Dār ul Fikir. Manakala hadis pula berpandukan kepada koleksi hadis dalam Maktabah Shamilah.

⁷⁴ Metode ini dikenali sebagai 'Temubual Tidak Berstruktur' untuk kemudahan pengkaji. Lihat Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, h. 62

1.8.3 Metode Analisis Data

Analisis data merupakan suatu usaha meneliti data yang dikutip dari pelbagai cara dengan menjelaskan dalam bentuk laporan atau penulisan maksud atau kefahaman secara sistematik sebagai hasil penemuan.⁷⁵ Analisis juga bermakna penemuan atau hasil rumusan sesuatu isu atau permasalahan kajian.⁷⁶ Dalam konteks ini, bermaksud rumusan yang didapati hasil dari penelitian terhadap ayat-ayat al-Quran atau tema kisah anbiya untuk menjawab persoalan kajian atau bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Analisis dilakukan dengan tiga cara iaitu Induktif, Deduktif dan Komparatif.

1.8.3.1 Analisis Induktif

Iaitu metode analisis secara membuat kesimpulan hal-hal bersifat khusus yang dinyatakan kepada kenyataan umum.⁷⁷ Juga bermaksud analisis terhadap sesuatu fakta, menilai fakta tersebut dan membuat rumusan atau kesimpulan.⁷⁸ Dalam konteks kajian ini, ia bermaksud hal-hal khusus atau peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam kisah anbiya seperti peristiwa Ibrahim menyembelih anaknya, Ismail digunapakai sebagai kenyataan atau rumusan umum berkaitan kepentingan pengorbanan dalam semua bidang kehidupan.⁷⁹ Lantaran fakta kajian berdasarkan kisah anbiya, analisis ini juga berkaitan dengan pendekatan perkara yang mengandungi perspektif sejarah, peristiwa

⁷⁵ Noeng Muhadjir (1996), *Metedologi Penelitian Kualitatif*, Yogyakarta: Rake Sarisin, h. 104

⁷⁶ Kamaruddin Ngah et al. (1990), *Kaedah Penyelidikan Panduan Mudah Kerja Luar*, Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd., h. 100

⁷⁷ Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan FIK-IKIP, h. 52

⁷⁸ Mathew B Miles dan Micheal Huberman (1984), *Qualitative Data Analysis*, Beverly Hill: Age Publication, h. 134

⁷⁹ Lihat surah al-Şaffāt, 37: 102-103

atau kes.⁸⁰ Ataupun boleh juga dikatakan bersifat hermeneutika, yakni tafsiran atau analisis yang berkaitan tabiat perorangan dalam sesuatu fenomena atau kisah serta teks.⁸¹

Metode ini banyak digunakan oleh pengkaji dalam menganalisis kisah anbiya yang ditujukan khusus untuk anbiya tertentu, tetapi dibuat analisis atau pendekatan kepada masa sekarang, terutamanya mengenai pembangunan modal insan berkaitan keusahawanan. Umumnya, metode Induktif ini merupakan suatu proses generalisasi terhadap sesuatu fakta. Iaitu melakukan analisis atau penelitian terhadap kes, peristiwa atau kisah-kisah anbiya, kemudian dinyatakan hasil dapatannya, lalu disimpulkan sebagai satu rumusan umum berkaitan dengan kes tersebut. Metode ini digunakan secara meluas dalam setiap idea atau fakta yang dibincangkan, serta sebagai satu sistematika keseluruhan kajian ini.⁸²

1.8.3.2 Analisis Deduktif

Iaitu merujuk kepada cara meneliti pernyataan umum sesuatu perkara dibuat analisis kepada kesimpulan khusus.⁸³ Ataupun merujuk kepada sesuatu teori atau gagasan idea dan menilai atau membandingkan idea tersebut untuk diterima atau ditolak.⁸⁴ Dalam

⁸⁰ Metode sejarah disebut sebagai Historis, lebih tertumpu kepada cara kutipan data. Lihat Sidi Ghazalba (1981), *Pembimbing Latihan Ilmiah dan Tesis*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, hlm. 77; Syed Arabi Idid, h. 106

⁸¹ Berasal dari bahasa Yunani, *hermeneuien* yang bererti metode tafsiran berkaitan dengan kelakuan manusia terutamanya mengenai teks. Lihat entri hermeneutic, *Stanford Encyclopedia of Philosophy* at: <http://plato.stanford.edu/entries/hermeneutics/>; <http://www.merriam-webster.com/dictionary/hermeneutic> (22 Ogos, 2016)

⁸² Secara keseluruhan, metode Induktif ini melibatkan sistematika kajian ini, iaitu bermula dengan kisah anbiya dan konsep pembangunan modal insan, dalam bab 2 dan 3, dapatan dalam bab 4 dan 5 serta rumusan dalam bab 6. Metode ini juga disebut sebagai 'poin akhir penelitian'. Lihat John W. Creswell (2009), *Research Design Pendekatan Kualitatif, Kuantitatif dan Mixed*, (Terj. *Research Design Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* oleh Achmad Fawaid), Yogyakarta: Pustaka Pelajar, h. 95-97

⁸³ Imam Barnadib, *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, h. 52

⁸⁴ Mathew B Miles dan Micheal Huberman, *Qualitative Data Analysis*, h. 130

konteks kajian ini, metode ini bermaksud tema umum kisah anbiya atau ayat al-Quran diperhalusi sebagai kefahaman atau kesimpulan khusus kepada aspek pembangunan modal insan berkaitan keusahawanan. Umum mengetahui meskipun ayat al-Quran itu diturunkan dengan ada sebab turunnya atau tidak, tetapi boleh difahami pemakaiannya dari pelbagai sudut dan tidak khusus untuk sebab turun itu sahaja. Lantaran itu, misalnya apabila Allah menyebut untuk setiap umat itu diutuskan rasul masing-masing yang menyeru manusia agar menyembah-Nya dan menjauhi taghut,⁸⁵ maka ayat ini boleh dibuat analisis khusus untuk modal insan berkaitan keusahawanan. Kadang kala metode ini digunapakai oleh pengkaji sebagai sandaran untuk menyokong hujah khusus yang berkaitan modal insan atau keusahawanan. Sedangkan rujukan sebenar sesuatu ayat tidak hanya khusus untuk satu perkara sahaja.⁸⁶ Dengan metode ini juga, pengkaji menganalisis sesuatu idea seperti teori pembangunan modal insan Barat dengan pendekatan Islam.

Umumnya, analisis data menggunakan kedua-dua metode di atas dibuat berdasarkan penelitian, penilaian dan kefahaman pengkaji sendiri. Analisis tersebut bagaimanapun dalam banyak tempat adalah berdasarkan kepada keutamaan idea atau fakta dari ayat al-Qur'an, hadis Rasulullah SAW dan pandangan sarjana dalam bidang berkaitan sebagai sokongan. Metode Induktif dan Deduktif ini banyak digunakan pengkaji terutamanya dalam semua bab, terutama Bab 3, Bab 4 dan Bab 6, yakni rumusan kajian ini.

1.8.3.3 Analisis Komparatif

⁸⁵ Surah al-Nahl, 16: 36

⁸⁶ Misalnya maksud ayat surah al-Fātiḥah, 1: 6-7, yang merujuk kepada jalan lurus dan bukan jalan yang dimurkai serta sesat, pengkaji sandarkan kepada fahaman kapitalisme serta impaknya, seperti dalam Bab 6, yakni rumusan kajian.

Komparatif bermaksud merujuk kepada cara analisis sesuatu perkara secara melakukan perbandingan dengan perkara lain.⁸⁷ Metode ini merupakan suatu yang lumrah digunakan al-Quran dalam pemaparan kisah anbiya di mana apabila menceritakan perihal orang yang taat dengan anbiya, maka perbandingan pula dilakukan terhadap orang yang ingkar. Begitu juga sebaliknya.⁸⁸ Dalam konteks kajian ini, data atau hasil dapatan mengenai sesuatu isu dibandingkan dengan isu yang lain. Pengkaji menggunakan metode Komparatif ini, terutamanya untuk membezakan antara keadaan modal insan terbangun dengan modal insan tidak terbangun seperti dapatan dalam Bab 5 kajian ini.

1.8.4 Sistematika Penulisan

Setelah data-data dari sumber kepustakaan dan temu bual dikutip, serta dianalisis secara kualitatif menggunakan metodologi di atas, pengkaji membuat laporan secara bertulis. Struktur penulisan disusun dalam enam (6) bab dan mengandungi tajuk bab dan sub topik untuk kelancaran perbincangan serta mudah difahami. Susun atur bab adalah seperti berikut:

- Bab 1 Pendahuluan
- Bab 2 Anbiya Dalam Al-Quran Berkaitan Keusahawanan
- Bab 3 Konsep Pembangunan Modal Insan Anbiya
- Bab 4 Proses Pembangunan Modal Insan Berdasarkan Metode Kisah Anbiya

⁸⁷ Maksudnya ialah pengukuran atau penilaian untuk melihat persamaan atau perbezaan antara satu data dengan data yang berlainan bagi memperolehi satu hasil yang terbaik. *English Oxford Dictionaries*, entri *comparative*, di <https://en.oxforddictionaries.com/definition/comparative>. Komparatif di sini merujuk kepada sifat untuk melihat perbandingan. Lihat *Cambridge Dictionary*, entri *comparative* di <http://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/comparative>

⁸⁸ Misalnya, apabila Allah menyeru manusia untuk nafkahkan harta pada jalan-Nya, maka ada manusia bakhil, serta ada pula yang taat. Orang bakhil adalah yang membakhilkan dirinya sendiri, sebab Allah Maha kaya. Lihat surah Muhammad, 47: 38

Bab 5 Hasil Pembangunan Modal Insan Anbiya: Muflihın dan Mufsidin

Bab 6 Rumusan Dan Penutup

1.9 TINJAUAN LITERATUR

Penulisan langsung kisah anbiya dalam al-Quran dari perspektif pembangunan modal insan yang berteraskan keusahawanan belum banyak ditulis atau tidak ditemui. Bagimanapun, kajian tersendiri tiga tema utama melibatkan kisah anbiya, pembangunan modal insan dan keusahawanan cukup banyak serta senang ditemui. Lantaran itu, tulisan yang menjadi lingkungan kepada tiga tema utama tersebut menjadi garis panduan berguna kepada kajian ini.

Kajian mengenai kisah para nabi sudah dilakukan ramai penulis sejak abad ke-10 atau abad ke-3 Hijrah lagi dengan judul penulisan yang hampir sama, iaitu *Qışaş al-Anbiyā*'. Antaranya, seperti tulisan Ibn Khalaf al-Naisabūrī,⁸⁹ al-Kisā'ī,⁹⁰ al-Tha'labī,⁹¹ al-Rawandī,⁹² al-Ṭabarī,⁹³ Ibn Kathīr,⁹⁴ al-Najjār⁹⁵ dan lain-lain yang dianggap karya klasik dan berotoriti. Dalam dunia Melayu, kisah anbiya juga dikaji oleh misalnya Abu Bakar Asy'ari.⁹⁶ Manakala kisah atau sirah nabi Muhammad SAW secara khusus pula

⁸⁹ Sarjana dari Parsi abad ke 12 (5H), Abū Ishāq Ibrāhīm bin Mansūr bin Khalaf al-Naishabūrī (1961), *Qışaş al-Anbiyā*', Tehran: Majmu' al-Mutuni

⁹⁰ Abu Ḥasan Ali Hamzah al-Asadi (119-189H), sarjana abad ke-13 lebih dikenali dengan Muḥammad al-Kisā'ī (1997), *Qışaş al-Anbiyā*', Karachi: Kazi Publication

⁹¹ Sarjana abad ke-11, Abū Ishaq Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn Ibrāhīm al-Tha'labī (t.t.), *Arā'is al-Majālis: Qışaş al-Anbiyā*', Beirut: Dār al-Rakiyya al-Kutub al-'Arabiyyah

⁹² Sarjana Parsi abad ke-12 (d. 573/1177), Quṭb al-Din Sa'id ibn Hibbat Allah al-Rawandī (1989), *Qışaş al-Anbiyā*' (ed. Ghulām Rizayi Irfaniyan al-Yazdī), Beirut: Mu'assasat al-Mufīd

⁹³ Sarjana Islam Parsi abad ke-10 (839–923 M), Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (2002), *Qışaş al-Anbiyā*', Beirut: Dār al-Fikr; (1987), *Tārikh al-Rusul Wa al-Muluk*, 2 jilid, Albany: SUNY Press

⁹⁴ Sarjana Islam Syria abad ke -14M, terkenal dengan gelaran Imad al-Dīn, Abū I-Fidā' Ismā'il ibn 'Umar ibn Kaṭīr (1968), *Qışaş al-Anbiyā*', Cairo: Dār al-Kutub al-Hādithah

⁹⁵ 'Abd al-Wahab al-Najjar (t.t), *Qışaş al-Anbiyā*', Beirut: Dār Ihyā' al-Turath al-'Arabi

⁹⁶ Misalnya, Abu Bakar al-Asy'ari, (1952), *Sejarah Anbiya*, 3 jilid, Pulau Pinang: Haji Muhammad Ali Haji Muhammad Rawi

ditulis oleh Ibn Ishak,⁹⁷ kemudian diolah dengan anotasi oleh Ibn Hisham,⁹⁸ al-Waqidī,⁹⁹ Ibn Sa‘ad,¹⁰⁰ serta penulis lain. Dalam alam Melayu, sirah Baginda diolah dengan baik oleh Moenawar Chalil.¹⁰¹ Semua literatur di atas menyelami kisah anbiya secara umum seperti menelusuri peristiwa sejarah kehidupan para nabi, pengajaran dan seumpamanya tanpa dikaitkan dengan tema khusus, terutama pembangunan modal insan atau keusahawanan.

Manakala tema pembangunan sumber manusia atau modal insan serta keusahawanan juga dilakukan dengan meluas, terutamanya dari perspektif Barat. Nadler sebagai contoh, dianggap sebagai tokoh pembangunan sumber manusia telah menghasilkan Model Peristiwa Kritis dalam reka bentuk program latihan.¹⁰² Manakala kajian Kirkpatrick pula menghasilkan empat tahap utama dalam penilaian program pembelajaran.¹⁰³ Hal yang serupa telah dilakukan oleh ramai sarjana dalam aspek keusahawanan. Misalnya, kajian Stevenson dan Jarillo dalam “A Paradigm of Entrepreneurship: Entrepreneurial Management,” cuba mengemaskini semula terminologi, tema utama dan kajian baru bidang keusahawanan, terutama bersabit dengan sektor korporat.¹⁰⁴

⁹⁷ Dianggap sebagai perintis penulisan sirah, Muḥammad bin Ishāq (1955), *The Life of Muhammad*, (Terj Sirat Rasūl Allah oleh Alfred Guillaume), London - Toronto: Oxford University Press

⁹⁸ Bapa pengkajian sirah, Abū Muḥammad ‘Abd al-Malik Ibn Hisham, (1998), *al-Sirah al-Nabawīyyah*, (Tahqīq oleh Mustafa al-Syaqā et al), 4 jilid, Beirut: Dār Ihya al-Turath al-‘Arabi

⁹⁹ Antara kajian klasik berkaitan peperangan Rasulullah SAW, meskipun ada kontroversi. Abū ‘Abdullah Muḥammad Ibn ‘Umar Ibn Waqīd al-Aslamī (1966), *Kitāb al-Maghāzī*, (Sunt. Marsden Jones), London: Oxford University

¹⁰⁰ Murid atau setiausaha kepada al-Waqidī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Sa‘ad (1967), *Tabaqāt al-Kabir*, (Terj. English oleh S.Moinul Haq), 2 Vol., Karachi: Pakistan Historical Society

¹⁰¹ K.H. Moenawar Chalil (1987), *Kelengkapan Tarikh Nabi Muhammad SAW*, 8 Jilid, Jakarta: PT Bulan Bintang

¹⁰² Leonard Nadler (1982), *Designing training programs: the critical events model*, Reading, Mass: Addison-Wesley Pub. Co. Di Malaysia, bidang ini misalnya ditulis oleh Mumtaz Begam Haji Abdul Kadir dll. (2002), *Kualiti Dalam Pengurusan Sumber Manusia*, KL: Fajar Bakti.; Nor Anisah Abdul Malik, 1992. *Konsep Manusia Menurut Pandangan Islam*, KL: Arena Ilmu Sdn Bhd.; Syed Othman al-Habshi, (1986) “Pembangunan Insan dan Dasar Pertanian Negara” Kertas Kerja Seminar Pembangunan Insan Dalam Konteks Pembangunan Negara pada 17 – 19 Februari, di Kuala Lumpur.

¹⁰³ Donald L Kirkpatrick (1994), *Evaluating Training Programs*, Berrett-Koehler Publishers.

¹⁰⁴ Howard H. Stevenson, J. Carlos Jarillo (1990), “A Paradigm of Entrepreneurship: Entrepreneurial Management,” *Strategic Management Journal*, Special Issue: Corporate Entrepreneurship 11(5)

Bagimanapun, kajian secara sepadu mengenai kisah anbiya dalam al-Qur'an yang menghubungkaitkannya dengan perspektif pembangunan modal insan terutamanya berkaitan keusahawanan belum banyak dikaji. Lantaran itu, kajian ini bersifat integrasi antara bidang sirah anbiya dan pembangunan sumber manusia yang berkaitan keusahawanan. Lebih tepat lagi kajian ini merupakan kajian kisah anbiya yang bersifat historikal dari perspektif modal insan yang berkaitan dengan keusahawanan yang bersifat semasa.

Kedua-dua tema ini sebenarnya merupakan keperluan kepada manusia di mana para anbiya dengan aktiviti dakwah tidak terlepas dari sasaran dakwah atau *mad'u* untuk membangunkan umat.¹⁰⁵ Dalam konteks ini, walaupun bukan para nabi itu sendiri yang menjadi usahawan, sasaran dakwah mereka adalah insan yang terlibat dengan aktiviti keusahawanan.¹⁰⁶ Apatah lagi bidang perniagaan atau keusahawanan merupakan bidang yang tidak dapat dipisahkan dari kehidupan manusia dan Islam.¹⁰⁷ Kedatangan Islam ke Nusantara sekadar contoh, bukan hanya setakat dibawa oleh para pedagang, tetapi juga implikasinya telah memunculkan nama-nama seperti Samudera-Pasai, Aceh, Melaka, Pattani, Brunei dan lain-lain pusat penyebaran dan tamadun Islam, yang sekali gus bertindak sebagai pusat perdagangan¹⁰⁸. Ini bermakna, antara dakwah yang menjadi agenda para nabi dan perdagangan adalah saling lengkap melengkapi dalam kehidupan manusia.

(Summer,1990): 17-27; Lihat juga D. F. Kuratko & R. M. Hodgetts (2004), *Entrepreneuership: A Contemporary Approach*, Harcourt College Publishers; M.N. Siddiqi (1972), *The Economic Enterprise in Islam*, Lahore: Islamic Publications. Dalam dunia Melayu, misalnya tulisan Adnan Alias & Mohammad Dahlan Ibrahim (2002), *Keusahawanan Islam*, Petaling jaya: Prentice Hall; Muhammad Ali Haji Hashim, (2003), *Bisnies Satu Cabang Jihad*, Kuala Lumpur: Utusan Publication

¹⁰⁵Lihat Wan Zailan Kamaruddin (1997), *Hakikat Kenabian Menurut al-Qur'an*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd.

¹⁰⁶ Misalnya nabi Syuaib yang diutuskan kepada para pedagang di Madyan, surah al-A'raf, 7: 85

¹⁰⁷ Miles K. Davis (2013), "An Islamic Perspective On Entrepreneurship," *International Journal of Entrepreneurship and Small Business*, Vol. 20, No. 1, (2013): 63-69

¹⁰⁸ Mahayuddin Yahya (2001), *Islam di Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1-15

Perspektif baru kajian terhadap kisah anbiya dalam al-Quran dilakukan oleh ‘Afif ‘Abd al-Fattah Ṭabbārah (1985), dengan judul *Ma‘a al-Anbiyā’ Fī al-Qur’ān*. Beliau memusatkan kajian terhadap para anbiya dalam al-Quran secara kronologi bermula dari Adam sampai Muhammad. Huraian dilakukan terhadap kisah anbiya serta ayat-ayat al-Qur’an berkaitan tema utama tugas dakwah mereka yang disertai dengan pengajaran dan ibarat dari kisah berkenaan.¹⁰⁹ Meskipun fokus kepada aspek pembangunan modal insan berkaitan keusahawanan tidak diberikan penekanan khusus, analisis terhadap kisah anbiya dalam al-Quran bersifat menyeluruh juga dilakukan oleh al-Khālīdī (1998) menerusi kajiannya, *al-Qaṣaṣ al-Qur’ānī*.¹¹⁰ Manakala kajian semua kisah yang terdapat dalam al-Quran dari sudut kepentingan dan pengajaran kepada manusia secara komprehensif terutamanya, pembangunan para pendakwah dilakukan oleh Karim Zaidan (1998), berjudul *al-Mustafād Min Qaṣaṣ al-Qur’ān*.¹¹¹ Semua kajian tersebut memberi panduan kepada pengkaji menganalisis perspektif kisah anbiya dengan sesuatu sesuatu isu berkaitan kehidupan insan. Penjelasan detail semua pengkisahan anbiya dihuraikan oleh sarjana bidang tafsir seperti Ibn Khatīr dan lain-lain.¹¹²

Perspektif kisah anbiya secara khusus dilakukan oleh Cook (2000), dalam “The Book of Abraham and the Islamic Qīṣaṣ al-Anbiyā” yang merumuskan kepentingan

¹⁰⁹ ‘Afif ‘Abd al-Fattah Ṭabbārah (1985), *Ma‘a al-Anbiyā’ Fī al-Qur’ān: Qīṣaṣun wa Durusun wa ‘Ibrun min ḥayātihim*, Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malayin

¹¹⁰ Ṣalāḥ al-Khālīdī (1998), *al-Qaṣaṣ al-Qur’ānī*, 4 jilid, Dimasyq: Dār al-Qalam

¹¹¹ Abdul Karim Zaidan (1998), *Al-Mustafād Min Qaṣaṣ al-Qur’ān Li al-Da‘wah wa al-Du‘at*, 2 jilid, Beirut: Mu ‘assasah al-Risālah

¹¹² Lihat misalnya, Abū al-Fida’ Ismā‘īl bin Kathīr (1993), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, 4 jilid, Madinah: Maktabah al-‘Ulūm wa al-Ḥikam; Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (1997), *Jamī‘ al-Bayān ‘an al-Ta’wil ‘ay al-Qur’ān*, (Taqrib dan tahzib oleh Ṣalāḥ al-Khālīdī), 5 jilid, Dimasyq: Dār al-Qalam; Fakhr al-Din Muḥammad Ibn ‘Umar Al-Rāzi (1985), *Tafsīr al-Kabīr*, 16 jilid, Beirut: Dār al-Fikr; dan lain-lain.

kisah sebagai penguat dan pengubat hati manusia.¹¹³ Hubungan kisah anbiya dengan aplikasi pendidikan dikaji oleh Nabiroh Kassim (2006), “Kisah Nabi Musa dan Firaun di dalam al-Quran.”¹¹⁴ Manakala kajian oleh Arpandi Ismail (2001) terhadap “Kisah Nabi Nuh alayh al-salam dalam al-Qur'an” menyarankan metodologi berguna untuk pemantapan akidah umat Islam.¹¹⁵ Sementara kepentingan kisah bagi pembinaan akhlak dilakukan oleh Siti Hafidah Ayub Asnawi (2012) bertajuk “Metodologi dakwah nabi Muhammad SAW melalui pengkisahan.”¹¹⁶ Meskipun kajian-kajian tersebut belum memadai untuk menjawab hubungan kisah anbiya dengan pembangunan modal insan terutama berkaitan keusahawanan, namun menjadi sampel dan membuka ruang tentang kepentingan kisah anbiya terhadap kehidupan manusia.

Kajian terhadap tema pembangunan modal insan dalam lingkungan keislaman secara khusus agak baru, meskipun aktiviti telah lama diamalkan dalam kalangan Muslim. Sorotan terhadap konsep pembangunan modal insan berorientasikan ajaran Islam dilakukan oleh Syaik Abdullah dan Issham Ismail (2006) berjudul “Konsep Pembangunan Modal Insan Berkiblatkan Ajaran Islam.”¹¹⁷ Dapatan kajian mereka dalam rangka membangunkan semula komuniti Aceh selepas dilanda Tsunami menegaskan bahawa pembangunan modal insan perlu berteraskan akidah, syariat dan akhlak. Asas ini turut disokong oleh kajian Fadillah Mansor (2007), dalam

¹¹³ Bradley J. Cook, (2000), “The Book of Abraham and the Islamic Qīṣaṣ al-Anbiyā’ (Tales of the Prophets) Extant Literature,” *Dialogue: A Journal of Mormon Thought*, Vol. 33, Num. 4 (Winter, 2000): 127 – 146.

¹¹⁴ Nabiroh Kassim (2006), “Kisah Nabi Musa dan Firaun di dalam al-Quran: Aplikasinya di dalam pendidikan Islam” Dissertation (M.Usuluddin), Universiti Malaya

¹¹⁵ Arpandi Ismail (2001), “Kisah Nabi Nuh alayh al-salam dalam al-Qur'an: Suatu kajian tentang metodologi pemantapan akidah umat Islam,” Dissertation (M.Usuluddin), Universiti Malaya

¹¹⁶ Siti Hafidah Ayub Asnawi (2012), “Metodologi dakwah nabi Muhammad SAW melalui pengkisahan: Kajian tentang penerapan akhlak dalam Sahih al-Bukhari,” Dissertation (M.Islam Stud.), Universiti Malaya

¹¹⁷ Syaik Abdullah Hasan Mydin Abdullah & Issham Ismail (2006), “Konsep Pembangunan Modal Insan Berkiblatkan Ajaran Islam,” *Prosiding Persidangan Antarabangsa Pembangunan Aceh*, UKM Bangi, 26-27 Disember, 2006. (<http://pdfioo.org/k-371135.html>.)

“Pembangunan Modal Insan,”¹¹⁸ dan Zulkifli Yusof (2004), berjudul “Pembangunan Ummah Dari Perspektif al-Quran.”¹¹⁹ Begitu juga kajian Noor Shakirah dan Muhammad Azizan (2014), “Pembangunan Modal Insan Dari Perspektif Kerohanian Agama: Islam Sebagai Fokus.” Kajian-kajian di atas membantu pengkaji membina konsep pembangunan modal insan dari perspektif Islam.

Hakikat bahawa pembangunan modal insan berteraskan ajaran al-Quran dan Sunnah yang menjadi dakwah para anbiya juga ditemui oleh Norhayati Hamzah (2010) dalam kajiannya, “Pembangunan Modal Insan: Analisis Dari Sirah Nabi.”¹²⁰ Dari asas tersebut, konsep ini berkembang dalam pelbagai perspektif. Misalnya, kajian Mohd Shafiee Hamzah (2012), “Konsep Perekayasaan Modal Insan Menurut Sayyid Qutb: Analisis Terhadap Fi Zilal Al-Quran,” melihat perspektif pembangunan modal insan berdasarkan kisah nabi Adam AS.¹²¹ Kajian lanjutan yang dilakukan oleh beliau dan Mustafa Abdullah (2012), berjudul “The Concept Of Human Capital Development In al-Quran,” menyarankan pembangunan modal insan perlu mengambil kira aspek roh dan jasad, peranan manusia, rahmat Allah, ilmu dan pendidikan.¹²²

Perkembangan idea pembangunan modal insan perlu melihat persekitaran sosial, tempat serta organisasi. Faktor impak sosial terhadap pembangunan modal insan dikembangkan oleh Ibn Khaldun dalam kajian Mohamad Kamil dan Rahimin

¹¹⁸ Fadillah Mansor (2007), “Pembangunan Modal Insan”, *VISI*. Bil. 74, (Feb. 2007)

¹¹⁹ Zulkifli Haji Yusof (2004), “Pembangunan Ummah Dār i Perspektif al-Quran,” *Al-BAYAN Journal of al-Quran al-Hadith*, vol. 2, (Mei, 2004): 57-70

¹²⁰ Norhayati Hamzah (2010), “Pembangunan Modal Insan: Analisis Dari Sirah Nabi,” dalam *Pembangunan Modal Insan & Tamadun Dār i Perspektif Islam*, (Editor Mohd Roslan Mohd Nor dan Ahmad Zaki Berahim@ Ibrahim), Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, API, Universiti Malaya

¹²¹ Mohd Shafiee Hamzah (2012), “Konsep Perekayasaan Modal Insan Menurut Sayyid Qutb: Analisis Terhadap Fi Zilal Al-Quran.” Thesis (Ph.D) Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

¹²² Mohd Shafiee Hamzah dan Mustaffa Abdullah (2012), “The Concept Of Human Capital Development In al-Quran: A Study On The Story Of Adam In Tafsir Fi Zilal Al-Qur’an,” dalam *Transformation Of Research In Islamic Studies*, Kuala Lumpur: UM Press, h. 432-442; Juga Hamzah Mohd Shafiee (2009), “Konsep Pembangunan Modal Insan: Suatu Tinjauan Terhadap Kisah-Kisah Dalam Quran,” Kuala Lumpur: JAKIM, (<http://erep.unisza.edu.my/2046/1/jurnal%20jakim.pdf>)

Affandi (2009), “Perubahan Sosial dan Impaknya Terhadap Pembentukan Modal Insan Menurut Ibn Khaldun.”¹²³ Pembangunan modal insan dalam idea pemikir Nusantara seperti Abd Samad al-Falembani, dikaji oleh Shohana Hussin (2010), “Pemikiran Pembangunan Modal Insan Dalam kitab Hidayah al-Salikin.”¹²⁴ Dalam kajian Faizatul Najihah & Faudzinaim Badaruddin (2016), bertajuk “Nilai-Nilai Pembangunan Modal Insan Menurut al-Ghazali,” menyarankan tiga perkara utama dalam pembangunan modal insan. Pertama, keseimbangan rohani dan jasmani; kedua, kerangka pembangunan modal insan meliputi Islam, iman dan ihsan; dan ketiga, implimentasi nilai kerohanian secara positif, bukan negatif.¹²⁵

Manakala kepentingan pembangunan modal insan dalam konteks pengurusan organisasi dibincangkan oleh Monir Tayeb (2006), dalam "Islamic revival in Asia and human resource management", yang menjelaskan hubungan erat nilai kerohanian dan amalan Islam dengan prestasi organisasi.¹²⁶ Fakta ini turut disahkan oleh kajian Ilhaamie Abdul Ghani (2015), “Islamic human resource practices and organizational performance: Some findings in a developing country,”¹²⁷ serta kajian Adeyeye (2009),

¹²³ Mohamad Kamil Abd Majid & Rahimin Affandi Abd Rahim, “Perubahan Sosial dan Impaknya Terhadap Pembentukan Modal Insan Menurut Ibn Khaldun” *Jurnal Hadhari*, Bil 1 (2009): 45-76

¹²⁴ Shohana Hussin (2010), “Pemikiran Pembangunan Modal Insan Dalam kitab Hidayah al-Salikin: Kajian Teks dan Kontekstual,” Tesis PhD, API Universiti Malaya; Juga Shohana Hussin (2014) “Kitab Hidayah al-Salikin Karangan al-Falimbani: Analisis Naskhah dan Kandungan” *Jurnal Usuluddin*, 39 (2014): 71-109

¹²⁵ Faizatul Najihah Mohd Azaman & Faudzinaim Badaruddin (2016), “Nilai-Nilai Pembangunan Modal Insan Menurut al-Ghazali,” *UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. vol.3, no. 1 (2016): 11–27

¹²⁶ Monir Tayeb, (2006) "Islamic revival in Asia and human resource management", *Employee Relations*, Vol. 19 Iss: 4, pp.352 – 364

¹²⁷ Ilhaamie Abdul Ghani Azmi (2015), "Islamic human resource practices and organizational performance: Some findings in a developing country", *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, Vol. 6 Iss: 1, pp.2 – 18; Juga lain-lain kajian beliau seperti (2008), “Amalan Pengurusan Sumber Manusia Berteraskan Kompetensi dan Kualiti Perkhidmatan dalam Organisasi Awam di Malaysia: Kesaling Bergantungan Tugas sebagai Penyederhana.” Tesis Doktor Falsahah, Universiti Sains Malaysia; (2009), “Human Capital Development and Organizational Performance: A focus on Islamic perspective,” *Shariah Journal*, Vol 17, no. 2: 353 – 372

dalam “Human Capital Development Practices and Organizational Effectiveness.”¹²⁸

Akhlak terpuji merupakan gambaran luaran terhadap pembangunan modal insan, sepertimana dapatan kajian Azli Fairuz Laki (2015), “Pembentukan Akhlak Mahmudah Sebagai Mekanisme Pembangunan Insan.”¹²⁹ Mekanisme tersebut adalah berdasarkan suri teladan, penceritaan kisah-kisah generasi terdahulu, perumpamaan, dan ancaman serta dorongan. Semua kajian di atas menjadi rujukan pengkaji bagi mengembangkan ciri pembangunan modal insan.

Sukar menemui kajian yang menyentuh secara langsung pembangunan modal insan berkaitan keusahawanan dari perspektif kisah anbiya. Lantaran itu, kajian berkaitan keusahawanan dalam lingkungan tema modal insan atau perspektif Islam menjadi tinjauan pengkaji. Misalnya, kajian tentang al-Qur’an dalam aspek ekonomi oleh Yahya Jusoh di IAIN, Indonesia (1997) bertajuk “Konsep Mal dalam al-Qur’an,” yang menumpukan kepada tema harta atau mal. Dapatan kajian beliau menjelaskan tentang kriteria harta, sumber dan pemanfaatannya.¹³⁰ Meskipun fokus kajian ini bukan kepada aspek keusahawanan, namun membantu pengkaji menganalisis aspek kajian tematik sekitar tema harta dari perspektif al-Quran.¹³¹

Kajian berkaitan modal insan keusahawanan pernah dilakukan oleh Ilhaamie (2008), “Pembangunan Modal Insan Dalam Menjayakan Perniagaan Dari Perspektif

¹²⁸ Adeyeye, J. O. (2009), “Human Capital Development Practices and Organizational Effectiveness: A Focus on the Contemporary Nigerian Banking Industry,” *Pakistan Journal of Social Sciences*, 6 (4): 194 – 199

¹²⁹ Azli Fairuz Laki, Mohd Shafiee Hamzah, Wan Hishamudin Wan Jusoh (2015), “Pembentukan Akhlak Mahmudah Sebagai Mekanisme Pembangunan Insan: Analisis Terhadap Tafsir Fi Zilal Al-Quran,” *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, Vol. 10, Isu 2: 36-48

¹³⁰ Yahya Jusoh (1997), “Konsep Mal Dalam al-Qur’an”, Disertasi PhD, IAIN Sharif Hidayatullah, Jakarta.

¹³¹ Lihat Yahya Jusoh dan Azahar Muhammad (2005), *Interaksi Harta Dalam al-Qur’an*, Skudai: Penerbit UTM

Islam,”¹³² serta Abdul Jalil Borham (2011), “Modal insan dalam aspek keusahawanan dan ekonomi: Cabaran ke arah memertabatkan umat”, membantu pengkaji meneliti aspek dalaman insan sebagai cara menangani cabaran dunia keusahawanan.¹³³ Manakala kajian Fauzi Saleh (2012), “Fikih Peradaban Dalam Kisah al-Qur’an,” menganalisis perspektif kisah dalam al-Quran termasuk kisah anbiya sebagai pemangkin peradaban.¹³⁴ Sementara kajian Ali Aslan Gümüşay (2015), “Entrepreneurship from an Islamic Perspective,” menyarankan tiga tonggak utama keusahawanan Islam, iaitu aktiviti keusahawanan, etika sosio ekonomi dan nilai kerohanian.¹³⁵ Tulisan Nazrudin dan Munirah (2016), “Amalan Keusahawanan Nabi Daud A.S: Analisa Daripada Al-Quran Dan Hadis,” meskipun ringkas, namun amat dekat dan membantu memantapkan lagi pendekatan kajian.¹³⁶

Konsep keusahawanan Islam seperti kajian Veland Ramadani et.al (2015), dalam “The Context of Islamic Entrepreneurship and Business: Concept, Principles and Perspectives, memberi tumpuan kepada nilai kerohanian dan etika seperti takwa, halal dan haram; pengetahuan dan usahawan; inovasi dan pengambilan risiko, penggunaan sumber, pembiayaan dan dan tanggungjawab sosial.¹³⁷ Ini bermakna, aktiviti keusahawanan merupakan sebahagian cara merealisasikan tugas hamba dan sebagai khalifah Allah. Hakikat ini ditemui dalam kajian Miles K. Davis (2013), “An Islamic

¹³² Ilhaamie Abdul Ghani Azmi (2008), “Pembangunan Modal Insan Dalam Menjayakan Perniagaan Dār i Perspektif Islam.” *Jurnal Usuluddin*, (28): 123-138.

¹³³ Abdul Jalil Borham (2011), “Modal insan dalam aspek keusahawanan dan ekonomi: Cabaran ke arah memertabatkan umat”, dalam *Mengangkasa Modal Insan Isu dan Cabaran*, (Suntingan Abdul Jalil Borham et al), Kuantan: Penerbit Universiti Malaysia Pahang

¹³⁴ Fauzi Saleh (2012), “Fikih Peradaban Dalam Kisah al-Qur’an,” *Al-Mu’ashirah*, Vol. 9, No. 1, (Jan., 2012): 39-48

¹³⁵ Ali Aslan Gümüşay (2015) “Entrepreneurship from an Islamic Perspective” *Journal of Business Ethics*, August 2015, Volume 130, Issue 1, pp 199–208

¹³⁶ Nazrudin Hashim dan Munirah Zakaria (2016), “Amalan Keusahawanan Nabi Daud AS: Analisa Dār ipada Al-Quran dan Hadis,” *Kolokium Keushawanan 2016*, (sunt. Jaslin Dahlan et.al), Segamat: UiTM Johor, h. 52-57

¹³⁷ Veland Ramadani, Léo-Paul Dana, Vanessa Ratten, Sadush Tahiri (2015) “The Context of Islamic Entrepreneurship and Business: Concept, Principles and Perspectives,” *International Journal of Business and Globalisation* , Vol.15, (3): 244–261

Perspective On Entrepreneurship,” yang menyarankan Model Keusahawanan Muslim.¹³⁸ Hasan dan Hippler (2014) turut menyokong model dan konsep keusahawanan Islam dalam kajian mereka, “Entrepreneurship and Islam: An Overview,” dengan menegaskan bahawa usahawan Muslim melakukan aktiviti untuk kesejahteraan umat.¹³⁹ Ringkasnya, menurut Hariyaty Ab Wahid dan Norasmah Othman (2013), seseorang usahawan perlu bertanggungjawab dan melaksanakan aktiviti keusahawanan sosial.¹⁴⁰ Hakikat ini menepati kajian Wafica Ali Ghoul (2015), “Entrepreneurship within the framework of Shari’ah,”¹⁴¹ dan Emin Baki Adas (2006), “The Making of Entrepreneurial Islam and the Islamic Spirit of Capitalism,” yang menegaskan bahawa keusahawanan Islam perlu mematuhi kehendak Syariah dan membina semula kesepaduan antara Islam, ekonomi dan keusahawanan yang sekian lama terpisah di bawah telunjuk kapitalisme.¹⁴²

Keusahawanan Islam menekani pelaku dan aktiviti keusahawanan supaya mempraktikkan nilai dan etika. Hakikat ini benar menurut kajian Wan Sabri Wan Hussin (2001), “Nilai dan etika Islam dalam perniagaan: Amalan dan tanggapan masyarakat Malaysia”,¹⁴³ serta Nor`Azzah Kamri (2009), dalam “Etika Usahawan Muslim Berpandukan al-Quran dan al-Sunnah.”¹⁴⁴ Pandangan ini disahkan pula oleh kajian Mohd Zain Mubarak (2014), “Keusahawanan Islam Berasaskan Ciri

¹³⁸ Miles K. Davis (2013), “An Islamic Perspective On Entrepreneurship,” *International Journal of Entrepreneurship and Small Business*, Vol. 20, No. 1, 2013: 63-69

¹³⁹ M. Kabir Hassan & William J. Hippler (2014), “Entrepreneurship and Islam: An Overview,” *Econ Journal Watch*, 11(2) (May 2014): 170-178

¹⁴⁰ Hariyaty Ab Wahid dan Norasmah Othman (2013), “Social Entrepreneurship and the Competitiveness of Students in Social Entrepreneurship Program,” *Management Research Journal*, Vol. 2, No. 1 (2013): 80 - 91

¹⁴¹ Wafica Ali Ghoul (2015), “Entrepreneurship within the framework of Shari’ah,” *International Journal of Business and Globalisation*, Vol.15, No.3 (2015): pp.262 - 271

¹⁴² Emin Baki Adas (2006), “The Making of Entrepreneurial Islam and the Islamic Spirit of Capitalism” *Journal for Cultural Research*, Vol.10 (2): 113-137.

¹⁴³ Wan Sabri Wan Hussin (2001), “Nilai dan etika Islam dalam perniagaan: Amalan dan tanggapan masyarakat Malaysia,” Tesis Ph.D, Universiti Malaya.

¹⁴⁴ Kamri, Nor`Azzah (2009) “Etika Usahawan Muslim Berpandukan al-Quran dan al- Sunnah,” dalam *Keusahawanan Islam: Konsep dan Isu-Isu Pelaksanaannya*, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah, API

Personaliti dan Kerohanian di Negeri Kelantan,” apabila mendapati ciri usahawan yang menepati kehendak Islam adalah mereka yang mempunyai personaliti terbaik.¹⁴⁵ Ciri tersebut adalah memiliki dan mengamalkan nilai kerohanian seperti yakin kuasa Allah, tawakkal, berakhlak, amalan dan qana’ah.¹⁴⁶ Nilai keislaman tersebut perlu dipraktikkan dalam semua aspek kehidupan termasuk aktiviti keusahawanan, sepertimana dijelaskan oleh Imam al-Ghazali. Hal ini tertera dalam kajian Nik Yusri dan Nurullah (2015), “Kerohanian Dalam Keusahawanan Islam: Perspektif al-Ghazali Dalam Kitab Ihya' Ulum al-Din.”¹⁴⁷

Kriteria modal insan yang terbangun berkaitan kesusahawanan menurut perspektif al-Quran dan Sunnah adalah yang melaksanakan budaya keusahawanan yang berorientasikan ketakwaan, sepertimana penemuan Mohd Faizal dan rakan-rakan (2013) dalam “The Entrepreneurs Characteristic from al-Quran and al-Hadis.”¹⁴⁸ Dapatan ini juga dikemukakan oleh Suhairimi Abdullah (2011), “Nilai-Nilai Murni Dalam Keusahawanan Islam: Satu Kajian Terhadap Usahawan Berjaya Di Perlis.”¹⁴⁹ Hal ini bermakna, usahawan yang mengamalkan nilai dan etika merupakan usahawan yang berjaya. Kepentingan aspek nilai sebagai indikator usahawan yang berjaya juga selaras dengan kajian Buerah Tunggak (2007), bertajuk “Budaya Niaga Usahawan Bumiputera dan Implikasinya Terhadap Pendidikan dan Pembangunan Keusahawanan Muslim,” yang mengkaji permasalahan nilai dan etika Islam dalam kalangan usahawan

¹⁴⁵ Mohd Zain Mubarak, (2014) “Keusahawanan Islam Berasaskan Ciri Personaliti dan Kerohanian di Negeri Kelantan,” Tesis Ph.D., Universiti Malaysia Terengganu.

¹⁴⁶ Mohd Zain Mubarak, Asyraf Ab. Rahman dan Mohd Rafi Yaacob (2015), “Elemen Kerohanian Dalam Keusahawanan Islam: Kajian Terhadap Usahawan Berjaya Di Negeri Kelantan,” *Journal Of Business And Social Development*, Vol. 3 No. 1, (March 2015): 43-53

¹⁴⁷ Nik Yusri Musa dan Nurullah Kurt (2015), “Kerohanian Dalam Keusahawanan Islam: Perspektif al-Ghazali Dalam Kitab Ihya' Ulum al-Din,” dalam *Konsep Keusahawanan Sosial Islam: Suatu Pengenalan*, Kota Bharu: Universiti Malaysia Kelantan, h. 22-46.

¹⁴⁸ Lihat Mohd Faizal P. Rameli, Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, dan Kalsom Ab. Wahab (2013), “The Entrepreneurs Characteristic from al-Quran and al-Hadis,” *International Journal of Trade, Economics and Finance*, Vol. 4, No. 4, August: 191-196

¹⁴⁹ Suhairimi Abdullah (2011), “Nilai-Nilai Murni Dalam Keusahawanan Islam: Satu Kajian Terhadap Usahawan Berjaya Di Perlis,” Tesis PhD Universiti Sains Malaysia

bumiputera Industri Kecil dan Sederhana. Beliau mencadangkan bahawa Model Pendidikan dan Pembangunan Usahawan Bumiputera Muslim bagi membentuk sikap keusahawan perlu berteraskan ajaran Islam.¹⁵⁰

Keperluan aspek-aspek seperti konsep keusahawanan dan model serta ciri usahawan Muslim yang berkisar dari kaedah Islam, bukan persekitaran Barat turut dicadangkan oleh Adnan Alias & Mohammad Dahlan Ibrahim (2002). Mereka juga menyarankan agar Institut Pengajian Tinggi perlu aktif dalam rangka bertindak bidang keusahawanan yang baru masuk fasa permulaan melalui kajian ilmu untuk membantu menyemarakkan bidang keusahawanan Islam ini.¹⁵¹ Kajian tentang model perlakuan usahawan Muslim yang berorientasikan akidah dan nilai agama turut juga dicadangkan oleh Miles K. Davis (2013) dalam “An Islamic Perspective On Entrepreneurship.”¹⁵² Kepentingan ini sekali lagi disarankan oleh Vanessa Ratten et.al (2016), dalam “Islamic Entrepreneurship and Management: Future Research Directions.”¹⁵³

Ringkasnya, dengan ruang lingkup yang masih terbuka dan belum banyak terusik, kajian ini cuba menyingkap metode dan kriteria pembangunan modal insan berkaitan keusahawanan berdasarkan kisah anbiya dalam al-Quran.

1.10 KEPENTINGAN KAJIAN

¹⁵⁰ Buerah Tunggak (2007), “Budaya Niaga Usahawan Bumiputera Dan Implikasinya Terhadap Pendidikan dan Pembangunan Keusahawanan Muslim”, Disertasi PhD, UTM.

¹⁵¹ Adnan Alias & Mohammad Dahlan Ibrahim (2002), *Keusahawanan Islam*, Petaling jaya: Prentice Hall, h. 123

¹⁵² Lihat Miles K. Davis (2013), “An Islamic Perspective On Entrepreneurship,” *International Journal of Entrepreneurship and Small Business*, Vol. 20, No. 1, 2013: 63-69

¹⁵³ Vanessa Ratten, Veland Ramadani, Léo-Paul Dana, Shqipe Gërguri-Rashiti (2016), “Islamic Entrepreneurship and Management: Future Research Directions,” *Entrepreneurship and Management in an Islamic Context* (Editors: Veland Ramadani, Léo-Paul Dana, Shqipe Gërguri-Rashiti, Vanessa Ratten), USA: Springer International Publishing, h. 227-242

Kajian ini penting dari beberapa segi dan kepada beberapa pihak. Antaranya:

1.10.1. Bahan Siap

Hasil kajian ini merupakan bahan ‘masak’, yakni bahan siap yang disusun atur dan diolah semula mengikut tema dari sumber al-Quran dalam bidang pembangunan modal insan untuk didokumenkan secara bertulis dan kekal, terutamanya sebagai buku atau bahan rujukan. Bahan ini boleh mengisi ruang kosong perspektif pembangunan modal insan berkaitan keusahawanan yang belum banyak dikaji secara mendalam atau rentas disiplin. Istimewanya, bahan ini juga boleh menjadi nilai tambah dan memperkayakan lagi bidang tafsir tematik. Ataupun, paling tidak, hasil kajian ini merupakan Bahan Sirkular yang dioleh semula dari perspektif berbeza. Bahan keusahawanan banyak dikaji, namun hubungkaitnya dengan kisah anbiya sukar dicari. Sudah tentu perspektif hasil kajian ini melihat sisi yang berbeza dengan beberapa aspek pandangan Barat yang sekian lama diamalkan oleh masyarakat Islam, terutamanya berkaitan pembangunan modal insan serta keusahawanan.

1.10.2. Pihak Kerajaan

Hasil kajian ini boleh merupakan bahan utama untuk mengisi, merangka dan menjadikan model pembangunan modal insan dari perspektif Islam. Anbiya merupakan model dan insan terbaik. Lantaran itu, tema pembangunan modal insan dari kisah anbiya dalam al-Quran merupakan bahan utama untuk menjadi model pembinaan modal insan kelas pertama dalam sesebuah negara. Apa lagi negara Islam seperti Malaysia yang sedang menuju kepada wawasan menjadi negara maju dengan imej masyarakat hadhari, khususnya yang berkaitan keusahawanan.

1.10.3 Institusi Latihan

Hasil kajian ini boleh menjadi bahan utama dalam kandungan latihan untuk program latihan atau pembangunan modal insan berkaitan keusahawanan. Paling tidak, pengamal, jurulatih atau pelatih mempunyai rujukan yang memberikan perspektif baru aspek pembangunan modal insan.

1.10.4 Individu

Semua individu yang berminat dengan tema kisah anbiya, pembangunan modal insan dan keusahawanan boleh mendapat manfaat dari hasil dapatan kajian. Pelbagai faedah dari hasil kajian ini boleh dinilai semula, dikembangkan atau diadun dengan bidang kajian lain dengan perspektif berbeza. Sementara pengamal bidang keusahawanan boleh mendapat manfaat untuk mempertingkatkan pemahaman serta mendapat pakej lengkap membentuk kualiti diri sebagai usahawan Muslim.

1.11 KESIMPULAN

Melalui kajian ini pengkaji berharap akan dapat merintis jalan kepada kajian lanjutan dalam bidang ini serta bidang lain yang lebih luas menurut perspektif al-Quran. Akhirnya, jika pun hasil kajian ini tidak menjadi alternatif segera kepada pembangunan negara Islam seperti Malaysia khususnya, maka dunia keilmuan Islam menjadi lebih kaya dan cemerlang dalam bidang keilmuan. Dengan demikian, seruan dakwah anbiya menjadi lebih berkembang dan menepati aspirasi pengembangan ilmu sebagai warisan anbiya.

BAB 2: ANBIYA DALAM AL-QURAN BERKAITAN KEUSAHAWANAN

2.1. Pengenalan

Antara kandungan al-Quran adalah berkaitan dengan kisah para anbiya. Sewaktu menceritakan kisah mereka ini, al-Quran menggunakan istilah nabi dan rasul. Meskipun kedua-dua istilah ini mempunyai rujukan maksud yang tersendiri, namun kajian ini mengguna pakai istilah nabi dan rasul dalam maksud yang sama iaitu anbiya atau para nabi.¹ Istilah nabi dan rasul ini hadir dalam bentuk ifrād, *nabī* atau *rasul* serta dalam bentuk jamak, *anbiyā'* atau *rusul* berkaitan dengan tugas dakwah dan perjuangan mereka. Semua anbiya merupakan manusia terpilih yang berakhlak mulia, diberikan wahyu oleh Allah SWT dan bertugas menyeru manusia ke jalan yang benar dengan mentauhidkan Allah dan menjauhi taghut.² Ini bermakna peranan setiap anbiya berkisar sekitar proses membangunkan manusia dalam pelbagai bidang kehidupan termasuk berkaitan keusahawanan.

Kisah merupakan lafaz infiniti (maṣdar) yang berasal dari perkataan Arab, *qīṣaṣ* dengan kata jamak *qāṣaṣ*, bererti menceritakan atau mengikuti jejak.³ Kisah merujuk

¹ Nabi ialah seorang lelaki mendapat wahyu untuk dirinya sendiri sebagai teladan insan, manakala bagi rasul menerima pula untuk diri dan kaumnya. Anbiya dalam konteks kajian ini ialah lelaki yang diberikan wahyu oleh Allah untuk berdakwah kepada manusia dengan memberikan khabar gembira serta ancaman. Wahyu sampai kepada anbiya dalam bentuk kitab atau suhuf, secara langsung sekali gus atau beransur-ansur menerusi perantaraan malaikat. Lihat surah al-An'ām, 6: 48; 'Afif 'Abd al-Fattah Ṭabbārah, *Ma'a al-Anbiyā'*, h. 1-2. Lihat pandangan ulama seperti al-Ṭahāwī, al-Sya'ranī, al-Alūsī dan lain-lain tentang pengertian nabi dan rasul dalam Wan Zailan Kamaruddin, *Hakikat Kenabian Menurut al-Quran*, h. 3-10

² Surah al-Naḥl, 16: 36. Tugas ini diperincikan kepada tiga: Menyeru manusia beriman dengan Allah, hari akhirat dan menyampaikan syariat. Lihat 'Afif 'Abd al-Fattah Ṭabbārah, h. 10

³ Lihat Ibn Manzur, *Lisān al-'Arab; al-Ṣaḥḥah fī al-Lughah*, entri *qāṣaṣ*, di <http://www.baheth.info/all.jsp?term=qasas>. Lafaz ini digunakan oleh al-Quran, misalnya surah al-Kahfī, 18: 64, bermaksud mengikut jejak.

kepada hal, cerita, kejadian atau riwayat.⁴ Secara istilah, kisah merupakan media untuk menceritakan aspek kehidupan yang merangkumi satu atau beberapa peristiwa yang tersusun secara kronologis, yakni ada permulaan dan pengakhiran.⁵ Namun begitu, dalam konteks kajian ini, kisah merujuk kepada semua penceritaan yang dijelaskan oleh al-Quran mengenai umat terdahulu, peristiwa-peristiwa kenabian dan peristiwa-peristiwa lain yang pernah terjadi pada masa lalu.⁶ Dalam hal ini, apabila kisah dikaitkan dengan anbiya, istilah yang biasa digunapakai adalah sirah. Sirah anbiya adalah perjalanan, riwayat hidup dan perjuangan para nabi.⁷

Secara ringkas, kisah anbiya merupakan cerita berkaitan dengan peristiwa, perjalanan, perjuangan atau peribadi para nabi yang dirakamkan oleh al-Qur'an untuk pengajaran kepada manusia dalam semua aspek kehidupan. Ini bermakna, meskipun kisah anbiya berkaitan dengan peristiwa yang berlaku dalam sejarah, namun tumpuan kisah adalah kepada makna di sebalik peristiwa tersebut, sehingga timbul rasa kesedaran batin dan kasih terhadap anbiya.⁸ Lantaran itu, kajian mengenai kisah dapat memahami situasi, peristiwa atau perlakuan yang dialami oleh sesebuah masyarakat atau negara dalam semua segi seperti politik, ekonomi dan sosial.⁹ Tegasnya, kisah anbiya dalam al-Quran memberikan kepentingan dari segi informasi, justifikasi kisah terdahulu serta pendidikan kepada kehidupan manusia.¹⁰

⁴ Abdul Mustaqim (2011), "Kisah al-Qur'an: Hakekat, Makna, dan Nilai-Nilai Pendidikannya," *Ulumuna*, Volume XV, No. 2 (Dis, 2011): 265-260

⁵ Muḥammad Kamīl Ḥasan al-Muhamī (1970), *al-Qur'ān wa al-Qiṣaṣ al-Hadithah* (t.tp: Dār al-Buhūth al-'Ilmiyyah, h. 9.

⁶ Manna al-Qaththan (1973), *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'ān*, t.tp: Manṣurah al-Aṣr al-Hadith, h.306

⁷ Secara istilahnya, sirah digunakan khusus kepada sejarah, perjalanan, riwayat hidup dan perjuangan nabi Muhammad SAW. Lihat Zakaria Bashier (1990), *Sushine At Medina*, Leicester: The Islamic Foundation, h. 11. Dalam konteks ini, sirah boleh dipakaikan kepada semua kisah perjalanan dan perjuangan anbiya.

⁸ Perbezaan kisah anbiya dalam kitab sejarah lain atau gambaran Taurat lebih menumpukan kepada tarikh atau sejarah, sedangkan al-Quran fokus kepada teladan di sebalik kisah. Lihat 'Afif 'Abd al-Fattah Ṭabbārah, *Ma'a al-Anbiyā'*, h. 33-40

⁹ Yahya Jusoh dan Azhar Muhammad (2007), *Pendidikan Falsafah Sains al-Qur'an*, Skudai: Penerbit UTM Press, h. 90

¹⁰ Abdul Mustaqim, "Kisah al-Qur'an: Hakekat, Makna, dan Nilai-Nilai Pendidikannya,": 271-272; Kalam Setia, Hafiziannur, & Zawawi Ismail (2014), "Nabi Yusuf AS dan Makna Pendidikan dalam Islam," *Fikiran Masyarakat*, Vol. 2, No. 1, (2014): 1-18

Mengapakah kisah anbiya? Rasional pemilihan kisah anbiya sebagai sampel kajian memandangkan tugas mereka sendiri berkaitan dengan penyempurnaan akhlak.¹¹ Penyempurnaan akhlak merupakan suatu proses berterusan dan berkaitan secara langsung dengan pembangunan insan. Dengan demikian, seruan dakwah anbiya adalah merupakan seruan untuk membangunkan manusia. Penyempurnaan akhlak atau pembangunan insan amat penting untuk mencapai kebahagiaan serta keselamatan hidup di dunia dan akhirat. Apabila menyentuh kesejahteraan hidup di dunia dan keselamatan hidup akhirat, secara langsung tugas anbiya bersabit dengan hal ehwal pembangunan modal insan. Iaitu tugas mempersiapkan manusia hari ini untuk kesejahteraan dan persiapan hidup hari esok.¹²

Dari perspektif lain, al-Quran sendiri menggambarkan kisah anbiya sebagai seindah kisah untuk pedoman hidup manusia. Misalnya, bersabit dengan kisah Yusof, firman-Nya: “Kami ceritakan kepadamu (Wahai Muhammad) seindah-indah kisah dengan jalan Kami wahyukan kepadamu al-Quran ini, padahal sebenarnya engkau sebelum datangnya wahyu itu, adalah dari orang-orang yang tidak pernah menyedari akan halnya.”¹³ Sebaik-baik kisah dalam ayat tersebut merujuk kepada segala apa yang dikisahkan oleh Allah dalam Kitab-Nya.¹⁴ Ini bermakna, kisah anbiya dalam al-Quran bukan sahaja indah tetapi juga sebagai suatu bentuk peringatan terhadap sesuatu yang dilupai atau tidak diketahui. Peri kepentingan inilah, di tempat lain Allah umpamakan kisah anbiya sebagai suatu iktibar, pengajaran dan sebagai penguat hati dalam perjuangan menegakkan kebenaran.¹⁵ Pada hal, umum mengetahui bahawa anbiya merupakan manusia terpilih. Maka, sudah tentu mereka cukup gigih dan lasak, bukan macam manusia biasa yang mudah berputus asa dalam

¹¹ Lihat hadis riwayat Ahmad, *Musnad*, Bāb Musnad Abī Hurairah, hadis no. 8595

¹² Secara konsepnya, pembangunan modal insan adalah menyediakan sumber manusia untuk sesuatu tugas pada masa hadapan. Konsep ini akan diterangkan dalam Bab 3

¹³ Surah Yūsof, 12: 3

¹⁴ Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 5. Kisah anbiya juga diceritakan dalam gaya bahasa, penyusunan ayat, ibarat dan isi yang padat menyebabkan kisah ini dikatakan indah. Lihat ‘Afif ‘Abd al-Fattah Ṭabbārah, *Ma‘a al-Anbiyā*, h. 36-37

¹⁵ Lihat surah Yūsof, 12: 111; Hūd, 11: 120

melaksanakan tugas berdakwah. Tentu sekali iktibar, pengajaran, penguat hati dari kisah anbiya yang terindah tersebut adalah terbuka, tidak terhad kepada anbiya, malah untuk insan yang hidup selepas zaman mereka juga.¹⁶ Jadi, sudah tentu iktibar dari kisah anbiya ini mampu membuatkan manusia berfikir untuk membina kehidupan yang lebih baik.¹⁷

Lantaran keindahan serta terkandung banyak pengajaran atau iktibar inilah wujud pengulangan mengenai kisah anbiya yang sama tetapi terdapat dalam ayat atau surah yang berlainan.¹⁸ Hakikat sebenar sudah tentu menjadi rahsia Allah. Namun rahsianya boleh difahami sebagai suatu bentuk keindahan, cara memberikan gambaran terhadap peristiwa dari sudut serta penekanan yang berbeza oleh al-Quran.¹⁹ Apa yang penting tiada kontradiksi dalam pengulangan tersebut, sebaliknya timbul pula kefahaman yang berbeza dari sebutan pertama.²⁰ Tegasnya, rakaman semula kisah tersebut membawa sisi manfaat, kandungan pengajaran dan bentuk penyampaian yang berbeza.

Antara hikmah dan manfaat yang boleh dijadikan iktibar di mana kisah mereka mengandungi khabar, fakta dan makna tentang sesuatu peristiwa. Tabiat serta watak kaum mereka menjadi sunnah Allah yang boleh diambil pengajaran. Anbiya menunjukkan manhaj berguna dalam penyebaran dakwah. Ada unsur kesabaran dan kesungguhan usaha anbiya, serta unsur keangkuhan manusia, lantaran dipengaruhi oleh nafsu, adat, kuasa dan harta dan lain-lain lagi.²¹

¹⁶ Bradley J. Cook, (2000), "The Book of Abraham and the Islamic Qisas al-Anbiya' (Tales of the Prophets) Extant Literature," *Dialogue: A Journal of Mormon Thought*, Vol. 33, Num. 4 (Winter, 2000): 127 – 146

¹⁷ Lihat Al-Khālidī, *al-Qaṣaṣ al-Qur'ānī*, h. 1: 32-37; surah al-A'rāf, 7: 176.

¹⁸ Misalnya kisah Ibrahim dengan bapanya ada dalam surah Maryam, 19: 41-48 dan al-Anbiyā', 21: 51-56

¹⁹ 'Afif 'Abd al-Fattah Ṭabbārah, *Ma'a al-Anbiyā'*, h. 38

²⁰ Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 6

²¹ Lihat ibid, h. 1: 6-8

Ringkasnya, kajian terhadap kisah anbiya ini akan menterjemahkan teladan, pengajaran dan pemikiran berguna kepada manusia, khususnya dalam konteks pembangunan modal insan berkaitan keusahawanan.

2.2. Anbiya Dalam Al-Quran

Al-Qur'an merakamkan kisah anbiya dalam banyak ayat dan keadaan.²² Sebahagian anbiya diabadikan sebagai nama surah al-Quran secara umum seperti al-Anbiya', serta menggunakan nama mereka secara khusus seperti Yunus, Hud, Yusuf, Ibrahim, Muhammad dan Nuh.²³ Terdapat juga rakaman tentang himpunan anbiya yang diceritakan oleh Allah seperti dalam firman-Nya:

“Dan Kami telah kurniakan kepada Nabi Ibrahim: (anaknyanya) Ishak (dari isterinya Sarah), dan (cucunya) Yaakub. Tiap-tiap seorang (dari mereka) Kami telah berikan petunjuk, dan Nabi Nuh juga Kami telah berikan petunjuk dahulu sebelum itu; dan dari keturunan Nabi Ibrahim itu (ialah Nabi-nabi): Daud, dan Sulaiman, dan Ayub, dan Yusuf, dan Musa, dan Harun. Dan demikianlah Kami memberi balasan kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amal perbuatannya. Dan (dari keturunannya juga ialah Nabi-nabi): Zakaria, dan Yahya, dan Isa, dan Ilyas; semuanya dari orang-orang yang soleh. Dan (dari keturunannya juga ialah Nabi-nabi): Ismail, dan Alyasak dan Yunus, dan Lut; dan mereka itu semuanya, Kami lebihkan darjat mereka atas umat-umat (yang ada pada zamannya).”

(Surah al-An'ām, 6: 84-86)

Ayat di atas menjelaskan nama sebahagian anbiya berketurunan dari dua tokoh iaitu Nuh dan Ibrahim. Terdapat dua puluh lima (25) orang anbiya yang tercatat dalam sebutan al-Quran.²⁴ Mereka itu ialah Adam, Idris, Nuh, Hud, Saleh, Ibrahim, Lut, Ismail, Ishak,

²² Misalnya surah al-An'am, 6: 84-86; Surah Sad, 38: 48; Hud, 11: 84; Surah al-Ahzab, 33: 40. Ada anbiya dirakamkan oleh al-Quran dan ada yang tidak sepertimana surah an-Nisa', 4: 164 menjelaskan: “Dan (Kami telah mengutuskan) beberapa orang Rasul yang telah Kami ceritakan kepadamu dahulu sebelum ini, dan Rasul-rasul yang tidak Kami ceritakan hal mereka kepadamu. Dan Allah telah berkata-kata kepada Nabi Musa Dengan kata-kata (secara langsung, tidak ada perantaraan).”

²³ Al-Khālidī, *al-Qaṣaṣ al-Qur'ānī*, h. 1: 27. Jajaran nombor surah adalah al-Anbiyā', surah ke 21, Yūnus (10), Hūd (11), Yūsuf (12), Ibrāhīm (14), Muḥammad (47) dan Nūh (71).

²⁴ Seramai 18 orang anbiya disebut dalam surah al-An'am, 6: 83-86 di atas, manakala 7 yang lain secara berasingan, iaitu Adam (Āli 'Imrān, 3: 33), Hud (Hūd, 11: 50), Saleh (Hūd, 11: 61), Syuaib (Hūd, 11: 84), Idris dan Zulkifli (al-Anbiyā', 21: 85), dan Muhammad (al-Faḥ, 48: 29).

Yaakub, Yusuf, Syuaib, Ayub, Zulkifli, Musa, Harun, Daud, Sulaiman, Ilyas, Ilyasa', Yunus, Zakaria, Yahya, Isa dan Muhammad.²⁵ Berdasarkan ayat di atas juga, al-Quran yang menghitung nama anbiya bagaimanapun lebih terarah kepada memperlihatkan kedudukan mereka sebagai kalangan yang mendapat petunjuk, berusaha dengan amal baik, golongan yang beramal soleh serta mendapat darjat istimewa berbanding manusia lain.

Pengutusan rasul atau anbiya merupakan keperluan bagi manusia. Dalam hal ini, al-Quran menerangkan: "Rasul-rasul (yang Kami telah utuskan itu semuanya) pembawa khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pembawa amaran (kepada orang-orang yang kafir dan yang berbuat maksiat), supaya tidak ada bagi manusia sesuatu hujah (atau sebarang alasan untuk beralih pada hari kiamat kelak) terhadap Allah sesudah mengutuskan Rasul-rasul itu. dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."²⁶ Ayat di atas menjelaskan bahawa pengutusan anbiya merupakan suatu sunnatullah, yakni keperluan kepada manusia dan sebagai alasan atau hujah agar manusia tidak boleh menolak tidak mendapat peringatan atau seruan agar beriman kepada Allah.²⁷ Dengan demikian, manusia wajar diberikan nikmat atau pahala serta azab dan nestapa selepas pengutusan para anbiya.²⁸ Lantaran itu beriman dengan anbiya merupakan suatu kewajipan bagi setiap mukallaf, tanpa membeza-bezakan mereka.²⁹

Al-Quran menggambarkan kisah anbiya dalam tiga bentuk; panjang, sederhana dan ringkas. Kisah anbiya yang dijelaskan dengan mendalam termasuklah Ibrahim, Musa dan Yusuf. Manakala penjelasan kisah anbiya secara sederhana seperti Yunus, Sulaiman dan Lut. Sesetengah anbiya pula dikisahkan oleh al-Quran secara ringkas seperti Ismail dan

²⁵ 'Afif 'Abd al-Fattah Ṭabbārah, *Ma'a al-Anbiyā'*, h. 17. Biografi ringkas anbiya berkaitan kajian ini dijelaskan dalam **Lampiran A**

²⁶ Surah al-Nisā', 4: 165

²⁷ 'Afif 'Abd al-Fattah Ṭabbārah, *Ma'a al-Anbiyā'*, h. 14

²⁸ Lihat surah al-Isrā, 17: 15

²⁹ Lihat surah al-Baqarah, 2: 136; 2: 285

Ishak. Sementara sebahagian anbiya seperti Ilyas, Ilyasa' serta Zulkifli hanya disebutkan nama oleh al-Quran tanpa penceritaan detail.³⁰

Adakala al-Quran turut menceritakan dengan lokasi, situasi serta tema atau isu berkaitan sesuatu kisah anbiya. Umpamanya, apabila menceritakan kisah Yusof mentafsirkan mimpi raja, maka rujukan lokasi bumi Mesir dan situasi masa kemarau turut diselitkan.³¹ Begitu juga dengan peristiwa nabi Syuaib membetulkan transaksi urusan niaga kaumnya di Madyan.³² Terdapat juga petunjuk dari segi jumlah anbiya berdakwah kepada sesuatu kaum, misalnya nabi Lut kepada kaum Aad, Musa dan Haron berdakwah kepada Firaun di Mesir, atau kedatangan tiga orang nabi menyerikan kisah anbiya ini.³³ Al-Quran merakamkan lokasi lokasi kisah anbiya berlaku di empat (4) persekitaran meliputi Jazirah Arab, Iraq, Syam dan Palestine serta Mesir.³⁴ Rumusan lokasi pengutusan ini menterjemahkan bahawa setiap kaum yang wujud di dunia ini memiliki anbiya mereka sendiri dalam batasan waktu tertentu sebagai tanda kasih sayang Allah terhadap makhluk-Nya.³⁵ Ini bererti bahawa setiap anbiya memiliki kaum tersendiri untuk tugas dakwah yang mempunyai negara kota dengan aktiviti sosiobudaya, politik dan ekonomi.³⁶

³⁰ Al-Khālīdī, *al-Qaṣaṣ al-Qur'ānī*, h. 1: 27-28

³¹ Lihat surah Yūsuf, 12: 21 & 12: 47-49

³² Lihat surah Hūd, 11: 84

³³ Lihat surah Yasīn, 36: 14

³⁴ Berasaskan kepada analisis ayat al-Quran berkaitan, serta penjelasan al-Maghlouth, *Atlas Tārikh al-Anbiyā' wa al-Rusul*, h. 50-56. Anbiya di Jazirah Arab adalah Adam di Dahna, Mekah dan Taif atau India; Hud di Ahqaf, kepada kaum Ad; Saleh di Hijr, kepada Thamud; Ismail di Mekah, kepada Amalik dan kabilah Yaman; Syuaib di Madyan kepada kaum Madyan dan Aikah, dan Muhammad di Mekah dan Madinah kepada semua manusia. Anbiya di Syam dan Palestine adalah Lut, di Sodom dan Amurah, kepada kaumnya; Ishak di Hebron, kepada kaum Kan'an; Yaakub di Syam, kepada kaum Kan'an; Zulkifli di persekitaran Dimasyq, Syam, kepada kaum Aromi; Daud di Palestine, kepada Bani Israel; Sulaiman di Palestine, kepada Bani Israel dan persekitaran; Ilyas di Ba'labak, kepada kaum Fenisia; Ilyasa' di Jaubar, Daimasyq, kepada kaum Aromi dan Bani Israel; Zakaria di Palestine, kepada Bani Israel; Yahya di Palestine, kepada Bani Israel; dan Isa di Nazareth, Palestine, kepada Bani Israel. Anbiya di Syam dan Palestine adalah Lut, di Sodom dan Amurah, kepada kaumnya; Ishak di Hebron, kepada kaum Kan'an; Yaakub di Syam, kepada kaum Kan'an; Zulkifli di persekitaran Dimasyq, Syam, kepada kaum Aromi; Daud di Palestine, kepada Bani Israel; Sulaiman di Palestine, kepada Bani Israel dan persekitaran; Ilyas di Ba'labak, kepada kaum Fenisia; Ilyasa' di Jaubar, Dimasyq, kepada kaum Aromi dan Bani Israel; Zakaria di Palestine, kepada Bani Israel; Yahya di Palestine, kepada Bani Israel; dan Isa di Nazareth, Palestine, kepada Bani Israel. Manakala anbiya yang dituturkan di Mesir adalah Yusof, kepada kaum Heksos dan Bani Israel, Musa dan nabi Harun kepada kaum Fir'aun dan Bani Israel.

³⁵ Lihat misalnya surah al-Isrā', 17: 15. Jangkauan masa adalah tahun 5000 ke 3000 Sebelum Masihi (SM) dengan 5 anbiya, sekitar tahun 2000 SM dengan 12 anbiya, 1000SM (4) Abad 1M (3 anbiya), dan

Pemetaan kisah anbiya dari segi isu atau tema yang menjadi medan dakwah mereka adalah pelbagai, seiring dengan bidang kehidupan kaum yang menjadi sasaran dakwah itu sendiri. Anbiya bertindak turut serta dalam setiap tema sosiobudaya, landskap politik atau ekonomi yang menjadi budaya sesuatu kaum. Kedekatan anbiya dengan budaya hidup kaum mereka sehinggakan dipanggil dalam sebutan al-Quran panggilan ‘saudara mereka.’³⁷ Hakikat ini menunjukkan bahawa anbiya tidak memisahkan diri dari situasi dan perjalanan hidup masyarakatnya. Mereka bertindak sebagai contoh teladan, atau pengimbang kepada aktiviti hidup insan.³⁸ Dalam konteks ini, ada kisah penerimaan dakwah anbiya seperti Isa dengan Hawariyun.³⁹ Terdapat juga kisah penentangan terhadap anbiya seperti dalam kisah Nuh dan anbiya lain.⁴⁰ Faktor adat dan keangkuhan menjadi halangan dan cabaran kepada anbiya apabila kaum mereka bukan sekadar menolak dakwah, tetapi menuduh anbiya seperti Nuh, Hud Salleh dan lain-lain sebagai penyihir, bodoh, manusia biasa, pembohong dan gila.⁴¹

Tema utama yang menjadi fokus dakwah anbiya adalah keimanan kepada Allah SWT, iaitu membetulkan akidah manusia agar menyembah Allah dan beriman dengan hari akhirat serta mengajak manusia meninggalkan kemungkarannya.⁴² Isu kekeluargaan

Abad ke 7M seorang nabi, iaitu Muhammad. Lihat al-Maghlouth, *Atlas Tarikh al-Anbiyā' wa al-Rusul*, h. 58

³⁶ Untuk melihat taburan lokaliti pengutusan anbiya, lihat **Lampiran B**

³⁷ Misalnya surah al-Ahqāf, 64: 21; Hud, 11: 50

³⁸ Surah al-Nisā', 4: 165

³⁹ Lihat surah al-Şaf, 61: 14

⁴⁰ Lihat surah Nūh, 71

⁴¹ Lihat surah al-Zukhruf, :23; al-Jāthiah,45: 23-25; al-Mukminūn, 23: 24-25; al-A'rāf, 7: 70-71

⁴² Surah al-Nahl, 16: 36, bermaksud: “Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Taghut." Dalam hal ini, Ibn Hibban dan al-Baihaqi meriwayatkan daripada Abu Dzar yang menyebutkan bahawa jumlah para anbiya seramai 124 ribu orang dan kitab yang diturunkan berjumlah 104 buah. Semua mereka menyeru umat mentauhidkan Allah dan menolak syirik dengan-Nya. Lihat Muhammad bin Alī al-Syaukanī (1984), *Irsyad al-Thiqat ilā Ittifāq al-Syar'i*, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 5. Sebagai contoh, firman-Nya surah al-A'rāf, 7: 65: “Dan kepada kaum Aad, (Kami utuskan) saudara mereka Nabi Hud, berkata: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tidak ada Tuhan bagi kamu selain daripada-Nya. Oleh itu, tidakkah kamu mahu bertakwa kepada-Nya?"

terdapat dalam kisah Zakariya dan Maryam, nabi Nuh dan Ibrahim.⁴³ Sementara isu sosial seperti golongan homoseksual kaum Lut pula dijelaskan oleh al-Quran sebagai dosa besar.⁴⁴ Aspek politik dan kekuasaan merupakan antara medan dakwah yang diceburi oleh anbiya, seperti Musa dan Harun yang membetulkan kepimpinan Fir'aun yang melampaui batas, mengaku sebagai Tuhan yang memiliki segala sumber alam, air dan sungai.⁴⁵ Ini bermakna, kekuasaan sebagai matlamat untuk mencapai cita-cita dan kepentingan dunia yang bersifat sementara adalah salah. Hakikat yang tepat ialah penggunaan kuasa dan kedudukan sebagai alat memakmurkan hidup serta mencari keredaan Allah dengan penuh rasa syukur. Dalam hal ini, anbiya seperti Daud, Sulaiman, Yusuf dan Muhammad hadir memberikan contoh.⁴⁶ Manakala tema ekonomi dan harta benda tercatat misalnya dalam kisah Musa dan Qarun serta Syuaib dan kaum Madyan.⁴⁷ Kisah Sulaiman dan Yusof adalah contoh penggunaan harta untuk mencapai keredaan Allah.⁴⁸

Ringkasnya, pemetaan kisah anbiya dari sudut lokasi, situasi serta isu merumuskan bahawa tujuan mereka tetap sama iaitu mengajak manusia beriman atau mentauhidkan Allah serta meninggalkan keburukan dalam pelbagai bentuk berkaitan politik, ekonomi, sosial atau kekeluargaan sesuatu umat. Ini bermakna, watak dan tabiat atau keperluan manusia walau di mana mereka hidup hampir sama sahaja. Secara fitrah manusia cenderung kepada kebenaran, namun pengaruh negatif seperti menjaga

⁴³ Lihat surah Hūd, 11: 45-46, kisah Nuh dan keingkaran anaknya. Surah Ibrāhim, 14: 37-38, tentang tanggungjawab suami berpoligami; Surah al-Shaffat, 37: 102, tentang ketaatan Ismail terhadap dakwah bapanya, Ibrahim. Lihat juga 'Afif 'Abd al-Fattah Ṭabbārah, *Ma'a al-Anbiyā'*, h. 259

⁴⁴ Lihat surah al-A'raf, 7: 81; al-Syu'ara', 26: 165-166; al-Naml, 27: 55;

⁴⁵ Surah al-Zukhruf, 43: 51

⁴⁶ Lihat misalnya surah al-Naml, 27: 18-19

⁴⁷ Lihat surah al-Qasas, 28: 76; al-A'raf, 7: 85-86; Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 281-294 & 1: 649-665;

⁴⁸ Lihat misalnya surah al-Naml, 27: 36; Yusof, 12: 90. Meskipun mendapat harta dan takhta, Yusof mempamerkan peribadi unggul apabila tidak berendam terhadap saudaranya, malah membawa mereka dari kesengsaraan hidup kepada nikmat tinggal di kota. Lihat Abī Abdullah bin Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr al-Qurtubī (2006), *al-Jami' Li Ahkām al-Qur'ān*, (Tahqiq Abdullah bin Abd al-Muhsin al-Turki), Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 9: 267

kedudukan, keangkuhan dan kejahilan serta budaya arus perdana sesuatu kaum menyebabkan realiti hidup manusia terbahagi dua. Pertama, pengikut dakwah anbiya, biasanya dari golongan fakir dan miskin. Kedua, para penentang anbiya dan penolak hidayah, lazimnya golongan pemuka kaum dan elit yang mempunyai pengaruh serta banyak harta.

2.3. Anbiya Berkaitan Keusahawanan

Antara bidang kehidupan yang menjadi terapan dakwah dan mesej kenabian ialah perniagaan dan keusahawanan. Kisah yang bersabit dengan bidang ini dirakamkan oleh al-Quran berhubung dakwah para anbiya dalam banyak surah dan peristiwa. Wujudnya kaitan anbiya dengan keusahawanan tidak bermakna menafikan al-Quran sebagai wahyu dan kitab hidayah. Sebelum penjelasan detail kisah anbiya berkaitan keusahawanan, elok difahami konsep keusahawanan terlebih dahulu.

2.3.1. Konsep Keusahawanan

Keusahawanan lahir dari perkataan usaha, yakni daya upaya atau ikhtiar atau kegiatan.⁴⁹ Perkataan keusahawanan sering disamakan dengan istilah *entrepreneurship* dalam bahasa Inggeris, berasal daripada bahasa Perancis *entreprendre* yang bermaksud memikul atau mencuba untuk melaksanakan sesuatu pekerjaan,⁵⁰ biasanya melalui sesuatu perusahaan dengan risiko untuk mendapat keuntungan.⁵¹ Entrepreneurship

⁴⁹ Yakni segala hal pekerjaan atau kemahiran berkaitan kegiatan atau kemahiran usahawan. Lihat *Kamus Dewan*, Edisi Keempat, entri keusahawanan di <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=keusahawanan>

⁵⁰ Perkataan '*entreprendre*' means; to undertake; to launch; to begin. Lihat Miles K. Davis (2013), "Entrepreneurship: an Islamic perspective," *Int. J. Entrepreneurship and Small Business*, Vol. 20, No. 1, (2013: 63-69): 65; Bruce R. Barringer & R Duane Ireland (2006), *Entrepreneurship Successfully Launching New Ventures*, New Jersey: Pearson, h.5; Ab. Aziz Yusof dan Zakaria Yusof (2004), *Prinsip Keusahawanan*, Selangor: Prentice Hall, h. 4

⁵¹ *Merriam-Webster Dictionary*, entri entrepreneurship, di <http://www.merriam-webster.com/dictionary/entrepreneurship>

merujuk kepada keupayaan dan kesediaan untuk membangunkan, menyusun dan menguruskan suatu usaha perniagaan bersama-sama dengan apa-apa risiko dalam usaha untuk membuat keuntungan.⁵² Ini bermakna, keusahawanan merupakan suatu usaha untuk memenuhi kehendak penggunaan melalui inovasi produk, barangan atau perkhidmatan.⁵³ Tegasnya, keusahawanan merupakan suatu proses yang dilakukan oleh individu atau organisasi untuk merebut peluang yang ada tanpa mengambil kira sumber-sumber yang ada.⁵⁴

Ringkasnya, keusahawanan adalah usaha atau proses yang melibatkan kemahiran sumber mengambil peluang dan risiko melakukan inovasi melalui produk, perkhidmatan atau barangan. Proses ini umumnya merujuk kepada segala bentuk usaha atau aktiviti bagi mencari keuntungan menerusi perusahaan, perniagaan dan perdagangan. Semua usaha atau aktiviti tersebut meskipun boleh dibezakan, namun digunapakai secara sinonim untuk hal ehwal berkaitan ekonomi, harta dan pekerjaan.⁵⁵ Penggerak usaha tersebut pula disebut usahawan, yakni merujuk kepada individu atau kumpulan yang melakukan perniagaan atau perusahaan menggunakan kemahiran sendiri secara berterusan demi kemakmuran masyarakat.⁵⁶ Dalam konteks ini, keusahawanan ialah proses pengwujudan atau pengembangan perniagaan atau perusahaan yang secara

⁵² Lihat *Business Dictionary* di <http://www.businessdictionary.com/definition/entrepreneurship.html>, entri *entrepreneurship*

⁵³ Miles K. Davis, "Entrepreneurship: an Islamic perspective", h. 65; W.M. Cohen and D.A. Levintal (1990), "Absorptive capacity: a new perspective on learning and innovation", *Administrative Science Quarterly*, Vol. 35, No. 1, (1990):128-152.

⁵⁴ H.H. Stevenson and J.C. Jarillo (1990), "A paradigm of entrepreneurship: entrepreneurial Management", *Strategic Management Journal*, Vol. 11, No. 5, (1990): 17-27. Definisi asal ialah, "The process by which individuals – either on their own or inside organizations – pursue opportunities without regard to the resources they currently control" (h.23)

⁵⁵ Lihat Adnan Alias (1997), "Usahawan dan Keusahawanan" dalam *Keusahawanan*, Sunti. Zainab Ahmad et al, Shah Alam: MEDEC, ITM, h. 1 - 17

⁵⁶ Takrif usahawan boleh dilihat dari perspektif fungsi, ciri, gelagat dan ketrampilan pengusaha itu sendiri. Ciri ini melihat aspek fungsi untuk berniaga atau usaha sendiri. Lihat Adnan Alias, "Usahawan dan Keusahawanan", h. 14

terkumpul boleh membentuk sumber atau daya tenaga pembangunan negara untuk kemakmuran kolektif.⁵⁷

Pengertian di atas jelas menunjukkan bahawa usahawan ialah seseorang yang berusaha sendiri untuk mencari rezeki dan pendapatan untuk hidup. Usaha tersebut bukan sekadar membawa manfaat kepada dirinya sendiri, malahan juga berbakti kepada masyarakat. Secara mudahnya, sumber rezekinya tidak mengharapkan ‘gaji’ atau ‘upah’ dari majikan, sebaliknya usaha sendiri yang mendatangkan pulangan pendapatan atau rezeki sama ada dalam bentuk hasil jualan barangan atau perkhidmatan kepada orang lain atau lain-lain keuntungan seperti manfaat dari usaha tersebut.

Konsep usahawan dan keusahawanan sebenarnya merujuk kepada usaha, sikap dan kemahiran seseorang itu sendiri. Cuma, hari ini usaha tersebut lebih banyak tertumpu kepada kerjaya perniagaan. Iaitu usaha yang merujuk kepada sikap, nilai, pengetahuan dan kemahiran seseorang untuk mencari, mengenal, merebut peluang dan menterjemahkannya kepada strategi-strategi serta usaha perniagaan bagi mendapat keuntungan.⁵⁸ Lantaran itu, usahawan sebenar merupakan manusia yang mempunyai kualiti diri yang dimanifestasikan dalam hidup. Ibarat kata Yep Putih, aktiviti keusahawanan sebagai kualiti manusia yang bukan sahaja mendatangkan faedah kepada dirinya sendiri tetapi ia dapat membangunkan ekonomi dengan pesat serta memberi sumbangan kepada orang lain.⁵⁹ Seterusnya, kualiti diri usahawan ialah orang yang berpandangan luas dalam sesuatu perkara dan menterjemahkannya sebagai peluang-peluang perniagaan. Usahawan mempunyai keistimewaan yang membolehkannya mewujudkan peluang pelaburan dan mengenal pasti projek-projek yang dianggap

⁵⁷ Ibid, h. 15

⁵⁸ Barjoyai Bardai (2000), *Keusahawanan Dan Perniagaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 43

⁵⁹ Lihat Yep Putih (1989), *Keusahawanan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 5

menguntungkan.⁶⁰ Mereka berkemahiran melakukan satu proses mencipta sesuatu yang baru dengan usaha dan masa serta melibatkan pelbagai risiko kewangan, fizikal dan sosial untuk mendapatkan ganjaran yang berbentuk kewangan, kepuasan dan kebebasan.⁶¹

Konsep keusahawanan bagi ahli ekonomi, merupakan proses aktiviti yang menyatukan faktor-faktor buruh, material dan faktor lain yang menjadikannya lebih bernilai, membuat perubahan serta inovasi. Bagi ahli psikologi pula, usahawan merupakan mereka yang didorong oleh kuasa tertentu seperti keperluan terhadap sesuatu, untuk mengkaji atau mengelakkan daripada kongkongan orang lain. Dari sudut peniaga, usahawan mungkin merupakan ancaman atau persaingan dan dalam masa yang sama merupakan rakan niaga, pembekal atau pelanggan kepada peniaga lain dan mungkin seorang yang mencari cara baru untuk menggunakan sumber secara lebih baik serta mencipta lebih banyak peluang pekerjaan.⁶²

Berdasarkan pengertian dan konsep di atas, bolehlah dirumuskan bahawa keusahawanan merupakan suatu proses yang menepati beberapa ciri. Ciri tersebut merujuk kepada usahawan berjaya itu sendiri merangkumi nilai dan sikap diri, ilmu dan kemahiran strategi berkaitan proses keusahawanan. Antara ciri tersebut seperti adalah seperti berikut:⁶³

⁶⁰ Barjoiyai Bardai, *Keusahawanan Dan Perniagaan*, h. 43

⁶¹ Hisrich Robert. D & Peters Micheal P. (2002), *Entrepreneurship*, Cornell: McGraw Hill, h. 10

⁶² Ab. Mumin Ab Ghani dan Suhaili Sarif (2005), "Penerapan Budaya Keusahawanan Dalam Masyarakat Islam," Prosiding Seminar Keusahawanan Islam Peringkat Kebangsaan Anjuran Jabatan Syariah Dan Pengurusan, Di API, UM, 2005, h. 3; Juga Karl Vesper (1980), *New Venture Strategies*, New Jersey: Prentice Hall, h.2

⁶³ Lihat misalnya Ab. Mumin Ab Ghani dan Suhaili Sarif, h. 5 – 10; Mohd Zain Mubarak et.al (2015), "Elemen Kerohanian Dalam Keusahawanan Islam: Kajian Terhadap Usahawan Berjaya Di Negeri Kelantan," *Journal Of Business And Social Development*, Vol. 3 No. 1, (March 2015): 43-53; Wan Sabri Wan Hussin (2003), "Ciri-Ciri Usahawan Berjaya Dari Perspektif al-Qur'an," *Jurnal Usuluddin*, Bil 18 (2003): 81-110; Shuhairimi Abdullah (2013), "The Characteristics of Successful Entrepreneurs from Islamic Perspective," *Journal of Islamic Human Advanced Research*, 3(6): 322-345

- i. Semangat dan sikap untuk melakukan segala usaha dan ikhtiar dengan penuh motivasi dan keyakinan
- ii. Kualiti diri yang baik dengan ilmu dan kemahiran seperti kawalan sumber serta strategi keusahawanan
- iii. Keterampilan dengan nilai dan akhlak yang tinggi seperti disiplin dan kejujuran.
- iv. Berpandangan luas dengan menular cabaran yang dihadapi kepada peluang melahirkan sesuatu perkhidmatan atau barangan
- v. Berdikari dan sanggup mengambil dan mengurus risiko dengan usaha sendiri untuk mencari keuntungan
- vi. Melakukan perubahan atau inovasi untuk manfaat diri dan masyarakat dengan penuh tanggungjawab.
- vii. Memiliki nilai kepimpinan dan pengurusan yang baik, terutamanya berkaitan manusia dan sumber-sumber lain.
- viii. Melaksanakan semua aktiviti keusahawanan menepati konsep ubudiyah kepada Allah.⁶⁴

Dengan konsep dan ciri di atas, mungkinkah juga para anbiya boleh disamakan dengan usahawan? Hal ini demikian kerana tanpa mengambil kira usahawan mesti berniaga, maka semua ciri, sikap dan keterampilan diri dalam penjelasan konsep dan ciri keusahawanan terdapat pada diri para anbiya. Ini bermakna, konsep dan ciri keusahawanan sepadan dengan sifat dan peranan anbiya. Jadi, tidak salah apabila dikatakan bahawa para anbiya juga sebagai usahawan.

⁶⁴ Ciri sebaliknya berlaku apabila Kajian Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) mendapati 65 peratus nisbah kegagalan usahawan Bumiputera berpunca daripada masalah disiplin dan integriti yang lemah. Manakala sikap tidak jujur, tidak bertanggungjawab, berpandangan sempit dan tidak menjaga kebajikan staf antara contoh pengabaian nilai etos dan sikap buruk usahawan berdasarkan dapatan kajian Biro Pembangunan IKS. Lihat *Direktori Usahawan Malaysia*, di http://portal.dumei.com/ar_mot5.php

2.3.2. Anbiya Sebagai Usahawan

Persoalan sama ada seseorang nabi boleh digelar sebagai usahawan atau tidak bukanlah merupakan agenda utama. Ini adalah kerana para anbiya adalah utusan Allah untuk menyeru manusia ke jalan yang diredai oleh Allah. Namun begitu, ada beberapa perspektif yang boleh diambil kira untuk menyamakan para anbiya sebagai menepati konsep dan ciri sebagai usahawan.

Pertama, konsep usahawan merujuk kepada mencurahkan segala daya upaya serta ikhtiar untuk melaksanakan sesuatu tugas dengan penuh keyakinan dan kemahiran. Dalam konteks ini, para anbiya merupakan insan yang mencurahkan segala kudrat serta daya upaya mengajak manusia ke jalan Allah. Mereka sanggup menanggung siksaan dan cabaran kaum masing-masing. Meskipun ditentang, dituduh dengan pelbagai istilah seperti tukang sihir, pendusta, dipulau dan seumpamanya, namun ketabahan para anbiya dalam berdakwah tiada tolok bandingnya.⁶⁵ Curahan daya tenaga tanpa mengenal jemu serta kesanggupan mereka menghadapi pancaroba dan menanggung kesusahan dalam melaksanakan tugas menyebabkan ada kalangan anbiya digelar sebagai ululazmi.⁶⁶

Al-Quran merakamkan nabi Nuh sebagai contoh, berusaha sedaya upaya menyebarkan dakwah kepada kaumnya sama ada secara terbuka atau sembunyi setiap hari, siang dan malam.⁶⁷ Namun, lantaran sebahagian kecil sahaja menerima dakwah Baginda, Allah mewahyukan jalan penyelesaian yang membawa kepada kemunculan

⁶⁵ Misalnya nabi Nuh menyeru kaumnya selama 850 tahun, tetapi yang menerima dakwah dan besertanya sekitar 80 lelaki dan 80 wanita. Selebihnya mempersendakan Baginda dengan pelbagai ejekan. Lihat Surah Hūd, 11: 38; Mutawalli asy-Sya'rawi, *Sejarah & Kisah Nabi-Nabi*, h.52 - 55

⁶⁶ Surah al-Ahqaf, 46: 35. Ululazmi bermaksud anbiya yang mempunyai banyak kesungguhan dan menanggung penderitaan, iaitu Nuh, Ibrahim, Musa, Isa dan Muhammad SAW. Lihat Afif Abd al-Fattah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiyā'*, h. 17

⁶⁷ Surah Nūh, 71: 5-9

aktiviti keusahawanan menerusi pembinaan bahtera.⁶⁸ Bertitik tolak dari usaha Nuh inilah dikatakan bermula sejarah dan inovasi pembinaan serta aktiviti keusahawanan yang berkaitan dengan industri perkapalan.⁶⁹

Dalam contoh lain, usaha dakwah junjungan Muhammad SAW diterapi menerusi satu peristiwa apabila didatangi seorang Sahabat Ansar yang meminta sesuatu untuk keperluan keluarganya, lalu Baginda meminta beliau membawa sesuatu barangan miliknya yang kemudiannya dibeli oleh sahabat yang lain dengan nilai dua dirham. Baginda meminta Sahabat tersebut membeli makanan menggunakan satu dirham dan membeli kapak dengan baki satu dirham lagi. Baginda seterusnya mengarahkan Sahabat tersebut agar berusaha dengan membawa kapak itu ke hutan mencari kayu api untuk dijual dan menyara keluarga. Selepas dua minggu, Sahabat tersebut datang memberitahu bahawa dia telah berupaya mendapatkan 10 dirham hasil jualan kayu api untuk membeli makanan dan keperluan hidup keluarga.⁷⁰ Ciri ini jelas menunjukkan bahawa anbiya atau Islam mempunyai penyelesaian kepada masalah menerusi usaha dan menggunakan kemahiran dengan penuh yakin.⁷¹

Kedua, ciri peribadi atau sikap seseorang usahawan adalah keterampilan diri, berpandangan luas dan sanggup mengambil risiko, membuat perubahan dan memiliki bakat kepimpinan. Semua ciri positif tersebut sebenarnya ada pada diri seorang nabi. Nabi Muhammad SAW sebagai contoh, memiliki sifat benar, amanah, melaksanakan tugas dan bijaksana. Dalam konteks ini, pengesahan melalui kajian terhadap ciri

⁶⁸ Surah Hūd, 11: 37

⁶⁹ Lihat Asmar Abdul Rahim dan Mahmud Zuhdi Mohd Nor (2011), "Kapal dan Pengertiannya: Satu Pengungkaian Mengikut Perspektif Al-Quran," *Jurnal Undang-Undang & Masyarakat*, vol. 15, (2011): 19-30

⁷⁰ Abū Dawud, *Sunan*, hadis no. 1637; Solahuddin Abdul Hamid dan Che Zarrina Sa'ari (2011), "Reconstructing Entrepreneur's Development Based on al-Qur'an And al-Hadith," *International Journal of Business and Social Science*, Vol. 2 No. 19 (Special Issue - October 2011): 110-116

⁷¹ Yūsuf al-Qarāḍawī (2001), *Dawr al-Qiyām wa al-Akhlāq fī al-Iqtisād al-Islāmī*, Cairo: Maktabah Wahbah, h. 53

usahawan yang berjaya menepati sifat anbiya seperti *sidiq, amanah, taligh dan fatanah* merupakan juga ciri yang perlu ada pada seseorang usahawan.⁷² Lebih menarik lagi, peribadi anggun Baginda ini diiktiraf oleh kaumnya sebagai al-Amin, yakni boleh dipercayai untuk menjadikan Baginda sebagai insan kamil dan terampil.⁷³ Sampel yang ada pada diri nabi Muhammad ini mewakili peribadi para anbiya secara keseluruhan. Tidak syak lagi dengan keterampilan peribadi dan bakat kepimpinan, mereka layak dijadikan model ikutan terbaik manusia.⁷⁴

Dari perspektif lain, ciri utama seorang yang bergelar usahawan adalah sanggup mengambil risiko serta melakukan inovasi. Ciri ini nampak sepadan dengan karektor dan tugas anbiya, apabila mereka sanggup mengambil risiko dengan menyeru manusia mentauhidkan Allah di tengah masyarakat yang melakukan syirik seperti menyembah berhala turun temurun.⁷⁵ Ajaran anbiya agar mentauhidkan Allah seakan suatu bentuk inovasi kepada sembah syirik manusia yang teguh berpegang dengan amalan dan kepercayaan nenek moyang mereka.⁷⁶ Dalam hal ini, nabi Ibrahim sebagai contoh, sanggup berdepan risiko kemarahan ayah serta kaumnya apabila sanggup menghancurkan berhala pujaan mereka ingin menegakkan ajaran tauhid.⁷⁷ Malah, arahan ayahnya seorang pengukir berhala supaya Baginda menjual hasil ukirannya disanggah dengan pertanyaan mengapa beliau menyembah sesuatu yang tidak

⁷² Mohd Adib Abd Muin et.al (2014), "Model Usahawan Berjaya Dalam Amalan Nilai-nilai Murni Keusahawanan Sosial Islam," *Journal of Human Development and Communication*, Vol. 3, (2014): 129-141

⁷³ Lihat Shibli Nu'mani (1970), *Allamah Shibli's Sirat al-Nabi*, (Terj. English oleh Fazlur Rahman), 2 jilid, Karachi : Pakistan Historical Society, h. 1: 175

⁷⁴ Lihat surah al-Ahzab, 33: 21. Model kepimpinan anbiya, misalnya ditunjukkan oleh nabi Ibrahim serta Musa dan Haron. Lihat Iqbal Unus (2006), "The story of Musa and Haron: Lessons to leadership," (<http://www.islamist.org/index>)

⁷⁵ Misalnya dakwah Ibrahim seperti rakaman surah al-An'ām, 6: 74-79

⁷⁶ Surah al-Anbiyā', 21: 52-53

⁷⁷ Lihat ibid, 21: 60-68

mendengar, melihat serta memberikan pertolongan.⁷⁸ Sedangkan Allah sahaja yang layak disembah dan memberikan rezeki.⁷⁹

Ciri ketiga, jika aktiviti keusahawanan berfungsi sebagai individu yang berkhidmat untuk kepentingan dan pembangunan masyarakat, maka hakikat tersebut turut terserlah pada diri para anbiya. Seorang usahawan sentiasa mencari peluang untuk memberikan perkhidmatan dan menyediakan keperluan masyarakat. Melalui aktiviti keusahawanan, peranan besar terhadap masyarakat ketara seperti memperkenalkan barangan dan perkhidmatan, inovasi alatan, membuka peluang pekerjaan dan pembangunan negara.⁸⁰

Dalam konteks ini, al-Quran merakamkan kisah perihatin para anbiya terhadap umat sekurang-kurangnya menerusi tiga situasi. Pertama, dengan menangani keperluan umat, misalnya menerusi pembinaan Kaabah sebagai rumah ibadat oleh Ibrahim dan anaknya, Ismail.⁸¹ Sewaktu proses pembinaan tersebut, Baginda berdua bermunajat dengan tiga doa kehadiran Allah sebagai lambang keperihatinan terhadap umat.⁸² Kemudian, meskipun suatu mukjizat, namun penyediaan sumber air zamzam oleh Ismail dan ibunya Hajar merupakan satu bentuk sumbangan besar terhadap keperluan masyarakat sehingga kini.⁸³ Begitu juga dengan keperihatinan Yusof terhadap masyarakat menerusi perancangan ekonomi dan peranan sirkulasi bagi mengatasi

⁷⁸ Surah Maryam, : 41-42

⁷⁹ Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād min Qaṣaṣ al-Qur'ān*, h. 1: 195

⁸⁰ Yunus Olalekan Muhammadul-Awwal (2015), "Importance Of Entrepreneurship In The Effectiveness Of Dā'ī," *E-Journal Of Arabic Studies And Islamic Civilization*, (E-ISSN 2289 – 6759): 106-119 (WorldConferences.net)

⁸¹ Surah al-Baqarah, 2: 127

⁸² Lihat surah al-Baqarah, 2: 127-129. Ibn Kathīr mengatakan mereka berdua berdoa sambil bertawaf: Ya Rabb! Terimalah amalan daripada kami. *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, h. 2: 177

⁸³ Surah Ibrāhīm, 14: 37. Nabi Ibrahim mengambil risiko meninggalkan Hajar dan Ismail di Mekah. Namun apabila kedapatan sumber air, ramai manusia tinggal di sana dimulakan dengan kabilah Jurhum dari Yaman. Samī al-Maghluth, *Atlas Tārikh al-Anbiyā' wa al-Rusul*, h. 107

musim kemarau yang melanda Mesir.⁸⁴ Kedua, anbiya memenuhi keperluan masyarakat dengan idea pembaruan atau inovasi akidah dan menghapuskan cara hidup syirik.⁸⁵ Impak keimanan menatijahkan keluhuran nilai kemanusiaan dan keadilan serta menyelamatkan hidup manusia di dunia dan akhirat, sepertimana seruan Hud terhadap kaumnya kerana bimbang mereka akan diazab.⁸⁶ Sebaliknya, jika berterusan dengan syirik akan menenggelamkan dalam budaya kebendaan dan kezaliman, seperti yang berlaku pada masyarakat Arab Jahiliyah yang membunuh anak perempuan kerana takut papa.⁸⁷ Ketiga, anbiya mengutamakan kesejahteraan komuniti apabila bertindak sebagai pengimbang aktiviti keusahawanan manusia yang melampaui batas. Umpamanya, nabi Lut menegah kaumnya yang terdiri dari usahawan ternakan yang mengamalkan budaya fahisyah homoseksual serta merompak harta manusia di jalanan.⁸⁸ Ringkasnya, para anbiya merupakan contoh individu yang mendahului kepentingan komuniti, mengatasi kepentingan diri sehingga sanggup bersusah payah dan mempertaruhkan nyawa.⁸⁹

Dari perspektif lain, seorang usahawan bekerja sendiri untuk meyara diri dan bukannya mengharapkan dari upah atau gaji dari seorang majikan. Maka, fakta tersebut juga terdapat pada diri seorang nabi. Para anbiya menyeru manusia ke arah kebaikan untuk membangunkan masyarakat secara ikhlas tanpa meminta sebarang upah atau

⁸⁴ Lihat surah Yūsof, 12: 43-49. Detail aspek ekonomi dalam kisah Yusof, lihat Amrul Mutaqin (2013), "Konsep Periklanan Dalam Ekonomi Islam," *Cahaya Aktiva*, Vol.3, No.1, (Mac, 2013): 1-10

⁸⁵ Surah al-Nahl, 16: 36. Ibn Kathīr mengatakan bahawa tugas para anbiya adalah menasihati kaumnya tentang hak-hak Allah, Lihat *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, h. 2: 223

⁸⁶ Surah al-Syu'arā', 26: 131-135

⁸⁷ Surah al-Isrā', 17: 31

⁸⁸ Fakta anbiya sebagai pengimbang ini akan dibincangkan selepas ini di bawah topik 'Bidang Keusahawanan Anbiya.' Surah al-A'rāf, 7: 80-81; al-Syu'arā', 26: 165-166; Abd Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 229. Dikatakan perbuatan homoseksual bermula sebagai cara mengurangi kedatangan orang asing ke negeri Sodom dengan cara setiap orang asing yang ditemui diliwat dan dibayar 4 dirham. Tabiat buruk itu bagaimanapun menjadi budaya. Lihat Abdul Mustaqim, "Kisah al-Qur'an: Hakekat, Makna, dan Nilai-Nilai Pendidikannya," h. 286

⁸⁹ Misalnya, sebaik sahaja dakwah secara terbuka, perjuangan nabi Muhammad SAW penuh ranjau sehingga membawa kepada perancangan membunuh Baginda. Lihat surah al-Anfal, 8: 30. Apabila berhijrah ke Madinah, keutamaan membangunkan masyarakat jelas menerusi strategi pembinaan masjid, mempersaudarakan Muhajirin dan Ansar serta membentuk Piagam Madinah. Lihat Abd Karim Zaidan, h. 2: 105

ganjaran.⁹⁰ Dalam hal ini, Allah berfirman dengan maksud: “Turutlah orang-orang (para anbiya) yang tidak meminta daripada kamu sesuatu balasan (upah), sedangkan mereka adalah orang-orang mendapat hidayah petunjuk.”⁹¹ Ini bermakna, para anbiya lebih cenderung untuk bekerja sendiri dan menyara diri serta keluarga atas usaha dan upaya sendiri yang menepati ciri keusahawanan. Hal ini tergambar menerusi banyak kisah anbiya, misalnya nabi Ayyub atau nabi Muhammad SAW yang terlibat dengan perniagaan barangan Khadijah.⁹²

Berdasarkan kepada formula tersebut, tidak syak lagi para anbiya boleh dikategorikan sebagai usahawan.⁹³ Semua mereka menepati konsep atau acuan seorang usahawan yang bertenaga, berminda tetap, berwawasan yang jelas, sanggup menanggung risiko dan seumpamanya.⁹⁴ Ringkasnya, berdasarkan pengamatan terhadap ciri usahawan yang berjaya, maka konsep dan ciri tersebut juga terdapat pada diri seorang nabi. Lantaran itu, tidak salah jika dikatakan bahawa anbiya juga seorang usahawan.

2.3.3. Konsep Keusahawanan Anbiya

Realiti kejaya seseorang usahawan adalah sentiasa berusaha apabila terdapat peluang sehinggakan sanggup menanggung risiko demi berbakti kepada diri sendiri serta komuniti. Namun begitu, usaha yang gigih perlu menepati konsep keusahawanan yang

⁹⁰ Al-Nasafi, *Tafsir al-Nasafi*, h. 987

⁹¹ Surah Yasin, 36: 21; Juga surah asy-Syu'ara', 26:109, Lihat ulasan Mutawalli asy-Sya'rawi, *Sejarah & Kisah Nabi-Nabi*, h. 49

⁹² Kemahiran nabi Muhammad SAW menguruskan perniagaan dikatakan antara faktor kejayaan perniagaan Khadijah. Lihat Fatimah Salwa Abd Hadi dan Joni Tamkin Borhan (2013), “Faktor-faktor Kejayaan Perniagaan Khadijah binti Khuwailid: Analisis Terhadap Usahawan Asnaf di Lembaga Zakat Selangor,” *Jurnal Syariah*, Jil. 21, Bil. 2 (2013): 117-144

⁹³ Terdapat ungkapan: “Letakkan seorang askar komando dalam acuan itu, acuannya sesuai...Letakkan seorang pendakwah Kristian; tepat sekali acuannya; demikian jua jika diletakkan Dr.Mahathir Muhammad...”Lihat Adnan Alias, “Usahawan dan Keusahawanan” h. 11

⁹⁴ A. David Silver (1983), *The Entrepreneurial Life: How to Go for It*, New York: John Wiley & Sons, h. 26

sebenar. Dalam konteks ini, al-Quran menjelaskan bahawa manusia perlu berusaha untuk mencari keperluan hidup. Manakala Allah SWT menyediakan pelbagai bentuk sumber untuk kemudahan manusia. Usaha manusia tersebut bagaimanapun perlu berlandaskan peraturan. Ekoran dari kewujudan perusahaan, maka Allah akan memberikan ganjaran dalam bentuk rohani dan jasmani sama ada sewaktu hidup di dunia serta juga akhirat. Ringkasnya, konsep keusahawanan anbiya seperti penjelasan al-Quran meliputi usaha manusia terhadap sumber yang disediakan Allah berdasarkan peraturan untuk memperolehi hasil atau ganjaran.

Untuk memahami konsep keusahawanan anbiya secara lebih jelas, lakaran Rajah 2.1 di bawah menerangkan maksudnya secara terperinci.⁹⁵

Rajah 2.1: Konsep Keusahawanan Anbiya

Manusia sebagai pengusaha
Allah sediakan sumber
Islam gariskan peraturan
Allah anugerahkan ganjaran

Berdasarkan kepada lakaran Rajah 2.1 Konsep Keusahawanan Anbiya di atas, maka kefahaman boleh diperincikan menerusi beberapa perkara.

1. Manusia Sebagai Pengusaha

⁹⁵ Ubahsuai berdasarkan Model Keusahawanan Islam dalam Miles K. Davis (2013), "An Islamic Perspective On Entrepreneurship," h. 67; Adnan Alias & Mohammad Dahlan Ibrahim, *Keusahawanan Islam*, h. 123; Farahwahida Mohd Yusof et.al, *Keusahawanan Menurut Perspektif al-Quran*, Skudai: Penerbit UTM Press, h.20

Konsep pertama keusahawanan merujuk kepada manusia sebagai pengusaha. Dalam hal ini, al-Quran banyak mengarahkan agar manusia perlu berusaha untuk mencari rezeki dan keperluan hidup.⁹⁶ Misalnya, Firman Allah bermaksud:

“Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di Akhirat).”
(Surah al-Jumu‘ah, 62: 10)

Ayat di atas antara lain mengarahkan agar manusia apabila selesai mendirikan solat, bolehlah berusaha melakukan urusan kehidupan seperti mencari rezeki atau menuntut ilmu dan sebagainya.⁹⁷ Manusia perlu berusaha lantaran dijadikan Allah sebagai makhluk yang mulia, memiliki ciri serba lengkap dan indah seperti susuk tubuh fizikal yang tegap, panca indera, spiritual serta akal untuk berfikir dan berikhtiar bagi melakukan segala bentuk usaha.⁹⁸

Hakikat manusia perlu berusaha bukan sekadar dianjurkan oleh al-Quran, malah telah diteladani sendiri oleh para anbiya dalam rangka peyebaran dakwah menerusi pelbagai bidang keusahawanan. Deretan contoh keusahawanan anbiya termaktub dalam rakaman al-Quran seperti nabi Nuh membina bahtera, Ibrahim membina Kaabah, Daud bertukang besi dan nabi Muhammad SAW menjadi pengembala dan berniaga.⁹⁹ Suatu hal yang menarik dalam fakta manusia perlu berusaha ini adalah faktor doa dan tawakkal kepada Allah yang merupakan satu kemestian dalam keusahawanan anbiya.¹⁰⁰

⁹⁶ Misalnya surah al-Qaṣaṣ, 28: 77; al-A’rāf, 7: 31; al-Najm, : 39; al-Nisā’, 4: 32; al-Taubah, 9:41; 9: 105

⁹⁷ Al-Nasafi, *Tafsīr al-Nasafi*, h. 1241

⁹⁸ Surah al-Isra’, 17: 70. Berbanding makhluk lain yang seperti haiwan atau tumbuhan tidak memiliki kelebihan tersebut, maka dengan akal manusia mesti berusaha. Lihat kupasan an-Nasafi, h. 631

⁹⁹ Telah dijelaskan sebelum ini dan detail akan diterangkan dalam fakta 2.4 Bidang Keusahawanan Anbiya di bawah

¹⁰⁰ Misalnya nabi Ibrahim berdoa kepada Allah agar mengurniakan rezeki kepada zuriatnya yang ditinggalkan di Mekah. Lihat surah al-Baqarah, 2: 126

Hai ini misalnya Makkah menjadi negeri perdagangan, kesan dari doa Ibrahim agar menjadikannya aman, penuh dengan limpahan rezeki dan penduduknya beriman.¹⁰¹

Berkaitan dengan konsep manusia perlu berusaha, anbiya telah meletakkan skema bahawa manusia sebagai faktor terpenting keusahawanan. Kajian Musatafa S.A. terhadap pengurusan perniagaan nabi Muhammad SAW merumuskan dua elemen penting, iaitu manusia dan kompetensi sebagai modal utama berbanding wang.¹⁰² Pandangan tersebut turut dipersetujui oleh Quraish Shihab yang menekankan bahawa inilah hakikat yang terdapat dalam al-Quran, iaitu meletakkan manusia dengan segala usaha sebagai faktor terpenting keusahawanan.¹⁰³

2. Allah Menyediakan Sumber

Kedua, Allah SWT menyediakan sumber-sumber untuk aktiviti keusahawanan. Sumber-sumber keusahawanan merujuk kepada aspek material seperti sumber alam, wang dan organisasi, serta non-material seperti manusia dengan idea, masa dan sebagainya.¹⁰⁴ Dalam hal ini, sumber manusia dikatakan lebih penting berbanding sumber-sumber yang lain sepertimana yang dijelaskan di atas. Lantaran itu, sumber yang dimaksudkan di sini merujuk kepada sumber alam yang disediakan oleh Allah SWT untuk manusia melakukan aktiviti keusahawanan.

¹⁰¹ Yahya Jusoh dan Azhar Muhammad (2005), *Interaksi Harta Dalam al-Quran*, Skudai: Penerbit UTM, h. 59

¹⁰² Mustofa, S.Ag. (2013), "Enterpreneursip Syariah: Menggali Nilai-Nilai Dasar Manajemen Bisnis Rasulullah," *Al-Mizan*, Vol. 9, No. 1 (Jun, 2013): 29-46

¹⁰³ M. Quraish Shihab (1997), *Wawasan Al-Quran: Tafsir Maudhu'i atas Pelbagai Persoalan Umat*, Bandung: Mizan, h. 402-403; Muhammad Iswadi (2013), "Pemikiran Quraish Shihab Tentang Ayat-Ayat Ekonomi," *FENOMENA*, Vol.V, No. 2, (2013): 241-259

¹⁰⁴ Urutan faktor produksi menurut Quraish Shihab adalah (1) manusia, (2) modal, dan (3) sumber alam. Sementara M. A. Mannan meletakkan tenaga manusia pada urutan kedua setelah sumber alam dengan urutan ketiga modal, dan keempat organisasi. Lihat M.A. Manan (1995), *Teori dan Praktek Ekonomi Islam*. (terj. M.Nastangin), Jogyakarta: Dana Bhakti Wakaf, h. 35

Antara sumber alam anugerah Allah kepada manusia termasuklah bumi dengan segala hidupan pada mukanya seperti tumbuhan dan binatang ternak, serta hasil mahsul dari perutnya seperti galian dan logam.¹⁰⁵ Begitu juga dengan sumber air seperti sungai dan lautan serta sumber udara dan angin dengan segala kapasiti.¹⁰⁶ Melalui sumber alam ini, aktiviti keusahawanan seperti pertanian, penternakan, perlombongan, perniagaan dan seumpamanya dapat dijalankan.¹⁰⁷ Umpamanya, melalui permukaan bumi, Allah menumbuhkan tanaman yang banyak, ada yang menjalar seperti anggur, serta tidak menjalar seperti kurma, zaitun dan delima untuk dimakan apabila berbuah.¹⁰⁸ Begitu juga dengan padang rumput untuk binatang ternakan yang boleh dimanfaatkan daging, bulu, kulit serta dijadikan pengangkutan.¹⁰⁹ Sementara kurniaan udara dan angin menghasilkan awan yang menurunkan hujan, menyuburkan tanaman, membentuk sungai dan lautan untuk manfaat manusia dalam bentuk pelayaran kapal-kapal, daging ikan yang sedap serta perlombongan logam hiasan emas dan permata.¹¹⁰

Semua sumber alam tersebut merupakan contoh kurniaan Allah untuk manusia menjalankan aktiviti keusahawanan. Lantaran itu, para anbiya telah menggunakan nikmat kurniaan Allah ini sebaik mungkin apabila Adam dan dua puteranya menceburi pertanian dan penternakan, Yusof menggunakan sumber air dan tanah untuk pertanian di Mesir, Nuh melayari bahtera membelah lautan, Ibrahim dan Ismail menggunakan batu dan kayu membina Kaabah, Daud menggunakan logam besi, sementara Sulaiman pula menggunakan angin dan burung untuk perhubungan.¹¹¹

¹⁰⁵ Misalnya surah al-Baqarah, 2: 198; al-Dhāriyāt, 51: 56-58; al-Qaṣaṣ, 28: 57

¹⁰⁶ Misalnya surah Fāṭir, 35: 12; al-Rūm, 30: 46

¹⁰⁷ Yahya Jusoh dan Azhar Muhammad, *Interaksi Harta Dalam al-Quran*, h. 51-70

¹⁰⁸ Surah al-An‘ām, 6: 141

¹⁰⁹ Ibid, 6: 142; surah ‘Abasa, 80: 25-32

¹¹⁰ Lihat surah al-Naḥl, 16: 14-16; al-Nazi‘āt, 79: 29-33; Saba’, 34: 12;

¹¹¹ Telah disebut sebelum ini, misalnya dalam surah al-Maidah, 5:27; Yūsuf, 12:47-49; al-Anbiyā’, 21: 78-82; Juga Asmak Ab Rahman (2009), “Sekuriti Makanan Dari Perspektif Syariah,” *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil. 2 (2009): 299-326; Nazrudin Hashim dan Munirah Zakaria (2016), “Amalan Keusahawanan Nabi Daud AS: Analisa Daripada Al-Quran Dan Hadis,”: 52-58

Berhubung dengan sumber alam sebagai kurniaan, Allah berfirman yang bermaksud:

Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; Sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaannya, kebijaksanaan-Nya, dan keluasan rahmat-Nya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran.

(Surah al-Baqarah, 2: 164)

Ayat di atas antara lain menyenaraikan anugerah Allah kepada manusia cukup banyak meliputi sesuatu yang ada di daratan, udara dan air. Antara kurniaan-Nya seperti penciptaan langit dan bumi yang luas, muka bumi yang datar dan tinggi, pertukaran siang dan malam serta laut yang memungkin kapal belayar untuk membawa manfaat untuk manusia. Begitu juga dengan hujan, tumbuhan serta tiup angin dari pelbagai arah membawa khabar indah dan duka untuk kegunaan manusia.¹¹²

Perlu diingati bahawa segala sumber tersebut dalam konteks keusahawanan anbiya harus digunakan sebagai alat, bukan matlamat. Iaitu alam dalam konteks keusahawanan sebagai *āyat*, tanda untuk mencari keagongan dan kebesaran Allah,¹¹³ serta sebagai alat untuk beribadat kepada-Nya.¹¹⁴ Al-Quran menggunakan konsep alam sebagai alat dengan istilah *sakhara*, yakni permudahkan untuk kegunaan manusia. Misalnya, Firman-Nya bermaksud: “Dan Dia-lah yang mempermudah laut, supaya kamu dapat makan daripadanya daging yang lembut hidup-hidup, dan dapat pula mengeluarkan daripadanya benda-benda perhiasan untuk kamu memakainya dan (selain itu) engkau melihat pula kapal-kapal belayar padanya; dan lagi supaya kamu dapat

¹¹² Al-Ṣabūnī (1986), *Mukhtaṣar Tafṣīr Ibn Kathīr*, h. 1: 147

¹¹³ Ibid. Al-Nasafī menyebut celaka bagi orang yang membaca ayat (al-Baqarah, 2: 164) di atas, tetapi masih ingkar. Lihat *Tafṣīr al-Nasafī*, h. 90

¹¹⁴ Lihat kupasan Khurshid Ahmad, “Foreword,” dalam *Sunshine at Madinah: Studies in the Life of the Prophet Muhammad*, h. 9

mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya; dan supaya kamu bersyukur.”¹¹⁵ Iaitu Allah permudahkan laut untuk manusia mendapat makanan seperti daging ikan yang lazat, mengeluarkan permata hiasan seperti lukluk dan marjan serta menggunakan kapal untuk pengangkutan seperti membawa barang dagangan. Lantaran nikmat itu manusia perlu bersyukur.¹¹⁶

3. Islam Menggariskan Aturan

Ketiga, Islam menggariskan peraturan berkaitan aktiviti keusahawanan. Dalam hal ini, ada dua pendekatan yang dilakukan oleh para anbiya dalam merealisasikan peraturan keusahawanan dalam rangka seruan dakwah. Iaitu, sama ada anbiya sendiri bertindak menjadi penunjuk cara dengan menceburi bidang keusahawanan, ataupun mereka bertindak selaku pemantau aktiviti keusahawanan yang dilakukan oleh kaum mereka. Misalnya, nabi Daud menceburi perusahaan baju besi, nabi Muhammad SAW menjadi peniaga, manakala nabi Syuaib memantau tatacara sukatan dan timbangan dalam urusan perniagaan kaum Madyan.¹¹⁷

Terdapat sekurang-kurangnya tiga pendekatan berkaitan peraturan keusahawanan yang dijelaskan oleh al-Quran. Iaitu, peraturan berkaitan usahawan, peraturan berkaitan barangan atau perkhidmatan yang diusahakan serta tatacara transaksi atau aktiviti keusahawanan itu sendiri.¹¹⁸ Apabila semua peraturan itu

¹¹⁵ Surah al-Nahl, 16: 14

¹¹⁶ Al-Nasafi, *Tafsir al-Nasafi*, h. 591

¹¹⁷ Lihat misalnya surah Saba', 34: 11; al-A'raf, 7: 85

¹¹⁸ Detail perbincangan lihat Said Elfakhani dan Ahmed Zafar (2013), "Philosophical Basis of Entrepreneurship Principles within an Islamic Ethical Framework," *The Journal of Transnational Management (JTM)*, Vol. 18, No. 1, h. 52-78

dipatuhi, keusahawanan tersebut menepati konsep patuh Syariah. Iaitu, keusahawanan yang berdasarkan etika dan menepati kehendak al-Quran dan Sunnah.¹¹⁹

Para anbiya meletakkan etika yang perlu dimiliki oleh setiap usahawan dalam melakukan aktiviti keusahawanan ialah berniat ikhlas kerana Allah SWT.¹²⁰ Hal ini ketara dalam semua kerja dakwah anbiya sepertimana yang ditunjukkan oleh Ibrahim sewaktu membina Kaabah, Yusof sewaktu merancang ekonomi Mesir, dan Musa sewaktu menegur ketamakan Qarun.¹²¹ Manakala ciri positif lain seperti benar, jujur, bijaksana, takwa, tawakkal, sabar, sederhana, sabar dan seumpamanya dengan menjauhi sifat negatif seperti zalim, tamak, bakhil, dengki, boros, menipu dan sebagainya.¹²² Antara ciri profesional yang perlu ada pula seperti memiliki ilmu, kemahiran mengurus, inovasi dan berani menanggung risiko.¹²³ Ringkasnya, peraturan berkaitan usahawan ini boleh dirumuskan sebagai ciri peribadi, kemahiran mengurus harta dan menjalankan perniagaan serta interaksi dan tanggungjawab terhadap komuniti.¹²⁴

Manakala peraturan dalam konteks barangan atau perkhidmatan yang diusahakan pula perlu mematuhi kehendak Syariah dalam istilah halal lagi baik dan

¹¹⁹ Lihat misalnya Solahuddin Abdul Hamid dan Che Zarrina Sa'ari, "Reconstructing Entrepreneur's Development Based on al-Qur'an And al-Hadith," h. 110-116; Wafica Ali Ghoul, "Entrepreneurship within the framework of Shari'ah," h. 262 – 271; Ali Aslan Gümüşay, "Entrepreneurship from an Islamic Perspective" h. 199–208

¹²⁰ Surah al-Bayyinah, 98: 5; al-Taubah, 9: 24

¹²¹ Surah al-Baqarah, 2: 127; Yūsof, 12: 43-49; al-Qaşaş, 28: 76-77

¹²² Lihat detail dalam Hosein Ali Ahmadi et.al (2016), "Ethics review of entrepreneurship from the perspective of Prophet Mohammad (PBUH)," *International Academic Journal of Economics*, Vol. 3, No. 3, (2016): 17-25; Mustofa, S.Ag, "Enterpreneursip Syariah: (Menggali Nilai-Nilai Dasar Manajemen Bisnis Rasulullah)," h. 29-46; Mohd Adib Abd Muin et.al, "Model Usahawan Berjaya dalam Amalan Nilai-nilai Murni Keusahawanan Sosial Islam," h. 129-141; Mohd Zain Mubarak et.al, "Elemen Kerohanian Dalam Keusahawanan Islam: Kajian Terhadap Usahawan Berjaya Di Negeri Kelantan," h. 43-53

¹²³ Lihat detail dalam Nazamul Hoque, Abdullahil Mamun dan Abdullah Mohammad Ahshanul Mamun (2014), "Dynamics and traits of entrepreneurship: an Islamic approach," *World Journal of Entrepreneurship Management and Sustainable Development*, Vol. 10, No. 2, (2014): 128-142; Solahuddin Abdul Hamid dan Che Zarrina Sa'ari, "Reconstructing Entrepreneur's Development Based on al-Qur'an And al-Hadith," h. 110-116

¹²⁴ Lihat detail dalam Wan Sabri Wan Hussin (2003), "Ciri-ciri Usahawan Berjaya Dari Perspektif al-Qur'an," *Jurnal Usuluddin*, Bil. 18 (2003): 81-110

mesti menghindari segala bentuk keburukan, kezaliman dan mudharat.¹²⁵ Dalam konteks ini, bidang keperluan umat seperti pertanian, ternakan, pertukangan dan lain-lain perlu mencirikan produk atau khidmat yang baik seperti yang dicontohkan para anbiya.¹²⁶ Secara mudah, segala bentuk barangan atau perkhidmatan asalnya diharuskan, sehinggalah ada dalil yang mengharamkannya.¹²⁷ Umpamanya, segala item barangan dan perkhidmatan untuk perhiasan dan kosmetik diri seperti emas dan perak, kenderaan, binatang ternakan dan pertanian untuk makanan adalah halal dan baik.¹²⁸ Semua perkara tersebut disifatkan kesenangan dunia yang menjadi fitrah kehidupan manusia.¹²⁹ Begitu juga Allah menghalalkan produk atau hasil buruan laut seperti ikan dan mengharamkan sesetengah buruan darat.¹³⁰ Antara buruan darat yang diharamkan terkandung dalam firman Allah bermaksud:

“Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya), dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah, dan yang mati tercekik, dan yang mati dipukul, dan yang mati jatuh dari tempat yang tinggi, dan yang mati ditanduk, dan yang mati dimakan binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya), dan yang disembelih atas nama berhala; dan (diharamkan juga) kamu merenung nasib dengan undi batang-batang anak panah. Yang demikian itu adalah perbuatan fasik...”

(Surah al-Maidah, 5: 3)

Ayat di atas antara lain menyenaraikan 10 aturan binatang atau makanan yang haram dimakan oleh manusia termasuk bangkai, darah yang mengalir, daging babi, sembelihan atas nama selain Allah, binatang mati tercekik, terpukul, terjatuh, ditanduk atau diterkam binatang lain dan disembelih atas nama berhala.¹³¹ Selain itu produk atau perkhidmatan keusahawanan yang berkaitan dengan arak dan judi juga tidak

¹²⁵ Surah al-Maidah, 5: 87-88. Halal merupakan sesuatu yang diharuskan dan diizinkan oleh syarak untuk melakukannya yang terungkai padanya ikatan larangan. Lihat Yūsof al-Qaraḍawī (1994), *al-Halāl wa al-Harām fī al-Islām*, Beirut: Maktabah al-Islamī, h. 17

¹²⁶ Surah al-Mu`minūn, 23: 51; Surah al-Maidah, 5: 4-5. Lihat contoh cara harta halal seperti kegiatan pertanian, penternakan, perlombongan, perniagaan dan lain-lain dalam Yahya Jusoh dan Azhar Muhammad, *Interaksi Harta Dalam al-Quran*, h. 51-95

¹²⁷ Surah al-Jathiah, 45: 13;

¹²⁸ Surah Ali Imran, 3: 14

¹²⁹ Al-Ṣabūnī, *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr*, h. 1: 280

¹³⁰ Surah al-Maidah, 5: 96

¹³¹ Mahmud Yunus, *Tafsīr Mahmud Yunus*, h. 145

dibenarkan.¹³² Hal ini lantaran arak dan judi boleh menghilangkan nilai-nilai baik dan menimbulkan keburukan.¹³³

Sementara menyentuh tentang tatacara melakukan aktiviti atau transaksi keusahawanan pula terdapat perkara yang dianjurkan dan ditegah. Dalam hal ini, usahawan dianjurkan agar berusaha atau dengan tekun, jujur serta menepati janji, lantaran Allah menghalalkan perniagaan.¹³⁴ Baginda Muhammad SAW sendiri telah muncul sebagai saudagar yang berjaya dengan penuh amanah, dedikasi dan menepati janji.¹³⁵ Tujuh perkara yang ditegah Baginda sewaktu melakukan aktiviti keusahawanan ialah jangan berbohong, mungkir janji, kecewakan pelanggan, mengurangi sukatan, monopoli, lari dari hutang dan penawaran atas tawaran orang lain.¹³⁶ Manakala nabi Syuaib pula menyuruh kaumnya melakukan urusan perniagaan dengan adil dan menegah penipuan dalam timbangan dan sukatan.¹³⁷ Tegasnya, ada beberapa tatacara keusahawanan yang ditegah: Riba, ihtikar atau monopoli, dan gharar, yakni penipuan, judi dan spekulasi serta rasuah.¹³⁸ Larangan ini lantaran transaksi tersebut boleh menyusahkan masyarakat dengan terputusnya bekalan atau peningkatan harga ekoran dari monopoli, dan menzalimi atau merugikan orang lain dari kegiatan gharar.¹³⁹

Al-Quran menerangkan beberapa peraturan dalam transaksi keusahawanan, antaranya seperti: “Janganlah kamu memakan (atau mengambil) harta orang lain dengan

¹³² Surah al-Maidah, 5: 90

¹³³ Surah al-Baqarah, 2: 219

¹³⁴ Surah al-Maidah, 5: 1; al-Baqarah, 2: 275;

¹³⁵ Ada dua prinsip utama perniagaan Baginda. Pertama, usaha dan kepercayaan sebagai modal utama, bukannya wang. Kedua, prinsip kemahiran manusia. Lihat Mustofa S.Ag, “Enterpreneursip Syariah: (Menggali Nilai-Nilai Dasar Manajemen Bisnis Rasulullah),” h. 33

¹³⁶ Lihat detail dalam Miftahur Rahman El-Banjari (2014), *Rasulullah's Entrepreneur School*, Jakarta: PT Elex Media Komputindo, h. 167-174; Panel Penulis ISRA (2011), *Islamic Financial System Principles & Operations*, Kuala Lumpur: International Shari'ah Academy for Islamic Finance (ISRA), h. 177-184

¹³⁷ Surah al-Isrā', 17: 35;

¹³⁸ Surah al-Baqarah, 2: 188

¹³⁹ Lihat Ab. Rashid Dail (1984), *Prinsip Ekonomi Islam*, Bangi: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, h. 53; M. Ali Hassan (2003), *Berbagai Transaksi Dalam Islam (Fiqh Muamalat)*, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, h.147

jalan yang salah, melainkan dengan jalan perniagaan yang dilakukan dengan cara saling rela merelai antara kamu.”¹⁴⁰ Oleh hal yang demikian, urusan keusahawanan khususnya perniagaan tidak boleh mengandungi unsur riba.¹⁴¹ Selanjutnya, apabila melakukan urusan hutang piutang, hendaklah mencatatnya.¹⁴² Para usahawan perlu berwaspada agar jangan urusan perniagaan dan jual beli dapat mempengaruhinya supaya melupakan Allah,¹⁴³ sebaliknya sentiasa melakukan kebaikan dan tolong menolong supaya mendapat keuntungan yang berkekalan.¹⁴⁴

Secara ringkas, peraturan yang Allah berikan berhubung dengan keusahawanan anbiya menggabungkan hubungan antara manusia dengan Allah serta hubungan manusia dengan manusia lain seperti antara pengusaha dengan pengguna.¹⁴⁵ Peraturan tersebut juga melibatkan cara mendapatkan sumber serta pengumpulan dan penggunaan harta yang diperolehi dari aktiviti keusahawanan.¹⁴⁶

4. Allah Menganugerahkan Ganjaran

Aspek keempat dalam konsep keusahawanan anbiya adalah setiap usaha yang dilakukan mendapat ganjaran daripada Allah SWT. Dalam hal ini, Allah mensifatkan bahawa Dialah yang akan memberikan ganjaran terhadap usaha yang manusia lakukan.¹⁴⁷ Ganjaran tersebut boleh berlaku di dunia atau akhirat, atau kedua-dua sekali. Ganjaran tersebut juga boleh bersifat segera atau lambat, rohani atau jasmani atau kedua-duanya secara

¹⁴⁰ Surah al-Nisā', 4: 29

¹⁴¹ Surah al-Baqarah, 2: 275

¹⁴² Surah al-Baqarah, 2: 282

¹⁴³ Surah al-Munāfiqūn, 63: 9; al-Taubah, 9: 24

¹⁴⁴ Surah al-Mu'minūn, 23: 61; Fāṭir, 35: 29

¹⁴⁵ Mohd Adib Abd Muin et.al, "Model Usahawan Berjaya dalam Amalan Nilai-nilai Murni Keusahawanan Sosial Islam," h. 131

¹⁴⁶ Lihat detail dalam Yahya Jusoh dan Azhar Muhammad, *Interaksi Harta Dalam al-Quran*, h. 35-135. Ada penulis merumuskan peraturan ini secara makro, mikro dan individu, seperti rukun jual beli yang mengandungi penjual, pembeli, barangan, nilai dan kontrak atau akad. Lihat Farahwahida Mohd Yusof et.al, *Keusahawanan Menurut Perspektif al-Quran*, h. 25

¹⁴⁷ Surah al-Dhāriyāt, 51: 56-58; al-Najm, 53: 39; al-Nisā', 4: 32; al-Ankabūt, 29: 62

bersepadu. Impak kebaikan dari aktiviti keusahawanan juga mungkin terhad kepada individu usahawan sahaja, atau melebar kepada komuniti seluruhnya.

Al-Quran merakamkan bahawa Allah menganugerahkan kepada manusia kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat sepertimana doa dan harapan mereka.¹⁴⁸ Ini merupakan sebagai anugerah terbesar Allah kepada manusia, berbanding dengan keusahawanan bukan Islam yang hanya sekadar mencari keuntungan dunia sahaja.¹⁴⁹ Allah menganugerahkan segala usaha manusia kepada kejayaan dan kebahagiaan berkekalan, lebih dari sekadar keuntungan material.¹⁵⁰ Kejayaan berganda ini diistilahkan sebagai *al-falah*, yang merujuk kepada kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.¹⁵¹ Ibn Kathir merujuk kejayaan di dunia meliputi segala keinginan dunia seperti kesihatan, rumah yang besar, isteri yang cantik, harta yang melimpah ruah ilmu yang bermanfaat, amal yang soleh, kenderaan yang baik dan seumpamanya. Manakala kejayaan akhirat adalah mendapat Syurga serta rasa aman dari ketakutan hisab serta azab akhirat.¹⁵²

Balasan kepada kejayaan di dunia yang segera ekoran dari aktiviti keusahawanan, khususnya perniagaan adalah dalam bentuk pulangan keuntungan seperti dinyatakan oleh Baginda Muhammad SAW dalam sabdanya bermaksud: “Sembilan persepuluh daripada rezeki datang dari perniagaan.”¹⁵³ Meskipun status hadis ini dikatakan lemah, namun kepentingan kegiatan perniagaan itu sendiri memberikan

¹⁴⁸ Surah al-Baqarah, 2: 201-202

¹⁴⁹ Keusahawanan Barat bermatlamat mencari keuntungan, kemudian kejayaan yang bersifat material dan duniawi sahaja. Lihat David C. MacClelland (1971), “The Achievement Motive in Economic Growth,” dalam Peter Kilbi (ed), *Entrepreneurship and Economic Development*, New York: The Free Press, h. 109-122

¹⁵⁰ Abul Hasan M. Sadeq (1990), “Entrepreneurship, Achievement Motivation and Economic Development”, *Light on Islamic Economics*, vol. 2, Issue 1 (Nov., 1990): 39-44

¹⁵¹ Mohd Adib Abd Muin et.al, “Model Usahawan Berjaya dalam Amalan Nilai-nilai Murni Keusahawanan Sosial Islam,” h. 136

¹⁵² Ibn Kathir (1993), *Tafsir al-Qur'an al-Azim*, h.1: 231

¹⁵³ Muhammad Nasiruddin al-Albani, *al-Jami' al-Shaghir wa Ziyadatuhu*, hadis no. 6183 (mursal), dan *Da'if al-Jami' al-Shaghir wa Ziyadatuhu*, hadis no. 2434 (dhaif) (Maktabah Shamilah)

impak yang cukup besar terhadap keperluan ekonomi seseorang dan pembangunan umat secara umum.¹⁵⁴

Ini bermakna, dengan keupayaan ekonomi, memungkinkan para usahawan memiliki kesenangan dunia. Sedangkan kesenangan dunia ini berhak dinikmati lantaran ia merupakan fitrah semula jadi insan kurniaan Allah. Firman-Nya bermaksud: “Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia, kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. Dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga).”¹⁵⁵ Ayat di atas menyenaraikan anugerah Allah yang selaras dengan fitrah manusia seperti isteri dan anak-anak, harta benda dalam bentuk emas dan perak, sawah ladang serta kuda terpilih yang merujuk kepada kenderaan berjenama untuk kesenangan hidup dunia. Manakala balasan akhirat iaitu Syurga adalah yang terbaik.¹⁵⁶

Dari perspektif lain, anugerah Allah terhadap usahawanan tercerna dalam bentuk kejayaan diri pengusaha itu sendiri seperti mendapat kepuasan, memiliki ilmu dan kemahiran, keupayaan melakukan inovasi dan keyakinan diri serta kejayaan berbakti kepada komuniti dengan menyediakan kemudahan barangan atau perkhidmatan, peluang pekerjaan serta keupayaan memberikan sumbangan atau infak.¹⁵⁷ Aspek kepuasan dan ciri-ciri lain yang dimiliki itulah yang menjadi antara kriteria kepada kebahagiaan hidup yang tidak boleh dinilai dengan wang ringgit. Penzahiran kepuasan

¹⁵⁴ Al-Qaradawī, *al-Halāl wa al-Harām fī al-Islām*, h. 157;

¹⁵⁵ Surah Āli ‘Imrān, 3: 14

¹⁵⁶ Yahya Jusoh dan Azhar Muhammad, *Interaksi Harta Dalam al-Quran*, h. 99

¹⁵⁷ Shuhairimi Abdullah (2013), “The Characteristics of Successful Entrepreneurs from Islamic Perspective,” *Journal of Islamic Human Advanced Research*, 3(6): 322-345; Suhaimi Mansur (1991), *Jalan Pintas Keusahawanan*, Kuala Lumpur: Watan, h. 7

ini misalnya apabila dapat membelanjakan segala anugerah Allah berupa kemewahan harta hasil dari keuntungan aktiviti keusahawanan pada jalan-Nya dengan membantu golongan fakir dan miskin dan seumpamanya.¹⁵⁸ Keadaan ini melambangkan kesyukuran terhadap nikmat Allah yang memberikan ganjaran, sebagaimana keadaan tersebut pernah diteladani oleh para anbiya seperti Yusof dan Sulaiman yang mendapat kurniaan oleh Allah dengan membantu golongan memerlukan sambil tunduk mensyukuri-Nya.¹⁵⁹

Hakikatnya, realiti pemahaman terhadap *al-falah* ialah dengan meletakkan matlamat utama untuk mencapai keredaan Allah dalam segala aktiviti keusahawanan di dunia bagi mencapai kebahagiaan akhirat.¹⁶⁰ Dalam konteks ini, Allah berfirman bermaksud: "Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah Engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah Engkau melakukan kerosakan di muka bumi; Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan."¹⁶¹ Ayat ini jelas menunjukkan bahawa meskipun Allah memberikan ganjaran terhadap segala aktiviti keusahawanan yang dilakukan, namun segala ganjaran tersebut perlu direalisasikan dalam rangka mengejar keredaan Allah dengan menjadikan akhirat sebagai matlamat tanpa melupakan kehidupan dunia.¹⁶² Bagaimanapun, fokus kepada akhirat tidak bermakna usahawan perlu menolak dunia. Hal ini adalah kerana menikmati anugerah Allah merupakan suatu hak yang diberikan kepada manusia. Tegasnya,

¹⁵⁸ Lihat detail golongan yang berhak mendapati cara pemanfaatan harta dalam Yahya Jusoh dan Azhar Muhammad, *Interaksi Harta Dalam al-Quran*, h. 97-128

¹⁵⁹ Surah Yūsof, 12: 100-101; al-Naml, 27: 18-19.

¹⁶⁰ Surah al-Bayyinah, 98: 8. Lihat kupasan M. Kabir Hassan dan William J. Hippler, "Entrepreneurship and Islam: An Overview," h. 172

¹⁶¹ Surah al-Qaṣaṣ, 28: 77

¹⁶² Usahawan Muslim menjaga kebajikan umat, tidak seperti Qarun yang mementingkan dunia sahaja dan melupakan hak Allah bagi membantu komuniti. Lihat huraian Al-Nasafi, *Tafsīr al-Nasafi*, h. 879

keredaan Allah dan matlamat akhirat tercapai dalam konteks merealisasikan nikmat Allah secara betul, berbuat baik kepada komuniti serta menghindari kerosakan.¹⁶³ Lantaran itulah Islam mementingkan urusan keusahawanan dilaksanakan dalam skala aturan Syariah bagi menghindari kerosakan dan mengutamakan kemashlahatan.¹⁶⁴

Ringkasnya, konsep keusahawanan anbiya menjelaskan bahawa manusia perlu berusaha mencari memenuhi tuntutan hidup menerusi kurniaan Allah sebagaimana para anbiya terlibat dengan banyak aktiviti keusahawanan. Para anbiya meletakkan asas bahawa Allah memudahkan kepada manusia segala apa yang di langit dan bumi sebagai sumber-sumber untuk dieksploitasi dengan penuh amanah dan menghindari kerosakan menurut aturan Syariah. Hasilnya, Allah akan memberikan ganjaran kepada pengusaha serta seluruh masyarakat bukan setakat keuntungan dunia, tetapi juga kebahagiaan di akhirat.

2.4. Bidang Keusahawanan Anbiya

Bidang keusahawanan berkembang selaras dengan keperluan dan perkembangan hidup manusia itu sendiri. Sejarah awal manusia menunjukkan bahawa nabi Adam dan anak-anak iaitu Qabil terlibat dengan bidang pertanian, sementara Habil pula sebagai usahawan ternakan.¹⁶⁵ Al-Quran pula mengesyorkan agar manusia melakukan aktiviti keusahawanan merentasi seluruh alam. Allah permudahkan semua penjuru alam termasuk apa yang ada di daratan, lautan dan udara untuk memenuhi keperluan hidup

¹⁶³ Ali Hasan (2009), *Manajemen Bisnis Syariah*, Yogyakarta: Penerbit Pustaka Pelajar, h. 100-101

¹⁶⁴ M. Kabir Hassan dan William J. Hippler, "Entrepreneurship and Islam: An Overview," h. 172

¹⁶⁵ Surah al-Ma'idah, 5: 27; Ayat ini menceritakan kisah pengorbanan anak-anak Adam dengan Habil memberikan hasil ternakan terbaik sebagai korban yang diterima Allah. Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, h. 2: 42; Asmak Abdul Rahman, *Pertanian dari Perspektif Ekonomi Islam*, h. 19

manusia.¹⁶⁶ Maka, manusia bebas menceburi apa sahaja bidang yang mereka rasa sesuai dan perlu.

Bidang keusahawanan melibatkan penyediaan keperluan manusia dari segi produk barangan dan perkhidmatan serta pertukaran sumber-sumber menerusi jualan dan pembelian di peringkat lokal atau antarabangsa.¹⁶⁷ Ringkasnya, bidang keusahawanan meliputi sektor perkhidmatan, pengeluaran, pembuatan, pembinaan, pertanian, penternakan, perlombongan, perhubungan dan lain-lain, sama ada yang melibatkan orang perseorangan atau industri, dalam bentuk secara kecil-kecilan, sederhana dan berskala besar.¹⁶⁸ Hari ini, bidang keusahawanan berkembang dengan pesat sesuai dengan hidup manusia yang kompleks dari soal keperluan barangan peribadi seperti alatan tandas dan kosmetik kepada bidang perhubungan antarabangsa serta meliputi juga urusan akhirat seperti perkhidmatan menguruskan ibadat Haji, yang berlaku secara bersemuka atau maya.

Tanggapan umum menyimpulkan bahawa seorang usahawan adalah seorang pengusaha. Iaitu perusahaan yang membabitkan pelbagai sektor ekonomi dengan berbagai ragam aktiviti keusahawanan atau perniagaan. Jika tanggapan tersebut menjadi fakta, maka kitaran pengutusan para anbiya juga sebenarnya sarat dengan aktiviti keusahawanan yang mereka ceburi dalam pelbagai bidang. Al-Quran merakamkan ramai anbiya terlibat dengan aktiviti keusahawanan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

¹⁶⁶ Lihat misal surah al-Nahl, 16: 5-16; al-Jāthiah, 45: 13

¹⁶⁷ Muhammad Najib Hamadiy al-Jaw'aniy (2005), *Dawāb al-Tijārah fī al-Iqtisād al-Islāmī*, Beirut: Dār al-kutub al-'ilmiyyah, h. 35

¹⁶⁸ Farawahida Mohd Yusof et.al (2015), *Keusahawanan Menurut Perspektif al-Quran*, h. 73. Hari ini bidang kegiatan usahawan berkisar sekitar tiga sektor; *Pengeluaran*, seperti ekstraktif, perkilangan, pembinaan, pertanian dan lain-lain; *Perkhidmatan*, sama ada perkhidmatan awam, secara langsung atau perdagangan; dan *Pemasaran* atau agihan, seperti pemborong, peruncit dan sebagainya.

Berikut merupakan contoh kisah anbiya berhubung dengan bidang keusahawanan yang mereka ceburi.

2.4.1. Terlibat Bidang Ternakan

Al-Quran lazimnya merujuk bidang ternakan dengan binatang ternak dengan istilah *an'ām*, yang merujuk kepada unta, lembu dan kambing.¹⁶⁹ Ternakan pula merujuk kepada haiwan yang dipelihara atau dibiakkan untuk tujuan tertentu seperti perdagangan.¹⁷⁰ Bidang ternakan, terutamanya kambing boleh dianggap sebagai sektor yang sehati dengan dunia kenabian.¹⁷¹ Hakikat ini difahami dari beberapa situasi yang disentuh oleh al-Quran. Misalnya, perintah terhadap dua anak Adam supaya melakukan pengorbanan serta kefarduan zakat terhadap harta termasuk binatang ternak menunjukkan bahawa kewujudan perusahaan tersebut dilakukan oleh manusia.¹⁷² Perintah berzakat seperti rakaman al-Quran telah wujud pada zaman sebelum nabi Muhammad SAW lagi, iaitu zaman nabi Ibrahim, Ismail, Ishak, Yaakub, Musa dan Isa AS.¹⁷³ Manakala binatang ternak wujud dalam kisah anbiya seperti Nuh yang membawa bersama sejumlah haiwan ke dalam bahteranya serta kisah Ibrahim, di mana Allah telah menggantikan penyembelihan Ismail dengan seekor kambing yang gemuk.¹⁷⁴ Begitu juga kisah Lut yang membawa kaumnya ke Sodom untuk mencari kawasan baru bagi ternakan. Manakala kaum Thamud telah membunuh unta ternakan nabi Saleh.¹⁷⁵

¹⁶⁹ Terdapat 32 tempat lafaz *an'am* dirakamkan oleh al-Quran. Lihat Zulkifli Yusof et.al (2010), *Kamus al-Quran*, Kuala Lumpur: Penerbit PTS, h. 52

¹⁷⁰ Yahya Jusoh dan Azhar Muhammad, *Interaksi Harta Dalam al-Quran*, h. 60

¹⁷¹ Yunus Olalekan Muhammadul-Awwal, "Importance Of Entrepreneurship In The Effectiveness Of Dā'ī," h. 113

¹⁷² Lihat misalnya surah al-Anbiya, 21: 69-73. Perintah berzakat dalam ayat tersebut adalah zakat harta. Ahmad bin Mustafā al-Marāghī (1946), *Tafsīr al-Marāghī*, Mesir: Mustafa al-Babī al-Halabiy, h. 17: 53

¹⁷³ Lihat misalnya surah Maryam, 19: 30-31; 54-55; al-Baqarah, 2: 83; Bayyinah, 98:4-5; Juga lihat A Nurdianto (2016), "Zakat Nabi-Nabi Terdahulu Dalam Al-Qur'an," *El-Wasathiya: Jurnal Studi Agama*, (160-165), di ejournal.kopertais4.or.id

¹⁷⁴ Surah al-Şāffāt, 37: 106-107; Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, 4: 16

¹⁷⁵ Surah al-A'rāf, 7: 73; Abd Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 183

Dari sisi lain, boleh dikatakan semua anbiya terlibat dengan pekerjaan sebagai usahawan dengan menjadi pengembala kambing. Hakikat ini dapat difahami berdasarkan hadis yang bermaksud: “Allah tidak mengutuskan seseorang nabi melainkan menjadi seorang pengembala kambing. Musa dibangkitkan menjadi nabi dan Baginda menjadi pengembala. Aku juga dibangkitkan dan menjadi pengembala kambing. Aku mengembala kambing keluargaku di Ajyad.”¹⁷⁶ Berdasarkan hadis di atas, dapat disimpulkan bahawa para anbiya seperti Musa dan Daud serta nabi Muhammad melakukan aktiviti ternakan sebagai pengembala kambing. Dalam tugas pengembalaan, Musa sebagai contoh, dikatakan menjadi pekerja kepada penternakan kambing yang diusahakan oleh Syuaib, juga seorang nabi di Madyan.¹⁷⁷ Manakala nabi Muhammad SAW dilaporkan pernah menjadi pengembala kambing sebanyak 2 kali, iaitu sewaktu di perkampungan Banu Saad dan di Ajyad.¹⁷⁸

Sukar mencari satu data lengkap mengenai jumlah dan skala ternakan yang diusahakan oleh para anbiya. Namun begitu, aktiviti tersebut tidak terlepas dari kaitan dengan tugas kenabian mereka, iaitu membina insan. Kedekatan tugas pengembalaan dengan insan berdasarkan dari ladang ternakan lahir industri dan produk yang diperlukan manusia seperti pakaian, kenderaan dan makanan.¹⁷⁹ Lantaran itu, al-Quran menggambarkan tugas menjadi pengembala ternakan ini sebagai satu pekerjaan yang mulia. Firman-Nya bermaksud: “Dan bagi kamu pada binatang-binatang ternak itu, keindahan (yang menarik hati) ketika kamu membawanya balik untuk berihat (pada waktu petang), dan ketika kamu membawanya keluar (pada waktu pagi).”¹⁸⁰ Dalam

¹⁷⁶ Lihat Ahmad, *Musnad*, Bab musnad Abi Sa’id al-Khudri r.a., hadis no. 11482; al-Bukhari, *Shahih*, hadis no. 2262, dengan lafaz, “Allah tidak mengutuskan seorang nabi melainkan sebagai pengembala kambing.”

¹⁷⁷ Lihat surah al-Qasaṣ, 28: 23-28; Mutawalli asy-Sya’rawi, *Sejarah & Kisah Nabi-Nabi*, h. 466 – 471

¹⁷⁸ Lihat Ibn Sa’ad, *Tabaqat al-Kabir*, h. 1: 140 - 141.

¹⁷⁹ Surah al-Nahl, 16: 5; Lihat Mahmud Yunus (2006), *Tafsir Mahmud Yunus al-Quran al-Karim Rasm Uthmani*, h. 379-381

¹⁸⁰ Lihat surah al-Nahl, 16: 6

konteks tugas kenabian, menjadi gembala bukan keperluan ekonomi yang menjadi keutamaan. Tetapi, apa yang ditekankan adalah iktibar di sebalik tugas tersebut, sepertimana dalam istilah Shibli Nu'mani, tugas pengembalaan kambing sebagai persediaan ke arah pengurusan insan. Katanya, “this was the first indication of his future shepherding the flock of humanity.”¹⁸¹

Kenyataannya, menjadi pengembala dan terlibat dengan industri ternakan sebagai penghubung antara anbiya dengan keperluan manusia sebagai sasaran dakwah kepada kebesaran Allah secara lebih mudah. Hal ini lantaran, bukan sahaja hasil ternakan memenuhi keperluan harian manusia berupa makanan, minuman serta pakaian, tetapi cerita pada ternakan tersebut terkandung ibarat dan pengajaran berguna. Hakikat ini terserlah pada firman Allah bermaksud: “Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternak itu, kamu beroleh pelajaran yang mendatangkan iktibar. Kami beri minum kepada kamu daripada apa yang terbit dari dalam perutnya, yang lahir dari antara hampas makanan dengan darah; (Iaitu) susu yang bersih, yang mudah diminum, lagi sedap rasanya bagi orang-orang yang meminumnya.”¹⁸² Ayat ini mengisyaratkan bukti keagungan Allah yang mengurniakan nikmat kepada manusia dalam bentuk produk dari binatang ternakan berupa susu yang lazat dan berkhasiat untuk diminum.¹⁸³

Penglibatan anbiya secara tidak langsung dalam aktiviti ternakan dipaparkan oleh al-Quran menerusi kisah Nuh, Ibrahim, Daud dan anaknya, Sulaiman. Nabi Nuh telah diarahkan oleh Allah SWT agar membawa semua jenis haiwan sepasang menaiki bahtera sebagai baka bagi penerusan hidup daripada malapetaka banjir besar.¹⁸⁴ Firman-

¹⁸¹Shibli Nu'mani, *Sirat al-Nabi*, h. 1: 166

¹⁸² Surah al-Nahl, 16: 66

¹⁸³ Antara bukti keagungan Allah ialah memerihalkan susu dengan lafaz *labanan khalisan* yang terhasil antara darah dan hampas makanan yang tidak bercampur. Seperti susu, ikhlas membezakan nilai amal seseorang yang memilikinya dengan amal seseorang yang ujub. Lihat Al-Nasafi, *Tafsir al-Nasafi*, h. 600

¹⁸⁴ Abd Karim Zaidan, *al-Mustafad*, h. 1: 183

Nya bermaksud: "Kami berfirman kepada Nabi Nuh: "Bawalah dalam bahtera itu dua dari tiap-tiap sejenis haiwan (jantan dan betina) bersama keluargamu..."¹⁸⁵ Ayat ini menjelaskan bahawa di samping ahli keluarga Nuh serta orang-orang beriman, setiap jenis haiwan telah dibawa bersama ke dalam bahtera penyelamat sebagai persediaan untuk manfaat manusia selepas banjir. Al-Quran merakamkan kegiatan penternakan binatang seperti unta digunakan sebagai kenderaan, makanan dan korban sewaktu menunaikan haji sebagai tanda perkenan terhadap dakwah Ibrahim. Firman Allah bermaksud: "Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan Ibadat Haji, nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhan) mu dengan berjalan kaki, dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datangnya dari berbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh."¹⁸⁶ Sementara nabi Daud terlibat dengan peristiwa pengadilan dalam satu perselisihan yang melibatkan usahawan ternakan yang memiliki 99 ekor kambing ingin mengambil satu-satunya kambing yang dimiliki oleh seorang lagi bagi mencukupkan jumlah menjadi seratus ekor.¹⁸⁷ Dalam peristiwa lain, nabi Sulaiman membantu ayahnya, Daud menyelesaikan perselisihan yang membabitkan usahawan tani dengan usahawan ternakan.¹⁸⁸

Ringkasnya, semua anbiya terlibat dengan aktiviti ternakan, terutamanya menjadi pengembala kambing seperti penjelasan hadis di atas. Manakala sekurang-kurang anbiya seperti Adam dan anak-anaknya, Nuh, Ibrahim, Ismail, Musa, Syuaib,

¹⁸⁵ Surah Hūd, 11: 40. Ibn Kathīr menjelaskan semua makhluk bernyawa dibawa sepasang oleh Nuh bermula dengan burung dan berakhir dengan keldai, termasuk juga tumbuh-tumbuhan. Lihat Ibn Kathīr (2015), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, surah Hūd, 11: 40, di <http://www.ibnukatsironline.com/2015/05/tafsir-surat-hud-ayat-40.html>

¹⁸⁶ Surah al-Hajj, 22: 27-28. Misalnya, maksud ayat 28: "Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, kerana pengurniaan-Nya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban); Dengan yang demikian makanlah kamu dari (daging) binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin."

¹⁸⁷ Surah Shad, 38: 23-24

¹⁸⁸ Surah al-Anbiyā', 21: 78-79. Perselisihan berlaku apabila kambing peliharaan merosakkan tanaman anggur pada waktu malam. Lihat Al-Nasafi, *Tafsīr al-Nasafi*, h. 722

Daud, Sulaiman dan Muhammad SAW dirakamkan oleh al-Quran terbabit dengan bidang ternakan.

2.4.2. Anbiya Sebagai Pakar Ekonomi

Asas kepada bidang keusahawanan adalah pengairan dan pertanian. Penggunaan air dan pertanian dikatakan kegiatan awal bagi menampung keperluan hidup manusia. Hal ini terpahat dalam kisah Adam dan dua anaknya, Qabil dan Habil.¹⁸⁹ Meskipun tiada kisah anbiya dikenali sebagai pakar bidang saliran, namun al-Quran merakamkan dari peristiwa nabi Ismail wujud sebuah telaga yang menjadi sumber air untuk keperluan hidup.¹⁹⁰ Begitu juga dengan kisah Musa yang memukul tongkat lalu keluar 12 mata air sebagai sumber minuman.¹⁹¹ Dalam konteks yang lebih luas para anbiya berdakwah agar manusia menyedari nikmat Allah yang menurunkan hujan dan menumbuhkan tanaman pelbagai warna, supaya manusia bersyukur.¹⁹² Ini bermakna, bumi yang asalnya kering, apabila Allah turunkan hujan, lalu tumbuh pelbagai jenis tumbuhan yang mengeluarkan buah serta bijian untuk dimakan adalah berupa nikmat Allah, bukan berpunca dari usaha manusia.¹⁹³

Dengan asas air ini manusia melakukan aktiviti pertanian untuk memenuhi keperluan makanan seperti bijian seperti gandum, atau zaitun, tamar delima dan sebagainya.¹⁹⁴ Lantaran itu, bidang pertanian tidak dapat dipisahkan dari kehidupan manusia dan dirakamkan oleh al-Quran dalam kisah anbiya. Misalnya, pengikut Musa

¹⁸⁹ Surah al-Maidah, 5:27-30. Ingat kisah Adam menyuruh dua anaknya, Habil dan Qabil yang terlibat dengan dua bidang utama keusahawanan iaitu pertanian dan penternakan dengan pengorbanan. Ibn Kathīr, *Qaṣaṣ al-Anbiyā'*, h.48; Asmak Ab Rahman (2009), "Sekuriti Makanan Dari Perspektif Syariah," *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil. 2 (2009) 299-326: 304

¹⁹⁰ Al-Qurtubī, *Al-Jami' li Ahkām al-Qur'ān*, h. 12: 147-148.

¹⁹¹ Surah al-Baqarah, 2: 60

¹⁹² Surah al-An'ām, 6: 99; Yasīn, 36: 33-35

¹⁹³ Pandangan Ibn Abbas dan Qatadah sewaktu menafsirkan surah Yasīn, 36: 35. Ibn Kathīr, *Tafsir al-Qur'an al-Azim*, h. 3: 548

¹⁹⁴ Surah al-Raḥmān, 55:10-12

pernah memohon makanan dari langit berupa manna dan salwa, namun mereka kembali kepada makanan yang berasaskan pertanian seperti sayur-sayuran, mentimun, bawang putih dan bawang merah serta kacang dal.¹⁹⁵ Dalam hal ini, firman-Nya bermaksud:

“Dan kenangkanlah ketika kamu berkata, “Wahai Musa kami tidak sabar (sudah jemu) dengan makanan yang semacam sahaja, maka pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami supaya dikeluarkan bagi kami sebahagian daripada apa yang tumbuh di bumi, daripada sayursayurannya, mentimunnnya, dan bawang putihnya, dan kacang dalnya serta bawang merahnya.”

(Surah al-Baqarah, 2:61)

Ayat di atas menceritakan tentang fitrah manusia tidak dapat dipisahkan dari bidang pertanian. Dalam kisah tersebut, nabi Musa menjelaskan bahawa semua keperluan tersebut terdapat di perkampungan atau bandar, yakni merujuk kepada hasil kegiatan pertanian yang dilakukan oleh manusia.¹⁹⁶ Kisah lain yang menonjolkan aspek pertanian dirakamkan oleh al-Quran berkaitan pemilik kebun yang beriman dan ingkar terhadap Allah sebagai panduan umat nabi Muhammad SAW.¹⁹⁷

Dari perspektif lain, ada nabi yang terlibat secara langsung dengan kegiatan ekonomi pertanian dan diiktiraf sebagai pakar. Misalnya, kisah nabi Yusof yang menjadi penasihat pakar kepada kegiatan pertanian ekoran dari peristiwa takbir mimpi pemerintah Mesir.¹⁹⁸ Baginda ibaratkan aktiviti ekonomi berhubung dengan tempoh masa berjimat cermat ketika senang untuk jangka masa sukar. Nasihat serta perancangan Baginda ini adalah berkaitan dengan polisi pengeluaran, sikulasi serta sekuriti makanan dalam bidang pertanian.¹⁹⁹ Iaitu dengan menyarankan agar rakyat Mesir gigih melakukan kegiatan pertanian, menyimpan hasilnya selama tujuh tahun, kerana akan tiba musim kemarau selama tujuh tahun berikutnya. Ekoran dari pandangan

¹⁹⁵ Manna ialah sejenis makanan manis pekat seperti madu yang turun seperti embun dari langit dan jatuh ke atas batu dan daun-daun kayu, manakala salwa pula ialah sejenis burung. Ibn Kathīr, *Qaṣaṣal-Anbiyā'* h. 331

¹⁹⁶ Surah al-Baqarah, 2:61; Al-Nasafī, *Tafsīr al-Nasafī*, h. 55

¹⁹⁷ Lihat misalnya surah al-Qalam, : 17-16, dan al-Kahfi, 18: 32-35

¹⁹⁸ Lihat surah Yūsof, 12: 46 - 49

¹⁹⁹ Asmak Ab Rahman, “Sekuriti Makanan Dari Perspektif Syariah”, h. 308

bernas tersebut, Mesir berjaya menangani kemelut kemarau dan kekurangan makanan yang di alami oleh tempat lain, lantas Baginda dilantik sebagai Bendahara.²⁰⁰

Dalam konteks keusahawanan, peristiwa tersebut menjelaskan bahawa para anbiya khususnya nabi Yusof diktiraf sebagai pakar ekonomi. Baginda menterjemahkan kegiatan ekonomi berkaitan rapat dengan tempoh, iaitu masa senang dan masa sukar. Baginda berkebolehan mencipta peluang dari cabaran. Sesungguhnya, kisah tersebut menceritakan tentang konsep usaha, tabungan, kitaran ekonomi atau perniagaan iaitu kitaran masa mewah, meleset dan mewah semula. Di sini jugalah bermulanya pemuafakatan atau kerja berpasukan untuk menjayakan sesuatu program atau perusahaan yang dirancang.²⁰¹ Tegasnya, sebagai pakar ekonomi pertanian, kisah Yusof juga berkaitan pemasaran serta pengajuan diri, integriti dan profesionalisme, peranan bimbingan Ilahi dan maklumat serta informasi.²⁰²

Kepakaran anbiya dalam aktiviti keusahawanan melampaui bidang pertanian, tetapi juga perniagaan secara umum. Al-Quran menerusi surah al-Quraisy menjelaskan tentang kebiasaan masyarakat Arab mengembara pada musim sejuk ke Yaman dan pada musim panas ke Syria untuk menjalankan perniagaan.²⁰³ Salah seorang Quraisy tersebut ialah nabi Muhammad SAW yang mengembara ke Syria sebagai pedagang profesional bersama Maysara.²⁰⁴ Di sana, Baginda menjual semua jenis produk dan membawa balik barangan dari Syria untuk dijual pula di Mekah. Kemahiran Baginda mengurus perniagaan begitu membawa kepada laba yang berganda.²⁰⁵ Kualiti kerja, komitmen dan ketinggian integriti yang ada pada Baginda yang boleh dirumuskan sebagai pakar atau

²⁰⁰ Lihat surah Yūsof, 12: 54-57

²⁰¹ Nik Mustafa Nik Hassan, "Pandangan pakar ekonomi Islam tentang nabi Yusof dan ayat surah Yusof, 12: 46-49," Siaran Radio IKIM, pada Isnin, 11 Feb., 2008, jam 12.00 tengahari.

²⁰² Amrul Mutaqin, "Konsep Periklanan Dalam Ekonomi Islam," h. 5

²⁰³ Lihat surah al-Quraisy, 106

²⁰⁴ Ibn Saad, *Tabaqat al-Kabir*, h. 145

²⁰⁵ Ibn Ishaq, *The Life of Muhammad*, h.82

profesional menjadi antara faktor kejayaan.²⁰⁶ Lebih dari itu, Baginda juga terkenal sebagai pengembara dan pedagang dengan melakukan urusanniaga keluar Makkah pada banyak tempat sehingga ke Jurash, Yaman dan Bahrain.²⁰⁷

Berpandukan contoh-contoh di atas, nyata bahawa para anbiya terlibat dengan kegiatan keusahawanan termasuk bidang pertanian dan perniagaan. Penglibatan mereka seperti nabi Yusuf dan Muhammad dengan pelbagai aktiviti keusahawanan secara langsung boleh dianggap sebagai profesional.

2.4.3. Terlibat Dengan Sektor Pembuatan

Bidang pembuatan merupakan sektor keusahawanan berkaitan dengan pengeluaran. Al-Quran menggambarkan bahawa para anbiya seperti nabi Nuh, Hud, Ibrahim, Daud dan Sulaiman tidak terlepas dari terlibat secara langsung sebagai usahawan sektor pembuatan. Dalam hal ini, Nuh terbabit dalam pembinaan kapal, apabila Allah memerintahkan Baginda membuat sebuah kapal sebagai wadah perjuangan dakwah bagi membezakan antara orang beriman dengan mereka yang menentang. Firman-Nya bermaksud: “Dan buatlah bahtera dengan pengawasan serta kawalan Kami, dan dengan panduan wahyu Kami (tentang cara membuatnya)...Dan nabi Nuh pun membuat bahtera itu...”²⁰⁸

²⁰⁶ Fatimah Salwa Abd Hadi dan Joni Tamkin Borhan, “Faktor-Faktor Kejayaan Perniagaan Khadijah Binti Khuwailid,” h. 123

²⁰⁷ Shibli Nu'mani menjelaskan, “that in ‘the Year of Deputation’, a group of representatives came from Bahrain led by `Abd al-Qays met the Prophet and he inquired about places in Bahrain as if he had been there. The people said surprisingly: “You know about our country even more than us.” He replied: “I have travelled extensively in your country.” Lihat Shibli Nu'mani, *Sirat al-Nabi*, h. 1: 177-178. Maklumat lanjut berhubung perjalanan perniagaan nabi Muhammad SAW, lihat Muhammad Hamidullah (1979), *Muhammad Rasulullah*, Karachi: Huzaifa Publications, h. 9 -11

²⁰⁸ Surah Hūd, 11: 37-38

Meskipun ayat di atas menceritakan pembinaan kapal oleh Nuh sebagai perintah Allah untuk menghadapi banjir besar lantaran doa Baginda untuk mengazab kaumnya yang ingkar, namun tidak pula bermakna kapal itu tidak dibina oleh Baginda sendiri. Atau dengan kata lain, proses pembinaan itu tidak terlucut dari konteks keusahawanan dan pembuatan. Ini adalah kerana difahamkan bahawa Baginda membuat kapal dengan senibina dan ukuran tertentu berdasarkan pengawasan Allah. Baginda dikatakan mengupah tukang kayu yang pakar untuk membinanya bagi menghasilkan bahtera yang besar, teguh dan tahan melawan badai serta mampu menampung muatan yang penuh dengan manusia dan haiwan.²⁰⁹ Ukuran saiz kapal yang dibuat oleh Baginda tidak dinyatakan dalam al-Quran. Namun, ciri kapal tersebut digambarkan dengan istilah al-Quran sebagai *al-fulq al-masyhūn*,²¹⁰ yakni bahtera yang mampu menampung muatan yang banyak, dan *dhāt al-wāhin wa dusurin*, ertinya yang mempunyai papan-papan dan paku-paku.²¹¹

Gambaran al-Quran tersebut membuktikan bahawa nabi Nuh memiliki kemahiran yang tinggi untuk membina sebuah kapal. Baginda menghasilkan papan dari batang pohon kayu besar serta menggunakan paku untuk mencantumkan papan-papan tersebut bagi dijadikan sebuah bahtera yang menepati ciri sektor pembuatan.²¹²

Contoh lain sektor ini pula terdapat dalam kisah keusahawanan nabi Daud yang membuat baju besi. Al-Quran menceritakan kisah ini dengan: “Kami mengajar Nabi Daud membuat baju-baju besi untuk kamu, untuk menjaga keselamatan kamu dalam

²⁰⁹ Afif Abd al-Fattah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiyā'*, h. 133; Mutawalli asy-Sya'rawi, *Sejarah & Kisah Nabi-Nabi*, h. 53

²¹⁰ Seperti yang terdapat dalam surah al-Syu'ara, 26: 119.

²¹¹ Lihat Surah al-Qamar 54: 13

²¹² Banyak spekulasi tentang penemuan bahtera ini oleh para Arkeologis. Satu penemuan dalam ekspedisi yang dilakukan di pergunungan Ararat, Turki adalah antara yang didakwa sebagai bahtera nabi Nuh. Lihat selanjutnya dalam Ramli Awang, Mohd Nasir Ripin dan Zulkiflee Haron (2011), *Kemahiran Generik Dari Perspektif Islam*, Skudai: Penerbit UTM Press, h. 30-32 dan Lampiran: Spekulasi Kapal Nabi Nuh AS.

mana-mana peperangan kamu, adakah kamu sentiasa bersyukur?”²¹³ Ayat di atas menjelaskan bahawa nabi Daud membuat baju besi daripada pintalan-pintalan besi berpandukan ilmu dan wahyu Allah. Pada mulanya, besi-besi itu dijadikan kepingan-kepingan, kemudian dirangkaikan bagi membentuk rangkaian besi-besi halus yang dijalin ke dalam lubang-lubangnya sehingga terjadi baju besi yang ringan apabila dipakai. Ciri baju besi tersebut yang ringan, labuh dan selesa serta tidak menyukarkan si pemakainya ini, belum ada seorang pun yang merekanya sebelum itu seumpamanya. Lantaran itulah Baginda dikatakan orang yang pertama merekaciptanya.²¹⁴

Al-Quran menyebut dalam ayat lain tentang kemahiran dan ketinggian ilmu Baginda dalam bidang pembuatan tersebut dengan maksud:

“Dan Kami juga telah melembutkan besi baginya; (serta Kami wahyukan kepadanya): "Buatlah baju-baju besi yang luas labuh, dan sempurnakanlah jalinannya sekadar yang dikehendaki; dan kerjakanlah kamu (wahai Daud dan umatmu) amal-amal soleh, sesungguhnya Aku Maha Melihat akan segala yang kamu kerjakan.”

(Surah Saba', 34: 11-12)

Ayat di atas menjelaskan tentang kemahiran nabi Daud membuat baju besi dengan ciri-ciri tersendiri dengan kualiti menurut keperluan. Kepakaran Baginda hanya dengan menggunakan upaya tangannya besi menjadi lembut tanpa menggunakan api dan kekerasan.²¹⁵ Dalam konteks ini, nabi Daud adalah contoh usahawan yang menceburi sektor pembuatan untuk memenuhi keperluan masyarakat ketika itu yang berdepan dengan banyak peperangan.²¹⁶ Baginda juga melakukan inovasi terhadap baju besi yang ada ketika itu yang berat diperbuat dari kepingan logam. Dengan permintaan terhadap produk baju besi yang berkualiti dan berkemahiran tinggi, Baginda berupaya

²¹³ Surah al-Anbiyā', 21: 80

²¹⁴ Abu Bakar al-Asy'ari, *Sejarah Anbiya'*, h. 2: 173. Qatadah mengatakan nabi Daud adalah orang pertama membuat baju besi. Lihat al-Qurtubī, *al-Jami' al-Ahkām al-Qur'an*, h. 253

²¹⁵ Al-Nasafi, *Tafsir al-Nasafi*, h. 957

²¹⁶ Surah al-Anbiyā', 21: 80

menghasilkan sejumlah 360 baju besi sehari dengan nilai jualan sebanyak 360 ribu dirham.²¹⁷

Dalam perspektif lain, kisah anbiya menyajikan kepakaran bidang keusahawanan berkaitan dengan seni bina dan arkitek. Seni bina serta bangunan yang mewakili konsep umran dalam istilah Ibn Khaldun, merupakan induk dan indikator kepada kewujudan industri dan aktiviti keusahawanan. Sementara aktiviti keusahawanan pula melambangkan pencapaian peradaban dengan ciri-ciri seperti pertanian, tenunan, perdagangan, penulisan dan produksi kertas, perubatan dan lain-lain lagi.²¹⁸ Berhubung dengan ini, al-Quran merakamkan kemahiran nabi Ibrahim membina bangunan Kaabah bersama-sama dengan Ismail menggunakan bahan binaan seperti kayu dan batu. Firman-Nya bermaksud: “Dan (ingatlah) ketika nabi Ibrahim bersama-sama nabi Ismail meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Kaabah) itu, sambil keduanya berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami); Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.”²¹⁹ Ayat di atas menerangkan tentang pembinaan bangunan Kaabah oleh Ibrahim dan Ismail merangkumi beberapa aspek. Pertama, pembinaan merangkumi aspek kemahiran fizikal dan keikhlasan spiritual kepada Allah. Kedua, kerjasama sepadu antara Ibrahim dan Ismail. Ketiga, kemahiran perancangan penentuan lokasi dan bentuk bangunan yang dikehendaki.²²⁰ Kombinasi elemen tersebut menggambarkan kemahiran nabi Ibrahim membina struktur bangunan menggunakan batu batan dengan keikhlasan melalui penyerahan doa kepada Allah.²²¹ Kemahiran seni bina dan perancangan Baginda juga

²¹⁷ Nazrudin Hashim dan Munirah Zakaria, “Amalan Keusahawanan Nabi Daud: Analisa Daripada al-Quran dan Hadis.” h. 57. Al-Qurtubi mencatatkan harganya mencecah 1000 dirham. Al-Qurtubī, h. 262

²¹⁸ Ibn Khaldun, Abd al-Rahman bin Khaldun al-Maghribi (t.th), *Muqaddimah Ibn Khaldun*, Beirut: Dar al-Fikr, h.405; Fauzi Saleh, “Fikih Peradaban Dalam Kisah Al-Qur’an,” h. 42; Mahayudin Yahaya (2013), “Umran Dan Aplikasinya Di Alam Melayu.” *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Jil. 6, Bil. 1 (2013): 1-33

²¹⁹ Surah al-Baqarah, 2: 127

²²⁰ Detail kisah pembinaan Kaabah, lihat Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, h. 1: 167-171

²²¹ Abdul Karim Zaidan, *Al-Mustafād*, h.1: 202

terserlah apabila menyuruh anaknya Ismail menukar palang pintu rumah untuk kehidupan yang lebih baik.²²²

Penglibatan anbiya dalam bidang seni bina juga terpapar menerusi kisah nabi Sulaiman apabila Baginda memiliki istana yang cantik dengan seni binaan dan hiasan lantai yang mengagumkan Balqis, seorang ratu yang juga memiliki kerajaan Saba' serta bangunan singgah sana yang hebat.²²³ Balqis terpesona melihat hiasan lantai istana Sulaiman yang berkaca bagaikan air mengalir lalu menyingkap kain menampakkan kedua betisnya. Namun, ciptaan istana dengan air mengalir di bawahnya berupa keajaiban sebagai bukti kenabian Sulaiman.²²⁴ Kehebatan seni rekaan dan pembinaan bangunan juga terserlah pada kaum Ad dan Thamud yang menjadi umat nabi Hud dan Saleh, apabila mereka berupaya menjadikan batu batan serta lereng bukit sebagai bangunan penempatan serta istana yang dihiasi taman dan mata air.²²⁵ Antara contoh kehebatan mereka ialah mencipta tiang-tiang besar dengan memahat batu untuk dijadikan bangunan dan penempatan di tanah datar serta tinggi.²²⁶

Suatu hal yang penting bahawa kemahiran dan seni pembuatan yang diajar oleh Allah kepada para anbiya seperti Daud dan Sulaiman bertujuan menjadi teladan kepada manusia. Hal ini memberi isyarat bahawa kemahiran berhubung dengan keperluan hidup manusia telahpun ditunjukajar asas-asasnya oleh para anbiya dalam al-Quran. Oleh itu, hal-hal berhubung dengan keusahawanan, khususnya kemahiran dalam sektor pembuatan adalah nilai tambah ilmu yang tidak asing dalam ajaran Islam, malah dicontohkan oleh para anbiya kepada kaum masing-masing. Anbiya adalah pencetus

²²² Kisah Ibrahim dan Ismail membina Kaabah dan cerita tukar palang pintu berupa kiasan agar nabi Ismail menukar isteri, dirakamkan oleh Imam al-Bukhari dari riwayat Ibn Abbas seperti dinukilkan oleh Ibn Kathīr, h. 1: 168; al-Bukharī, *Ṣaḥīḥ*, hadis no. 3365

²²³ Surah al-Naml, 27: 42-44

²²⁴ Abdul Karim Zaidan, *Al-Mustafād*, h.1: 446; Al-Ṣabūnī, *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr*, h. 274

²²⁵ Surah al-Syu'ara', 26: 133-134; 26: 147-149

²²⁶ Fauzi Saleh, "Fikih Peradaban Dalam Kisah Al-Qur'an," h. 42

idea awal kepada setiap jenis kemahiran untuk dikembangkan oleh manusia selaras dengan perkembangan hidup dan ilmu zaman mereka. Ringkasnya, apabila anbiya menjadi perintis, bukan ganjil jika dikatakan bahawa orang yang pertama membuat sabun ialah nabi Sulaiman, sementara orang yang mula-mula menggunakan teknologi kertas adalah nabi Yusuf.²²⁷

2.4.4. Anbiya sebagai pemantau aktiviti keusahawanan

Para anbiya mempunyai tugas asasi sebagai pendakwah manusia ke jalan Allah. Termasuk dalam tugas dakwah mereka ialah menjadi penyampai khabar gembira (*basyīr*) dan ancaman (*nazīr*).²²⁸ Tujuannya adalah untuk mengawal aktiviti manusia agar berterusan menjadi baik. Dalam konteks pengurusan dan pembangunan modal insan, tugas ini boleh diumpamakan sebagai kawalan kualiti melalui pemantauan. Ia bertujuan agar aktiviti keusahawanan berjalan menurut acuan dan kehendak Allah SWT.

Dalam konteks ini, para anbiya mungkin bukan usahawan secara langsung, namun bertindak sebagai pemantau aktiviti keusahawanan kaum masing-masing secara tidak langsung melalui tugas dakwah sebagai *nazir* atau pemberi ingatan. Banyak kisah anbiya diceritakan oleh al-Quran menjelaskan fungsi mereka sebagai pemantau aktiviti kehidupan manusia agar tidak tergelincir dari garisan yang benar, termasuk aktiviti keusahawanan. Ini bermaksud, meskipun para nabi bukan menjadi usahawan, tetapi mereka diutuskan kepada kaum masing-masing yang ketara melaksanakan aktiviti keusahawanan.²²⁹

²²⁷ Abi al-Hilal al-Hasan bin Abdullah bin Sahl al-Askari (1997), *Al-Awā'il*, (Ed. 'Abd al-Razzaq Ghalib al-Mahdi), Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 305.

²²⁸ Lihat misalnya surah al-An'am, 6:48; Fathir, 35: 24; al-Kahfi, 18: 56

²²⁹ Keusahawanan sebagai kerja untuk keperluan hidup muncul sejak zaman Adam a.s. lagi. Peristiwa anak-anak Adam, Habil, usahawan ternakan dan Qabil, usahawan tani yang diminta mempersembahkan hasil keusahawanan mereka kepada Allah dirakamkan oleh al-Quran, surah al-Maidah, 5: 27. Lihat

Sebagai contoh, nabi Nuh memberikan ingatan kepada kaumnya agar beriman dan mengikuti perintah Allah. Namun, selepas dakwah ditolak kaumnya, Allah memerintahkan Baginda suatu perintah berkaitan keusahawanan. Firman-Nya: “Buatlah bahtera dengan pengawasan serta kawalan Kami...Maka masukkanlah ke dalam bahtera itu dua dari tiap-tiap jenis haiwan (jantan dan betina)...”²³⁰ Perintah Allah supaya membina bahtera serta membawa bersama haiwan sepasang bagi setiap jenis dalam bahtera tersebut sebagai sampel yang mewakili kemajuan sektor pertanian dan penternakan.²³¹ Ini bermaksud, kaum Nuh begitu cemerlang dalam bidang keusahawanan, manakala Baginda pula bertindak sebagai pemantau aktiviti tersebut.

Bidang pertanian dan pembinaan juga menjadi kebanggaan kaum Ad. Mereka memiliki sistem saluran dan empangan yang menyuburkan serta mengairi industri pertanian. Mereka juga maju dengan pembinaan bangunan dan istana yang tinggi.²³² Allah mengutus nabi Hud bagi memantau aktiviti keusahawanan kaumnya agar mensyukuri nikmat Allah dengan mengingatkan: “Berbaktilah kamu kepada Allah yang telah menolong kamu dengan pemberian nikmat-nikmat-Nya yang kamu sedia mengetahuinya.”²³³ Maksud ‘nikmat yang kamu ketahui’ dalam ayat ini merujuk kepada pencapaian tamadun kaum Ad merangkumi bidang pertanian seperti taman, saliran dan ladang; bidang ternakan seperti lembu yang membiak; dan kekayaan anak-pinak yang melambangkan kemewahan harta dan sumber manusia.²³⁴

Asmak Ab. Rahman (2011), *Pertanian Dari Perspektif Ekonomi Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 19.

²³⁰ Surah al-Mukminun, 23: 27; Hud, 11: 40

²³¹ Afzalur Rahman (1993), *Ensiklopedia Sirah Perkembangan Ilmu*, (Terj. Melayu oleh Badrul Hisham Hassan et al.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 3: 227

²³² Surah al-Fajr, 89: 6-8; Surah al-Syu'arā', 26: 128-134

²³³ Surah al-Syu'arā', 26: 132

²³⁴ Afzalur Rahman, *Ensiklopedia Sirah Perkembangan Ilmu*, h. 3: 236

Kemakmuran ekonomi dan kemewahan hidup yang dicapai oleh kaum Ad turut dikecapi oleh kaum Thamud yang turut melakarkan aktiviti perusahaan yang hampir sama. Mereka turut memiliki industri pembinaan yang maju dengan membina kediaman di tanah datar serta memahat batu-batu pergunungan.²³⁵ Namun, kemewahan tersebut disulami kerenah mereka dengan melakukan kerosakan dan maksiat. Lalu muncul nabi Salleh memberi ingatan. Firman-Nya:

“Adakah (kamu fikir), bahawa kamu akan dibiarkan sentiasa bersenang-senang dalam nikmat-nikmat yang ada di dunia ini? Di dalam taman-taman (yang indah permai), dan matair-matair (yang mengalir). Dan kebun-kebun tanaman serta pohon-pohon tamar (kurma) yang buah mayangnya halus lembut? Dan kamu memahat sebahagian dari gunung-ganang sebagai tempat tinggal - dengan bijak dan bersungguh-sungguh?”

(Surah al-Syu ‘ara’, 26: 146-149)

Ayat di atas merupakan sambungan peringatan nabi Saleh supaya mentauhidkan Allah terhadap kaum Thamud yang bersenang lenang dengan hasil dari aktiviti keusahawanan seperti kebun yang subur, mata air yang mengalir serta bangunan yang tersergam indah.²³⁶ Istilah tempat tinggal yang *farihin* dalam ayat tersebut (26: 49) menggambarkan kecerdikan, ketamakan serta kejahatan, memandangkan mereka memahat gunung untuk dijadikan sebagai bangunan yang menjadi lambang kemegahan dan keangkuhan.²³⁷

Nyata sekali bahawa asas kehidupan yang diterokai oleh Nuh dalam bidang pertanian, penternakan dan industri pembinaan dikembangkan oleh keturunannya dari kaum Ad dan Thamud. Mereka memajukan bidang pertanian dengan sistem saliran serta mengembangkan industri pembinaan dan perdagangan ke tahap lebih tinggi.²³⁸ Para

²³⁵ Ibid, h. 3: 244 - 245

²³⁶ Al-Nasafi, *Tafsir al-Nasafi*, h. 827

²³⁷ Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-Azim*, h. 3: 332

²³⁸ Afzalur Rahman, *Ensiklopedia Sirah Perkembangan Ilmu*, h.3: 34

anbiya seperti Hud dan Salleh menjadi pemantau dan pemberi ingatan terhadap aktiviti kaum mereka agar beriman kepada Allah.

Selepas generasi tersebut, muncul pula nabi Ibrahim yang diutuskan dalam masyarakat Babylon yang bergelumang dengan rasuah, menyaksikan kuasa politik dan ekonomi melayan manusia secara berbeza, di mana kelas bawahan diperah keringat dan dirampas harta.²³⁹ Baginda Ibrahim menyeru kaumnya agar menyembah Allah yang Maha Esa serta memantau dan memberi ingatan bahawa jenis perusahaan yang baik sahaja dibenarkan. Manakala item jualan yang menyesatkan seperti berhala yang menjadi budaya tidak dibenarkan.²⁴⁰

Tradisi memberi ingatan dan memantau aktiviti ekonomi diteruskan oleh nabi Sulaiman terhadap penduduk Saba' yang mempunyai kekuatan ekonomi dengan empangan Ma'rab yang menjadi kebanggaan sehingga mampu mempengaruhi Yaman, selatan Arab dan timur laut Afrika.²⁴¹ Meskipun makmur, rakyat dan rajanya, Balkis menyembah matahari dan mensekutukan Allah. Baginda mengajak mereka bersyukur dengan menyembah Tuhan yang Esa.²⁴²

Berkaitan dengan kemungkaran transaksi perniagaan dalam aktiviti keusahawanan pula dipantau dan diberi ingatan oleh nabi Syuaib terhadap penduduk Madyan dan Aikah. Mereka melakukan penipuan dalam sukatan dan timbangan, menghimpun kekayaan secara tidak adil seperti merompak dan menceroboh, dan tidak

²³⁹ Ibid, h.3: 69

²⁴⁰ Surah Maryam, 19: 41 – 45. Juga Afzalur Rahman, *Ensiklopedia Sirah Perkembangan Ilmu*, h. 3: 141 – 158; Dikatakan bahawa Azar, iaitu ayahanda nabi Ibrahim merupakan usahawan berhala ternama di Babylon dan ukirannya dikagumi Raja Namrud. Nabi Ibrahim pernah menawarkan ciptaan ayahnya dengan berkata, 'siapakah yang ingin membeli patung-patung yang tidak berguna ini?'

²⁴¹ Ibid, 3: 70

²⁴² Lihat surah al-Naml, 27: 24 dan 27: 42-44. Ingat peristiwa nabi Sulaiman dan ayahnya nabi Daud memutuskan hukuman terhadap usahawan pertanian lawan usahawan penternakan yang menunjukkan kepesatan aktiviti perusahaan berkaitan pada zaman tersebut. Lihat surah al-Anbiyā', 21: 78-79; Juga Afif Abd al-Fathah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiyā'*, h. 636-637

menyempurnakan hak orang lain.²⁴³ Syuaib menegaskan: “Janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya.”²⁴⁴ Bagaimanapun, mereka tetap melakukan kerosakan dan kejahatan dalam bidang keusahawanan.²⁴⁵

Ringkasnya, para anbiya turut serta dalam pelbagai aktiviti keusahawanan dengan menjadikan kaum serta kegiatan ekonomi sebagai sasaran dan tema dakwah mereka. Jika tidak terlibat sebagai pengusaha, mereka menjadi pemantau serta pengimbang kepada kegiatan keusahawanan kaum masing-masing. Dalam masa yang sama, para anbiya turut memberi peringatan kepada pembesar atau pemuka kaum mereka agar mentauhidkan Allah dan melakukan aktiviti keusahawanan menurut kehendak-Nya. Hakikatnya, penglibatan anbiya terserlah misalnya dalam kisah Hud kepada kaum Ad, Saleh terhadap Thamud, Ibrahim terhadap Namrud, Yusof terhadap al-Aziz, Musa terhadap Firaun dan Qarun, Syuaib terhadap pemuka Madyan, Sulaiman terhadap Balqis dan Muhammad SAW terhadap pemuka Quraisy.²⁴⁶

Perbincangan di atas merusmuskan bahawa semua anbiya terlibat dengan keusahawanan, terutamanya berdasarkan hadis yang menjelaskan bahawa setiap anbiya menjadi pengembala. Namun begitu, ada anbiya tertentu menonjol dalam aktiviti keusahawanan tertentu. Misalnya, nabi Adam dan anak-anak Baginda terlibat keperluan asas kehidupan seperti pertanian dan penternakan. Begitu juga dengan Nuh yang memulakan usaha membina semula kehidupan selepas banjir besar, di samping kemahiran pertukangan. Hud dan Saleh pula memantau aktiviti konstruksi bangunan.

²⁴³ Afzalur Rahman, *Ensiklopedia Sirah Perkembangan Ilmu*, h. 3: 71

²⁴⁴ Surah al-A'raf, 7: 56

²⁴⁵ Lihat surah al-A'raf, 7: 85; Hüd, 11: 84-85; al-Syu'arā', 26: 181-183. Lihat huraian Afzalur Rahman, h. 3: 166-169

²⁴⁶ Lihat detail dalam Zawawi Yusoff (2014), “Mesej Dakwah Para Rasul (A.S.) Kepada Golongan Pembesar Negara”, *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, Bil. 8 Jun (2014): 86-112

Manakala Nabi Yusuf pakar dalam bidang pertanian dan sekuriti makanan. Sementara nabi Daud seorang pakar pembuatan pakaian perang, anaknya Sulaiman pula menonjol dalam bidang arkitek. Tegasnya, keterlibatan anbiya dalam aktiviti keusahawanan cukup jelas dan menonjol.

Berpandukan petunjuk dari ayat serta kisah yang dirakamkan al-Quran, penglibatan anbiya dalam bidang keusahawanan boleh digambarkan dalam Jadual 2.2 Anbiya dan Bidang Keusahawanan di bawah.²⁴⁷ Lakaran jadual tersebut merupakan contoh penglibatan anbiya serta bidang keusahawanan mereka. Nyata sekali penglibatan anbiya menepati bidang keusahawanan moden seperti sektor pengeluaran, perkhidmatan dan pemasaran. Aspek pengeluaran misalnya diwakili oleh nabi Adam dan Yusuf yang menceburi bidang pertanian serta Daud yang menghasilkan baju besi. Manakala sektor perkhidmatan diwakili oleh Nuh dan Sulaiman menerusi bidang pengangkutan. Aktiviti pemasaran pula diceburi oleh nabi Muhammad SAW.

Ringkasnya, perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa para anbiya terlibat dengan aktiviti keusahawanan dalam rangka berdakwah kepada Allah. Al-Quran merakamkan keterlibatan anbiya menerusi bidang pengeluaran produk atau perkhidmatan sama ada secara langsung sebagai pengusaha, ataupun secara tidak langsung di mana anbiya bertindak sebagai pengimbang atau pemantau aktiviti keusahawanan seperti yang dilakukan oleh Syuaib dan Muhammad SAW.

²⁴⁷ Ubahsuai berdasarkan bidang keusahawanan yang dibenarkan dalam Islam oleh Ali Hasan, *Manajemen Bisnis Shari'ah*, h. 196-218

Jadual 2.2: Anbiya dan Bidang Keusahawanan

CONTOH BIDANG	CONTOH SURAH:AYAT	CONTOH ANBIYA
Pertanian	Al-Baqarah, 2: 126; Saba', 34: 15-16; Nūh, 71: 12; al-Kahfi, 18: 34-42; Yūsof, 12: 47-49	Adam, Nuh, Yusof & Sulaiman
Penternakan	Al-Nāzi'āt, 79: 29-33; al-Ma'idah, 5: 27; al-Qaṣaṣ, 28: 23-27; al-Naḥl, 16: 5; al-Zukhruf, 43: 12-14	Semua anbiya terutama Nuh, Musa, Daud dan Muhammad SAW
Perlombongan	Saba', 34: 10-11; Āli 'Imrān, 3: 18	Daud dan Sulaiman
Konstruksi dan Pertukangan	Al-Naḥl, 16: 80; al-Syu 'arā', 26: 146-149; Surah al-Fajr, 89: 6-8; al-Naml, 27: 44; al-A'rāf, 7: 74	Nuh, Hud, Saleh, Ibrahim, Ismail, Sulaiman & Muhammad
Produk Makanan	Al-Insān, 76: 8; 'Abasa, 80: 24-32; al-Naḥl, 16: 14; 16: 66	Nuh, Musa, Muhammad
Perdagangan	Al-Baqarah, 2: 198; 2: 275; al-Lail, 92: 4; al-Jumu'ah, 62: 10; al-Nisā', 4: 29; al-Isrā', 17: 35; al-A'rāf, 7: 85	Yusof, Syuaib & Muhammad SAW
Pakaian dan Perhiasan	Al-Naḥl, 16: 81; al-A'rāf, 7: 26; al-Aḥzāb, 33: 33; Saba', 34: 10-11; Āli 'Imrān, 3: 18	Adam, Daud dan Muhammad SAW
Pengangkutan	Al-An'ām, 6: 142; al-Rūm, 30: 46; al-Jāthiah, 45: 12; al-Naḥl, 16: 14; al-Baqarah, 2: 164; Ibrāhim, 14: 32	Nuh, Sulaiman dan Muhammad SAW
Pendidikan	Al-Taubah, 9: 122; al-Qaṣaṣ, 28: 77; al-'Alaq, 96: 1-5; Luqmān, 31: 13; al-Kahfi, 18: 66; Tāhā, 20: 114	Semua anbiya
Kesihatan	Al-Naḥl, 16: 78-80; 16: 69; Yūsof, 12: 93; al-Taubah, 9: 14; Yūnus, 10: 57; al-Isrā', 17: 82	Yusof, Isa, Muhammad SAW
Perikanan	Al-Naḥl, 16: 14; al-Maidah, 5: 96; Fāṭir, 35: 12-14	Nuh, Musa & Muhammad
Kewangan	Al-Rūm, 30: 39; Āli 'Imrān, 3: 130-131; al-Taubah, 9: 34	Yusof, Syuaib, & Muhammad SAW
Pemantauan Keusahawanan	Al-Baqarah, 2: 188; 2: 219; al-Ma'idah, 5: 90-91; al-Muṭaffifin, 83: 1-3	Semua anbiya terutama Nuh, Hud, Saleh, Syuaib, Sulaiman & Muhammad SAW

2.5. Penarafan Aktiviti Keusahawanan

Keusahawanan melalui aktiviti pengeluaran produk serta perkhidmatan merupakan usaha murni menyumbang bakti kepada masyarakat dan dalam masa yang sama menjadi sumber pendapatan kepada seseorang usahawan. Lantaran itu, aktiviti keusahawanan dikira sebagai sumber pencerahan (source of enlightenment) kepada masyarakat kerana melalui kewujudannya segala keperluan dapat dipenuhi.²⁴⁸ Dalam konteks ini, Islam menyanjung tinggi usaha seseorang yang dapat membantu keperluan orang lain. Nabi Muhammad SAW mengisyaratkan berkaitan hal ini di mana Allah tetap menolong seseorang hamba selama mana seseorang hamba itu menolong memenuhi keperluan orang lain.²⁴⁹

Sejarah panjang kehidupan yang menunjukkan bahawa para anbiya terlibat secara langsung terhadap aktiviti keusahawanan boleh dianggap sebagai 'sunnah'. Ataupun setidak-tidaknya memberi pengiktirafan dan meletakkan aktiviti tersebut pada kedudukan yang tinggi. Dalam konteks ini, Islam melalui al-Quran dan Sunnah meletakkan bidang keusahawanan sebagai suatu penarafan.

2.5.1. Aktiviti keusahawanan sebagai ibadat

²⁴⁸ Maksudnya, keperluan dipenuhi oleh seseorang usahawan yang memperkenalkan sesuatu perkhidmatan atau barangan yang asalnya tiada dalam masyarakat sama ada diimport dari tempat lain atau hasil ciptaan sendiri, atau memperkenalkan pula barangan tempatan kepada orang luar. Lihat Mohd Nasir Ripin (2001), "Prophet Mohammad As A Manager", Tesis MPhil, University of Wales, Bab 'Management Ethics in Trade,' h. 133

²⁴⁹ Lihat al-Tirmizī, *Sunan*, Bab Ma jāa fī al-Sitr 'alā al-Muslim, hadis no. 1346. Bermaksud: Diceritakan daripada Salim daripada bapanya, bahawa Rasulullah bersabda: "Setiap Muslim adalah saudara seorang Muslim yang lain di mana dia tidak boleh menzaliminya dan tidak pula menyerahkan saudaranya tadi kepada musuhnya (kafir). Barangsiapa yang memenuhi hajat saudaranya, maka Allah akan memenuhi hajatnya, dan barangsiapa yang melepaskan saudaranya daripada kesukaran, maka Allah akan melepaskannya daripada kesukaran pada hari akhirat, dan barangsiapa yang memelihara keaiban saudaranya di dunia maka Allah akan memelihara keaibannya pada hari akhirat".

Peristiwa nabi Ibrahim membina Kaabah dan memohon kemakmuran kepada Allah merupakan contoh perusahaan atau pekerjaan mencari rezeki amat dituntut dalam kehidupan. Seolah-olah perusahaan mencari rezeki merupakan pra-syarat kepada keupayaan untuk menunaikan ibadat haji di Mekah. Dalam hal ini, Allah menjelaskan bermaksud: “Dan (ingatlah) ketika nabi Ibrahim berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku! Jadikanlah (negeri Mekah) ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya. Iaitu orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat di antara mereka.”²⁵⁰ Dengan doa tersebut, Allah merestui aktiviti perniagaan untuk mencari rezeki boleh dilaksanakan pada musim haji. Firman-Nya bermaksud: “Tidaklah menjadi salah, kamu mencari limpah kurnia dari Tuhan kamu (dengan meneruskan perniagaan ketika mengerjakan Haji)...”²⁵¹

Ayat di atas menekankan bahawa aktiviti mencari kurniaan Allah menerusi perniagaan diharuskan pada musim haji. Oleh kerana musim haji merupakan perhimpunan besar masyarakat antarabangsa di Makkah, maka terdapat banyak peluang yang boleh dimanfaatkan oleh umat Islam. Salah satu manfaat tersebut ialah menerusi aktiviti keusahawanan atau perdagangan.²⁵²

Berkaitan dengan nabi Ibrahim dan ibadat haji, sejarah merakamkan bahawa Baginda telah meninggalkan isterinya Hajar bersama anaknya Ismail mendiami Makkah. Apabila kehabisan bekalan, Hajar berusaha dengan berlari-lari sebanyak tujuh kali antara bukit Safa dan Marwah mencari air. Usaha beliau mencari rezeki ini diabadikan dalam ibadat haji sebagai Sa`i yang wajib dilakukan. Hal ini merupakan

²⁵⁰ Surah al-Baqarah, 2: 126. Lihat Abd al-Fathah Tabbarah, *Ma`a al-Anbiyā'*, h.269-273

²⁵¹ Surah al-Baqarah, 2: 198

²⁵² Yusoff al-Qaraḍawī (1985), *The Lawful and the Prohibited In Islam*, London: Shorouk International, h. 185

antara contoh penting bagaimana aktiviti keusahawanan diiktiraf sebagai ibadat kepada Allah.²⁵³

Islam menyebutkan kepentingan urusan perniagaan pada hari Jumaat seiring dengan kerfarduan solat Jumaat. Firman Allah bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan untuk mengerjakan solat pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang Jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu); Yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya).”²⁵⁴ Gandingan ini menggambarkan seolah-olah kedudukan aktiviti jual beli dan bersolat sama penting untuk kelangsungan hidup. Di mana berniaga boleh diibaratkan sebagai sebahagian dari cara beribadat. Manakala solat Jumaat sebagai satu kerehatan dan masa memohon doa dan keberkatan Allah, sebelum diteruskan dengan pelbagai lagi aktiviti keusahawanan untuk mencari rezeki-Nya atas muka bumi ini selepas menunaikan solat.²⁵⁵

2.5.2. Keusahawanan sebagai suatu pekerjaan dan sumber rezeki

Berusaha mencari rezeki untuk keperluan hidup seharian merupakan fitrah semula jadi manusia. Allah memaklumkan pekerjaan ini sebagai: “Dan Kami telah menjadikan siang (dengan cahaya terangnya) masa untuk mencari rezeki?”²⁵⁶ Ini bermakna, seseorang yang bekerja mencari rezeki bukan sahaja memenuhi fitrah, malah dalam masa yang sama, apabila perusahaan yang dijalankan itu menepati Syariat Allah, boleh

²⁵³ Surah Ibrahim, 14: 37; Asmak Ab. Rahman, *Pertanian Dari Perspektif Ekonomi Islam*, h. 114; Afif Abd al-Fattah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiya'*, h. 262

²⁵⁴ Surah al-Jumu'ah, 62: 9

²⁵⁵ Ibid, 62: 10

²⁵⁶ Surah al-Naba', 78:11

dianggap sebagai merealisasikan tugas selaku khalifah-Nya.²⁵⁷ Untuk itu, setiap aktiviti keusahawanan manusia misalnya jika berniaga, perniagaan tersebut perlu dilakukan “secara suka sama suka.”²⁵⁸ Hal ini demikian kerana segala aktiviti keusahawanan yang baik seperti berniaga dihalalkan oleh Allah.²⁵⁹

Seorang usahawan yang melakukan sesuatu usaha dikira bekerja dan pekerjaan itu sebagai sumber nilai dan rezeki dalam hidupnya. Lantaran itu, seseorang yang bekerja lebih baik dan disukai Allah dari hidup meminta-minta sebagai pengemis. Ini bermakna, “seseorang yang membawa tali pergi ke hutan lalu membawa seberkas kayu api dan menjualnya, maka dengan usahanya itu Allah menjaganya adalah lebih baik baginya daripada meminta-minta dari manusia sama ada diberi atau tidak.”²⁶⁰ Manakala “seseorang Muslim yang menanam pokok atau tumbuhan, lalu dimakan oleh burung atau binatang atau manusia lain, maka dia akan mendapat pahala sedekah.”²⁶¹

Hadis-hadis di atas menjelaskan aktiviti keusahawanan atau bekerja sendiri dipandang tinggi dalam Islam sebagai suatu pekerjaan dan kewajipan yang mulia. Dalam hal ini, Rafi’ bin Hadij melaporkan bahawa Baginda pernah ditanya apakah pekerjaan yang paling baik. Baginda bersabda yang bermaksud: “Pekerjaan seseorang dengan tangannya sendiri dan perniagaan yang diberkati.”²⁶² Justeru, dalam hadis yang lain, Baginda umpamakan berusaha sendiri atau berniaga itu sebagai sumber rezeki dan memiliki kekayaan. Sabda Baginda bermaksud: “Berniagalah, sesungguhnya sembilan

²⁵⁷ Adnan Alias dan Mohamed Dahlan Ibrahim, *Keusahawanan Islam*, h. 2

²⁵⁸ Surah al-Nisa’, 4: 29; al-Baqarah, 2: 282

²⁵⁹ Surah al-Baqarah, 2: 275

²⁶⁰ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ*, Bab al-Isti’fāf ‘an al-mas’alah, hadis no. 1378; Aḥmad, *Musnad*, Bab musnad Abu Hurairah, hadis no. 8771, 9490, dengan lafaz yang sedikit berbeza.

²⁶¹ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ*, Bab faḍl al-zar’ wa al-ghars, hadis no. 2152; Muslim, *Ṣaḥīḥ*, Bab faḍl al-ghars wa al-zar’, hadis no. 2900; Aḥmad, *Musnad*, Bab musnad Anas bin Malik, hadis no. 12038, 12910, 13064, 13065,

²⁶² Aḥmad, *Musnad*, Bab hadis Rafi’ bin Ḥadīj, hadis no. 16628

dari sepuluh sumber rezeki datang menerusi aktiviti perniagaan.”²⁶³ Lantaran itu, segala aktiviti keusahawanan menerusi perniagaan dianggap sebagai profesion terbaik untuk kehidupan.²⁶⁴

Penjelasan ringkas berdasarkan hadis dan al-Quran di atas menjelaskan bahawa segala usaha seseorang seperti berniaga atau bekerja sendiri dipandang tinggi dan mulia sebagai sumber kekayaan dan sumber nilai dalam kehidupan.

2.5.3. Aktiviti keusahawanan sebagai berjihad pada jalan Allah

Islam amat menekankan agar manusia berjihad dan berjuang pada jalan Allah. Jihad itu sendiri dihukumkan wajib dan mendapat ganjaran yang tidak ternilai daripada Allah SWT. Ada banyak cara untuk manusia melakukan jihad. Antaranya ialah menerusi berperang, atau menerusi pekerjaan seperti menyebarkan ilmu dan menerusi perusahaan untuk mengembangkan ekonomi.²⁶⁵

Dalam konteks menjalankan perniagaan atau aktiviti keusahawanan, nabi Muhammad SAW mengiktiraf usaha tersebut sebagai jihad pada jalan Allah. Abu Sa'id menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda dengan maksud: “Seorang peniaga yang jujur dan amanah akan bersama para nabi, para siddiqin dan para syuhada.”²⁶⁶ Hadis ini menjelaskan bahawa pekerjaan sebagai usahawan yang amanah dan mengikut Syariat akan dibalas pahala setaraf dengan kedudukan para anbiya dan syuhada di

²⁶³ Lihat Ala' al-Din al-Muttaqi bin Hisham al-Din al-Hindi (1989), *Kanz al-Ghumāl Fī Sinin al-Aqwāl wa al-Af'āl*, *Fī anwā' al-Kasb*, Juz 4, (Tahqiq Sheikh Bakri Hayyati dan al-Sheikh Safwah al-Saqa), Beirut: Mu'assasah al-Risālah, h. 4: 4 ;

²⁶⁴ Solahuddin Abdul Hamid dan Che Zarrina Sa'ari, “Reconstructing Entrepreneur's Development Based on al-Qur'an And al-Hadith,” h. 110

²⁶⁵ Surah al-Şaf, 6: 11

²⁶⁶ Al-Tirmizī, *Sunan*, Bab Ma Jāa fī al-Tijāri wa Tasmiyah al-Nabi, hadis no. 1130; Ibn Mājah, *Sunan*, Bab al-tijārah, hadis no. 2130

akhirat kelak. Iaitu usahawan yang mentaati perintah Allah dan menjadikan Rasulullah SAW sebagai model.²⁶⁷

Allah mengumpamakan orang yang berusaha mencari rezeki sebagai sama taraf dengan orang yang berjuang pada jalan-Nya. Al-Quran menjelaskan dengan maksud: “Sebahagian orang-orang yang musafir di muka bumi untuk mencari rezeki dari limpah kurnia Allah; dan yang lain lagi orang-orang yang berjuang pada jalan Allah (membela agamanya),”²⁶⁸ akan mendapat balasan pahala yang besar di sisi Allah.

Mengapakah menjadi usahawan disamakan taraf sebagai berjihad pada jalan Allah dan akan dibangkitkan pada hari Kiamat bersama para anbiya dan syuhada? Menjawab persoalan ini, Yusof al-Qaradhawi mengatakan bahawa peniaga berusaha mengembangkan ekonomi dan keperluan ummah dengan penuh amanah. Kerana itu, seorang usahawan sebenarnya berjuang melawan nafsu dari mengaut keuntungan dengan cara mudah dan salah, tetapi tidak kalah dan mampu mengatasi godaan kekayaan tersebut untuk terus menjalankan urusan niaga secara sah.²⁶⁹ Lantaran itu, Ibrahim al-Nakha'i, seorang imam era Tabiin apabila ditanya pilihan antara seorang usahawan yang amanah dan ahli ibadat yang bertakwa telah memilih usahawan yang amanah serta istiqamah sebagai yang terbaik.²⁷⁰

Apabila aktiviti keusahawanan dikategorikan sebagai jihad, keuntungannya berganda, yakni bukan setakat laba di dunia sahaja, tetapi juga mendapat *al-falah* di akhirat. Keuntungan dari perniagaan inilah yang disebut sebagai “sejenis perniagaan

²⁶⁷ Buerah Tunggak dan Hussin Salamon, *Budaya Usahawan Berjaya*, h. 91

²⁶⁸ Surah al-Muazzammil, 73: 20

²⁶⁹ Yusoff al-Qaradawi, *The Lawful and the Prohibited In Islam*, h. 139

²⁷⁰ Solahuddin Abdul Hamid dan Che Zarrina Sa'ari, “Reconstructing Entrepreneur's Development Based on al-Qur'an and al-Hadith,” h. 111

yang tidak akan mengalami kerugian.”²⁷¹ Iaitu perniagaan yang dilakukan oleh usahawan yang beriman dan amanah. Dalam konteks ini, Allah menyeru usahawan yang beriman ini dengan firman-Nya: “Mahukah Aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya?”²⁷² Ayat ini seolah-olah mengisyaratkan bahawa menerusi aktiviti keusahawanan seperti perniagaan yang baik dapat menyelamatkan manusia dari Azab pedih neraka di akhirat kelak. Hal ini demikian kerana: “Allah telah membeli dari orang-orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan) bahawa mereka akan beroleh syurga.” “Oleh itu, bergembiralah dengan jualan yang kamu jalankan jual-belinya itu, dan (ketahuilah bahawa) jual-beli (yang seperti itu) ialah mendapat *al-falah*, yakni kemenangan yang besar.”²⁷³

Ringkasnya, kaitan antara keusahawanan dan para anbiya begitu dekat dan erat. Kesepaduannya seakan dakwah mereka untuk membangunkan masyarakat menganuti perintah Allah teradun dan tercerna dalam wadah dan rupa bentuk aktiviti keusahawanan.

2.6. Kesimpulan

Al-Quran merakamkan banyak kisah berkaitan anbiya yang merangkumi nabi pertama Adam, sehingga nabi terakhir Muhammad SAW. Sejarah panjang tersebut menyaksikan tamadun manusia silih berganti yang diterasi rangkaian anbiya sebagai model dan pengimbang kepada kitaran tamadun tersebut. Kisah mereka ternyata mengandungi pelbagai peristiwa, hikmah dan manfaat. Lantaran itu, kisah mereka merupakan sebaik-baik kisah sebagai iktibar dan pengajaran bagi kaum yang berfikir.

²⁷¹ Surah Fāṭir, 35: 29

²⁷² Surah al-Ṣaf, 61: 10

²⁷³ Surah al-Taubah, 9: 111

Anbiya membetulkan masyarakat dengan menunjukkan contoh dalam pelbagai bidang kehidupan termasuk keusahawanan. Antaranya termasuklah kisah Adam dan peristiwa pengorbanan anak-anaknya, Qabil dan Habil. Begitu juga dengan kisah nabi Nuh, Hud, Saleh, Ibrahim, Lut, Ismail, Yusof, Ayub, Syuaib, Musa, Harun, Daud, Sulaiman, dan Muhammad SAW. Dalam hal ini, mereka turut terlibat dengan pelbagai aspek keusahawanan seperti pertanian, perniagaan, perkhidmatan dan sebagainya. Kisah mereka juga menunjukkan kepada umat mengenai cara, panduan, teguran dan pengimbang dalam aktiviti keusahawanan tersebut. Inilah hakikat tugas dan fungsi dari kisah anbiya dalam rakaman al-Quran. Jelas kerja dakwah mereka menerusi profesion kehidupan seharian agar manusia beriman kepada Allah bagi membangunkan aset insan ke arah kesejahteraan hidup di dunia dan kejayaan di akhirat.

BAB 3: KONSEP PEMBANGUNAN MODAL INSAN MENURUT ANBIYA

3.1. Pengenalan

Pembangunan modal insan atau disebut juga sebagai pembangunan sumber manusia menjadi agenda penting dalam kehidupan insan. Kitaran hidup manusia secara khusus atau putaran sejarah masyarakat secara umum memperlihatkan proses pembangunan modal insan menjadi sebahagian dari aktiviti kehidupan. Kitaran hidup insan yang mula belajar berjalan dengan bertatih atau seorang kanak-kanak yang mula belajar menyebut satu dua perkataan sebelum fasih berkata-kata boleh dianggap sebagai contoh proses tersebut. Begitu juga dengan ajaran seorang nelayan tentang cara-cara menangkap ikan kepada seorang anak merupakan contoh penerapan pembangunan modal insan dalam budaya hidup nelayan. Ajaran Islam yang tidak terpisah dari kitaran kehidupan menggunakan proses ini apabila Nabi Muhammad SAW menyarankan agar ibu bapa mengajar anak-anak mendirikan solat seawal usia tujuh tahun.¹

Perkembangan hari ini terutamanya di Barat, program pembangunan modal insan sering dikaitkan dengan keperluan sesebuah organisasi. Fokus aktiviti tidak lari dari tiga istilah iaitu latihan, pendidikan serta pembangunan staf. Latihan dilakukan untuk keperluan organisasi pada masa sekarang, sementara pendidikan dan pembangunan diberikan kepada staf untuk keperluan pada masa depan organisasi.

Tujuan utama aktiviti pembangunan ini supaya organisasi terus maju dengan memiliki

¹ Hadis asal bermaksud: “Ajarilah anak-anak kamu solat ketika usia mereka 7 tahun dan pukullah ketika berumur sepuluh tahun serta asingkanlah tempat tidur mereka.” Lihat Abū Dawud, *Sunan*, Bāb matā yu'mar al-ghulām bi al-ṣalāt, hadis no. 418

staf yang mahir dan kompeten serta mampu meningkatkan produktiviti atau dapat memacu prestasi organisasi.²

Pendekatan tersebut bagaimanapun, seolah-olah melihat pembangunan modal insan hanya terhad dalam lingkungan pekerjaan atau keperluan organisasi semata-mata. Sedangkan Islam melihat isu tersebut dari perspektif berbeza. Pendekatan Islam terhadap pembangunan modal insan ini mengguna skala pembangunan yang lebih besar. Aktiviti pembangunan modal insan tidak terhad setakat lingkungan organisasi perniagaan, tetapi juga masyarakat serta kekeluargaan. Skala waktu tidak terhad setakat keperluan sesebuah firma untuk hidup di dunia, tetapi dalam masa yang sama seiring dengan keperluan hidup masa depan, yakni akhirat. Dalam konteks ini, al-Quran memaparkan proses pembangunan modal insan yang boleh difahami dalam pelbagai dimensi. Kisah anbiya dengan pelbagai tema dakwah merupakan antara perspektif yang boleh dijadikan sampel atau contoh bagi aktiviti pembangunan modal insan.

Oleh kerana sukar menemui satu istilah tepat berkaitan pembangunan modal insan dalam al-Quran, maka kajian ini mengambil pendekatan berkaitan konsep. Bagaimanapun, untuk memahami konsep pembangunan modal insan dengan lebih mudah dan menyeluruh, pemahaman terhadap hakikat insan dan pembangunan merupakan satu keperluan.

² Dalam konteks organisasi, aktiviti pembangunan sumber manusia termasuk juga penilaian prestasi, bimbingan dan kauseling, perancangan kerjaya, jaringan pembelajaran serta program latihan. Prestasi kerja lazimnya berlaku apabila staf memiliki kemahiran dan dorongan. Lihat Ibrahim Mamat (2001), *Reka Bentuk dan Pengurusan Latihan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 25 – 31

3.2. Insan dan Pembangunan

Pembangunan modal insan dalam Islam melihat perspektif yang sedikit berbeza dari pespektif Barat. Barat meletakkan manusia sebagai salah satu aset atau agen produktiviti organisasi yang berorientasikan profit material. Manakala Islam melihatnya dengan pandangan holistik serta sepadu antara material dan spiritual.

3.2. 1. Hakikat Insan

Gambaran tentang insan boleh difahami menerusi hakikat diri setiap manusia. Insan atau 'man' merupakan gelaran pengenalan kepada sejenis makhluk ciptaan Allah yang tidak terlepas dari kealpaan,³ terdiri dari dua unsur, iaitu jasmani dan rohani.⁴ Kombinasi unsur tersebut ibarat 'dua sekutu' dalam satu, atau yang memiliki dwi hakikat, iaitu jiwa dan raga, yang merupakan suatu diri jasmani dan rohani sekali gus.⁵

Lantaran itu, hakikat insan perlu difahami secara menyeluruh dalam dua konteks unsur tersebut sekali gus. Tidak wajar pemahaman tentang insan ditumpukan kepada satu dimensi fizikal sahaja seperti dalam budaya Barat. Atau sebaliknya pula dengan penekanan unsur rohani semata-mata yang menafikan kepentingan jasmani seperti

³ Diriwayatkan daripada Ibn Abbas mengatakan bahawa manusia dinamakan insan kerana lupa janji. Lihat Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, entri al-ins; *Al-Qāmūs al-Muhīt* menyamakan istilah al-Ins dengan al-Basyar (<http://www.baheth.info/index>); Al-Qurtubī, *al-Jami' li Ahkām al-Qur'ān*, h. 6: 166; M. Quraish Shihab, *Wawasan al-Qur'an*, h. 280

⁴ Antara istilah yang sering digunakan oleh al-Quran untuk memerihalkan manusia ialah insān (65 kali), al-nās (240 kali), al-ins (18 kali) serta basyar.

⁵ Syed Muhammad Naquib al-Attas (2010), *Islam dan Sekularisme*, (Terj. *Islam and Secularism* oleh Khalif Muammar), Bandung: PIMPIN – CASIS, UTM, h. 172. Juga surah al-Hijr, 15: 29; al-Mu'minun, 23: 12-14

dalam budaya hidup ruhban.⁶ Islam melihat insan dalam kerangka kombinasi dua unsur asas menerusi elemen jasmani, roh, akal, hati dan nafsu.⁷

1. Unsur Jasmani

Jasmani ialah bahagian fizikal atau apa yang nampak yang membentuk tubuh badan manusia. Tubuh jasmani inilah merupakan tanda pengenalan atau sumber maklumat akan kehadiran atau tidak hadirnya seseorang insan diukur dari sudut ruang dan masa. Aspek fizikal insan boleh dikenali pada setiap jasad seseorang yang memiliki kelengkapan kepala, badan dan kaki serta pancaindera.

Al-Quran menjelaskan bahawa jasmani manusia dicipta dari tanah seperti yang terjadi kepada Adam. Firman Allah bermaksud: “Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia (Adam) dari tanah.”⁸ Manakala zuriat atau keturunan Adam dicipta dari saripati tanah.⁹ Firman Allah bermaksud: “Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari saripati (yang berasal) dari tanah. Kemudian Kami jadikan "pati" itu (setitis) air benih pada penetapan yang kukuh. Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku. Lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta.”

⁶ Ruhban merujuk kepada hidup kepaderian atau pertapaan, seperti terdapat dalam surah al-Ma'idah, 5: 82. Lihat al-Nasafi, *Tafsir al-Nasafi*, h. 299; al-Şabūnī, *Mukhtaşar Tafsir Ibn Kathir*, h. 1: 540

⁷ Syaraf al-Qudha (2010), *Petunjuk Nabawi bagi Hati*, (Terj. Fauzi Deraman, Zulkifli Mohd Yusof dan Abdul Rashid Ahmad), Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research, UM, h. vii

⁸ Surah Şad, 38: 71. Lihat juga ayat 38: 76

⁹ Al-Quran mengistilahkanannya sebagai *sulālatin min tīn*, yakni saripati tanah. Lihat Surah al-Mu'minūn, 23: 12 -14

Proses ciptaan zuriat Adam ini dinamakan sebagai hukum sunnatullah iaitu, apa yang dimakan atau minum oleh manusia umumnya berasal atau mengandungi unsur tanah, bertukar menjadi darah-daging yang membentuk benih lelaki atau wanita yang disenyawakan menjadi manusia.¹⁰

Jasad manusia mempunyai beberapa fakulti seperti kaki, tangan, badan dan kepala. Jasad manusia dalam rupa bentuk hari ini merupakan gambaran luaran yang diciptakan oleh Allah dalam acuan atau rupa bentuk mengikut kehendak-Nya. Sebagai makhluk, bentuk jasmani manusia menepati iradah “Dialah Tuhan yang telah mencipta dan mengatur kejadianmu, lalu menjadikan anggotamu sesuai (dengan tujuan yang kerananya anggota itu diadakan), serta menjadikan (binaan tubuh badanmu) sama padan dengan kekuatannya. Dalam bentuk dan rupa apa sahaja yang dikehendaki-Nya, Ia menyusun kejadianmu.”¹¹

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa bentuk luaran jasmani manusia dicipta oleh Allah atas citra-Nya.¹² Selain itu, jasmani manusia juga dilengkapi dengan pancaindera untuk menyempurnakan keupayaan serta fungsi jasad. Hakikatnya, pancaindera tersebut seperti mata, telinga dan yang lain-lain adalah kurniaan Allah dan harus digunakan sesuai dengan fungsi serta tujuan penciptaan manusia itu sendiri. Firman-Nya bermaksud: “Dialah yang menjadikan kamu dan menciptakan bagi kamu pendengaran, penglihatan dan hati.”¹³ Manakala tujuan manusia itu dicipta adalah untuk beribadat dan berbakti kepada Allah.¹⁴ Dengan demikian, penggunaan semua pancaindera dan fakulti jasmani manusia perlu menepati kehendak penciptanya dalam

¹⁰ Digunapakai oleh Mardzelah Makhsin (2006), untuk menjelaskan “Proses Kejadian Manusia Daripada Perspektif Islam,” dalam *Sains Pemikiran & Etika*, Kuala Lumpur: PTS Profesional Publising, h. 36

¹¹ Surah al-Infitār, 82: 6-8

¹² Meminjam kata-kata S.M.N. al-Attas, *Islam dan Sekularisme*, h. 84

¹³ Surah al-Mulk, 67: 23

¹⁴ Surah al-Dhāriyāt, 56: 55

menjalani kehidupan sama ada di tahap individu mahupun bermasyarakat. Umpamanya, kaki digunakan untuk berjalan mencari keredaan Allah, mulut untuk makan makanan halal dan berkata benar. Sementara di tahap bermasyarakat, keupayaan jasmani digunakan untuk bekerja dalam organisasi atau berniaga untuk kesejahteraan umat.

Namun begitu, kewujudan dan kelengkapan segala unsur jasmani manusia tidak bererti jika tidak ada unsur rohani yang memberikan nafas atau nyawa untuk menjalani kehidupan di atas muka bumi ini.

2. Unsur Rohani

Unsur kedua manusia ialah unsur rohani atau spiritual yang membuatkan manusia boleh hidup dan berfungsi. Unsur rohani ini dapat difahami menerusi firman Allah: “Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh dari (ciptaan) Ku, maka hendaklah kamu sujud kepada-Nya.”¹⁵ Ayat ini menerangkan bahawa hakikat sebenar manusia itu ialah unsur rohani. Meskipun ciptaan jasad telah sempurna, namun hanya selepas ditiup roh ke dalam jasad Adam, barulah sempurna keinsanan manusia. Hakikat ini tercerna apabila Allah memerintahkan malaikat memberikan penghormatan dengan bersujud.¹⁶

Oleh kerana dengan wujudnya unsur rohani manusia hidup dan berhak mendapat penghormatan, maka hakikat insan terletak kepada unsur rohani. Ilmuan menerangkan

¹⁵ Surah al-Hijr, 15: 29; Surah Sad, 38: 72

¹⁶ Hakikat roh termasuk dalam urusan dan rahsia Allah. Surah al-Isra', 17: 85, menerangkan: ‘Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan: "Roh itu dari perkara urusan Tuhanku; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja.”

aspek kerohanian ini dalam beberapa unsur seperti roh, jiwa (nafs), akal dan kalbu (qalb).¹⁷

Unsur pertama ialah roh. Roh merupakan suatu jauhar yang menghidupkan diri insan.¹⁸ Oleh kerana Roh adalah istilah Qurani, maka hakikatnya difahami dari penerangan al-Quran.¹⁹ Hakikat sebenar anatomi roh terserah kepada pengetahuan Allah SWT sahaja.²⁰ Begitupun, istilah roh diterima umum bukan sekadar lawan kepada jasmani, tetapi juga sebagai sebahagian dari aspek kerohanian yang melengkapkan kehidupan manusia. Hal ini kerana manusia adalah zuriat Adam dan Baginda menjadi hidup serta diberikan kemuliaan setelah ditiupkan roh oleh Allah SWT.

Roh adalah nyawa dan ibarat diri manusia itu sendiri. Tanpa wujudnya roh, maka tiadalah manusia itu. Dengan demikian, roh merupakan keupayaan yang menjadikan jasad mampu untuk melaksanakan sesuatu perbuatan. Roh sebagai tenaga, jasad sebagai pelaksana. Bandingan jasad dan roh seumpama alatan elektrik sebagai

¹⁷ Lihat *Ensiklopedia Islam* (2004), entri Roh, Jilid 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 182 – 183. Pembahagian ini hanya untuk tujuan pemahaman dan perlu dilihat secara sepadu tanpa boleh dicerai-cerai antara unsur jasad dan roh untuk memahami hakikat insan. Antara sarjana yang banyak membicarakan tentang manusia seperti Imam al-Ghazali (1058-1111M) dalam *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, Ibn Khaldun (1332 – 1406M) dalam *Muqaddimah*, Muhammad Iqbal (1873-1938M) dalam *Secrets of the Self (Asrār-i khūdi)*, serta SMN al-Attas seperti *The Nature of Man and the Psychology of the Human Soul* (1990). Imam al-Ghazali sebagai contoh, menjelaskan asas manusia ialah aspek rohani yang dipecahkan kepada kalbu, roh, nafsu dan akal. Lihat al-Ghazali (1990), *Mukhtasar Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, Beirut: Mu'assasah al-Kutub al-Thaqafīyah, h. 204; Juga Bab Keajaiban Hati, (edisi terjemahan oleh Irwan Kurniawan (2008), *Mutiara Ihyā' Ulumuddin*, Bandung: Penerbit Mizan). Aspek rohani juga merangkumi mental, roh, sikap dan unsur emosi. Emosi terbangun menjadikan manusia lebih matang dan mampu mengawal diri mengikut situasi tertentu berasaskan ilmu. Lihat Ilhaamie Abdul Ghani Azmi (2009), "Human Capital Development and Organizational Performance: A focus on Islamic perspective," *Shariah Journal*, Vol 17, no. 2, h. 353 - 372

¹⁸ Surah al-Hijr, 15: 29. Juga Surah Şad, 38: 72. Roh dimaksudkan sebagai suatu aspek kejiwaan yang kekal hidup walaupun selepas mati atau badan binasa. Lihat *New Oxford English-English-Malay Dictionary* (2009), Second Edition, Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd., h. 790

¹⁹ Misalnya surah al-Syura, 49: 52, bermaksud: "(Dan Demikianlah Kami wahyukan kepadamu (Muhammad) - Al-Quran sebagai roh (yang menghidupkan hati perintah kami)."

²⁰ Lihat surah al-Isrā, 17: 85; Menurut Ibn Qayyim, roh dalam al-Quran merujuk kepada beberapa makna seperti wahyu, kekuatan atau pertolongan Allah (surah al-Mujadalah, 58: 22), malaikat Jibril (surah al-Nahl, 16: 102) serta Isa al-Masih (surah al-Nisā', 4: 171). Selain makna umum, roh juga merujuk kepada makna 'jiwa atau nafs'. Beliau bagaimanapun menggunakan istilah roh secara meluas untuk merujuk kepada roh manusia dan bukannya *nafs*. Lihat Ibnul Qayyim (1992), *Roh*, (Terj. *al-Rūh* oleh Syed Ahmad Semait), Singapura: Pustaka Nasional h. 313 – 316.

jasad dan tenaga elektrik umpama roh. Tanpa tenaga, alatan elektrik tiada kuasa atau tidak berguna.²¹ Meskipun roh secara fitrahnya cenderung kepada kebaikan, namun fungsi roh itu sendiri ibarat pelaksana secara dalaman atau maknawi yang terdedah kepada baik dan buruk. Roh bukanlah pemberi kata putus sama ada menerima atau menolak sesuatu. Keputusannya bergantung kepada ‘penguasa’ hati dan ‘pemberi nasihat’ iaitu akal dan nafsu kepada roh.²²

Perlu difahami bahawa sebelum dilahirkan dunia, seseorang insan sebenarnya telah wujud di alam roh dan alam rahim ibu.²³ Sewaktu di alam roh, insan telah berjanji dan mengakui ketuhanan Allah SWT.²⁴ Dal hal ini al-Quran merakamkan firman-Nya bermaksud:

“Dan (ingatlah Wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan Ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Ia bertanya dengan firman-Nya): "Bukankah Aku Tuhan kamu?" Mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi". Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini".”

(Surah al-A’raf, 7: 172)

Ayat di atas secara jelas menegaskan bahawa roh itu tidak lain melainkan hakikat atau diri insan itu sendiri.²⁵ Lantaran itu, roh manusia berupaya mematerai perjanjian dengan Allah SWT selaku Tuhan yang disembah dan pencipta. Tegasnya, roh bukan sekadar dicipta oleh Allah untuk hidup dalam konteks *rūh al-ḥayah*, tetapi juga memikul tugas menyaksikan keesaan Allah dalam konteks *rūh al-tamyyiz*.²⁶ Dalam konteks ini,

²¹ Syaraf al-Qudha, *Petunjuk Nabawi bagi Hati*, h. viii

²² Ibid.

²³ Berpandukan al-Quran dan Hadis, Ibn Qayyim mengatakan Allah menciptakan roh manusia dua ribu tahun lebih awal berbanding jasad yang hidup di dunia. Lihat Ibnul Qayyim, *Roh*, h. 330. Mengenai alam rahim, lihat surah al-Zumar, 3: 6

²⁴ Lihat huraian mengenai perjanjian oleh Ibnul Qayyim, h.335 - 337

²⁵ Dikatakan manusia dinamakan insan kerana adanya perjanjian tersebut, lalu ia *nasiya*, yakni alpa. Lihat al-Qurtubī (2000), *al-Jami’ li Ahkām al-Qur’ān*, h. 6: 166

²⁶ Muhammad Syukri Salleh (2003), *7 Prinsip pembangunan berteraskan Islam*, Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn. Bhd., h. 26-27

menurut Syukri Salleh, dengan perjanjian tersebut, wujud tiga implikasi kepada kehidupan insan. Pertama; manusia rela menjadi hamba dan memikul amanah Allah, kedua; manusia dikurniakan panduan wahyu sebagai pelan induk, dan ketiga; alam roh, alam dunia dan alam akhirat merupakan alam yang bersambungan.²⁷ Ekoran dari itu, sewaktu menjalani kehidupan di dunia ini roh yang diibaratkan sebagai tenaga berkuasa melaksanakan fungsi untuk merealisasikan perjanjian tersebut. Pelaksanaan fungsi tersebut dengan bantuan 'penasihat' dan 'kekuasaan penguasa' yang memberi kata putus akan diadili dan dihisab sewaktu bangkit di alam akhirat nanti. Lantaran itu, fungsi dan peranan roh seseolah tenggelam dalam pengaruh 'penasihat' dan kuasa 'penguasa' sehingga menjadi berkembang dan dipanggil akal apabila berfikir, dipanggil kalbu apabila berperasaan dan dipanggil nafsu apabila berkeinginan.²⁸

Dalam maksud yang lebih mudah, di samping memberikan nyawa kepada insan, fungsi kewujudan roh adalah bagi memastikan manusia berupaya meyakini kewujudan Allah serta rukun iman yang lain seperti mempercayai malaikat, anbiya, kitab wahyu, hari Akhirat serta qadha dan qadar Allah.²⁹

Ringkasnya, oleh kerana unsur roh merupakan unsur sebenar keinsanan manusia, maka aspek roh perlu diberikan perhatian dan penjagaan. Untuk memastikan roh sentiasa sihat dan terjaga, manusia perlu memelihara diri dengan melakukan perintah Allah seperti bersolat, berzikir dan melakukan amalan kebaikan yang boleh mendekatkan diri dengan Allah.³⁰ Dengan demikian, hakikat insan ialah mereka yang mensucikan rohani atau hati nurani supaya jasmani juga turut sihat dan sejahtera.³¹

²⁷ Muhammad Syukri Salleh, *7 Prinsip pembangunan berteraskan Islam*, h. 34-35

²⁸ Ibid., h. 28. Mandili juga menjelaskan bahawa peranan roh, nafsu dan hati mempunyai makna yang sama sahaja., Lihat Abdul Qadir Mandili (1964), *Penawar Bagi Hati*, Yala: Sahabat Press, h. 21

²⁹ Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, "Human Capital Development," h. 353 - 372

³⁰ Mardzelah Makhsin, *Sains Pemikiran & Etika*, h. 37

³¹ Lihat surah al-Syams, 91: 8-10 (Serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertaqwa. Sesungguhnya berjayalah orang yang

Unsur kedua ialah jiwa. Umum menyamakan jiwa dengan diri insan yang berlawanan dengan jasmani. Al-Quran menamakan jiwa sebagai *al-nafs*.³² Istilah *nafs* sekurang-kurangnya merujuk kepada dua dimensi iaitu hakikat diri atau jiwa, serta keadaan jiwa yang disebut sebagai *nafsu*.³³ Misalnya, al-Quran mengungkapkan sebagai hakikat diri atau jiwa dalam konteks personifikasi diri manusia yang menerima akibat dari perbuatan. Di mana perbuatan yang baik akan membawa kebaikan bagi dirinya, jika perbuatan yang buruk pula akan memberikan kesan buruk kepada dirinya.³⁴ Hal ini, lantaran segala yang buruk dari diri manusia, sebaliknya, segala yang baik berasal dari Allah.³⁵ Manusia diingatkan agar berwaspada dengan mengingati Allah dalam dirinya,³⁶ kerana setiap jiwa akan merasai mati.³⁷ Ringkasnya, dimensi ini meletakkan hakikat jiwa selaras dengan maksud perundangan yang merujuk jiwa sebagai diri yang menerima balasan.³⁸

menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan). Dan Sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).

³² Al-Quran menggunakan kedua-dua bentuk mufrad, *nafs* (misalnya Āli ‘Imrān, 3: 185. Tiap-tiap *nafs* yang bernyawa akan merasai mati) atau jamak *anfus* (misalnya al-An’am, 6: 93 "Keluarkanlah *anfus*, iaitu nyawa kamu (dari tubuh kamu sendiri)", dengan jumlah tidak kurang dari 140 kali.

³³ Said Hawa berpendapat *nafs* adalah ruh yang telah menyatu dengan jasad. Lihat Sa‘īd Hawwā (1999), *Tarbiyatunā al-Rūhiyyah*, Qahirah: Dār al-Salam, h. 63; Manakala Frager menyebutkan bahawa *nafs* sebagai diri (*self*), atau ego, atau jiwa (*soul*). Lihat Robert Frager (1999), *Heart, Self, and Soul: The Sufi Psychology of Growth, Balance, and Harmony*, San Francisco: Harper Collins Publishers, h. 86; William C. Chittick yang mengkaji tentang Jalaludin al-Rumi menggunakan istilah *nafs* sebagai jiwa binatang dan kadangkala merujuk kepada tingkatan jiwa yang lebih tinggi. Lihat William C. Chittick (2002), *Jalan Cinta Sang Sufi: Ajaran-Ajaran Spiritual Jalaluddi Rumi*, (Terjemahan *The Sufi Path of Love: The Spiritual Teaching of Rumi* oleh M Sadat Islamil dan Achmad Nidjam), Yogyakarta: Qalam, h. 49-50

³⁴ Misalnya, surah al-Baqarah, 2: 123, 2: 130, 2: 233, 2: 281; Āli ‘Imrān, 3: 185, Yunus, 10: 30, 10: 108 dan lain-lain. *Nafs* menerima taklif, atau beban spiritual (surah al-A’raf, 7:42) dan menerima risiko perbuatan manusia secara adil (surah Āli ‘Imrān, 3:30, 3:25, 3:161)

³⁵ Misalnya surah al-Nisā’, 4:79

³⁶ Misalnya surah al-A’rāf, 7:205

³⁷ Misalnya Āli ‘Imrān, 3: 145, 3: 175, al-Anbiyā’, 21: 35, dan al-‘Ankabūt, 29: 57

³⁸ Misalnya membunuh jiwa tanpa hak dibalas dengan jiwa seperti surah al-An‘ām, 6: 151; surah Isrā’, 17: 33

Manakala dimesi kedua adalah berkaitan dengan perspektif sufi yang berkisar sekitar kualiti diri sebagai jiwa dalam makna nafsu.³⁹ *Kamus al-Quran* memaknakan nafsu antaranya dengan jiwa atau diri sesuatu itu sendiri.⁴⁰ Dalam konteks ini, *nafs* atau jiwa dipandang sebagai keadaan fakulti spiritual yang boleh membawa ketinggian diri, atau juga boleh cenderung kepada kerosakan diri dengan nama hawa nafsu.⁴¹ Dengan demikian, nafsu boleh menjadi kekuatan dalaman yang berguna untuk manusia apabila betul caranya atau mendatangkan keburukan kepada insan andai salah layanan.

Pendapat yang masyhur mengenai perkembangan jiwa sebagai nafsu adalah berdasarkan teori tiga tingkatan jiwa. Pertama, nafsu Ammarah seperti firman-Nya bermaksud: “Sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanku (maka terselamatlah ia dari hasutan nafsu itu). Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”⁴² Kedua, tingkat nafsu Lawwamah. Allah berfirman: “Dan Aku bersumpah dengan *nafs al-Lawwāmah* (bahawa kamu akan dibangkitkan sesudah mati!)”⁴³. Manakala ketiga, nafsu Mutmainnah. Al-Quran merakamkan: “(Setelah menerangkan akibat orang-orang yang tidak menghiraukan akhirat, Tuhan menyatakan bahawa orang-orang yang beriman dan beramal soleh akan disambut dengan kata-kata): "Wahai orang yang mempunyai jiwa yang sentiasa tenang tetap dengan kepercayaan dan bawaan baiknya!”⁴⁴

Nafsu Ammarah ialah nafsu yang sentiasa mengarah diri untuk melakukan kejahatan seperti berdendam. Nafsu Lawwamah pula ialah jiwa yang mencela dan

³⁹ *Lisān al-Arab* dan *al-Qāmūs al-Muhīt* menyamakan makna nafsu dengan roh, di samping makna mata, sisi dan jasad. Lihat entri *nafs*, di <http://www.baheth.info/index>

⁴⁰ Zulkifli Yusof et.al, *Kamus al-Quran*, h.55-56

⁴¹ Lihat surah al-Syams, 91: 8-10; Surah Yūsof, 12: 53; Lihat Zulkifli Yusof et.al, *Kamus al-Quran*, h. 50

⁴² Surah Yūsof, 12: 53

⁴³ Surah al-Qiyāmah, 75: 2

⁴⁴ Surah al-Fajr, 89: 27

mengkritik diri apabila melakukan maksiat. Manakala Nafsu Mutmainnah merupakan jiwa yang tenang dan mencapai keredaan Allah dengan penuh ikhlas dan istiqamah.⁴⁵

Unsur ketiga ialah akal. Akal merupakan aspek rohani yang amat penting kepada manusia. Adakala akal yang diistilahkan sebagai sense, reason, mind serta intelek,⁴⁶ merupakan alat untuk manusia berfikir dan memahami dan membezakan sesuatu perkara.⁴⁷ Dalam konteks tanggungjawab sebagai mukallaf, akal merupakan pra syarat kepada kefarduan sesuatu hukum atau ibadat.⁴⁸ Hal ini menunjukkan kemampuan akal dan pengaruhnya kepada jasad dari sisi spiritual insan yang disebut sebagai jiwa akali⁴⁹ yang mampu mencerap aspek praktis serta abstrak.⁵⁰

Dalam konteks ini, akal yang merupakan suatu jauhar ciptaan Allah meskipun terpisah dari jasad, tetapi amat bergantung dan berhubungan dengan jasad untuk menghasilkan perbuatan badan manusia.⁵¹ Ia bertindak selaku *gharizah*, yakni kekuatan atau cahaya bagi diri insan yang mampu melahirkan buah pemikiran, pembuktian, menggambarkan sesuatu, membuat pembenaran, membezakan antara yang indah dan hodoh, baik dan buruk serta hak dan batil.⁵² Ini menunjukkan bahawa dengan akal, seseorang insan berupaya mengikat atau menahan diri dari andaian buruk hawa nafsu

⁴⁵ Lihat huraian Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, "Human Capital Development," h. 358. Juga Ibnul Qayyim, *Roh*, h. 445 - 455

⁴⁶ Maan Z Madina (1973), *Arabic English Dictionary*, New York: Pocket Books, h. 445

⁴⁷ Al-Quran banyak mengarahkan manusia menggunakan akal bagi tujuan ini, misalnya ayat-ayat 2: 164 dan 45: 13. Lihat penjelasan dalam bab 'Al-Quran dan Akal' oleh Ramli Awang (2012), *Pemikiran Islam Aliran dan Gagasan*, Skudai: Penerbit UTM Press, h. 63 – 87.

⁴⁸ Selain sampai umur, berakal adalah syarat yang perlu ada dalam Islam bagi keawajipan sesuatu hukum fiqh seperti wajib solat atau lain-lain tanggungjawab mukallaf dalam Islam.

⁴⁹ Idea asal sebagai 'rational soul' atau 'nafs al-natiqah' oleh S.M.N. al-Attas, *Islam dan Sekularisme*, h. 85. Istilah ini digunakan oleh Abdul Jalil Borham (2011), "Modal insan dalam aspek keusahawanan dan ekonomi: Cabaran ke arah memertabatkan umat", dalam *Mengangkasa Modal Insan Isu dan Cabaran*, Kuantan: Penerbit Universiti Malaysia Pahang, h. 127

⁵⁰ Aspek praktis (nafs al-amilah) dan abstarak (nafs al-alimah) adalah idea asal Ibn Sina, disoroti oleh Ramli Awang, *Pemikiran Islam Aliran dan Gagasan*, h. 67

⁵¹ Al-Jurjani (1340 – 1413M) mengistilahkan akal sebagai jauhar ciptaan Allah dengan *nūr fī al-qalb*, cahaya dalam hati atau *quwwah li al-nafs al-natiqah*, kekuatan daya jiwa yang berfikir. Lantaran itu, akal yang boleh disamakan dengan *al-nafs* dan *al-dhihn* dan merupakan alat yang dengannya seseorang boleh mengetahui *idrak* atau dapat *mudrik*. Lihat Ali bin Muhammad al-Syarif al-Jurjānī, (1969), *Kitāb al-Ta'rifāt*, Beirut: Maktabah Lubnan, h. 157

⁵² Ramli Awang, *Pemikiran Islam Aliran dan Gagasan*, h. 68

untuk melakukan sesuatu yang merosakkan. Dengan demikian, seseorang *rajulun aqilun* bukan sekadar mampu mengikat diri, tetapi juga dengan akal mampu menjadi pembeza antara hakikat sebenar insan dengan haiwan yang tidak mempunyai akal.⁵³

Ringkasnya, manusia wajib memelihara kewarasan akal. Lantaran, segala bentuk pemikiran ke arah kebaikan dan keagongan Pencipta perlu menjadi praktis kepada kehidupan seseorang. Umpamanya dengan merenung fikir tentang kejadian alam dan tentang diri mereka sendiri untuk mencari kebesaran Allah secara konsisten. Manakala segala bentuk hasutan dan gangguan pemikiran untuk mendurhakai dan 'mematikan' peranan Allah dalam semua bentuk dan sistem kehidupan di atas muka bumi ini merupakan perosak kepada kerationalan akal.⁵⁴

Unsur keempat ialah kalbu. Kalbu merupakan pinjaman dari istilah Arab, *al-qalb* atau *qulūb*.⁵⁵ Secara literal kalbu bermakna hati. Namun begitu, hati mungkin difahami dengan makna zahir dan batin. Hati dengan makna zahir mungkin merupakan seketul darah, atau bermaksud jantung yang mengepam darah ke seluruh badan. Manakala kalbu yang merujuk kepada makna hati batin merupakan hati nurani atau sukma yang berkaitan dengan perasaan atau emosi insan.⁵⁶ Aspek hati batin inilah yang dimaksudkan dengan kalbu dalam konteks kajian ini.

Hati ibarat bekas yang boleh menerima sesuatu yang baik atau sebaliknya. Dalam konteks ini, Yusuf Ali merakamkan beberapa aspek mengenai peranan hati kepada manusia, berdasarkan penjelasan al-Quran. Antaranya seperti hati sebagai

⁵³ Lihat Ibn Manzur, *Lisan al-Arab*, h. 4: 3046; Juga entri *aql*, di <http://www.baheth.info/index>

⁵⁴ Misalnya surah al-Dzariyat, 51: 20-21; al-Sajdah, 41: 53

⁵⁵ Al-Quran merujuk istilah kalbu sebanyak 112 kali dengan pelbagai variasi seperti *al-qalb- al-qulūb*, *al-sadr-al-šudūr* serta *al-fu'ād-al-af'idah*, atau *ulū al-albāb*. Lihat misalnya surah al-Baqarah, 2:179 dan 197, al-Ma'idah, 5:100, Yūsof, 12:111, al-Ra'd,13:19, Ibrāhim, 14:52 dan lain-lain.

⁵⁶ *New Oxford English-English-Malay Dictionary* (2009), Second Edition, Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd., h. 394

tempat terhimpun harapan dan ketakutannya yang menjadi asas kehidupan moral dan spiritual.⁵⁷ Hati juga merupakan tempat kasih-sayang dan kenikmatan,⁵⁸ serta fakulti akal (*intelligence*) dan emosi (*emotions*),⁵⁹ yang tersimpan ingatan dan pemahaman.⁶⁰ Di samping tempat harapan, kasih sayang, emosi, dan perasaan, maka hati juga merasai ketakutan, sakit, dan putus asa.⁶¹ Apa yang pasti, pengaruh yang ditimbulkan oleh hati adalah kebenaran murni, bukannya ilusi.⁶²

Berdasarkan gambaran-gambaran di atas nyata sekali bahawa inti hakikat seseorang insan terletak pada hatinya. Meskipun menerusi jasad seseorang itu dikenali dan membezakan dirinya dari orang lain, namun hati berperanan membezakan seseorang itu sebenarnya memiliki sifat insan atau bukan insan. Ini adalah kerana hatilah yang menentukan tabiat dan perangai seseorang insan. Hal ini berlaku lantaran itu semua saranan sama ada dari penasihat akal yang bijaksana, atau dari godaan nafsu yang mengikut rasa terpulung kepada hati. Hati berkuasa untuk mengarahkan jasad untuk melakukan sesuatu perkara. Hatilah yang menentukan sesuatu itu wajar dilakukan atau ditinggalkan. Hati yang menjadi pembeza baik atau buruk. Hatilah yang memberikan kata putus terhadap sesuatu perbuatan itu boleh dilakukan atau tidak. Hati insan ibarat penguasa atau raja kepada dirinya.⁶³

Ringkasnya, semua unsur jasad dan rohani merupakan suatu bentuk aset atau modal yang manusia perlu bangunkan sebaiknya. Akal yang waras, perlu memujuk nafsu supaya mencapai keredaan Allah selaras dengan hakikat roh yang suci bersih dan

⁵⁷ Abdullah Yusuf Ali, *The Holy Quran*, nota 1360, surah al-Taubah, 9:110.

⁵⁸ Ibid, nota 1470, surah Yūnus, 10:88

⁵⁹ Ibid, nota surah al-Haj, 22:46

⁶⁰ Ibid, nota 3225, surah al-Syu'arā', 26:194

⁶¹ Ibid, nota 4381, surah al-Mu'min, 40:18

⁶² Ibid, nota 5091, surah al-Najm, 53:11

⁶³ Syaraf al-Qudha, *Petunjuk Nabawi bagi Hati*, h. ix; Juga Mandili, *Penawar Bagi Hati*, h. 21-22. Konsep kerajaan hati ini dibicarakan oleh Imam al-Ghazali secara meluas. Lihat *Ihya ulum al-Din*, Juz 3, Kitab Syarah 'Ajaib al-Qalb. Idea yang sama turut dikongsi oleh SMN al-Attas yang menjelaskan bahawa hati manusia ibarat sebuah kerajaan dalam alam kecil diri. Lihat *Islam dan Sekularisme*, h. 177

sentiasa cenderung kepada kebaikan. Namun begitu, keputusan muktamadnya terserah kepada keputusan raja insan, iaitu hati.

3.2. 2. Konsep Pembangunan

Pembangunan adalah sinonim dengan istilah development, yakni berkaitan perihal membangun, atau sebagai proses yang mana seseorang atau sesuatu menjadi meningkat, mencapai kemajuan atau memperkembangkan.⁶⁴ Dengan demikian, dapat difahami bahawa pembangunan merupakan satu proses melibatkan usaha melakukan perubahan kepada suatu keadaan yang lebih baik atau maju dari keadaan sebelumnya.⁶⁵

Dalam kerangka Barat, pembangunan merujuk kepada aspek material dan dikaitkan dengan pembangunan ekonomi. Tumpuan kepada konsep pembangunan keduniaan ini berlaku lantaran pengaruh fahaman sekularisme yang lahir ekoran dari pengalaman perit hidup beragama dalam pelukan ‘zaman gelap’ dogma Kristianiti yang berakhir setelah muncul zaman ‘kelahiran’ *renaissance* sekitar abad ke-15 dan 16 serta era revolusi yang bermula di Perancis sekitar abad ke-17, menuju zaman ‘kedewasaan’ dikenali sebagai *enlightenment*.⁶⁶ Atas asas ini, maka konsep pembangunan perspektif Barat diwarnai oleh ideologi sekularisme⁶⁷ yang terpesona dengan penemuan baru tentang dunia dan manusia serta kehilangan minat terhadap aspek teologi dan metafizikal.⁶⁸

⁶⁴ *Cambridge Dictionary*, entri development, di <http://www.dictionary.cambridge.org/>

⁶⁵ *Business Dictionary*, entri development, di <http://www.businessdictionary.com>

⁶⁶ SMN al-Attas, *Islam dan Sekularisme*, h. 44 - 45

⁶⁷ Husin Salamon (1999), “Pembangunan Dari Perspektif Islam” Kertas Kerja Bengkel Pembangunan Menurut Islam, anjuran Fakulti Alam Bina di Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, h. 2

⁶⁸ SMN al-Attas, h. 44

Barat memaknakan pembangunan sebagai proses pencapaian kemajuan secara beransur-ansur melalui perubahan-perubahan progresif.⁶⁹ Kemajuan dan perubahan ini merujuk kepada pencapaian kebendaan yang boleh dilihat tahap-tahap perkembangannya.⁷⁰ Tegasnya, pandangan semesta pembangunan di Barat merujuk kepada pembangunan kebendaan yang berkaitan khusus dengan kehidupan dunia. Sandaran konsep pembangunan mereka adalah kepada dua kem teori iaitu Kapitalisme dan Marxisme. Meskipun berbeza, di mana kapitalisme menekankan pembangunan ekonomi diterajui oleh kaum pemodal, sementara marxisme menjadikan kaum pekerja sebagai tulang belakang kemajuan ekonomi, namun kedua-dua fahaman ini menggunakan pendekatan serupa iaitu manusia sebagai pelaku pembangunan yang mempunyai kuasa mutlak.⁷¹

Persamaan fokus pembangunan terhadap kebendaan dihayati dalam fahaman kapitalisme dan marxisme.⁷² Menurut Syukri Salleh, kapitalisme yang muncul kesan dari falsafah sekular pasca-klasik mengamalkan sistem ekonomi liberal yang beroperasi berlandaskan teori pertumbuhan dan pengagihan yang bertujuan memaksimumkan pengeluaran dan kepenggunaan apabila penekanan diberikan terhadap faktor-faktor pengeluaran. Manakala kem kedua, marxisme yang bersifat radikal berjalan menerusi sistem sosialis atau komunis yang menggunakan teori strukturalis dan pergantungan dengan menggunakan istilah alat-alat pengeluaran, juga bertujuan memaksimumkan pengeluaran dan kepenggunaan ekonomi. Tegasnya, asas falsafah pembangunan mereka

⁶⁹ *The Lexicon Webster Dictionary* (1985), Vol. I, The Delair Publishing Co. Inc., entri development. Makna asal: A gradual growth or advancement through progressive changes.

⁷⁰ Husin Salamon, "Pembangunan Dari Perspektif Islam," ibid

⁷¹ Surtahman Kastin Hasan (1992), "Konsep Pembangunan Islam" dalam *Islam al-Quran dan Ideologi Masa Kini*, (suntingan Baharuddin Yatim dan Sulaiman Nordin), Bangi: PPU, UKM, h. 236 -239

⁷² Lihat Syukri Salleh, *7 Prinsip pembangunan berteraskan Islam*, h. 19

adalah ukuran-ukuran kuantitatif untuk memenuhi keperluan manusia yang berbentuk material.⁷³

Pendek kata, konsep pembangunan berkisar sekitar rupa bentuk material yang boleh dirumuskan dalam tiga dimensi. Pertama, merujuk kepada pembangunan ekonomi yang diukur dari Keluaran dalam Negara kasar dan perkapita. Kedua, proses perubahan yang mendatangkan keuntungan material, daya pengeluaran, peluang pemilikan, perkhidmatan dan pendidikan serta kesihatan yang lebih baik dengan peningkatan peluang pekerjaan. Ketiga, pembangunan yang menekankan nilai etika non-agama, yakni nilai yang berdasarkan kepada pemikiran failasuf dan teori binaan manusia seperti teori ekonomi kapitalisme di atas.⁷⁴

Berdasarkan huraian di atas, jelas sekali konsep pembangunan dari perspektif Barat bersifat pinggir dan tidak menyeluruh. Falsafah pembangunan sebegini dalam pemikiran Zaini Othman diungkapkan sebagai:

“Keunggulan sebuah peradaban atau tamadun biasanya dikait dengan nilai ukur yang bersifat kemewahan kebendaan. Kayu ukur sebegini merupakan kayu ukur yang dangkal dan tidak tepat kerana sifat insaniah yang mulia tidak dapat diukur dengan cara sedemikian. Kayu ukur yang lebih adil menilai sifat-sifat peradaban adalah yang bukan kebendaan sifatnya. Setiap agama besar dunia menganjurkan insan menzahirkan sifat-sifat mulia yang sekaligus mengembalikan nikmat kebahagiaan bukan hanya pada diri perseorangan malah pada masyarakat umum”⁷⁵

Pandangan di atas menyimpulkan bahawa konsep pembangunan dari perspektif Islam agak berbeza dengan Barat, walaupun tidak menafikan elemen-elemennya perlukan kepada kebendaan dan manusia. Memang benar Islam melihat fokus dan inti kepada

⁷³ Syukri Salleh, *7 Prinsip pembangunan berteraskan Islam*, h. 20

⁷⁴ Buerah Tunggak dan Hussin Salamon, *Budaya Usahawan Berjaya*, h.15 - 16

⁷⁵ Muhammad Zainiy Uthman (2012), *Pemikiran dan pembinaan tamadun: Transformasi modal insan ke arah negara maju*. Kuala Lumpur: Akademi Kenegaraan BTN, h. 19

proses pembangunan adalah manusia.⁷⁶ Tetapi fokusnya menjangkau aspek kebendaan dan spiritual secara sepadu dan holistik yang mengambil kira kepentingan akhlak, persoalan hidup dunia dan pencapaian *al-falah* di akhirat.⁷⁷ Lantaran itu, konsep pembangunan dalam Islam merupakan konsep yang bersifat kontemporari dan memenuhi semua keperluan insan secara individu dan kolektif. Manakala pembangunan dari perspektif Barat adalah sebaliknya, hanya mementingkan kemajuan kebendaan sahaja, kerana itu dikira ketinggalan zaman dan tidak tepat.⁷⁸

Hakikat ini turut diakui oleh pemikir ekonomi Islam, Prof. al-Habshi apabila menegaskan bahawa konsep, strategi dan objektif pembangunan di Barat pada mulanya menumpukan kepada aspek ekonomi. Namun begitu, dekad-dekad akhir enam puluhan pendekatan baru terhadap pembangunan berlaku dengan penekanan diberikan kepada keperluan asas seperti makanan, rumah, pendidikan, kesihatan, pekerjaan, keamanan dan kebebasan berfikir. Namun begitu, satu aspek terpenting yang belum lagi dimasukkan dalam pemboleh ubah pembangunan ialah aspek kerohanian.⁷⁹

Gambaran makna dan konsep pembangunan dari perspektif Islam adalah sebagai suatu proses yang bersepadu melibatkan semua aspek hidup di pelbagai peringkat individu, seperti hati, akal dan nafsu, peringkat masyarakat seperti ekologi, kesihatan, peringkat negara seperti politik dan ketenteraan serta peringkat antarabangsa seperti dasar perdagangan dan diplomatik. Proses ini perlu dilihat secara menegak sebagai

⁷⁶ Surtahman Kastin Hasan, "Konsep Pembangunan Islam," *ibid*.

⁷⁷ Husin Salamon, "Pembangunan Dari Perspektif Islam," *ibid*; Buerah Tunggak dan Hussin Salamon, *Budaya Usahawan Berjaya*, h. 17-19

⁷⁸ Lihat kajian Ayesha Dias (2000), "Human Rights, Environment And Development: With Special Emphasis On Corporate Accountability", *Human Development Report 2000 Background Paper*, tajaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, yang mengukur pembangunan manusia dalam 4 aspek fizikal iaitu: Pembangunan sosial seperti pengurangan kemiskinan; ekonomi, seperti Keluaran dalam Negara Kasar (KDNK); persekitaran seperti persekitaran dan air bersih; dan pembangunan institusi, seperti integrasi persekitaran dan institusi saintifik. Lihat di <http://core.ac.uk/download/pdf/6248783.pdf>

⁷⁹ Syed Othman al-Habshi, "Pembangunan Insan dan Dasar Pertanian Negara", Kertas Kerja Seminar Pembangunan Insan Dalam Konteks Dasar Pertanian Negara, di Kuala Lumpur, pada 17 – 19 Februari, 1986, h. 2

hubungan dengan Allah untuk dilestarikan secara mendatar menerusi hubungan sesama manusia.⁸⁰

Dengan kata lain, pembangunan merupakan “a multi-dimensional process which involves improvement of welfare through advancement reorganisation and reorientation of entire economic and social system, and through spiritual upliftment in accordance with Islamic teachings”⁸¹ yang bersifat “a balance and sustained improvement in the material and non-material well-being of man”⁸² serta bertujuan “that which contributes to welfare in the both stages of life,”⁸³ yakni dunia dan akhirat. Tegasnya, pembangunan merupakan suatu proses perkembangan atau perbaikan berterusan terhadap aspek material dan spiritual secara seimbang, mapan dan bersifat multi dimensi untuk mengorganisasi serta mengorientasikan seluruh sistem ekonomi, sosial dan spiritual menurut ajaran Islam yang menyumbang kepada kebaikan hidup di dunia dan akhirat.

Berdasarkan pengertian di atas, maka pembangunan boleh dirumuskan sebagai satu proses mengembang atau memajukan semua aspek hidup merangkumi material dan juga spiritual berdasarkan ajaran Islam untuk mencapai kebaikan di dunia dan di akhirat. Proses kemajuan ini boleh dicirikan seperti berikut:

i. Pembangunan material dan spiritual

Kedua-dua aspek ini merangkumi keseluruhan dimensi material seperti ekonomi, persekitaran dan dimensi spiritual seperti akal dan hati insan.⁸⁴

⁸⁰ Syukri Salleh, *7 Prinsip pembangunan berteraskan Islam*, h. 86-87

⁸¹ Abul Hasan Muhammad Sadeq (1990), *Economic Development in Islam*, Petaling Jaya: Pelanduk Publication, h. 2

⁸² Ibid.

⁸³ Ibid, h. 4

⁸⁴ Huraian lanjut mengenai dua dimensi pembangunan ini, lihat Zulkifli Haji Yusof (2004), “Pembangunan Ummah Dari Perspektif al-Quran,” *Al-BAYAN Journal of al-Quran al-Hadith*, vol. 2, Mei, 2004, (57-70): 62

ii. Proses secara bersepadu

Pembangunan dalam Islam merupakan proses yang bersepadu⁸⁵ atau dalam setengah pemikir mengistilalkannya sebagai seimbang, dengan maksud tiada pemisahan antara elemen jasmani dan rohani. Juga merujuk kepada tiada pemisahan antara dunia dan akhirat, serta antara kepentingan individu dan kolektif. Ini bermakna, semua kepentingan jasmani menjurus kepada keluhuran rohani, kepentingan individu menjurus kepada kesejahteraan kolektif dan kebahagiaan hidup di dunia perlu menjana kepada kejayaan hidup di akhirat.

iii. Merangkumi dua bentuk hubungan

Pembangunan dalam Islam merangkumi dua bentuk hubungan dengan Allah selaku Pencipta dan penguasa secara vertikal atau menegak dan hubungan sesama makhluk ciptaan Allah secara mendatar atau horizontal. Tanpa jalinan dua bentuk hubungan ini, usaha pembangunan bertukar menjadi kehinaan.⁸⁶

iv. Aktiviti pembangunan sebagai ibadat

Aktiviti dan proses pembangunan merupakan salah satu bentuk manusia merealisasikan tugas sebagai khalifah iaitu untuk memakmurkan hidup di muka bumi ini. Dalam masa yang sama, aktiviti tersebut merupakan cara pengabdian kepada Allah dalam konteks ibadat umum. Lantaran itu, proses pembangunan perlu menepati kehendak syariah dan mampu memberi kesan ke arah kesejahteraan hidup.

⁸⁵ Untuk maklumat lanjut berhubung pembangunan bersepadu, lihat Mohd Kamal Hassan (1988), *Pendidikan dan Pembangunan: Satu Perspektif Bersepadu*, Suntingan Zambry Kadir, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

⁸⁶ Surah Āli ‘Imrān, 3: 112

- v. Mengambil kira runtunan nafsu dan kejiwaan

Perbezaan ketara konsep pembangunan dalam Islam dengan konsep 'development' Barat kerana Islam menitikberatkan aspek dalaman manusia iaitu roh dan nafsu. Ini adalah kerana apabila pembangunan berkaitan dengan ekonomi dan material, maka nafsu dan iman turut berperanan dan saling pengaruh mempengaruhi antara satu sama lain bagi membentuk keadaan kejiwaan yang kamudiannya akan menentukan hala tuju pembangunan. Keadaan kejiwaan dan pengaruh nafsu atau iman inilah menyebabkan Islam mementingkan prinsip akhlak dalam segala bentuk proses dan aktiviti pembangunan.⁸⁷

Setelah hakikat insan yang mengandungi dua komponen utama, jasmani dan rohani serta konsep pembangunan difahami, maka lebih mudah diterangkan hakikat atau rupa bentuk konsep pembangunan modal insan.

3.3. Konsep Pembangunan Modal Insan

Konsep pembangunan modal insan hampir sama maksudnya dengan konsep pembangunan. Bezanya, konsep pembangunan menumpukan fokus kepada persekitaran hidup manusia seperti ekonomi, kemudahan infra struktur, kebersihan alam sekitar dan seumpamanya. Manakala pembangunan modal insan pula menumpukan fokus kepada pembangunan manusia. Pada hal, fokus pembangunan sebenarnya tidak lain untuk manfaat dan maslahat manusia itu sendiri. Ringkasnya, matlamat pembangunan umumnya bertujuan untuk membangunkan aspek-aspek yang berkaitan dengan

⁸⁷ Husin Salamon, "Pembangunan Dari Perspektif Islam, h. 5

kehidupan manusia itu sendiri. Sementara pekerjaan atau urusan untuk mengurus dan membangunkan pembangunan itu perlu dilakukan oleh manusia, yakni pekerja, yang perlu melalui proses pembangunan diri dan kemahiran untuk bekerja. Proses persediaan atau aktiviti pembangunan manusia yang menjadi pekerja itulah maksud pembangunan modal insan.⁸⁸

Di Barat, pembangunan modal insan, ataupun istilah yang digunakan secara meluas sebagai pembangunan sumber manusia lebih tertumpu kepada aktiviti organisasi untuk pembangunan staf.⁸⁹ Lantaran itu, pembangunan modal insan didefinisikan dengan suatu set aktiviti pembangunan yang bersistematik dan dirancang oleh organisasi untuk menyediakan staf dengan kemahiran yang diperlukan bersesuaian dengan keperluan pekerjaan sekarang serta kerja masa hadapan.⁹⁰ Maksudnya, semua aspek keupayaan manusia sama ada bakat semula jadi (innate) atau kemahiran yang dipelajari (acquired attributes) boleh ditambah atau dibangunkan melalui bentuk pembelajaran tertentu.⁹¹ Impak atau pulangan kepada program pembangunan ini diharapkan semua faktor berkaitan modal insan dapat dijelmakan semula kepada organisasi melalui kriteria peningkatan, misalnya dalam bentuk peningkatan intelektual, kemahiran ataupun kepakaran.⁹²

⁸⁸ Lihat Ibrahim Mamat, *Reka Bentuk dan Pengurusan Latihan*, h. 29

⁸⁹ Rujukan organisasi tanpa mengira bentuk dan saiz biasanya yang bersifat membuat keuntungan seperti sekolah, jualan borong, organisasi kerajaan, agensi, restoran, dan organisasi terlibat dengan pengeluaran barangan. Lihat Werner, Jon M. & DeSimone, Randy L. (2006), *Human Resources Development*, Australia- US: Thomson South-Western, h. 4

⁹⁰ Ibid, h. 5. Definisi asal berbunyi: "A set of systematic and planned activities designed by an organization to provide its members with the opportunities to learn necessary skills to meet current and future job demands."

⁹¹ Adeyeye, J. O. (2009), "Human Capital Development Practices and Organizational Effectiveness: A Focus on the Contemporary Nigerian Banking Industry," *Pakistan Journal of Social Sciences*, 6 (4): 194 – 199 di <http://www.medwelljournals.com/fulltext/?doi=pjssci.2009.194.199>

⁹² Ibid. Lihat juga untuk konsep yang hampir sama diberikan oleh T. W. Schultz (1971), *Investment in Human Capital*, New York: The Free Press.

Aktiviti pembangunan modal insan ini dikatakan bersistematik kerana ianya perlu bermula dengan analisis keperluan bagi mengenal pasti bentuk dan jenis kemahiran yang diperlukan oleh seseorang staf. Selepas itu, barulah jenis dan bentuk latihan atau program pembangunan dapat ditentukan dan disusuli dengan merekabentuk program latihan atau pembangunan. Tahap selanjutnya ialah pelaksanaan atau implementasi aktiviti latihan. Manakala penilaian program merupakan langkah terakhir yang perlu diambil bagi memastikan aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan mencapai objektif atau sebaliknya sebelum diambil sebarang langkah pembaikan.⁹³

Fokus utama dalam aktiviti pembangunan yang bersistematik ini ialah aktiviti pembelajaran atau latihan.⁹⁴ Dari fokus utama berkaitan pembelajaran, latihan dan pembangunan, maka paradigma pembelajaran baru, kepimpinan dan gaya pengurusan dalam organisasi juga turut dibincangkan dalam kebanyakan program pembangunan modal insan.⁹⁵ Tujuan utama program pembangunan modal insan adalah untuk meningkatkan bukan sahaja prestasi staf dan tetapi juga organisasi. Dengan harapan apabila pekerja mahir dan berpengetahuan serta memiliki semua perkara berkaitan faktor pengeluaran seperti sikap positif, berinovasi dan seumpamanya, secara logiknya akan menjana produktiviti dan prestasi organisasi.⁹⁶

Ringkasnya, jika pembangunan dianggap sebagai penyuburan dan pemurnian, maka modalnya adalah manusia. Modal biasanya dikaitkan dengan wang atau harta benda yang digunakan sebagai asas atau pokok dalam urusniaga.⁹⁷ Bagaimanapun di sini, manusia pula dianggap sebagai modal atau 'aset manusia'. Dalam konteks ini,

⁹³ Lihat Werner, Jon M. & DeSimone, Randy L, *Human Resources Development*, h. 4

⁹⁴ Ibid. Dalam maksud yang lebih mendalam, ada perbezaan antara pembangunan dan latihan. Pembangunan untuk kerja sekarang, manakala latihan untuk pekerjaan akan datang. Lihat misalnya Ibrahim Mamat, *Reka Bentuk dan Pengurusan Latihan*, h. 29

⁹⁵ Adeyeye, J. O, "Human Capital Development Practices," h. 195

⁹⁶ Chandra Shekar Kumar (2006), "Human Capital and Growth Emperics," *The Journal of Developing Areas*, Vol. 40, no. 1 (Autumn) pp: 153 – 159, di [Http://www.jstor.org/stable/4193022](http://www.jstor.org/stable/4193022)

⁹⁷ *Kamus Dewan*, Edisi Keempat, Entri modal, di <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=modal>

apabila manusia dilihat sebagai modal yang dinamakan sebagai ‘modal insan,’ ia merupakan aset tenaga atau sumber.⁹⁸ Jadi, modal insan merujuk aset seseorang pekerja seperti ilmu pengetahuan, kemahiran, pengalaman, kekuatan mental, fizikal dan spiritual yang bernilai kepada organisasi atau sektor ekonomi.⁹⁹ Dengan demikian, pembangunan modal insan merujuk kepada usaha berterusan untuk menyubur, memperkembang dan memurnikan kekuatan atau potensi insan sebagai aset atau modal terpenting yang bukan hanya terhadap keperluan organisasi yang bersifat mencari keuntungan, tetapi juga dalam konteks kehidupan yang lebih luas untuk manfaat masyarakat, negara dan Islam.¹⁰⁰ Ringkasnya, pembangunan modal insan tercerna melalui proses untuk mewujudkan individu yang tidak bersifat individualistik tetapi bersifat sebahagian dari masyarakat yang berilmu, berkeyakinan, memiliki nilai dan akhlak yang tinggi. Juga mempunyai keluarga yang mantap dan berdisiplin, dinamik, berdaya tahan tinggi, berinovasi, kreatif, sihat, bersemangat patriotik, cekal, berintegrasi dan berdaya saing.¹⁰¹

Penjelasan terhadap pengertian di atas memberikan beberapa implikasi terhadap makna pembangunan modal insan. Pertama, perspektif jasmani dan rohani. Di mana pembangunan modal insan merujuk kepada proses membangunkan atau meletakkan aset

⁹⁸ Syaik Abdullah Hasan Mydin Abdullah & Issham Ismail (2006), “Konsep Pembangunan Modal Insan Berkiblatkan Ajaran Islam,” Laporan Projek Penyelidikan Pembangunan Aceh, (165 – 190), h. 166, di <http://pdfioo.org/k-371135.html>. Lihat juga Abdulrezak A. Hashi and Bashiir Abd Samad (2009), “Human Capital from Islamic Perspective,” International Conference on Human Capital Development” by UMP, Kuantan, May 22 – 27, 2009

⁹⁹ *Cambridge Dictionary*, di <http://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/human-capital>

¹⁰⁰ Lihat penggunaan istilah masyarakat sebagai ‘modal insan’ bagi menggambarkan konteks yang lebih besar oleh Mohamad Kamil Abd Majid & Rahimin Affandi Abd Rahim, “Perubahan Sosial dan Impaknya Terhadap Pembentukan Modal Insan Menurut Ibn Khaldun,” *Jurnal Hadhari*, Bil 1 (2009) 45-76. Misalnya modal insan (anggota masyarakat) merangkumi; (i) anggota keluarga asas, (ii) barisan kepimpinan politik, (iii) peniaga, (iv) para seniman, (v) tokoh ulama, (vi) tokoh pendidikan dan (vii) golongan muda yang bakal mewarisi tampuk kepimpinan sesuatu masyarakat. Lihat juga Saleh Faghizadeh (2004). *Sosiologi Sosiologi*. (Terj. Mohd Fauzi Yaacob). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.

¹⁰¹ Lihat Fadillah Mansor (2007), “Pembangunan Modal Insan”, *VISI*, Bil. 74, Februari 2007, h. 13; Untuk konsep yang lebih jelas baca Ab. Mumin Ab. Ghani & Fadillah Mansor (2006), (eds.), *Dimensi Pengurusan Islam, Mengurus Kerja dan Mengurus Modal Insan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

yang manusia miliki secara rohani seperti roh, akal, nafsu serta hati dan jasmani dalam maksud dan tahap sebenar kedudukan yang sebenar menurut perspektif Islam. Kedua, konteksnya pula bukan sekadar untuk kepentingan organisasi sahaja, tetapi juga seluruh komuniti dan umat Islam. Ketiga, cakupan masa tidak terhad kepada urusan dunia, malah juga sebagai persediaan untuk kehidupan masa depan, iaitu akhirat.¹⁰²

Ini bermakna, dari perspektif Islam, pembangunan modal insan perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas dan bersepadu antara elemen fizikal dan spiritual, diri, organisasi dan umat, serta dalam lingkungan budaya pekerjaan dan penghayatan agama sebagai cara hidup.¹⁰³ Tegasnya, konsep pembangunan modal insan melibatkan proses dari dan kepada pelbagai dimensi. Ia disifatkan sebagai suatu proses “combined ability and capacity that includes all the skills, knowledge and expertise that people accumulate overtime, that allow them to increase their productive and life management capacity as individuals, members of formal organizations and within society at large.”¹⁰⁴ Dengan demikian, maksud pembangunan modal insan sebagai suatu set aktiviti pembangunan diri dan organisasi secara bersistematik untuk menambahkan ilmu serta kemahiran bagi peningkatan prestasi dan organisasi serta masyarakat. Proses dan segala bentuk aktiviti pembangunan tersebut perlu menepati dan berteraskan ajaran Islam yang syumul, supaya modal insan yang dibangunkan mencapai matlamat keredaan Allah.¹⁰⁵

¹⁰² Mengenai dengan keluarga dan umat sebagai sebuah organisasi serta keperluan terhadap elemen kerohanian dan akhirat dalam konsep pembangunan modal insan, menepati sabda Nabi Muhammad saw bermaksud: “Seseorang wanita itu dinikahi kerana empat perkara: kerana kekayaan, keturunan, kecantikan dan agama. Maka, nikahilah wanita yang beragama nescaya kamu akan beruntung.” Lihat al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ*, Bāb al-Akfā’ fī al-Dīn, hadis no. 4700; Muslim, *Ṣaḥīḥ*, Bab Istajāb nikāh zāt al-dīn, hadis no. 2661; Sabda dalam hadis yang lain: Kahwinilah wanita yang ramai anak, kerana aku akan berbangga di akhirat kelak dengan ramainya umatku.” Lihat Aḥmad, *Sunan*, Bāb Musnad Anas bin Malik, hadis no. 12152, 13080; Abu Daud, *Sunan*, Bab al-nahy an tazwij man lam yalid, hadis no. 1754.

¹⁰³ Nilai-nilai baik dalam organisasi konvensional diserapkan secara tidak langsung menerusi kerja berpasukan, upacara-upacara tertentu, latihan dan lain-lain yang bukan berasaskan ajaran agama. Lihat Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, “Human Capital Development,” h. 353 - 372

¹⁰⁴ Abdulrezak A. Hashi and Bashiir Abd Samad, “Human Capital from Islamic Perspective,” h. 2

¹⁰⁵ Syaik Abdullah Hasan Mydin Abdullah & Issham Ismail, “Konsep Pembangunan Modal Insan Berkiblatkan Ajaran Islam,” h. 166

Perlu diingati bahawa aktiviti pembangunan, latihan dan pendidikan dalam konteks organisasi Islam tidak setakat menyediakan kelengkapan diri serta kemahiran untuk kerja sekarang dan pekerjaan masa depan yang hanya terhad kepada tugas harian semasa manusia untuk hidup di dunia ini sahaja. Malahan, tugas harian tersebut perlu difahami secara bersepadu yang juga merangkumi tugas asasi manusia iaitu sebagai hamba¹⁰⁶ dan khalifah Allah,¹⁰⁷ yakni dalam rangka persediaan hidup masa depan pada hari Akhirat.¹⁰⁸ Hakikat ini dapat difahami berdasarkan firman Allah bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari Akhirat) dan (sekali lagi diingatkan): Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah amat meliputi pengetahuannya akan segala yang kamu kerjakan.”¹⁰⁹ Ayat di atas menjelaskan agar umat Islam melakukan persediaan untuk kehidupan masa depan. Dengan demikian, semua bentuk aktiviti harian serta juga amal ibadat khusus seperti solat, puasa, zakat dan haji yang diwajibkan dalam rukun Islam merupakan suatu aktiviti yang bersistemetik dalam program bina insan daripada Allah untuk kebaikan manusia menghadapi ujian hidup di dunia serta bekalan hidup di Akhirat.¹¹⁰ Lebih tepat lagi, Islam menganjurkan agar keutamaan diberikan untuk hidup masa depan dengan menjadikan segala aktiviti hidup di dunia ini sebagai persediaan untuk hidup akhirat.

Firman Allah bermaksud:

“Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari Akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia;

¹⁰⁶ Surah al-Dhāriyāt, 51: 56, bermaksud: “Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku.”

¹⁰⁷ Surah al-Baqarah, 2: 30, “Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.”

¹⁰⁸ Al-Quran umpamakan hidup Akhirat itu lebih baik dan kekal berbanding dunia. Lihat Surah al-A‘lā, 87: 17

¹⁰⁹ Surah al-Hāsyir, 5: 18

¹¹⁰ Perbincangan detail mengenai akhirat, lihat “Pandangan al-Quran Tentang Hari Akhirat” dalam H. Abudin Nata (editor) (2002), *Kajian Tematik al-Quran Tentang Ketuhanan*, Bandung: Penerbit Angkasa, h. 249 - 308

dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan.”

(Surah al-Qaṣaṣ, 28: 77)

Ayat ini secara jelas menganjurkan agar manusia melakukan tuntutan dengan pelbagai cara seperti melalui pendidikan, latihan, pembangunan diri dan seumpamanya untuk mencari pahala dan persediaan hidup akhirat. Dalam masa yang sama, segala aktiviti keduniaan perlu diberi perhatian dan menepati matlamat hidup akhirat, iaitu dengan melakukan pembaikan serta menghindari kerosakan. Ringkasnya, saranan ayat ini nampak selaras dengan konsep pembangunan modal insan. Iaitu sebagai suatu proses meningkatkan aset atau kualiti diri bagi persediaan kerja atau hidup masa depan.

Bagi memahami konsep pembangunan modal insan dengan lebih jelas, perlu diteliti konsepnya dalam dua aspek yang saling berkaitan. Pertama, bermaksud proses untuk pembangunan modal insan. Kedua, bermaksud keadaan modal insan yang berada pada tahap terbangun ekoran dari proses pembangunan tersebut. Kedua-dua konsep ini sama ada ‘proses’ membangunkan modal insan atau modal insan yang berada dalam ‘keadaan’ terbangun adalah saling berkaitan dan tidak boleh dipisahkan. Ertinya, proses atau usaha yang dilakukan sama ada menerusi pembelajaran, pendidikan atau latihan adalah bermatlamat untuk mencapai tahap keadaan modal insan yang terbangun. Manakala modal insan pula tidak mungkin berada pada tahap terbangun atau dalam ‘keadaan pembangunan’ tanpa melalui ‘proses’ untuk membangunkannya secara berterusan.

Al-Quran menggunakan kedua-dua konsep untuk menggambarkan makna pembangunan. Apabila merujuk kepada proses membangunkan insan, al-Quran

misalnya menggunakan istilah *tazkiyah*, yakni proses penyucian jiwa.¹¹¹ Manakala bagi menggambarkan keadaan yang terbangun pula, istilah *bunyān*, yakni keadaan terbina atau binaan dirakamkan oleh al-Quran.¹¹² Dua istilah atau konsep ini juga sebenarnya mewakili dua elemen yang ada pada manusia iaitu aspek batin, yakni jiwa serta aspek fizikal, yakni bangunan. Ini bermakna, pembangunan modal insan perlu difahami dalam dua aspek tersebut secara bersepadu dan saling berkaitan.¹¹³

Dalam masa yang sama, pembangunan modal insan ini juga perlu mengambil kira dwi dimensi lain iaitu secara menegak dan mendatar. Dimensi menegak dalam konteks hubungan manusia dengan Allah selaku Penciptanya yang menjadi kriteria penilai dan sumber akuntabiliti manusia terhadap segala aktiviti pembinaan modal insan. Maksudnya, Allah sebagai kriteria yang menentukan baik buruk, halal atau haram serta tempat rujukan amanah dan tanggungjawab manusia. Allah jugalah sebagai pengukur manusia itu maju, membangun atau mundur. Manakala dimensi mendatar iaitu hubungan sesama manusia dan makhluk lain dalam proses, medan serta alat untuk aktiviti pembinaan modal insan. Maksudnya, manusia menggunakan manusia seperti hubungan murid dengan guru dalam pembelajaran, atau pembeli dengan peniaga dalam perniagaan. Aktiviti tersebut berlaku di dunia ini sebagai medan dan makhluk lain seperti sumber alam atau manusia sendiri sebagai alat. Tanpa kedua-dua dimensi ini, pembangunan modal insan masih belum sempurna.

Sebagai rumusan, konsep pembangunan modal insan boleh difahami sebagai suatu proses dari suatu set aktiviti atau program pembangunan insan yang bersepadu


¹¹¹ Misalnya Surah al-Syams, 91: 9, "Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang mensucikan jiwa itu."

¹¹² Lihat surah Şaf, 61: 4, "Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela agama-Nya, dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah *bunyānun*, yakni bangunan yang tersusun kukuh."

¹¹³ Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, "Human Capital Development," *ibid*

dan berlaku secara langsung atau tidak langsung untuk mencapai matlamat organisasi secara menyeluruh. Hasil dari proses tersebut melahirkan keadaan kehidupan insan yang berorganisasi atau bermasyarakat yang baik, menepati kehendak atau matlamat yang ditetapkan. Ringkasnya, konsep pembangunan modal insan ini boleh difahami menerusi dua aspek; iaitu proses atau aktiviti pembangunan, dan keadaan modal insan yang terbangun hasil dari proses pembangunan tersebut. Gambaran mudah konsep pembangunan modal insan berdasarkan al-Quran boleh dilihat dalam lakaran Rajah 3.1 di bawah.

Rajah 3.1: Konsep Pembangunan Modal Insan



Konsep Pembangunan Modal Insan

Rajah 3.1 Konsep Pembangunan Modal Insan di atas menggambarkan konsep pembangunan modal insan yang melibatkan suatu set aktiviti dalam bentuk latihan, program pembangunan atau pendidikan yang dilakukan secara langsung atau tidak melibatkan aspek fizikal atau spiritual bagi menepati matlamat yang dirancang oleh organisasi atau pihak tertentu. Hasil dari proses tersebut lahirlah modal insan yang terlatih atau terbangun. Hasil tersebut menggambarkan keadaan modal insan dalam bentuk impak atau kesan dari proses pembangunan. Dalam konteks kajian ini, tumpuan pembangunan adalah berkaitan keusahawanan (*MN Ripin, 2016*).

3.4. Implementasi Konsep Pembangunan Modal Insan

Bagi memahami konsep tersebut dengan lebih baik, maka penjelasan kedua-dua konsep tersebut boleh diimplimentasikan prosesnya menurut perspektif al-Quran.

3.4.1. Pembangunan Modal Insan Sebagai Proses

Pembangunan modal insan sebagai proses merujuk kepada segala aktiviti seperti pembangunan, latihan, pendidikan dan seumpamanya, yang merupakan proses pembangunan insan untuk mencapai tahap keadaan terbangun.¹¹⁴ Proses ini berlaku secara berterusan dan merangkumi semua dimensi insan sama ada lahiriah ataupun batiniah dan berlaku dalam bentuk formal di organisasi, ataupun tidak formal seperti dalam komuniti atau keluarga.¹¹⁵ Dengan demikian, skop tugas manusia dalam Islam tidak terhad kepada kepada tanggungjawab harian di firma perdagangan, tetapi juga

¹¹⁴ Ingat pengertian pembangunan modal insan sebagai suatu proses atau usaha berterusan dalam bentuk pendidikan, latihan atau aktiviti pembangunan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan. Lihat Ibrahim Mamat (2001), *Reka Bentuk dan Pengurusan Latihan*, h. 25 – 31

¹¹⁵ Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, "Human Capital Development," h. 356

tugas kemasyarakatan dalam konteks hamba dan khalifah Allah, kewajiban ibadat serta jihad untuk pembangunan umat.

Dalam konteks yang holistik dan tidak terhad kepada organisasi khusus, proses pembangunan modal insan boleh diperincikan seperti berikut:

1. Merealisasikan tugas hamba dan khalifah

Manusia diciptakan mempunyai dwi tugas asasi iaitu sebagai hamba Allah dan khalifah-Nya. Lantaran itu, merealisasikan tugas dan tujuan manusia diadakan itu merupakan satu proses untuk mencapai tahap kemajuan dan pembinaan insan.

Tugas sebagai hamba Allah dirakamkan oleh al-Quran sebagai: “Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku.”¹¹⁶ Ayat ini membuktikan bahawa Allah mencipta manusia dengan tujuan untuk beribadat atau berbakti kepada-Nya. Dengan demikian, pembangunan manusia dapat difahami apabila manusia berjaya mencapai matlamat kewujudan dirinya iaitu sentiasa melakukan pengabdian kepada Penciptanya, dan bukan sebaliknya Allah selaku pencipta mengharapkan sesuatu dari manusia.¹¹⁷

Ibadat merujuk kepada segala nama atau aktiviti yang dilakukan oleh manusia yang disukai dan diredai oleh Allah SWT merangkumi perkataan dan amalan sama ada zahir mahupun batin.¹¹⁸ Proses melakukan ibadat memerlukan keyakinan, ketaatan, kehadiran rasa kehinaan dan ketundukan batin terhadap kebesaran Allah dan ada

¹¹⁶ Surah al-Dhāriyāt, 51: 56

¹¹⁷ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, h. 4: 304

¹¹⁸ Lihat Ibn Taimiyyah dan Muhammad bin Abdul Wahab (1979), *Majmu’ah al-Tawhīd*, Kaherah: Dār al-Fikr, h. 389-390.

kalanya diikuti dengan perbuatan merendahkan diri seperti melakukan rukuk dan sujud ketika solat.¹¹⁹ Namun demikian, perlakuan ibadat sebenarnya merupakan indikator kepada kemuliaan insan lantaran manusia hanya menjadi abdi serta tunduk kepada Allah, Tuhan seru sekalian alam, raja dan sembahkan semua manusia.¹²⁰ Apatah lagi, dengan melakukan ibadat pula menjadi bukti pengiktirafan Allah terhadap manusia dengan sebutan ‘ibadurrahman’, yakni hamba Allah yang Maha Pemurah.¹²¹

Bentuk ibadat merangkumi amalan batin seperti niat, amalan lidah seperti zikir, perbuatan badan seperti solat dan haji yang terhimpun dalam kelompok melakukan suruhan Allah serta meninggalkan larangan-Nya. Perintah beribadat merupakan proses yang wajib dipatuhi secara berterusan.¹²² Bentuk kewajipan termaktub dalam tiga bentuk. Pertama, wajib secara asas iaitu semua mukallaf wajib melakukannya seperti beriman kepada Allah dan hari Akhirat serta semua rukun iman, menjaga kebersihan, melaksanakan segala rukun Islam secara individu. Bentuk ini dinamakan juga sebagai ibadat khusus lantaran bentuk atau caranya telah dikhususkan oleh Allah. Kedua, ibadat dalam bentuk fardu kifayah seperti solat jenazah, yakni terpikul tanggungjawab tersebut ke atas sebahagian manusia. Ketiga, ibadat dalam bentuk umum merangkumi segala perintah dan larangan Allah yang menepati serta selari dengan Syariat Islam, seperti menuntut ilmu dan berniaga atau membelanjakan harta pada jalan Allah.¹²³ Dalam konteks ini, Al-Burey menyatakan aspek kehidupan seperti makan, tidur, belajar,

¹¹⁹ Lihat Yūsuf al-Qaraḍawī (1991), *al-‘Ibādah fī al-Islām*, Beirut: Mu’assasah al-Risalah, h. 54 - 56

¹²⁰ Lihat hubungkait antara sifat pengabdian manusia sebagai hamba Allah dalam surah al-Fatihah, 1 dan kebesaran-Nya dalam surah al-Nās, 114: 1-3

¹²¹ Surah al-Furqān, 25: 63

¹²² Surah al-Baqarah, 2: 21. Lihat kupasan tentang hubungan antara ibadat dan mentauhidkan Allah oleh Ramli Awang (2012), *Akidah dalam Kehidupan Muslim*, Skudai: Penerbit UTM, h. 35 - 40

¹²³ Banyak contoh ibadat ini dalam rakaman al-Quran. Misalnya ayat-ayat surah surah al-Furqan, 25: 63-74. Antaranya seperti hidup tanpa menyombong diri; bersolat; berdoa dan takutkan siksaan Allah; suka menderma dan tidak kikir atau boros; tidak berzina dan tidak mensyirikkan Allah serta lain-lain lagi. Lihat tafsiran ayat tersebut oleh Mahmud Yunus, *Tafsir Mahmud Yunus*, h. 533 - 534

meneroka alam, kajian saintifik, menjalankan perniagaan dan semua aktiviti perniagaan yang bertujuan mencari keredaan Allah merupakan ibadat.¹²⁴

Semua bentuk ibadat di atas, terutamanya ibadat umum tertakluk kepada syarat dan kriteria tertentu untuk boleh dikategorikan sebagai ibadat. Antaranya perlu disertai dengan niat ikhlas kepada Allah.¹²⁵ Iaitu keadaan hati yang baik, suci atau melakukan sesuatu amal dengan penuh ikhlas kepada-Nya tanpa iringan niat buruk seperti nifak dan riyak.¹²⁶ Hal ini perlu memandangkan semua amal ibadat manusia kepada Allah dalam bentuk zahir seperti darah dan daging korban tidak akan sampai kepada Allah, malah manfaatnya adalah untuk manusia sendiri, hanyalah keikhlasan hati dan ketakwaan dalaman manusia jualah yang akan dikira.¹²⁷

Dalam konteks pembangunan modal insan, ibadat-ibadat di atas berperanan sebagai proses mempersiapkan manusia kepada keadaan yang lebih sempurna dan berguna menurut tujuan penciptaannya sama ada zahir mahupun batin. Ibadat solat sebagai contoh, bukan sekadar berupaya membangunkan atau mencergaskan fizikal seseorang manusia melalui penjagaan kebersihan menerusi wuduk atau penyucian dari hadas serta gerakan-gerakan badan seperti berdiri, rukuk, duduk dan bersujud secara berulang kali, tetapi juga mampu memberikan ketenangan jiwa dan kebahagiaan rohani.¹²⁸ Dari aspek lain, solat mampu mendidik insan menjaga disiplin dan penampilan diri, mengurus dan menjaga masa, kerja berpasukan secara berjamaah, menepati janji dan mentaati pemimpin. Lebih dari itu, ibadat solat sebagai proses

¹²⁴ Muhammad al-Buraey (1992), *Pembangunan pentadbiran menurut pespektif Islam*, (Terj. *Administrative Development: An Islamic Perspective* oleh Abdullah Md. Noor, Norlida Abdul Halim & Noorlela Hassan), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 76

¹²⁵ Surah al-Bayyinah, 98: 5

¹²⁶ Lihat huraian Wahbah al-Zuhaili, (2003), *Akhlāq al-Muslim: 'Alaqtuhu bi al-khāliq*, Dimasyq: Dār al-Fikr, h. 17 - 19

¹²⁷ Surah al-Ḥajj, 22: 30

¹²⁸ Lihat huraian lanjut oleh Mohd Othman Najati (1992), *Psikoterapi menurut al-Quran*, (Suntingan Abdul Rahman Ahmad), Serdang: Human Resource Enterprise, h. 30-40

kawalan yang berterusan untuk memberi jaminan sosial dari penularan perkara-perkara keji dan mungkar.¹²⁹ Jelas sekali kesan solat menepati seruan mendirikannya iaitu menjana modal insan meraih *al-falah*, yakni kejayaan di dunia kini dan hidup masa depan di akhirat.¹³⁰

Manakala menerusi ibadat puasa pula mampu membina insan menjadi penyabar dan bertakwa, sementara kesan ibadat zakat dan haji memberikan implikasi sosial supaya tidak berbantah-bantah dan rafas, di samping kesan terhadap perkembangan sektor ekonomi.¹³¹ Ibadat-ibadat tersebut mengajar manusia makna pengorbanan dengan mengikis sifat kedekut dan tamak sebagai asas penyucian diri dan harta.¹³² Zakat perlu dilihat bukan sebagai beban untuk mengeluarkan harta hanya jika ada lebihan. Sebaliknya sebagai suatu kewajiban untuk memotivasikan diri berusaha dengan gigih mencari kurniaan Allah sehingga mampu mengeluarkan zakat untuk membantu golongan asnaf. Berhubung dengan haji, ia sebagai bentuk pengorbanan harta dan diri dari hidup normal kepada gaya hidup 'rahban'.¹³³ Hasilnya, haji yang mabrur melahirkan kesucian diri insan tanpa palitan dosa seseolah seumpama seorang bayi yang dijanjikan balasan Syurga.¹³⁴ Dalam konteks Malaysia, kefarduan ibadat haji menjadi pemangkin perkembangan ekonomi umat Islam menerusi penubuhan dan aktiviti pengurusan institusi Tabung Haji.

Ringkasnya, amalan ibadat yang manusia lakukan merupakan proses latihan bina insan diri manusia sendiri terhadap kepatuhan melaksanakan perintah Allah sebagai

¹²⁹ Surah al-‘Ankabūt, 29: 45

¹³⁰ Ingat seruan azan dan iqamat: Marilah menuju al-Falah.

¹³¹ Surah al-Baqarah, 2: 197; al-Taubah, 9: 103

¹³² Surah al-Taubah, 9: 103; Wahbah al-Zuhailī, *Akhlāq al-Muslim*, h. 360

¹³³ Maksudnya larangan sewaktu dalam ihram haji atau umrah dengan meninggalkan cara hidup biasa yang halal semata-mata mengharapkan reda Allah. Keadaan ini seseolah menyerupai rahban, iaitu cara hidup kepaderian yang meninggalkan urusan keduniaan untuk kerohanian atau keakhiratan.

¹³⁴ Wahbah al-Zuhailī, h. 399

persediaan untuk kehidupan bermasyarakat yang lebih besar dan mencabar.¹³⁵ Dalam maksud, jika seseorang insan boleh berpuasa kerana Allah sewaktu di hadapan atau di belakang orang lain, maka sudah tentu dia juga berupaya melaksanakan tugas dalam organisasi dengan tidak melakukan pecah amanah, sekali pun berpeluang melakukan demikian. Ini adalah kerana kesan ibadat puasa tersebut mampu bertindak sebagai 'kawalan dalaman' untuk menjaga dirinya dari terjerumus ke lembah maksiat. Dengan kata lain, kesan ibadat berjaya membina diri seseorang mencapai tahap ihsan, iaitu merasai kehadiran Allah yang sentiasa memerhati aktiviti kehidupannya.¹³⁶ Keadaan ini digambarkan oleh al-Zuhaili sebagai insan yang merasai 'muraqabatullah.'¹³⁷

Fungsi kedua manusia dicipta adalah untuk menjadi khalifah Allah di dunia ini. Hakikat ini tergambar melalui rakaman al-Quran bermaksud: "Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi".¹³⁸ Khalifah merujuk kepada pengganti atau wakil atau pemegang amanah. Dalam konsep ini, manusia merupakan wakil atau pemegang amanah daripada Allah untuk memakmurkan muka bumi ini dengan ajaran-Nya.¹³⁹ Jika Adam sebagai khalifah, maka para nabi serta zuriatnya juga merupakan pengganti baginda yang turut berfungsi untuk melaksanakan amanah Allah dengan mendirikan ajaran agama dan melakukan kemakmuran terhadap kehidupan dunia.¹⁴⁰ Untuk memenuhi fungsi dan

¹³⁵ Lihat Abu'l A'la al-Maududi (1976), *Asas-asas Islam*, (Terj. H.O.K. Rahmat), Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, h. 124 - 145

¹³⁶ Surah al-Ḥadīd, 57: 4. Istilah ihsan terkenal digunakan dalam hadis Jibril riwayat Umar Ibn Khattab ketika Nabi ditanya maksudnya: Ihsan iaitu engkau menyembah Allah seseolah kamu melihat-Nya, jika kamu tidak melihat-Nya nescaya Ia melihat kamu.

¹³⁷ Lihat huraian Wahbah al-Zuhaili, *Akhlāq al-Muslim*, h. 44 – 46.

¹³⁸ Surah al-Baqarah, 2: 30. Lihat juga ayat-ayat dalam surah Ṣad, 38: 26; Yūnus, 10: 13-14; Fāṭir, 35: 38-39.

¹³⁹ Syed Muhammad Naquib al-Attas (1990), *The Nature of Man and the Psychology of the Human Soul*, Kuala Lumpur: ISTAC, h. 4. Manusia menerima amanah untuk memakmurkan hidup dengan melaksanakan perintah Allah (Surah Hūd, 11: 61) selepas makhluk lain seperti langit, bumi dan bukit bukau serta sungai enggan (Surah al-Aḥzāb, 33: 72). Lihat huraian Ismail Raji al-Faruqi (1998), *Al-Tauhid: Its implication for thought and life*, Herndon: IIIT, h. 4-6

¹⁴⁰ Istilah asal yang masyhur ialah 'hirasah al-din wa siyāsah al-dunya'. Lihat 'Alī bin Muḥammad Ḥabīb al-Baṣri al-Mawardī (1983), *Aḥkām al-Sulṭaniyyah al-wilāyah al-diniyyah*, Kaherah: Dar al-Fikr, h. 5.

peranan khalifah ini, manusia perlu menguasai segala ilmu.¹⁴¹ Proses penguasaan ini melibatkan ilmu agama yang ditarafkan sebagai asas atau fardu ain, serta juga ilmu memakmurkan dunia ini yang diklasifikasikan sebagai ilmu pelengkap atau fardu kifayah.¹⁴² Jika demikian, segala bentuk usaha atau penghayatan terhadap fungsi khalifah ini semestinya menjadikan seseorang insan itu berilmu, berkemahiran, berguna dan dipandang mulia.¹⁴³ Inilah yang dikatakan sebagai pembangunan modal insan.

Penghayatan fungsi ini bukan sekadar menyaksikan kesejahteraan hidup insan di tahap individu tetapi juga meluas ke tahap masyarakat dan alam sekitar. Dalam kehidupan individu, implementasi syariat Islam misalnya sekurang-kurangnya dapat memastikan penjagaan kebersihan diri. Amalan kebersihan merupakan indikator kepada keimanan dan ketinggian peradaban. Manakala di tahap masyarakat, pelaksanaan ajaran agama dalam kehidupan akan mewarnai segala aktiviti politik, ekonomi, sosial, dan kekeluargaan dengan cahaya kemakmuran. Ini adalah kerana di bawah tanggungjawab khalifah, seorang pemimpin sebagai contoh, akan menjalankan tugas kepimpinannya seperti membuat sesuatu keputusan dengan adil dan amanah.¹⁴⁴ Jika rakyat biasa pula, ketaatan kepada ketua merupakan amalan yang berterusan.¹⁴⁵ Aktiviti politik sebaliknya yang tidak menegakkan ajaran agama dan implementasi syariat seperti menjalankan hukum hakam selain hukuman Allah merupakan bukti kepada kerendahan martabat insan serta terdorong kepada kezaliman.¹⁴⁶ Sementara dalam aktiviti ekonomi seperti jual beli dan hutang piutang pula diterasi dengan semangat

Lihat juga ‘Abd Raḥmān bin Muḥammad bin Khaldūn (1310H), *Muqaddimah*, Tehran: Intisyarat Istiqlal, h. 191.

¹⁴¹ Lihat surah al-Baqarah, 2: 31

¹⁴² Banyak perbincangan mengenai konsep dan pembahagian ilmu sebagai pemangkin pembangunan atau tamadun. Misalnya oleh Osman Bakar (1992), *Classification of Knowledge in Islam: A Study in Islamic Philosophies of Science*, Kuala Lumpur: Islamic Policy Research; serta Franz Rosenthal (1970), *Knowledge Triumphant*, Leiden: E.J. Brill

¹⁴³ Lihat huraian Ramli Awang (2003), *Falsafah Sains dan Pembangunan: Ke Arah Dimensi Baru*, Skudai: Penerbit UTM, h. 18-41. Juga surah al-Zumar, 39: 9

¹⁴⁴ Lihat surah al-Nisā’, 4: 58; al-Mā’idah, 5: 42

¹⁴⁵ Lihat surah al-Nisā’, 4: 59

¹⁴⁶ Lihat surah al-Mā’idah, 5: 45 ; 5: 47; Surah Hūd, 11: 113

tuntutan khidmat masyarakat¹⁴⁷ dan amal ibadat, misalnya menerusi amalan berzakat dan bersedekah yang dilakukan dengan adil untuk kesejahteraan umat tanpa amalan riba.¹⁴⁸ Sebaliknya, amalan perniagaan tidak elok dan tidak menepati kehendak syariat seperti menipu timbangan merupakan petualang kepada fungsi khalifah dan perosak kesejahteraan umat yang seterusnya menjadi petanda kepada keruntuhan modal insan.¹⁴⁹

2. Proses pemenuhan tuntutan insan

Pembangunan modal insan merupakan suatu proses berterusan terhadap usaha memenuhi tuntutan kehidupan insan itu sendiri. Proses pemenuhan keperluan insan ini berjalan seiring dengan dimensi insan itu sendiri. Hakikat insan yang terdiri dari unsur fizikal dan metafizikal yang telah dibicarakan secara ringkas di atas¹⁵⁰ perlu diberikan makanan atau tuntutan yang betul supaya hidup sihat dan berfungsi. Andaikan keperluannya diberikan makanan yang silap atau buruk boleh berlakunya dekadensi pembangunan serta menghilangkan hakikat insan itu sendiri. Pemenuhan kepada keperluan insan boleh diperhalusi seperti berikut.

a. Jasmani

Tubuh badan jasmani merupakan salah satu aspek utama manusia serta mewakili unsur *basyar*, yakni 'keorangan' manusia yang zahir.¹⁵¹ Pembangunan aspek ini memerlukan proses berterusan terhadap penjagaan dan pemuliharaan jasad supaya terus sihat dan berfungsi. Meskipun kehidupan, kesihatan serta kefungsi jasad turut bergantung

¹⁴⁷ Lihat surah al-Jumu'ah, 62: 9-11; al-Baqarah, 2: 282

¹⁴⁸ Lihat surah al-Baqarah, 2: 3 ; 2: 274-278 ; al-Rūm, 30: 38-40

¹⁴⁹ Lihat surah al-Muṭaffifin, 83: 1-4

¹⁵⁰ Lihat fakta 3.2. Hakikat insan bab ini di atas

¹⁵¹ Zakaria Stapa (1993), *Beberapa Aspek Kefahaman Islam: Persoalan Ketuhanan dan Kemanusiaan*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, h. 38 - 40

kepada rohani, namun pembangunannya mempunyai tuntutan secara khusus untuk dipenuhi. Al-Quran merakamkan contoh kehidupan anbiya yang memenuhi fitrah jasmani seperti makan dan minum, berkeluarga dan bekerja.¹⁵²

Proses pertama yang diperlukan oleh jasad untuk pembangunannya ialah makanan. Makanan untuk fizikal adalah bahan-bahan makanan yang juga berbentuk material. Makanan perlulah berzat, berkhasiat dan seimbang dari sumber mineral, tumbuhan dan haiwan yang mengandungi komponen karbohidrat, protein, galian, vitamin dan sebagainya.¹⁵³ Paling penting makanan tersebut adalah halal serta membawa keberkatan dan kesihatan kepada tubuh badan.¹⁵⁴

Jasad perlukan kepada kesihatan dan kecergasan yang berterusan. Lantaran itu, pergerakan jasad serta kerehatan perlu berjalan seiringan.¹⁵⁵ Di samping bergerak untuk bekerja, maka riadah atau senaman seperti berlari, memanah, berkuda dan sebagainya merupakan antara cara untuk mengekalkan perkembangan dan pembangunan jasad. Selain itu, amal ibadat seperti bersolat, puasa, mengerjakan haji merupakan contoh terbaik kesepaduan antara pergerakan tubuh badan dan kerehatan minda yang diperlukan oleh manusia berlaku dalam satu masa.¹⁵⁶ Ini bermakna, kewujudan fizikal seseorang seperti mata, telinga, dan segala pancaindera perlu digunakan secara

¹⁵² Wan Zailan Kamaruddin, *Hakikat Kenabian Menurut al-Qur'an*, h. 26; Lihat contoh ayat surah al-Anbiyā', 21: 8, 21: 80 dan al-Ra'd, 13: 38

¹⁵³ Lihat George D. Pamlona-Roger (2013), *Makanan Sihat* (terjemahan Juraniya Mabin dan Edwin Jihang), Madrid: Safeliz, hlm. 23 dan seterusnya.

¹⁵⁴ Lihat surah al-Baqarah, 2, 168: "Wahai manusia! Makanlah dari apa yang Kami berikan di muka bumi ini makanan yang halal lagi bermutu..."; 2: 172 yang menyarankan "Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari rezeki yang baik yang Kami kurniakan kepada kamu..." Juga surah al-Māidah, 5: 88

¹⁵⁵ Lihat surah al-Naba', 78: 8-11

¹⁵⁶ Ingat tentang hadis Nabi mengenai 3 orang lelaki datang ke rumah isteri Rasulullah SAW bertanyakan mengenai ibadat Baginda. Selepas dikhabarkan, mereka seseolah berkata: Apalah kami berbanding dengan Baginda yang diampunkan Allah dosa yang terdahulu serta yang akan datang. Seorang berkata: Aku akan solat malam sepanjang masa. Lelaki kedua berkata: Aku akan berpuasa tanpa berbuka setiap hari. Lelaki ketiga berkata: Aku akan menjauhi wanita dan tidak akan berkahwin selama-lamanya. Tiba Baginda bertanya: Kamu semua yang berkata begini dan begini. Demi Allah! Akulah orang yang paling bertakwa kepada Allah, tetapi aku berpuasa dan berbuka, bersolat malam dan tidur serta berkahwin. Siapa yang membenci sunnahku, bukanlah dari kalanganku. Lihat al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ*, Bāb al-Targhīb fi al-nikāh, hadis no. 4675

bersepadu dalam konteks kerja, ibadat dan rehat.¹⁵⁷ Proses ini dinamakan sebagai melakukan ‘amal soleh’ dan menepati maksud pembangunan aspek jasmani tersebut.¹⁵⁸ Manakala pergerakan fizikal yang tidak menepati kehendak syariat seperti memakan makanan yang haram, tidak melakukan ibadat, menggunakan pancaindera kepada perkara yang ditegah merupakan proses dekadensi pembangunan, menzalimi dan menghilangkan kemuliaan diri serta dikategorikan sebagai amal yang sia-sia.¹⁵⁹

Pembangunan fizikal perlukan kepada latihan kemahiran dan ilmu. Dalam konteks ini, proses penerapan kemahiran fizikal dan penguasaan ilmu pengetahuan berkaitan sesuatu bidang secara profesional perlu sentiasa dipertingkatkan. Dengan demikian, peralatan yang dibangunkan dapat dipertingkatkan kegunaannya oleh seseorang yang mahir dan cekat ilmu pengetahuannya,¹⁶⁰ berlaku peningkatan motivasi dan seterusnya memaksimumkan prestasi pekerja dalam melaksanakan sesuatu tugas.¹⁶¹ Dalam konteks ini, al-Quran membawa contoh bahawa persiapan fizikal tentang peralatan peperangan dengan segala bentuk kekuatan seperti pasukan berkuda, serta ilmu dan kemahiran berkaitan tunggangan kuda dan strategi peperangan dan seumpamanya merupakan satu kewajipan.¹⁶² Kemuncak kepada proses penguasaan ilmu dan kemahiran ini akan berjaya melahirkan seseorang pakar yang mahir dan profesional, atau dalam istilah Qurani sebagai ahli *al-zikr*.¹⁶³

¹⁵⁷ Seyyed Hossein Nasr (1989), *Etika Kerja dalam Tradisi Islam* (terjemahan “Islamic Work Ethics” oleh Nasir Muhammad dengan Pengantar oleh Osman Bakar), Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, h. 16

¹⁵⁸ Semua amal soleh dalam Islam tidak terlepas dari kombinasi aspek jasmani serta rohani, misalnya ibadat khusus seperti solat, puasa, haji dan zakat. Lihat surah al-Mu’minun, 23: 1-5. Sebarang bentuk penggunaan fizikal yang tidak mengikut kehendak Allah merupakan sebab manusia di azab. Lihat surah al-A’raf, 7: 179

¹⁵⁹ Lihat surah al-Kahf, 18: 103 - 104

¹⁶⁰ Wan Mohd Nor Wan Daud, *Pembangunan Di Malaysia*, h. 45

¹⁶¹ Mumtaz Began Abdul Kader, Norasiken Bakar dan Norhayatee Ismail (2002), *Kualiti Dalam Pengurusan Sumber Manusia*, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, h. 212. Lihat juga Ibrahim Mamat, *Reka Bentuk dan Pengurusan Latihan*, h. 3

¹⁶² Lihat Surah al-Anfal, 8: 60; Ayat ini menjadi dalil tentang wajibnya proses pembangunan dan kemahiran fizikal serta penguasaan ilmu secara profesional berkaitan peperangan dan persenjataan. Lihat Syaikh Abdullah Muhammad Basmih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, h. 337; Al-Rāzī, *Tafsīr al-Kabīr*, h. 8: 191 – 192

¹⁶³ Lihat surah al-Nahl, 16: 43 dan al-Anbiyā’, 21: 7

b. Rohani

Rohani merupakan inti kemanusiaan itu sendiri. Keutamaan proses pembangunan insan terletak kepada pemenuhan tuntutan rohaninya. Justeru itu, pemenuhan tuntutan rohani menggambarkan proses pembangunan insan. Rohani umpama bekas atau kenderaan kepada unsur-unsurnya yang lain. Keperluan dan tuntutan rohani yang diwakili oleh unsurnya seperti nafs, akal dan hati perlu diberikan pengisian dengan tepat dan cukup. Anatomi atau hakikat roh merupakan urusan Allah, maka pengisian terhadap tuntutan rohani juga perlu berpandukan kepada aturan-Nya.¹⁶⁴

Berbanding jasad yang dicipta dari tanah, maka rohani atau ruh merupakan unsur cahaya ciptaan Allah. Kehidupan jasad bergantung kepada hidupnya roh. Maka, untuk menghidup dan membangunkan roh, makanannya bergantung kepada cahaya Ilahi yang berupa wahyu atau risalah kenabian. Rohani yang hidup selalu mengarah hati ke arah ketinggian dan cahaya Ilahi, mencari kebenaran dan kesucian. Manakala rohani yang lesu dan jumud boleh ditewaskan oleh nafsu yang menarik hati kepada kerendahan dan kekotoran.¹⁶⁵

Ringkasnya, proses pembangunan rohani adalah pengisian amalan spiritual seperti zikrullah, merenung fikir kebesaran Allah, melakukan ibadat atau amal soleh dengan ikhlas serta memanifestasikan pergerakan jasmani dengan cara hidup berpandukan syariat Allah.¹⁶⁶ Pembangunan rohani perlu berlaku secara berterusan dan menjadi pendorong utama insan mencapai kemajuan dalam segenap bidang

¹⁶⁴ Surah al-Isra, 17: 85

¹⁶⁵ Lihat huraian Ibnul Qayyim, *Roh*, h. 446-455; Ahmad Farid, *Tazkiyatun Nafs*, h. 109; Surah al-Tīn, 95: 4-6

¹⁶⁶ Surah al-Bayyinah, 98: 5; al-Dhāriyāt, 51: 56

kehidupan.¹⁶⁷ Amalan tersebut bukan sekadar memberi nafas dan membangunkan rohani, malah mampu menjadi sumber kekuatan dalaman dan menjadi benteng dari pancaroba kehidupan insan yang ampuh.¹⁶⁸ Oleh kerana itu, segala bentuk amalan kebaikan yang mengarahkan kepada mendapat nur dan keredaan Allah seperti mana termaktub dalam akujanji insan di alam roh merupakan indikator pembangunan insan.¹⁶⁹ Sebaliknya, maka sebarang bentuk salah laku manusia dari cara hidup Islam pula hanya menggambarkan kekosongan dan keruntuhan rohani.

c. Nafs

Umum menyamakan jiwa dengan diri insan. Diri atau jiwa dalam sebutan al-Quran menamakan sebagai *al-nafs*.¹⁷⁰ Nafs boleh juga difahami sebagai nafsu. Begitupun, umum sering kali merujuk nafsu kepada keinginan syahwat atau perlakuan yang tidak baik. Al-Quran mengklasifikasikan jiwa atau nafsu kepada 3:

i. Nafsu Ammarah

Firman-Nya bermaksud: “Sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanku (maka terselamatlah ia dari hasutan nafsu itu).

Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”¹⁷¹

Dalam hal ini, nafsu amarah mesti dididik dengan menjauhi larangan

¹⁶⁷ Che Bakar Che Mat et al (2007), *Pembangunan dari Perspektif Islam*, Shah Alam: Universiti Teknologi MARA, h. 11 - 13

¹⁶⁸ Pembinaan kekuatan dalaman ini seperti melalui solat malam diwajibkan kepada Rasulullah saw dan ditekankan kepada umatnya. Lihat Surah al-Muzammil, 73: 1- 10

¹⁶⁹ Ingat janji manusia sewaktu alam roh menyaksikan Allah sebagai Rabb dirakamkan dalam surah al-A'raf, 7: 172

¹⁷⁰ Al-Quran menggunakan kedua-dua bentuk mufrad, *nafs* (misalnya Āli ‘Imrān, 3: 185. Tiap-tiap *nafs* yang bernyawa akan merasai mati) atau jamak *anfus* (misalnya al-An’am, 6: 93 "Keluarkanlah *anfus*, iaitu nyawa kamu (dari tubuh kamu sendiri)").

¹⁷¹ Surah Yūsof, 12: 53

Allah dan mengerjakan suruhan-Nya dengan penuh ikhlas sepertimana ditunjukkan oleh Yusof, supaya mendapat rahmat-Nya.¹⁷²

ii. Nafsu Lawwamah

Allah berfirman bermaksud: “Dan Aku bersumpah dengan "Nafsu Lawwaamah", yakni jiwa yang amat menyesali diri (bahawa kamu akan dibangkitkan sesudah mati)!”¹⁷³ Nafsu ke dua ini perlu dipenuhiuntutannya dengan memperbanyakkan kebaikan di samping menutup ruang keburukan supaya tidak terbuka dan menggoda jiwa.

iii. Nafsu Mutmainnah

Seperti rakaman al-Quran bermaksud: “(setelah menerangkan akibat orang-orang yang tidak menghiraukan akhirat, Tuhan menyatakan bahawa orang-orang yang beriman dan beramal soleh akan disambut dengan kata-kata): "Wahai orang yang mempunyai jiwa yang sentiasa tenang tetap dengan kepercayaan dan bawaan baiknya!”¹⁷⁴ Tingkat ini menggambarkan tuntutan jiwa atau nafsu dipenuhi dengan semua bentuk kebaikan secara berterusan sehinggakan diri mengadap Penciptanya dalam keadaan mendapat keredaan-Nya. Jenis nafsu inilah yang diwasiatkan oleh Ibrahim kepada keturunannya.¹⁷⁵

Nafsu Ammarah ialah nafsu yang sentiasa mengarah diri untuk melakukan kejahatan seperti berdendam, menipu dalam perniagaan, menyakiti orang lain atau melakukan maksiat. Nafsu Lawwamah pula ialah jiwa yang mencela dan mengkritik

¹⁷² Lihat surah Yūsof, 12: 24

¹⁷³ Surah al-Qiyāmah, 75: 2

¹⁷⁴ Surah al-Fajr, 89: 27

¹⁷⁵ Lihat surah al-Baqarah, 2: 132-133

diri. Insan selalu terleka dan lalai dari mentaati Allah. Apabila diri melakukan maksiat, jiwa ini akan mencela dan menyesal lalu bertaubat. Jika melakukan kebaikan, jiwa ini mengkritik dengan sedikitnya diri melakukan kebaikan tersebut. Manakala nafsu Mutmainnah merupakan jiwa yang tenang dan mencapai keredaan Allah. Jiwa ini sentiasa mengarah diri agar berterusan melaksanakan perintah Allah serta meninggalkan larangan-Nya dengan penuh ikhlas dan istiqamah. Jiwa ini sentiasa mengingati Allah dan tenang dengan ketentuan-Nya. Jiwa ini mencintai Allah dan sentiasa merasai kehadiran Allah di mana sahaja ia berada.¹⁷⁶

Nafsu ammarah dan lawwamah boleh dipecahkan kepada satu lagi nafsu dinamakan mulhamah. Jiwa katagori ini mengarah diri ke arah keburukan. Sementara nafsu mutmainnah yang merupakan pemilik jiwa yang tenang boleh mencapai tahap nafsu *raḍīyah* iaitu mencari keredaan Allah, seterusnya mendapat *marḍīyah* daripadanya. Jiwa ini menjadi sempurna ke tahap jiwa *kāmilah*.¹⁷⁷

Ibn Qayyim menjelaskan bahawa biarpun jiwa itu boleh dipecahkan dengan pelbagai nama, namun hakikatnya jiwa atau nafsu itu satu sahaja. Perbezaan itu bukan merujuk kepada kepelbagaian nafsu, tetapi hanya menggambarkan sifat-sifat jiwa sahaja.¹⁷⁸ Berhubung dengan sifat nafsu ini, Imam al-Ghazali menjelaskan bahawa manusia memiliki beberapa sifat diri. Pertama, sifat jahat seperti pamarah, permusuhan, kebencian dan menyakiti orang lain. Kedua, sifat kehaiwanan seperti menurut nafsu syahwat. Ketiga, sifat kesyaitanan seperti penipuan dan hipokrit. Keempat, sifat kemalaikatan seperti ketaatan, melakukan kebaikan dan seumpamanya.¹⁷⁹ Pemenuhan tuntutan *nafs* dengan sifat kemalaikatan seperti melakukan amal soleh akan dapat

¹⁷⁶ Lihat huraian Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, "Human Capital Development," h. 358; Juga oleh Ibnul Qayyim, *Roh*, h. 445 - 455

¹⁷⁷ Muhammad Syukri Salleh, *7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*, h. 29

¹⁷⁸ Ibnul Qayyim, h. 433

¹⁷⁹ Abu Hamid al-Ghazzali (2010), *The Alchamy of Happiness*, New York: Cosimo Classics, h. 1

menjana nafsu membangun ke tahap terbaik, yakni ‘ahsani taqwim’. Manakala pengurangan amal soleh pula menempah kekurangan diri yang dililiti sifat syaitan, haiwan atau kejahatan boleh merendahkan taraf insan ke tahap ‘asfala safilin.’¹⁸⁰

Ringkasnya, nafsu atau jiwa perlu diberikan makanan rohani yang berkhasiat berupa ketaatan kepada perintah Allah dan mengingati-Nya secara terang atau tersembunyi untuk menjamin kesehatannya. Manakala amalan yang menjurus kepada keburukan dan memaksiati Allah seperti khianat dan syirik menjadi racun yang memudaratkan jiwa.

d. Akal

Akal dikenali juga dengan reason atau intelek, merupakan jauhar ciptaan Allah menjadi cahaya dalam hati sebagai kekuatan daya jiwa yang berfikir.¹⁸¹ Fungsi akal adalah sebagai alat untuk membezakan baik-buruk, benar-salah dan sebagainya. Lantaran itu, dengan akal sesuatu itu diketahui kebenaran serta kebatilan.¹⁸² Hal ini kerana, menurut al-Ghazali, akal umpamakan ilmu tentang hakikat sesuatu yang terletak di dalam hati. Atau ilmu itu sebenarnya berpunca dari akal. Dengan demikian, pemenuhan tuntutan akal bermakna manusia mempunyai kuasa mencerap atau mengetahui ilmu-ilmu tentang segala yang ada.¹⁸³

Pemenuhan tuntutan akal dengan merenung fikir kebesaran Allah akan membangun dan memertabatkan insan. Renungan fikir akal mampu memanifestasi keagungan Allah dengan bantuan anggota fizikal seperti pancaindera untuk memerhati

¹⁸⁰ Lihat surah al-Ṭīn, 95. Lihat huraian tentang perlawanan nafsu yang dipengaruhi unsur kemalaikatan dengan nafsu yang diulit unsur kesyaitanan oleh Ahmad Farid, *Tazkiyatun Nafs*, h. 109

¹⁸¹ Maan Z Madina, *Arabic English Dictionary*, h. 445; Al-Jurjānī, *Kitāb al-Ta'rifāt*, h. 157

¹⁸² Al-Qurtubī, *al-Jami' Li Ahkām al-Qur'ān*, h. 1: 371

¹⁸³ *Ensiklopedia Islam* (2004), Entri Roh, Jilid 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 183

kejadian alam. Hal ini selaras dengan panduan Allah dalam al-Quran yang menggesa manusia menggunakan akal. Misalnya, anjuran agar “mengapakah tidak mereka memperhatikan keadaan unta bagaimana ia diciptakan? Atau keadaan langit bagaimana ia ditinggikan binaannya? Atau keadaan gunung-ganang bagaimana ia ditegakkan? Atau keadaan bumi bagaimana ia dihamparkan?”¹⁸⁴ Setelah itu, akal berfungsi untuk menasihati hati agar meyakini keagongan Allah serta segera melaksana atau melestarikan syariat-Nya dalam semua urusan hidup. Hasilnya, manusia memenuhi saranan akal dengan melakukan amal soleh dan proses ini juga mencapai maksud insan sebagai ciptaan terbaik.¹⁸⁵

Al-Quran membawa contoh bagaimana proses pemenuhan tuntutan akal yang tepat mampu membangunkan tuannya untuk mengungsi kehidupan ini dengan amal soleh. Mereka ini disifatkan sebagai orang yang sentiasa mengingati Allah untuk mendapatkan keredaan-Nya dan menjauhi perbuatan yang boleh mengundang kemurkaan-Nya Firman Allah: “(Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.”¹⁸⁶ Sebaliknya pula, kelalaian manusia dari memerhatikan alam dan menggunakan akal untuk mencerap dan menasihati hati melayari hidup pada landasan yang betul boleh menjatuhkan kemuliaannya. Bahkan sebagai sebab mendapat balasan yang pedih di akhirat kelak. Firman-Nya bermaksud: “Mereka berkata, "kalaulah kami dahulu mendengar dan memahami dengan

¹⁸⁴ Surah al-Ghāsiyah, 88: 17-20

¹⁸⁵ Surah al-Tīn, 96: 4-6

¹⁸⁶ Surah Āli ‘Imrān, 3: 191

menggunakan akal (sebagai orang yang mencari kebenaran), tentulah kami tidak termasuk dalam kalangan ahli neraka.”¹⁸⁷

Akal yang sejahtera dan waras menjadi faktor kepada kefarduan tanggungjawab (mukallaf) seseorang insan. Status manusia berakal atau mempunyai kewarasan menjadi syarat manusia diwajibkan segala ibadat secara peribadi, malah diiktiraf sebagai modal insan penting untuk pembangunan umat dan negara secara kolektif.¹⁸⁸ Lantaran itu, al-Quran mengarahkan manusia menggunakan aktiviti akal seperti perbuatan ‘*aqala*, *tafakkara*, *faqiha*, *nažara*, dan sebagainya.¹⁸⁹ Manakala manusia yang menggunakan akal diberi sanjungan dengan pelbagai bintang kehormatan seperti *qawm ya‘qilūn*, *qawm yatafakkarūn*, *qawm yafqahūn*, *ululalbāb* dan *ululabsār*.¹⁹⁰ Ini bermakna, penggunaan akal yang betul mendorong manusia mencapai kemajuan dan membangunkan tamadun sesuai dengan tugas hamba dan khalifah Allah. Jelasnya, orang yang paling berilmu, paling berkualiti dalam pengabdianya dan paling utama dalam kehidupan adalah orang yang berakal. Ini bermakna proses pemenuhan tuntutan akal dimaksudkan sebagai memperoleh kebijaksanaan kerana kegagalan menggunakan akal dianggap kaum yang lalai, lebih sesat dari binatang dan dihumban ke neraka.¹⁹¹

e. Kalbu

Kalbu merupakan intipati sisi spiritual atau pusat segala perasaan batin dinamakan hati atau sanubari.¹⁹² Perbincangan dalam konsep rohani pada awal bab ini menyimpulkan

¹⁸⁷ Surah al-Mulk, 67: 10

¹⁸⁸ Semua ibadat dalam Islam, misalnya solat meletakkan syarat berakal dan baligh sebagai syarat wajib dan sah.

¹⁸⁹ Lihat misalnya surah al-Baqarah, 2: 73 (‘*aqala*), al-A’rāf, 7: 191 (*tafakkara*), al-An’ām, 65 (*faqiha*), al-Ghāsiyyah, 88: 17 (*nažara*)

¹⁹⁰ Misalnya surah al-Rūm, 30: 21 (*qawm yatafakkarūn*), al-An’ām, : 98 (*qawm yafqahūn*), al-Baqarah, 2: 164 (*qawm ya‘qilūn*), Āli ‘Imrān, 3: 190 (*ulul albāb*).

¹⁹¹ Surah al-A’raf, 7: 179

¹⁹² *Kamus Dewan*, Edisi Keempat, entri kalbu di <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=kalbu>

bahawa kalbu ibarat pusat pentadbiran kepada pergerakan insan. Hatilah pusat pemikiran, perasaan, ketenangan, keluh kesah dan pembuat keputusan. Tegasnya, kalbu atau hati adalah raja.¹⁹³ Kerajaan hati dibantu oleh akal sebagai menteri, nafsu sebagai polis dan badan sebagai wilayah kekuasaan.¹⁹⁴

Sebagai raja, hati amat bergantung kepada tuntutan pengisian berupa nasihat dan bimbingan serta saranan-saranan penasihatnya secara berterusan. Menteri akal merupakan penasihat pertama dan polis nafsu menjadi penasihat kedua. Kedua-dua fakulti ini saling pengaruh mempengaruhi antara satu sama lain dan ingin memenangi hati untuk menerima nasihat. Ada kala akal berjaya memburu nafsu dan menundukkannya untuk menasihati hati melakukan kebaikan. Adakala nafsu berjaya memujuk akal dan mendorong hati menuruti telunjuknya ke arah keburukan.¹⁹⁵ Oleh hal yang demikian, keadaan dan kedudukan hati amat bergantung kepada peranan akal dan nafsu. Akal yang sejahtera serta nafsu yang baik (*muṭma'innah*) mampu mengisi kekosongan hati dengan anjuran melakukan amal soleh dan segala bentuk kebaikan.¹⁹⁶

Al-Quran mengklasifikasikan hati manusia kepada beberapa jenis.¹⁹⁷ Antaranya seperti:

i. Hati yang salim

Firman Allah bermaksud: “Hari yang padanya harta benda dan anak-pinak tidak dapat memberikan pertolongan sesuatu apapun. Kecuali (harta benda dan anak-pinak) orang-orang yang datang mengadap Allah

¹⁹³ Ahmad Farid, *Tazkiyatun Nafs*, h. 15

¹⁹⁴ Al-Ghazali, *Mutiara Ihya' Ulumuddin*, h. 212. Ibarat lain ialah hati sebagai pemburu, badan sebagai kuda tunggangan, akal sebagai anjing pemburu, dan nafsu sebagai binatang buruan. Lihat, *Mutiara Ihya' Ulumuddin*, h. 212-213

¹⁹⁵ Ibid, h. 212.

¹⁹⁶ Ahmad Farid, *Tazkiyatun Nafs*, h. 22; juga h.104-109

¹⁹⁷ Pembahagian ini banyak dibicarakan oleh ulama misalnya Ahmad Farid (Penyusun), *Tazkiyah al-Nufus*, h. 25; Imam Ibn al-Qayyim al-Jauziah (2007), *Tib al-Qulūb*, Dimasyq: Dār al-Qalam, h. 36-42

dengan hati yang salim, selamat sejahtera (dari syirik dan penyakit munafik).”¹⁹⁸

Hati atau kalbu yang salim ini bermaksud hati yang sihat sejahtera ataupun baik. Hati ini akan menyelamatkan insan sewaktu hidup di dunia dan akhirat. Ia merupakan hati yang dimiliki oleh insan yang membangun. Hati yang boleh disatukan antara satu sama lain, sehingga orang menjadi yang bersaudara.¹⁹⁹ Keadaan hati ini adalah tenang atau ditenangkan (*thuma'ninah*), misalnya oleh khabar gembira (*busyra*) daripada Allah SWT.²⁰⁰ Ketenangannya juga timbul karena mengingat Allah, dan Allah SWT menanamkan ketenangan (*sakînah*) di dalamnya.²⁰¹ Hati jenis ini akan bergetar kerana mengingat Allah dan sentiasa bertambah iman dan tawakkal kepada Allah SWT ketika dibacakan ayat-ayatnya. Inilah hati orang yang beriman.²⁰²

ii. Hati yang sakit

Firman-Nya bermaksud: “Dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka; dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya, dengan sebab mereka berdusta (dan mendustakan kebenaran).”²⁰³

Hati yang sakit merupakan hati yang berlawanan dengan hati yang sejahtera atau sihat. Hati ini dimiliki oleh insan yang rendah martabatnya berbanding dengan Mukmin sejati, lantaran rata-rata hati yang sakit adalah hati orang munafik yang

¹⁹⁸ Surah al-Syu‘arā’, 26: 88-89

¹⁹⁹ Surah Āli ‘Imrān, 3: 103; al-Anfal, 8: 63

²⁰⁰ Surah Āli ‘Imrān, 3:126, al-Maidah, 5: 13, al-Anfal, 8:10.

²⁰¹ Surah al-Ra’d, 13: 28; surah al-Fath, 48: 4, 48:18, 48: 26

²⁰² Surah al-Anfal, 8: 2 al-Haj, 22: 35, al-Mu’minun, 23: 60.

²⁰³ Surah al-Baqarah, 2: 10

mendustai ajaran Allah SWT.²⁰⁴ Hati yang ada keingkaran (*munkirah*), sehingga melahirkan kesombongan.²⁰⁵ Hati ini menyimpan kecenderungan untuk sesat (*zaigh*), yang memilih ayat-ayat yang samar (*mutasyabihat*) daripada ayat yang jelas (*muhkamat*) dengan maksud menyesatkan pula orang lain.²⁰⁶ Hati jenis ini menjadi tempat menyembunyikan rahsia diri sendiri, meskipun Allah SWT mengetahuinya.²⁰⁷

Hati ini bagaimanapun berpotensi untuk menjadi baik melalui proses pembaikan dan pengisian tuntutan yang betul. Ini kerana hati yang juga menyimpan keraguan (*rayb*) dan kebimbangan (*yataraddadun*).²⁰⁸ Keadaannya juga selalu timbul rasa takut (*ra'b*)²⁰⁹ serta menyimpan rasa penyesalan (*hasrah*) yang ditimbulkan oleh Allah SWT di dalamnya.²¹⁰

iii. Hati yang keras

Firman Allah bermaksud: “Kemudian sesudah itu, hati kamu juga menjadi keras seperti batu, bahkan lebih keras lagi. Padahal di antara batu-batu itu ada yang terpancar dan mengalir air sungai daripadanya; dan ada pula di antaranya yang pecah-pecah terbelah lalu keluar mata air daripadanya; dan ada juga di antaranya yang jatuh ke bawah kerana takut kepada Allah; sedang Allah tidak sekali-kali lalai daripada apa yang kamu kerjakan.”²¹¹

²⁰⁴ Surah al-Taubah, 9: 77

²⁰⁵ Surah al-Nahl, 16:22

²⁰⁶ SurahĀli ‘Imrān, 3:7

²⁰⁷ SurahĀli ‘Imrān, 3:167, al-Taubah, 9: 64, al-Nisa’, 4: 63, al-Anfal, 8: 70, al-Ahzab, 33:51, al-Fath, 48: 11

²⁰⁸ Surah al-Taubah, 9: 45; 9:110.

²⁰⁹ Surah al-Ahzab, 33:26, al-Tur, 59:2

²¹⁰ SurahĀli ‘Imrān, 3:156.

²¹¹ Surah al-Baqarah, 2: 74

Hati yang keras merupakan hati yang dimiliki oleh insan yang kufur terhadap Allah. Hati yang keras bukan sekadar mengarah kepada keburukan, tetapi juga bias terhadap kebenaran. Ini adalah kerana selain cenderung kepada keburukan, hati ini tidak sensitif dengan kebaikan dan telah dimaterikan oleh Allah SWT ke atasnya berserta dengan dorongan-dorongan untuk berbuat baik seperti penglihatan dan pendengaran.²¹² Hati ini lalai, tidak dapat memahami tanda-tanda keagungan Allah S.W.T.²¹³ dan tidak dapat mengetahui kebenaran.²¹⁴ Allah SWT juga mengunci mati hati orang yang melampaui batas.²¹⁵ Hati jenis ini selalu dicengkam rasa takut kerana melakukan tindakan syirik yang mengundang siksa neraka.²¹⁶ Inilah contoh hati yang kosong iman dan tidak membangun.²¹⁷

Kalbu yang salim atau sejahtera adalah kalbu yang perlu dimiliki oleh setiap insan. Manakala hati yang sakit dan keras perlu dirawat dan dilembutkan untuk menerima cahaya dan kembali menjadi sihat. Lantaran itu, hati serta dorongan-dorongan pancaindera dari jasad seperti mata dan telinga serta penasihat-penasihat utama seperti akal dan nafsu perlu diisi dan berada dalam pengaruh kebaikan. Jika tidak, hati boleh berada dalam keadaan tidak baik dan tidak sihat, atau mungkin sakit dan keras. Apabila hati yang disifatkan sebagai raja sihat, maka seseorang itu menjadi sejahtera. Jika hati seseorang insan itu sakit, maka rosaklah keinsannnya. Dalam hal ini, Rasulullah SAW mengisyaratkan hati sebagai neraca hidup seseorang insan. Sabda baginda bermaksud:

“Ingatlah pada jasad anak Adam itu ada seketul darah. Jika elok ia, maka eloklah jasad seluruhnya. Jika rosak ia, maka rosaklah jasad seluruhnya. Ingatlah ia adalah kalbu, yakni hati.”²¹⁸

²¹² Surah al-A'raf, 101

²¹³ Surah al-Taubah, 9: 87; al-A'raf, 7: 179 ; al-Nahl, 16: 108, al-Anbiya', 21: 3; al-Munafiqun, 63: 3

²¹⁴ Surah al-Taubah, 9: 93; al-Rum, 30: 59.

²¹⁵ Surah Ynus, 10:74.

²¹⁶ SurahĀli 'Imrān, 3:151, al-Anfal, 8: 12,

²¹⁷ Surah al-Maidah, 5:41, al-Hujurat, 49: 11

²¹⁸ Al-Bukhari, *Sahih*, Kitab Iman, hadis no. 52

Hadis di atas antara lain menggambarkan hubungkait yang erat antara hati dan perlakuan diri. Hati ibarat cermin serta sebagai suatu tempat pantulan yang mencerminkan kualiti seseorang.²¹⁹ Jika bersih cermin hati akan menjadikan seseorang itu insan terbaik. Sebaliknya jika kotor, akan mendorong pemiliknya bertingkah laku buruk. Jelasnya, tingkah laku baik atau buruk pula menggambarkan kualiti hati seseorang itu sama ada bersih atau kotor. Lantaran itu, hati perlu dibersihkan dari sifat tercela dan dihiasi dengan sifat terpuji. Ini adalah kerana Allah mengetahui keadaan hati seseorang insan, dari hatilah timbulnya niat yang menjadi tempat penilaian Allah tentang kualiti seseorang sama ada beriman atau munafik. Hati jugalah tempat sampainya hidayah Allah atau was-was syaitan.²²⁰ Hati yang kotor mudah digoda syaitan dan mendorong tuannya kepada keburukan, manakala hati yang sejahtera mendorong tuannya ke arah kebaikan dan selamat dari godaan syaitan selamanya.²²¹

Oleh itu, untuk mendapat kalbu yang sejahtera atau salim, pengisian dengan segala bentuk kebaikan amat diperlukan. Prosesnya perlu berjalan secara berterusan. Manakala sebarang bentuk keburukan seperti syirik dan mengerjakan sesuatu menurut nafsu syahwat dan bertentangan dengan ajaran syariat dan akal waras akan menyebabkan hati menjadi keras dan sakit serta perlu dihindari.

²¹⁹ Al-Ghazali, *Mutiara Ihya' Ulumuddin*, h. 212

²²⁰ Lihat Mandili, *Penawar Bagi Hati*, h. 21-22

²²¹ Ibn Qayyim al-Jauziah, *Tib al-Qulub*, h. 42; Ahmad Farid, *Tazkiyatun Nafs*, h. 19; Beliau menyebut antara tanda hati berpenyakit berdasarkan penerangan al-Quran seperti sukar menerima sesuatu ciptaan Allah, tidak sakit dengan luka maksiat, angkuh dengan kebodohan, kekal dengan makanan hati yang beracun dan rindu dan senang dengan kemewahan dunia. Manakala tanda hati yang sejahtera ialah banyak berzikir kepada Allah, pasrah kepada-Nya, berpenat lelah tanpa jemu mentaati Allah, rindu kepada-Nya, memanfaatkan seluruh masa mengerjakan suruhan Allah, melebihi masa orang yang sayangkan harta dunia, meras rugi bila luput perkara ketaatan dan menjadikan tujuan hidupnya hanya keran-Nya sahaja. Lihat Ahmad Farid, *Tazkiyatun Nafs*, h. 25-33

3. Proses melaksanakan jihad

Konsep pembangunan modal insan tidak lengkap jika tidak mengambil kira proses melaksanakan jihad. Jihad secara literal bermaksud berusaha bersungguh-sungguh mengerahkan seluruh potensi diri.²²² Dalam konteks ini, jihad merujuk kepada segala bentuk usaha yang dilakukan secara maksimum untuk penerapan ajaran Islam serta membanteras segala bentuk kejahatan atau kezaliman terhadap diri sendiri mahupun komuniti.²²³ Al-Quran mewajibkan manusia agar sentiasa melaksanakan jihad sama ada secara individu atau kolektif.²²⁴ Matlamatnya adalah untuk memperbaiki pembangunan diri, mempertahankan kehormatan diri, harta atau negara, membanteras kezaliman, menghilangkan fitnah, membantu orang-orang yang lemah dan menegakkan keadilan dan kebenaran.²²⁵

Proses jihad untuk membangunkan diri serta masyarakat boleh dicapai menerusi dua cara iaitu menyeru makruf dan menegah mungkar.

a. Menyeru makruf

Makruf bererti kebaikan atau segala perbuatan manusia yang dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT.²²⁶ Ia merupakan himpunan segala bentuk kebaikan yang

²²² *Ensiklopedia Islam*, Entri Jihad, h. 316. Mudah-mudahan, jihad mengandungi makna umum, iaitu usaha bersungguh-sungguh, dan makna khusus iaitu memerangi musuh Islam seperti orang kafir. Ulama Fiqh membahagikan jihad kepada 3 iaitu a) Jihad memerangi musuh Islam (b) Jihad melawan syaitan (c) Jihad terhadap diri sendiri. Manakala Ibn Qayyim membahagikan jihad secara mutlak, iaitu melawan musuh di medan perang; secara hujjah, iaitu berargumentasi dengan ilmu terhadap orang bukan Islam; dan secara am, yakni jihad mencakupi segala bidang hidup terhadap diri sendiri dan orang lain dari sudut rohani dan jasmani dengan harta, jiwa, tenaga, masa dan ilmu. Lihat *Ensiklopedia Islam*, h. 2: 316 – 318.

²²³ *Ensiklopedia Islam*, h. 2: 316.

²²⁴ Fardu ain seperti menuntut ilmu dan berdakwah, atau secara kolektif seperti berjuang pada jalan Allah melawan musuh di medan perang. Lihat surah al-Nisa', 4: 77 dan al-Tawbah, 9: 122

²²⁵ *Ensiklopedia Islam*, h. 2: 317; Juga surah al-Baqarah, 2: 190-193; al-Nisa', 4: 75, dan al-Taubah, 9: 13-15.

²²⁶ *Ensiklopedia Islam*, Entri Makruf dan Mungkar, h. 3: 131

diarifi oleh akal waras manusia dan selaras dengan kehendak semula jadi manusia serta diperlukan dalam kehidupan. Misalnya, bercakap benar dan menjaga kebersihan adalah makruf dan kebaikannya selaras dengan fitrah manusia, oleh sebab itu kewujudannya dituntut. Dalam hal ini, al-Quran menyarankan sebagai: “Kamu (Wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat makruf dan melarang daripada segala perkara mungkar (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).”²²⁷ Ayat ini secara jelas meletakkan manusia sebagai umat terbaik. Begitupun, keistimewaan ini diterjemahkan sebagai kewajipan kepada manusia agar sentiasa menyeru kepada makruf untuk kekal sebagai umat terbaik.²²⁸ Hakikat ini juga ditemui dalam ayat yang lain, apabila Allah menyarankan agar mesti ada sekelompok manusia yang beriman itu bertugas menyeru kepada makruf dan menegah manusia lain dari melakukan keburukan. Itulah golongan manusia yang beruntung, yakni yang terbina keinsanannya.²²⁹

b. Menegah mungkar

Mungkar ialah lawan makruf, merujuk kepada perkara-perkara keji serta segala perbuatan yang boleh menjauhi manusia dari Allah SWT.²³⁰ Maksudnya himpunan segala bentuk keburukan yang diingkari oleh akal waras manusia untuk dipraktikkan dalam kehidupan. Lantaran itu, kewujudannya tidak diperlukan oleh insan dan perlu ditegah dari bermaharaja lela semaksimum mungkin. Misalnya, berbohong merupakan satu sifat yang tidak disukai oleh

²²⁷ Surah Āli ‘Imrān, 3: 110

²²⁸ Al-Rāzī, *Tafsīr al-Kabīr*, h. 4: 193

²²⁹ Lihat surah Āli ‘Imrān, 3: 104

²³⁰ *Ensiklopedia Islam*, Entri Makruf dan Mungkar, h. 3: 131

ramai orang, juteru ia dikira sebagai mungkar. Insan yang terbangun perlu sentiasa berusaha untuk menegah sebarang bentuk budaya mungkar. Berpandukan saranan maksud nas al-Quran di atas, Syeikh Muhammad Basmih menyatakan bahawa manusia sentiasa dalam keadaan terbaik jika memenuhi tiga syarat utama iaitu, beriman kepada Allah dengan sebenar, menyeru makruf dan menegah mungkar.²³¹

Tugas menyeru kepada makruf dan melakukannya serta tugas menegah mungkar dan meninggalkannya perlu berlaku secara seimbang. Ertinya, tidak boleh dilakukan seruan makruf sahaja dan meninggalkan tegahan mungkar serta sebaliknya. Perkara mungkar amat perlu ditegah secara bersungguh-sungguh kerana menjadi perosak pembinaan insan. Kesungguhan ini tercerna dari amanah yang dipertanggungjawabkan oleh Baginda Rasulullah SAW dalam sebuah hadis riwayat Muslim yang bermaksud: “Sesiapa yang melihat perkara mungkar, maka hendaklah ia mengubah dengan tangan. Jika tidak berupaya, hendaklah ia mengubah dengan lidah. Jika tidak juga berupaya hendaklah ia (benci) dengan hati, di mana ia merupakan selemah-lemah iman.”²³² Dengan saranan hadis di atas bermakna, menegah mungkar merupakan pra syarat kepada orang yang beriman kepada Allah serta juga indikator kepada pembinaan modal insan yang sebenar.

Ringkasnya, tugas menyeru makruf dan menegah mungkar tidak lain dari usaha menegakkan moral dan mengangkat martabat insan dalam masyarakat. Lantaran itu, prosesnya perlu berlaku secara efektif dengan metode yang sesuai iaitu menggunakan tangan atau kuasa, melalui lisan atau media dan membenci dengan hati. Proses menyeru

²³¹ Lihat Syeikh Abdullah Muhammad Basmih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, h. 120

²³² Muslim, *Ṣaḥīḥ*, Bab Menegah mungkar sebahagian dari iman, hadis no. 78

makruf dan menegah mungkar ini juga perlu melibatkan semua peringkat seperti penguasa, ilmuan dan orang awam.²³³

Tegasnya, segala aktiviti atau usaha yang dilakukan dalam konteks organisasi atau komuniti, sama ada secara langsung atau tidak langsung untuk membangunkan manusia merupakan proses berterusan dalam rangka konsep pembangunan modal insan sebagai proses. Dalam konteks dakwah anbiya, proses tersebut boleh direalisasikan menerusi pelbagai bentuk dan metode seperti motivasi, melaksanakan amal soleh dan penilaian.²³⁴

3.4.2. Pembangunan Modal Insan sebagai Keadaan

Keadaan bermaksud situasi fizikal atau kondisi lain seseorang atau sesuatu yang boleh digambarkan dengan ciri-ciri tertentu.²³⁵ Dalam konteks pembangunan modal insan, ia boleh difahami sebagai keadaan atau hal ehwal manusia yang terbangun dan berada pada tahap yang mahir, cekat, tinggi, sempurna dan terbaik serta menepati kehendak atau matlamat program yang dilaksanakan.²³⁶ Dalam konteks organisasi, ia merujuk kepada keadaan pekerja yang telah mencapai tahap kecekatan atau kemahiran tertentu ekoran atau kesan daripada selesainya proses program pembangunan, latihan atau pendidikan serta menepati matlamat yang ditetapkan dalam perancangan aktiviti

²³³ *Ensiklopedia Islam*, ibid, h. 3: 132

²³⁴ Perbincangan lanjut akan dibincangkan dalam bab 4, Metode Pembangunan Model Insan

²³⁵ Misalnya keadaan pesakit beransur baik setelah makan ubat. Lihat *Cambridge Dictionary*, entri *condition*, di <http://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/condition>

²³⁶ Konsep keadaan sebenarnya digunakan oleh ramai sarjana ketika memberikan takrif sesuatu yang menggambarkan pembangunan. Misalnya, S.M.N al-Attas memberikan definisi tamadun sebagai: Keadaan kehidupan insan yang bermasyarakat yang mencapai taraf susila dan kebudayaan yang luhur bagi seluruh masyarakat. Lihat SMN al-Attas, *Islam dan Sekularisme*, h.65. Wan Mohd Nor Wan Daud memberikan takrif budaya ilmu sebagai kewujudan suatu keadaan masyarakat melibatkan diri dalam aktiviti ilmu secara langsung atau tidak. Begitu juga dengan Imam al-Ghazali dan gurunya Ibn Miskawaih mentakrifkan akhlak dengan: Keadaan kejiwaan yang mendorong lahir tingkah laku dengan senang dan mudah. Lihat Ibn Misakawaih (2001), *Tahdhīb al-Akhlāq wa Tathīr al-A'rāq*, Ttp: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyah, h. 39

pembangunan organisasi.²³⁷ Sebagai contoh, setelah tamat kursus hafazan al-Quran selama setahun, seorang imam telah mencapai tahap kemahiran tajwid dan berupaya menghafaz 30 juz al-Quran. Ataupun, seorang jurujual yang telah tamat kursus pemasaran berjaya mencapai peningkatan jualan sebanyak seratus peratus daripada sebelumnya.²³⁸ Keupayaan imam tersebut menghafal seluruh al-Quran dengan baik atau kebolehan jurujual memaksimumkan jualan itulah yang dimaksudkan dengan konsep pembangunan modal insan sebagai keadaan. Yakni, keadaan modal insan yang terbangun atau mencapai tahap pembangunan yang ditetapkan.

Pembangunan modal insan dengan konsep keadaan ini juga boleh difahami sebagai hasil akhir dari pelaksanaan sesuatu program atau dinamakan sebagai 'end product' yang telah ditentukan dalam perancangan.²³⁹ Dalam hal ini, kisah pemilihan Adam sebagai khalifah boleh dijadikan contoh pembangunan modal yang mewakili aspek proses dan keadaan. Pengajaran tentang nama benda kepada Baginda merupakan proses kepada program pembangunan atau latihan.²⁴⁰ Manakala keupayaan Adam menjawab pertanyaan Allah dengan menjelaskan semua nama dianggap sebagai kemahiran Baginda selepas tamat pembelajaran tersebut.²⁴¹ Keadaan nabi Adam yang berilmu dikira sebagai hasil akhir program pembelajaran yang melayakkan Baginda dilantik sebagai khalifah.²⁴²

²³⁷ Lihat Ibrahim Mamat (2001), *Reka Bentuk dan Pengurusan Latihan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 25 – 31

²³⁸ Dalam konteks organisasi, dikatakan pekerja hanya mampu mengekalkan kemahiran sebanyak 20% sahaja selepas tamat sesuatu program latihan. Lihat Ibrahim Mamat, *ibid.*

²³⁹ Misalnya, objektif program masakan ditetapkan: Setelah tamat kursus ini, peserta mahir memasak makanan Jepun dengan sempurna. Keupayaan peserta memasak masakan itulah maksud yang menggambarkan keadaan modal insan yang terbangun serta menepati matlamat yang ditetapkan.

²⁴⁰ Surah al-Baqarah, 2: 30-31. Kata al-Dāḥāk daripada Ibn Abbas, dengan pengajaran ini maka semua manusia berupaya mengetahui semua perkara. Lihat al-Ṣabūnī, *Mukhtaṣar Ibn Kathīr*, h. 1: 51

²⁴¹ Kata al-Dāḥāk daripada Ibn Abbas, dengan pengajaran ini maka manusia berupaya mengetahui semua perkara. Lalu keadaan Adam yang berilmu menyebabkan Baginda berupaya menjelaskan nama-nama benda berbanding malaikat yang tidak dapat. Lihat al-Ṣabūnī, *Mukhtaṣar Ibn Kathīr*, h. 1: 51-52

²⁴² Surah al-Baqarah, 2: 20-32. Jika dikisahkan kepada pembinaan rumah secara fizikal, maka proses pelaksanaan pembinaan rumah itu sebagai proses, dan keadaan rumah yang wujud tersergam sebagai hasil akhir.

Gambaran kepada keadaan modal insan yang terbangun hasil dari proses sesuatu program pembangunan boleh dicirikan dalam bentuk fizikal seperti kemahiran memasak makanan, atau ketinggian intelektual serta budi pekerti seperti keikhlasan dan lain-lain sifat.²⁴³ Tegasnya, konsep ini juga merujuk kepada seseorang yang mencapai satu tahap terbangun atau keadaan mempunyai ketinggian ilmu atau kemahiran dalam bidang tertentu yang diistilahkan sebagai mempunyai kepakaran atau ‘al-ahliyah.’²⁴⁴ Ahliyah bermaksud kebolehan, kecekatan dan kelayakan seseorang untuk seseorang melakukan sesuatu tugas dengan sempurna.²⁴⁵ Mencapai taraf ‘keahlian’ bermaksud seseorang itu seseolah mencapai taraf ‘insan sempurna,’ atau sekurang-kurangnya sampai kepada keadaan seseorang yang mempunyai kepakaran dan kematangan intelektual, ketahanan mental serta kebolehan untuk bertugas dan menyumbang secara berterusan dengan berkesan untuk peningkatan prestasi organisasi atau kehidupan yang lebih baik.²⁴⁶

Perlu juga diingati bahawa hasil dari proses membangunkan manusia merupakan suatu usaha untuk meletakkan manusia mencapai satu tahap bertaraf ahli atau pakar. Yakni satu taraf atau keadaan terbaik yang menepati fitrah semula jadi insan yang diciptakan oleh Allah sebagai makhluk yang mulia. Dalam konteks ini, firman Allah bermaksud: “Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya).”²⁴⁷ Ayat ini secara jelas menerangkan bahawa manusia dicipta oleh Allah dalam keadaan terbaik serta Dia menjadikan sesuatu kepada manusia sempurna bersesuaian dengan keadaannya.²⁴⁸ Jadi,

²⁴³ Misalnya peristiwa pengorbanan dua orang anak Adam seperti Habil yang ikhlas dan Qabil yang dengki. Perbincangan detail ciri atau keadaan modal insan yang terbangun serta tidak terbangun dilakukan dalam bab 5.

²⁴⁴ Abdulrezak A. Hashi dan Bashiir Abd Samad, “Human Capital from Islamic Perspective,” h. 2

²⁴⁵ Hans Wehr, (1974), *A Dictionary of Modern Written Arabic- Arabic-English*, London: Macdonald & Evans LTD, h. 33

²⁴⁶ Abdulrezak A. Hashi and Bashiir Abd Samad, h. 3

²⁴⁷ Surah al-Tīn, 5: 4

²⁴⁸ Syeikh Abdullah Muhammad Basmih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, h. 1408. Menurut Ibn Kathir, kesempurnaan manusia lantaran memiliki empat perkara. Pertama, manusia (Adam) dicipta secara langsung oleh Allah dengan tangan-Nya. Kedua, manusia diberikan roh yang berasal dari roh-Nya.

modal insan terbangun adalah manusia yang menjalani kehidupan bersesuaian dengan taraf kemuliaan dan kesempurnaannya seperti mentaati perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya.²⁴⁹

Oleh kerana manusia dicipta oleh Allah, maka kepatuhan manusia terhadap syariat Allah merupakan suatu keadaan yang menunjukkan bahawa insan berada dalam keadaan terbangun.²⁵⁰ Keadaan insan yang terbangun ini dicirikan oleh keyakinan, kepatuhan dan penerimaan terhadap perintah Allah, yang diistilahkan sebagai beriman.²⁵¹ Maksudnya, modal insan yang terbangun ialah manusia yang beriman dengan Allah dan merealisasikan keimanan tersebut dalam kehidupan dengan penuh rasa syukur seperti melakukan suruhan Allah dan meninggalkan larangan-Nya serta berjihad untuk syariat-Nya dengan jiwa serta harta. Keadaan ini dirakamkan juga oleh al-Quran dengan ungkapan:

“Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.

(Surah al-Isra', 17: 70)

Ayat di atas menggambarkan keadaan pembangunan insan ciptaan Allah dengan kurniaan pelbagai nikmat seperti mendapat rezeki yang terbaik. Kerana itu, menjadi tanggungjawab modal insan yang terbangun keadaannya untuk beriman dan bersyukur serta melaksanakan perintah dan menjauhi tegahan Allah. Lebih dari itu, fenomena insan terbangun dicirikan dengan usaha berterusan untuk menyuruh manusia lain

Ketiga, manusia diberikan pengajaran nama-nama seluruh benda. Keempat, perintah Allah agar para Malaikat bersujud sebagai tanda kemuliaan manusia. Ibn Kathir, *Kisah Para Nabi*, h. 9; Lihat surah al-Hijr, 15: 29; al-Baqarah, 2: 32

²⁴⁹ Keadaan usahawan yang terbangun misalnya digambarkan oleh nabi Daud dan Sulaiman sebagai hamba Allah yang bersyukur. Lihat surah surah Saba', 34: 10-11

²⁵⁰ Wishnu Arya Wardhana (2009), *Al-Quran dan Energi Nuklir*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, h. 27

²⁵¹ Dalam hal ini, firman-Nya: “insan yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah, mereka itulah orang-orang yang benar.” Surah al-Hujurat, 4: 15

melakukan kebaikan serta meninggalkan larangan Allah. Firman-Nya bermaksud: “Kamu (Wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).”²⁵² Ertinya, modal insan terbangun sebagai insan terbaik yang menjadi satu kelebihan yang tidak boleh dipersia atau dihapuskan bahkan perlu mematuhi segala apa yang dipertanggungjawabkan.²⁵³ Iaitu insan yang dicirikan dengan keimanan kepada Allah, mengajak kepada kebaikan dan kebenaran, menegah dari keburukan dan kejahatan serta bermanfaat untuk manusia lain dengan bersegera melakukan kebaikan.²⁵⁴ Mengapa kebaikan perlu dianjurkan kerana makruf itu sesuatu yang diarifi akal sebagai baik dan insan menyukainya. Manakala keburukan itu perlu ditegah lantaran mugkar itu sesuatu yang diingkari akal sebagai tidak baik serta tidak diperlukan dalam kehidupan. Keadaan inilah menyebabkan manusia yang beriman, menyeru makruf dan menegah mungkar sebagai suatu tugas rasmi yang wajib dilakukan serta diiktiraf sebagai umat terbaik dan berjaya,²⁵⁵ serta juga sebagai ‘ummatan wasata’ untuk menjadi pengimbang atau contoh kepada seluruh manusia.²⁵⁶

Keadaan insan yang mempunyai ciri di atas merupakan modal insan yang terbangun dan mulia. Iaitu manusia yang bukan sahaja elok ciptaan rupa paras dan susun atur anggotanya, tetapi juga berfungsi menurut tujuan penciptaannya itu dengan sempurna. Proses melaksanakan fungsi tersebut dengan kekal berkeadaan demikian diistilahkan sebagai ‘mengangkasakan modal insan.’²⁵⁷ Iaitu satu keadaan di mana manusia yang secara fitrah dan asal muassal ciptaannya tinggi, mulia dan terhormat

²⁵² Surah Āli ‘Imrān, 3: 110

²⁵³ Wishnu Arya Wardhana, *Al-Quran dan Energi Nuklir*, h. 25. Imam al-Razi mengatakankan bahawa kelebihan dan keistimewaan umat Islam telah tercatat di Luh Mahfuz. Lihat *Tafsīr al-Kabūr*, h. 4: 193

²⁵⁴ Syeikh Abdullah Muhammad Basmih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, h. 120; Surah Āli ‘Imrān, 3: 114

²⁵⁵ Ibid, 3: 104

²⁵⁶ Surah al-Baqarah, 2: 143

²⁵⁷ Abdul Jalil Borham et al (2011), “Mengangkasa Modal Insan” dalam *Mengangkasa Modal Insan Isu dan Cabaran*, (Suntingan Abdul Jalil Borham et. al), Kuantan: Penerbit UMP, h. 3

kedudukan serta tujuan penciptaannya, apabila beriman, melakukan amar makruf dan mencegah mungkar serta bermanfaat untuk insan lain dalam konteks tugas rasmi ‘kemanusiaannya,’ menyebabkan seseorang itu menjadi sempurna.²⁵⁸ Kerana itu, proses dan impak pengangkasaan ini dirumuskan sebagai modal insan yang terbangun dan perkasa dari segi lahiriah dan batiniah serta kepentingan kewujudannya dapat dirasai, dihargai dan direnungi oleh semua pihak termasuk empunya diri serta masyarakat.²⁵⁹

Sebagai rumusan, konsep pembangunan modal insan dalam Islam menggunakan pendekatan secara holistik dan bersepadu. Tidak ada sama sekali pemisahan fokus modal insan untuk melaksanakan tugas selaku seorang staf dalam sesebuah organisasi dengan tugas asasi seorang insan selaku hamba dan khalifah-Nya di muka bumi. Sebaliknya, tugas hamba dan khalifah kepada Allah boleh berjalan serentak dengan tugas staf kepada organisasi. Ini bermakna, dengan tujuan asasi manusia dicipta adalah untuk berbakti kepada Allah menerusi ibadat khusus, maka pada masa yang sama tugas mereka dalam organisasi juga merupakan amal ibadat dalam bentuk umum, sekali gus mencakupi tugas selaku khalifah-Nya untuk memakmurkan muka bumi dalam konteks operasi sesebuah organisasi.²⁶⁰

Dengan konsep tersebut, pembangunan modal insan juga perlu difahami dalam konteks yang luas dan pelbagai. Pembangunan modal insan perlu digabungkan dengan melihat manusia dari sudut tenaga fizikal, spiritual, jiwa atau nafsu, hati atau kalbu, akal dan pemikiran serta umur seseorang. Konteks pembangunannya juga perlu menjangkau urusan kehidupan dunia dan persediaan kehidupan akhirat. Hakikat ini boleh difahami berdasarkan penerangan nas-nas al-Quran serta Sunnah Rasulullah SAW. Mengambil

²⁵⁸ Istilah mengangkaskan ini awalnya digunakan oleh Zaini Ujang untuk menggambarkan peranan intelektual untuk menjana modal insan holistik. Lihat Zaini Ujang (2009), *Mengangkasa Pengajian Tinggi*, Skudai: Penerbit UTM Press.

²⁵⁹ Abdul Jalil Borham et al, “Mengangkasa Modal Insan”, ibid

²⁶⁰ Apabila kerja menepati syarat ibadat seperti yang dibincangkan sebelum ini.

pengisian umur sebagai contoh, manusia perlu menepati usianya selaras dengan maksud firman Allah: “Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.”²⁶¹ Manakala penerangan daripada Rasulullah SAW pula bersabda dengan maksud: “Orang yang paling bijaksana ialah seseorang yang menginsafi dirinya dan melakukan persediaan untuk hidup selepas mati di akhirat.”²⁶² Lantaran itu: “Rebutlah masa petangmu jangan menunggu pagi, masa pagi sebelum petang, masa sihat sebelum sakit, dan masa hidup sebelum mati.” untuk beramal.²⁶³ Tegasnya, dalam konteks masa, manusia perlu sentiasa melakukan perkara yang mengarah ke arah pembangunan. Jika sebaliknya, Ibn Kathir menjelaskan bahawa manusia akan tergolong dalam lingkungan orang-orang yang rugi jika setiap saat umurnya tidak dihabiskan dengan perkara kebaikan.²⁶⁴ Tegasnya, kerugian adalah apabila masa tidak digunakan untuk persediaan akhirat,²⁶⁵ di mana waktu menjadi modal kebahagiaan.²⁶⁶

Nyata sekali bahawa pembangunan modal insan tidak boleh lari dari ruang lingkup hubungan manusia dengan Penciptanya. Manusia yang menepati tujuan dan fungsi kewujudannya di dunia ini dikatakan menepati konsep pembangunan. Iaitu, insan yang secara tetap melakukan pengabdian diri kepada Allah. Atau dengan kata lain merupakan modal insan yang sentiasa melakukan proses ‘sabiqun bil khayrat’, yakni bersegera atau berlumba-lumba melakukan kebaikan.²⁶⁷ Kemuncak kepada proses pembangunan modal insan atau pengabdian diri kepada Allah dengan melakukan ibadat

²⁶¹ Surah al-‘Asr, 103: 1-3

²⁶² Lihat Ahmad, *Musnad*, Bāb hadith Ṣadad bin Aus, hadis no. 16501; Ibn Mājah, *Sunan*, Bāb zikr al-mawt wa isti‘dad lahu, hadis no. 4250; al-Tirmizi, *Sunan*, Bab minh, hadis no. 2383

²⁶³ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ*, Bab Qawl al-Nabi s.a.w. Hadis no. 5937; al-Tirmizī, *Sunan*, Bāb mā jāa’ fi qasr al-aml, hadis no. 2255. Iaitu tamabahan dari Ibn Umar selepas Baginda bersabda: “Jadilah hiduipmu di dunia ini sebagai pedagang (gharib).”

²⁶⁴ Ibn Kathir, *Kisah Para Nabi*, h. 11

²⁶⁵ Ahmad Farid, *Tazkiyatun Nafs*, h. 32

²⁶⁶ Ibid, h. 107

²⁶⁷ Lihat misalnya, surah al-Baqarah, 2: 145; Āli ‘Imrān, 3: 114; Fāṭir, 35: 32

dan amal soleh, manusia diberi pengiktirafan oleh al-Quran sendiri dengan panggilan kemuliaan seperti Khairul Bariah,²⁶⁸ Muslihun, Mukminun,²⁶⁹ Muhsinun,²⁷⁰ Mukhlisun,²⁷¹ Muttaqqun,²⁷² Mutawakkalun,²⁷³ Mujahidun²⁷⁴ dan Muflihun.²⁷⁵ Manakala mereka yang gagal beriman dan tidak mengerjakan ibadat kepada Allah dikira manusia yang tidak terbangun kemanusiaan serta hilang makna diri sebagai hamba Allah. Jelas mereka ini gagal mengenal hakikat diri yang mulia, sebaliknya melakukan kezaliman terhadap dirinya sendiri.²⁷⁶ Mereka berada pada kedudukan ‘aspala sapilin,’ yang bertaraf paling rendah.²⁷⁷ Kerana itu, modal insan jenis ini tidak bermanfaat kepada diri sendiri dan orang lain, layak digelar sebagai Kafirun,²⁷⁸ Mufsidun,²⁷⁹ Munafiqun, Khasirun, Ghafilun dan ada kalanya seumpama atau lebih rendah dari al-an’am, yakni binatang ternak.²⁸⁰

3.5. Kisah Anbiya dan Pembangunan Modal Insan

Konsep pembangunan modal insan boleh dilihat aplikasinya terhadap kisah anbiya dalam al-Quran khususnya berkaitan keusahawanan. Kedua-dua konsep pembangunan modal insan, yakni proses dan keadaan, terserlah dalam kisah anbiya. Anbiya yang berdakwah untuk membangunkan kaum mereka boleh diterjemahkan sebagai suatu proses pembangunan. Manakala impak atau hasil dari proses tersebut menggambarkan keadaan modal insan yang telah mencapai tahap pembangunan. Keadaan ini

²⁶⁸ Misalnya surah al-Bayyinah, 98: 8

²⁶⁹ Misalnya surah al-Mu’minun, 23: 1

²⁷⁰ Misalnya surah Luqman, 31: 22

²⁷¹ Misalnya surah al-Bayyinah, 98: 5

²⁷² Misalnya surah al-Baqarah, 2: 2

²⁷³ Misalnya surah al-Anfal, 8: 2-4

²⁷⁴ Misalnya surah al-Nisa’, 4: 95

²⁷⁵ Misalnya surah al-Baqarah, 2: 5

²⁷⁶ Roslan Jelani (2008), “Hakikat Insan”, siaran Radio IKIM pada Khamis, 14hb Feb., 2008 jam 12.30 tengahari.

²⁷⁷ Surah al-Tin, 96: 5

²⁷⁸ Misalnya surah al-Baqarah, 2: 18

²⁷⁹ Misalnya surah al-Baqarah, 2: 12

²⁸⁰ Misalnya surah al-A’raf, 7: 179

bagaimanapun hanya boleh dilihat menerusi ciri-ciri atau sifat-sifat yang menggambarkan kualiti diri seseorang.

Contoh aplikasi kepada konsep pembangunan modal insan di atas hanya ditumpukan kepada konteks individu, keluarga dan komuniti atau organisasi. Begitupun, contoh kes yang dipaparkan ada perkaitan dengan hal ehwal keusahawanan. Manakala aplikasi proses dan keadaan dibincangkan dalam bab empat dan lima selepas ini.

3.5.1. Konteks Pembangunan Individu

Tumpuan pertama dan utama proses pembangunan modal insan sudah tentu kepada individu. Meskipun objektif program pembangunan modal insan adalah untuk peningkatan kualiti pekerja secara individu, namun matlamat jangka panjangnya adalah untuk keuntungan organisasi. Maksudnya, tiada pemisahan ketara antara pembangunan individu dan organisasi atau masyarakat. Ringkasnya, dengan meningkat kualiti atau prestasi individu atau staf, akan menyumbang pula kepada peningkatan prestasi organisasi atau umat dan negara secara keseluruhan. Individu dengan segala aset insan juga yang menjalankan aktiviti keusahawanan serta lain-lain urusan hidup.

Dalam konteks yang lebih luas, anjuran Islam agar seseorang individu bekerja sebagai wajib bertujuan untuk kebaikan diri individu itu sendiri. Pekerjaan menjadi sumber pendapatan dan sumber nilai. Namun dalam masa yang sama manfaatnya untuk pembangunan keluarga serta masyarakat secara bersama. Umpamanya, anjuran yang dibuat oleh Nabi Muhammad SAW untuk berusaha mencari rezeki dengan pergi ke hutan membawa tali dan pulang membawa seberkas kayu api untuk dijual, merupakan

contoh penekanan terhadap individu.²⁸¹ Iaitu individu tersebut mendapat hasil jualan sebagai rezeki dan dalam masa yang sama dia menyediakan keperluan kayu api untuk kegunaan masyarakat.

Sampel pembangunan modal insan pada tahap individu boleh dilihat dari beberapa kisah dalam kehidupan para anbiya. Terdapat contoh rujukan ayat al-Quran berkaitan dengan proses pembaikan diri individu dalam proses dakwah mereka. Ada kalanya fokus individu tersebut tidak lain dari diri para anbiya itu sendiri, khususnya nabi Muhammad SAW. Misalnya perintah Allah agar baginda memperteguhkan jiwa dan rohani menerusi solat malam.²⁸² Perlu diingat, atas sifat anbiya sebagai model ikutan terbaik, perintah Allah yang bersifat individu terpakai kepada umum juga. Namun, dalam kes tertentu seperti niat, tanggungjawab terhadap dosa, pelaksanaan ibadat seperti solat, puasa, zakat, haji, berkahwin, bersuci, makan dan seumpamanya bersifat individu tanpa boleh dikongsi oleh orang lain.

Berhubung dengan Nabi Muhammad SAW sebagai contoh, Allah SWT menjelaskan bahawa individu yang mencapai taraf pembangunan modal insan adalah orang yang menjalankan urusanniaga dengan cara baik. Hakikat kepentingan berurusanniaga dengan cara yang baik akan mendapat laba berganda. Firman Allah bermaksud:

“Siapakah orangnya yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (yang ikhlas) supaya Allah melipatgandakan balasannya dengan berganda-ganda banyaknya? Dan (ingatlah), Allah jualah yang menyempit dan yang meluaskan (pemberian rezeki) dan kepada-Nyalah kamu semua dikembalikan.”

(Surah al-Baqarah, 2: 245)

²⁸¹ Hadis daripada Abu Hurairah r.a. riwayat Ahmad, *Musnad*, hadis no. 8771; Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ*, daripada Zubair bin Awwam, Bab al-Istai'faf an al-mas'alah, hadis no. 1378

²⁸² Lihat surah al-Muzzammil, 73: 1-7. Meskipun perintah bersifat khusus individu kepada Nabi, tetapi implikasi perintah bersifat umum.

Berhubung ayat di atas, Imam al-Nasafi menjelaskan bahawa mana-mana orang membelanjakan hartanya pada jalan Allah seseolah memutuskan haknya dengan memberikan kepada Allah sebagai pinjaman. Jelas sekali orang yang memberikan pinjaman yang baik itu adalah contoh orang yang baik jiwanya lantaran sanggup menafkahkan harta untuk berjihad. Maka, orang itu bakal mendapat balasan keuntungan berganda daripada Allah.²⁸³ Hakikat ini diakui oleh Rasulullah S.A.W, seperti rakaman Ali al-Sabuni ketika memetik pandangan Abdullah bin Mas'ud mengenai pertanyaan Abu al-Dahahah al-Ansari terhadap Baginda tentang ayat di atas, iaitu apakah Allah menghendaki agar membelanjakan harta pada jalan-Nya?²⁸⁴ Balasan orang yang ikhlas membelanjakan harta pada jalan Allah ialah mendapat keuntungan berganda. Seolah-olah orang itu menanam “sebiji benih yang tumbuh dan menerbitkan tujuh tangkai, di mana setiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji” yang berganda.²⁸⁵

Ringkasnya, ayat di atas antara lain mengisyaratkan bahawa urusan seseorang itu perlulah berpandukan syariat Allah dan dilakukan dengan penuh keikhlasan. Ganjarannya pula ialah balasan daripada Allah secara berganda iaitu keuntungan dunia dan pahala di akhirat. Itulah contoh modal insan yang telah membangun.

Mengukuhkan kenyataan di atas, Baginda nabi Muhammad SAW mengisyaratkan pekerjaan berniaga dan berusaha sebagai cara untuk membangunkan diri. Misalnya, Baginda menerangkan bahawa berusaha mencari rezeki yang halal itu merupakan suatu kewajipan.²⁸⁶ Tiada makanan yang paling baik untuk dimakan oleh

²⁸³ Ada pandangan mengatakan gandaan itu dalam nisbah 1: 700. Lihat Abdullah bin Ahmad bin Mahmud Al-Nasafi, *Tafsir al-Nasafi*, h. 127.

²⁸⁴ Lihat Al-Ṣabūnī, *Mukhtaṣar Tafsir Ibn Kathīr*, h. 1: 222.

²⁸⁵ Surah al-Baqarah, 2: 261. Perbandingan orang yang membelanjakan harta tidak ikhlas untuk tujuan riyā' pula dikira tidak beriman dengan Allah dan hari akhirat merupakan contoh modal insan tidak terbangun. Lihat surah al-Nisa', 4: 37

²⁸⁶ Hadis riwayat al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, Bab 3, hadis no. 9851, daripada Abdullah, bahawa Nabi SAW bersabda: “Mencari rezeki yang halal adalah wajib selepas kefarduan yang wajib.” Imam al-

seseorang melainkan hasil dari usahanya sendiri.²⁸⁷ Ini adalah kerana sebarang aktiviti keusahawanan, misalnya menerusi bidang pertanian, jika pun tidak sempat dijual hasilnya, tetap akan menyumbang manfaat kepada umum apabila dimakan oleh binatang atau orang, atau setidak-tidak kepada pengusaha itu sendiri mendapat pahala sedekah.²⁸⁸ Cara perusahaan yang dijalankan itu haruslah dilakukan dengan penuh dedikasi dan elok kerana amat disukai oleh Allah.²⁸⁹ Selain itu, apabila seseorang itu berusaha atau berniaga, hendaklah dengan penuh amanah. Ini adalah kerana sifat amanah membawa rezeki, manakala sifat khianat membawa kepada fakir. Lantaran itu, Baginda mengesyurkan agar perniagaan diuruskan dengan baik. Hal ini kerana Allah merahmati seseorang hamba yang melakukan transaksi jual beli secara baik.²⁹⁰

Allah sebaliknya tidak suka kepada orang yang melakukan aktiviti keusahawanan dengan cara yang tidak baik seperti menipu dalam transaksi perniagaan. Satu peristiwa di mana Baginda Nabi SAW masuk ke pasar dan memasukkan tangannya ke dalam timbunan buahan yang dijual oleh seorang pedagang. Apabila mendapati tangannya basah, Baginda bertanya: “Apakah ini wahai peniaga? Dia menjawab, ‘buah busuk di timpa hujan. Aku letak yang elok di atas dan yang busuk di bawah untuk menarik pelanggan.’ Baginda menegaskan: “Bukan dari golongan kami orang yang

Ghazali menjelaskan tentang kewajipan setiap individu mencari usaha kehidupan yang halal. Lihat *al-Arba'īn fi Usūl al-Dīn*, h. 69-79

²⁸⁷ Ahmad, *Musnad*, Bab hadis al-Miqdam bin Ma'di, hadis no. 16552, 16560, 22904, 23809; al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ*, Bab kasb al-rajūl wa 'amalihi biyadihi, hadis no. 1930, berbunyi: “Seseungguhnya sebaik-baik apa yang dimakan oleh seseorang ialah hasil dari usaha tangannya sendiri. Sesungguhnya nabi Allah Daud a.s. makan hasil dari usahanya sendiri.” Lafaz hampir sama diriwayatkan oleh al-Ṭabranī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, Bab 5, hadis no. 17021

²⁸⁸ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ*, Bab fadl al-zar' wa al-ghars, hadis no. 2152 bermaksud: “Tiada seseorang yang bercucuk tanam lalu buahnya dimakan oleh burung, atau manusia lain, melainkan ia mendapat pahala sedekah.” ; Ahmad, *Musnad*, Bab musnad Anas bin Malik, hadis no. 12038, 12910, 13064, 13065, 26095, 26234. Begitu juga dengan Ibn Mājah, *Sunan*, hadis no. 3797; al-Tirmīzī, *Sunan*, hadis no. 1303

²⁸⁹ Al-Dailāmī, *Sunan*, Bab fi al-rifq, hadis no. 2850, bermaksud: “Sesungguhnya Allah Taala suka melihat berlaku keelokan dalam setiap urusan.”

²⁹⁰ Al-Tirmīzī, *Sunan*, Bab ma ja'a fi istiqrāḍ al-ba'ir, hadis no. 1240, bermaksud: Allah menyukai urusan pembelian, jualan dan bayaran hutang yang baik.”

menipu kami.”²⁹¹ Hadis ini menerangkan tentang projeksi imej barangan yang tidak elok ditegah oleh Baginda bersamaan dengan perbuatan menipu. Maksudnya, peniaga boleh melakukan pameran atau projeksi imej barangan untuk menarik pelanggan, tetapi mesti benar. Dalam konteks ini, dimensi perniagaan moden yang menggunakan medium pengiklanan untuk menarik pelanggan mestilah secara tepat dan sopan, bukan berbohong dan kosong. Sebaliknya, Baginda menyarankan transaksi perniagaan hendaklah dengan amanah, bukan dilakukan secara khianat seperti pertindihan dalam sesuatu akad atau kontrak.²⁹² Ini kerana transaksi sedemikian hanya menggambarkan kerendahan insan.

Jelas sekali urusan niaga yang baik menggambarkan sifat jiwa seseorang itu yang terbangun, manakala urusan niaga yang tidak baik menggambarkan keadaan kejiwaan seseorang yang rendah. Hakikat ini ditunjukkan oleh al-Quran sebagai untung orang yang sucikan jiwanya dengan amal kebaikan dan rugilah orang yang kotorkan jiwa dengan perkara buruk. Firman-Nya bermaksud: “Sesungguhnya berjajalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan). Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).”²⁹³ Ayat ini jelasnya menyarankan pembangunan modal insan dalam aspek kejiwaan seseorang.

Maksud ayat tersebut seseolah terpancar menerusi suatu kisah. Dalam kisah nabi Yusuf al-Quran menggambarkan tentang kesucian jiwa dan keikhlasan sebagai

²⁹¹ Lihat al-Tirmīzī, *Sunan*, Bab ma ja’a fi kirahiyat al-ghishah fi al-buyu’, hadis no. 1236; Juga Ibn Majah, *Sunan*, Bab al-nahy an al-ghish, hadis no. 2216

²⁹² Rasulullah bersabda: “Tunaikanlah amanah kepada orang yang beramanah, sebaliknya janganlah berkhianat kepada orang yang mengkhianati engkau.” Al-Daruqutni meriwayatkan daripada Ubai bin Ka’ab dalam *Sunan*, hadis no. 2975. al-Tirmīzī, *Sunan*, hadis no. 1310 ; Ibn Mājah, *Sunan*, hadis no. 2171 dan 2172, bermaksud: “Rasulullah menegah melakukan transaksi jualan ke atas jualan orang lain.”

²⁹³ Surah al-Syams, 91: 9-10

gambaran insan yang terbangun sehingga Baginda sanggup tidak tunduk kepada godaan nafsu dan pujuk rayu seorang wanita.²⁹⁴ Gambaran kejayaan orang yang bersih jiwa dari nafsunya dengan sentiasa melihat keagongan (*burhān*) Allah menyebabkan Yusuf lebih rela memilih penjara dari tipu daya sebuah konspirasi percintaan.²⁹⁵

Dalam contoh yang lain, pembangunan modal insan dalam konteks individu menfokuskan pula kepada aspek akal seperti mana termaktub dalam kisah nabi Ibrahim. Baginda yang merenung fikir dengan memerhati fenomena alam akhirnya menemui kebenaran bahawa tiada tuhan melainkan Allah yang Maha Esa dan yang menciptakan alam. Firman Allah bermaksud:

“Demikianlah Kami perlihatkan kepada nabi Ibrahim kebesaran dan kekuasaan (Kami) di langit dan di bumi, dan supaya menjadilah ia dari orang-orang yang percaya dengan sepenuh-penuh yakin. Maka ketika ia berada pada waktu malam yang gelap, ia melihat sebuah bintang (bersinar-sinar), lalu ia berkata: "Inikah Tuhanku?" kemudian apabila bintang itu terbenam, ia berkata pula: "Aku tidak suka kepada yang terbenam hilang". Kemudian apabila dilihatnya bulan terbit (menyinarkan cahayanya), dia berkata: "Inikah Tuhanku?" maka setelah bulan itu terbenam, berkatalah dia: "Demi sesungguhnya, jika Aku tidak diberikan petunjuk oleh Tuhanku, nescaya menjadilah Aku dari kaum yang sesat". Kemudian apabila dia melihat matahari sedang terbit (menyinarkan cahayanya), berkatalah dia: "Inikah Tuhanku? ini lebih besar". Setelah matahari terbenam, dia berkata pula: `Wahai kaumku, sesungguhnya aku berlepas diri (bersih) dari apa yang kamu sekutukan (Allah dengannya). "Sesungguhnya aku hadapkan muka dan diriku kepada Allah yang menciptakan langit dan bumi, sedang aku tetap di atas dasar Tauhid dan bukanlah aku dari orang-orang yang menyekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain)".

(Surah al-An'ām, 6: 75-79)

Ayat di atas menghidangkan kisah pemikiran Ibrahim yang mencari Tuhannya berdasarkan kepada fenomena alam. Kata Mujahid, nabi Ibrahim dipermudahkan dalam pengamatannya terhadap terhadap alam ke atas tujuh petala langit sehingga menggapai Arasy, manakala pengamatannya terhadap bumi merangkumi apa yang ada di

²⁹⁴ Surah Yūsof, 12: 23-24

²⁹⁵ Ibid, 12: 33

dalamnya.²⁹⁶ Hal ini terjadi kerana Baginda tidak bersetuju dengan amalan masyarakatnya yang menyembah berhala. Lantaran itu, Baginda menggunakan akal waras dan mata hatinya untuk melihat tanda keagongan Allah dalam gelagat alam yang begitu banyak dan berselerak seperti malam dan siang serta bulan dan matahari.²⁹⁷ Penggunaan akal waras yang betul untuk melihat keagongan dan bukti kewujudan Allah merupakan contoh individu yang terbangun menerusi penggunaan fakulti akal dan indera.

3.5.2. Konteks Pembangunan Keluarga

Banyak rakaman al-Quran memuatkan kisah anbiya yang berlaku dalam konteks keluarga seperti antara anak dan bapa, suami dan isteri dan adik beradik sebagai panduan terutama dari perspektif pembangunan modal insan. Keluarga merupakan aset utama yang menjadi sokongan terhadap kejayaan seseorang usahawan, di samping faktor lain.²⁹⁸

Kisah anbiya menyajikan beberapa panduan dalam institusi keluarga. Misalnya, kisah seorang anak yang membetulkan akidah atau kepercayaan bapanya dirakamkan oleh al-Quran sekali lagi menerusi nabi Ibrahim dan ayahnya, Azar. Firman Allah bermaksud:

“Dan (ingatlah) ketika nabi Ibrahim berkata kepada bapanya Aazar: "Patutkah ayah menjadikan berhala-berhala sebagai tuhan-tuhan? Sesungguhnya aku melihatmu dan kaummu dalam kesesatan yang nyata.”
(Surah al-An'am, 6: 74)²⁹⁹

²⁹⁶ Al-Nasafi, *Tafsir al-Nasafi*, h. 329

²⁹⁷ Afzalur Rahman, *Encyclopedia Sirah*, h. 3: 145-146

²⁹⁸ Sokongan keluarga di samping faktor lain menyumbang kepada kejayaan usahawan. Lihat Syed Shah Alam, Mohd Fauzi Mohd Jani, Nor Asiah Omar 2011 (2011), “An Empirical study of success factors of women entrepreneurs in southern region In Malaysia,” *International Journal of Economics and Finance*, Vol 3, No 2, May, 2011

²⁹⁹ Seruan yang hampir sama dirakamkan oleh al-Quran dalam banyak ayat seperti dalam surah Maryam, 19: 41-45; al-Anbiya', 21: 51-54; al-Zukhruf, 43: 26 -28.

Penduduk Babylon, tempat kelahiran Ibrahim membudayakan sembah kepada selain Allah iaitu patung berhala. Setiap daerah mempunyai berhala sendiri dengan sifat yang pelbagai bersesuaian dengan gambaran ketuhanan dan pegangan pemerintahnya, Raja Namrud bin Kan'an bin Kusy. Patung Marduk merupakan antara berhala terbesar waktu itu.³⁰⁰ Azar merupakan seorang tukang ukir patung terhandal Babylon dan pernah menyuruh anaknya Ibrahim menjual patung-patung rekaannya di pasar. Dikatakan baginda pernah berteriak di pasar dengan berkata: "Siapa yang mahu membeli benda berbahaya dan tidak bermanfaat ini?"³⁰¹ Kata-kata sedemikian menggambarkan Baginda tidak bersetuju dengan pegangan akidah kaumnya yang menyembah berhala.

Dalam konteks ayat di atas, jelas sekali nabi Ibrahim menggunakan logik akal untuk mempertahankan akidah suci insan, yang bertentangan dengan pegangan bapa dan kaumnya.³⁰² Akal merupakan elemen modal insan terpenting untuk membantu dan memandu seseorang itu berada pada jalan yang lurus atau tidak. Menyembah Allah yang Esa ibarat berada pada jalan yang lurus, manakala menyembah berhala ibarat menyembah Syaitan dan menuruti nafsu yang sesat. Dalam hal ini Ibrahim meminta bapanya berfikir secara waras dengan berkata: "Wahai ayahku! Mengapakah ayah menyembah benda yang tidak mendengar dan tidak melihat serta tidak dapat menolongmu sedikit pun? Wahai ayahku! Sesungguhnya telah datang kepadaku dari ilmu pengetahuan yang tidak pernah datang kepadamu, oleh itu ikutlah daku. Aku akan memimpinmu ke jalan yang betul. Wahai ayahku! Janganlah ayah menyembah Syaitan.

³⁰⁰ Afif Abd al-Fattah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiya'*, h. 222-223. Menurut Afzalur Rahman, tempat kelahiran Baginda bernama Ur (Urfa, Iraq sekarang), merupakan pusat peradaban kebendaan dengan kuasa ekonomi dan politik. Lihat *Encyclopedia Sirah*, h. 3: 249-251.

³⁰¹ Al-Maghlouth, *Atlās Tārikh al-Anbiyā' wa al-Rusul*, h.100. Kata-kata begitu bagi menggambarkan keadaan Baginda tidak bersetuju dengan pegangan akidah kaumnya yang menyembah berhala.

³⁰² Al-Maghlouth, *ibid*

Sesungguhnya Syaitan itu adalah menderhaka kepada Allah yang melimpah-limpah rahmat-Nya.”³⁰³

Ayat tersebut memaparkan keindahan dakwah Ibrahim terhadap bapanya dengan panggilan lunak ‘ya abati – wahai ayahku!’ Ini merupakan sebaik-baik metode dakwah dengan hujah yang logik dan mematkan tetapi penuh beradab. Baginda menyeru bapanya agar tidak menyembah sesuatu yang tidak mendengar dan tidak melihat, tidak boleh memberikan manfaat dan mudharat serta mendurhaka terhadap Allah. Sedangkan Allah berhak disembah lantaran Dialah yang mencipta, mengurniakan rezeki dan memberikan rahmat.³⁰⁴ Ini kerana, dengan perlakuan demikian seseorang menjadi penyembah Syaitan, sedangkan Syaitan adalah durhaka kepada Allah yang bersifat al-Rahman, yakni Maha Pemurah.³⁰⁵

Dalam kisah lain, gambaran sebaliknya berlaku apabila seorang bapa pula berusaha membetulkan akidah kepercayaan anaknya yang sesat menerusi kisah nabi Nuh. Baginda menyeru puteranya untuk bersama-sama beriman kepada Allah, tetapi tidak dipenuhi, sepertimana rakaman firman-Nya bermaksud: “Nabi Nuh memanggil anaknya, yang sedang berada di tempat yang terpisah daripadanya: "Wahai anaku, naiklah (ke atas bahtera) bersama-sama kami, dan janganlah engkau tinggal dengan orang-orang yang kafir". Anaknya menjawab: "Aku akan pergi berlindung ke sebuah gunung yang dapat menyelamatkan aku daripada ditenggelamkan oleh air.”³⁰⁶

Ayat di atas menerangkan tentang konteks pembangunan modal insan berlaku dalam kalangan keluarga antara bapa dan anak. Elemen rohani dan jasmani dalam

³⁰³ Surah Maryam, 16: 42-44

³⁰⁴ Abd Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 194

³⁰⁵ Al-Nasafī, *Tafsīr al-Nasafī*, h. 675

³⁰⁶ Surah Hūd, 11: 42-43

proses pembangunan modal insan terpapar menerusi akidah kepercayaan dan usaha fizikal menggunakan komunikasi dan kemahiran jasmani. Misalnya, Nuh menyeru anaknya dengan istilah *nada*. Manakala anaknya menggunakan kemahiran jasmani *sa'awi*, yakni berenang atau berusaha menyelamatkan diri ke tempat yang tinggi.³⁰⁷

Usaha nabi Nuh untuk mendakwah anaknya agar beriman kepada Allah adalah selaras dengan tugas anbiya iaitu menyeru manusia beriman kepada Allah menepati kerangka pembangunan modal insan. Dalam konteks keluarga, usaha tersebut menepati fitrah manusia serta selaras dengan perintah Allah agar mendidik dan menjaga setiap ahli keluarga agar tidak tercebur ke dalam neraka, yakni tempat kembali manusia yang rendah keinsanannya. Firman Allah bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya adalah manusia dan batu (berhala).”³⁰⁸

Ringkasnya, proses pembangunan modal insan pada tahap keluarga terdapat dalam banyak kisah anbiya. Kesan pembangunan ini sebagai contoh, terpancar menerusi kesanggupan seorang bapa bernama Ibrahim untuk mengorbankan anak bernama Ismail bagi meralisasikan perintah Allah.³⁰⁹ Kerjasama antara dua bersaudara bernama Musa dan Haron untuk menyeru kaum mereka menyembah Allah yang Esa dan tidak

³⁰⁷ Ibid. Elemen rohani iaitu Nuh kemudian menyerah kepada Allah dengan berkata: Nabi Nuh berkata: "Hari ini tidak ada sesuatupun yang akan dapat melindungi dari azab Allah, kecuali orang yang dikasihani oleh-Nya". dan dengan serta-merta ombak itu pun memisahkan antara keduanya, lalu menjadilah ia (anak Yang derhaka itu) dari orang-orang yang ditenggelamkan oleh taufan. Dikatakan Nuh mempunyai 4 anak iaitu Yafits, Sam, Ham dan Kan'an. Kan'an tenggelam binasa dalam bah tersebut. Manakala tiga anaknya yang lain berzuriatkan seluruh manusia hari ini. Lihat al-Maghlouth, *Aṭlās Tārikh al-Anbiyā' wa al-Rusul*, h. 85; Surah al-Isrā, 17: 3 dan al-Ṣāffāt, 37: 77

³⁰⁸ Surah al-Taḥrīm, 66: 6

³⁰⁹ Maksudnya kesanggupan nabi Ibrahim menyembelih anaknya nabi Ismail untuk mentaati perintah Allah. Lihat surah al-Ṣāffāt, 37: 102

bertuhankan Firaun.³¹⁰ Begitu juga wasiat seorang bapa bernama Yaakub terhadap anak-anaknya agar tidak menyembah sesuatu selain Allah.³¹¹

Namun demikian, andainya sifat diri insan tidak terbangun dan hati dipenuhi rasa tidak puas hati dan cemburu, akan mendorong seseorang melakukan keburukan. Hal ini terjadi kepada saudara-saudara nabi Yusof yang bersepakat membuang Baginda ke dalam telaga. Langkah ini bertujuan menjauhkan baginda dari bapa mereka apabila mereka merasakan Yusof dan adiknya, Bunyamin lebih disayangi oleh nabi Yaakub.³¹² Kesudahannya, nabi Yusof telah ditemui pengembara dan dijual kepada penguasa Mesir dengan harga yang murah.³¹³

3.5.3. Konteks Pembangunan Organisasi

Dalam konteks manusia moden terutama di Barat, istilah organisasi merujuk kepada kumpulan manusia yang mempunyai kemahiran dan bekerja bersama-sama dalam kumpulan tersebut untuk mencapai objektif yang sama.³¹⁴ Begitupun, organisasi yang dimaksudkan itu hanya merujuk kepada kumpulan manusia yang ditubuhkan secara formal dan saling bekerjasama untuk mencapai tujuan yang spesifik melalui operasi yang sistematik dan terkawal serta penilaian prestasi secara berterusan. Dengan demikian, maka kumpulan seperti keluarga, masyarakat dan negara tidak termasuk dalam istilah organisasi dalam konteks pengurusan moden.³¹⁵ Bagaimanapun, dalam konteks kajian ini, masyarakat dan negara atau jamaah merupakan kumpulan manusia

³¹⁰ Kerjasama atau *teamworking* sekadar contoh ciri modal insan yang ditunjukkan oleh kisah Musa dan Haron. Lihat surah Tāhā, 20: 43 dan 29-32.

³¹¹ Ingat wasiat Nabi Yaakub kepada anak-anaknya: "Apakah yang kamu akan sembah sesudah aku mati?" Mereka menjawab: "Kami menyembah Tuhanmu dan Tuhan datuk nenekmu Ibrahim dan Ismail dan Ishak. Iaitu Tuhan Yang Maha Esa, dan kepada-Nyalah sahaja kami berserah diri (dengan penuh iman)". Surah al-Baqarah, 2: 133

³¹² Surah Yūsof, 12: 8 – 14; Afif Abd al-Fattah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiyā'*, h. 341-350

³¹³ Surah Yūsof, 12: 20

³¹⁴ Peter F. Drucker (1993), *Post-Capitalist Society*, Oxford: Butterworth-Heinemann Ltd., h. 43.

³¹⁵ Ahmad Shukri Mohd Nain (2002), *Tingkah Laku Organisasi*, Skudai: Penerbit UTM, h. 3.

yang sepatutnya mempunyai satu matlamat bersama iaitu mencari keredaan Allah. Lantaran itu, masyarakat dan negara juga menepati konsep dan tergolong dalam proses pengurusan dan pembangunan organisasi.³¹⁶ Hal ini, penting kerana di samping wujud organisasi khusus yang mengendalikan keusahawanan, komuniti juga memberikan sokongan tentang kewujudan sesuatu produk atau perkhidmatan.

Rujukan pembangunan modal insan dalam konteks organisasi atau jamaah atau masyarakat dan negara banyak berlaku dalam kisah anbiya yang dirakamkan oleh al-Quran. Boleh dikatakan majoriti kisah dan dakwah para anbiya disasarkan kepada kumpulan atau masyarakat. Kalaupun kisah berlaku menceritakan konteks individu, maka pengajarannya terbuka untuk majoriti serta pelbagai peringkat generasi.³¹⁷ Lantaran itu, seruan dakwah para anbiya menggunakan lafaz jamak, yakni kepada kaum atau masyarakat atau ramai.³¹⁸ Dalam konteks ini, maksud firman Allah berikut sesuai untuk dijadikan contoh:

“Adakah kamu sifatkan hanya perbuatan memberi minum kepada orang-orang yang mengerjakan Haji, dan (hanya perbuatan) memakmurkan Masjid al-Haram itu sama seperti orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta berjihad pada jalan Allah? Mereka (yang bersifat demikian) tidak sama di sisi Allah, dan Allah tidak memberikan hidayah petunjuk kepada kaum yang zalim.”

(Surah al-Taubah, 9: 19)

Ayat di atas menjelaskan tatacara pengukuran pembangunan modal insan adalah komuniti yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta berjihad pada jalan-Nya. Hal ini menjawab persoalan tentang sumbangan kaum Musyrikin pada zaman Jahiliyah yang pernah berbakti memberikan minuman terhadap orang yang mengerjakan haji dan menguruskan Masjidil Haram sebagai tidak sepadan sama sekali dengan darjat

³¹⁶ Lihat Saari Sungib (1993), *Beberapa Aspek Pengurusan dalam Organisasi Islam*, Kuala Lumpur: Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia, h. 1-20

³¹⁷ Misalnya kisah Ibrahim ingin berkorban anaknya Ismail adalah bertujuan memberikan pengajaran kepada seluruh manusia. Lihat Surah al-Sāffāt, 37: 102

³¹⁸ Misalnya al-Quran menggunakan lafaz kaum atau umat atau orang-orang yang beriman. Contohnya surah al-Anbiyā', 21: 53, menyebut dakwah Ibrahim kepada bapa dan kaumnya.

keimanan orang Mukmin.³¹⁹ Ukuran ini merupakan penilaian mutlak daripada Allah. Mengenai hal ini, Mujahid mengatakan bahawa kaum Muslimin merasakan bahawa al-Abbas dan rakan-rakannya yang ditawan dalam peperangan Badar telah berbakti menguruskan jamaah haji dan Masjidil Haram.³²⁰ Bagaimanapun, khidmat bakti tersebut bersalut kekotoran jiwa lantaran sifat syirik dan dilakukan dengan niat untuk mendapat pujian dan kebanggaan.³²¹

Sasaran atau konteks rujukan dalam ayat di atas adalah kepada kaum atau golongan ramai. Meskipun Allah membandingkan usaha kaum Musyrikin sebelum Islam sebagai tidak setaraf dengan keimanan dan jihad kaum Muslimin dengan jiwa dan harta,³²² ayat tersebut boleh juga difahami dari perspektif lain. Iaitu wujud suatu usaha oleh kumpulan tertentu untuk menyediakan keperluan minuman kepada jamaah haji yang dilakukan secara sistematik dan berterusan. Kumpulan atau organisasi yang cekap dan berkesan merupakan indikator kepada pembangunan modal insan, terutamanya berkaitan keusahawanan.³²³

Dalam konteks perniagaan, usahawan boleh terdiri daripada orang perseorangan atau organisasi.³²⁴ Barangkali lantaran bentuk perniagaan dalam lingkungan organisasi mempunyai impak yang lebih besar, kita menemui banyak kisah anbiya dalam skala ini. Misalnya, anjuran al-Quran agar kafilah usahawan Quraisy yang rutin berniaga dalam

³¹⁹ Sayyid Qutub (2012), *Fī Zilāl al-Qur'ān*, h. 5: 309, versi online di <https://tafsirzilal.files.wordpress.com/2012/06/at-taubah-indon.pdf>

³²⁰ Al-Ṣabūnī, *Mukhtaṣar Tafṣīr Ibn Kathīr*, h. 2: 130

³²¹ Al-Nasafī, *Tafṣīr al-Nasafī*, h. 430

³²² Surah al-Taubah, 9: 20

³²³ Di Malaysia hari ini wujud pelbagai firma atau organisasi yang mengusahakan pengurusan hal ehwal haji dan umrah seperti Tabung Haji Travel and Services, Andalusia, De Mawaddah dan lain-lain.

³²⁴ Dalam era globalisasi kini, organisasi atau firma perniagaan mempunyai impak besar bukan sekadar lokaliti, tetapi juga dunia berbanding usahawan individu hanya berada pada tahap tempatan. Misalnya firma Multi National Cooperation (MNC) seperti Toyota, Samsung, York, KFC dan lain-lain sekadar contoh.

musim sejuk di Yaman dan musim panas di Syria bersyukur dengan nikmat Allah.³²⁵ Kesyukuran boleh berlaku dengan menjalankan perniagaan secara ‘taradin minkum’, yakni perniagaan yang jelas dan masing-masing berpuas hati, bukan secara batil.³²⁶ Di mana urusniaga bukan secara tipu muslihat³²⁷ atau riba,³²⁸ dan jika berhutang, semua urusannya tersimpan dalam catatan.³²⁹

Para anbiya meletakkan keutamaan pembinaan sahsiah kaum mereka dalam seruan dakwah mereka. Nabi Ibrahim sekadar contoh, meletakkan kepentingan pembinaan masyarakat di tempat utama dengan meletakkan asas hubungan manusia dengan Allah melalui keimanan, ibadat, tawakkal dan rasa syukur. Hakikat ini tergambar menerusi kisah Baginda berdoa kepada Allah agar menjadikan Makkah negeri yang aman, mengingatkan keturunannya supaya menghindari sembah berhala, mendirikan solat, serta bersyukur dengan rezeki berupa buah-buahan.³³⁰ Doa Nabi Ibrahim ini dikabulkan oleh Allah. Ini terbukti dengan dunia hari ini menyaksikan Makkah menjadi pusat tamadun yang makmur, limpahan rezeki berupa buah-buahan serta lain-lain ekoran aktiviti perniagaan yang datang dari serata dunia. Paling utama, wujud rasa cinta seluruh Muslimin untuk mengunjunginya. Sedangkan tempat tersebut dahulunya merupakan sebuah padang pasir yang gersang tanpa tanaman.³³¹

Hakikat yang serupa dilakukan oleh nabi Muhammad SAW terhadap kaumnya. Hal ini berlaku apabila penduduk Makkah menentang dakwahnya, Baginda berhijrah ke Taif. Malangnya, kaum Banu Thaqif yang tinggal di Taif melakukan penentangan dengan cacian dan deraan sehingga mencederakan Baginda. Baginda mengadu dan

³²⁵ Maksud asal ‘hendaklah mereka menyembah Allah, Tuhan pemilik rumah Kaabah ini.’ Surah Quraisy, 106: 1- 4

³²⁶ Surah al-Nisā’, 4: 29

³²⁷ Surah al-Muṭaffifīn, 83: 1-3

³²⁸ Surah al-Baqarah, 2: 275-278

³²⁹ Surah al-Baqarah, 2: 282

³³⁰ Al-Khālīdī, *al-Qaṣaṣ al-Qur’ānī*, 1: 307; Lihat surah Ibrāhim, 14: 35-37

³³¹ Mahmud Yunus, *Tafsir Mahmud Yunus al-Quranul Karim Rasm Uthmani*, h. 365-366

berdoa kepada Allah memohon pertolongan.³³² Malaikat Jibril tiba menawarkan pertolongan untuk menghempap penduduk Taif dengan gunung. Bagimanapun, Baginda menolak dengan mengharapkan agar Allah menjadikan keturunan kaum Taif sebagai kaum yang beriman. Ujar Baginda: “Ya Allah! Berilah hidayah kepada kaumku, sesungguhnya mereka tidak mengetahui.”³³³

Dari aspek fizikal, kita dapati nabi Musa a.s. sanggup membantu golongan wanita kaum Madyan yang bekerja sebagai usahawan ternakan. Baginda menolong mereka mengambil air dari telaga untuk diberikan kepada kambing ternakan, pada ketika keadaannya fizikalnya sendiri berada dalam kelaparan dan kepenatan musafir dari Mesir.³³⁴ Aspek kemahiran fizikal juga dilakukan oleh nabi Daud dengan mencipta baju besi untuk keperluan kaumnya,³³⁵ sepertimana juga Nuh menyediakan kapal untuk menyelamatkan pengikutnya dari badai banjir besar menerusi kemahiran-kemahiran yang bersesuaian.³³⁶ Kisah tersebut menggambarkan bahawa para anbiya turut membangunkan modal insan dari aspek fizikal atau kemahiran.

Pembangunan aspek pemikiran untuk kepentingan masyarakat dilakukan oleh nabi Yusof yang berani menjadi perancang ekonomi. Peristiwa berlaku ekoran mimpi pemerintah Mesir tentang tujuh ekor lembu betina gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu betina kurus serta tujuh tangkai gandum yang hijau dengan tujuh tangkai gandum yang kering.³³⁷ Baginda menetapkan agar aktiviti pertanian dijalankan secara biasa selama tujuh tahun di mana segala hasil tuaiannya disimpan bersama tangkainya

³³² Ingat penyerahan tuntas Baginda dengan menyebut: Wahai Tuhanku! Kepada-Mu aku mengadu lemahnya upayaku...Lihat Ibn Hisham (1998), *al-Sirah al-Nabawiyah*, 4 jil., Beirut: Dār al-Turath al-‘Arabi, h. 2: 33

³³³ Ingat kata Malaikat Jibril: ‘Maha benar Allah namakan engkau al-rauf al-rahim, pengasih serta penyayang’. K.H. Moenawar Chalil, *Kelengkapan Tarikh Nabi Muhammad SAW*, h. 2: 169-174. Lihat juga Muslim, *Ṣaḥīḥ*, hadis no. 3309

³³⁴ Muhammad bin Ahmad Kan’ān, *Qīṣaṣ al-Anbiyā’ wa Akhbār al-Maḍīn*, h. 224-225

³³⁵ Abd Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 406

³³⁶ Ibid, h.1: 146-147

³³⁷ Surah Yūsof, 12: 45-46

melainkan sedikit untuk kegunaan makanan. Ini adalah kerana akan tiba tahun-tahun berikutnya musim kemarau yang menyebabkan berlaku kekurangan makanan melainkan apa yang telah ada dalam simpanan.³³⁸ Perancangan ekonomi dan idea bernas Yusuf ini bukan bersifat peribadi, tetapi untuk pembangunan dan kepentingan manusia seluruhnya.³³⁹ Apa yang penting, kemahiran perancangan ekonomi itu dilakukan atas perintah dan izin Allah SWT.

Dalam konteks yang lain pula, ketinggian ilmu hikmah yang dimiliki nabi Daud menyajikan pembangunan manusia dari perspektif politik dan perundangan. Politik dan perundangan yang adil merupakan pra-syarat kepada kewujudan pembangunan ekonomi dan keusahawanan yang mapan. Baginda memutuskan hukuman yang adil dalam kes perbalahan antara seorang usahawan ternakan yang memiliki 99 ekor kambing dengan seorang individu lagi. Usahawan tersebut ingin mengambil seekor kambing yang satu-satunya milik individu itu bagi mencukupkan bilangan 100 ekor.³⁴⁰ Firman Allah dalam hal ini bermaksud: “Wahai Daud! Sesungguhnya Kami telah menjadikanmu khalifah di bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan (hukum syariat) yang benar (yang diwahyukan kepadamu); dan janganlah engkau menurut hawa nafsu, kerana yang demikian itu akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah, akan beroleh azab yang berat pada hari hitungan amal, disebabkan mereka melupakan (jalan Allah) itu.”³⁴¹

Dalam situasi lain, Baginda Daud bersetuju dengan keputusan anaknya Sulaiman dalam menyelesaikan kes tuntutan seorang usahawan tani yang

³³⁸ Surah Yusuf, 12: 47-48

³³⁹ Al-Khālidī, *al-Qaṣaṣ al-Qur’ānī*, 2: 160

³⁴⁰ Surah Ṣād, 38: 21-25. Nabi Daud memutuskan hukuman yang adil dengan menghukum pemilik 99 ekor kambing bersalah. Bagimanapun hukuman itu sebenarnya teguran Allah ke atas Baginda sendiri agar tidak terjerumus ke kancah hawa nafsu dengan utusan dua orang malaikat yang menyamar sebagai usahawan. Lihat Affif Abd al-Fatah Tabarrāh, *Ma’a al-Anbiyā’*, h. 632

³⁴¹ Surah Ṣād, 38: 26

mengusahakan tanaman terhadap usahawan ternakan yang membiarkan kambing-kambing memakan hasil tanaman.³⁴² Usahawan tani mendapat ganti rugi setimpal dari usahawan ternakan yang lebih menjurus kepada keadilan.³⁴³ Keadilan merupakan petanda kepada kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi. Seterusnya keadilan ekonomi membawa kepada keharmonian hubungan insan dan menjadi indikator kepada pembangunan modal insan secara bermasyarakat. Dalam konteks ini, SMN al-Attas, menyifatkan keadaan masyarakat yang luhur inilah dimaksudkan sebagai peradaban atau tamadun. Iaitu apabila wujud keadaan kehidupan insan yang bermasyarakat atau berorganisasi yang luhur diatur dengan hukum, peraturan, keadilan dan otoriti.³⁴⁴ Nyatanya, keadaan tersebut wujud hasil dari penghayatan agama atau merupakan manifestasi keimanan seseorang kepada Allah dalam kehidupan bermasyarakat.

Gambaran sebaliknya pula dirakamkan oleh al-Quran apabila membicarakan contoh modal insan organisasi yang tidak terbangun. Kesannya, mereka mengadakan persepakatan antara anggota masyarakat ke arah menolak seruan dakwah para anbiya dengan melakukan penentangan melalui pelbagai cara seperti misalnya pemulauan dan perancangan membunuh. Dalam konteks ini, kisah pemboikotan kaum Quraisy terhadap Nabi Muhammad SAW serta Bani Hasyim boleh diambil sebagai contoh. Pemboikotan yang berlarutan selama tiga tahun berlaku dalam empat bentuk. Pertama, tidak bertegur sapa. Kedua, tidak bernikah kahwin, ketiga tidak mengadakan sebarang perjanjian dan

³⁴² Surah al-Anbiyā', 21: 78-79 bermaksud: "Dan (sebutkanlah peristiwa) Nabi Daud Dengan Nabi Sulaiman, ketika mereka berdua menghukum mengenai tanaman-tanaman semasa ia dirosakkan oleh kambing kaumnya pada waktu malam; dan sememangnya Kamilah yang memerhati dan mengesahkan hukuman mereka. Maka Kami beri Nabi Sulaiman memahami hukum yang lebih tepat bagi masalah itu; dan masing-masing (dari mereka berdua) Kami berikan hikmat kebijaksanaan dan ilmu (yang banyak)."

³⁴³ Dalam kes ini Allah menerima hukuman Sulaiman yang lebih adil kepada usahawan tani, berbanding dengan hukuman Daud yang bersifat persamaan. Dalam konteks kajian ini, keharmonian masyarakat menjadi keutamaan sebagai rumusan kepada konteks pembangunan modal insan melalui penggunaan hikmah dan kebijaksanaan dalam menjatuhkan hukum. Lihat Affif Abd al-Fatah Tabarrah, *Ma'a al-Anbiyā'*, h. 636-637

³⁴⁴ Lihat huraian lanjut tentang hubungan istilah din serta tamadun yang melahirkan sebuah kota tamadun seperti Madinah oleh SMN al-Attas, *Islam dan Sekularisme*, h.65

keempat dengan tidak melakukan sebarang bentuk muamalat atau urusan perniagaan.³⁴⁵

Persepakatan jahat dalam organisasi tersebut menunjukkan kecacatan ilmu, kedangkalan akal, kerendahan jiwa serta kelemahan fizikal pemilik modal insannya. Mereka tidak melakukan aktiviti kehidupan secara waras dan tidak pula berdasarkan fitrah insan yang suci bersih, sebaliknya terpengaruh dengan hasutan nafsu dan tipu daya syaitan. Kemuncak kepada rentetan penentangan terhadap dakwah ini membawa kepada konspirasi dan perancangan jahat kaum Quraisy untuk membunuh Rasulullah SAW. Firman Allah bermaksud:

“Dan ingatlah (wahai Muhammad), ketika orang-orang kafir musyrik (Makkah) menjalankan tipu daya terhadapmu untuk menahanmu, atau membunuhmu, atau mengusirmu. Mereka menjalankan tipu daya dan Allah menggagalkan tipu daya (mereka), kerana Allah sebaik-baik yang menggagalkan tipu daya.”

(Surah al-Anfal, 14: 30)

Berhubung ayat di atas, Imam al-Qurtubi menjelaskan berlaku persepakatan kaum Musyrikin di Dar al-Nadwah, Mekah untuk menghalang dakwah nabi Muhammad dengan rancangan membunuh Baginda. Perancangan mereka ini bagaimanapun tidak menyedari bahawa ‘makar’ Allah adalah yang terbaik, apabila usaha tersebut gagal dan mereka sebaliknya bakal berdepan azab yang pedih.³⁴⁶ Peristiwa di atas juga menggambarkan bahawa organisasi yang rendah modal insannya akan bertindak ke arah kejahatan dan kekacauan termasuk melalui usaha penggunaan kekuatan ekonomi. Kaum Musyrikin Quraisy menawarkan pelbagai ganjaran harta seperti emas kepada sesiapa yang berjaya menangkap Rasulullah SAW. Namun begitu, perancangan Allah adalah terbaik dan baginda berjaya berhijrah ke Madinah. Di sana Baginda membina

³⁴⁵ Terdapat undang-undang pemboikotan ditulis oleh Mansur bin Ikrimah terhadap Bani Hashim dan Bani al-Muttalib, nabi Muhammad dan pengikutnya yang tergantung di Kaabah dan berkuatkuasa selama mana nabi Muhammad tidak diserahkan kepada kaum Quraisy. Lihat Ibn Hisham, *al-Sirah al-Nabawiyah*, h. 1: 388; K.H. Moeunawar Chalil, *Kelengkapan Tarikh Nabi Muhammad SAW*, h. 2: 128-129

³⁴⁶ Al-Qurtubī, *al-Jami‘ li Ahkām al-Qur‘ān*, h. 9: 494

masyarakat melalui strategi pembinaan masjid, mempersudarkan Muslim dan membentuk piagam Madinah.³⁴⁷

3.6. Kesimpulan

Pembangunan modal insan berkait rapat dengan hakikat manusia dan pembangunan secara bersepadu dan menyeluruh. Rumusan pembangunan modal insan boleh difahami dari dua perspektif, iaitu sebagai suatu proses dan suatu keadaan. Dalam rangka proses untuk sampai ke tahap atau keadaan membangun, pembangunan modal insan tidak dapat dipisahkan dari tugas anbiya. Para anbiya komited dalam membangunkan manusia pada semua tahap individu, keluarga, organisasi serta umat. Contoh proses pembangunan ini ketara dalam semua aspek kehidupan termasuk berkaitan keusahawanan.

Apabila konsep pembangunan modal insan dipadankan dengan kisah para anbiya, dua perkara boleh dibuat rumusan. Pertama, tugas mutlak serta asasi semua nabi adalah menyeru umat kepada Allah dan kebaikan serta menegah mereka dari melakukan keburukan.³⁴⁸ Bagi melaksanakan fungsi ini pula, anbiya menggunakan dua pendekatan. Iaitu, mereka menggunakan anjuran mendapat balasan baik bagi pelaku kebaikan yang disebut sebagai *basyiran*, pemberi khabar gembira. Pendekatan seterusnya ialah menggunakan strategi sebaliknya, iaitu ancaman balasan buruk, yang disebut sebagai *naziran*, yakni pemberi ingatan khabar duka.³⁴⁹

³⁴⁷ Muhammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī (1991), *Fiqh al-Sirah al-Nabawīyyah Ma'a Mujīz Li Tārīkh al-Khilāfah al-Rashīdah*, Beirut - Dimasyq : Dār al-Fikr, h. 142 – 154; Zakaria Bashier, *Sunshine at Madinah*, h. 50

³⁴⁸ Misalnya surah al-Nahl, 16: 36

³⁴⁹ Lihat surah al-Baqarah, 2: 119; al-Nisa', 3: 165; al-A'rāf, 7: 188; Saba', 34-35; al-Kahfī, 18: 56. Dua strategi dakwah para anbiya ini disebut sebagai galakan dan amaran. Lihat Abd Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 2: 133-134

Untuk merealisasikan fungsi dakwah tersebut, para anbiya melibatkan diri dengan semua bidang kehidupan. Anbiya menjalani kehidupan biasa seperti seorang lelaki lain yang makan dan minum, bekerja dan tidur sebagai seorang individu. Hakikatnya, seseorang individu perlu memelihara semua keperluan jasad, rohani, akal, hati dan nafsu supaya sejahtera. Dalam konteks ini anbiya menunjukkan contoh unggul dalam urusan peribadi terhadap Allah, serta dengan berkahwin, membina keluarga dan bermasyarakat.³⁵⁰ Dalam merealisasikan tugas sebagai pesuruh Allah ini mereka berdakwah dan dalam masa yang sama turut menggunakan bidang keusahawanan sebagai medium seperti yang ditunjukkan oleh nabi Syuaib dan Daud.³⁵¹

Pendekatan kedua pula, seruan mentauhidkan Allah dan menjauhi keburukan untuk membina umat tersebut diterap secara khusus menurut kecenderungan umat masing-masing. Maksudnya, anbiya turut serta dalam realiti kehidupan umat bagi menerapkan dakwah seruan kebaikan dan larangan terhadap keburukan. Hakikatnya, kita melihat Musa terlibat dalam politik serta ekonomi, Yusof dalam ekonomi dan Lut dalam isu sosial yang berlaku dalam kalangan pedagang.³⁵² Hal ini kerana, selain membentuk kualiti diri dan keluarga, objektif utama dakwah anbiya adalah untuk kesejahteraan atau mengangkat darjat masyarakat. Skema kualiti yang dimaksudkan adalah mencapai hakikat sebenar insan, yakni penyempurnaan akhlak.³⁵³ Tegasnya, jika penyempurnaan akhlak itu indikator kepada kualiti insan, maka semua anbiya sepakat membangunkan modal insan pada semua peringkat individu, keluarga dan umat.

³⁵⁰ Surah al-Kahfi, 18: 110; al-Taubah, 9: 128; Abdul Karim Zaidan, *Uṣūl al-Da‘wah*, h. 216

³⁵¹ Rujuk Bab 2 sebelum ini

³⁵² Musa memberi ingatan kepada Qarun, Lut memberi ingatan kepada kaumnya, usahawan ternakan.

³⁵³ Riwayat Ahmad, *Musnad*, Bab musnad Abi Hurairah r.a., hadis no. 8595. Lafaz yang digunakan adalah “inna bu‘ithu li utammima ṣāliḥ al-akhlāq.”

BAB 4: PROSES PEMBANGUNAN MODAL INSAN MENURUT METODE

KISAH ANBIYA

4.1. Pengenalan

Pembangunan modal insan merujuk kepada segala proses atau usaha pembangunan insan yang dianggap sebagai aset atau sumber modal.¹ Segala usaha melibatkan program latihan, pendidikan, pembangunan sama ada secara langsung atau tidak langsung yang berlaku dalam institusi formal seperti organisasi tertentu atau institusi tidak formal seperti keluarga menepati terma usaha pembangunan modal insan.² Dengan demikian, pembangunan modal insan bermaksud segala proses untuk mewujudkan keadaan insan yang mencapai taraf terbaik sebagai hamba dan khalifah Allah sesuai dengan status dan tujuan penciptaan manusia itu sendiri. Keadaan insan tersebut dalam istilah al-Quran disebut sebagai ‘aḥsan taqwīm’ atau ‘khayr al-barriyah’ yang mendapat keredaan Allah dalam konteks kehidupan individu mahupun kolektif.³

Bagi maksud mematuhi pencapaian keadaan manusia yang terbaik serta mendapat hakikat keredaan Allah tersebut, proses berterusan menerusi pelbagai amalan,

¹ Ingat kata-kata ‘syubban al-yaum rijāl al-ghad’, yakni pemuda hari ini adalah pemimpin masa depan. Manusia merupakan modal utama berbanding wang dan sumber alam lain. Lihat M. Quraish Shihab, *Wawasan Al-Quran*, h. 402; Joni Tamkin Bin Borhan (2008), “Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam,” *Jurnal Usuluddin*, Bil 27, h. 95

² Dalam konteks kisah anbiya merujuk kepada usaha dakwah yang dirakamkan oleh al-Quran. Untuk contoh terma-terma dakwah dan bidang pembangunan modal insan dalam al-Quran, lihat misalnya Ahmad Kilani Mohamed dan Yahya Jusoh (2013), *Pembangunan Modal Insan Menurut Perspektif al-Quran*, Skudai: Penerbit UTM. Bagi terma moden dan konteks organisasi pembangunan, lihat misalnya dalam Ilhaamie Abdul Ghani Azmi (2009), “Human Capital Development and Organizational Performance: A focus on Islamic perspective,” *Shariah Journal*, Vol 17, no. 2, h. 353 – 372; dan Ibrahim Mamat (2001), *Reka Bentuk dan Pengurusan Latihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

³ Lihat misalnya surah al-Tīn, 95: 4 dan al-Bayyinah, 98: 7-8

latihan dan program pembangunan perlu dilakukan. Dalam melaksanakan proses ini, al-Quran mengisyaratkannya sebagai refleksi dari keyakinan mantap ‘āmanu’ dengan melakukan ‘amilu al-ṣālihāt’ secara ikhlas.⁴ Ringkasnya, pembangunan modal insan boleh difahami sebagai keadaan manusia yang mendapat keredaan Allah hasil dari proses merealisasi keimanan dalam kehidupan dengan melakukan amal soleh dengan penuh keikhlasan secara berterusan.⁵ Ataupun, ia merupakan segala bentuk usaha manusia dalam proses kehidupan untuk mencapai keredaan Allah.

Detail indikator pembangunan modal insan berasaskan kisah anbiya dalam al-Quran dibicarakan dalam dua dapatan. Pertama, proses yang menggunakan pelbagai metode pembangunan modal insan. Kedua, keadaan modal insan yang terbangun dan keadaan tidak terbangun sebagai perbandingan. Dalam bab ini, penjelasan ditumpukan kepada proses pembangunan yang dilakukan oleh anbiya menggunakan pelbagai metode.

4.2. Metode Pembangunan Modal Insan

Proses pembangunan modal insan berdasarkan kisah anbiya melibatkan pelbagai pendekatan atau teknik. Umumnya teknik ini digunakan berbeza mengikut penekanan elemen atau konteks modal insan itu sendiri. Maksudnya, apabila elemen akal ditumpukan, maka teknik perbandingan digunapakai. Jika elemen nafsu insan yang hendak didik, maka teknik pembangunan rohani seperti melakukan amal soleh ditekankan. Manakala jika konteks diri atau komuniti yang ditujukan, maka teknik yang digunakan menjadi pelbagai. Begitupun, perbincangan ini hanya menyenaraikan teknik

⁴ Lihat ibid, 95: 6 dan 98: 5

⁵ Amal soleh ialah segala perbuatan baik yang diperintahkan oleh Allah mengerjakannya seperti solat. Amalan ini perlu selari dengan Syariat dan bertujuan mendapat reda-Nya. Lihat Abdul Karim Zaidan (1975), *Uṣūl al-Da‘wah*, Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 24

secara umum tanpa membuat pengkhususan terhadap elemen, konteks mahupun bidang pembangunan modal insan. Ertinya, semua teknik tidak khusus kepada elemen tertentu, malah boleh digunapakai secara lengkap melengkapinya antara satu sama lain.

Berikut merupakan proses pembangunan modal insan menggunakan metode atau teknik yang boleh difahami dalam kisah anbiya, khususnya kisah yang berkaitan dengan keusahawanan.

4.2.1. Pendekatan Persekitaran

Teknik ini merujuk kepada pendekatan persekitaran, situasi tempat kerja atau kehidupan. Dalam sistem keilmuan Islam, pembelajaran adalah bersifat bersepadu serta terbuka. Maksudnya, institusi pendidikan boleh secara formal seperti sekolah atau tidak formal seperti keluarga, masyarakat dan persekitaran. Kedua-dua bentuk institusi ini penting dalam proses pendidikan serta pembangunan modal insan. Institusi tidak formal merangkumi persekitaran masyarakat, organisasi serta keluarga boleh difahami sebagai pendekatan persekitaran atau biah setempat. Ia bermaksud pendekatan unsur-unsur setempat atau persekitaran kerja dan kehidupan atau aktiviti manusia yang berperanan penting sebagai teknik dalam proses pembangunan modal insan itu sendiri.⁶ Kajian terhadap usahawan yang berjaya menunjukkan terdapat perkaitan erat antara kejayaan dengan faktor persekitaran seperti hubungan sosial, termasuk juga hubungan keluarga, jaringan kerja dan pemasaran.⁷

⁶ Unsur persekitaran menjadi realiti dalam tugas dakwah para anbiya seperti misalnya isu persekitaran kekeluargaan bagi nabi Lut, isu persekitaran wanita dan ekonomi bagi nabi Yusuf dan isu persekitaran akidah bagi semua anbiya. Konsep persekitaran dan hubungan dengan ayat al-Quran ada dibincangkan oleh Abdul Hafiz Abdullah (2012), "Pengaruh Persekitaran Dalam Pentafsiran al-Quran: Kajian Terhadap Tafsir Al-Azhar", Tesis PhD, Universiti Malaya

⁷ Misalnya, pengaruh persekitaran dalam amalan pemasaran mengarah kepada lokasi yang strategik, pasaran yang dinamik, pembungkusan yang menarik, tapak perniagaan yang selesa, bersih dan sesuai untuk memperagakan barang-barang. Lihat Nurul Huda Che Abdullah, Ramlee Mustapha (2009), "Kajian Kes usahawan Tani Industri Kecil dan Sederhana(IKS) Bumiputera di Negeri Terengganu," *Jurnal*

Semua elemen persekitaran berguna untuk mendidik dan membina keyakinan manusia terhadap kewujudan Allah. Pertukaran siang dalam malam, perubahan cuaca seperti kemarau kepada hujan, tumbuh tanaman yang mengeluarkan buah, kewujudan binatang ternak yang mengeluarkan hasil, pelayaran kapal-kapal di lautan yang membawa barang dagangan merupakan sebahagian tanda atau ayat-ayat agar manusia merenung fikir serta menjadikannya sebagai bukti kebesaran Allah.⁸ Persekitaran ini bertindak selaku 'kitab terbuka' Allah yang manusia lihat atau alami untuk dibaca, dipelajari dan dihayati.⁹ Dengan demikian manusia mampu bersyukur kepada Allah terhadap segala anugerah-Nya, tunduk mentauhidkan dan menyembah-Nya, tetapi bukan pula menyembah alam persekitaran.¹⁰

Para anbiya diutuskan oleh Allah dengan tugas menyebarkan dakwah dalam realiti persekitaran hidup atau biah masyarakat itu sendiri. Al-Quran merakamkan banyak kisah berkaitan pengaruh persekitaran dalam hubungannya dengan pendidikan atau pembangunan modal insan. Sebagai contoh, unsur persekitaran berkaitan kerja atau profesion digunakan oleh anak-anak Nabi Adam ketika memilih barangan untuk upacara korban. Habil yang berkecimpung dalam perusahaan ternakan memilih kambing terbaik, manakala Qabil pula memilih gandum yang terburuk. Kambing terbaik menggambarkan ketakwaan dan keindahan jiwa Habil, manakala gandum buruk

Pendidikan Malaysia, 34 (2) (2009):143-165; Abdul Ghani Farinda et.al (2009), "Building Business Network: A Proposed Framework for Malaysian SMEs," *International Review Business Research Papers*, Vol. 5, No 2 (March 2009): 151-160

⁸ Lihat misalnya surah al-Baqarah, 2: 164; al-Hajj, 22: 65; Luqmān, 31: 31; Yasīn, 36: 71-72; Fuṣṣilat, 41: 39

⁹ S. H. Nasr (1992), *Pengenalan Doktrin Kosmologi Islam* (Terj. *Islamic Cosmological Doctrine* oleh Baharuddin Ahmad), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. xxx, mengumpamakan alam atau kosmos sebagai 'open book-kitab terbuka' untuk mencari bukti mentauhidkan Allah. Alam serta persekitaran hidup insan ini boleh menjadi 'ayat manzurah' yang manusia lihat dan belajar sesuatu. Hakikat ini terjadi kepada Qabil putera Adam yang melihat perlakuan burung gagak untuk mengebumikan mayat saudaranya, Habil selepas dibunuh. Surah al-Mā'idah, 5: 31

¹⁰ Surah Fuṣṣilat, 41: 37. "Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah malam dan siang, serta matahari dan bulan. Janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah pula sujud kepada bulan, dan sebaliknya hendaklah kamu sujud kepada Allah yang menciptakannya, kalau betulah kamu hanya beribadat kepada Allah."

melambungkan kekotoran jiwa Qabil selaku usahawan tani. Apabila Allah menerima korban Habil, gambaran persekitaran hati yang kotor ditonjolkan melalui rasa dengki Qabil terhadap Habil yang dilaksanakan melalui tindakan pembunuhan.¹¹ Kisah ini memperlihatkan unsur persekitaran kerja yang boleh mempengaruhi pembentukan hati budi manusia digunakan sebagai sebahagian cara latihan atau pengujian dalam proses pembangunan modal insan.

Nabi Sulaiman mempergunakan persekitaran untuk memaksimumkan jiwa dan mindanya bersyukur kepada Allah SWT atas segala kelebihan yang dianugerahkan. Baginda dapat berinteraksi dengan persekitaran dan memahami bahasa alam seperti angin, burung dan semut.¹² Berkaitan semut, firman-Nya bermaksud: “Maka tersenyumlah nabi Sulaiman mendengar kata-kata semut itu, dan berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmat-Mu yang Engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapakku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal soleh yang Engkau redai; dan masukkanlah daku - dengan limpah rahmat-Mu - dalam kumpulan hamba-hamba-Mu yang soleh.”¹³ Ayat ini secara jelas menunjukkan bahawa nabi Sulaiman menggunakan unsur alam untuk membangunkan potensi jiwanya ke arah bersyukur serta berbakti kepada Allah. Dalam kes semut ini misalnya, al-Qurtubi membayangkan terdapat beberapa perkaitan antara Baginda dengan persekitaran seperti wujudnya lembah semut, tidak terpijak tanpa sedar, semut sebagai umat, semut memberikan ingatan serta arahan, nabi Sulaiman tersenyum dan haiwan juga mampu memahami serta mempunyai pemikiran.¹⁴

¹¹ ‘Affif ‘Abd al-Fatah Ṭabbārah, *Ma‘a al-Anbiyā’*, h. 97-98; Surah al-Maidah, 5: 27-30; Ibn Kathīr, *Qaṣaṣ al-Anbiyā’*, h. 48; Asmak Ab Rahman, “Sekuriti Makanan Dari Perspektif Syariah”, h. 304

¹² Affif Abd al-Fatah Ṭabbārah, *Ma‘a al-Anbiya’*, h. 644

¹³ Surah al-Naml, 27: 19

¹⁴ Lihat surah al-Naml, 27: 18-19; al-Qurtubī, *al-Jami‘ li Ahkām al-Qur‘ān*, h. 16: 119-128

Al-Quran turut merakamkan peristiwa nabi Ibrahim mencari dan menemui keagongan Allah menerusi unsur-unsur alam seperti bulan, bintang dan matahari.¹⁵ Baginda tidak bersetuju dengan budaya kaumnya yang mencipta, menjual serta menyembah berhala sebagai Tuhan. Gabungan antara budaya dan unsur alam digunakan oleh Baginda untuk pembangunan jiwa dan keyakinan diri dan kaumnya. Baginda bertanya: “Mengapakah ayah menyembah sesuatu yang tidak boleh mendengar dan melihat serta tidak boleh menolongmu sedikit pun?”¹⁶ Sementara menuju Haikal yang terdapat berhala-berhala yang disajikan makanan korban, Ibrahim berbicara: “Mengapakah kamu tidak makan? Mengapakah kamu tidak menjawab?”¹⁷ Lalu berhala-berhala itu dipukul sehingga pecah berkecai.¹⁸ Unsur biah ini digunakan Baginda untuk memantapkan keimanan kepada Allah. Firman-Nya bermaksud: “Sesungguhnya aku hadapkan muka dan diriku kepada Allah yang menciptakan langit dan bumi, sedang aku tetap di atas dasar tauhid dan bukanlah aku dari orang-orang yang menyekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain).”¹⁹

Jelas sekali bahawa pengaruh persekitaran banyak membantu manusia mencapai kecemerlangan diri. Dalam konteks ini, pendekatan biah yang baik dan selaras dengan fitrah semula jadi manusia harus digunakan untuk kebaikan. Firman Allah bermaksud: “Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah.”²⁰ Ayat ini mengarahkan manusia seluruhnya untuk mencari manfaat dari persekitaran yang pelbagai seperti bidang perusahaan dan perniagaan. Namun, intipatinya menjurus kepada pembangunan insan itu sendiri iaitu berusaha dan bertawakkal untuk mencari

¹⁵ Surah al-An‘ām, 6: 75-79

¹⁶ Surah Maryam, 19: 42

¹⁷ Surah al-Sāffāt, 37: 91-92

¹⁸ ‘Affif ‘Abd al-Fatah Ṭabbārah, *Ma‘a al-Anbiyā’*, h. 230-233

¹⁹ Surah al-An‘ām, 6: 79

²⁰ Surah al-Mulk, 67: 15

rezeki yang halal kurniaan Allah seumpama keluarnya burung berpagi-pagi mencari rezeki.²¹

Kepentingan pendekatan unsur biah ini menyaksikan bahawa proses persediaan kerasulan nabi Muhammad SAW tidak terlepas dari mengalami teknik ini. Hakikat ini berlaku apabila Baginda dibesarkan dalam kalangan Bani Saad ketika dijaga oleh Halimah.²² Begitu juga pengalaman sosio-ekonomi yang dipelajari Baginda dalam ekspedisi perniagaan ke Syria merupakan pengalaman berguna dalam proses pembangunan dan pengajaran untuk menjadi insan terbaik.²³ Semua bentuk atau teknik pembangunan atau pengajaran dalam institusi tidak formal seperti persekitaran ini memberikan pengajaran berguna dalam pembentukan modal insan yang sejahtera. Ia menatijahkan realiti kehidupan tempat para anbiya menyampaikan dakwah atau bekerja itu sendiri sebagai sebuah institusi atau organisasi yang mampu mendidik insan menjadi lebih baik. Hakikat ini seolah-olah menepati pendekatan proses pembangunan modal insan dalam dunia moden hari ini yang menjadikan tempat kerja atau organisasi tempat berkerjaya sebagai alat pembangunan dengan slogan 'learning organisation' atau organisasi pembelajaran.²⁴

²¹ Al-Ṣabūnī, *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr*, h. 3: 529

²² Ibn Ishāq, *The Life of Muhammad*, h. 71; Ibn Sa'ad, *Tabaqāt al-Kabir*, h. 1: 120. Amalan ini menjadi budaya golongan bangsawan Arab agar dapat berkomunikasi dengan baik. Baginda berkata kepada para sahabat mengenai pengalaman di perkampungan Bani Saad sebagai: "I am the most eloquent of you because I come from the tribe of Quraysh and my speech is that of Banu Sa'ad Ibn Bakr." Lihat Ibn Sa'ad, h. 125

²³ Rasulullah terlibat dalam kafilah dagangan sekurang-kurangnya sebanyak dua kali. Pertama, ketika Baginda berusia 12 tahun mengikuti bapa saudaranya berniaga ke Syria sebagai latihan. Kedua, ketika membawa dagangan Khadijah sebagai satu profesion. Lihat Ibn Sa'ad, h.1: 145; Ibn Hisham (1998), *al-Sirah al-Nabawiyah*, (Tahqiq oleh Mustafā al-Syaqa et all), 4 jilid, Beirut: Dār ihyā' al-turath al-'arabi, h. 1: 204 dan 1: 224; Mengenai biah sebagai teknik dalam proses pembangunan ini, M.H. Haykal menulis: "He was only at the tender age of twelve, but his great soul, intelligence, maturity, power of observation, memory and all the other qualities with which he was endowed in preparation for his prophethood." Lihat Muhammad Husein Haykal, *The Life of Muhammad*, h. 55

²⁴ Konsep organisasi pembelajaran merujuk kepada suasana pembelajaran menjadi budaya dalam kalangan seluruh ahli organisasi secara sedar dan dengan sokongan pengurusan. Misalnya, Peter M. Senge (1991), *The Fifth Discipline: The Art and Practice of the Learning Organization*, New York: Doubleday, menyarankan organisasi perlu beranjak dari Pembelajaran Adaptif iaitu menyesuaikan organisasi dengan persekitaran kepada Pembelajaran Generatif, iaitu meletakkan organisasi selangkah ke hadapan. Idea ini nampak serasi dengan gesaan para anbiya yang mengubah biah masyarakat dari budaya mungkar kegelapan jahiliah kepada cahaya makruf. Umumnya, konsep organisasi pembelajaran

Begitupun, persekitaran organisasi yang boleh memberi pengajaran perlu baik dan dibudayakan dengan amar makruf dan nahi mungkar serta jihad.²⁵ Para anbiya berusaha mewujudkan bias dan institusi masyarakat sebagai organisasi pembelajaran dalam seruan dakwah mereka ke arah yang terbaik selaras dengan perintah Allah.²⁶ Mereka komited dalam melakukan budaya islah melalui amal baik dan menyuruh kaum meninggalkan perlakuan buruk. Mereka berpesan-pesan dengan sabar dan istiqamah dalam melakukan kebenaran agar masyarakat tidak kecundang menjadi modal insan yang rugi.²⁷ Dalam konteks ini, Abdullah Nasih Ulwan mengatakan bahawa perubahan untuk menjadi lebih baik merupakan suatu kewajipan. Sebab itulah mengapa Allah memerintahkan nabi Muhammad berhijrah ke Madinah untuk mengubah persekitaran yang buruk kepada elok bagi membentuk sumber manusia atau generasi yang membangun.²⁸ Itulah contoh organisasi terpelajar yang mendapat reda Allah dan mereka tenang bahagia dengan keredaan-Nya.²⁹

Dalam dunia keusahawanan juga, budaya organisasi perlu berorientasikan budaya korporat. Lantaran itu, seseorang yang ingin menjadi usahawan yang berjaya perlu memahami proses dan persekitaran dunia korporat yang peka dengan keperluan atau budaya sesuatu organisasi serta kehendak masyarakat. Kepekaan ini disebut

bertujuan untuk mengetahui, memahami, memikir dan mempelajari, bagi peningkatan prestasi organisasi itu sendiri. Lihat perbincangan tentang organisasi pembelajaran oleh Ahmad Shukri Nain, *Tingkah Laku Organisasi*, h. 69-73

²⁵ Contoh persekitaran organisasi yang mungkar dan ditegah oleh nabi Muhammad ialah amalan membunuh anak perempuan kerana takut papa miskin, di mana seorang bapa yang mendapat khabar isterinya melahirkan anak perempuan berubah mukanya menjadi merah kehitaman. Sedangkan Allah Maha Pemberi rezeki. Lihat surah al-Nahl, 16: 57-58

²⁶ Anbiya membetulkan situasi semasa kaum masing-masing untuk beriman kepada Allah menerusi dakwah mereka dalam realiti persekitaran masyarakat setempat seperti Syuaib mengajak kaumnya agar tidak mengurangkan sukatan atau timbangan. Lihat surah Hūd, 11: 84

²⁷ Surah al-Aşr, 103

²⁸ Ada 3 cara mengubah persekitaran masyarakat ke arah kebaikan iaitu pertama, ikatan akidah kepada Allah, kedua, mendedahkan keburukan dan ketiga mengubah kecenderungan generasi untuk ikut budaya persekitaran yang lebih baik. Lihat Abdullah Nasih 'Ulwan, *Tarbiyah Awlād fī al-Islām*, 2 jilid, Kaheerah: Dār al-Salām, h. 2: 245 - 246

²⁹ Surah al-Bayyinah, 98: 8

sebagai proses sosial, yakni memahami persekitaran atau budaya sesuatu organisasi atau komuniti.³⁰ Antara proses yang perlu difahami ialah kehendak dan keperluan organisasi yang perlu dipenuhi. Maksudnya, pelbagai bentuk cabaran yang wujud dalam persekitaran organisasi atau komuniti perlu diterjemahkan sebagai suatu peluang. Dalam konteks ini, kita dapati kisah nabi Muhammad SAW yang pandai memanfaatkan halangan sebagai peluang apabila Baginda membawa barangan dagangan milik Khadijah untuk kegunaan komuniti Syam, sementara item barangan dari sana pula dibawa pulang untuk kegunaan masyarakat Mekah. Dengan demikian, Baginda mendapat keuntungan berganda.³¹

Hal yang sama diterjemahkan oleh nabi Yusof ketika memberi fatwa ekonomi kepada al-Aziz perihal persediaan untuk menghadapi persekitaran kesusahan dengan menabung ketika situasi selesa bagi menghadapi persekitaran mencabar.³² Kisah Yusof juga mencerminkan kebijaksanaan Baginda membaca persekitaran dan budaya masyarakat yang ketika itu cenderung kepada aktiviti ekonomi seperti penggunaan dirham sewaktu membeli Yusof dengan harga yang murah sebagai alat tukaran perniagaan.³³ Begitu juga ketika saudara-saudara Yusof datang dari desa menawarkan barangan sebagai tukaran, maka dijawab oleh Yusof: “Masukkanlah barang-barang dagangan mereka pada tempat simpanan barang di kenderaan mereka.”³⁴ Satu hal perlu diambil perhatian ialah kebolehan Yusof menggunakan idea untuk menyimpan tanaman pada tangkainya supaya tahan lama membuktikan bahawa Baginda berupaya

³⁰ Lihat peranan persekitaran sosial dalam budaya sesuatu organisasi dalam Jaafar Muhammad (1997), *Kelakuan Organisasi*, Kuala Lumpur: Leeds Publications, h. 423-432

³¹ Ibn Ishaq, *The Life of Muhammad*, h. 82; Zakaria Bashier (1978), *The Meccan Crucible*, London: FOSIS, h. 66

³² Lihat surah Yūsof, 12: 46-48; Lihat Bab 2 sebelum ini, fakta 2.4.2. Anbiya Sebagai Pakar Ekonomi

³³ Surah Yūsof, 12: 20

³⁴ Ibid, 12: 62

menterjemahkan halangan kepada peluang.³⁵ Pada hal teknik penyimpanan bahan makanan dengan cara demikian tidak menjadi budaya masyarakat ketika itu.³⁶

Kisah para nabi menyajikan teknik membangunkan modal insan meletakkan prinsip bahawa persekitaran yang membawa keburukan tidak harus diikuti dan wajib ditegah. Hakikat ini terserlah dalam peristiwa nabi Yusof a.s. yang tidak terpengaruh dengan nafsu serta godaan Zulaikha dan para wanita kerana lebih takutkan kebesaran Allah SWT.³⁷ Begitu juga Musa menyeru Firaun yang ingkar terhadap Allah, akhirnya keingkaran tersebut menyebabkan dia musnah dengan meninggalkan harta dan kemewahan hidup.³⁸ Manakala nabi Syuaib pula menyeru kaumnya yang hidup dalam persekitaran perdagangan yang tidak baik dengan melakukan pengurangan dalam sukatan dan timbangan.³⁹

Ringkasnya, kisah anbiya menyaksikan dakwah mereka kepada kaum masing-masing yang tidak dapat dipisahkan dari tema dan persekitaran realiti kehidupan pada ketika itu. Kisah ini amat berguna dalam proses pembangunan modal insan berkaitan keusahawanan.

4.2.2. Teknik Teladan

³⁵ Ibid, 12: 47, bermaksud: "Yusuf menjawab: "Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah ia pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan."

³⁶ Al-Maghlouth, *Atlas Tārikh al-Anbiyā' wa al-Rusul*, h. 132

³⁷ Surah Yusof, 12: 50-52; 'Affif 'Abd al-Fatah Ṭabbārah, *Ma'a al-Anbiyā'*, h. 374-375

³⁸ Surah al-Dukhān, 44: 25-29 berbunyi: "Banyak sungguh kebun-kebun dan matair, mereka tinggalkan. Dan juga berbagai jenis tanaman serta tempat-tempat kediaman yang indah – mulia. Dan juga kemewahan hidup yang mereka sekian lama menikmatinya. Demikianlah keadaannya (Hukum Kami ke atas orang-orang yang derhaka); dan Kami jadikan semua peninggalan Firaun dan orang-orangnya: milik kaum yang lain (kaum Bani Israil). Mereka (ketika dibinasakan) itu tidak ditangisi oleh langit dan bumi (atau penduduk keduanya) dan mereka pula tidak diberi tempoh lagi."

³⁹ Surah Hūd, 11: 84

Teknik ini bermaksud menggunakan proses pendidikan dan pembangunan menerusi teladan. Hakikat para anbiya sebagai teladan atau model ikutan terbaik bagi umat merupakan salah satu fungsi pengutusan dan kebangkitan mereka sendiri. Tiada rasul yang tidak menjadi teladan, panduan dan ikutan umat. Apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan sesuatu perkara, maka tiada pilihan manusia untuk mencari pilihan yang lain sebagai ikutan dalam urusan mereka.⁴⁰ Justeru itu, manusia wajib menjadikan para anbiya sebagai ikutan dalam semua aspek kehidupan. Dalam konteks ini, Firman-Nya bermaksud: “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik. Iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).”⁴¹

Ayat di atas merupakan bukti kewajipan manusia menjadikan Rasulullah sebagai model ikutan, terutamanya dalam konteks pembangunan modal insan. Iaitu satu cara yang pasti untuk menyediakan manusia dengan kejayaan hidup pada masa hadapan iaitu pada hari akhirat.⁴² Pra sarana yang ditunjukkan oleh model seperti persekitaran, budaya organisasi, guru, ibu bapa mempunyai pengaruh yang kuat dalam dalam proses pembangunan modal insan ini.⁴³ Bagaimanapun, para anbiya khususnya nabi Muhammad SAW wajib menjadi ikutan terbaik, sepertimana Ibn Abbas terkesan

⁴⁰ Surah al-Aḥzāb, 33: 36

⁴¹ Ibid, 33: 21

⁴² Di Barat, terutamanya berkaitan bidang pendidikan dan pembangunan insan, pakar psikologi seperti Albert Bandura dan lain-lain mengasaskan Teori Pembelajaran Sosial di mana seseorang boleh belajar sesuatu menerusi tanggapan dan persepsi terhadap tingkah laku orang lain yang melibatkan model-model ikutan seperti ibu-bapa, guru, pemimpin, televisyen dan seumpamanya. Namun proses pembelajaran terhad kepada objektif yang bersifat duniawi semata-mata. Lihat kupasan Ahmad Shukri Nain, *Tingkah Laku Organisasi*, h. 157-158

⁴³ Ingat hadis bermaksud: “Setiap kanak-kanak dilahirkan secara fitrah, maka dua ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani ataupun Majusi.” Lihat al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ*, bāb ma qīla fī awlad al-musyrikīn, hadis no.1296; Aḥmad, *Musnad*, bab musnad Abi Hurairah, hadis no. 8739. Bagi hadis no. 8949, Ahmad meriwayatkan dengan lafaz, “maka bapanyalah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Musyrikīn.”; al-Tirmīzī, *Sunan*, bab ma jā’ kulu ma ulud yūlad, hadis no. 2064 dengan lafaz Majusi disebut sebagai Musyrikīn; Abū Dawud, *Sunan*, bab fi zirari al-musyrikīn, hadis no. 4091, lafaz setakat Yahudi atau Nasrani sahaja.

melihat Baginda bangun pada malam hari menunaikan tahajud, lalu beliau juga turut bangkit mendirikan solat malam.⁴⁴

Dalam konteks hidup Muslim hari ini, Rasulullah SAW menjadi teladan atau contoh terbaik dalam proses pembangunan modal insan.⁴⁵ Abdullah Nasih Ulwan merumuskan pendidikan secara teladan merupakan cara terbaik untuk mendidik generasi. Baginda menjadi teladan utama dalam ibadat serta akhlak seperti kemurahan hati, zuhud, tawaduk dan sopan santun. Baginda juga adalah contoh terbaik dalam kekuatan tubuh badan, keberanian, berpolitik dan ketegasan. Dengan pendidikan berasaskan contoh teladan ini, lahir generasi Sahabat yang terbaik, serta tersebar pula Islam ke serata dunia lantaran dari kefahaman manusia terhadap Islam melalui contoh teladan yang dipraktikkan.⁴⁶

Melalui teknik teladan ini, seruan dakwah para anbiya boleh dilihat menerusi dua pendekatan. Pertama, menerusi penceritaan dan kedua, menerusi tamsilan.

1. Teknik Penceritaan

Al-Quran merakamkan bahawa penceritaan kisah anbiya itu sendiri sebagai suatu proses kepada pembangunan modal insan. Kepada Al-Khālidī, penceritaan kisah-kisah dalam al-Quran memberikan tiga manfaat utama yang selaras dengan proses pembangunan sumber manusia.⁴⁷

⁴⁴ Maklumat lanjut teknik teladan ini lihat Zuridan Mohd Daud (2007), “Aplikasi Pembangunan Modal Insan: Metode & Teknik Pendidikan Nabi Muhammad SAW” dalam *Modal Insan: Konsep, Aplikasi dan Isu-isu Kontemporari dalam Cabaran Pemerikasaan Tamadun Insan*, (Peny. Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin et al), Kuantan: Universiti Malaysia Pahang, h. 151

⁴⁵ Surah al-Ahzab, 33: 45-46

⁴⁶ Abdullah Nasih Ulwan, *Tarbiyah Awwāl fī al-Islām*, h. 2: 207-234

⁴⁷ Al-Khālidī, *al-Qaṣaṣ al-Qur’ānī*, h. 1: 32

Manfaat pertama, supaya manusia berfikir hasil dari penceritaan kisah tersebut. Manfaat ini merangsang manusia untuk memikir dan membina kehidupan yang lebih baik. Dalam hal ini al-Quran merakamkannya dengan maksud: “Maka ceritakanlah kisah-kisah itu supaya mereka berfikir.”⁴⁸ Dalam konteks ini, kisah nabi Yusuf yang dianggap sebagai sebaik-baik kisah merangsang usahawan supaya menterjemahkan cabaran kepada peluang sepertimana dilakukan oleh Baginda sewaktu menyelesaikan kemelut ekonomi Mesir melalui teknik dan polisi perancangan berjimat cermat.⁴⁹ Sudah tentu teknik dan polisi yang dirangka oleh nabi Yusuf itu berdasarkan petunjuk yang Allah SWT ilhamkan kepada baginda melalui mimpi Raja Mesir.⁵⁰ Lantaran itu, polisi sekuriti makanan ini patut dipakai oleh negara supaya mempunyai rizab makanan bagi menghadapi persekitaran yang tidak dijangka seperti musim kemarau, banjir, peperangan dan kemelesetan, apabila pertanian tidak dapat dijalankan ataupun bekalan makanan tidak boleh diimport dari luar negara.⁵¹

Kepentingan kedua, supaya mengambil iktibar dari kisah tersebut. Firman Allah bermaksud: “Demi sesungguhnya, kisah nabi-nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. (Kisah nabi-nabi yang terkandung dalam Al-Quran) bukanlah ia cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengesahkan apa yang tersebut di dalam Kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman.”⁵² Manakala kepentingan ketiga, supaya dengan penceritaan kisah-kisah tersebut dapat mengukuhkan dan memantapkan pendirian hati. Firman Allah bermaksud: “Dan tiap-tiap berita dari berita Rasul-rasul itu, Kami ceritakan kepadamu (Wahai Muhammad), untuk

⁴⁸ Surah al-A‘rāf, 7: 176

⁴⁹ Lihat surah Yūsof, 12: 3 dan 12: 46-49

⁵⁰ Al-Şābūnī, *Mukhtaşar Tafsīr Ibn Kathīr*, 2: 252-253

⁵¹ Asmak Abdul Rahman, “Sekuriti Makanan Dari Perspektif Syariah,” h. 309

⁵² Surah Yūsof, 12: 111

menguatkan hatimu dengannya. Dan telah datang kepadamu dalam berita ini kebenaran dan pengajaran serta peringatan bagi orang-orang yang beriman.”⁵³

Bagi menggambarkan fungsi di atas, al-Quran umpamanya menyajikan kisah Musa dan Qarun sebagai iktibar, penguat hati dan teladan bagi usahawan supaya mendapat keberkatan dan rahmat.⁵⁴ Qarun merupakan seorang usahawan berjaya serta berharta tetapi bersifat tamak dan enggan membayar zakat. Apabila diberi nasihat, beliau mengatakan kekayaan yang dimilikinya anugerah Allah, tetapi kerana usaha dan ketinggian ilmunya. Malah dengan megah pula beliau mempamerkan kekayaan dan keangkuhan.⁵⁵ Jika bersikap demikian, usahawan yang melampaui batas akan musnah sepertimana musnahnya Qarun.⁵⁶ Iktibar dan teladan yang serupa boleh dikutip daripada kisah kaum Ad dan Thamud yang menempa kejayaan dan kehebatan dalam aspek keusahawanan yang mempunyai ketinggian bidang pertanian dan negara kota tetapi ingkar, akhirnya musnah meninggalkan timbunan harta.⁵⁷ Al-Quran ibaratkan mereka dengan maksud:

“Dan bahawa sesungguhnya Dia-lah yang membinasakan kaum "Aad" yang pertama (kaum nabi Hud). Dan kaum "Thamud" (kaum nabi soleh). Maka tidak ada seorang pun (dari kedua-dua kaum itu) yang dibiarkan hidup. Dan kaum nabi Nuh sebelum itu (telah juga dibinasakan). Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang sangat zalim dan sangat melampaui batas. Dan bandar-bandar yang ditunggang balikkan itu. Dia-lah yang (mengangkatnya ke angkasa dan) menghempaskannya ke bumi. Lalu (penduduk) bandar-bandar itu diliputi azab seksa yang meliputinya. Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhanmu (yang tidak terhingga itu) engkau ragu-ragukan (wahai manusia)?”

(Surah al-Najm, 53: 50-55)

⁵³ Surah Hūd, 11: 120

⁵⁴ Lihat kisah Qarun dalam surah al-Qaṣaṣ, 28: 76-79; al-‘Ankabūt, 29: 30-40; Ghāfir, 40: 23

⁵⁵ Qarun memiliki kemahiran ilmu kimia yang berupaya menukarkan logam menjadi emas. Lihat Ibn Kathīr, *Qaṣaṣ al-Anbiyā*, h.373; Al-Khālidī, *al-Qaṣaṣ al-Qur’ānī*, h. 3: 45

⁵⁶ Muḥammad Aḥmad Kan‘ān, *Qaṣaṣ al-Anbiyā’ wa Akhbār al-Mādīn*, h. 454

⁵⁷ Surah al-Syu‘arā’, 26: 76-79; Al-Khālidī, *al-Qaṣaṣ al-Qur’ānī*, h. 3: 19; Muhammad Ahmad Kan‘ān, h. 138 dan 147

Ayat di atas antara lain menerangkan nikmat Allah terhadap kaum Ad, umat nabi Hud dan kaum Thamud, umat nabi Saleh yang hidup serba maju tetapi ingkarkan perintah Allah. Kisah mereka ini menjadi iktibar dan teladan kepada manusia apabila Allah bertanya tentang nikmat manakah lagi yang tidak menggambarkan kekuasaan-Nya.⁵⁸

Hakikatnya, teknik penceritaan merupakan salah satu cara untuk memberikan rangsangan kepada perkembangan minda manusia. Dalam teori pembelajaran moden khususnya berkaitan pembangunan sumber manusia, konsep rangsangan (stimulus) untuk tindakan (response) dibicarakan dalam Teori Tingkah Laku (Behaviorism Theory) yang diasaskan oleh John B. Watson.⁵⁹ Pandangan ini diperkukuhkan oleh Ivan Pavlov dengan teori pelaziman klasik yang menyaranakan bahawa manusia akan bertindak melakukan sesuatu apabila wujud rangsangan.⁶⁰ Kajian tentang kecemerlangan seseorang usahawan di Barat menggunakan pendekatan psikologi seperti rangsangan untuk mendapatkan keuntungan serta pendekatan sosiologi seperti nilai kejujuran menjadi faktor penting menggerakkan aktiviti keusahawanan.⁶¹ Elemen penting pendekatan tersebut seperti mempunyai tanggungjawab sosial dan menolak kepentingan diri sahaja seumpama Qarun menjadi rangsangan dan teladan penting untuk menjadi usahawan yang ingin berjaya.⁶²

⁵⁸ Al-Nasafi, *Tafsir al-Nasafi*, h. 1184

⁵⁹ John B. Watson (1913), "Psychology as the Behaviorist View It" dalam *Psychology Review* 20, h. 158-177

⁶⁰ Misalnya, kajian beliau mengenai rangsangan berlaku kepada anjing apabila mendengar bunyi locing untuk bertindak balas kerana biasa diberi makanan dengan membunyikan locing tepat pada waktu makan. Pekerja bertindak balas apabila dirangsang seperti lawatan ketua menyebabkan pekerja menjaga kerapian pejabat. Lihat Ahmad Shukri Nain, *Tingkah Laku Organisasi*, h. 155-153. Dalam Islam, manusia terangsang dan merasa gementar apabila membaca ayat atau kisah dalam al-Quran. Lihat surah al-Anfal, 8: 2

⁶¹ Teori psikologi misalnya oleh Schumpeter dan sosiologi oleh Weber. Lihat J.A. Schumpeter (1971), "The theory of economic development", dalam P. Kilby, *Entrepreneurship and Economic Development*, New York: The Free Press

⁶² Detail tentang tanggungjawab sosial usahawan, lihat Basheer AM al-Alak dan Shorouq Eletter (2010), "Islamic Entrepreneurship: An Ongoing Driver for Social Change," *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research In Business*, vol. 1, no. 12 (2010): 81—97

Dari perspektif Islam, ayat-ayat dan kisah-kisah tersebut di atas merupakan iktibar atau pengajaran yang membawa berfikir, pengajaran dan hidayah serta menguatkan hati agar beriman kepada Allah. Berfikir merupakan perintah al-Quran dan tanda bagi ulul albab, iaitu mereka yang mempunyai daya intelektual yang tinggi. Hakikatnya, berfikir ini menjadi rahmat yang amat bernilai kepada manusia itu sendiri. Tanpa aktiviti fikir, butalah mata hati, akal dan basirah.⁶³ Lantaran itulah, metode penceritaan kisah-kisah anbiya tersebut dianggap sebaik-baik kisah dan memberi ingatan kepada kaum yang lupa.⁶⁴ Ini bertujuan untuk menjadi teladan kepada manusia seterusnya merangsang mereka berfikir serta melakukan tingkah laku yang lebih baik. Kisah-kisah tersebut menanam nilai-nilai mulia yang dipamerkan umat terdahulu serta menyedarkan mengapa bencana berlaku kerana menolak seruan anbiya. Dengan demikian, analisis terhadap faktor kecemerlangan dan keruntuhan sesebuah tamadun dapat dilakukan berpandukan kisah-kisah anbiya tersebut.⁶⁵

2. Teknik Tamsilan

Aspek kedua teknik teladan adalah melalui tamsilan atau perumpamaan terhadap kisah-kisah tersebut untuk pembangunan hidup insan. Cara perumpamaan banyak digunakan oleh al-Quran dan hadis.⁶⁶ Tujuan menggunakan perumpamaan ini adalah untuk memudahkan kefahaman, menarik dan meninggalkan kesan dengan lebih mendalam kepada manusia.⁶⁷ Baginda Nabi SAW misalnya mengumpamakan pengutusan para rasul ibarat sebuah keluarga atau sebuah bangunan yang mempunyai

⁶³ Al-Khālidī, *al-Qaṣaṣ al-Qur'ānī*, h. 1: 33

⁶⁴ Ibid, 1: 32; Surah Yusuf, 12: 3

⁶⁵ Zuridan Mohd Daud, "Aplikasi Pembangunan Modal Insan," h. 154-155

⁶⁶ Bermaksud ibarat atau misal yang membandingkan sesuatu dengan yang lain serta mengandungi pengajaran. Al-Quran menggunakan pelbagai istilah yang merujuk kepada konsep tamsilan atau perumpamaan ini seperti 'mathal' (dalam al-Hasyr, 59: 21), 'ḍarab' (dalam al-Rūm, 30: 58), atau secara perlambangan (majāz, seperti dalam Ibrāhīm, 14: 25), penyerupaan (tasybih, seperti dalam Yāsīn, 36: 39), metafora (al-Baqarah, 2: 257), serta ijāz (Āli 'Imrān, 3: 59).

⁶⁷ Lihat Azhar Muhammad (2008), *Perumpamaan al-Quran*, Skudai: Penerbit UTM Press, h. 5

susunan batu bata. Baginda merupakan bata terakhir dan penutup semua rasul.⁶⁸ Manakala tamsilan secara khusus bersabit pembangunan modal insan digambarkan dalam sebuah hadis mengenai kepentingan berkasih sayang dan kerjasama. Tamsilannya, semua manusia seumpama sebatang tubuh yang apabila sakit salah satu anggota, maka anggota yang lain juga turut merasa sengsara lantaran tidak tidur dan demam.⁶⁹

Al-Quran mengungkapkan bahawa kehendak dan kekuasaan Allah mengatasi segala-galanya. Firman-Nya bermaksud: “Sesungguhnya perbandingan (*mathal*) (kejadian) nabi Isa di sisi Allah adalah sama seperti (kejadian) nabi Adam. Allah telah menciptakan Adam dari tanah lalu berfirman kepadanya: "Jadilah engkau!" maka menjadilah ia.”⁷⁰ Perumpamaan penciptaan Adam dan Isa sama sahaja, iaitu mereka lahir atau wujud di dunia tanpa kedua-dua ibu dan bapa bagi Adam dan tanpa bapa bagi Isa. Perumpamaan ini adalah untuk manusia berfikir bagi memantapkan keyakinan dan keimanan terhadap Allah.⁷¹

Contoh teknik tamsilan juga boleh dirungkai menerusi kisah nabi Allah Ibrahim dan anaknya Ismail. Baginda telah meletakkan asas teladan tentang keyakinan bahawa rezeki adalah milik dan anugerah Allah SWT. Manusia perlu berusaha mendapatkannya. Kisah berlaku setelah meninggalkan Ismail bersama Hajar di Mekah, Baginda datang menziarahi dan mendapati anaknya telah berkahwin. Isteri anaknya mengeluh dan merungut tentang kesusahan dan kesempitan hidup. Baginda meninggalkan pesan berupa perumpamaan agar anaknya menukarkan tiang pintu. Apabila Ismail

⁶⁸ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ*, Bāb khatam al-nabiyyīn s.a.w., hadis no. 3271; Muslim, *Ṣaḥīḥ*, bāb zikr kaunihi s.a.w, hadis no. 4239; Ahmad, *Musnad*, Bab Musnad Abi Hurairah, hadis no. 8802

⁶⁹ Aḥmad, *Musnad*, bab hadith al-Nu'man bin Basyir, hadis no. 17648, 17654; Muslim, *Ṣaḥīḥ*, bab taraham al-Mu'minin, hadis no. 4685

⁷⁰ Surah Āli 'Imrān, 3: 59

⁷¹ Surah al-Hasyr, 59: 21: “Sekiranya Kami turunkan al-Quran ini ke atas sebuah gunung, nescaya engkau melihat gunung itu khuyuk serta pecah belah kerana takut kepada Allah. Dan (ingatlah), misal-misal perbandingan ini Kami kemukakan kepada umat manusia, supaya mereka memikirkannya.”

mengahwini wanita lain dan Baginda melawatnya pada ketika yang lain, isteri baru anaknya mensyukuri Allah dengan menyebut rezeki dan kehidupan yang dianugerahkan kepada mereka. Baginda dilayan dengan sajian makanan dan minuman. Nabi Ibrahim kemudian berdoa dengan berkata: “Wahai Allah! Berkatilah mereka dan makan minum mereka.”⁷²

Dalam konteks yang sama, Allah menghidangkan kisah Ibrahim dengan anaknya Ismail untuk diteladani oleh manusia mengenai kepentingan pengorbanan terhadap rezeki yang dianugerahi-Nya. Peristiwa pengorbanan ini berlaku apabila Allah memerintahkan Ibrahim mengorbankan anaknya Ismail. Mereka berdua menjadi lambang insan terbangun dengan mentaati perintah Allah dengan penuh sabar dan tawakal. Kesudahannya, Allah menggantikan kepatuhan Ibrahim menyembelih Ismail dengan seekor kambing. Peristiwa pengorbanan ini menjadi teladan umat Islam dengan berkorban binatang ternakan setiap kali musim haji sebagai cara mencari keberkatan rezeki kurniaan Allah SWT.⁷³ Kisah di atas juga mentamsilkan bahawa anak yang soleh sebagai suatu bentuk rezeki. Lantaran itu, manusia patut menjadikannya sebagai teladan dan berusaha dengan doa kepada Allah sepertimana yang dilakukan oleh Ibrahim, di samping berusaha mencari rezeki harta benda seperti biasa.⁷⁴

Menyentuh mengenai bidang rezeki dan aktiviti keusahawanan, al-Quran mengungkapkan kisah berkaitan dengan dua lelaki yang mempunyai tanah ladang dan kebun tanaman. Seorang berbangga terhadap saudaranya dengan sombong mengatakan yang dia lebih kaya dan kekayaannya kekal. Manakala seorang lelaki lagi yang bersifat baik menegurnya agar tidak mensekutukan Allah dan bersyukur dengan nikmat-Nya,

⁷² Berkat doa tersebut Allah menjadikan Mekah mewah dengan rezeki. Lihat Abdullah Nasih Ulwan, *Tarbiyah Awlād fī al-Islām*, h. 2: 673-676

⁷³ Lihat surah al-Ṣāffāt, 37: 99-108

⁷⁴ Al-Khālidī, *al-Qaṣaṣ al-Qur’ānī*, h. 1: 394; Surah al-Mumtaḥanah, 60: 4

lantaran Dia berkuasa untuk memusnahkan kebunnya.⁷⁵ Inilah contoh tamsilan dari kisah yang dirakamkan al-Quran supaya manusia tidak berlaku sombong dengan kekayaan yang dimiliki. Harta yang dimiliki tanpa keimanan dan kesyukuran kepada Allah ibarat harta yang tidak sah dan palsu. Hakikat ini dinyatakan perumpamaannya oleh Allah seperti berikut:

“Ketahuilah bahawa (yang dikatakan) kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah (bawaan hidup yang berupa semata-mata) permainan dan hiburan (yang melalaikan) serta perhiasan (yang mengurang), juga (bawaan hidup yang bertujuan) bermegah-megah di antara kamu (dengan kelebihan, kekuatan, dan bangsa keturunan) serta berlumba-lumba membanyakkan harta benda dan anak pinak; (semuanya itu terhadap waktunya) samalah seperti hujan yang (menumbuhkan tanaman yang menghijau subur) menjadikan penanamnya suka dan tertarik hati kepada kesuburannya, kemudian tanaman itu bergerak segar (ke suatu masa yang tertentu), selepas itu engkau melihatnya berupa kuning; akhirnya ia menjadi hancur bersepai; dan (hendaklah diketahui lagi, bahawa) di akhirat ada azab yang berat (disediakan bagi golongan yang hanya mengutamakan kehidupan dunia itu), dan (ada pula) keampunan besar serta keredaan dari Allah (disediakan bagi orang-orang yang mengutamakan Akhirat). Dan (ingatlah, bahawa) kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya.”
(Surah al-Hadid, 57: 20)

Ayat di atas membuat perbandingan antara dua jenis insan. Manusia beriman akan bahagia dan mendapat balasan elok di akhirat. Manakala manusia yang leka dengan harta dunia dan durhaka kepada Allah menjalani hidup ini dengan kesenangan yang menipu dan sementara, akan menjadi muflis dan mendapat azab di akhirat. Kerugian mereka sama seperti melakukan perbuatan yang sia-sia, ibarat “orang yang membentangkan kedua tapak tangannya menadah air supaya sampai ke mulut, pada hal air tersebut tentu tidak akan sampai...”⁷⁶ Ataupun seumpama “orang yang mempunyai sebuah kebun dengan anak sungai yang mengalir untuk bekalan hari tua dan anak pinak,

⁷⁵ Lihat surah al-Kahfi, 18: 32- 44. Ringkasan perbandingan cerita dua lelaki bernama Qatrus (angkuh) dan Yahuza (baik) mewarisi kekayaan tanah ladang. Suatu hari Qatrus berkata kepada Yahuza: Aku lebih kaya dari kamu dan kiamat tidak akan berlaku. Maka jawab Yahuza: Patutkah kamu ingkar dengan Allah yang memberimu rezeki? Allah boleh mengambil semula kekayaannya dengan menurunkan air dari langit dan memusnahkan licin kebunmu. Ketika itu baru kamu menyesal. Inilah perumpamaan yang dibuat oleh Allah terhadap orang yang sombong. Lihat Mahmud Yunus, *Tafsir Mahmud Yunus*, h. 42

⁷⁶ Surah al-Ra'd, 13: 14

tiba-tiba hartanya musnah terbakar kerana serangan taufan yang membawa api. Cerita perumpamaan ini semoga manusia mengambil fikiran dan iktibar.⁷⁷

Balasan terhadap mereka yang ingkar perintah Allah dan mendustakan seruan anbiya adalah kerugian. Hakikatnya, cara hidup dan balasan begitu, bertentangan dengan fitrah bersih dan normal manusia. Begitupun, jika ada yang memilih demikian, al-Quran merakamkan rasa aneh dan hairan. Firman Allah bermaksud: “Dan ceritakanlah kepada mereka satu keadaan yang ajaib mengenai kisah penduduk sebuah bandar (yang tertentu), iaitu ketika mereka didatangi Rasul-rasul (Kami). Ketika Kami mengutus kepada mereka dua orang Rasul lalu mereka mendustakannya. Kemudian Kami kuatkan (kedua Rasul itu) dengan Rasul yang ketiga. Lalu Rasul-rasul itu berkata: ‘Sesungguhnya Kami ini adalah diutuskan kepada kamu’. Penduduk bandar itu menjawab: "Kamu ini tidak lain hanyalah manusia seperti kami juga, dan Tuhan Yang Maha Pemurah tidak menurunkan sesuatu pun (tentang ugama yang kamu dakwakan); kamu ini tidak lain hanyalah berdusta.”⁷⁸

Dari sisi lain, Allah menjelaskan bahawa jika mahu, orang yang mendustakan para Rasul tersebut boleh beriman dan akan diberikan kehidupan yang baik. Namun disebabkan kecenderungan terhadap kemewahan dan kehidupan dunia serta hawa nafsu, mereka bermatian menolak dan mendustakan dakwah para Rasul. Lalu al-Quran mensifatkan mereka, “maka bandingannya adalah seperti anjing, jika engkau menghalaunya, ia menghulurkan lidahnya termengah-mengah. Dan jika engkau membiarkannya, ia juga menghulurkan lidahnya termengah-mengah. Demikianlah bandingan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat kami. Maka ceritakanlah kisah-

⁷⁷ Surah al-Baqarah, 2: 266

⁷⁸ Surah Yasīn, 36: 12-15

kisah itu supaya mereka berfikir.”⁷⁹ Keadaan manusia yang mendustakan ayat-ayat Allah begitu teruk sehingga diumpamakan seperti anjing. Anjing seekor haiwan yang sangat hodoh, jahat dan tamak, sentiasa menghidu tanah, najis dan bahan kotor. Sebaik-baik sahaja melihat sesuatu, ia terus menyalak kosong.⁸⁰ Begitulah ibarat modal insan yang menolak kebenaran, mendapat kerugian seumpama salakan anjing, kosong dan hina.

Contoh tamsilan lain berkenaan dengan orang yang menolak kebenaran dan memilih keburukan ialah perumpamaan bagi urusan niaga yang menggunakan riba. Al-Quran gambarkan pelaku riba tidak dapat berdiri dengan betul dan berkeadaan terhoyong-hayang seolah-olah sedang dirasuk syaitan. Firman Allah bermaksud: “Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba". Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba.”⁸¹ Tahap ketidaktentuan keadaan orang yang menyamakan urusan niaga riba yang haram dengan urusan niaga yang halal, menurut al-Zamakhsyari begitu teruk sehinggakan budaya Arab menyangka sesiapa yang dirasuk syaitan akan menemui ajal.⁸²

Sebaliknya pula, teladan bagi usahawan atau manusia yang taat perintah Allah dan membelanjakan harta pada jalan-Nya, seseolah mereka mendapat ganjaran harta dan rezeki berupa bonus yang berganda. Firman-Nya bermaksud:

“Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan

⁷⁹ Surah al-A'rāf, 7: 176

⁸⁰ Ibn Qayyim al-Jauziyah (1983), *al-Amthāl fī al-Qur'ān al-Karīm*, Kaherah: Dār al-Syuruk, h. 215-216

⁸¹ Surah al-Baqarah, 2: 275

⁸² Abū al-Qasim Maḥmūd 'Umar al-Zamakhsyariy (t. th), *al-Kasyyāf*, Beirut: Dār al-Fikr, h. 1: 165

(ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya.”

(Surah al-Baqarah, 2: 261)

Ayat di atas membuat perumpamaan orang yang meletakkan konsep rezeki milik Allah seperti asas yang disarankan oleh nabi Ibrahim, serta mengembalikan pula kurniaan itu ke jalan-Nya merupakan orang yang beruntung. Pulangan keuntungan mereka adalah besar dan berganda serta kekal. Lantaran itu, usahawan yang bersyukur dan membelanjakan harta pada jalan Allah wajar mendapat laba.⁸³ Ini adalah kerana mereka mengambil teladan dari perumpamaan kisah ini dengan memahami hakikat bahawa “harta benda dan anak pinak itu ialah perhiasan hidup di dunia; dan amal-amal soleh yang kekal faedahnya itu lebih baik pada sisi Tuhanmu sebagai pahala balasan, dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan.”⁸⁴

Teknik tamsilan yang dipaparkan oleh al-Quran menerusi kisah anbiya secara khusus atau umum memberikan pengajaran supaya manusia berfikir dan mengambil pedoman. Seterusnya menjadi panduan untuk diikuti yang terbaik dan menjadi sempadan untuk menolak yang terburuk. Tamsilan dan ibarat tersebut tidak lain kecuali sebagai cara mendidik manusia supaya mereka berfikir dan mengambil teladan.⁸⁵

Ringkasnya, teknik teladan menjadi salah satu cara anbiya membangunkan modal insan. Sama ada dirakamkan oleh al-Quran secara bercerita untuk pengajaran, ataupun menggunakan ibarat tamsilan untuk perbandingan dan panduan, manusia kini boleh menjadikan kisah tersebut sebagai teladan. Dalam aspek pengurusan dan

⁸³ Menurut al-Ṭabarī, sewaktu menafsirkan surah al-Baqarah, 2: 16, untung ialah apabila peniaga melakukan pertukaran suatu barangan yang dimiliki sama ada nilai pertukaran itu sama atau melebihi harga belian barangan tersebut. Sekiranya nilai pertukaran itu kurang daripada harga beliannya maka ia dianggap rugi. Lihat Al-Ṭabarī, *Jami' al-Bayān 'an al-Ta'wil 'ay al-Qur'ān*, h. 1: 315

⁸⁴ Surah al-Kahfī, 18: 46

⁸⁵ Lihat gesaan ayat-ayat surah al-Hasyr, 59: 21; al-Zumar, 39: 27; Ibrāhim, 14: 25; al-‘Ankabūt, 29: 43; al-Rūm, 30: 58; al-Isrā’, 17: 89 yang menrumuskan semua perumpamaan tersebut supaya manusia mengambil ingatan dan pelajaran dengan kerap.

pembangunan modal insan secara khusus, kisah anbiya menyajikan contoh teladan dalam bidang kepimpinan, komunikasi, kerja berpasukan dan membuat keputusan dan sebagainya.⁸⁶ Kisah Musa dan Haron memberikan contoh teladan kepimpinan Musa membawa objektif yang jelas iaitu menyeru Firaun dan para pembesarnya untuk beriman dengan Allah serta tidak melampaui batas.⁸⁷ Musa bekerjasama dengan Haron yang lebih petah berkomunikasi bagi menjalankan misi.⁸⁸ Ada ketikanya, Musa menurunkan kuasa kepada Haron untuk membuat sesuatu keputusan, yakni semasa Baginda bermunajat kepada Allah di bukit Tursina.⁸⁹ Tegasnya, kisah mereka itu menjadi panduan dan teladan yang berguna.

4.2.3. Teknik Amal Soleh

Teknik ini merujuk kepada perlakuan amal soleh sebagai suatu proses pembangunan modal insan secara berterusan dan bersepadu. Bersepadu dalam maksud proses ini boleh berlaku dalam bentuk ibadat umum atau ibadat khusus, secara individu ataupun kolektif. Amal soleh merupakan suatu bentuk ibadat yang difardukan oleh Allah SWT kepada manusia untuk berbakti sebagai hamba-Nya.⁹⁰ Dengan demikian, melakukan amal soleh menepati maksud dan fungsi penciptaan insan itu sendiri dan membuktikan keadaan insan itu berkualiti. Dalam hal ini, amal ibadat merangkumi seluruh elemen yang menjadi nadi aktiviti sumber insan itu sendiri seperti hati, jiwa, nafsu, akal, rohani dan jasmani manusia.⁹¹ Jadi, insan berkualiti ialah orang yang beriman kepada Allah dengan

⁸⁶ Iqbal Unus. "The story of Musa and Haron: Lessons to leadership," at <http://www.islamist.org/index> (akses pada Mac, 2006).

⁸⁷ Surah Tāhā, 20: 43: "Pergilah kamu berdua kepada Firaun, Sesungguhnya ia telah melampaui batas dalam kekufurannya."

⁸⁸ Lihat Ibid, 20: 24-30

⁸⁹ Detail lihat Mohd Nasir Ripin, Zulkiflee Haron dan Zulkifli Yusof, "Pengurusan Menurut Perspektif al-Quran Berdasarkan Kisah Anbiya Bumi Mesir," *Jurnal Teknologi 57* (Sains Sosial), Jan. 2012: 15-30

⁹⁰ Surah al-Dhāriyāt, 56. "Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku."

⁹¹ Amal soleh atau ibadat ialah nama kepada segala aktiviti yang dilakukan oleh manusia berupa perbuatan atau perkataan secara tersembunyi atau terang yang disukai atau diredai oleh Allah. Muncul

tulus hati, lantas disusuli dengan perlakuan amalan soleh oleh semua anatomi rohani dan jasmani manusia yang lain.⁹²

Dalam konteks keusahawanan, kajian Kayed and Hassan di Arab Saudi menemui hubungan yang erat antara Islamic values seperti amal soleh dengan aktiviti keusahawanan yang halal menjadi indikator kepada usahawan yang terbangun. Malah, hasil kajian merumuskan bahawa keusahawanan sebagai ajaran agama dan menyumbang kepada pencapaian al-falah di dunia dan akhirat.⁹³ Hakikat amal saleh sebagai metode pembinaan modal insan berkaitan keusahawanan turut dipersetujui ramai pengkaji apabila mereka menegaskan nilai dan amalan kerohanian Islam sebagai pemangkin kejayaan.⁹⁴ Amal soleh juga turut berperanan dalam memantapkan operasi dan kejayaan sesebuah organisasi.⁹⁵

Contoh amal soleh yang perlu dilakukan bagi mencapai maksud pembangunan modal insan sebenar adalah menerusi ibadat khusus seperti solat, puasa, zakat dan mengerjakan haji. Juga termasuk aktiviti berzikir, berdoa, bersedekah, kata-kata yang

dalam bentuk khusus seperti yang telah ditentukan bentuk, cara dan waktunya seperti solat, dan dalam bentuk ibadat umum yang melibatkan aktiviti hidup manusia yang menepati syarat tertentu. Lihat Ibn Taimiyyah (1969), *Al-'Ubūdiyyah*, Edisi kedua, Beirut: al-Maktab al-Islāmī, h. 38

⁹² Banyak ayat al-Quran mengisyaratkan keadaan orang beriman sebatu dengan amal soleh. Misalnya surah al-Baqarah, 2: 25, menceritakan khabar gembira untuk orang beriman dan melakukan amal soleh dengan limpahan rezeki.

⁹³ Rasem N. Kayed dan M. Kabir Hassan (2010), "Islamic entrepreneurship: A case study of Saudi Arabia," *Journal of Developmental Entrepreneurship*, Vol. 15,(04): 379-413

⁹⁴ Lihat misalnya, Ali Aslan Gümüşay, "Entrepreneurship from an Islamic Perspective", h. 99-208
Mohd Zain Mubarak et.al, "Elemen Kerohanian Dalam Keusahawanan Islam: Kajian Terhadap Usahawan Berjaya Di Negeri Kelantan," h. 43-53; Noor Shakirah Mat Akhir dan Muhammad Azizan Sabjan, "Pembangunan Modal Insan Dari Perspektif Kerohanian Agama: Islam Sebagai Fokus," h. 33-47; Nik Yusri Musa dan Nurullah Kurt, "Kerohanian Dalam Keusahawanan Islam: Perspektif al-Ghazali Dalam Kitab Ihya' Ulum al-Din," h. 22-46

⁹⁵ Ilhaamie Abdul Ghani Azmi (2015), "Islamic human resource practices and organizational performance: Some findings in a developing country", *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, Vol. 6 Iss: 1, pp.2 – 18; Ilhaamie A.G.A. (2008). Pembangunan Modal Insan Dalam Menjayakan Perniagaan Dari Perspektif Islam, *Jurnal Usuluddin*, 28, 123-138; Nail M Kamil, Ali H Al-Kahtani, & Mohamed Sulaiman (2011), The Components of Spirituality in The Business Organizational Context: The Case of Malaysia, *Asian Journal of Business and Management Sciences*, 1(2): 166-180

baik serta merenung fikir kebesaran Allah. Amal soleh sebenarnya mencakupi konteks yang lebih besar dari contoh-contoh tersebut. Allah berfirman dengan maksud:

“Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala kitab, dan sekalian Nabi; dan mendermanya seseorang akan hartanya sedang ia menyayanginya, - kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang-orang yang meminta, dan untuk memerdekakan hamba-hamba abdi; dan mengerjanya seseorang akan sembahyang serta mengeluarkan zakat; dan perbuatan orang-orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian; dan ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan, dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan perang Sabil. (Orang-orang yang demikian sifatnya), mereka itulah orang-orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan); dan mereka itulah juga orang-orang yang bertakwa.”

(Surah al-Baqarah, 2: 177)

Ayat di atas antara lain menyenaraikan amal soleh yang patut dilakukan oleh manusia untuk mencapai tingkat terbaik iaitu takwa. Metode amal soleh ini adalah melalui beriman dengan Allah dan lain-lain rukun iman, membelanjakan harta kepada kaum kerabat, anak yatim, orang yang memerlukan serta pada jalan-Nya, menunaikan solat, mengeluarkan zakat, menepati janji dan bersabar.⁹⁶ Ringkasnya, kebaikan itu merujuk kepada iman dan takwa atau pekerjaan hati seseorang untuk mentaati Allah, bukan sekadar gerakan fizikal dengan memalingkan muka ke arah timur atau barat mencari kiblat sahaja.⁹⁷ Itulah contoh orang yang benar dan bertakwa di mana keadaan itu dapat dicapai dengan cara melakukan amal soleh. Apa yang penting, seorang usahawan yang mencari rezeki serta membelanjakan pula rezeki yang disayangi itu menurut perintah Allah, dikira sebagai kebajikan atau melakukan amal soleh.⁹⁸

Dalam konteks yang lebih luas, amal soleh tidak terhad kepada melakukan perkara baik sahaja, malah berkaitan langsung juga dengan meninggalkan perkara

⁹⁶ Lihat Mahmud Yunus, *Tafsir Mahmud Yunus*, h. 36

⁹⁷ Al-Şābūnī, *Mukhtaşar Tafsīr Ibn Kathīr*, h. 1: 153

⁹⁸ *Ibid*, h. 1: 153-154; Lihat juga surah Āli ‘Imrān, 3: 92

buruk. Dalam hal ini, para anbiya menyeru manusia ke arah mentauhidkan Allah dan dalam masa yang sama menegah manusia dari melakukan keburukan atau perlu menjauhi taghut.⁹⁹ Dalam hal ini, banyak sifat terpuji yang berkaitan dengan amal soleh perlu dipraktikkan. Sementara sifat terkeji pula merupakan amalan yang perlu ditinggalkan sebagai cara terbaik untuk membangunkan modal insan.¹⁰⁰

Anjuran agar manusia melakukan amal soleh bukan sekadar memenuhi fungsi dan tugas manusia selaku hamba dan khalifah Allah. Malah, lebih dari itu impak amal soleh mendatangkan manfaat untuk manusia dan pembangunan diri dalam kehidupan mereka sendiri. Sebagai contoh, ibadat solat merupakan tatacara didikan manusia terhadap aspek rohani dan jasmani melalui disiplin, kebersihan, sistem sosial, politik dan ekonomi. Solat mengawal manusia dengan disiplin waktu melalui penetapan waktu-waktu solat.¹⁰¹ Manakala dari sudut kebersihan, untuk bersolat seseorang perlu bersuci dari hadas secara batin serta najis secara zahir. Aspek fizikal pula memerlukan seseorang memakai pakai bersih dan bersolat di tempat yang bersih. Tegasnya, aktiviti ketika solat yang memerlukan pelakunya khusuk, membaca ayat-ayat suci serta melakukan gerakan fizikal secara berkala dan berterusan akan memperkasakan rohani, mencerdaskan akal dan menyihatkan tubuh badan.¹⁰²

⁹⁹Misalnya surah al-Nahl, 16: 36, bermaksud: “Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Taghut.” Juga surah al-Quraisy, 106: 1-4

¹⁰⁰Antara sifat terpuji yang perlu diamalkan seperti benar, adil, berani dan amanah. Manakala antara sifat terkeji yang perlu ditinggalkan seperti marah, dusta, zalim dan lain-lain. Mandili, misalnya menegaskan, “hendaklah dengan bersungguh-sungguh engkau menghiasi jantung engkau dari sifat kecelaan ini nescaya engkau mendapat kemenangan dunia dan akhirat.” Lihat Mandili, *Penawar Bagi Hati*, h. 23. Juga Imām al-Ghazālī, *Usūl al-Arba’in*, mulai h. 113 (bagi sifat mazmumah yang perlu ditinggalkan) dan h. 196 (bagi sifat mahmudah yang perlukan penghayatan).

¹⁰¹Surah al-Nisā’, 4: 103

¹⁰²Surah al-Mā’idah, 5: 6 bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan solat (padahal kamu berhadas kecil), maka (berwuduklah) Iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku, dan sapulah sebahagian dari kepala kamu, dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali; dan jika kamu berjunub (berhadas besar) maka bersucilah dengan mandi wajib.” Terdapat kajian yang membongkar fakta-fakta saintifik yang menunjukkan aktiviti dalam ibadat solat berkaitan langsung dengan kesihatan tubuh badan, kelancaran perjalanan darah, kesihatan jantung, kekuatan fungsi otak dan daya ereksi alat kelamin manusia. Lihat detail perbincangan dalam

Manifestasi solat mengajar manusia melakukan interaksi sosial menerusi pemilihan kata-kata yang baik dan semangat kerjasama dengan mengukuhkan saf ketika solat berjamaah.¹⁰³ Dari segi politik, solat mengatur susun lapis komuniti erti imam dan pengikut serta ketaatan terhadap kepimpinan imam. Dalam aspek ekonomi dan keusahawanan, solat mengatur kerjasama antara ahli komuniti. Seluruh *af'al* solat tidak akan berlaku tanpa melibatkan aktiviti ekonomi dan keusahawanan seperti membangunkan masjid dan memakmurkannya, keperluan kepada pakaian untuk menutup aurat, penggunaan sumber air untuk bersuci dan seumpamanya. Tegasnya, penghayatan solat sebagai asas atau tiang kepada agama, merupakan cara hidup manusia yang maju bertamadun. Iaitu manusia yang berusaha membangunkan seluruh aspek rohani, akal, hati, jiwa dan jasmani secara berterusan. Ini adalah kerana solat dapat mendidik jiwa menjadi baik dan mencegah pelakunya dari perbuatan keji dan mungkar. Sementara solat yang dilakukan dengan khusuk pula merupakan indikator kepada golongan yang mendapat kejayaan.¹⁰⁴

Dalam konteks yang lebih khusus, solat mestilah dilakukan oleh seseorang yang beragama Islam, baligh dan berakal. Lantaran itu, amalan solat mesti ditunaikan oleh seseorang dengan ilmu, matang dan waras. Ciri tersebut merupakan petanda modal

Fatimah Ibrahim, Wan Abu Bakar Wan Abas dan Ng Siew Cheok (2009), *Solat: Kebaikan Dari Perspektif Sains*, Kuala Lumpur: Jabatan Kejuruteraan Bioperubatan, Universiti Malaya.

¹⁰³Muslim, *Ṣaḥīḥ*, Bab Faḍl isbāgh al-wuḍhu', hadis no. 369, bermaksud: "Mahukah kamu aku tunjukkan perbuatan yang jika kamu lakukan nescaya akan menghapuskan kesalahan dan mengangkat darjat kamu ke tempat yang lebih tinggi? Para Sahabat menjawab: Bahkan wahai Rasulullah! Sabda baginda: Melengkapkan wudhu walaupun terpaksa (kerana musim sejuk atau panas), memperbanyakkan langkah ke masjid, dan menunggu dari satu solat kepada waktu solat yang lain. Itulah perisai bagi kamu." Juga Ahmad, *Musnad*, bab musnad Abi Hurairah, hadis no. 6911, 7404, 7654, 9269, 10571; Ibn Majah, *Sunan*, bab ma ja' fi isbāgh al-wuḍhu', hadis no. 421, 768; al-Tirmīzī, *Sunan*, bab ma ja' fi isbāgh al-wuḍhu', hadis no. 47

¹⁰⁴Lihat surah al-'Ankabūt, 29: 45. "Dan dirikanlah solat (dengan tekun); Sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar."; Surah al-Mukminun, 23: 1-2; Ingat kata-kata Rasulullah mengenai kepentingan solat sebagai latihan awal: "Suruhlah anak-anak kamu bersolat apabila berusia tujuh tahun, dan pukullah jika tidak solat ketika berusia sepuluh tahun serta asingkanlah tempat tidur mereka." Riwayat Abū Dawūd, *Musnad*, bab mata yu'mar al-ghulām bi al-solat, hadis no. 418

insan yang diperlukan oleh sesebuah negara yang bertamadun.¹⁰⁵ Lebih dari itu, amalan solat memberikan implikasi kepada kepuasan kedua-dua aspek jasmani dan rohani manusia yang bekerja dalam sesebuah organisasi terutamanya dari segi latihan, pengurusan tatatertib dan kebajikan.¹⁰⁶ Solat merupakan suatu bentuk zikrullah.¹⁰⁷ Manakala pulangan dari zikrullah adalah mendapat ketenangan hati. Dalam hal ini, al-Quran menyarankan: "(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah. "Ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia.¹⁰⁸ Ayat ini menjelaskan bahawa dengan melakukan zikrullah seperti solat manusia mendapat keuntungan berupa manfaat ketenangan jiwa.¹⁰⁹ Sebab Allahlah yang memberikan sakinah, yakni ketenangan kepada jiwa dan ketenangan tersebut hanya dapat didambai menerusi ingatan terhadap-Nya.¹¹⁰ Dalam konteks modal insan terbina berkaitan keusahawanan, ketenangan jiwa ini merupakan suatu bentuk keuntungan serta kekayaan.¹¹¹

Para anbiya mempunyai kisah khusus berkaitan dengan amal soleh istimewanya solat dan zikir sebagai cara untuk mendapatkan penyucian dan kemantapan jiwa. Nabi Ibrahim misalnya, membina Kaabah untuk maksud ini. Nabi Musa pula bermunajat di bukit Tursina. Manakala nabi Muhammad SAW melakukan tahannuth untuk mencari

¹⁰⁵ Modal insan cemerlang sebagai syarat utama ketamadunan. Taiwan sebagai contoh, mempunyai sumber asli terhad, tetapi mempunyai ramai modal insan yang mampu menjana perdagangan peringkat antarabangsa. Lihat M.Z. Azmie (1999), *Pengurusan Dari Perspektif Solat*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, h. 69

¹⁰⁶ Lihat huraian lanjut bab solat dan pengurusan sumber manusia oleh M.Z. Azmie, h. 69-81

¹⁰⁷ Selaras dengan pandangan Ibn Abbas bahawa zikrullah itu sebahagian dari solat. Lihat 'Ali bin Abū Thalhah (2013), *Tafsir Ibnu Abbas*, (Tahqiq Rasyid Abdul Muni'im ar-Rajal), (Ter. *Tafsir Ibn 'Abbas* oleh Muhyiddin Mas Rida et al), Jakarta Selatan: Pustaka Azzam, h. 578

¹⁰⁸ Surah al-Ra'd, 13: 28

¹⁰⁹ Zaharuddin Abd Rahman (2014), *Maqāṣid al-Syari'ah fi Ahkam al-Buyu': Fiqh Kewangan Islam*, Batu Caves: PTS Islamika Sdn Bhd., h. 105

¹¹⁰ Lihat surah al-Fath, 48: 4

¹¹¹ Ingat hadis: "Kekayaan itu bukan banyaknya harta, tetapi kekayaan itu adalah kekayaan jiwa." Lihat al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ*, Kitāb al-Raqā'iq, hadis no. 322; Muslim, *Ṣaḥīḥ*, Kitāb al-Zakat, hadis no. 2417

kebenaran di gua Hira sebelum dibangkitkan menjadi rasul.¹¹² Dalam konteks ini, al-Quran secara lebih khusus memaparkan impak ibadat seperti solat dan zikir untuk mengingati Allah yang dilakukan secara diam dan zahir, secara berdiri, duduk dan tidur adalah untuk ketenangan jiwa. Oleh kerana dengan zikrullah akan menghidupkan jiwa, maka al-Quran menyarankan, “ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di Akhirat).”¹¹³ Solat sunat malam atau tahajjud pula sebagai: “Dan bangunlah pada sebahagian dari waktu malam serta kerjakanlah "sembahyang tahajjud" padanya, sebagai sembahyang tambahan bagimu; semoga Tuhanmu membangkit dan menempatkanmu pada hari akhirat di tempat yang terpuji.”¹¹⁴ Manakala solat sunat pagi seperti isyraq’ dan solat dhuha menjadi penarik dan pembuka pintu rezeki. Tegasnya, teknik ini amat bersesuaian dengan tabiat usahawan yang berkecimpung dengan harta dan urusanniaga. Ini bermakna, dengan mengingati dan membaca ayat Allah serta melakukan solat, dan menginfakkan harta, Dia akan mengurniakan rezeki dari pelbagai sumber yang tidak terjangka,¹¹⁵ seolah-olah melakukan transaksi perniagaan yang tidak akan rugi.¹¹⁶

Manakala impak dari ibadat puasa pula akan menjadikan jasmani seseorang bertambah sihat dan cergas,¹¹⁷ di samping “supaya manusia menjadi orang yang bertakwa.”¹¹⁸ Menerusi ibadat zakat pula seseorang akan mendapat kesucian jiwa dan keberkatan dengan harta menjadi semakin bertambah atau berkembang. Firman-Nya bermaksud: “Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya

¹¹² Lihat surah al-An‘ām, 6: 76-79; Lihat detail tahannuth Baginda dalam Ibn Hisham, *al-Sirah al-Nabawiyah*, h. 272-274; juga K.H. Moenawar Chalil, *Kelengkapan Tarikh Nabi Muhammad SAW*, h. 1: 124-125; M.H. Haikal, *The Life of Muhammad*, h. 70

¹¹³ Surah al-Jumu‘ah, 63: 10; juga al-Nūr, 24: 37; al-Ra‘d, 13: 28

¹¹⁴ Surah al-Isrā’, 17: 79

¹¹⁵ Al-Ṣābūnī, *Mukhtasar Tafsīr Ibn Kathīr*, h. 2: 499, ketika menafsirkan ayat surah Taha, 20: 132 “Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang, dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki daripadamu, (bahkan) Kamilah yang memberi rezeki kepadamu. Dan (ingatlah) kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertaqwa.” Lihat juga surah al-Talak, 65: 2-3

¹¹⁶ Lihat surah Fāṭir, 35: 30; Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur‘ān al-‘Azīm*, h. 3: 532; Al-Ṣābūnī, h. 3: 146

¹¹⁷ Misalnya kisah nabi Muhammad SAW dan para Sahabat berperang Badar dalam bulan Ramadhan.

¹¹⁸ Surah al-Baqarah, 2: 183

dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk).”¹¹⁹ Impak ibadat haji juga agar manusia mencapai tahap ketakwaan. Manasik haji melibatkan ibadat dari aspek rohani, fizikal dan harta dapat mendidik manusia menjadi berdisiplin dalam interaksi sosial pada semua peringkat. Firman-Nya bermaksud: “Sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadat Haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri, dan tidak boleh membuat maksiat, dan tidak boleh bertengkar, dalam masa mengerjakan ibadat Haji. Dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah; dan hendaklah kamu membawa bekal denganukupnya kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah memelihara diri (dari keaiban meminta sedekah); dan bertakwalah kepada-Ku wahai orang-orang yang berakal (yang dapat memikir dan memahaminya).”¹²⁰

Ayat-ayat di atas secara jelas menunjukkan anjuran Allah supaya manusia melakukan amal soleh menerusi perlakuan ibadat atau peninggalan terhadap larangan-Nya, sebagai cara untuk melahirkan manusia yang baik dan berjaya dalam hidup di dunia dan di akhirat. Ringkasnya, semua bentuk amal soleh yang dilakukan secara berulang kali mahupun secara tetap atau berkala tidak sekadar kefarduan Allah kepada manusia. Malah dalam konteks pembangunan modal insan, amal soleh tersebut seperti solat dan puasa juga bertindak sebagai proses latihan dan praktis kemahiran dalam rangka mensucikan jiwa, memantapkan rohani dan memperkasa jasmani. Lebih dari itu, amal soleh seperti mengeluarkan zakat memberi impak untuk menambah, menyubur dan mengembangkan harta, manakala haji pula bertindak membuang takbur atau megah diri.¹²¹ Dalam hal ini, semua bentuk ibadah memberikan kesan ketara terhadap tingkah laku manusia kerana berperanan membersihkan jiwa dan menjadikan manusia takut

¹¹⁹ Surah al-Taubah, 9: 103

¹²⁰ Surah al-Baqarah, 2: 197. Dalam hal ini, Ibn Abbas menyatakan bahawa maksud tidak boleh *rafts*, yakni mencampuri isteri sebagai tidak boleh menggauli isteri, mencium, meraba-raba dengan tangan, berkata kotor dan seumpamanya terhadap isteri. Lihat Ali bin Abu Talhah, *Tafsir Ibnu Abbas*, h. 123

¹²¹ Abdul Karim Zaidan, *Uṣūl al-Da‘wah*, h. 63-64

dengan merasai kehadiran Allah sewaktu sendirian atau ketika ramai. Sifat tersebut dapat mendidik jiwa manusia agar berlumba-lumba melakukan kebaikan dan menjadi penghalang dari melakukan maksiat atau kemudaratan dalam kehidupan termasuk bidang keusahawanan.¹²²

Suatu hal yang tidak boleh dinafikan bahawa pendekatan yang digunakan oleh anbiya untuk membangunkan modal insan adalah menerusi pelbagai doa. Doa adalah suatu bentuk amal soleh dan merupakan lambang penyerahan dan penggantungan seseorang hamba kepada Allah.¹²³ Dalam konteks ini, al-Quran merakamkan setiap anbiya mempunyai keistimewaan doa masing-masing. Misalnya, nabi Adam memohon keampunan Allah dengan berdoa: "Wahai Tuhan kami! Kami telah menganiaya diri kami sendiri, dan kalau Engkau tidak mengampunkan kami dan memberi rahmat kepada kami, nescaya menjadilah kami dari orang-orang yang rugi".¹²⁴ Nuh juga bermohon: "Wahai Tuhanku! Ampunkanlah bagiku, dan bagi kedua ibu bapakku, serta bagi sesiapa yang masuk ke rumahku dengan keadaan beriman; dan (ampunkanlah) bagi sekalian orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan (dalam segala zaman); dan janganlah Engkau tambahi orang-orang yang zalim melainkan kebinasaan!"¹²⁵

Manakala Ibrahim berharap Baginda dan keturunan teguh beramal soleh dan diampunkan Allah dengan doa: "Wahai Tuhanku! Jadikanlah daku orang yang mendirikan sembahyang dan demikianlah juga zuriat keturunanku. Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doa permohonanku."¹²⁶ Serta, "Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada

¹²² Ibid, h. 28; Juga lihat Naail Mohammed Kamil, Ali Hussain Al-Kahtani dan Mohamed Sulaiman (2011), "The Components Of Spirituality In The Business Organizational Context: The Case Of Malaysia," *Asian Journal of Business and Management Sciences*, Vol. 1 No. 2 [166-180]: 169

¹²³ Lihat maksud pengabdian serta permohonan hamba manusia kepada ketuanan Allah dengan ikrar: "Engkaulah sahaja (Ya Allah) yang kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan." Surah al-Fātihah, 1: 5

¹²⁴ Surah al-A'raf, 7: 23

¹²⁵ Surah Nūh, 71: 28

¹²⁶ Surah Ibrāhim, 14: 40

kami (amal kami); Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.”¹²⁷

Anbiya melakukan pendekatan mengadu kepada Allah agar disempurnakan segala kekurangan diri dan kesusahan hidup kepada Allah dalam himpunan doa terkenal. Misalnya Musa berdoa: "Wahai Tuhanku, lapangkanlah bagiku, dadaku dan mudahkanlah bagiku, tugasku dan lepaskanlah simpulan dari lidahku supaya mereka faham perkataanku.”¹²⁸ Begitu juga dengan Ayub mengadu: "Sesungguhnya aku ditimpa penyakit, sedang Engkaulah sahaja yang lebih mengasihani daripada segala (yang lain) yang mengasihani".¹²⁹ Sementara Yunus berdoa: "Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau (Ya Allah)! Maha suci Engkau (daripada melakukan aniaya, tolongkanlah daku)! Sesungguhnya Aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri".¹³⁰ Dan Yaakub juga berdoa: "Sesungguhnya Aku hanyalah mengadukan kesusahan dan dukacitaku kepada Allah.”¹³¹

Berkaitan dengan mencari rezeki dan keusahawanan, al-Quran merakamkan kisah Hud tentang kesempurnaan tawakkal kepada Allah dalam doa: "Sesungguhnya aku telah berserah diri kepada Allah, Tuhanku dan Tuhan kamu! Tiadalah sesuatu pun dari makhluk-makhluk yang bergerak di muka bumi melainkan Allah jualah yang menguasainya. Sesungguhnya Tuhanku tetap di atas jalan yang lurus.”¹³² Begitu juga Sulaiman melafazkan syukur terhadap kurniaan-Nya dalam doa: "Wahai Tuhanku, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmat-Mu yang Engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapaku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal soleh yang

¹²⁷ Surah al-Baqarah, 2: 127-128

¹²⁸ Surah Tāhā, 20: 25-28

¹²⁹ Surah al-Anbiyā, 21: 83

¹³⁰ Ibid., 21: 87

¹³¹ Surah Yūsof, 12: 86

¹³² Surah Hūd, 11: 56

Engkau redai; dan jadikanlah sifat-sifat kebaikan meresap masuk ke dalam jiwa zuriat keturunanku. Sesungguhnya aku bertaubat kepada-Mu, dan sesungguhnya aku dari orang-orang Islam (yang tunduk patuh kepada-Mu).”¹³³

Segala doa tersebut dirumuskan dengan doa terkenal nabi Muhammad SAW agar manusia bermohon segala kebaikan dunia dan akhirat. Yakni: "Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka.”¹³⁴ Rumusan dari himpunan doa yang dirakamkan oleh al-Quran tersebut adalah terkenal dan mustajab sempena sesuatu kisah dalam perjalanan dakwah anbiya yang memmanifestasikan segala bentuk pengantungan dan harapan kepada Allah dengan melakukan taubat dan amal soleh.

Ringkasnya, semua amal soleh yang disebutkan di atas memberikan impak kebaikan kepada manusia dan umat itu sendiri. Misalnya, berdoa kepada Allah, menepati janji atau membelanjakan harta yang disayangi dapat melahirkan komuniti yang sejahtera dan makmur, iaitu petanda utama masyarakat bertamadun.¹³⁵ Iaitu masyarakat yang menghayati ajaran agama seumpama masyarakat Madinah yang diasaskan oleh Baginda, dengan meletakkan amal soleh dan ibadat kepada Allah sebagai keutamaan dalam usaha mencari harta dan kehidupan dunia.¹³⁶ Inilah janji Allah, di mana orang yang beriman dan beramal soleh akan beroleh pahala dan keampunan yang besar,¹³⁷ mendapat kehidupan *tayyibah* yang lebih berbanding apa yang mereka

¹³³ Surah al-Ahqāf, 46: 15

¹³⁴ Surah al-Baqarah, 2: 201

¹³⁵ SMN al-Attas, *Islam dan Sekularisme*, h.65; Ibn Khaldūn mensifatkan masyarakat bertamadun sebagai komuniti yang membina kehidupan umran, yakni bandar serta mencapai taraf kemakmuran hidup dengan aktiviti ilmu dan perusahaan. Lihat, *Muqadimah*, h. 41

¹³⁶ Surah al-Kahfi, 18: 46, bermaksud: “Harta benda dan anak pinak itu, ialah perhiasan hidup di dunia; dan amal-amal soleh yang kekal faedahnya itu lebih baik pada sisi Tuhanmu sebagai pahala balasan, dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan.”

¹³⁷ Surah al-Mā'idah, 5: 9

usahakan.¹³⁸ Jelas sekali teknik ini adalah proses paling ampuh membangunkan modal insan apabila al-Quran menegaskan: “Maka, orang-orang yang beriman dan beramal soleh, untuk mereka ampunan dan rezeki yang mulia.”¹³⁹ Nyata sekali bahawa semua bentuk amal soleh yang dilaksanakan dengan betul seperti beriman, bertakwa, bertaubat, berlaku adil dan seumpamanya merupakan suatu bentuk motivasi dalam proses menjadi modal insan yang membangun.¹⁴⁰

4.2.4. Teknik Motivasi

Motivasi merupakan suatu proses psikologikal yang tidak nampak dengan mata kasar terhadap fenomena kognitif serta bersifat subjektif. Apa yang ketara ialah pola tingkah laku manusia atau pekerja yang terhasil ekoran dari wujudnya faktor motivasi. Dalam konteks pemikir pembangunan modal insan Barat, motivasi dianggap sebagai proses yang bermula dengan kekurangan atau keperluan yang menggerakkan kehendak atau tingkah laku manusia kepada mencapai matlamat atau mendapatkan insentif.¹⁴¹ Maksudnya, motivasi merujuk kepada proses kognitif yang kompleks yang berkaitan kesediaan psikologi untuk berusaha secara maksimum bagi mendapatkan keperluan atau mencapai matlamat sama ada individu ataupun organisasi. Proses ini secara mudah melibatkan tiga komponen iaitu persediaan mental atau kognitif, unsur sosial iaitu pihak atau faktor dan matlamat atau keperluan yang hendak dicapai.¹⁴²

Ringkasnya, motivasi merupakan proses persediaan mental atau kognitif yang melihat keperluan hidup atau kekurangan diri secara biologikal seperti keperluan tempat

¹³⁸ Surah al-Nahl, 16: 97

¹³⁹ Surah al-Hajj, 22: 50

¹⁴⁰ Lihat Md Golam Mohiuddin (2009), *Islamic Management*, Dhaka: The University Grants Commission of Bangladesh, h. 41-50

¹⁴¹ Fred Luthans (1995), *Organizational Behavior*, Singapore: McGraw Hill, h. 141

¹⁴² Ahmad Shukri Nain, *Tingkah Laku Organisasi*, h. 228

tinggal atau makanan, atau secara psikologikal seperti keinginan kasih sayang atau penghargaan sebagai faktor untuk mencapai matlamat tersebut. Umumnya, takat motivasi seseorang banyak bergantung kepada faktor serta motif yang ingin dicapai. Ada tiga motif yang menjadi matlamat iaitu motif asasi atau fisiologi manusia seperti keperluan makan dan tempat tinggal. Kedua, motif sekunder atau psikologikal seperti kasih sayang dan kuasa. Ketiga, motif umum yang berada antara kehendak fisiologi dan psikologi seperti rasa ingin tahu, untuk manipulasi dan sebagainya. Dalam konteks organisasi atau komuniti, motif terakhir ini begitu penting, terutamanya berkaitan dengan keusahawanan.¹⁴³

Pelbagai teori binaan manusia lahir dalam bidang pengurusan dan pembangunan modal insan khususnya berkaitan motivasi. Sekurang-kurangnya terdapat dua aliran pemikiran utama yang menjadi fokus teori motivasi Barat. Kumpulan pertama, melihat aspek kandungan dalam motivasi, sementara kem kedua menekankan aspek proses dalam motivasi. Perspektif kandungan cuba menjawab apakah persolan utama yang mendorong seseorang bekerja dengan cemerlang. Abraham Maslow, ahli psikologi Amerika, misalnya cuba membuat premis Tingkat Keperluan bermula dengan pemenuhan terhadap keperluan fisiologi, keselamatan, sosial, nilai diri dan hasrat diri sebagai jawapan.¹⁴⁴ Sebaliknya pula, Frederick Herzberg, melihat dua faktor utama iaitu faktor intrinsik seperti pengiktirafan, dan faktor lingkungan seperti persekitaran kerja menjadi dorongan utama kepada pekerja.¹⁴⁵ Muncul pula teori ERG (Existence, relatedness dan growth) iaitu faktor keinginan kepada kewujudan secara berterusan, keperluan ikatan dan pertumbuhan sebagai dorongan pekerja ingin terus berkerja.¹⁴⁶

¹⁴³ Lihat huraian Ahmad Shukri Mohd Nain, *ibid*, h. 229-233

¹⁴⁴ Lihat Abraham H. Maslow (1970), *Motivation and Personality*, Singapore: McGraw Hill

¹⁴⁵ Lihat huraian teori berkaitan oleh Ahmad Shukri Mohd Nain, h. 240-242

¹⁴⁶ Lihat Clayton P Alderfer (1972), *Existence, Relatedness and Growth*, New York: Free Press

Manakala perspektif kedua, motivasi sebagai proses pada dasarnya melihat faktor luaran, sosio-budaya, latar belakang pendidikan atau agama seseorang menjadi pendorong utama mencapai keperluan tersebut. Teori Jangkaan oleh Victor H. Broom, melihat motif yang wujud dalam diri seseorang itu didorong oleh hasil yang menjadi pilihan atau yang dicita-citakan. Maksudnya, keperluan fisiologi atau psikologikal manusia itu lahir hasil dari proses interaksi dengan budaya atau persekitaran sesebuah organisasi, bukan bersifat semulajadi.¹⁴⁷ Ringkasnya, persekitaran dunia yang sentiasa berubah menjadi pendorong kepada perubahan keperluan manusia. Sebaliknya, lahir pula teori Ekuti, iaitu proses pekerja membuat penilaian sama ada dia mendapat layanan yang adil atau tidak sebagai faktor yang menjadi motivasi untuk terus melakukan pekerjaan dan menyumbang kepada organisasi.¹⁴⁸ Betapa banyak pun teori motivasi ini muncul, namun apa yang penting, umumnya semua teori tersebut melihat keperluan atau kehendak manusia yang perlu dipenuhi hanya bersifat temporal iaitu hanya terhad dalam lingkungan organisasi ataupun pekerjaan seseorang.

Dalam konteks kajian ini, umumnya teknik motivasi binaan Barat di atas tidak salah secara asasnya, meskipun tidak pula betul sepenuhnya. Motivasi sebagai metode dalam proses pembangunan modal insan merupakan suatu faktor yang penting, khususnya berkaitan keusahawanan. Ramai orang menjadi usahawan kerana faktor ekonomi serta gaya hidup yang bersifat material.¹⁴⁹ Namun terdapat juga usahawan yang berjaya kerana faktor tanggungjawab sosial seperti didorong oleh peluang untuk memberi khidmat dan infak, serta kerana faktor ingin berdakwah.¹⁵⁰ Motif dakwah

¹⁴⁷ Lihat Victor H. Broom (1964), *Work and Motivation*, New York: Wiley, serta Victor H. Broom dan Edward L Decci (1989), *Management and Motivation*, London: Penguin Books

¹⁴⁸ Teori ini diasaskan oleh J. Stacy Adams yang melihat pencapaian dan ganjaran perlu diasaskan kepada faktor umur, pengalaman, tempoh, tahap pendidikan dan latihan, kepakaran sebagai ukuran.

¹⁴⁹ Lihat David C. MacClelland, "The Achievement Motive in Economic Growth," h. 109-122

¹⁵⁰ Lihat detail dalam Suhairimi Abdullah, "The Characteristics of Successful Entrepreneurs from Islamic Perspective," h. 322-345; Yunus Olalekan Muhammadul-Awwal, "Importance of Entrepreneurship In The Effectiveness of Dā'ir", h. 113-114

sambil bekerja sebagai usahawan terdapat dalam kisah anbiya misalnya, Nuh, Yusof, Hud, Saleh, Ibrahim, Musa, Daud, Sulaiman dan Muhammad SAW.

Dalam konteks motivasi sebagai lanjutan kepada teknik amal soleh di atas, lingkungan dan matlamat pekerjaan seseorang perlu menjangkau batasan organisasi pekerjaan. Begitu juga dengan matlamat, ia tidak sekadar pemenuhan terhadap keperluan fisiologikal atau psikologikal sahaja, malah perlu berkaitan dengan motif mencari keredaan Allah untuk bekalan hari akhirat. Tiga elemen motivasi konvensional di atas iaitu kesediaan kognitif, faktor, dan matlamat, mungkin selari dengan teknik motivasi dalam proses melakukan amal soleh ini. Bagaimanapun wujud perbezaan dari sudut operasi secara terperinci. Manusia bersedia secara kognitif dengan penuh ketaatan untuk melakukan amal soleh kerana didorong oleh faktor seperti perintah Allah untuk mendapatkan ganjaran pahala atau keredaan-Nya. Dalam konteks ini, al-Quran merakamkan kisah para anbiya yang banyak menggunakan teknik motivasi dalam tugas dakwah sebagai cara membangunkan manusia. Mereka memberikan anjuran dan galakan kepada umat masing-masing dalam rangka melahirkan keikhlasan selaku *ibād al-Rahmān*, iaitu hamba kepada Allah yang Maha Pemurah.¹⁵¹

Teknik motivasi yang dianjurkan oleh al-Quran berdasarkan kisah anbiya untuk membangunkan modal insan boleh ditemui menerusi perincian berikut:

1. Berita gembira dan khabar menakutkan

Tugas para anbiya adalah menyeru umat ke jalan Allah. Dalam masa yang sama mereka turut berfungsi sebagai basyir dan nazir, yakni penyampai berita gembira dan khabar

¹⁵¹ Istilah *Ibād al-Rahmān* serta ciri-cirinya disebut dalam surah al-Furqān, 25: 63-77. Motivasi untuk pelaku baik dijanjikan ganjaran Syurga, manakala pelaku buruk dijanjikan balasan azab neraka jahanam.

menakutkan. Khabar gembira dan khabar menakutkan ini diharapkan menjadi faktor kepada manusia untuk berubah tingkah laku kepada beriman dengan Allah. Indikator iman kepada Allah ialah melaksanakan segala perintah dan meninggalkan larangan-Nya.

Khabar gembira yang disampaikan oleh anbiya berupa perkhabaran yang bermanfaat serta menarik hati manusia sesudah beriman dengan Allah seperti mendapat balasan Syurga. Manakala khabar menakutkan pula ialah sebarang bentuk ancaman serta keburukan yang bakal ditimpakan oleh Allah sekiranya manusia durhaka dan mendustakan ajaran-Nya. Dalam hal ini, maksud firman Allah:

“Pada mulanya manusia itu ialah umat yang satu (menurut agama Allah yang satu, tetapi setelah mereka berselisihan), maka Allah mengutuskan Nabi-nabi sebagai pemberi khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman dengan balasan syurga), dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar dengan balasan azab neraka).”

(Surah al-Baqarah, 2: 213)¹⁵²

Ayat di atas antara lain menerangkan fungsi para anbiya adalah sebagai pembawa berita gembira (mubassyirin) dan khabar menakutkan (munzirin). Ibn Jarir memetik pendapat Ibn Abbas menyatakan bahawa selama 10 kurun dari Adam sampai Nuh, manusia merupakan umat yang satu dengan mengikuti kebenaran. Bagaimanapun selepas itu, mereka berselisihan antara jalan kebenaran dan kebatilan, lalu diutuskan para anbiya untuk memberi khabar gembira dengan balasan Syurga bagi yang taat dan ancaman dengan balasan neraka bagi yang ingkar.¹⁵³

Dalam hal ini, Nuh berkata kepada kaumnya menepati fungsi khabar gembira dan ancaman. Maksudnya: “Dia pun (menyeru mereka dengan) berkata: "Wahai kaumku! Sesungguhnya aku ini diutus kepada kamu, sebagai pemberi ingatan dan

¹⁵² Lihat juga surah al-Nisa, 4: 165. Khusus mengenai nabi Muhammad, lihat surah al-Baqarah, 2: 119; al-A‘raf, 7: 187; Hūd, 11: 2; Isrā’, 17: 105

¹⁵³ Al-Ṣābūnī, *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr*, h. 1: 187

amaran yang nyata; "Iaitu sembahlah kamu akan Allah dan bertakwalah kepada-Nya, serta taatlah kamu kepadaku supaya Allah mengampunkan bagi kamu sebahagian dari dosa-dosa kamu, dan memberi kamu hidup (dengan tidak terkena azab) hingga ke suatu masa yang tertentu; (maka segeralah beribadat dan bertakwa) kerana sesungguhnya ajal (yang telah ditetapkan) Allah, apabila sampai masanya, tidak dapat ditangguhkan; kalaulah kamu mengetahui (hakikat ini tentulah kamu segera beriman)."¹⁵⁴ Namun begitu, hanya fakir miskin dan orang-orang yang lemah menerima dakwah Nuh. Manakala golongan kaya dan berkuasa tidak menerima seruan Nuh, lantaran merasakan kehidupan mereka secara fisiologikal adalah serba cukup. Malahan, dakwah tersebut dibalas dengan dakyah dan tuduhan Nuh sebagai gila dan dusta.¹⁵⁵

Motivasi menerusi teknik khabar gembira dalam konteks aktiviti keusahawanan dengan mencari dan menabung pada jalan Allah disifatkan oleh al-Quran akan membawa untung berganda seumpama sebiji benih menumbuhkan sebatang pokok yang berbuah dengan tujuh tangkai dengan setiap tangkai mengandungi seratus biji.¹⁵⁶ Sudah tentu kesediaan kognitif untuk bersedekah akan terdorong apabila motifnya untuk mencari keredaan Allah. Firman-Nya bermaksud: "Dan bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredaan Allah dan kerana meneguhkan (iman dan perasaan ikhlas) yang timbul dari jiwa mereka, adalah seperti sebuah kebun di tempat yang tinggi, yang ditimpa hujan lebat, lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda. Kalau ia tidak ditimpa hujan lebat, maka hujan renyai-renyai pun (cukup untuk menyiraminya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa melihat akan apa yang kamu lakukan."¹⁵⁷

¹⁵⁴ Surah Nūh, 71: 2-4

¹⁵⁵ Surah al-Qamar, 54: 9

¹⁵⁶ Lihat surah al-Baqarah, 2: 261. Amalan sedekah dengan penuh ikhlas bukan setakat membuka pintu rezeki, kesihatan dan panjang umur, malah pintu keberkatan dan pintu Syurga. Lihat perbincangan Muhammad Muhyuddin (2013), *Ajaibnya Sedekah: Semakin Bersedekah Semakin Kaya*, Batu Caves: PTS Millennia Sdn Bhd.

¹⁵⁷ Surah al-Baqarah, 2: 265

Ayat-ayat di atas antara lain menekankan kepentingan unsur keikhlasan, manfaat dan keredaan Allah sebagai motivasi untuk melakukan amal soleh.

Sebaliknya pula, al-Quran membawa contoh ancaman siksa sebagai motivasi untuk tidak melakukan perkara buruk. Firman Allah bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman! Jangan rosakkan (pahala amal) sedekah kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan (kelakuan yang) menyakiti, seperti (rosaknya pahala amal sedekah) orang yang membelanjakan hartanya kerana hendak menunjuk-nunjuk kepada manusia (riak), dan ia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat. Maka bandingan orang itu ialah seperti batu licin yang ada tanah di atasnya, kemudian batu itu ditimpa hujan lebat, lalu ditinggalkannya bersih licin (tidak bertanah lagi). (Demikianlah juga halnya orang-orang yang kafir dan riak itu) mereka tidak akan mendapat sesuatu (pahala) pun dari apa yang mereka usahakan. Dan (ingatlah), Allah tidak akan memberi petunjuk kepada kaum yang kafir.”¹⁵⁸ Ringkasnya, khabar duka bagi usahawan yang riak dan tidak ikhlas dengan sedekah ialah mendapat pulangan kosong. Iaitu seseorang yang suka menunjuk-nunjuk, seumpama tanah atas batu licin, hilang semuanya apabila hujan turun.¹⁵⁹ Kisah ini diharapkan menjadi motivator kepada setiap insan untuk melakukan amal soleh, bukan amal buruk.¹⁶⁰

Dalam konteks pembangunan modal insan, teknik ancaman ini bertujuan membersihkan manusia dari berbagai pengaruh teori atau pemikiran kotor dan sesat serta menjadikan keimanan dan kesedaran kognitif sebagai benteng untuk menolak keburukan tersebut.¹⁶¹ Hakikat ini terserlah misalnya dalam firman Allah: “Dan

¹⁵⁸ Surah al-Baqarah, 2: 264

¹⁵⁹ Al-Şābūnī, *Mukhtaşar Tafşır Ibn Kathır*, h. 1: 238

¹⁶⁰ Taubat dan istighfar sebagai contoh membuka pintu rezeki dan kemakmuran sepertimana dalam nasihat Nabi Saleh kepada kaumnya. Lihat surah Hud, 11: 52; Juga ‘Afif ‘Abd Fattaḥ Ṭabbārah, *Ma‘a al-Anbiyā’*, h. 211

¹⁶¹ Abdullah Nasih ‘Ulwan, *Tarbiyah Awwāl fī al-Islām*, h. 2: 839

janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kepapaan; Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu. Sesungguhnya perbuatan membunuh mereka adalah satu kesalahan yang besar.”¹⁶² Ayat ini jelas menegah manusia dari membunuh anak-anak lantaran takut kepapaan sebagai satu dosa besar. Sebenarnya manusia tidak perlu berbuat demikian kerana Allahlah yang akan memberikan rezeki kepada mereka, yakni anak-anak dan kamu. Secara perbandingannya pula dijawab oleh Allah sebagai: “Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana kepapaan, (sebenarnya) Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu dan kepada mereka.”¹⁶³ Ayat ini pula menekankan tegahan membunuh anak-anak kerana Allahlah sebagai sumber memberikan rezeki kepada manusia dan anak-anak mereka.¹⁶⁴ Di sini ketara kemukjizatan al-Quran yang menjelaskan kebimbangan manusia takut papa digantikan dengan keyakinan keimanan kepada Allah sebagai sumber rezeki. Larangan membunuh di sini menegaskan bahawa anak-anak tidak akan mengambil rezeki ibu bapa. Begitu juga kedua ibu bapa tidak akan mengambil rezeki anak-anak, lantaran Allahlah yang memberikan rezeki kepada semua ibu bapa dan anak-anak.¹⁶⁵ Ibarat kata Ibn Abbas, pemberian rezeki ini kerana Allah memiliki kesempurnaan dalam kekayaan dan sifat penyantunan.¹⁶⁶

Tegasnya, larangan membunuh anak dalam ayat tersebut bukan sekadar bagi mengelak impak negatif terhadap individu dan komuniti. Lebih dari itu, larangan tersebut perlu dilihat sebagai suatu peluang bagi manusia untuk berusaha lebih gigih

¹⁶² Surah al-Isrā', 17: 31

¹⁶³ Surah al-An'ām, 6: 151

¹⁶⁴ Di Indonesia, Buya Hamka menarik kesimpulan terhadap larangan membunuh anak kerana takut papa dengan munculnya program Keluarga Berencana. Namun, muncul golongan muda-mudi di kota besar menggunakan pil pencegah kehamilan bagi menutup hubungan luar nikah. Tanpa kawalan, program tersebut boleh memberikan impak negatif terhadap perkembangan bangsa dan alam semesta. Lihat Hamka (1999), *Tafsir al-Azhar*, 10 jilid, Singapore: Pustaka Nasional Pte Ltd., h. 3: 2244-3246; Hamka (1974), “Pandangan Islam Tentang Keluarga Berencana,” dalam *Panji Masyarakat*, No. 256, 1 Okt. 1978, Jakarta: Yayasan Nurul Islam, h. 35

¹⁶⁵ Muhammad Mutawallī al-Sya'rawī (t.t), *Mu'jizat al-Qur'ān*, Makī: Asyraf Husin, 10 jilid, T.Tp: Akhbār al-Yaum, h. 1: 56

¹⁶⁶ Yakni ketika menafsirkan surah al-Baqarah, 2: 263. Lihat Ali bin Abu Talhah, h. 149

membangunkan ekonomi keluarga dengan kepercayaan bahawa sumber rezeki itu datang daripada Allah. Ayat-ayat di atas juga menarik dua bentuk kesimpulan ancaman. Pertama; peringatan terus kepada manusia supaya timbul perasaan benci terhadap perbuatan membunuh anak kerana takut miskin. Kedua, mendedahkan kesesatan pembunuhan tersebut sebagai satu kesalahan yang besar dari segi perlakuan dan kognitif kerana Allahlah yang sebenarnya memberikan rezeki.¹⁶⁷

Menerusi teknik ancaman ini, Abdullah Nasih Ulwan mendedahkan beberapa item barangan dan aktiviti keusahawanan yang perlu di jauhi dalam konteks pendidikan modal insan berdasarkan al-Quran dan Sunnah. Antaranya:¹⁶⁸

- i. Menjual barangan terlarang seperti arak, babi, alatan muzik, salib dan semua item yang haram
- ii. Transaksi secara gharar, yakni tidak pasti seperti menjual ikan yang masih di kolam, burung di udara atau jual beli secara melempar batu (judi)¹⁶⁹
- iii. Transaksi jualan secara tidak adil seperti menaikkan harga barangan dengan melampau tanpa perimbangan dengan keperluan pengguna
- iv. Melakukan monopoli atau menyorok barangan bertujuan untuk menaikkan harga barangan apabila barangan kurang di pasaran
- v. Jualan secara menipu seperti kualiti barangan tidak seperti yang diiklankan
- vi. Transaksi perniagaan secara curian atau pemerolehan tanpa hak
- vii. Transaksi perniagaan secara riba

¹⁶⁷ Abdullah Nasih 'Ulwan, *Tarbiyah Awlād fī al-Islām*, h. 2: 839

¹⁶⁸ Lihat ancaman teknik mencari rezeki dan cara yang dibenarkan dalam *Tarbiyah Awlād fī al-Islām*, h. 2: 907-913

¹⁶⁹ Lihat detail tegahan gharar dalam Abdul Hadi Awang (2012), "Gharar Dalam Perspektif *Fiqh Al-Hadith*: Analisis Terhadap 'Illah Dan Prinsip" *HADIS: Jurnal Ilmiah Berimpak*. Tahun Kedua, Bil: 4, Safar 1434h, (Disember 2012), h. 63-94

Penyelesaian kepada ancaman tersebut ialah dengan memberikan motivasi kepada manusia agar berusaha mencari aktiviti keusahawanan yang baik seperti perniagaan secara berkongsi keuntungan atau mudharabah bagi mengelakkan riba dan sebagainya.¹⁷⁰ Aktiviti tersebut seharusnya bermanfaat kepada diri sendiri dari segi jiwa, pemikiran, akhlak dan jasmani serta juga bermanfaat untuk masyarakat.¹⁷¹

2. Anjuran Makruf dan Tegahan Mungkar

Untuk mendapat keredaan Allah, manusia mesti menjunjung perintah dan menjauhi larangan-nya. Dalam hal ini, al-Quran merakamkan peranan para anbiya adalah untuk menyeru kepada makruf dan menegah kemungkaran. Makruf merupakan kebaikan sesuatu yang disukai serta diarifi. Manakala mungkar adalah sesuatu yang diingkari oleh akal manusia serta fitrah. Lantaran itu, manusia sepatutnya bermotivasi untuk menganjurkan kemakrufan serta meninggalkan kemungkaran.

Para anbiya sentiasa menjadikan perkara makruf sebagai matlamat untuk manusia membudayakan dalam diri dan perkara mungkar untuk dihindari. Proses ini dilakukan secara berterusan sebagai usaha untuk membangunkan modal insan. Anbiya sejak Adam sampai Muhammad SAW menjadikan proses ini sebagai asas utama.¹⁷² Implikasinya, umat yang mereka didik merasa bertanggungjawab menjadikan teknik tersebut sebagai rutin hidup. Firman Allah bermaksud: “Iaitu orang-orang yang mengikut Rasulullah (Muhammad SAW) nabi yang ummi, yang mereka dapati tertulis (namanya dan sifat-sifatnya) di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka, ia menyuruh mereka dengan perkara-perkara yang baik, dan melarang mereka dari

¹⁷⁰ Para anbiya misalnya menunjukkan contoh dengan melakukan aktiviti keusahawanan yang baik seperti menjadi pengembala kambing. Lihat kupasan lanjut dalam Abdullah Nasih ‘Ulwan, *Tarbiyah Awwāl fī al-Islām*, h. 2: 925 - 931

¹⁷¹ Ibid, h. 2: 925

¹⁷² Ibid, h. 2: 55

melakukan perkara-perkara yang keji. Dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk.”¹⁷³

Ayat ini antara lain menerangkan perihal orang yang beriman yang mengikuti cara hidup Rasul dengan meyeru kepada makruf, menegah perkara mungkar serta menghalalkan perkara yang baik dan mengharamkan perkara yang buruk. Inilah contoh proses dan budaya hidup orang-orang yang beriman dan berjaya.¹⁷⁴

Motivasi dari proses menyuruh makruf dan menegah mungkar bukan sekadar faktor kewajipan, malah merupakan indikator utama sebagai umat terbaik serta bukti keimanan kepada Allah dan hari akhirat.¹⁷⁵ Lantaran itu, prinsip ini mampu menggerakkan kognitif usahawan untuk dijadikan sebagai budaya kerja ke arah lebih cemerlang dan produktif. Hal ini terpapar apabila al-Quran mengarahkan supaya membuat transaksi perniagaan dengan takaran yang adil, lalu datang penegasan Rasulullah SAW bahawa peniaga yang amanah akan dibangkitkan pada hari akhirat bersama-sama anbiya, syuhada dan siddiqin.¹⁷⁶ Oleh itu, melakukan sukatan atau takaran dengan adil wajar menjadi budaya usahawan. Manakala melakukan jual beli fasad seperti dengan riba, penipuan dalam takaran dan timbangan ditegah sama sekali.¹⁷⁷ Dalam konteks ini, firman-Nya:

“(Demikian juga) penduduk "Aikah" telah mendustakan Rasul-rasul (yang diutus kepada mereka). Ketika nabi Syuaib berkata kepada mereka: Hendaknya kamu mematuhi perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya. Sesungguhnya aku ini Rasul yang amanah, (yang diutus oleh Allah) kepada kamu. Oleh itu, takutilah kamu akan (kemurkaan) Allah, dan taatlah kepadaku. Dan aku tidak meminta kepada kamu sebarang upah mengenai apa yang aku sampaikan (dari Tuhanku); Balasanku hanyalah terserah kepada Allah Tuhan sekalian alam. Hendaklah kamu menyempurnakan sukatan cupak-gantang, dan janganlah kamu menjadi

¹⁷³ Surah al-A‘rāf, 7: 157

¹⁷⁴ Al-Şābūnī, *Mukhtaşar Tafsīr Ibn Kathīr*, h. 2: 55

¹⁷⁵ Lihat surah Āli ‘Imrān, 3: 103; 3: 110 dan 3: 114; al-Taubah, 9: 72

¹⁷⁶ Al-Tirmīzī, *Sunan*, bab ma ja’ fi al-tujjār, hadis no. 1130; Juga al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Awsāt*, hadis no. 7607; Ibn Mājah, *Sunan*, bab al-hath ‘ala al-makāsib, hadis no. 2130

¹⁷⁷ Lihat surah al-Muṭaffifīn, 83: 1-3

golongan yang merugikan orang lain. Dan timbanglah dengan neraca yang betul timbangannya. Dan janganlah kamu mengurangi hak-hak orang ramai, dan janganlah kamu bermaharajalela melakukan kerosakan di bumi.”

(Surah al-Syu‘arā‘, 26: 176-182)

Ayat di atas menggambarkan anjuran melakukan makruf dalam perniagaan agar mendatangkan manfaat, manakala perkara buruk perlu ditegah kerana boleh menimbulkan kemudaratan. Ganjaran pahala atau manfaat lain diperolehi apabila seseorang itu melakukan tindakan menurut acuan yang sepatutnya boleh menjadi faktor motivasi. Dalam konteks ini, melakukan amar makruf dan menegah mungkar mengikut tahap-tahap tertentu merupakan petanda kepada indeks keimanan. Suruhan makruf dan tegahan mungkar dengan kekuasaan merupakan aras keimanan paling tinggi. Manakala menegah mungkar dengan hati menjadi pengukur iman yang paling lemah.¹⁷⁸

4.2.5. Jihad

Jihad merupakan petanda kepada manusia yang bermotivasi. Ini adalah kerana jihad bermaksud segala curahan daya dan usaha untuk terus konsisten dalam melakukan sesuatu perkara. Maksudnya, usaha seseorang manusia mengerahkan segala sumber daya dan tenaga modal insannya ke arah kemenangan Islam atau pada jalan Allah untuk mencapai keredaan-Nya.¹⁷⁹ Lantaran itu, konsep jihad cukup luas merangkumi segala kesungguhan usaha dalam segala aspek kehidupan. Bentuknya juga pelbagai seperti dalam bentuk dalaman, menggunakan lidah, anggota badan, harta, ilmu dan teknologi

¹⁷⁸ Tahap keimanan berkaitan keupayaan tingkah laku dijelaskan dalam hadis bermaksud: “Sesiapa dari kalangan kamu yang melihat mungkar, hendaklah merubahnya dengan tangan, jika tidak berkuasa hendaklah merubahnya dengan lisan, jika tidak kuasa juga hendaklah dengan hati. Itulah serendah-rendah iman.” Riwayat Muslim, *Ṣaḥīḥ*, Bāb bayān kawān al-nahy ‘an al-mungkar, hadis no. 70; Juga Ibn Mājah, *Sunan*, Bāb al-Amr bi al-Ma‘ruf, hadis no. 4003. Di Barat, motivasi berupa ganjaran dikaitkan dengan teori Pelaziman Operan, yakni pembelajaran akan berlaku akibat dari perubahan tingkah laku. Ganjaran diberikan apabila pekerja mencapai tahap perubahan tingkah laku yang dikehendaki atau ditetapkan. Detail lihat B.F Skinner (1938), *The Behavior of Organisms: An Experimental Analysis*, New York: Appleton-Century Crofts.

¹⁷⁹ Abdul Karim Zaidan, *Uṣūl al-Da‘wah*, h. 197

serta melalui peperangan.¹⁸⁰ Ini bermakna, curahan tenaga dan kesungguhan menepati ciri yang perlu ada pada seseorang usahawan. Lantaran itu, jihad merupakan metode terbaik untuk membangunkan modal insan keusahawanan.¹⁸¹

Ibn Qayyim membahagikan jihad kepada tiga jenis, iaitu jihad mutlak, berupa peperangan melawan musuh; jihad hujjah, iaitu penggunaan argumentasi ilmiah atau ilmu; dan jihad umum, iaitu semua bentuk usaha dalam semua aspek hidup terhadap diri mahu pun orang lain menerusi harta, jiwa, tenaga, ilmu dan seumpamanya untuk menegakkan ajaran Allah.¹⁸² Al-Quran ada merakamkan kisah jihad anbiya yang tidak luput dari semua jenis jihad tersebut. Misalnya kisah peperangan nabi Daud melawan Jalut¹⁸³ serta kisah-kisah ghazwah nabi Muhammad SAW.¹⁸⁴ Begitu juga dengan hujah indah dan jidal melawan musuh Islam,¹⁸⁵ serta jihad am yang mencakupi semua bentuk curahan tenaga dalam pelbagai aspek kehidupan.¹⁸⁶

Kebanyakan ayat al-Quran menggunakan istilah jihad dengan makna umum serta dikaitkan dengan istilah fi sabilillah.¹⁸⁷ Misalnya firman Allah bermaksud:

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah, dan orang-orang (Ansar) yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kepada orang-orang Islam yang berhijrah itu), mereka semuanya menjadi penyokong dan pembela antara satu dengan yang lain...”

(Surah al-Anfāl, 8: 72)

¹⁸⁰ Ibid, h. 197-198

¹⁸¹ Rujuk Bab 2 sebelum ini di bawah fakta 2.3.1: Konsep Keusahawanan, dan fakta 2.5: Penaraf aktiviti keusahawanan, yakni keusahawanan sebagai jihad pada jalan Allah.

¹⁸² *Ensiklopedia Islam*, entri J, h. 2: 318

¹⁸³ Nabi Daud berperang bagi pihak Talut dan Berjaya membunuh Jalut. Lihat surah al-Baqarah, 2: 251, dan kisah peperangan ini yang bermula dengan ayat 2: 246.

¹⁸⁴ Misalnya surah al-Hajj, 22: 39; surah al-Anfāl, 8.

¹⁸⁵ Misalnya surah al-Nahl, 16: 125

¹⁸⁶ Misalnya surah al-Nahl, 110; al-Nūr, 53; al-Furqān, 52; Fāṭir, 43

¹⁸⁷ Ada 39 ayat dalam bentuk jihad umum, misalnya dalam surah al-Taubah, 9: 41. Maklumat lanjut lihat *Ensiklopedia Islam*, entri J, h. 2: 316-318

Ayat di atas antara lain menceritakan hal ehwal orang yang beriman saling bantu membantu antara satu sama lain dengan segala upaya menggunakan harta dan jiwa.¹⁸⁸ Selain bukti keimanan sebagai pendorong untuk seseorang berjihad, al-Quran menyediakan rangsangan objektif berikut sebagai motivasi kepada manusia:¹⁸⁹

- i. Menghilangkan fitnah
- ii. Membanteras kezaliman
- iii. Membantu golongan yang lemah
- iv. Mewujudkan keadilan dan kebenaran
- v. Mempertahankan diri, kehormatan, harta dan negara

Rumusan dari latar belakang di atas, proses jihad yang menjadi motivasi kepada manusia untuk mencurahkan sepenuh tenaga dan mempertingkatkan segala sumber insannya adalah untuk memburu reda Allah dengan melakukan kebaikan dan meninggalkan larangan-Nya. Matlamat jihad juga agar terlaksana syariat Allah di muka bumi bagi mewujudkan suasana makmur, aman dan tenteram.¹⁹⁰

Dalam konteks aktiviti keusahawanan, jihad dengan aktiviti perniagaan dimotivasikan oleh al-Quran sebagai orang yang lebih baik, yang berjaya, yang beriman, yang mendapat keampunan Allah dan mendapat ganjaran Syurga, iaitu tempat tinggal terbaik. Firman Allah bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Mahukah Aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya? Iaitu, kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, serta kamu berjihad membela dan menegakkan agama Allah dengan harta benda dan diri kamu. Yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya). (Dengan itu) Allah akan mengampunkan dosa-dosa kamu, dan memasukkan kamu ke

¹⁸⁸ Ia berkaitan golongan Muhajirin dan Ansar. Lihat Mahmud Yunus, *Tafsir Mahmud Yunus*, h. 259

¹⁸⁹ Rumusan dari ayat-ayat surah al-Baqarah, 2: 190-193; al-Nisā', 4: 75 dan al-Taubah, 9: 13-15

¹⁹⁰ *Ensiklopedia Islam*, entri J, h. 2: 317

dalam taman-taman yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, serta ditempatkan kamu di tempat-tempat tinggal yang baik dalam syurga "Adn". Itulah kemenangan yang besar. Dan ada lagi limpah kurnia yang kamu sukai, iaitu pertolongan dari Allah dan kemenangan yang cepat (masa berlakunya). Dan sampaikanlah berita yang mengembirakan itu kepada orang-orang yang beriman.”

(Surah al-Şaf, 61: 10-13)

Ayat di atas antara lain menjelaskan bahawa dengan berjihad pada jalan Allah merupakan suatu bentuk perniagaan yang menguntungkan tidak akan rugi selamanya. Iaitu perniagaan dengan cara berjihad dengan harta dan diri atau segala bentuk modal insan pada jalan Allah.¹⁹¹ Ini adalah kerana melalui jihad, Allah sendiri akan membeli diri dan harta tersebut dengan bayaran Syurga. Hakikat itulah gambaran kejayaan yang sebenar.¹⁹²

Memahami ayat di atas yang menerangkan perniagaan sebagai suatu bentuk jihad, al-Asfahani menerangkan bahawa al-Quran membuat perbandingan dua bentuk perniagaan. Iaitu antara perniagaan ‘beriman dengan Allah’¹⁹³ dengan satu lagi urusan iaitu ‘membeli kesesatan.’¹⁹⁴ Maka, perniagaan beriman dengan Allah itu sangat beruntung, manakala jenis yang kedua adalah perniagaan yang rugi.¹⁹⁵ Lantaran itu hendaklah setiap peniaga itu berjihad melaksanakan perniagaan yang menguntungkan secara saling rela merelai dengan kehadiran antara satu sama lain.¹⁹⁶ Sesiapa yang melakukan urusan sedemikian dikatakan usahawan yang bijak.¹⁹⁷

Para anbiya menunjukkan contoh terbaik dalam usaha dakwah dan jihad pada jalan Allah dalam pelbagai bidang. Misalnya, nabi Syuaib mengajak kaum Madyan agar

¹⁹¹ Al-Şabūnī, *Mukhtaşar Tafsīr Ibn Kathīr*, h. 3: 495

¹⁹² Surah al-Taubah, 9: 111

¹⁹³ Surah al-Şaf, 61: 11

¹⁹⁴ Surah al-Baqarah, 2: 16

¹⁹⁵ Al-Raghib al-Aşfahānī (1997), *Mu'jam Mufradāt alfāz al-Qur'ān*, entri 'ta', h. 84

¹⁹⁶ Surah al-Nisa, 4: 29 menyebut: “Jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu.” Manakala surah al-Baqarah, 2: 282 menjelaskan: “Perniagaan tunai yang kamu edarkan sesama sendiri.”

¹⁹⁷ Pandangan Ibn al-A'rabi, dipetik oleh al-Aşfahānī, *Mu'jam Mufradāt alfāz al-Qur'ān*, h. 84

beriman dengan Allah dan melarang mereka mensyirikkan Allah.¹⁹⁸ Caranya dengan melakukan keadilan dalam urusan niaga serta tidak melakukan tipu muslihat dalam takaran serta timbangan sewaktu berjual beli.¹⁹⁹ Namun begitu, dakwah Syuaib ditolak dan ditentang oleh kaumnya. Mereka melakukan kerosakan dan kemungkar ekonomi dengan berterusan seperti menipu dalam sukatan dan timbangan, menjual barangan yang kurang bernilai dengan harga mahal dan melakukan rampasan di jalanan.²⁰⁰

Dalam konteks ini, Syuaib terus berjuang menyeru kaumnya dengan mengajak mereka agar berpada dengan rezeki yang halal. Firman Allah bermaksud: “Limpah kurnia Allah kepada kamu lebih baik bagi kamu (daripada yang kamu ambil secara haram itu), jika betul kamu orang-orang yang beriman. Dan aku bukanlah orang yang menjaga dan mengawas perbuatan kamu.”²⁰¹ Ayat ini memberikan motivasi bahawa urusan niaga dengan transaksi yang halal lebih bermakna dari limpahan harta yang diambil secara batal seperti melalui pengurangan timbangan kerana kesannya membawa keburukan kepada ramai. Tegasnya, keuntungan dari rezeki yang sedikit melalui transaksi halal adalah lebih baik kerana mendapat keberkatan Allah dan menjurus kepada kebahagiaan hidup.²⁰²

Sebahagian anbiya yang melakukan tugas jihad dan membangunkan manusia ke jalan yang benar dengan tekun banyak mengalami penentangan dari kaum mereka sendiri. Kesungguhan mereka berjihad dan banyak menanggung penderitaan dalam menyebarkan dakwah ini menyebabkan mereka digelar ulul azmi.²⁰³ Nabi Nuh misalnya, menyeru kaumnya dengan pelbagai cara tanpa mengira malam dan siang

¹⁹⁸ Surah al-A‘rāf, 7: 85

¹⁹⁹ Surah al-A‘rāf, 7: 85-86; Hūd, 11: 84-85; al-Syu‘arā’, 26: 177-181

²⁰⁰ Al-Khālidī, *al-Qaṣaṣ al-Qur‘ānī*, h. 3: 16-17

²⁰¹ Surah Hud, 11: 86

²⁰² Al-Khālidī, h. 2: 18

²⁰³ Surah al-Aḥqāf, 46: 35; Surah al-Aḥzāb, 33: 7, menyebut mereka adalah Muhammad, Nuh, Ibrahim, Musa, serta Isa AS.

sehingga melebihi 900 tahun, tetapi yang menyahut seruannya hanya sedikit.²⁰⁴ Ramai mereka menentang dan mempersenda-sandakan dakwah Nuh. Ada anbiya yang terpaksa menanggung kesakitan dan berpisah dengan keluarga seperti Ayub dan Yaakub.²⁰⁵ Ada juga yang terpaksa menempuhi tiga kegelapan dengan mengharungi lautan dan berada dalam perut ikan seperti Yunus.²⁰⁶ Ada yang dikejar musuh dan melintasi lautan seperti Musa.²⁰⁷ Sesungguhnya, lingkaran kisah anbiya dalam al-Quran penuh warna-warni kesusahan dalam usaha berjihad menegakkan kebenaran dan menghapuskan kemungkaran.²⁰⁸ Ini bermakna, kesusahan berjihad merupakan fitrah dan lumrah dalam proses pembangunan modal insan.

Dari perspektif lain, kisah kesungguhan mereka ini menyuntik semangat dan motivasi dalam rangka pembinaan insan kerana menyedari imbuhan kebahagiaan yang bakal dikecapi sebagai natijah dari usaha jihad tersebut dalam pelbagai bentuk atau dimensi. Dari perspektif kesedaran mental, kesusahan hidup dalam mengoptimumkan curahan segala sumber tenaga merupakan proses fitrah para anbiya yang perlu dilalui untuk pembangunan insan. Ini kerana tiada jihad tanpa menanggung kesusahan sepertimana semua anbiya mengalami kesusahan dalam melaksanakan tugas mereka. Dari perspektif hidup berkeluarga sebagai contoh, berkat jihad dan sabar, Yaakub akhirnya bersatu dengan anaknya Yusof, dan Ayub kembali hidup bersama isterinya.²⁰⁹ Imbuhan dari jihad mendapat kejayaan dunia dan kebahagiaan hidup di Akhirat.²¹⁰ Lebih penting dari itu, semua anbiya terus konsisten bersyukur dan komited melaksanakan jihad pada jalan Allah dengan berdakwah dan berkecimpung dalam

²⁰⁴ Surah Hūd, 11: 5-6; al-‘Ankabūt, 29: 14

²⁰⁵ Misalnya surah al-Anbiyā’, 21: 83-84; surah a-Ṣad, 38: 41-42

²⁰⁶ Iaitu kegelapan malam, lautan dan dalam perut ikan. Lihat Surah al-Ṣāffāt, 37: 139-144.

²⁰⁷ Surah al-Syu’arā’, 26: 52-67

²⁰⁸ Umpamanya, nabi Muhammad dan pengikutnya terpaksa menunggu lebih 13 tahun menanggung derita apabila Allah membenarkan perang melawan orang kafir dengan turunnya surah al-Ḥajj, 39, iaitu selepas tahun kedua berhijrah ke Madinah. Lihat *Ensiklopedia Islam*, h. 2: 316

²⁰⁹ Lihat surah Yusof, 12: 99-101; Surah al-Ṣad, 38: 43-44; ‘Afif ‘Abd al-Fattah Ṭabbārah, *Ma‘a al-Anbiyā’*, h. 474

²¹⁰ Surah Yūsuf, 12: 56-57. Lihat ‘Afif ‘Abd al-Fattah Ṭabbārah, h. 412-413

bidang pelbagai kehidupan. Semua anbiya yang diceritakan di atas seperti Yusof, Musa dan Ayub merupakan anbiya yang terlibat dengan keusahawanan.²¹¹

Kesungguhan para anbiya dalam melaksanakan jihad sehingga ada yang terpaksa berhijrah dan meninggalkan kampung halaman. Nabi Ibrahim yang berasal dari Ur di Iraq, tetapi berhijrah ke Palestin dan Makkah, lalu mendirikan Kaabah.²¹² Nabi Musa pula melakukan musafir dari Mesir ke Madyan. Manakala nabi Muhammad SAW berhijrah dari Makkah ke Madinah.²¹³ Kesannya, Mekah makmur sebagai kota ibadat dan perdagangan berkat usaha Ibrahim. Sementara Madinah muncul sebagai pusat tamadun yang makmur sebagai model manusia membangun dalam aspek politik, ekonomi dan sosial hasil dari manifestasi jihad Rasulullah SAW. Perlu diingat, motivasi dari proses jihad ini adalah persediaan mental untuk berubah.²¹⁴ Iaitu perubahan dengan niat ikhlas kerana Allah dari yang tidak elok kepada yang lebih baik.²¹⁵ Perubahan ini dinamakan sebagai anjakan besar dari minda primitif kepada minda bertamadun.²¹⁶ Perubahan atau hijrah ini bagaimanapun tidak sekadar bersifat dalaman, tetapi juga

²¹¹ Lihat Bab 2 sebelum ini

²¹² Ur disebut juga sebagai Urfa, berada dalam kawasan selatan Iraq, juga dikenali sebagai Mesopotamia. Lihat Yākūt al-Hamawī, (t.t), *Mu'jam al-Buldān*, h. 4: 487

²¹³ Hijrah secara fizikal tidak lagi dituntut selepas Nabi SAW berhijrah ke Madinah, tetapi hukum hijrah ke arah kebaikan secara spiritual kekal wajib.

²¹⁴ Surah al-Ra'd, 13: 11 menyebut: "Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri." Malek Bennabi mengaitkan ayat ini dengan kehendak manusia untuk berubah, didorong oleh faktor kejiwaan serta tiadanya kejumudan berfikir, iaitu secara melenyapkan hal-hal negatif dan mengambil hal-hal positif. Perubahan individu ini mengarahkan kepada perubahan sosial. Lihat Ali al-Quraisyiy (2004), *Malek Bin Nabi & Pergolakan Sosial*, (Terj. Mohd. Safwan Amrullah), Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah, h.105-109

²¹⁵ Surah al-Baqarah, 2 : 218 dan al-Nahl, 16: 41. Ingat hadis pertama yang dihimpunkan oleh Imam Nawawi riwayat Bukhari dan Muslim yang menegaskan setiap amal itu bermula dengan niat dan seseorang mendapat apa yang diniatkan. Lantaran itu, hijrah seseorang itu perlu sama ada kerana Allah atau kerana dunia atau wanita yang hendak dinikahi. Apa yang diniatkan itulah yang diperolehinya. Lihat Imam an-Nawawi (1976), *Forty Hadith*, (Terj. Inggeris oleh Ezzeddin Ibrahim and Denys Johnson-Davies), Beirut: The Holy Qur'an Publishing House, h. 27

²¹⁶ Maksudnya perubahan yang dibawa oleh nabi Muhammad SAW dengan mengubah pandangan semesta masyarakat jahiliah dari syirik kepada tauhid serta berhijrah dari Makkah ke Madinah. Bukan pula para anbiya berjiwa primitif sebelum mereka berhijrah. Lihat Akram Diya' al-'Umari (1991), *Madinan Society at the Time of the Prophet: Its Characteristics and Organization*, (Terj. Inggeris oleh Huda Khattab), 2 jilid, Virginia : The International Institute of Islamic Thought, h.1: 49

perlu tindakan fizikal yang menunjukkan berlakunya perubahan minda sepertimana yang berlaku dalam kisah anbiya tersebut.

Dalam aktiviti keusahawanan sebagai contoh, jihad atau usaha bersungguh-sungguh mencari rezeki perlu dilaksanakan sekalipun jika terpaksa bermusafir. Firman-Nya bermaksud: “Dan orang-orang yang berhijrah pada jalan Allah, kemudian mereka terbunuh atau mati, sudah tentu Allah akan mengurniakan kepada mereka limpah kurnia yang baik. Dan (ingatlah) sesungguhnya Allah adalah sebaik-baik pemberi limpah kurnia.”²¹⁷ Hal yang hampir sama dingatkan oleh Allah agar manusia berusaha dan bertebaran mencari rezeki ke serata pelusuk bumi, apabila selesai mengerjakan solat pada hari Jumaat.²¹⁸ Musafir atau hijrah merupakan suatu proses manifestasi kesungguhan untuk memenuhi keperluan hidup dengan tujuan pemerolehan rezeki Allah menerusi aktiviti keusahawanan yang melibatkan modal, sumber dan usaha.²¹⁹ Namun demikian, aktiviti perniagaan dan mencari rezeki Allah itu perlu direalisasikan dalam konteks jihad pada jalan Allah, iaitu menurut skema Syariat Islam.²²⁰

Ringkasnya, segala usaha jihad yang dilakukan oleh seseorang akan memperolehi balasan pada hari Akhirat. Firman-Nya bermaksud: “(Ingatlah) Hari (kiamat yang padanya) tiap-tiap seorang akan mendapati apa sahaja kebaikan yang telah dikerjakannya, sedia (dibentangkan kepadanya dalam surat-surat amalnya); dan demikian juga apa sahaja kejahatan yang telah dikerjakannya. (Ketika itu tiap-tiap orang yang bersalah) ingin kalau ada jarak yang jauh di antaranya dengan amalnya yang jahat itu. Dan Allah perintahkan supaya kamu beringat-ingat terhadap kekuasaan diri-Nya (menyiksa kamu) dan (ingatlah juga), Allah amat belas kasihan kepada hamba-hamba-

²¹⁷ Surah al-Hajj, 22: 58

²¹⁸ Lihat surah al-Jumu'ah, 62: 9-11

²¹⁹ Zaharuddin Abd Rahman, *Maqāṣid al-Syari'ah fi Ahkām al-Buyu'*, h. 53

²²⁰ Lihat Mahmud Yunus, *Tafsir Mahmud Yunus*, h. 829-830

Nya.”²²¹ Dalam konteks balasan, ganjaran usaha manusia sepatutnya akan dilihat pada hari Akhirat. Namun demikian, untuk kesejahteraan hidup dan kepentingan masyarakat, ganjaran atas segala usaha yang dilakukan selalunya dapat dirasakan oleh manusia ketika hidup di dunia lagi.²²² Hakikat inilah mengapa usaha jihad itu menjadi motivasi kepada manusia untuk mencurahkan sepenuh tenaga dan usaha melakukan perkara yang bermanfaat. Dengan kepentingan jihad ini, maka motivasi ke arah semangat dan perlaksanaannya perlu diperbaharui secara konsisten supaya menjadi budaya dalam setiap jiwa, pemikiran dan aktiviti harian manusia,²²³ sebagai salah satu proses pembangunan modal insan.

4.2.6. Praktis Kemahiran

Praktis kemahiran merupakan teknik yang menjurus kepada aktiviti untuk peningkatan dan pemantapan modal insan, terutamanya dari segi fizikal. Dalam konteks organisasi, praktis kemahiran merupakan suatu bentuk kemudahan pembelajaran yang disediakan untuk program latihan dan pembangunan bagi menambah kemahiran dalam bidang kerjaya atau pekerjaan. Program latihan secara khusus merujuk kepada aktiviti mempertingkatkan prestasi melalui peningkatan kebolehan berkaitan dengan bidang pekerjaan. Peningkatan prestasi selain cara peningkatan kemahiran bukan diistilahkan sebagai latihan, tetapi lebih kepada program pembangunan atau pendidikan.²²⁴ Praktis kemahiran merangkumi konsep-konsep latihan, pembangunan dan pendidikan kerana selain matlamat kemahiran, ia juga untuk menambahkan kesedaran serta motivasi

²²¹ Surah Āli ‘Imrān, 3: 30. Juga surah al-Zalzalah, 99: 7-8 bermaksud, ”Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)! Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)!”

²²² Abdul Karim Zaidan, *Uṣūl al-Da‘wah*, h. 45

²²³ Abdullah Nasih Ulwan, *Tarbiyah Aḥlād fī al-Islām*, h. 2: 995

²²⁴ Ibrahim Mamat, *Reka Bentuk dan Pengurusan Latihan*, h. 25

kepada pekerja untuk terus bekerja dan meningkatkan prestasi.²²⁵ Dalam konteks keusahawanan, peningkatan ilmu dan kepakaran melalui metode praktis kemahiran merupakan antara 'key factors' kejayaan seseorang usahawan.²²⁶

Meskipun orientasi praktis kemahiran ada kalanya tidak berkaitan secara langsung dengan pekerjaan, namun matlamat akhirnya adalah sebagai persediaan secara mental dan fizikal untuk melakukan pekerjaan. Misalnya, latihan pemasaran secara atas talian bertujuan untuk peningkatan kemahiran memasarkan barangan atau perkhidmatan. Begitu juga acara bersenam atau budaya al-Quran yang diwajibkan oleh organisasi setiap minggu, meskipun tidak berkaitan secara langsung dengan bidang kerja, namun bertujuan untuk menyediakan fizikal serta jiwa yang cergas dan mantap untuk melaksanakan pekerjaan. Dalam konteks yang lebih luas, tugas seharian manusia tidak terhad kepada kerja di pejabat sahaja, tetapi juga dalam rangka peranan manusia sebagai hamba dan khalifah Allah di atas muka bumi.

Sungguhpun kemahiran banyak berkaitan pergerakan jasmani, namun kesihatan jasmani berkait rapat juga dengan kecerdasan rohani. Semua amal soleh misalnya solat, seperti mana yang dibincangkan dalam topik 'teknik amal soleh' di atas memberikan manfaat untuk pembangunan insan dari kedua-dua aspek rohani dan jasmani. Selain mempunyai kedudukan yang tinggi, solat umpamanya, memberikan kesan langsung kepada kemantapan rohani sebagai tanda beriman dengan Allah dan hari Akhirat.²²⁷

Dari aspek jasmani juga solat mendatangkan banyak manfaat. Kajian oleh kumpulan Universiti Malaya mendapati aktiviti lazim dalam solat seperti pemahaman terhadap

²²⁵ Mumtaz Begam Abdul Kadir, Norasiken Bakar dan Norhayatee Ismail (2002), *Kualiti Dalam Pengurusan Sumber Manusia*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd., h.211-212

²²⁶ Iaitu sebagai faktor ketiga selepas keputusan betul dan minat. Lihat Hassan bin Mohd. Osman (2007), "Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kejayaan Usahawan Kredit Mikro Di Negeri Johor," *Laporan Projek Penyelidikan Vot 75002*, Skudai: Fakulti Pengurusan, Universiti Teknologi Malaysia, h. 25

²²⁷ Abdul Karim Zaidan, *Uṣūl al-Da'wah*, h. 24

bacaan, ketika berdiri tegak, rukuk yang sempurna, membengkokkan jari kaki ketika sujud dan kedudukan tahiyat banyak mempengaruhi kecergasan dan kesihatan pelakunya. Paras kesihatan melepasi aras optimum sihat, bertenaga, daya tahan, serta dapat menghindari penyakit fizikal dan mental seperti jantung, stress dan kolestrol.²²⁸ Solat juga dapat mengurangkan gumpalan lemak dalam badan bagi membolehkan pembinaan tisu otot baru yang berfungsi untuk melambatkan proses penuaan. Ketika rukuk misalnya, tisu akan aktif dan prosesimbangan air dalam badan menjadi lebih baik dan melancarkan fungsi buah pinggang. Ketika sujud, duduk antara dua sujud dan tahiyat dapat meningkatkan pembakaran lemak yang berfungsi merendahkan risiko sakit jantung.²²⁹ Manakala tabiat solat secara berjamaah dapat meningkatkan keupayaan sel-sel untuk mengkonduktivitikan cas elektrik. Ini berlaku ketika solat anggota jamaah saling bersentuhan yang mengaktifkan aliran cas-cas elektrik yang terdiri dari ion-ion positif dan negatif. Kesannya, semua jamaah mendapat cas yang seimbang akibat sentuhan dan aliran cas antara satu sama lain. Apabila badan mendapat cas yang sempurna, seseorang merasakan lebih bertenaga untuk melakukan tugas harian.²³⁰

Lantaran kepentingan inilah baginda Nabi Muhammad SAW menerima solat ketika Mikraj dan menghadap Allah sendiri di Sidratul Muntaha.²³¹ Solat dirakamkan kefarduannya dalam al-Quran, diulang sebut sebanyak 75 kali dan dengan khushyuk sebanyak 11 kali.²³² Secara kefahaman fizikal, solat diumpamakan sebagai tiang agama, sesiapa yang praktis solat dia akan mendirikan bangunan agama. Dari perspektif rohani,

²²⁸ Lihat Fatimah Ibrahim, Wan Abu Bakar Wan Abas dan Ng Siew Cheok, *Solat: Kebaikan Dari Perspektif Sains*, h. 27-37

²²⁹ Ibid. h. 36

²³⁰ Ibid. h. 29

²³¹ Ibn Hisham mencatatkan kata-kata Ibn Ishak dari hadis Abdullah bin Mas'ud kisah nabi Muhammad SAW mikraj dan menerima kefarduan solat serta siri dialog bersama Musa sehingga solat menjadi 5 waktu sehari. Lihat Ibn Hisham, *al-Sirah al-Nabawiyyah*, h. 2: 21. Hadis berkaitan boleh dilihat dalam riwayat al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ*, Bāb al-Mi'raj, hadis no. 3598, 6963; Muslim, *Ṣaḥīḥ*, Bāb al-Isrā' bi Rasūlillah, hadis no. 234; Aḥmad, *Musnad*, Bāb hadith Malik bin Sa'sa'ah, hadis no. 17165, 12047.

²³² Yusof Abbas (2006), *Bio-Mekanik Solat: Kaedah Kemahiran Khushyuk Melalui Fitrah Biologi dan Satu Kaedah Terapi*, Skudai: Nur Tijarah Enterprise, h. 4; serta surah al-Baqarah, 2: 3

solat yang khusyuk perlukan keikhlasan hati kepada Allah, pemusatan masa, minda dan emosi untuk beruzlah hanya berdua-duan dengan-Nya. Hal ini kerana jika ahli sukan mengidaman untuk menjadi juara, maka orang bersolat pula, idamannya adalah terima dan reda daripada Allah.²³³ Rahsianya, praktis solat dimulakan dengan ikrar Allah Maha Besar, memberikan tumpuan kepada-Nya sahaja dengan penuh khusyuk, faham, sedar terhadap apa yang diucap dan dilakukan dalam masa solat dengan membebaskan segala pengaruh rohani dan jasmani selain dari Allah.²³⁴ Itulah sebabnya orang yang khusyuk di dalam solat merupakan orang yang berjaya.²³⁵

Perlu difahami bahawa praktis kemahiran merupakan proses latihan dan pembangunan yang berlaku secara berulang kali bagi tujuan peningkatan kemahiran. Proses pengulangan ini adalah lumrah alam dan fitrah kehidupan insan yang banyak kali berlaku dan ditekankan dalam Islam. Lumrah alam ialah putaran malam dan siang, hari berganti hari seterusnya menjadi bulan dan tahun. Fitrah hidup insan berkitar dalam pertukaran siang dan malam. Syariat Islam banyak menekani proses pengulangan ini seperti solat lima waktu sehari semalam, sunat membaca zikir sebanyak tiga kali dalam solat, nabi beristighfar sebanyak seratus kali sehari dan lain-lain contoh. Kefarduan ibadat seperti solat, puasa, zakat haji serta hukum qisas merupakan contoh latihan wajib bertujuan untuk pembangunan diri seseorang insan.²³⁶ Lantaran itu, beriman dan beramal soleh merupakan proses pengulangan yang boleh dianggap sebagai program latihan dan pembangunan yang disimpulkan sebagai praktis kemahiran. Dalam hal ini, kisah anbiya menyajikan banyak contoh praktis kemahiran dalam kisah mereka yang dirakamkan oleh al-Quran.

²³³ Lihat dalam Yusof Abbas, *Bio-Mekanik Solat*, h. 7-33

²³⁴ Abdul Karim Zaidan, *Uṣūl al-Da‘wah*, h. 26

²³⁵ Surah al-Mu‘minūn, 23: 1-2

²³⁶ Detail contoh latihan wajib dan pilihan yang dirakamkan oleh al-Quran serta amalan rutin Nabi Muhammad SAW, lihat Zulkifli Haji Yusof (2004), “Pembangunan Ummah Dari Perspektif al-Quran,” h. 67-69

Contoh praktis kemahiran berlaku melalui proses jihad pada jalan Allah di mana manusia berbondong-bondong melakukannya dengan harta dan jiwa bagi menepati maksud insan yang lebih baik.²³⁷ Persediaan alatan dan kelengkapan, ilmu serta latihan berkaitan bidang jihad yang mencukupi, menjadi pra syarat kepada praktis tersebut. Dalam hal ini, Allah berfirman:

“Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya.”
(Surah al-Anfāl, 8: 60)

Ayat di atas dengan jelas mewajibkan umat Islam bersedia dengan segala alatan dan kemahiran yang diperlukan untuk berjihad. Dengan persediaan ini akan memberikan kekuatan serta kemajuan fizikal dan mental kepada Islam serta menggerunkan kepada musuh. Kekuatan ini berubah mengikut keperluan tempat, zaman dan bidang. Memetik pandangan Abdul Karim Zaidan: “Syeikhul Islam Ibn Taimiyyah menyentuh persoalan ini dengan mengatakan, mempelajari kepakaran ini iaitu kepakaran mengenai alat dan kelengkapan perang merupakan amal soleh jika ia dilakukan bagi mendapatkan keredaan Allah. Jika dia mengajarkannya pula kepada orang lain seterusnya orang yang diajar itu menjadi rakannya setiap kali berjihad nescaya dia akan memperolehi pahala yang sama dari kedua-duanya tanpa kurang sedikit pun. Saidina Umar pula pernah menasihatkan umat Islam dan para pemimpin, ‘ajarkanlah anak-anak kamu melontar lembing dan menunggang kuda.’”²³⁸ Dalam konteks keusahawanan, kewajipan berjihad dan menyediakan kelengkapan perang membuka ruang untuk berbakti serta menyumbangkan kepakaran bagi memenuhi keperluan umat secara ikhlas.

²³⁷ Surah al-Taubah, 9: 41

²³⁸ Abdul Karim Zaidan, *Uṣūl al-Da‘wah*, h. 198

Perlu diingat bahawa praktis kemahiran merupakan pembelajaran sesuatu yang baru, atau latihan dan pengulangan terhadap ilmu atau kebiasaan yang dilakukan dalam hidup bagi tujuan peneguhan dan kemantapan kemahiran. Dalam konteks ini, nabi Musa AS telah diarahkan oleh Allah SWT agar berguru dengan seorang lelaki bernama Khidir. Kisah ini menunjukkan bahawa meskipun Musa seorang nabi dan diberikan wahyu, namun kemahiran semasa bersabit dengan keperluan seorang insan masih belum mencukupi. Melalui Khidir, Musa mempelajari pelbagai kemahiran seperti latihan kesabaran, perancangan, kerjasama, kepercayaan, ilmu logistik, futuristik dan lain-lain.²³⁹ Proses ini memamatkan Musa apabila al-Quran merakamkan: “Nabi Musa berkata kepadanya: Bolehkah aku mengikutmu, dengan syarat engkau mengajarku dari apa yang telah diajarkan oleh Allah kepadamu, ilmu yang menjadi petunjuk bagiku?”²⁴⁰ Pengajaran berguna diperoleh oleh Musa apabila “Khidir menjawab: "Inilah masanya perpisahan antaraku denganmu, aku akan terangkan kepadamu maksud (kejadian-kejadian yang dimusykilkan) yang engkau tidak dapat bersabar mengenainya.”²⁴¹ Ayat-ayat tersebut menjelaskan perihal kehendak Musa untuk menuntut ilmu dan kemahiran dengan Khidir menjelaskan pengajaran di sebalik peristiwa yang berlaku dan menjadi polemik antara mereka berdua yang membawa kepada proses praktis kemahiran bersabar Musa.²⁴²

Dari perspektif lain, kisah Musa dan Haron juga menyajikan panduan tentang praktis kemahiran berkaitan pengurusan dan kepimpinan yang mengandungi elemen perancangan, pengarah, penetapan objektif, kerjasama, penurunan kuasa dan

²³⁹ Untuk kisah lengkap pertemuan Musa dan Khidir lihat ayat-ayat surah al-Kahfi, 18: 60-82. Lihat kisah perguruan Musa bersama Khidir dalam ‘Afif ‘Abd al-Fattah Ṭabbārah, *Ma‘a al-Anbiyā’*, h. 602-610

²⁴⁰ Surah al-Kahfi, 18: 66

²⁴¹ Ibid, 18: 78.

²⁴² Ibid, 18: 67-70, 72, 75, 77; Muhammad Ahmad Kan‘ān, *Qaṣaṣ al-Anbiyā’ wa Akhbār al-Maḍīn*, h. 280

seumpamanya.²⁴³ Pengarahan diperoleh berdasarkan firman-Nya: “Pergilah kepada Firaun, sesungguhnya ia telah melampaui batas”.²⁴⁴ Musa meletakkan matlamat untuk berdakwah kepada Firaun dan mewakili kaumnya, Bani Israel.²⁴⁵ Musa membuat perancangan dan persediaan mental untuk kekuatan dan keyakinan diri dengan berdoa dan mohon restu kepada Allah selaku sumber arahan: “Wahai Tuhanku, lapangkanlah bagiku, dadaku dan mudahkanlah bagiku, tugasku. Dan lepaskanlah simpulan dari lidahku supaya mereka faham perkataanku.”²⁴⁶ Baginda juga mempraktikkan kemahiran kerjasama dengan saudaranya Haron untuk berdakwah kepada Firaun. Dalam melaksanakan misi tersebut, mereka telah mempraktikkan kemahiran berkomunikasi iaitu dengan menggunakan *qawlan layyinan*, yakni kata-kata yang lembut.²⁴⁷ Dalam aspek lain, penurunan kuasa dan pemantauan dilakukan oleh Musa apabila Baginda mengamanahkan Haron menguruskan Bani Israel sepeninggalannya bermunajat kepada Allah di bukit Tursinai.²⁴⁸ Setelah kembali, didapati kaumnya telah terpesong dari matlamat asal menyembah Allah kepada menyembah patung lembu dengan perdaya Samiri.²⁴⁹ Praktis kemahiran kawalan dan penilaian terhadap tanggungjawab yang diletakkan ke bahu Haron digunakan Baginda dengan berkata: “Wahai Harun! Apakah maniknya yang menghalangmu ketika engkau melihat mereka sesat daripada menurutku? Adakah engkau ingkar akan arahanku?”²⁵⁰ Tegasnya, kisah ini memberikan contoh praktis kemahiran secara individu mahupun kolektif.

Sesungguhnya kisah Musa dengan Khidir serta dengan saudaranya Haron menjelaskan kepentingan metode pelbagai praktis kemahiran terutama berkaitan

²⁴³ Perbincangan tentang kemahiran pengurusan, lihat Mohd Nasir Ripin, Zulkiflee Haron dan Zulkifli Yusof, “Pengurusan Menurut Perspektif al-Quran Berdasarkan Kisah Anbiya Bumi Mesir,” h.15–30

²⁴⁴ Surah Tāhā, 20: 24

²⁴⁵ Ibid, 20: 46

²⁴⁶ Ibid, 20: 25-28

²⁴⁷ Ibid, 20: 44

²⁴⁸ Surah Maryam, 19: 52-53

²⁴⁹ Surah Tāhā, 20: 85-88

²⁵⁰ Ibid, 20: 92-93. Detail konsep kepimpinan berasaskan kisah Musa dan Haron, lihat Iqbal Unus

kemahiran insaniah. Dalam konteks ini, kemahiran insaniah cukup penting, lantaran bidang keusahawanan berkaitan pengurusan hal ehwal kemanusiaan yang memerlukan penguasaan ilmu, kemahiran bersabar, komunikasi, jalinan kerjasama dan seumpamanya.²⁵¹

Sesungguhnya kisah anbiya banyak memuatkan contoh praktis kemahiran sebagai proses membangunkan modal insan khususnya aspek keusahawanan. Mereka menunjukkan teladan untuk manusia tentang pekerjaan yang halal dengan usaha dan produksi sendiri dalam pelbagai bidang berkaitan industri, pertanian dan perniagaan.²⁵² Ibrahim AS sendiri sebagaimana disebut sebelum ini berulang kali merenung fikir tentang Tuhan dan menidakkan urusan perniagaan berhala bapanya dengan penegasan sebagai sesat.²⁵³ Nabi Nuh berusaha mempelajari dan mempraktikkan kemahiran membuat kapal untuk manfaat kaumnya.²⁵⁴ Nabi Daud terlibat dengan perusahaan membuat baju besi untuk kegunaan perisai perang. Baginda merupakan insan terbaik dan bersyukur kepada Allah.²⁵⁵ Manakala kisah anaknya, Sulaiman yang berkaitan dengan khabar dari burung Hud-Hud dan kiriman surat kepada Balqis serta kisah 'tawaran' melakukan pemindahan singgahsana ratu tersebut oleh Afrit dan lelaki beriman, boleh mengilhamkan kepada praktis kemahiran dalam bidang industri penghantaran.²⁵⁶ Nabi Musa pula bertindak mempraktikkan kemahiran menjadi gembala

²⁵¹ Lihat Muhammad Nejatullah Siddiqi (1988), *Perusahaan Ekonomi Dalam Islam*, (Terj. *The Economic Enterprise in Islam* oleh Md. Sharit Bharuddin dan Akibah Abu Hassan), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 5

²⁵² Abdullah Nasih Ulwan, *Tarbiyah Awlād fī al-Islām*, h. 2: 594

²⁵³ Surah al-Anbiya, 21: 54; Al-Maghlouth, *Atlas Tārikh al-Anbiyā' wa al-Rusul*, h. 100; Lihat perbincangan Bab 3 sebelum ini, 'Anbiya dan Pembangunan Modal Insan,' tajuk: Keluarga

²⁵⁴ Surah Hūd, 11: 37-38

²⁵⁵ Lihat surah al-Anbiyā', 21: 80 dan Saba, 34: 10-11

²⁵⁶ Lihat surah al-Naml, 27: 22; 27: 27-28; 27: 38-40. Balqis binti Syarahil merupakan ratu yang memerintah Saba', Yaman. Lihat Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 428-443. Tiada gambaran ilmu moden bagaimana singgahsana Balqis tersebut dibawa ke Jerusalem, Palestine oleh lelaki yang mempunyai ilmu dengan kitab Allah, namun nas mengenainya jelas dalam al-Quran. Lihat Abu Bakar al-Asy'ari, *Sejarah Anbiya'*, h. 3: 39-40

kambing tidak kurang dari lapan tahun. Akhirnya Baginda diakui sebagai insan terbaik oleh Syuaib yang bersetuju mengahwinkan anak gadisnya dengan Musa.²⁵⁷

Kisah-kisah tersebut sekadar contoh, merupakan praktis kemahiran bukan setakat mengarahkan kepada pembentukan insan terbaik secara fizikal dengan mencari habuan yang halal untuk manfaat diri serta komuniti, tetapi juga membangunkannya secara spiritual yakni dalam rangka amal soleh yang memanasikan keimanan kepada Allah SWT. Lantaran itu, kepada Ibn Khaldun, praktis kemahiran wajar menggunakan ilmu berasaskan naqli seperti al-Quran secara bersepadu dengan ilmu berasaskan akli berupa kemahiran untuk diterjemahkan dalam kehidupan seperti perladangan, pembinaan, pertukangan, tenunan dan jahitan serta lain-lain.²⁵⁸

Dalam konteks kewujudan organisasi, praktis kemahiran atau program latihan selalunya bermula dengan beberapa tahap.²⁵⁹ Pertama, melakukan analisis keperluan yang biasanya melibatkan keperluan individu serta organisasi. Kedua, peringkat reka bentuk program latihan bagi menentukan kandungan dan teknik serta hal berkaitan berdasarkan analisis keperluan tersebut. Objektif, metode dan kos diambil kira dalam peringkat reka bentuk ini. Peringkat ketiga, pelaksanaan program latihan seperti melibatkan kelas, demonstrasi dan lain-lain. Peringkat terakhir ialah melakukan penilaian terhadap program untuk penambahbaikan dan keberkesanan sesuatu

²⁵⁷ Surah al-Qaṣaṣ, 28: 27-28. Lihat Muhammad Ahmad Kan'ān, *Qīṣaṣ al-Anbiyā'*, h.226

²⁵⁸ Lihat detail manhaj dan teknik pengajaran menurut Ibn Khaldūn dalam Abdullah Al-Amin Al-Na'miy (1994), *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibn Khaldun dan Al-Qabisi*, (Terj. *al-Manhaj wa Turuq al-Ta'lim Inda al-Qabisi wa Ibn Khaldun* oleh Mohd. Ramzi Omar), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 131-146

²⁵⁹ Nadler adalah antara pemikir berpengaruh terhadap rekabentuk dan penilaian program pembangunan modal insan di Barat dengan Model Peristiwa Kritis. Model ini bermula dengan mengenal pasti keperluan organisasi, perhalusi prestasi kerja, kenal pasti keperluan pekerja, tentukan objektif latihan, bina kurikulum, pilih metode latihan, dapatkan dana dan sumber alatan dan jalankan program. Lihat detail dalam Leonard Nadler (1989). *Designing training programs: The critical events model*. Reading, MA: Addison-Wesley.

program.²⁶⁰ Beberapa prinsip latihan yang melibatkan hubungan pelatih dengan jurulatih, pengurus, pereka bentuk, perunding program latihan serta kehendak organisasi seperti berterusan, terbuka, interaksi, alat bantuan dan bertanggungjawab perlu diambil kira.²⁶¹

Ringkasnya, berdasarkan konsep di atas, kisah anbiya ini boleh dijadikan kajian kes untuk kandungan program latihan, khususnya praktis kemahiran. Dalam maksud lain, para anbiya boleh dianggap sebagai jurulatih, manusia sebagai pelatih, hamba Allah dan khalifah sebagai hasil dari analisis dan diskripsi tugas. Sementara amal soleh, ibadat dan jihad sebagai metode latihan. Manakala keredaan Allah melalui takwa dan keimanan sebagai matlamat yang hendak dicapai dalam semua tahap individu sebagai pekerja serta organisasi masyarakat dan negara.

4.2.7. Teknik Penilaian

Penilaian merupakan teknik yang penting dalam proses pembangunan modal insan. Selalunya penilaian digunakan untuk menilai program latihan atau pembangunan yang dianjurkan oleh sesebuah organisasi. Penilaian ialah suatu proses untuk melihat keberkesanan sesuatu program latihan atau mengenal pasti hasil atau tahap pencapaian matlamat yang disasarkan dalam sesuatu program pembangunan.²⁶² Iaitu berkaitan kekuatan dan kelemahan, impak program terhadap individu dan organisasi, siapa yang patut hadir bagi program selanjutnya, manfaat kursus berbanding kos serta isu sekitar

²⁶⁰ Lihat Perbincangan lanjut berhubung program pembangunan sumber manusia dalam Jon M. Werner dan Randy L. DeSimone (2006), *Human Resource Development*, Ohio: Thomson South-Western, h. 166-167

²⁶¹ Mustafa Muhammad Thahhan (2006), *Panduan Gerakan Persatuan Pelajar*, Sri Kembangan: KONSIS Network, h. 144-147; Ibrahim Mamat, *Reka Bentuk dan Pengurusan Latihan*, h. 204-253

²⁶² Martha Reeves (1996), *Evaluation of Training*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, h. 1

minat untuk perkembangan kerjaya seseorang pekerja.²⁶³ Nyatanya, matlamat penilaian adalah untuk tujuan individu atau pekerja, organisasi serta pihak-pihak berkepentingan seperti pelabur.²⁶⁴

Penilaian bukanlah satu bentuk aktiviti tetapi merupakan cara atau proses yang pelbagai untuk melahirkan pekerja atau modal insan yang terbaik.²⁶⁵ Kadang kala penilaian dilakukan untuk memberikan motivasi kepada pekerja serta membentuk sistem pengurusan yang lebih adil.²⁶⁶ Dalam amalan program latihan di Barat, terdapat sistem lama penilaian berbentuk kitaran yang berlaku pada hujung program latihan, manakala perkembangan terkini proses penilaian menggunakan sistem penilaian terbuka seperti dalam reka bentuk latihan Model Peristiwa Kritis Nadler, yang mana prosesnya berlaku pada setiap tahap program latihan atau pembangunan bagi mendapat tindak balas segera.²⁶⁷ Proses-proses penilaian umumnya menggunakan pendekatan berperingkat. Misalnya, model penilaian Empat Tahap Kirkpatrick atau model penilaian Enam Tahap Brinkerhoff,²⁶⁸ supaya prosesnya bersifat komprehensif dan mudah.²⁶⁹ Bagi model Kirkpatrick, aktiviti penilaian bermula dengan tahap reaksi (reaction),

²⁶³ Ibid. h. 10

²⁶⁴ Lihat detail dalam Mumtaz Begam Abdul Kadir et al, *Kualiti Dalam Pengurusan Sumber Manusia*, h.161; Untuk organisasi lihat Bonita Barger (2008), "The Anatomy of Program Design For an On-Line Business Management Course." *College Teaching Methods & Styles Journal*, Volume 4, Number 1 (January 2008) (99-106): 101; Untuk pelabur, lihat dalam Martha Reeves, h. 14-15

²⁶⁵ Proses penilaian berlaku pada setiap peringkat reka bentuk latihan. Lihat Leonard Nadler, *Designing training programs*, h. 40

²⁶⁶ Maimunah Aminuddin (2003), *Panduan Pengurusan Sumber Manusia*, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 112-113

²⁶⁷ Model ini bersifat fleksibel dan bukan bermaksud untuk menyelesaikan masalah organisasi, tetapi menyarankan persoalan penilaian bagi setiap tahap proses untuk langkah pembaikan. Lihat Bonita Barger, "The Anatomy of Program Design," h. 101-102; Martha Reeves, *Evaluation of Training*, h. 4-5

²⁶⁸ Tahap penilaian model ini ialah (1) *Goal Setting and Needs Analysis*, (2) *Program Design*, (3) *Implementation and Operation*, (4) *Immediate Outcomes*, (5) *Endurance and Application of Immediate Outcomes*, and (6) *Organizational Benefits*. Lihat R. O. Brinkerhoff (1991), *Achieving results from training: How to evaluate human resource development to strengthen programs and increase impact*. San Francisco: Jossey-Bass.

²⁶⁹ Bonita Barger, h.103

pembelajaran (learning), tingkah laku (behaviour) dan hasil (result).²⁷⁰ Model ini dikatakan digunakan dengan meluas dalam organisasi seperti Barclays Bank PLC, United Kingdom. Antara persoalan dalam aktiviti penilaian seperti apakah reaksi pelatih atau pekerja selepas kursus terhadap program latihan, apakah yang dapat dipelajari dari program latihan, apakah pekerja berubah atau boleh melakukan kemahiran yang dipelajari? Persoalan pada peringkat keempat pula lebih tertumpu kepada impak prestasi organisasi selepas mengikuti kursus atau program pembangunan.²⁷¹ Aktiviti penilaian ini sebenarnya mencari jawapan terhadap persoalan sekitar akronim 1H4W, iaitu *how* (bagaimana), *what* (apa), *when* (bila), *where* (di mana) dan *why* (mengapa) yang berlaku dalam sesebuah organisasi dengan menggunakan kaedah kualitatif atau kuantitatif.²⁷² Selepas mendapat jawapan, maka langkah seterusnya ialah melakukan pembaikan atau tindakan susulan.

Islam menggunakan beberapa terma untuk merujuk kepada konsep penilaian seperti muhasabah, ujian dan sebagainya. Rujukan penilaian tidak hanya terhad kepada konteks organisasi sahaja, tetapi mendasari falsafah tugas manusia yang memegang jawatan hamba dan khalifah Allah dalam semua bentuk dan bidang kehidupan di dunia ini.²⁷³ Firman-Nya bermaksud: “Maha Berkat (serta Maha Tinggilah kelebihan) Allah yang menguasai pemerintahan (dunia dan akhirat); dan memanglah Dia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. Dialah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu)

²⁷⁰ Tahap penilaian model tersebut ialah reaksi, pembelajaran, tingkah laku dan hasil. Lihat Donald Kirkpatrick (1976), “Evaluation of training.” in R. L. Craig (Ed.), *Training and Development Handbook*, New York: McGraw Hill.

²⁷¹ Martha Reeves, h. 6-7; Juga George M. Alliger dan Elizabeth A. Janak, “Kirkpatrick’s Levels of Training Criteria: Thirty Years Later,” *Personnel Psychology*, Volume 42, Issue 2, (June, 1989): 331-342

²⁷² Lihat Martha Reeves, *Evaluation of Training*, h. 20-40. Istilah 1H4W (1 husband 4 wives) pernah digunakan oleh guru pengkaji sendiri, Profesor Dato’ Dr. Muhammad Mansor Abdullah, semasa memberi kuliah kursus Penilaian Program Latihan, peringkat Sarjana Pengurusan Teknologi (Pembangunan Sumber Manusia), di UTM.

²⁷³ Istilah khalifah digunakan oleh al-Quran dalam dua ayat (iaitu al-Baqarah, 2: 30) ketika merujuk kepada Adam dengan makna manusia umumnya adalah khalifah. Kedua, dalam ayat (surah Sad, 38: 26) berkaitan nabi Daud sebagai makna khas iaitu dengan amanah untuk melaksanakan hukum-hukum atau syariat Allah di atas muka bumi. Lihat al-Khālidi, *al-Qaṣaṣ al-Qur’ānī*, h. 3: 407-408

untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya, dan Dia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang-orang yang bertaubat).”²⁷⁴

Ayat di atas menjelaskan bahawa tujuan hidup dan mati manusia adalah untuk ujian atau penilaian. Iaitu untuk mengetahui siapa yang melakukan amal terbaik, bukannya amal yang terbanyak.²⁷⁵ Proses penilaian ini bukan bermaksud Allah tidak berkuasa dan tidak mengetahui, melainkan hanya untuk menzahirkan amal-amal manusia melalui proses biasa yang berlaku dalam kehidupan. Bezanya, Allah tidak memerlukan semua amal perbuatan manusia tersebut sebab Dialah Maha Kuasa, berbanding dengan tujuan penilaian dalam amalan konvensional adalah untuk kepentingan individu itu sendiri, organisasi dan pelabur. Lantaran itu, segala asas matlamat atau objektif penilaian perlu sampai kepada niat untuk Allah, di samping objektif lain. Jika terdapat objektif lain dalam amal-amal manusia tanpa niat ikhlas kepada-Nya, perlulah segera insaf dan bermuhasabah atas segala kesilapan, kerana hanya “Dia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang-orang yang bertaubat).”²⁷⁶

Kisah anbiya dalam al-Quran boleh dijadikan sampel kes kepada proses penilaian untuk mencari yang terbaik dalam lingkungan tugas manusia sebagai hamba dan khalifah Allah, serta matlamat untuk mencapai kebahagiaan hidup dunia dan akhirat. Aktiviti penilaian yang dilakukan adalah menerusi proses muhasabah atau tazkirah. Sebarang pelarian dari matlamat untuk mencapai keredaan Allah yang ditemui selepas proses muhasabah, dikira satu kesilapan. Maka, langkah atau usaha pembaikan perlu dilakukan seperti dengan bertaubat dan beramal soleh.

²⁷⁴ Surah al-Mulk, 67: 1-2

²⁷⁵ Al-Ṣābūnī, *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr*, h. 3: 527

²⁷⁶ Surah al-Mulk, 67: 2

Persampelan kes bagi teknik penilaian ini boleh dilihat menerusi kisah Adam dan isterinya, Hawa.²⁷⁷ Ketika tinggal dalam Syurga, mereka boleh melakukan apa sahaja perkara melainkan tidak dibenarkan menghampiri atau memakan buah larangan. Firman-Nya: “Wahai Adam! Tinggallah engkau dan isterimu dalam syurga, dan makanlah dari makanannya sepuas-puasnya apa sahaja kamu berdua sukai, dan janganlah kamu hampiri pokok ini; (jika kamu menghampirinya) maka akan menjadilah kamu dari golongan orang-orang yang zalim.”²⁷⁸ Bagimanapun, larangan tersebut tidak dipatuhi akibat termakan godaan Iblis. Tipu daya Iblis disebut dengan: “Dan ia bersumpah kepada keduanya (dengan berkata): "Sesungguhnya Aku adalah dari mereka yang memberi nasihat kepada kamu berdua.”²⁷⁹ Kesilapan tersebut telah melucutkan taraf keistimewaan dan pakaian Syurga. Firman Allah: “Dengan sebab itu dapatlah ia menjatuhkan mereka berdua (ke dalam larangan) dengan tipu dayanya. Setelah mereka memakan (buah) pohon itu, terdedahlah kepada mereka berdua aurat masing-masing, dan mereka mulailah menutupnya dengan daun-daun (dari) Syurga. Lalu Tuhan mereka menyeru mereka: "Bukankah Aku telah melarang kamu berdua dari pokok itu, dan Aku katakan kepada kamu bahawa Syaitan itu adalah musuh kamu yang nyata?”²⁸⁰ Mereka akhirnya insaf dan mengambil langkah perbaikan dengan segera bertaubat. Di mana, “mereka berdua merayu: "Wahai Tuhan kami! Kami telah menganiaya diri kami sendiri, dan kalau Engkau tidak mengampunkan kami dan memberi rahmat kepada kami, nescaya jadilah kami dari orang-orang yang rugi.”²⁸¹ Al-Quran merakamkan bahawa “kemudian nabi Adam menerima daripada Tuhannya beberapa kalimah (kata-kata

²⁷⁷ Kisah ini boleh dilihat dalam misalnya surah al-Baqarah, 2: 34-38 dan surah al-A‘rāf, 7: 19-24

²⁷⁸ Surah al-Baqarah, 2: 35

²⁷⁹ Iblis memberi alasan dengan makan buah tersebut, Adam kekal di Syurga. Surah al-A‘rāf, 7: 20-21

²⁸⁰ Surah al-A‘rāf, 7: 22

²⁸¹ Ibid, 7:23

pengakuan taubat yang diamalkannya), lalu Allah menerima taubatnya. Sesungguhnya, Allah, Dia-lah Yang Maha Pengampun (Penerima taubat), lagi Maha Mengasihani.”²⁸²

Berdasarkan kisah Adam ini terdapat pendekatan mudah dalam proses atau aktiviti penilaian menurut format konvensional. Antaranya, ada pengarah tugas dari Allah SWT, iaitu boleh memakan apa sahaja hanya tidak boleh hampir atau memakan buah larangan tersebut. Dalam hal ini, larangan dianggap satu arahan tugas. Tujuan tegahan hampir atau makan buah tersebut sebagai suatu tugas atau matlamat yang apabila makan, maka jatuhlah darjat manusia menjadi zalim sedangkan Adam cukup mulia dengan status penghuni Syurga.²⁸³ Terdapat penurunan prestasi tugas melalui contoh ingkar arahan Allah dengan menuruti tipu daya Iblis dan makan buah yang dilarang. Terdapat aktiviti penilaian dengan persoalan: “Bukankah Aku telah melarang kamu berdua dari pokok itu, dan Aku katakan kepada kamu bahawa Syaitan itu adalah musuh kamu yang nyata?”²⁸⁴ Dalam kisah ini, terdapat usaha pembaikan, iaitu Adam insaf dan bertaubat. Serta ada elemen pengesahan, iaitu penerimaan taubat oleh Allah. Ringkasnya, kisah Adam ini menunjukkan terdapat beberapa tahap penilaian peringkat tinggi iaitu tahap perubahan tingkah laku (behavior) Adam dan hasil (result) menepati konsep penilaian model Kirkpatrick, apabila Allah menerima taubat Adam, jika tidak, maka Baginda tergolong dalam kalangan orang-orang yang rugi,²⁸⁵ iaitu kerugian kepada diri dan organisasi. Meskipun Adam berjaya makan buah tersebut, Baginda dikira rugi dan bukan untung atau tidak mendapat rezeki. Ini kerana konsep rezeki ialah sesuatu yang membawa manfaat.²⁸⁶ Bukanlah makanan yang bermanfaat kiranya membawa kerugian atau kezaliman kepada diri dan organisasi.

²⁸² Surah al-Baqarah, 2: 37

²⁸³ Zalim merupakan ciri manusia tidak terbangun. Lihat al-Khālidī, *al-Qaṣaṣ al-Qur’ānī*, h. 1: 126; Mengenai kemuliaan Adam pula, lihat Sa’īd Hawā, *Al-Asās Fī al-Tafsīr*, h. 1: 118

²⁸⁴ Surah al-A’rāf, 7: 22

²⁸⁵ Iaitu suatu pengesahan di mana Allah menerima taubatnya dengan memberikan beberapa kalimat taubat supaya Adam tidak tergolong dalam kalangan orang-orang yang rugi. Lihat Sa’īd Hawā, h. 1: 119

²⁸⁶ Ibn Khaldūn, *Muqaddimah*, h. 381

Dari perspektif pembangunan modal insan berkaitan bidang keusahawanan, terdapat banyak kisah anbiya yang mengandungi elemen penilaian. Nabi Ibrahim sebagai contoh, menilai perusahaan berhala bapanya dengan pertanyaan: “Wahai ayahku! Mengapa ayah menyembah benda yang tidak mendengar dan tidak melihat serta tidak dapat menolongmu sedikitpun?”²⁸⁷ Ayat ini menerangkan meskipun Ibrahim bertaraf anak, tetapi beliau mendapat ilmu dari wahyu. Kenyataan ini juga menggambarkan sifat benar para anbiya dalam menyampaikan ajarannya. Ia berkaitan kriteria penilaian dan penyampaian pembaikan terhadap usaha dan akidah ayahnya yang silap secara jelas dengan menyembah sesuatu yang tidak boleh memberikan manfaat dan mudarat serta tidak boleh memberikan pertolongan. Baginda menggunakan pengulangan ‘wahai bapaku’ sebanyak empat kali dan mengajaknya mengikuti jalan yang lurus dengan meninggalkan sembah syaitan yang durhaka kepada Allah yang Maha Pemurah. Tegasnya, kesalahan bapanya adalah kerana beribadat bukan kepada yang selayaknya disembah.²⁸⁸ Langkah pembaikan ialah dengan mohon bapanya agar bertaubat. “Nabi Ibrahim berkata: "Selamat tinggal ayah! Aku akan memohon kepada Tuhanku mengampuni dosamu. Sesungguhnya Dia sentiasa melimpahkan kemurahan ihsan-Nya kepadaku.”²⁸⁹

Kisah nabi Daud yang bekerja sebagai pembuat baju besi, pernah melalui beberapa aktiviti penilaian. Antaranya seperti peristiwa Thalut, seorang raja Bani Israel yang melakukan latihan dan ujian ketaatan terhadap tenteranya, termasuk nabi Daud, dengan arahan tidak membenarkan mereka minum sewaktu menyeberangi sungai.

²⁸⁷ Surah Maryam, 19: 42

²⁸⁸ Sa‘īd Hawā, *Al-Asās Fī al-Tafsīr*, h. 3: 318-321

²⁸⁹ Surah Maryam, 19: 47

Ternyata ramai tenteranya ingkar dan sedikit sahaja yang taat.²⁹⁰ Kesalahan mereka dibaiki dengan pembaikan melalui sabar, doa dan mengharapkan pertolongan Allah.²⁹¹ Pada kisah yang lain, Baginda diminta untuk menghakimi konflik antara dua orang pengembala kambing. Penternak yang memiliki 99 ekor ingin mengambil kambing milik seorang lagi pengembala yang hanya mempunyai seekor kambing. Baginda memutuskan bahawa pengembala yang ada 99 ekor kambing bersalah. Peristiwa penghakiman ini sebenarnya wahyu atau teguran Allah terhadap kesilapan serta sikap Baginda sendiri melalui konflik dua orang usahawan. Baginda sedar dan segera bertaubat. Firman-Nya bermaksud: “Nabi Daud (setelah berfikir seajurus), mengetahui sebenarnya Kami telah mengujinya (dengan peristiwa itu), lalu ia memohon ampun kepada Tuhannya sambil merebahkan dirinya sujud, serta ia rujuk kembali (bertaubat). Maka Kami ampunkan kesalahannya itu; dan sesungguhnya ia mempunyai kedudukan yang dekat di sisi Kami serta tempat kembali yang sebaik-baiknya (pada hari akhirat kelak).”²⁹² Peristiwa ini mengingatkan bahawa manusia sering terleka dengan harta dunia, melainkan orang yang beriman dan beramal soleh. Lantaran itu, Allah mengingatkan supaya Baginda berwaspada terhadap sesuatu urusan bersesuaian dengan statusnya.²⁹³

Dalam skala yang lebih besar, semua kisah berkaitan anbiya meletakkan perbezaan antara aktiviti penilaian dari perspektif Barat dengan penilaian dalam Islam. Semua anbiya menyeru kepada keimanan dan ketauhidan Allah dengan menolak penyembahan kepada selain-Nya. Lantaran itu, matlamat penilaian dalam perspektif Islam meletakkan matlamat mencari keredaan Allah, tidak hanya sekadar matlamat

²⁹⁰ Surah al-Baqarah, 2: 249. Di samping ketaatan, latihan tersebut sebagai ujian menghadapi kesulitan. Lihat Afif Abd al-Fattah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiya'*, h. 622-623

²⁹¹ Mereka akhirnya menang dengan nabi Daud berjaya membunuh ketua musuh mereka, Jalut. Surah al-Baqarah, 2: 249-250

²⁹² Surah Sad, 38: 24-25

²⁹³ Afif Abd al-Fattah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiya'*, h. 632

prestasi organisasi sahaja.²⁹⁴ Kisah anbiya dalam fungsi keterlibatan sebagai usahawan seperti Daud, atau pemberi ingatan tentang keburukan tipu muslihat perniagaan seperti Syuaib, merupakan sampel teladan penilaian yang baik dalam proses pembangunan modal insan dengan mengambil usaha perbaikan apabila berlaku kesilapan. Mereka meletakkan asas dan persoalan apa (what) atau siapa, yakni bahawa hidup ini adalah sebagai ujian dengan dunia ini (where) sebagai medan.²⁹⁵ Persoalan bagaimana (how) pula dengan mengambil kira bahan-bahan ujian yang terdiri dari harta, anak-pinak, kemewahan, kelaparan, ketakutan dan pelbagai lagi,²⁹⁶ bertujuan untuk menzahirkan manusia terbaik bagi pertanyaan kenapa (why).²⁹⁷ Proses ujian ini berlaku secara berterusan sepanjang kehidupan manusia (when). Dalam hal ini, Allah berfirman: "Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahui-Nya tentang orang-orang yang berdusta."²⁹⁸ Ayat ini menjelaskan bahawa hakikat manusia beriman tidak terlepas dari proses penilaian dan ujian dalam segenap aspek kehidupan supaya zahir atau dapat diketahui perbezaan antara manusia terbaik yang melakukan kebenaran dengan orang yang melakukan pendustaan.²⁹⁹ Tahap ujian ini pula bergantung kepada status keimanan

²⁹⁴ Perlu juga difahami bahawa mendapat keredaan Allah itu adalah standard prestasi tertinggi

²⁹⁵ Surah Hūd, 11: 7; Surah al-Qiyāmah, 75: 36; Surah al-A'rāf, 7: 167

²⁹⁶ Surah al-Baqarah, 2: 155 menyebut: "Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar." Contoh lain bahan ujian seperti harta dan diri (Āli 'Imrān, 3: 186), nikmat dan bencana (al-A'rāf, 7: 167), binatang buruan (al-Mā'idah, 5: 94), kedudukan (al-An'ām, 6: 165; al-Naml, 27: 40), kebaikan dan keburukan (al-Anbiya, 21: 35). Ibn Kathir mengatakan mengenai anak dan harta sebagai kurniaan adalah untuk disyukuri atau manusia menjadi sibuk dengan urusan tersebut menepati maksud ayat surah al-Anfāl, 8: 28, "Dan ketahuilah bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan sesungguhnya di sisi Allah jualah pahala yang besar." Lihat al-Şābūnī, *Mukhtaşar Tafsīr Ibn Kathīr*, h. 2: 98

²⁹⁷ Surah al-Kahf, 18: 7; Muḥammad, 47: 31

²⁹⁸ Surah al-'Ankabūt, 29: 3

²⁹⁹ Pandangan Ibn Abbas dalam al-Şābūnī, *Mukhtaşar Tafsīr Ibn Kathīr*, h. 3: 28

seseorang dengan para anbiya paling banyak diuji, diikuti dengan orang-orang soleh dan begitulah seterusnya.³⁰⁰

4.3. Kesimpulan

Kisah para anbiya dalam al-Quran memaparkan pelbagai perspektif dalam konteks pembangunan modal insan. Dakwah mereka sendiri secara tidak langsung berperanan sebagai model dan proses membangunkan manusia. Kisah Adam mencerminkan status manusia yang cukup tinggi dan mulia yang terbangun semua fakulti fizikal dan spiritual kemanusiaan. Namun, pengaruh dan nafsu nafsu boleh meruntuhkan kemuliaan insan dengan melakukan perkara yang bertentangan dengan fitrah semula jadi diri yang dianjurkan oleh Islam, seperti tidak mentaati perintah Allah.

Para anbiya diutuskan oleh Allah SWT bertugas untuk membangunkan semula kualiti diri insan dengan segala sumber atau modalnya dengan mengajak manusia beriman dengan Allah. Proses membangunkan insan dapat direalisasikan secara melaksanakan segala suruhan serta meninggalkan segala larangan-Nya dalam semua aspek, termasuk bidang keusahawanan yang menjadi sumber kehidupan. Para anbiya menunjukkan atau mengaplikasi cara pelaksanaan itu dengan memberikan motivasi, teladan, anjuran berbuat baik dan tegahan kemungkaran, amal soleh serta berjihad. Muhasabah dan penilaian terhadap segala aktiviti manusia merupakan cara terbaik untuk mengenal pasti kekurangan untuk segera diperbaiki.

³⁰⁰ Ibid, h. 3: 28; Surah al-Baqarah, 2: 214, menyebut: “Adakah patut kamu menyangka bahawa kamu akan masuk syurga, padahal belum sampai kepada kamu (ujian dan cubaan) seperti yang telah berlaku kepada orang-orang yang terdahulu daripada kamu? Mereka telah ditimpa kepapaan (kemusnahan hartabenda) dan serangan penyakit, serta digoncangkan (oleh ancaman bahaya musuh), sehingga berkatalah Rasul dan orang-orang yang beriman yang ada bersamanya: Bilakah (datangnya) pertolongan Allah?” Ketahuilah! Sesungguhnya pertolongan Allah itu dekat (asalkan kamu bersabar dan berpegang teguh kepada agama Allah).”

Tegasnya, manusia boleh menjadikan anbiya sebagai model ikutan. Misalnya, untuk pembersihan jiwa, prosesnya dengan zikrullah. Pemurnian akal fikiran pula boleh dilakukan dengan merenung fikir kebesaran Allah. Bagi latihan kecerdasan fizikal dilakukan dengan berusaha serta mencari rezeki yang halal. Sementara uantuk membangun dan memantapkan keteguhan hati yang menjadi raja adalah dengan amal soleh. Selain ibadat khusus, menceburi bidang keusahawanan juga merupakan amal soleh yang boleh membangunkan kualiti diri insan. Pada masa yang sama, usahawan perlu melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran untuk memajukan diri dan organisasi agar mencapai kecemerlangan seterusnya boleh menghasilkan produktiviti untuk memenuhi keperluan umat. Dalam rangka inilah, metode praktis kemahiran boleh meninggikan taraf usahawan agar menjadi insan terbaik yang berbakti kepada diri dan komuniti. Apabila telah mencapai status berjaya, usahawan perlu sentiasa bermuhasabah dan melakukan penilaian terhadap semua aktivitnya agar patuh syariah untuk mendapat keredaan Allah.

Kesimpulannya, proses pembangunan modal insan berdasarkan kisah anbiya berlaku dalam semua aspek keusahawanan secara bersepadu. Proses tersebut melibatkan pelbagai metode seperti pendekatan persekitaran, teladan, motivasi, jihad dan amal soleh, praktis kemahiran dan penilaian. Berdasarkan metode inilah para anbiya menerapkan mesej dakwah dalam proses membangunkan modal insan, khususnya berkaitan keusahawanan.

BAB 5: HASIL PEMBANGUNAN MODAL INSAN ANBIYA: MUSLIHIN DAN MUFSIDIN

5.1. Pengenalan

Hakikat pembangunan modal insan boleh difahami menerusi dua aspek utama. Pertama melalui proses pembangunan, dan kedua melalui keadaan atau sifat-sifat insan yang menzahirkan gambaran berlaku pembangunan ekoran dari proses tersebut. Proses pembangunan dengan segala metode atau teknik telah dijelaskan dalam perbincangan Bab 4 sebelum ini. Jadi, bab ini merupakan penjelasan berkaitan dengan keadaan modal insan yang terbangun atau yang sampai kepada kemuncak pembangunan dengan segala cirinya. Keadaan modal insan yang terbangun ini boleh diibaratkan sebagai hasil akhir atau 'end product' dari segala bentuk aktiviti atau proses pembangunan modal insan.

Keadaan modal insan yang terbangun boleh dikenal pasti menerusi beberapa sifat atau ciri. Sifat-sifat ini merupakan ciri-ciri nampak atau gambaran kepada keadaan modal insan yang terbangun. Maka, sifat yang sehati atau ciri yang menjadi amalan dalam kehidupan seharian menzahirkan keadaan modal insan yang terbangun dan dinamakan sebagai muslihin.¹ Ciri tersebut, menurut kajian sarjana keusahawanan merangkumi semua dimensi modal insan sama ada fizikal serta spiritual. Keadaan

¹ Istilah muslihin merujuk kepada modal insan yang terbangun. Lawannya ialah mufsidin, iaitu merujuk kepada modal insan yang tidak terbangun. Berakar kata dari Bahasa Arab *shalaha*, Muslihin merupakan manusia dengan segala ciri kebaikan, sementara mufsidin yang berasal dari *fasada* pula menggambarkan manusia dengan segala ciri kerosakan. Lihat Ibn Manzūr (t.th), *Lisān al-'Arab*, h. 4: 2479 Istilah muslihin tersebut digunakan oleh al-Quran secara meluas, misalnya dalam surah al-Baqarah, 2: 11-12. Istilah ini sesuai untuk menggambarkan konsep pembangunan serta ciri-ciri pelakunya. Lihat Wan Mohd Nor Wan Daud (2001), *Pembangunan di Malaysia: Ke Arah Satu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna*, Kuala Lumpur: ISTAC, h. 21

tersebut dicirikan oleh misalnya, aktif dalam aktiviti keusahawanan, menghayati etika sosio-ekonomi dan nilai kerohanian.² Dalam hal ini, nilai kerohanian seperti keimanan dengan Allah, tawakkal, takwa, halal dan haram, berakhlak mulia, amalan dan qana'ah menjadi teras dalaman mereka.³ Manakala penguasaan kemahiran berkaitan aktiviti keusahawanan seperti ilmu, inovasi dan pengambilan risiko, penggunaan sumber, pembiayaan dan tanggungjawab sosial menjadi petunjuk kejayaan secara luaran.⁴ Semua ciri dan nilai tersebut berpandukan kepada al-Quran dan Sunnah.⁵ Hakikat atau keadaan sebaliknya pula dizahirkan oleh modal insan yang tidak terbangun dengan segala bentuk atau ciri kerendahan yang bertentangan dengan usahawan berjaya. Lantaran itu, sebagai perbandingan, manusia yang tidak sampai kepada tahap atau keadaan tersebut dan memiliki sifat buruk, dinamakan sebagai modal insan mufsidin.

Gambaran kedua-dua sifat atau keadaan sama ada terbaik atau terburuk ini merangkumi semua aset atau modal milik manusia sama ada jasmani atau rohani seperti tubuh badan, pancaindera, nafsu atau jiwa, akal dan kalbu. Sifat atau ciri modal insan ini terpakai pada semua bidang hidup termasuk berkaitan keusahawanan.

² Lihat Ali Aslan Gümüşay (2015) "Entrepreneurship from an Islamic Perspective" *Journal of Business Ethics*, August 2015, Volume 130, Issue 1: 199–208; Wan Sabri Wan Hussin (2001), "Nilai dan etika Islam dalam perniagaan: Amalan dan tanggapan masyarakat Malaysia," Tesis Ph.D, Universiti Malaya; Mohd Zain Mubarak, (2014) "Keusahawanan Islam Berasaskan Ciri Personaliti dan Kerohanian di Negeri Kelantan," Tesis Ph.D., Universiti Malaysia Terengganu; Shuhairimi Abdullah (2013), "The Characteristics of Successful Entrepreneurs from Islamic Perspective," *Journal of Islamic Human Advanced Research*, 3(6): 322-345

³ Lihat Mohd Zain Mubarak, Asyraf Ab. Rahman dan Mohd Rafi Yaacob (2015), "Elemen Kerohanian Dalam Keusahawanan Islam: Kajian Terhadap Usahawan Berjaya Di Negeri Kelantan," *Journal Of Business And Social Development*, Vol. 3 No. 1, (March 2015): 43-53; Naail Mohammed Kamil, Ali Hussain Al-Kahtani dan Mohamed Sulaiman (2011), "The Components of Spirituality In The Business Organizational Context: The Case Of Malaysia," *Asian Journal of Business and Management Sciences*, Vol. 1 No. 2: 166-180

⁴ Lihat Veland Ramadani, Léo-Paul Dana, Vanessa Ratten, Sadush Tahiri (2015) "The Context of Islamic Entrepreneurship and Business: Concept, Principles and Perspectives," *International Journal of Business and Globalisation*, Vol.15, (3): 244–261; Nik Yusri Musa dan Nurullah Kurt (2015), "Kerohanian Dalam Keusahawanan Islam: Perspektif al-Ghazali Dalam Kitab Ihya' Ulum al-Din," dalam *Konsep Keusahawanan Sosial Islam: Suatu Pengenalan*, Kota Bharu: Universiti Malaysia Kelantan, h. 22-46.

⁵ Lihat Mohd Faizal P. Rameli, Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, dan Kalsom Ab. Wahab (2013), "The Entrepreneurs Characteristic from al-Quran and al-Hadis," *International Journal of Trade, Economics and Finance*, Vol. 4, No. 4, August: 191-196; Nor'Azzah Kamri (2009) "Etika Usahawan Muslim Berpandukan al-Quran dan al-Sunnah," dalam *Keusahawanan Islam: Konsep dan Isu-Isu Pelaksanaannya*, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah, API

5.2. Ciri-ciri Modal Insan Muslihin

Modal insan muslihin dicirikan oleh keadaan beriman, bertawakkal dan bertakwa kepada Allah sebagai sifat utama. Ciri lain membantu ciri utama seperti berilmu, bersyukur, bersikap adil dan sebagainya. Manakala ciri ketiga berupa ciri kemahiran profesional sebagai usahawan yang berkisar sekitar kerja, urusan niaga dan harta. Semua ciri tersebut adalah hasil dapatan dari kisah anbiya dalam al-Quran dengan beberapa penambahan dari sumber lain sebagai analisis perbincangan atau dapatan.

5.2.1. Bertauhid Dengan Allah

Ciri tauhid merujuk kepada modal insan terbangun yang mengikat dirinya dengan keimanan atau keyakinan terhadap keesaan Allah serta seluruh ajaran-Nya.⁶ Hakikat iman merangkumi semua tiga elemen iaitu qasad atau yakin di hati, ikrar dengan lidah serta melakukan amalan dengan seluruh *jawāriḥ*, yakni anggota badan zahir dan batin.⁷ Ini bermakna, insan terbangun ialah mereka yang beriman dengan Allah dan hari Akhirat bukan sekadar menyimpul kukuh keyakinannya di hati, tetapi juga mengakuinya dengan lidah serta membuktikan keimanan tersebut dengan melaksanakan suruhan serta meninggalkan segala larangan-Nya dalam semua aspek kehidupan. Dalam hal ini, kisah permohonan Ibrahim supaya diperlihatkan kepadanya cara Allah menghidupkan orang mati boleh dijadikan contoh keyakinan yang diiringi dengan ikrar.

⁶ Istilah tauhid bererti mengesakan Allah digunakan secara sinonim dengan istilah akidah dan iman. Akidah bermaksud ikatan, yakni keyakinan yang tertanam dalam hati seseorang. Lihat Ahmad bin Muhammad bin 'Alī al-Muqri al-Fayyūmī (t.th), *al-Miṣbah al-Munīr fi gharīb al-syarḥ al-kabīr li al-Rafi'i*, 2 jilid, Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah, h. 2: 421.

⁷ Akidah tauhid atau iman itu asalnya tasdiq di kalbu, ikrar dengan lidah sebagai tanda dan amalan dengan anggota terhadap suruhan dan meninggalkan larangan sebagai bukti kesempurnaan iman seperti penjelasan al-Quran. Lihat surah al-Hujurāt, 49: 15; al-Baqarah, 2: 260; al-Anfāl, 8: 2-4, sebagai contoh. Penjelasan tentang hubung kait tersebut, lihat 'Umar Sulayman al-Ashqar (2000), *al-'Aqīdah fi Allah*, Amman: Dār al-Nafais, h. 11-13; Ramli Awang (2005), *Akidah Penghayatan Tauhid al-Quran*, Skudai: Penerbit UTM, h. 3-11

Al-Quran menyebut: “Dan (ingatlah) ketika nabi Ibrahim (merayu dengan) berkata: "Wahai Tuhanku! Perlihatkanlah kepadaku bagaimana Engkau menghidupkan makhluk-makhluk yang mati?" Allah berfirman: "Adakah Engkau belum percaya (kepada kekuasaanKu)?" Nabi Ibrahim menjawab: "Bahkan (aku percaya dan yakin)! Akan tetapi (aku memohon yang demikian ialah) supaya tenteram hatiku (yang amat ingin menyaksikan)."”⁸ Manakala ikrar dan amal tanpa keyakinan diumpamakan sebagai Munafik.⁹ Manakala ikrar tanpa amal dan keyakinan tidak diterima, umpama akuan Fir’aun ketika hampir tenggelam,¹⁰ atau seperti segolongan manusia mengaku sahaja beriman, tetapi sebenarnya tidak.¹¹ Tegasnya, hakikat tauhid atau keimanan yang tepat ialah kombinasi ketiga-tiga unsur keyakinan, ikrar dan amal.¹²

Tauhid dengan mengesakan Allah serta beribadat kepada-Nya dan menjauhi taghut, yakni sebarang bentuk syirik serta larangan-Nya merupakan seruan semua anbiya yang termaktub dalam al-Quran.¹³ Firman-Nya bermaksud:

“Dan Sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah taghut.”

(Surah al-Naḥl, 16: 36)

Ayat di atas dijelaskan oleh Ibn Kathir bahawa Allah SWT telah mengutus anbiya bermula dengan Adam dan berakhir dengan nabi Muhammad SAW kepada semua manusia termasuk golongan jin, ke semua pelusuk dunia, timur dan barat.¹⁴ Ayat ini membuktikan bahawa misi dakwah semua anbiya adalah sama iaitu mentauhidkan Allah

⁸ Surah al-Baqarah, 2: 260

⁹ Munafik mendirikan solat dengan rasa malas lantaran tidak yakin. Lihat surah al-Nisa’, 4: 142

¹⁰ Surah Yūnus, 10: 90.

¹¹ Surah al-Baqarah, 2: 8

¹² Surah al-Hujurāt, 49: 15

¹³ Semua anbiya selepas Nuh dan Ibrahim merupakan zuriat mereka berdua. Lihat Muḥammad Aḥmad Kan’ān, *Qiṣaṣ al-Anbiyā’*, h. 119.

¹⁴ Al-Ṣābūnī, *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr*, h. 2: 330

dan menjauhkan segala rupa kejahatan, yakni taghut.¹⁵ Hakikat seruan ini dijelaskan oleh al-Quran sebanyak empat kali dalam satu surah (Hud,11), dengan nabi Nuh menyeru kaumnya,¹⁶ Hud menyeru kaum Ad,¹⁷ Saleh menyeru kaum Thamud¹⁸ serta Syuaib menyeru kaum Madyan agar mentauhidkan Allah dan beribadat kepada-Nya sahaja.¹⁹ Hal yang sama diulang sebanyak dua kali pada surah al-Mukminun yang jelas menunjukkan kepada kepentingan seruan tauhid ini.²⁰ Dalam konteks ini, kisah anbiya yang dirakamkan oleh al-Quran menjadi wasilah untuk menanamkan ‘tauhid’ ke dalam jiwa manusia sambil menghapuskan unsur kepercayaan syirik.²¹ Perhatikan nasihat Yusuf terhadap rakan sepenjaraannya: “Dan aku menurut agama bapa dan datuk nenekku; Ibrahim dan Ishak serta Yaakub. Tidaklah sepatutnya kita mempersekutukan sesuatu pun dengan Allah. Mentauhid - mengesakan Allah ialah hasil dari limpah kurnia Allah kepada kita dan kepada umat manusia, tetapi ramai manusia tidak bersyukur.”²² Ayat dan kisah yang dipaparkan tersebut menggambarkan bahawa penekanan dakwah anbiya adalah tauhid. Ini bermakna, seluruh ayat al-Quran sama ada berkaitan dengan kisah anbiya atau tidak adalah berorientasikan kepada mentauhidkan Allah.²³

¹⁵ Surah al-Anbiyā’, 21: 25, bermaksud, “Dan Kami tidak mengutus sebelummu (Wahai Muhammad) seseorang Rasul pun melainkan Kami wahyukan kepadanya: "Bahawa Sesungguhnya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Aku; oleh itu, beribadatlh kamu kepada-Ku."

¹⁶ Surah Hūd, 11: 25-26 bermaksud: “Dan demi sesungguhnya! Kami telah utuskan Nabi Nuh lalu ia memberitahu kaumnya dengan berkata: "Sesungguhnya Aku ini seorang Rasul pemberi amaran Yang nyata kepada kamu. Iaitu janganlah kamu menyembah melainkan Allah.”

¹⁷ Surah Hūd, 11: 50 bermaksud: “Dan kepada kaum Aad, Kami utuskan saudara mereka: Nabi Hūd ia berkata: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripad-Nya.”

¹⁸ Surah Hūd, 11: 61, bermaksud: “Dan kepada kaum Thamud, Kami utuskan saudara mereka: Nabi soleh. ia berkata: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripada-Nya.”

¹⁹ Surah Hūd, 11: 84, bermaksud: 84. “Dan kepada penduduk "Madyan" Kami utuskan saudara mereka: Nabi Syuaib. ia berkata: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! (sebenarnya) tiada Tuhan bagi kamu selain daripada-Nya.”

²⁰ Surah al-Mu’minūn, 23: 23 merujuk kepada Nuh, dan 23: 32 merujuk kepada Hūd.

²¹ Afif Abdul Fatah Tabbarah, *Ma’ a al-Anbiyā’*, h. 422

²² Surah Yūsuf, 12: 38

²³ Umpamanya surah pertama yakni al-Fātihah bermula dengan menyebut nama Allah dan berakhir dengan surat al-Nās, 114 juga mengarahkan kepada keesaan Allah. Lihat juga Ramli Awang (2014), *Fiqh al-Tauhid Dalam Akidah Islam*, Skudai: Penerbit UTM Press, h. 35

Apabila seseorang mengaku beriman dengan Allah, implikasinya memerlukan kepada tuntutan melakukan amal soleh dan meninggalkan perkara mungkar.²⁴ Ia menggambarkan keadaan dalaman manusia yang yakin, tunduk dan patuh kepada perintah dan larangan Allah dan tidak tergambar kepada ketundukan dan kepatuhan kepada selain-Nya. Lalu gambaran ketundukan dan keyakinan kepada Allah serta penafian kepada selain-Nya itu dilafazkan dengan ikrar sebagai bukti dan disempurnakan dengan amalan. Orang yang mencapai tahap keadaan ini dinamakan sebagai Mukmin.²⁵ Ada kalanya, keadaan keyakinan atau keimanan ini sampai ke tahap lebih tinggi sehingga seluruh pancaindera, jiwa, akal dan hati menyerah bulat-bulat kepada Allah serta merasai kehadiran Allah dalam apa sahaja aktiviti sepanjang masa.²⁶ Tahap keimanan ini dinamakan ihsan dan orang yang mencapai taraf ini disebut Muhsin.²⁷ Tahap keimanan dan perlaksanaannya ini juga menjadi petanda manusia sampai kepada ketinggian akhlak dan diiktiraf sebagai umat terbaik.²⁸ Ini adalah kerana akhlak ialah gambaran keadaan kejiwaan seseorang yang mendorong lahirnya tingkah laku dengan senang dan mudah.²⁹ Manakala tingkah laku atau akhlak sebenarnya adalah manifestasi tauhid ataupun terjemahan keadaan keimanan seseorang. Hakikatnya, kewujudan iman melambangkan keadaan ketinggian taraf seseorang, sementara ketiadaan iman, digambarkan dengan kerendahan darjat atau keburukan akhlak.³⁰ Ringkasnya, bertauhid dengan Allah merupakan indikator kepada keadaan modal insan yang mencapai taraf terbangun, lantaran iman tersebut memotivasikan

²⁴ Haji Abdul Karim Amrullah (HAMKA) (1983), *Iman dan Amal Soleh*, Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru, h. 2

²⁵ Hakikat ini banyak disebut dalam al-Quran dengan orang yang beriman dan beramal soleh seperti yang dijelaskan dalam bab 4 sebelum ini, atau surah al-Baqarah, 2: 8 di atas.

²⁶ Abdullah Nasih 'Ulwan, *Tarbiyah Awlād fī al-Islām*, h. 2: 190

²⁷ Surah Luqmān, 31: 22, menyebut: "Dan sesiapa yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah (dengan ikhlas) sedang dia seorang Muhsin, yakni berusaha mengerjakan kebaikan, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh dan (ingatlah) kepada Allah jualah kesudahan segala urusan."

²⁸ Surah Āli 'Imrān, 3: 110; al-Baqarah, 2: 143

²⁹ Ibn Miskawaih (1967), *Tahdhīb al-Akhlāq wa Tathīr al-A'rāq*, Qāhirah: Muassasat al-Khanijī, h. 9

³⁰ Banyak hadis Rasulullah s.a.w. yang mengaitkan iman dengan akhlak, contohnya: "Orang yang paling sempurna imannya adalah orang yang paling baik akhlaknya." Abū Dawud, *Sunan*, Bāb al-dalīl 'alā ziyadat al-īman, hadis no. 4062; Ahmad, *Musnad*, Bāb musnad Abī Hurairah, hadis no. 7095, 9725, 10397, 23073, 23536; Al-Tirmīzī, *Sunan*, Bab ma ja'a fi haq al-mar'ah, hadis no. 1082 dan 2537

dirinya untuk menjadi usahawan seperti yang dikehendaki oleh Allah dalam seluruh aktiviti keusahawanannya.³¹

Impak atau manifestasi keimanan dalam kehidupan inilah yang ditunjukkan oleh para anbiya sebagai model pembangunan modal insan, khususnya dalam bidang keusahawanan yang merangkumi semua jenis tauhid rububiyah, uluhiyah serta tauhid nama dan sifat Allah.³² Rububiyah ialah keyakinan bahawa hanya Allah sahaja Tuhan yang mencipta, memiliki, memberi rezeki, mentadbir, memberi kehidupan dan kematian seluruh alam ini, tiada yang lain.³³ Dalam hal ini, seorang usahawan harus yakin bahawa segala rezeki hanyalah kepunyaan Allah dan Dialah yang menganugerahkan kepada manusia. Manakala manusia pula perlu berusaha dalam lingkungan peraturan yang ditentukan-Nya.³⁴ Firman-Nya: “Dan bagi-Nyalah (hak milik) segala yang ada di langit dan di bumi...Dan apa-apa nikmat yang ada pada kamu maka adalah ia daripada Allah.”³⁵ Mengenai ayat ini, kata Ibn Kathir, segala apa sahaja berupa rezeki, nikmat, pertolongan kelebihan adalah ihsan serta kurniaan Allah.³⁶ Lantaran itu, para anbiya berusaha memantapkan keyakinan manusia mengenai hal ini, apabila “Rasul-rasul mereka bertanya: "Patutkah berlakunya sebarang keraguan tentang wujudnya Allah, yang menciptakan langit dan bumi?"”³⁷ Kenyataannya, semua makhluk adalah ciptaan Allah dan hanya Dialah sahaja yang menguruskannya serta memberikan rezeki. Firman-Nya:

³¹ Lihat Khurshid Ahmad (1980), “Economic Development in an Islamic Framework”, dalam Khurshid Ahmad (ed.), *Studies in Islamic Economics*, Leicester: The Islamic Foundation, h. 179; Joni Tamkin Bin Borhan (2008), “Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam,” *Jurnal Usuluddin*, Bil 27 [2008]: 93-107

³² Pembahagian ini berdasarkan nas-nas al-Quran yang dianalisis oleh Abdul Karim Zaidan, *Uṣūl al-Da‘wah*, h. 9-14; Juga oleh Ramli Awang (2012), *Akidah Kehidupan Muslim*, Skudai: Penerbit UTM Press, h. 137-169

³³ Al-Fayyūmī, *al-Miṣbah al-Munīr*, h. 1: 214; Ramli Awang, *Akidah Kehidupan Muslim*, h. 138-140

³⁴ Joni Tamkin Bin Borhan (2008), “Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam,” h. 97

³⁵ Surah al-Naḥl, 16: 53

³⁶ Al-Ṣābūnī, *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr*, h. 2: 334

³⁷ Surah Ibrāhīm, 14: 10

“Bertanyalah kepada mereka (yang musyrik itu): "Siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? atau siapakah yang menguasai pendengaran dan penglihatan? dan siapakah yang mengeluarkan makhluk yang hidup dari benda yang mati, dan mengeluarkan benda yang mati dari makhluk yang hidup? Dan siapakah pula yang mentadbirkan urusan sekalian alam? "(Dengan pertanyaan-pertanyaan itu) maka mereka (yang musyrik) tetap akan menjawab (mengakui) dengan berkata: "Allah jualah yang menguasai segala-galanya! "Oleh itu, katakanlah: "(Jika kamu mengakui yang demikian), maka mengapa kamu tidak mahu bertakwa?"

(Surah Yūnus, 10: 31)

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah sebagai pemberi rezeki bukan setakat diakui oleh manusia, tetapi juga makhluk lain. Malah hinggakan “tiadalah sesuatupun dari makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya.”³⁸ Oleh itu, apatah lagi seharusnya seorang usahawan Muslim wajib mengakui dan menolak selain Allah sebagai pemberi rezeki secara mutlak. Jika ada sumber yang menjadi penaja atau pemberi rezeki selain-Nya, maka itu adalah secara simbolik, bukan merujuk kepada makna tauhid yang sebenar.³⁹

Penghayatan tauhid dari segi uluhiyah pula ialah dengan mengakui bahawa hanya Allah sahaja maksud segala sembah dan ibadat, permohonan doa dan harapan, tempat aduan dan pertolongan.⁴⁰ Al-Quran menyebut: “Dan Kami tidak mengutus sebelummu (wahai Muhammad) seseorang Rasul pun melainkan Kami wahyukan kepadanya: "Bahawa sesungguhnya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Aku; oleh itu, beribadatlah kamu kepada-Ku".⁴¹ Hakikat ayat ini menepati maksud bahawa tujuan utama penciptaan manusia dan jin adalah untuk berbakti dengan beribadat kepada-Nya sahaja, sama ada secara sukarela atau terpaksa.⁴² Dengan ketauhidan ini, bermakna Allah tidak meminta rezeki ataupun makanan, bahkan

³⁸ Surah Hūd, 11: 6

³⁹ Abdul Karim Zaidan, *Uṣūl al-Da‘wah*, h. 10; Surah Hūd, 11: 31

⁴⁰ Ramli Awang, *Akidah Kehidupan Muslim*, h. 141; Surah al-Fatihah, 1: 5, menyebut: “Engkaulah sahaja (Ya Allah) yang kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan.”

⁴¹ Surah al-Anbiyā’, 21: 25.

⁴² Surah al-Dhāriyāt, 51: 56 bermaksud, “dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku. Pandangan Ibn Abbas yang dipetik oleh Al-Ṣābūnī, *Mukhtaṣar Tafṣīr Ibn Kathīr*, h. 3: 387

“Dialah sahajalah yang memberi rezeki (kepada sekalian makhluk-Nya, dan Dialah sahaja) yang mempunyai kekuasaan yang tidak terhingga, lagi yang Maha Kuat Kukuh Kekuasaan-Nya.”⁴³

Dari perspektif lain, tauhid uluhiah juga bermaksud hanya Allah sahaja tempat ambilan dan ikutan segala hukum dan peraturan dalam semua aspek kehidupan politik, sosial dan juga ekonomi seperti keusahawanan.⁴⁴ Hakikat ini menepati firman-Nya bermaksud: “Katakanlah: "Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.”⁴⁵ Dalam hal ini, golongan usahawan seharusnya meyakini bahawa Allah sahajalah tempat permohonan rezeki kerana Dia Maha Kaya. Firman-Nya: “(Oleh kerana Allah Menguasai segala-galanya, maka) Wahai umat manusia, kamulah yang fakir, sentiasa berhajat kepada Allah (dalam segala perkara), sedang Allah, Dia-lah sahaja yang Maha Kaya, lagi Maha Terpuji.”⁴⁶ Ayat ini menerangkan bahawa semua manusia berhajat kepada Allah sebagai pemberi rezeki dalam semua bentuk diam atau gerakan, lantaran hanya Dia sahaja yang empunya kekayaan, tiada yang lain lagi.⁴⁷

Dalam konteks ini, Ibn Khaldun menekankan bahawa menjadi kewajipan manusia untuk mencari sumber rezeki dari Allah bagi memenuhi keperluan hidup. Hal ini lantaran manusia ‘miskin’ dan bergantung kepada Allah yang ‘Maha Kaya’ untuk berusaha melalui aktiviti ekonomi seperti perusahaan dan pertukangan dan seumpamanya.⁴⁸ Semangat keusahawanan manusia dalam hidup ini merupakan suatu

⁴³ Surah al-Dhāriyāt, 51: 58

⁴⁴ Surah Yūsof, 12: 40

⁴⁵ Surah al-An‘ām, 6: 162

⁴⁶ Surah Fāṭir, 35: 15. Bandingkan dengan ayat surah Muḥammad, 47: 38, “Dan Allahlah yang Maha Kaya sedangkan kamulah orang yang berkehendak,” di mana Allah pula mendahulukan diri-Nya sebagai sumber rezeki.

⁴⁷ Al-Ṣābūnī, *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr*, h. 3: 143-144

⁴⁸ Ibn Khaldūn, *Muqaddimah*, h. 380

nilai yang terpuji dengan Allah permudahkan sumber alam untuk manusia mencari rezeki seperti bumi, air hujan, sungai dan sebagainya.⁴⁹

Ayat di atas juga menerangkan tentang nama dan sifat Allah yang Maha Kaya, yakni *al-Ghaniy*. Ini bermakna, tauhid uluhiyah merangkumi juga tauhid nama dan sifat Allah. Maksudnya, seseorang usahawan Mukmin mengakui hanya Allah yang mempunyai nama-nama yang indah dan Dia bersifat dengan nama-Nya.⁵⁰ Semua nama dan sifat Allah adalah sempurna dan mustahil Dia bersifat dengan kekurangan.⁵¹ Tegasnya, manusia mesti mengakui bahawa segala sifat dan nama-Nya hanyalah khusus untuk zat-Nya sahaja dan tidak disetarai oleh mana-mana makhluk pun.⁵² Dengan ketauhidan ini, nama dan sifat Allah diimani sepertimana termaktub dalam al-Quran tanpa penambahan, mensucikannya dari sebarang perbandingan, dan memutuskan rasa ingin tahu kaifiat atau bagaimana zat dan sifat Allah dari segala bentuk penzahiran yang tidak sepadan dengan-Nya.⁵³ Lantaran itu, al-Quran menegaskan: “Oleh itu, janganlah kamu mengadakan sesuatu yang sebanding dengan Allah, kerana sesungguhnya Allah mengetahui (setakat mana buruknya perbuatan syirik kamu) sedang kamu tidak mengetahuinya.”⁵⁴

Dalam ayat di atas mengarahkan manusia agar tidak menggambarbandingkan Allah dengan sesuatu apa pun. Orang kafir menyembah berhala, yang tidak boleh memberikan rezeki. Sebaliknya, orang yang beriman mentauhidkan Allah sebagai

⁴⁹ Ibn Khaldūn, *Muqaddimah*, h. 380-381; Lihat juga surah Ibrāhim, 14: 32; al-Hajj, 22: 65

⁵⁰ Nama dan sifat Allah terdapat dalam surah al-A'rāf, 7: 180; al-Isra, 17: 110, Taha, 20: 8, al-Muzammil, 73: 20. Contoh nama dan sifat Allah dalam surah al-Hasyr, 29: 22-24 seperti al-‘Ālim, al-Mālik, al-Quddus, al-Salām, al-Raḥmān, al-Raḥīm dan lain-lain. Ada 99 nama dan sifat Allah dengan 76 terdapat dalam al-Quran dan 23 dalam Hadis. Lihat kupasan Abdullah Sani S.H. (1984), *Asma-Ul Husna Dalam Komentari (Digali Dari Al Quran)*, Johor Bahru: Thinker's Library, h. 11 dan selanjutnya.

⁵¹ Ramli Awang, *Akidah Kehidupan Muslim*, h. 144

⁵² Lihat surah al-Ikhlās, 112; Surah al-Syūrā, 42: 11: “Tiada sesuatu pun yang sebanding dengan-Nya dan Dialah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.”

⁵³ Lihat Ramli Awang, *Akidah Kehidupan Muslim*, h. 144-146

⁵⁴ Surah al-Nahl, 16: 74

pemberi rezeki sama ada secara langsung atau tidak,⁵⁵ perlu merasalisasikan ketaatan dan pengambilan aturan daripada-Nya sahaja. Ini kerana Dia bersifat al-Alim, yakni Maha Mengetahui, sedangkan manusia tidak.⁵⁶ Penolakan terhadap aturan atau syariat-Nya, atau ikutan kepada aturan lain, hanyalah menggambarkan kepercayaan bahawa pengetahuan Allah terbatas. Sedangkan Dia mustahil bersifat kekurangan. Dengan demikian, manusia beriman tidak boleh menyalahi atau bertentangan dengan aturan-Nya. Sebaliknya, seorang Mukmin wajib menyakini dan melaksanakan sepenuh hati dan ikhlas semua aturan Allah. Dalam hal ini, seorang usahawan sekadar contoh, boleh merealisasikan makna ketauhidan ini melalui aktiviti berurusanniaga dengan menjauhi riba, kerana Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.⁵⁷

Kisah segelintir umat nabi Saleh memberikan gambaran keimanan terhadap peraturan Allah, di samping ramai pula yang ingkar. Al-Quran menjelaskan: “Dan kepada kaum Thamud, Kami utuskan saudara mereka nabi Saleh. Ia berkata: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! Sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripada-Nya. Dialah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya. Oleh itu mintalah ampun kepada Allah dari perbuatan syirik, kemudian kembalilah kepadanya dengan taat dan tauhid. Sesungguhnya Tuhanku sentiasa dekat, lagi sentiasa memperkenankan permohonan hamba-Nya."⁵⁸

Ayat di atas menggambarkan semua jenis tauhid rububiyah, uluhiah serta nama dan sifat Allah terangkum dalam satu ayat. Lebih indah lagi contoh bidang keimanan

⁵⁵ Al-Sābūnī, *Mukhtaṣar Tafṣīr Ibn Kathīr*, h. 2: 339

⁵⁶ Surah al-‘Ankabūt, 29:60 menjelaskan, “dan (ingatlah) berapa banyak binatang yang tidak membawa rezekinya bersama, Allah jualah yang memberi rezeki kepadanya dan kepada kamu; dan Dialah jua Yang Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.”

⁵⁷ Surah al-Baqarah, 2; 275. Ini sebagai perbandingan di mana orang musyrikin mengatakan riba seperti jual beli, maka mereka amalkan riba. Sedangkan sebenarnya tidak, kerana itu Allah halalkan jual beli dan haramkan riba. Lihat Ibn Kathīr, *Tafṣīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, h. 1: 309

⁵⁸ Surah Hūd, 11: 61

menjurus kepada aspek keusahawanan iaitu mengusahakan sumber alam yang dikurniakan Allah untuk membina tamadun dengan kemakmuran.⁵⁹ Caranya ialah dengan mengakui Allah sebagai pencipta dan pemberi rezeki, oleh itu manusia mesti menggunakan sumber tersebut mengikut aturan Allah dan bukan dengan cara syirik. Itulah contoh ibadat dan sembah yang mentauhidkan-Nya dalam konteks keusahawanan. Hakikatnya, contoh yang serupa digunakan oleh Syuaib ketika berkata: “Wahai kaumku! Sempurnakanlah sukatan dan timbangan dengan adil dan janganlah kamu kurangkan manusia akan benda-benda yang menjadi haknya, dan janganlah kamu merebakkan bencana kerosakan di muka bumi.”⁶⁰ Berhubung dengan ayat ini, perkara utama yang ditekankan ialah pertama, tegahan dari mengurangkan sukatan dan timbangan. Kedua, arahan agar berurusanniaga menggunakan sukatan dan timbangan yang betul. Ketiga, larangan melakukan kerosakan dengan merompak harta orang lain di jalanan. Lantaran itu, kata Ibn Jarir, keuntungan yang diperolehi setelah mengikuti aturan dan menjauhi tegahan dalam aktiviti ekonomi ini adalah lebih baik.⁶¹ Iaitu, suatu dorongan bersifat spiritual untuk melakukan urusan berkaitan keusahawanan dengan berlandaskan akidah, syariat dan akhlak menurut aturan Allah.⁶² Inilah yang dimaksudkan sebagai implikasi dari keadaan modal insan bertauhid. Kenyataannya, kepatuhan tersebut merupakan tanda keimanan dan perbuatan itu adalah contoh modal insan terbaik.⁶³ Kesan beriman dengan Allah memmanifestasikan nilai positif kepada seseorang usahawan. Hal ini demikian, terutamanya lantaran tauhid dan nilai kerohanian menjadi pemangkin seseorang usahawan untuk terus konsisten dalam membangunkan organisasi perusahaan.⁶⁴

⁵⁹ Al-Şābūnī, *Mukhtaşar Tafsīr Ibn Kathīr*, h. 2: 224

⁶⁰ Surah Hūd, 11: 85

⁶¹ Lihat Al-Şābūnī, h. 2: 229

⁶² Fadillah Mansor & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim (2008), “Pembangunan modal insan dari perspektif pengurusan Islam.” *Jurnal al- Tamaddun* 3 (Disember-Januari 2008): (75-96), h. 89

⁶³ Surah Hūd, 11: 86

⁶⁴ Kesan beriman dengan Allah terhadap organisasi perniagaan ditemui oleh Nail M Kamil, Ali H. al-Kahtani, & M. Sulaiman, “The Components of Spirituality in The Business Organizational Context; The Case of Malaysia,” h. 170-171

Perlu juga difahami bahawa dengan bertauhid dengan Allah ini membuktikan bahawa manusia perlu melaksanakan aktiviti keusahawanan dengan penuh keikhlasan.⁶⁵ Manakala matlamat dalam aktiviti ini juga mestilah mengharapkan keredaan Allah serta kejayaan di Akhirat, di samping kebahagiaan hidup di dunia.⁶⁶ Bertauhid dengan Allah ini juga merupakan induk kepada sifat atau ciri modal insan terbangun. Impak dari ketauhidan ini menzahirkan sifat-sifat lain seperti tawakkal, syukur, takwa dan lain-lain.⁶⁷ Dalam konteks ini, tiada contoh terbaik selain para anbiya yang memmanifestasikan penzahiran sifat-sifat ini. Nabi Musa misalnya, disebut oleh al-Quran sebagai contoh orang yang memiliki keikhlasan.⁶⁸ Sementara gelaran ‘siddiqin’, yakni yang beraksi dengan kebenaran dirakamkan menjadi milik Ibrahim, Ismail dan nabi Idris.⁶⁹

5.2.2. Bertawakkal

Bertawakkal merupakan sifat insan yang mantap keimanan dengan Allah. Tawakkal merujuk kepada kebulatan pergantungan atau penyerahan diri tanpa timbul sebarang lintasan keraguan kepada Allah yang memberikan kebaikan dan menolak keburukan dalam semua urusan kehidupan dunia dan akhirat.⁷⁰ Sifat bertawakkal menjadi indikator

⁶⁵ Ikhlas bermaksud mensucikan hati dari semua bentuk kotoran untuk bertaqarrub dengan Allah dan menjadi syarat penerimaan sesuatu amal. Lihat Ahmad Farid, *Tazkiyah al-Nufus*, h. 13; Surah al-Bayyinah, 98: 5

⁶⁶ Lihat contohnya dalam surah al-Baqarah, 2: 1-5

⁶⁷ Akan dijelaskan dalam fakta selanjutnya.

⁶⁸ Surah Maryam, 19: 51. “Dan bacakanlah (Wahai Muhammad) di dalam Kitab (al-Quran) ini perihal Nabi Musa; Sesungguhnya ia adalah *mukhlasan*, orang pilihan, dan adalah ia seorang Rasul, lagi Nabi.”

⁶⁹ Lihat surah Maryam, 19: 41 (Ibrahim); 19: 54 (Ismail) dan 19: 56 (Idris). Contohnya, “Dan bacakanlah (Wahai Muhammad) dalam Kitab (al-Quran) ini perihal nabi Ibrahim; Sesungguhnya adalah ia seorang yang amat benar, lagi menjadi Nabi.”. Surah Maryam menceritakan sebahagian anbiya seperti Haron, Isa, Yahya, Zakaria dan lain-lain yang memiliki sifat sebagai insan terbaik sebagai cara menzahirkan keimanan dengan Allah.

⁷⁰ Ahmad Farid, *Tazkiyah al-Nufus*, h. 98

kepada modal insan yang mencapai kemuncak kejazaman iman dalam hati terhadap Allah selepas melakukan usaha yang maksimum. Ia merujuk kepada suatu keadaan di mana keyakinan penyerahan yang tersemat di hati terhadap pewakil, iaitu Allah SWT yang berlaku selepas adanya usaha, dan bukan berserah tanpanya.⁷¹ Ringkasnya, bertawakkal merupakan ringkasan keimanan yang terdiri dari percaya dan yakin dengan ketentuan Allah, mengikuti sunnah Rasulullah, sama ada dalam usaha mengerjakan suruhan atau meninggalkan larangan.⁷²

Tawakkal merupakan himpunan dan realisasi iman yang berlaku antara hati, keadaan dan amal.⁷³ Maksud tiga rukun tersebut iaitu pertama, mentauhidkan Allah yang berkuasa atas segala sesuatu; kedua, keadaan hati yang pasrah dan reda menyerahkan urusan kepada-Nya; dan ketiga, melakukan amalan.⁷⁴ Banyak nas al-Quran dan hadis menerangkan hakikat ini. Misalnya, al-Quran menjelaskan: “Dan (jika sudah demikian) kepada Allah sahajalah hendaknya orang-orang yang beriman itu bertawakkal.”⁷⁵ Iaitu “mereka yang gementarlah hati apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifatnya), dan apabila dibacakan ayat-ayat-Nya, bertambahlah iman, dan hanya kepada Tuhan jualah mereka berserah. Iaitu orang-orang yang mendirikan sembahyang dan yang mendermakan sebahagian dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka.”⁷⁶

Ayat-ayat tersebut menjelaskan bahawa bertawakkal itu adalah keadaan orang yang beriman.⁷⁷ Dalam konteks keusahawanan yang berkecimpung dengan harta dan

⁷¹ Lihat perbincangan lanjut dalam al-Imam al-Syeikh Ahmad bin ‘Abd al-Raḥmān bin Qudāmah al-Maqdisī (1978), *Mukhtaṣar Minhāj al-Qāsidīn*, Damsyiq: Maktabah Dar al-Lubnan, h. 331-337

⁷² Abdul Kadir Mandili, *Penawar Bagi Hati*, h. 86

⁷³ Lihat huraian Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *al-Arba‘īn Fī Uṣūl al-Dīn*, h. 243-249

⁷⁴ Ramli Awang, *Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili*, h. 222-225

⁷⁵ Surah Āli ‘Imrān, 3: 122; Surah Taubah, 9: 51

⁷⁶ Surah Anfāl, 8: 2-4

⁷⁷ Terdapat tiga keadaan yang menggambarkan tahap tawakkal iaitu pertama, percayakan wakil yang pintar. Kedua, anak percayakan ibu yang penuh kasih sayang, dan ketiga, penyerahan bulat kepada Allah laksana jenazah diserahkan kepada pemandi mayat. Begitupun, itu hanya gambaran penyerahan hati, bertawakkal perlu menepati usaha. Lihat al-Ghazālī, *al-Arba‘īn Fī Uṣūl al-Dīn*, h. 249; Mandili, *Penawar Bagi Hati*, h. 88; dan huraian Ramli Awang, *Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili*, h.226-229

rezeki, impak bertakwa dan bertawakkal merupakan pintu kepada kemurahan rezeki. Firman Allah: “Dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya). Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan (ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendaki-Nya. Allah telah pun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu.”⁷⁸ Ini bermakna, dengan takwa dan tawakkal, Allah mencukupkan rezeki. Hal ini berlaku kerana orang Mukmin dan bertawakkal yakin hanya Allah sahaja yang Maha berkuasa dan memberikan rezeki. Seseolah mereka berkata: “Jika Allah hendak memberi rahmat kepadaku, dapatkah mereka menahan rahmat-Nya itu?” Katakanlah lagi: "Cukuplah bagiku Allah (yang menolong dan memelihara); kepada-Nyalah hendaknya berserah orang-orang yang mahu berserah diri.”⁷⁹ Mengapa terjadi demikian? Ini adalah kerana tidak dinamakan tawakkal tanpa usaha. Sebaliknya, dengan bertawakkal menyebabkan seseorang itu berusaha terlebih dahulu, diikuti dengan berdoa dan barulah berserah. Tegasnya, berserah adalah hal kehidupan anbiya dan berusaha merupakan sunnah.⁸⁰ Dalam hal ini, Baginda SAW bersabda: “Andainya seseorang kamu bertawakkal kepada Allah dengan sebenar-benar tawakkal, nescaya kamu diberikan rezeki seperti mana keluarnya seekor burung berpagi-pagi dengan perut kosong dan pulang dengan perut yang penuh.”⁸¹

⁷⁸ Surah al-Ṭalāq, 65: 2-3

⁷⁹ Surah al-Zumar, 39: 38

⁸⁰ Ahmad Farid, *Tazkiyah al-Nufus*, h. 99. Banyak ayat menunjukkan perihal anbiya berusaha, berdoa dan baerserah kepada Allah, akhirnya berjaya. Misalnya, Nuh (surah al-Anbiyā', 21: 76), perihal Ayyub (al-Anbiyā', 21: 83-84), Yunus (al-Anbiyā', 21: 88), Zakaria (al-Anbiyā', 21: 89-90).

⁸¹ Ahmad, *Musnad*, bab awwal musnad ‘Umar bin Khattāb, hadis no. 200, 348, 351; Ibn Mājah, *Sunan*, bab al-tawakkal wa al-yaqīn, hadis no. 4154; Al-Tirmīzī, *Sunan*, bab fī al-tawakkal ‘ala Allah, hadis no. 2266. Konsep yang serupa dijelaskan oleh al-Quran dalam surah al-Mulk, 67: 19

Para anbiya menunjukkan contoh teladan yang jitu dalam hal bertawakkal kepada Allah. Ramai anbiya menyampaikan dakwah agar beriman dengan Allah kepada kaum masing-masing, nyata bertentangan dengan budaya kaum mereka yang menyembah berhala serta kejam berpegang dengan warisan datuk nenek. Nabi Nuh misalnya, menyeru kaumnya agar mentauhidkan Allah dan meninggalkan sembah berhala. Namun kedegilan kaumnya terserlah menerusi gambaran firman-Nya: “Dan (Ketua-ketua) mereka (menghasut dengan) berkata: `Jangan kamu meninggalkan (penyembahan) tuhan-tuhan kamu, terutama (penyembahan) Wadd, dan Suwa', dan Yaghuth, dan Ya'uq, serta Nasr.”⁸² Malah, Nuh pula dituduh gila dan diancam untuk direjam.⁸³ Begitu juga dengan dakwah Hud kepada kaumnya dibalas dengan tuduhan bodoh dan dusta.⁸⁴ Mereka berkata kepada Hud: "Adakah engkau datang kepada kami supaya kami hanya menyembah Allah semata-mata, dan meninggalkan apa yang pernah disembah oleh datuk nenek kami? (Kami tidak akan menurut) maka datangkanlah azab yang engkau janjikan kepada kami, jika betul engkau dari orang-orang yang benar.”⁸⁵ Hud tetap komited dengan tugasannya dan bertawakkal dengan berkata: “Sesungguhnya aku telah berserah diri kepada Allah, Tuhanku dan Tuhan kamu! Tiadalah sesuatu pun dari makhluk-makhluk yang bergerak di muka bumi melainkan Allah jualah yang menguasainya. Sesungguhnya Tuhanku tetap di atas jalan yang lurus.”⁸⁶

Dalam hal ehwal ekonomi dan keusahawanan, nabi Isa menyeru kaum Yahudi supaya mencari kekayaan dengan cara yang betul dan bukan secara batil atau zalim

⁸² Surah Nūh, 71: 23

⁸³ Surah al-Qamar, 54: 9; al-Syu‘arā’, 26: 116

⁸⁴ Surah al-A‘rāf, 7: 66

⁸⁵ Surah al-A‘rāf, 7: 70

⁸⁶ Surah Hūd, 11: 51; Kisah tawakkal dan sanggup menerima risiko berlaku kepada peristiwa Ibrahim menyembelih anaknya Ismail dan nabi Muhammad keluar dari rumah untuk berhijrah ke Madinah ketika Musyrikin Mekah sudah mengepong rumah Baginda. Namun, dengan iman dan bertawakkal, semua usaha berjaya. Lihat surah al-Şāffāt, 37: 99-112; Yasīn, 36: 9; Lihat peristiwa hijrah Rasulullah dalam Afif Abd al-Fattah Tabbarah, *Ma‘a al-Anbiyā’*, h. 365-366

seperti amalan memakan riba, supaya mereka terlepas dari azab siksa neraka. Firman

Allah bermaksud:

“Maka disebabkan kezaliman yang amat besar dari perbuatan orang-orang Yahudi, Kami haramkan atas mereka makanan yang baik-baik yang pernah dihalalkan bagi mereka, dan disebabkan mereka banyak menghalang manusia dari jalan Allah. Dan juga (disebabkan) mereka mengambil riba pada hal mereka telah dilarang melakukannya, dan (disebabkan) mereka memakan harta orang dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya). Dan (ingatlah) Kami telah menyediakan bagi orang-orang yang kafir di antara mereka, azab seksa yang tidak terperi sakitnya.”

(Surah al-Nisā', 4: 160-161)

Ayat di atas menerangkan perihal Bani Israel yang melakukan kezaliman terhadap ketentuan Allah, memusuhi anbiya dan melakukan kerosakan, terutama dalam mencari rezeki dengan mengambil harta orang lain secara batil.⁸⁷ Mereka hanyut dalam nikmat dan leka mengumpul harta tanpa memikirkan hitungan amal, mahsyar dan kiamat.⁸⁸ Banyak perkara baik dan halal diharamkan kepada mereka berikutan penurunan Taurat lantaran sikap mereka sendiri yang melampaui batas dan mendustai anbiya.⁸⁹ Bagaimanapun, ketika Isa putera Maryam mengingatkan mereka agar kembali ke jalan Allah dengan keterangan yang nyata, Al-Quran menyebut: “Mereka berkata: 'Ini ialah sihir yang jelas nyata!’”⁹⁰ Dalam dunia keusahawan hari ini, usahawan Muslim mungkin terpaksa melakukan transaksi dengan orang bukan Islam seperti Amerika Syarikat dan orang Yahudi yang mengamalkan riba. Dalam konteks ini, ada ulama tetap

⁸⁷ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, h. 1: 553

⁸⁸ Afif Abd al-Fattah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiyā'*, h. 322

⁸⁹ Antara makanan yang diharamkan disebut dalam surah al-An'am, 6: 146, sebagai: “Dan Kami haramkan atas orang-orang Yahudi segala binatang yang berkuku, dan dari lembu dan kambing pula Kami haramkan kepada mereka lemaknya, kecuali (lemak) yang ada pada belakangnya atau yang menyelaputi perkakas dalam perutnya, atau yang bercampur dengan tulang. Demikianlah Kami balas mereka dengan sebab kederhakaan mereka; dan sesungguhnya Kamilah yang benar.” Lihat Al-Ṣābūnī, *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr*, h. 1: 463-464.

⁹⁰ Surah al-Ṣaf, 61: 6

mengharamkan riba, tetapi ada pula yang mengharuskan dengan alasan kemaslahatan supaya ekonomi negara Islam tidak mengalami kelemahan.⁹¹

Berdasarkan senario di atas, nyata para anbiya sanggup berdakwah dan menanggung risiko menyeru kaumnya dengan suatu ajaran yang berlainan dari budaya kaumnya. Namun demikian, mereka tetap berusaha dan berserah kepada Allah dan akhirnya mendapat kejayaan.⁹² Dalam konteks ini, tugas dakwah anbiya yang sanggup menanggung risiko dengan ancaman kaumnya sewajarnya memberikan pengajaran kepada modal insan yang menceburi bidang keusahawanan. Ini adalah kerana konsep menanggung risiko dan bertawakkal kepada Allah menepati budaya kerja usahawan.⁹³ Hakikatnya, apabila seseorang usahawan memperkenalkan sesuatu barangan baru dalam masyarakat, mereka berdepan risiko diterima atau ditolak. Mereka juga ada kalanya bergantung kepada nasib sama ada barangan yang dihasilkan boleh menarik pembeli atau tidak. Begitupun, usaha untuk memberikan perkhidmatan kepada masyarakat menyebabkan usahawan memikul tugas memenuhi keperluan, meskipun berdepan kesukaran.⁹⁴

Al-Quran merakamkan contoh budaya kaum Quraisy sewaktu kebangkitan nabi Muhammad SAW yang sering membawa kafilah dagangan pada Musim sejuk ke Yamen dan musim panas ke Syria yang berdepan halangan dan penuh risiko, maka mereka membalas dengan beriman, bertawakkal dan menyembah Allah yang pemurah

⁹¹ Antara yang mengharuskan transaksi seperti Mustafā al-Zarqā', Al-Qaradawī dan lain-lain. Lihat detail perbincangan oleh Zaharuddin Abd. Rahman, *Maqāsid al-Syari'ah fi Ahkām al-Buyu'*, h. 511-532

⁹² Al-Quran merakamkan meskipun para anbiya terdedah kepada risiko, tetapi berkat usaha dan tawakkal, Allah mengurniakan kejayaan. Ibrahim terselamat dari bakaran api kaumnya (al-Anbiya, 21: 67-70). Nabi Lut selamat dari perangai sodomi buruk kaumnya yang fasik (al-Anbiya, 21: 74). Nuh juga berjaya (Ibid, 21: 76-77), begitu juga dengan Ismail, Idris dan Zakaria (Ibid, 21: 85) dan lain-lain.

⁹³ Lapan ciri utama usahawan termasuk sanggup mengambil risiko. Lihat Nawawi Mohd. Jan (1999), "Keusahawanan Korperat Dalam Era Globalisasi," dalam *Keusahawanan*, (Suntingan Zainab Ahmad et al), Shah Alam: Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC), h. 266

⁹⁴ Muhammad Nejatullah Sidiqi, *Perusahaan Ekonomi Dalam Islam*, h. 124

dengan mengurniakan makanan dan keamanan.⁹⁵ Contoh tersebut sebenarnya amat penting menjadi ikutan dan budaya kepada usahawan yang terlibat dengan ketidaktentuan rezeki, untung dan rugi. Dalam hal ini, apabila telah berusaha, maka selebihnya terserah kepada Allah untuk mengurniakan rezeki.⁹⁶ Ibarat bidalan kata, usahawan hanya merancang dan berusaha, rezeki hanya berserah kepada Allah yang mengurnia! Kerana cukup hanya Allah sahaja untuk melindungi hamba-hamba-Nya⁹⁷, lantaran itu, memadai hanya Dia sebagai pemelihara.⁹⁸ Maka, bertawakallah! Sesungguhnya Allah mengasihi insan yang bertawakkal.⁹⁹ Nas-nas tersebut jelas membuktikan bahawa tawakkal begitu penting lantaran rezeki dan pertolongan adalah berada di tangan Allah.¹⁰⁰

Ringkasnya, bertawakkal bukan sekadar menjadi indikator kepada modal insan terbangun, tetapi juga sebagai asas kejayaan seseorang usahawan. Kajian emperikal membuktikan contoh seorang usahawan berjaya menjelaskan kaitan perniagaan dengan tawakkal seperti berikut: “Cuma dari segi saya, tawakkal (berserah), itu mungkin lah kita lebih. Tawakkal tu yang mustahak sekali kalau berniaga ni. Kalau berniaga asyik nak guna orang dalam, orang lain tolong kira, rasuah ke apa tak usah la, bergantung kepada orang...”¹⁰¹ Pandangan ini mengesahkan bahawa ciri tawakkal yang menjadi asas dan petunjuk kepada pembangunan modal insan yang ditekankan oleh anbiya

⁹⁵ Lihat Al-Şābūnī, *Mukhtaşar Tafsīr Ibn Kathīr*, h. 3: 679; surah al-Quraisy, 106

⁹⁶ Misalnya surah al-‘Ankabūt 29: 60. ”Dan (ingatlah) berapa banyak binatang yang tidak membawa rezekinya bersama, Allah jualah yang memberi rezeki kepadanya dan kepada kamu; dan Dialah jua yang Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.”

⁹⁷ Surah al-Zumar, 39: 36. ”Bukankah Allah cukup untuk mengawal dan melindungi hamba-Nya (yang bertakwa)?”

⁹⁸ Surah al-Aḥzāb, 33: 3. “Dan berserahlah kepada Allah (dan janganlah menumpukan harapanmu kepada yang lain), kerana cukuplah Allah menjadi Pentadbir urusanmu.”

⁹⁹ Maksud surah Āli ‘Imrān, 3: 159, “Maka bertawakallah kepada Allah, Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal kepada-Nya.”

¹⁰⁰ Lihat huraian Ibn Qayyim al-Jauziah, *Tib al-Qulūb*, h. 220-222

¹⁰¹ Informan IN5, dalam Mohd Zain Mubarak, Asyraf Ab. Rahman dan Mohd Rafi Yaacob, “Elemen Kerohanian Dalam Keusahawanan Islam: Kajian Terhadap Usahawan Berjaya Di Negeri Kelantan,” h. 49

sebagai elemen kerohanian yang cukup penting dalam hubungan dengan kejayaan keusahawanan masa kini.¹⁰²

5.2.3. Bertakwa

Takwa bermaksud ketaatan mengerjakan perintah lantaran takutkan Allah dengan memelihara diri dari perkara yang diharamkan dan menunaikan perkara yang telah difardukan-Nya.¹⁰³ Ibn Abbas berpendapat takwa ialah takut terhadap siksaan Allah seandainya meninggalkan hidayah yang diketahui, sambil mengharapkan rahmat-Nya dengan membenarkan apa yang didatangkan-Nya.¹⁰⁴ Tegasnya, takwa bermakna pengawasan diri dengan mentaati perintah Allah agar terhindar dari melakukan perkara yang dilarang-Nya.¹⁰⁵ Hal ini menepati sabda nabi Muhammad SAW yang bermaksud: Bahwasanya seorang hamba tidak akan mencapai darjat ketakwaan sehingga ia meninggalkan apa yang tidak dilarang supaya tidak sampai terjerumus dalam perkara yang dilarang.¹⁰⁶ Hadis ini jelas merumuskan makna takwa sebagai kewaspadaan terhadap perkara yang dibenci atau syubhah agar tidak terjatuh ke dalam perkara yang haram.¹⁰⁷ Manakala sumber kewaspadaan pula bergantung kepada keadaan iman yang bertapak pada hati, sepertimana dijelaskan oleh Baginda bahawa takwa itu di hati.¹⁰⁸

Bertakwa merujuk kepada keadaan memiliki sifat kebimbangan terhadap siksaan Allah sehingga takut meninggalkan suruhan-Nya serta takut pula melakukan larangan-Nya sama ada secara tersembunyi ataupun nyata. Impak ketakutan tersebut mendorong berlakunya pengawasan diri secara berterusan untuk melakukan perkara yang halal serta

¹⁰² Ibid

¹⁰³ Pandangan Hasan al-Basri, sepertimana nukilan Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, h. 1: 38

¹⁰⁴ Ibid

¹⁰⁵ Abdullah Nasih 'Ulwan, *Tarbiyah Awlād fī al-Islām*, h. 2: 339

¹⁰⁶ Al-Tirmīzī, *Sunan*, hadis hasan no : 2451, Ibn Mājah, *Sunan*, hadis no : 4215; Ibn Kathīr, *ibid*

¹⁰⁷ Ibn Qudāmah al-Maqdisī, *Mukhtaṣar Minhāj al-Qāsidīn*, h. 87

¹⁰⁸ Lihat Ahmad, *al-Musnad*, hadis no. 8707 bermaksud: "Takwa itu di sini, takwa itu di sini sambil menunjukkan pada dada Baginda."

menjauhi segala perkara yang haram.¹⁰⁹ Tegasnya, orang yang berkeadaan sentiasa melakukan pengawasan diri agar tidak lalai dari melakukan kebaikan serta tidak pula terjebak dengan larangan Allah inilah disebut *muttaqīn*, yakni orang yang bertakwa.¹¹⁰ Al-Quran menjelaskan : “Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka. Dan juga orang-orang yang beriman kepada Kitab "al-Quran" yang diturunkan kepadamu (Wahai Muhammad), dan Kitab-kitab yang diturunkan dahulu daripadamu, serta mereka yakin akan (adanya) hari akhirat (dengan sepenuhnya). Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan merekalah orang-orang yang berjaya.”¹¹¹

Ayat di atas menerangkan orang yang bertakwa adalah orang yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, lalu merealisasikan keimanan tersebut dengan melakukan tuntutannya. Mereka yang menunaikan solat dan zakat, atau meninggalkan segala larangan Allah adalah orang bertakwa. Iman merupakan asas segala kebaikan serta tanda orang bertakwa yang disertai dengan dua amalan melibatkan diri dan harta iaitu solat dan sedekah sebagai contoh.¹¹² Manakala binaannya adalah beriman dengan wahyu (kitab) serta hari akhirat, atau menuruti ajaran-ajaran Allah. Jadi ayat tersebut mengandungi kesepaduan antara asas dan binaan takwa iaitu Islam.¹¹³ Lantaran itu, bertakwa ditegaskan sebagai menjaga atau memelihara diri dari sebarang seksa dan murka Allah dengan memenuhi segala tuntutan-Nya. Maksudnya, takwa berkaitan soal dalaman iaitu keinginan yang kuat dan menjadi benteng dari melakukan maksiat.

¹⁰⁹ Ingat jawapan Ubai bin Ka‘ab kepada ‘Umar al-Khattāb yang bertanya tentang takwa, bahawa jika melalui jalan berduri, pengawasan kaki agar tidak terpijak duri itulah takwa. Maksudnya, takwa ialah pengawasan diri agar tidak sampai melakukan perkara haram. Lihat Abdullah Nasih ‘Ulwan, *Tarbiyah Awlād fī al-Islām*, 2: 339-340

¹¹⁰ Pandangan Qatadah tentang takwa ialah orang yang beriman dengan perkara ghaib dan mendirikan solat seperti ayat surah al-Baqarah, 2: 3. Lihat Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur‘ān al-‘Azīm*, h. 1: 38

¹¹¹ Surah al-Baqarah, 2: 3-5

¹¹² Sa‘īd Hawā, *al-Asās Fī al-Tafsīr*, h.1: 68

¹¹³ Ibid, h. 1: 69

Justeru itu, bertakwa menggambarkan keadaan orang yang mendapat petunjuk serta mendapat kejayaan.¹¹⁴ Itulah keadaan modal insan muslihin.

Oleh kerana kepentingan tersebut, bertakwa merupakan satu tuntutan bagi Mukmin. Firman Allah: “Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.”¹¹⁵ Ayat ini menjelaskan bahawa bertakwa iaitu melaksanakan Islam merupakan satu kewajipan. Oleh kerana bertakwa satu perintah, maka balasan orang yang bertakwa adalah mendapat kejayaan di dunia dan akhirat.¹¹⁶ Lantaran itu, orang bertakwa dituntut beriman dengan Allah, bermunajat kepada-Nya dalam semua bidang kehidupan seperti perdagangan, pabrik, perladangan dan dalam kehidupan sosial, iaitu dengan mendekati diri kepada Allah dan menjauhi kerosakan secara berterusan.¹¹⁷

Bertakwa menjadi keutamaan dalam perjuangan dakwah atau jihad para anbiya. Misalnya, Nuh menyeru: “Wahai kaumku! Sesungguhnya aku ini diutus kepada kamu, sebagai pemberi ingatan dan amaran yang nyata. Iaitu sembahlah kamu akan Allah dan bertakwalah kepada-Nya serta taatlah kamu kepadaku. Supaya Allah mengampunkan bagi kamu sebahagian dari dosa-dosa kamu, dan memberi kamu hidup (dengan tidak terkena azab) hingga ke suatu masa yang tertentu.”¹¹⁸ Perkara yang sama dilakukan oleh Hud, apabila baginda menyeru: “Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah,

¹¹⁴ Sa‘īd Ḥawā menjelaskan penggunaan harf ‘alā mengisyaratkan bahawa petunjuk dan kejayaan itu kekal selama manusia bertakwa. Lihat Sa‘īd Ḥawā, h. 1: 68

¹¹⁵ Surah Āli ‘Imrān, 3: 102

¹¹⁶ Surah al-Naḥl, 16: 31-32, “(Untuk mereka) Syurga-syurga " Adn ", yang mereka akan memasukinya, yang mengalir padanya beberapa sungai; mereka beroleh di dalam syurga itu apa yang mereka kehendaki; Demikianlah Allah membalas orang-orang yang bertakwa.(Iaitu) mereka yang diambil nyawanya oleh malaikat dalam keadaan mereka bersih suci (dari kufur syirik dan maksiat) sambil malaikat itu berkata kepada mereka: "Selamat sejahtera kepada kamu; masuklah ke dalam syurga disebabkan amal baik yang telah kamu kerjakan." Banyak lagi ayat menerangkan keutamaan takwa seperti surah Yunus, 10: 63-64; al-Maidah, 6: 65; Āli ‘Imrān, 3: 15; al-A‘rāf, 7: 156 dan lain-lain.

¹¹⁷ Wahbah Zuhailī (1997), *Al-Quran Dalam Perlaksanaan Hukum dan Peradaban Manusia* (Terj. *al-Qur‘ān al-Karīm Bunyātuhu wa al-Tasyri‘yyat* oleh Muhammad Luqman Hakiem dan Mohammad Fuad Hariri), Batu Caves: Albaz Publishing & Distribution Sdn Bhd., h. 67

¹¹⁸ Surah Nūh, 71: 2-4

(sebenarnya) tidak ada Tuhan bagi kamu selain daripadanya. Oleh itu, tidakkah kamu mahu bertakwa kepada-Nya?”¹¹⁹ Begitu juga Saleh berkata: “Sesungguhnya aku ini Rasul yang amanah, (yang diutus oleh Allah) kepada kamu. Oleh itu, bertakwalah kamu akan (kemurkaan) Allah, dan taatlah kepadaku.”¹²⁰

Ayat-ayat di atas menjelaskan bahawa tema ketakwaan adalah tugas utama dakwah anbiya kepada manusia. Cara-cara merealisasikan ketakwaan ialah dengan perlakuan taat atau peninggalan maksiat.¹²¹ Bagi penjelasan lanjut untuk merelisasikan ketakwaan, al-Quran menyebut dengan cara “beribadatlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu,”¹²² “bercakap benar,”¹²³ “mensyukuri nikmat Allah,”¹²⁴ serta “kami mendengar dan mentaati”¹²⁵ perintah-Nya, kerana “takut”¹²⁶ apabila terbayangkan siksaan-Nya, lalu “tinggalkanlah saki baki riba itu.”¹²⁷ Jadi, orang yang membudayakan amalan tersebut dalam hidup merupakan modal insan yang bertakwa dan “mereka itulah orang yang berjaya.”¹²⁸

Nyata bahawa takwa merupakan asas dan binaan keimanan. Impak bertakwa memberikan dua hasil berbeza dalam dua tempat, iaitu menikmati kejayaan dan terlepas siksaan sewaktu hidup di dunia dan juga akhirat. Sebagai contoh, dengan tidak

¹¹⁹ Surah al-A‘rāf, 7: 65

¹²⁰ Surah al-Syu‘arā’, 26: 143-144

¹²¹ Misalnya kisah Ibrahim, Lut, Ishak dan Yaakub dirakamkan sebagai: “Dan Kami selamatkan dia dan (anak saudaranya) Nabi Lut ke negeri yang Kami limpahkan berkat padanya untuk umat manusia. Dan Kami kurniakan kepadanya: Ishak (anaknya), dan Yaakub (cucunya) sebagai tambahan; dan tiap-tiap seorang (dari mereka) Kami jadikan orang yang soleh. Dan Kami jadikan mereka ketua-ketua ikutan, yang memimpin (manusia ke jalan yang benar) dengan perintah Kami. Dan Kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebaikan, dan mendirikan sembahyang, serta memberi zakat; dan mereka pula sentiasa beribadat kepada Kami. Dan kepada Nabi Lut, Kami berikan hikmat kebijaksanaan dan ilmu; dan Kami selamatkan dia dari bandar yang penduduknya selalu melakukan perkara-perkara yang keji; Sesungguhnya mereka itu adalah kaum jahat, yang fasik, derhaka.” Surah al-Anbiyā’, 21: 71-74

¹²² Surah al-Baqarah, 2: 21;

¹²³ Surah al-Nisā’, 4: 9

¹²⁴ Surah al-Mā’idah, 6: 7

¹²⁵ Ibid, 6: 7

¹²⁶ Surah al-Nūr, 24: 52

¹²⁷ Surah al-Baqarah, 2: 278

¹²⁸ Surah al-Nūr, 24: 52

memakan atau menuntut saki baki riba daripada orang berhutang, dari satu sudut bertakwa bertindak menjadi benteng lantaran riba telah diharamkan.¹²⁹ Dari perspektif lain, ia menjadi benteng kerana takutkan siksaan pada hari akhirat, iaitu bagi usahawan yang terlibat dengan riba akan dibangkitkan seumpama orang berpenyakit gila yang dirasuk syaitan.¹³⁰ Berlaku gejala kerasukan tersebut ekoran adanya tekanan perasaan serta tiada keseimbangan seperti orang gila.¹³¹ Sebaliknya, mereka yang menginfakkan harta dengan penuh ikhlas mendapat kebahagiaan. Mendapat kebahagiaan ekoran ganjaran pahala daripada Allah, tanpa ada rasa sedih dan khuatir.¹³² Ini adalah kerana Allah menyukai amalan bersedekah dan sebaliknya amat membenci serta memusnahkan pelaku yang kekal dalam dosa amalan riba.¹³³

Meskipun bertakwa itu di hati, al-Quran menjelaskan impak iman, tawakkal dan takwa dapat menjana beberapa manfaat, terutama dalam konteks modal insan yang menceburi bidang keusahawanan yang berkisar sekitar urusan harta dan rezeki. Berikut merupakan beberapa manfaat bertakwa.¹³⁴

1. Membuka jalan keluar dari masalah

Firman Allah: “Dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya) serta memberinya rezeki dari sumber yang tidak terlintas di hatinya.”¹³⁵

¹²⁹ Surah al-Baqarah, 2; 275

¹³⁰ Ibid.

¹³¹ Sa‘īd Ḥawā, *al-Asās Fī al-Tafsīr*, h. 1: 645

¹³² Ibid., 2: 274

¹³³ Ibid., 2: 276

¹³⁴ Lihat huraian Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 99 - 102

¹³⁵ Surah al-Ṭalāq, 65: 2-3,

Ayat di atas menjelaskan bahawa dengan melakukan segala ketaatan dan meninggalkan larangan, Allah memudahkan segala urusannya dan memberikan rezeki dari sumber yang tidak terduga.¹³⁶ Antaranya seperti mendapat ketenangan hati dalam menghadapi masalah. Dengan ketenangan tersebut, manusia mampu berfikir untuk mencari solusi yang datang melalui hidayah atau jalan-jalan yang dibuka oleh Allah, misalnya dengan terbuka jalan yang tidak terfikir untuk menyelesaikan masalah kesempitan hidup dengan rezeki yang halal lagi baik. Dalam hal ini, Ibn Abbas dipetik sebagai berkata bahawa takwa kepada Allah menolong seseorang terlepas dari setiap kesempitan hidup dunia dan akhirat.¹³⁷ Kenyataannya, kelebihan takwa seumpama pakaian cantik yang melindungi seseorang yang kesempitan kerana tidak mampu membeli serta ingin menutup aib sebagai jalan keluar, maka begitulah juga pakaian dalam kehidupan yang diperlukan oleh Mukmin ialah takwa. Allah berfirman: “Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu, dan pakaian perhiasan; dan pakaian yang berupa takwa itulah yang sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah dari tanda-tanda (limpah kurnia) Allah (dan rahmatNya kepada hamba-hamba-Nya) supaya mereka mengenangnya (dan bersyukur).”¹³⁸ Ayat ini mengibaratkan pakaian memiliki dua manfaat iaitu perlindungan aurat dan perhiasan, maka bertakwa mampu memberikan dua kelebihan iaitu jalan keluar dan rezeki tanpa diduga. Hal ini menepati pandangan Ibn Abbas yang menyatakan maksud pakaian perhiasan dalam ayat di atas ialah harta.¹³⁹ Iaitu dengan bertakwa seseorang usahawan mudah mendapat rezeki kurniaan Allah.

Ringkasnya, jika setiap manusia memenuhi makna takwa dalam dirinya dengan melakukan ketaatan dan meninggalkan larangan Allah, akan datanglah jawapan

¹³⁶ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, h. 4: 380

¹³⁷ Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 101

¹³⁸ Surah al-A‘rāf, 7: 26

¹³⁹ Ali bin Abu Thalhah, *Tafsīr Ibnu Abbas*, h. 325

kepadanya sebagai jalan keluar serta mendapat rezeki dari sumber yang tidak disangkakan.¹⁴⁰

2. Membuka pintu keberkatan dan segala macam rezeki

Firman-Nya: “Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.”¹⁴¹

Ayat di atas menyajikan perbandingan antara dua golongan, orang bertakwa dan golongan pendusta. Dengan bertakwa akan membuka pintu keberkatan, manakala dengan berdusta akan membuka pintu siksaan. Kata al-Nasafi, jika penduduk sesuatu kota itu beriman dan bertakwa, sebagai ganti kufur dan syirik, nescaya Allah membuka pintu rezeki seperti turunnya hujan yang menumbuhkan tanaman, serta juga diberikan kebaikan dari setiap aspek.¹⁴² Ini bermakna, dengan komuniti dalam negeri beriman dengan apa yang disampaikan oleh anbiya, bertakwa dengan melaksanakan perintah dan menjauhi apa yang ditegah, Allah akan membuka pintu keberkatan dari langit dan bumi iaitu dengan menurunkan hujan dan menumbuhkan tanaman.¹⁴³ Namun, jika pendustaan terhadap ajaran anbiya yang mereka pilih, layaklah mereka ditimpa azab.

Dalam konteks yang sama sebagai contoh, al-Quran mengisahkan tentang penduduk kota Niwana, Iraq, iaitu kaum nabi Yunus yang beriman dengan ajaran

¹⁴⁰ Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 102

¹⁴¹ Surah al-A‘rāf, 7: 96

¹⁴² Al-Nasafi, *Tafsīr al-Nasafi*, h. 376

¹⁴³ Al-Ṣābūnī, *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr*, h. 2: 38

Baginda, maka mereka diberi rezeki dan nikmat oleh Allah SWT.¹⁴⁴ Firman-Nya: (Dengan kisah Firaun itu) maka ada baiknya kalau (penduduk) sesebuah negeri beriman (sebelum mereka ditimpa azab), supaya imannya itu mendatangkan manfaat menyelamatkannya. Hanya kaum Nabi Yunus sahaja yang telah berbuat demikian - ketika mereka beriman, Kami elakkan azab sengsara yang membawa kehinaan dalam kehidupan dunia dari menimpa mereka, dan Kami berikan mereka menikmati kesenangan sehingga ke suatu masa (yang Kami tentukan).¹⁴⁵

Ayat ini menjadi pengajaran kepada penduduk kota yang bertamadun termasuk golongan usahawan di mana iman dan takwa mendatangkan manfaat. Hal ini boleh dilihat terhadap umat nabi Yunus yang memperoleh rezeki dan kesenangan yang dikurniakan oleh Allah, lantaran ketakwaan kepada Allah.¹⁴⁶ Sedangkan penduduk atau umat anbiya lain seperti kaum Firaun mendustakan nabi Musa, maka mereka ditimpa azab.

3. Mendapat *furqan*

Yakni pembeza antara yang benar dan yang salah. Firman Allah: “Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu bertakwa kepada Allah, nescaya ia mengadakan bagi kamu *furqan*, (petunjuk) yang membezakan antara yang benar dengan yang salah, dan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu, serta mengampunkan (dosa-dosa) kamu. Dan Allah (sememangnya) mempunyai limpah kurnia yang besar.”¹⁴⁷

¹⁴⁴ Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 461

¹⁴⁵ Surah Yūnus, 10: 98

¹⁴⁶ ‘Afif ‘Abd al-Fattah Ṭabbārah, *Ma‘a al-Anbiyā’*, h. 307; Lihat juga surah al-Shaffat, 37: 147-148

¹⁴⁷ Surah al-Anfāl, 8: 29

Ayat di atas menjelaskan buah dari takwa sebagai mendapat furqan, iaitu keupayaan yang boleh membezakan antara yang hak dan yang batil. Iaitu, impak dari bertakwa akan memperolehi benteng ilmu daripada Allah dan dengan itu dapat membezakan antara benar dan batil.¹⁴⁸ Dalam hal ini, Ibn Kathir menegaskan bahawa orang bertakwa akan mendapat taufik daripada Allah untuk mengetahui yang hak dan yang batil. Dengan demikian, seseorang itu akan mendapat jalan keluar yang selamat, mendapat kemenangan, solusi bagi urusan dunia, kebahagiaan di akhirat, menghapuskan dosa dan mendapat pahala yang besar.¹⁴⁹

Jadi, sepertimana Musa dan Haron diberikan Taurat sebagai furqan untuk memberi cahaya dan peringatan kepada kaumnya,¹⁵⁰ maka modal insan zaman Muhammad kini bertuah kerana mendapat al-Quran sebagai furqan.¹⁵¹ Menggunakannya sebagai petunjuk, akan membawa kepada hidup bertakwa.¹⁵² Dalam konteks dunia usahawan, takwa boleh menjadi pembeza antara aktiviti ekonomi yang baik dengan aktiviti yang haram. Lantaran itulah para anbiya seperti Syuaib menyeru kaumnya agar meninggalkan jual beli menipu kepada transaksi urusan yang benar dalam sukatan dan timbangan.¹⁵³ Ketiadaan takwa menyebabkan ramai usahawan terlibat dengan pelbagai bentuk kemungkaran ekonomi seperti penipuan, rompakan dan pembaziran, malah juga kemungkaran sosial seperti yang berlaku terhadap usahawan ternakan umat Lut dengan perlakuan liwat.¹⁵⁴ Hakikatnya, ini berlaku lantaran kehilangan atau penolakan terhadap pertimbangan furqan sebagai pembeza jelas antara benar dan salah, seperti misalnya beza antara keuntungan dan riba.

¹⁴⁸ Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 100

¹⁴⁹ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, h. 2: 301-302

¹⁵⁰ Surah al-Anbiyā', 21: 48

¹⁵¹ Surah al-Baqarah, 2: 185 menjelaskan al-Quran sebagai petunjuk (hudā) dan pembeza (furqān) serta penjelas (bayyinat).

¹⁵² Surah al-Baqarah, 2: 1-5

¹⁵³ Surah Hūd, 11: 84-86

¹⁵⁴ Umat Lut asalnya penternak yang berhijrah ke Sodom, Jordan bersama nabi Lut, tetapi melakukan budaya mungkar dengan merompak dan homoseksual. Lihat Afif Abdul Fattah Thabbarah, *Ma'a al-Anbiyā'*, h. 308-310; Surah al-'Ankabūt, 29: 28-29; al-Syu'arā', 160-168.

4. Mendapat kemudahan dalam urusan

Firman-Nya: “Sesiapa yang bertakwa kepada Allah, nescaya Allah memudahkan baginya segala urusannya.”¹⁵⁵

Ayat di atas menjelaskan bahawa dengan sebab bertakwa, Allah memudahkan urusan seseorang dan segala kekusutan mudah terungkai.¹⁵⁶ Ini merupakan suatu janji daripada Allah untuk memudahkan segala urusan yang berkaitan dengan dirinya atau dengan pihak lain. Muqatil dipetik sebagai berkata, sesiapa yang bertakwa dengan menjauhi maksiat, maka Allah akan berikan kemudahan setiap urusan serta memberikannya taufik ke arah melakukan ketaatan.¹⁵⁷

Dalam hal ini, seorang usahawan yang bekerja sendiri serta berurusan dengan orang lain perlu menggunakan peluang bertakwa supaya mendapat dua keuntungan berganda. Pertama, terlepas dari tuntutan taklif dengan mentaati Allah. Kedua, mendapat kemudahan dalam urusan untuk memberikan perkhidmatan kepada masyarakat tanpa timbulnya halangan seperti dikhianati, kerugian kerana kebakaran, banjir dan sebagainya.

5. Mendapat pahala dan menghapuskan dosa

Firman-Nya: “Dan (ingatlah), sesiapa yang bertakwa kepada Allah, nescaya Allah menghapuskan kesalahan-kesalahannya, dan akan membesarkan pahala balasannya.”¹⁵⁸

¹⁵⁵ Surah al-Ṭalāq, 65: 4

¹⁵⁶ Al-Nasafī, *Tafsīr al-Nasafī*, h. 1252

¹⁵⁷ Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 102

¹⁵⁸ Surah al-Ṭalāq, 65: 5

Ayat di atas menerangkan bahawa Allah akan menghapuskan dosa orang bertakwa dan menggantikannya pula dengan pahala yang besar. Hal ini berlaku kerana orang bertakwa akan mentaati perintah Allah dan meninggalkan kemaksiatan. Iaitu dengan mematuhi segala peraturan yang ditetapkan, Allah akan menghapuskan kesalahan-kesalahan lalu dan menggantikan pula dengan pahala.¹⁵⁹ Sementara orang yang mendapat pahala dan ganjaran pula merupakan orang yang mendapat kemenangan dan kemuliaan. Hakikat ini dirakamkan oleh al-Quran dengan maksud: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).”¹⁶⁰

Ayat di atas antara lain menerangkan bahawa asal usul manusia adalah dari dari seorang lelaki dan wanita iaitu Adam dan Hawa, lalu berkembang menjadi keturunan yang ramai. Bagaimanapun, dalam hubungan dan kehidupan manusia, ukuran kemuliaan dan pembangunan ialah nilai ketakwaan. Dalam konteks ini, seorang usahawan boleh mengambil peluang mengecap nikmat pembangunan atau kemuliaan itu dengan cara menghayati makna bertakwa dalam transaksi atau jaringan aktiviti keusahawanannya dengan manusia yang lain. Iaitu dengan melakukan aktiviti menepati syariah Allah.¹⁶¹ Tepat seperti gambaran al-Quran mengenai usahawan yang bertakwa adalah yang mendahulukan kepentingan dan kecintaan terhadap Allah dari perniagaan dan lain-lain urusan. Firman-Nya: “Katakanlah (Wahai Muhammad): "Jika bapa-bapa

¹⁵⁹ Al-Nasafī, *Tafsīr al-Nasafī*, h. 1252

¹⁶⁰ Surah al-Hujurāt, 49: 13

¹⁶¹ Miles K. Davis, “Entrepreneurship: An Islamic perspective,” h. 66; Naail Mohammed Kamil et.al, “The Components Of Spirituality In The Business Organizational Context: The Case Of Malaysia,” h. 167-169

kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan isteri-isteri (atau suami-suami) kamu, dan kaum keluarga kamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, - (jika semuanya itu) menjadi perkara-perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan Rasul-Nya dan (daripada) berjihad untuk agama-Nya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusan-Nya (azab seksa-Nya); kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik (derhaka).”¹⁶²

Ayat di atas menerangkan tentang keutamaan jihad dan takwa kepada Allah berbanding urusan dunia keusahawanan. Al-Qurtubi menerangkan ia berkaitan segolongan insan yang tidak ingin berhijrah ke Madinah dan merasakan urusan harta dunia dan keluarga lebih utama berbanding dengan jihad pada jalan Allah.¹⁶³ Mereka itu berlawanan dengan sifat bertakwa lantaran lebih menyayangi dan mengutamakan harta benda dan perniagaan. Sedangkan, insan yang beriman dan bertakwa mencintai Allah dan rasul-Nya lebih dari segala-galanya.¹⁶⁴

Sebagai rumusan, bertakwa merupakan antara ciri modal insan terbangun berkaitan keusahawanan yang utama.¹⁶⁵ Hal ini demikian, lantaran kepentingan bertakwa sebagai elemen utama keusahawanan Islam bukan sahaja dalam kalangan anbiya, tetapi juga usahawan berjaya masa kini.¹⁶⁶ Hakikat ini menepati kajian emperikal terhadap usahawan berjaya di Kelantan, apabila menegaskan seperti berikut: “saya percaya macam ni, kalau kita jauh daripada maksiat, jauh daripada benda-benda

¹⁶² Surah al-Taubah, 9: 24

¹⁶³ Lihat al-Qurtubī, *al-Jami‘ li Ahkām al-Qur’ān*, h. 10: 140-141

¹⁶⁴ Al-Ṣābūnī, *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr*, h. 2: 131-132

¹⁶⁵ Mohd Faizal P. Rameli, Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, dan Kalsom Ab. Wahab, “The Entrepreneurs Characteristic from al-Quran and al-Hadis,” h. 192

¹⁶⁶ Lihat elemen takwa yang menjadi elemen kepada model keusahawanan Islam oleh Nazamul Hoque, Abdullahil Mamun dan Abdullah Mohammad Ahshanul Mamun (2014), “Dynamics and traits of entrepreneurship: an Islamic approach,” *World Journal of Entrepreneurship, Management and Sustainable Development*, Vol. 10, No. 2, (2014), 128-142: 138

haram, InsyaAllah murah rezeki, saya percaya begitu...”¹⁶⁷ Tegasnya, takwa umpama teras dalaman yang menjadi pemandu mencari rezeki yang halal serta sebagai benteng agar tidak rakus dan terjerumus ke lembah harta yang haram dalam melayari dunia keusahawanan yang berliku.¹⁶⁸

5.2.4. Bersabar

Sabar merupakan buah keimanan yang bermaksud menahan atau mengekang.¹⁶⁹ Iaitu mengekang jiwa dari melakukan sesuatu perkara yang berlawanan dari kebiasaan atau lumrah. Misalnya, menahan jiwa dari gelisah, mengekang lisan dari mengadu, menahan anggota badan dari marah atau menampar pipi dan seumpamanya.¹⁷⁰ Imam al-Ghazali memaknakan sabar dengan keteguhan hati yang mendorong penghayatan agama dalam menghadapi gejolak hawa nafsu.¹⁷¹ Dalam hal ini, diri manusia terbahagi kepada dua kem utama iaitu akal dengan agama dan nafsu dengan godaan syaitan. Apabila dorongan akal dan agama lebih kuat dan mempengaruhi hati dapat mengalahkan hawa nafsu, bermakna seseorang manusia mendapat kesabaran.¹⁷²

Konteks sabar adalah umum dan bertukar kepada khusus bergantung kepada keadaan. Kiranya tenang ketika musibah, dinamakan sabar, lawannya gelisah. Kiranya teguh sewaktu perang, dinamakan berani, lawannya pengecut. Kiranya tetap sewaktu kesulitan, dinamakan berlapang dada, lawannya tergesa-gesa atau meluat. Kiranya

¹⁶⁷ Informan IN7, dalam Mohd Zain Mubarak, Asyraf Ab. Rahman dan Mohd Rafi Yaacob, “Elemen Kerohanian Dalam Keusahawanan Islam: Kajian Terhadap Usahawan Berjaya Di Negeri Kelantan,” h.50

¹⁶⁸ Lihat Said Elfakhani dan Zafar U. Ahmed (2013), “Philosophical Basis of Entrepreneurship Principles within an Islamic Ethical Framework.” *The Journal of Transnational Management (JTM)*, Vol. 18, No. 1: 52-78; Wan Sabri Wan Hussin, “Ciri-Ciri Usahawan Berjaya Dari Perspektif Al-Qur'an,” h. 91

¹⁶⁹ Al-Mandili memaksudkan sabar sebagai menahan diri daripada marahkan perkara yang tidak disukai, serta menahan lidah daripada mengadu kepada selain Allah. *Penawar Bagi Hati*, h. 75

¹⁷⁰ Ahmad Farid, *Tazkiyat al-Nufus*, h. 84

¹⁷¹ Al-Ghazali, *al-Arba'īn Fi Uṣūl al-Dīn*, h. 218

¹⁷² Al-Ghazali, *ibid*, h. 219; Mandili, *Penawar Bagi Hati*, h. 219

‘sabar’ menahan percakapan, dinamakan diam, lawannya celupar.¹⁷³ Manakala konsep sabar pula, tidak terkeluar dari dua keadaan. Pertama, sabar terhadap perkara yang disenangi kemahuan. Kedua, sabar terhadap perkara yang tidak diingini.¹⁷⁴ Sabar terhadap kemahuan lebih sukar kerana seseorang mempunyai keupayaan, misalnya seorang yang lapar dan ada makanan, jika tidak bersabar akan menyebabkannya melampaui batas.¹⁷⁵

Manakala sabar terhadap perkara yang tidak serasi dengan nafsu terdapat empat aspek. Pertama, sabar ketika mengerjakan ketaatan kepada Allah. Kedua, sabar untuk meninggalkan maksiat. Sabar ini lebih sukar dari yang pertama. Ketiga, sabar ketika disakiti. Maksudnya bersabar dengan tidak membalas meskipun berupaya. Keempat, sabar menerima ketentuan Allah, seperti bersabar dengan kehilangan seseorang atau sesuatu.¹⁷⁶ Dalam hal ini, sabar merupakan suatu keutamaan dan orang bersabar adalah dikasihi oleh Allah. Firman-Nya: “Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar.”¹⁷⁷ Ayat ini menegaskan sabar dalam pelbagai keadaan seperti ketika mengerjakan ketaatan, ketika berupaya tidak membalas bantahan, ketika dalam kesukaran, dan sabar meninggalkan keburukan iaitu berbantah-bantah. Suatu motivasi pasti untuk orang yang sabar ialah terasa dekat dengan Allah.

Kisah anbiya merakamkan pelbagai bentuk kesabaran yang berlaku dalam hidup insan. Misalnya, kisah nabi Yaakub yang terkenal dengan julukan ‘sabrun jamil’ oleh

¹⁷³ Ramli Awang, *Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili*, h. 174-175

¹⁷⁴ Ibid, *Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili*, h. 185

¹⁷⁵ Mandili, *Penawar Bagi Hati*, h. 78

¹⁷⁶ Ibid, h. 79

¹⁷⁷ Surah al-Anfāl, 8: 46

al-Quran, lantaran berpisah dengan anaknya, Yusuf yang kononnya dimakan serigala. Firman-Nya: “Dan (bagi mengesahkan dakwaan itu) mereka pula melumurkan baju Yusuf dengan darah palsu. Bapa mereka berkata: "Tidak! Bahkan nafsu kamu memperelokkan kepada kamu suatu perkara (yang tidak diterima akal). Kalau demikian, bersabarlah aku dengan sebaik-baiknya, dan Allah jualah yang dipohonkan pertolongannya, mengenai apa yang kamu katakan itu.”¹⁷⁸ Ayat ini menerangkan tentang kesabaran Yaakub yang merupakan sabar terbaik, iaitu sabar yang tidak bercampur dengan kegelisahan dan rintihan, kecuali kepada Allah sahaja.¹⁷⁹ Ringkasnya, baginda tetap bertenang dan hanya berserah kepada Allah sahaja.

Nabi Ayub merupakan contoh yang boleh diketengahkan berkaitan sabar. Baginda dijuluk dengan panggilan ‘awwab’, seperti dalam firman-Nya: “Sesungguhnya Kami mendapati nabi Ayub itu seorang yang sabar; ia adalah sebaik-baik hamba; Sesungguhnya ia sentiasa rujuk kembali (kepada Kami dengan ibadatnya).”¹⁸⁰ Baginda merupakan seorang hartawan, memiliki tanah dan kebun yang luas, ladang ternakan, kesihatan yang baik dan keluarga yang bahagia.¹⁸¹ Bagimanapun, Allah mengujinya dengan penyakit yang menyebabkan baginda kehilangan nikmat tersebut. Meskipun begitu, Ayub tetap bersabar atas cubaan tersebut, malah merasa malu dengan sedikit ujian berbanding lamanya nikmat yang dikecapi.¹⁸² Kesabaran tersebut dirakamkan oleh al-Quran sebagai: “Dan (sebutkanlah peristiwa) nabi Ayub, ketika ia berdoa merayu kepada Tuhannya dengan berkata: "Sesungguhnya aku ditimpa penyakit, sedang Engkaulah sahaja yang lebih Mengasihani daripada segala (yang lain) yang mengasihani.”¹⁸³

¹⁷⁸ Surah Yūsof, 12: 18

¹⁷⁹ ‘Afif ‘Abd al-Fattah Ṭabbārah, *Ma‘a al-Anbiyā’*, h. 187

¹⁸⁰ Surah Sad, 38: 44

¹⁸¹ Muhammad Ahmad Kan‘ān, *Qīṣaṣ al-Anbiyā’*, h. 333; al-Khālīdī, *al-Qaṣaṣ al-Qur‘ānī*, h. 4: 9

¹⁸² Muhammad Ali Ash Shabuni, *Kemuliaan Para Nabi*, h. 596-597

¹⁸³ Surah al-Anbiyā’, 21: 83

Ayat di atas menjelaskan bahawa Ayub diuji oleh Allah dengan terkena penyakit kulit pada seluruh tubuh badannya yang agak lama, hinggakan Baginda kehilangan nikmat sihat, keluarga dan harta.¹⁸⁴ Dalam konteks yang sama al-Quran menyebut: “Dan (ingatkanlah peristiwa) hamba Kami nabi Ayub ketika ia berdoa merayu kepada Tuhannya dengan berkata: " Sesungguhnya aku diganggu oleh Syaitan dengan (hasutannya semasa aku ditimpa) kesusahan dan azab seksa (penyakit).”¹⁸⁵ Ujian terhadap Ayub adalah dengan penderitaan penyakit secara fizikal, juga dengan gangguan Syaitan yang menghasut isterinya yang tabah supaya meninggalkannya.¹⁸⁶ Baginda mengadu kepada Allah dan doa Baginda telah diperkenankan dengan mendapat kembali anugerah berganda berupa kesihatan, harta dan keluarga.¹⁸⁷ Kepentingan kisah Ayub ini terutamanya bagi usahawan adalah sebagai pengajaran bahawa harta sebagai ujian dan kurniaan Allah. Kisah ini juga sebagai penawar ujian tersebut, iaitu dengan bersabar serta reda dengan ujian tersebut, di samping berusaha.¹⁸⁸ Hakikat ini benar sepertimana ditemui oleh Zain Mubarak dan rakan-rakan terhadap usahawan yang mengalami kejatuhan, namun berkat sabar, reda dan berusaha serta tawakkal, usahawan tersebut berjaya kembali.¹⁸⁹

¹⁸⁴ Penggunaan kata ‘al-durru’, yakni baris depan dalam ayat tersebut menunjukkan penyakit yang dihadapi nabi Ayub bersifat umum. Lihat Ṣalāh al-Khālidī, h. 4: 13. Ini bertentangan dakwaan yang mengatakan Ayub menderita penyakit tenat sehingga keluar ulat dari badan dan berbau busuk, sehingga terpaksa dibuang keluar kota berseorangan. Lihat Ibn Kathir, *Kisah Para Nabi*, h. 356-357. Hal ini tidak wajar bagi seorang Rasul yang berdakwah dengan berperawakan menarik. Lihat huraian Muhammad Ahmad Kan’an, h. 333; Muhammad Ali Ash Shabuni, h. 600-601

¹⁸⁵ Surah Sad, 38: 41

¹⁸⁶ Sa‘id Ḥawā, *al-Asās Fī al-Tafsīr*, h. 8: 4783

¹⁸⁷ Surah al-Anbiya, 21: 84; Surah Sad, 38: 42-43, menjelaskan Ayyub sembuh dengan minum dan mandi dengan air yang keluar dari hentakan kaki dengan perintah Allah. Isteri baginda juga dihukum dengan seratus pukulan menggunakan rumput sebagai pengajaran. Lihat Said Hawa, h. 8: 4783

¹⁸⁸ Al-Khālidī, *al-Qaṣaṣ al-Qur’ānī*, h. 4: 9

¹⁸⁹ Lihat Mohd Zain Mubarak, Asyraf Ab. Rahman dan Mohd Rafi Yaacob, “Elemen Kerohanian Dalam Keusahawanan Islam: Kajian Terhadap Usahawan Berjaya Di Negeri Kelantan,” h.49. Usahawan tersebut berkata: “... saya waktu tu dah kosong, semua bermasalah, ditipu, semua rakan kongsi bermasalah. Tapi saya dapat bangkit balik dan alhamdulillah daripada satu kilang saya dah ada dua kilang. Ini dengan keberkatan Tuhan bagi rezeki sebab kita redha apa yang Tuhan bagi, kita ni kena tawakkal, kita tak boleh nak kata keburukan yang kita dapat tu. Macam saya katakan tadi kita kena redha dengan Tuhan. Dan selepas tu, Tuhan bagi kepada saya lebih banyak sebenarnya, lebih banyak dari rezeki saya dahulu, sekarang ni lebih banyak.” (IN4)

Sebenarnya semua kisah anbiya terkandung hakikat dan pengajaran tentang sabar, lantaran semua anbiya menghayati erti kesabaran. Firman Allah: “Dan demi sesungguhnya, rasul-rasul sebelummu pernah juga didustakan, maka mereka sabar terhadap perbuatan orang-orang yang mendustakan mereka dan menyakiti mereka, sehingga datanglah pertolongan Kami kepada mereka.”¹⁹⁰ Dalam hal ini, para anbiya seperti Idris, Ismail dan Zulkifli adalah bersifat sabar.¹⁹¹ Hakikat ayat tersebut menjelaskan sifat sabar para anbiya bagi menghadapi karenah dan sebagai teladan bagi kaum masing-masing. Ada lima anbiya iaitu Nuh, Ibrahim, Musa, Isa dan Muhammad yang terkenal dengan gelaran ululazmi, yakni yang berusaha dengan berpenat lelah kerana banyak menanggung ujian dan penderitaan, lalu mereka bersabar. Jika mereka itu boleh bersabar dengan sengsara yang banyak, al-Quran mengesyorkan: “Maka, bersabarlah engkau sebagaimana sabarnya Rasul-rasul "Ulil-Azmi" (yang mempunyai keazaman dan ketabahan hati) dari kalangan Rasul-rasul (yang terdahulu daripadamu).”¹⁹²

Sabar adalah sifat khusus bagi manusia. Makhluk lain seperti Malaikat dan haiwan tidak perlukan kesabaran, lantaran tidak memiliki kedua-dua nafsu dan akal serentak.¹⁹³ Lantaran itu, aktiviti sebagai usahawan yang banyak melibatkan karenah dan perangai pelanggan, amat wajar mencontohi kesabaran para anbiya. Ada beberapa keadaan dalam budaya keusahawanan yang menjadi indikator kepada implementasi sabar.

¹⁹⁰ Surah al-An‘ām, 6: 34

¹⁹¹ Surah al-Anbiyā’, 21: 85, 85. “Dan (Demikianlah pula) Nabi-nabi Ismail dan Idris serta Zulkifli; semuanya adalah dari orang-orang yang sabar.”

¹⁹² Surah al-Ahqāf, 46: 35

¹⁹³ Al-Ghazālī, *al-Arba‘īn Fi Uṣūl al-Dīn*, h.219; Ramli Awang, *Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili*, h. 175

1. Untung dan rugi merupakan suatu ujian

Tarikan dunia keusahawanan yang berkisar tentang laba dan rugi harta, perlu diinsafi bahawa itu adalah antara bentuk ujian Allah yang perlu ditangani dengan sabar. Firman-Nya: “Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar.”¹⁹⁴ Yakni Allah menguji manusia dengan kesusahan dan penderitaan melalui lilitan rasa ketakutan dan kelaparan yang muncul lantaran berkurangan makanan serta kehilangan orang yang dikasihi seperti sahabat dan saudara mara. Bagaimanapun, bagi orang yang sabar akan mendapat pahala.¹⁹⁵

2. Bersabar dengan usaha merupakan jihad pada jalan Allah

Kejerihan kerja dalam dunia keusahawanan tanpa mengira tempat dan waktu merupakan suatu bentuk jihad.¹⁹⁶ Sabar dengan kesusahan melayan karenah manusia yang pelbagai dalam aktiviti keusahawanan serta bergerak ke sana sini atau dengan berhijrah untuk mencari peluang niaga dikira jihad pada jalan Allah.¹⁹⁷ Allah menyeru: "Wahai hamba-hamba-Ku yang beriman! Bertakwalah kepada Tuhan kamu. (Ingatlah) orang-orang yang berbuat baik di dunia ini akan beroleh kebaikan (yang sebenar di akhirat). Dan (ingatlah) bumi Allah ini luas (untuk berhijrah sekiranya kamu ditindas). Sesungguhnya orang-orang yang bersabarlah sahaja yang akan disempurnakan pahala mereka dengan tidak terkira.”¹⁹⁸

¹⁹⁴ Surah al-Baqarah, 2: 155

¹⁹⁵ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, h. 1: 178

¹⁹⁶ Ibn Qudāmah al-Maqdisī, *Mukhtaṣar Minhāj al-Qāsidīn*, h. 82, membawa dalil hadis bertaraf munkar yang dikeluarkan oleh al-Qada’i daripada Ibn Abbas bermaksud: “Berusaha mencari yang halal itu jihad.”

¹⁹⁷ Lihat surah Muḥammad, 47: 31

¹⁹⁸ Surah al-Zumar, 39: 10

Ayat di atas antara lain menerangkan tentang peluang terhidang untuk mencari kurniaan Allah di mana-mana tempat, apabila kesusahan hidup melanda. Bagaimanapun, peluang berbuat kebaikan dengan cara itu sukar dan memerlukan kesabaran. Lantaran itu, bekerja memenuhi keperluan orang lain menerusi medan keusahawanan dengan penuh sabar merupakan suatu bentuk jihad. Firmannya: “Pergilah kamu beramai-ramai (untuk berperang pada jalan Allah), sama ada dengan keadaan ringan (dan mudah bergerak) ataupun dengan keadaan berat (disebabkan berbagai-bagai tanggungjawab); dan berjihadlah dengan harta benda dan jiwa kamu pada jalan Allah (untuk membela Islam). Yang demikian amatlah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui.”¹⁹⁹

3. Sabar tanda kejayaan dan dikasihi Allah

Bersabar tidak mudah dilaksanakan. Kesusahan bekerja dan mencari rezeki mengundang pelbagai kemungkinan. Begitupun, apabila seseorang itu bersabar, itu adalah yang terbaik dan mengundang pahala serta contoh orang yang mendapat kemenangan.²⁰⁰ Lantaran itu, orang yang mampu bersabar merupakan contoh keadaan modal insan yang terbangun dan berjaya serta dikasihi Allah. Firman Allah: “Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengasihi orang-orang yang sabar.”²⁰¹

Ada tiga keadaan utama yang menunjukkan Allah mengasihi orang yang bersabar dengan khabar yang menggembirakan.²⁰²

¹⁹⁹ Surah al-Taubah, 9: 41

²⁰⁰ Surah al-Nahl, 16: 126, “Dan jika kamu bersabar, (maka) sesungguhnya yang demikian itu adalah lebih baik bagi orang-orang yang sabar.”

²⁰¹ Surah Āli ‘Imrān, 3: 146

²⁰² Ahmad Farid, *Tazkiyat al-Nufus*, h. 82

- i. Apabila terkena musibah terus menyandarkan kepada Allah
- ii. Menerima keberkatan sempurna dan rahmat daripada Allah
- iii. Mendapat petunjuk hidayah Allah

Dalam hal ini, al-Quran merakamkan: “Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar. (Iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: "Sesungguhnya Kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah Kami kembali." Mereka itu ialah orang-orang yang dilimpahi dengan berbagai-bagai kebaikan dari Tuhan mereka serta rahmat-Nya; dan mereka itulah orang-orang yang dapat petunjuk hidayah-Nya.”²⁰³ Al-Nasafi menjelaskan antara sifat utama orang sabar ialah tenang reda, iaitu apabila terkena apa sahaja musibah dengan mengembalikannya kepada hak milik Allah.²⁰⁴

Ringkasnya, sabar merupakan satu petanda yang menggambarkan keadaan modal insan yang terbangun. Sabar dikaitkan dengan keimanan dan impak dari bersabar dijanjikan Allah dengan mendapat kemenangan dan keuntungan.²⁰⁵ Sebaliknya, mereka yang tidak menghayati makna sabar merupakan modal insan yang rugi.²⁰⁶

5.2.5. Bersyukur

Syukur merupakan pujian kepada Allah terhadap segala nikmat dan kebaikan yang dikurniakan. Bersyukur melibatkan tiga asas utama iaitu hati, lidah dan anggota. Hati mestilah mengetahui dan mencintai, lidah mensyukuri nikmat dan anggota badan

²⁰³ Surah al-Baqarah, 2: 155-157

²⁰⁴ Al-Nasafi, h. 77

²⁰⁵ Surah Āli ‘Imrān, 3: 200; al-Mu’minūn, 23: 111, “Sesungguhnya Aku membalas mereka pada hari ini (dengan sebaik-baik balasan) disebabkan kesabaran mereka; Sesungguhnya mereka itulah orang-orang yang berjaya.”

²⁰⁶ Surah al-‘Aṣr, 103: 1-3

mempraktis ketaatan serta meninggalkan kemaksiatan.²⁰⁷ Syukur merupakan sifat kembar kepada bersabar dan berpadu bagi menyempurnakan iman. Pun begitu, syukur melambangkan keadaan modal insan yang paling tinggi kebangunannya. Ini kerana bersyukur merujuk kepada keadaan diri modal insan itu sendiri yang bersyukur, dan keadaan itu berterusan sebagai budaya ahli Syurga.²⁰⁸ Tambahan pula sifat bersyukur adalah anugerah istimewa kepada segelintir insan sahaja.²⁰⁹

Al-Quran merakamkan banyak kisah anbiya berkaitan dengan bersyukur. Umpamanya kisah nabi Sulaiman dan bapanya Daud. Dua contoh anbiya ini merupakan antara yang mendapat kelebihan dan nikmat kurniaan Allah. Daud merupakan seorang nabi yang dikurniakan kemahiran membuat baju besi untuk perisai dan peperangan. Firman Allah: “Dan Kami mengajar Nabi Daud membuat baju-baju besi untuk kamu, untuk menjaga keselamatan kamu dalam mana-mana peperangan kamu, maka Adakah kamu sentiasa bersyukur?”²¹⁰ Ayat ini menggambarkan bahawa sifat seorang nabi bukan hanya menyuruh berbuat baik, tetapi juga beraksi dengan kebaikan iaitu bersyukur.²¹¹

Ini menjadi contoh kepada modal insan bidang keusahawanan yang dikurniakan dengan banyak nikmat supaya menjadikan syukur sebagai budaya hidup. Nabi Daud dikatakan manusia pertama yang mencipta baju besi dalam bentuk moden, ringan dan canggih.²¹² Kemudian kemahiran tersebut dipelajari turun temurun menyebabkan

²⁰⁷ Ahmad Farid, *Tazkiyat al-Nufus*, h. 93

²⁰⁸ Ramli Awang, *Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili*, h. 196; Dengarkan pujian ahli Syurga: “Doa ucapan mereka di dalam syurga itu ialah Maha suci Engkau dari segala kekurangan Wahai Tuhan! dan ucapan penghormatan mereka padanya ialah: Selamat sejahtera! dan akhir doa mereka ialah Segala puji dipersembahkan kepada Allah yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam!” Surah Yunus, 10: 10

²⁰⁹ Surah Saba, 34: 13, “Beramallah kamu wahai keluarga Daud untuk bersyukur!” dan sememangnya sedikit sekali di antara hamba-hamba-Ku yang bersyukur.”

²¹⁰ Surah al-Anbiya, 21: 80

²¹¹ Al-Khālidi, *al-Qaṣaṣ al-Qur’ānī*, h. 3: 435

²¹² Surah Saba, 34:10-11. “Dan juga telah melembutkan besi baginya; serta Kami wahyukan kepadanya): "Buatlah baju-baju besi yang luas labuh, dan sempurnakanlah jalinannya sekadar yang dikehendaki; dan

nikmat yang diasaskan oleh Daud itu dapat dimanfaatkan oleh ramai orang. Lantaran itu, wajarlah Daud bersyukur.²¹³ Kesyukuran bukan sekadar sifat seorang nabi yang sayugia menjadi contoh, malah juga sifat seorang usahawan yang mampu memberikan sumbangan sosial melalui produksi.²¹⁴ Justeru, dalam konteks ini, Khursid Amad dan Joni Tamkin meletakkan nilai syukur dan adil sebagai asas yang perlu ada dalam aktiviti ekonomi dan menjadi ciri utama usahawan Muslim kini.²¹⁵

Manakala Sulaiman pula dikurniakan pelbagai kelebihan ilmu hikmah dan kebolehan berkomunikasi dalam bahasa alam seperti dengan semut dan angin. Firman-Nya: "Maka tersenyumlah Nabi Sulaiman mendengar kata-kata semut itu, dan berdoa dengan berkata:" Wahai Tuhanku, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmat-Mu yang Engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapakku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal soleh yang Engkau redai; dan masukkanlah daku - dengan limpah rahmat-Mu - dalam kumpulan hamba-hamba-Mu yang soleh."²¹⁶ Ayat ini menerangkan perihal nabi Sulaiman yang menjadikan syukur sebagai keutamaan iaitu supaya diilhamkan supaya tidak terlupa tentang nikmat Tuhan seperti kenabian, ilmu dan kerajaan.²¹⁷ Sulaiman tersenyum kerana merasa takjub dengan keperihatinan semut terhadap kaumnya serta kerana senang dengan kurniaan Allah memahami bicara semut.²¹⁸ Lantaran itu, Baginda menjadi hamba yang bersyukur. Pegangan Baginda adalah: "Dan (sebenarnya) sesiapa yang bersyukur maka faedah syukurnya itu hanyalah terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang tidak bersyukur (maka tidaklah

kerjakanlah kamu (Wahai Daud dan umatmu) amal-amal yang soleh, Sesungguhnya Aku Maha melihat akan segala yang kamu kerjakan."

²¹³ Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 406

²¹⁴ Lihat detail sumbangan sosial dan pada jalan Allah oleh Muhammad Nejatullah Siddiqi, *Perusahaan Ekonomi Dalam Islam*, h. 24-27

²¹⁵ Lihat Khurshid Ahmad, "Economic Development in an Islamic Framework", h. 179 ; Joni Tamkin, "Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam," h. 95

²¹⁶ Surah al-Naml, 27: 19

²¹⁷ Al-Nasafī, *Tafsīr al-Nasafī*, h. 832

²¹⁸ Ibid.; Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 424

menjadi hal kepada Allah), kerana sesungguhnya Tuhanku Maha Kaya, lagi Maha Pemurah.”²¹⁹

Kisah ini juga mengisyatkan kepada usahawan beberapa pengajaran dan penghayatan untuk menjadi seorang yang bersyukur. Antaranya:²²⁰

- i. Memperkasakan diri dengan keperluan semasa
- ii. Mengenang jasa orang terdahulu terutama ibubapa
- iii. Melakukan amal soleh dan mencari keredaan Allah
- iv. Melakukan jaringan komunikasi dengan dua bentuk horizontal dan vertikal, yakni dengan Khalik dan makhluk.
- v. Bersifat tawadduk.

Ringkasnya, bersyukur merupakan sifat yang amat dituntut dan menjadi amalan utama para anbiya. Nabi Nuh dan zuriat yang terselamat dari banjir menzahirkan kesyukuran.²²¹ Nabi Ibrahim bersyukur dengan nikmat dan kurniaan Allah.²²² Baginda Muhammad SAW juga bersyukur dengan cara mengerjakan solat malam sehinggakan bengkok kakinya. Bila ditanya mengapa melakukan demikian, sedangkan Baginda tiada dosa, lalu dijawab: Salahkah aku menjadi hamba yang bersyukur?²²³ Dalam hal ini, sewajarnya manusia bersyukur, lantaran dengan syukur nikmat Allah makin bertambah. Firman-Nya: “Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmat-Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar, sesungguhnya azab-Ku amatlah

²¹⁹ Surah al-Naml, 27: 40

²²⁰ Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 424-425

²²¹ Surah al-Isra, 17: 3

²²² Lihat surah al-Nahl, 16: 120-121

²²³ Al-Bukhari, *Ṣaḥīḥ*, Bāb Li yaghfiraka Allah ma taqqadama min zanbik, hadis no. 4459, 4460, 5990; Muslim, *Ṣaḥīḥ*, Bab akthar al- a'mal wa al-ijihad, hadis no. 5044, 5045, 5046; Ahmad, *Musnad*, Bab hadith al-Mughirah bin Syu'bah, hadis no. 17488, 17532 dan hadis no. 23700 Bab hadith al-Sayyidah 'Aisyah, dengan lafaz yang sedikit berbeza; Lihat juga Ahmad Farid, *Tazkiyat al-Nufus*, h. 95

keras.”²²⁴ Ayat ini dengan jelas membuat perbandingan tentang kebaikan bersyukur dan keburukan kufur dengan nikmat Allah.

Ada tatacara untuk menghayati amalan bersyukur, terutama dalam konteks keusahawanan. Pertama, mencintai dan mengakui nikmat yang Allah kurniakan adalah banyak dan tidak terhitung.²²⁵ Kedua, dengan melafazkan ucapan yang baik atau pujian alhamdulillah.²²⁶ Ketiga, dengan cara melakukan aktiviti atau menceburi bidang perusahaan yang diharuskan sahaja dan menjauhi aktiviti perusahaan mungkar.²²⁷ Ini termasuk dengan membelanjakan segala perolehan pada jalan yang diredai-Nya, seperti bersedekah.²²⁸ Apabila dilakukan demikian, barulah menepati status modal insan terbangun, yang mana semua pendengaran, penglihatan dan hati nurani dalam keadaan bersyukur.²²⁹ Maka, berhaklah “Allah memberikan balasan pahala kepada orang-orang yang bersyukur (akan nikmat Islam yang tidak ada bandingannya itu).”²³⁰

5.2.6. Berilmu

Ciri modal insan terbangun tidak dapat dipisahkan dari memiliki ilmu. Wahyu pertama merupakan indikator tepat bahawa Islam merupakan agama dan cara hidup yang tegak berasaskan ilmu. Dalam kisah anbiya, Adam selaku bapa manusia telah diajarkan oleh

²²⁴ Surah Ibrāhim, 14: 7

²²⁵ Lihat surah al-Taubah, 9: 28; al-Baqarah, 2: 212, misalnya: “Dan (ingatlah), Allah memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dengan tidak terkira (menurut peraturan-Nya).”

²²⁶ Misalnya, surah al-Duhā, 93:11, menyebut: “Adapun nikmat Tuhanmu, maka hendaklah engkau sebut-sebutkan (dan zahirkan) sebagai bersyukur kepada-Nya.”

²²⁷ Misalnya surah al-Nūr, 24: 37, menjelaskan: “(Ibadat itu dikerjakan oleh) orang-orang yang kuat imannya, yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual-beli daripada menyebut serta mengingati Allah, dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat; mereka takutkan hari (kiamat) yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan.”

²²⁸ Kata seorang usahawan: “Sedekah ni, lagi kurang bisnes lagi banyak sebenarnya saya bersedekah, Alhamdulillah rezeki datang. Bila kurang bisnes, kita banyakkkan sedekah rezeki dia bertambah. Dia macam tu. Kena yakin lah. Memang sedekah ni saya tak pernah miss...” (IN5). Lihat Mohd Zain Mubarak, Asyraf Ab. Rahman dan Mohd Rafi Yaacob, “Elemen Kerohanian Dalam Keusahawanan Islam: Kajian Terhadap Usahawan Berjaya Di Negeri Kelantan,” h. 51

²²⁹ Surah al-Naḥl, 16: 78

²³⁰ Surah Āli ‘Imrān, 3: 144-145

Allah tentang nama semua benda sebagai pengukuhan kepada keperluan ilmu untuk merealisasikan tugas hamba dan khalifah Allah.²³¹ Keutamaan ilmu dirakamkan sebagai: “Allah menerangkan (kepada sekalian makhluk-Nya dengan dalil-dalil dan bukti), bahawasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang sentiasa mentadbirkan (seluruh alam) dengan keadilan, dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian); tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”²³²

Ayat di atas menerangkan beberapa perkara mengenai keutamaan ilmu dan ilmuan. Antaranya, pertama: Kesaksian ilmuan terhadap keagongan Allah tidak diikuti oleh manusia biasa. Kedua, kesaksian ilmuan disandingkan sendiri dengan kesaksian Allah terhadap-Nya. Ketiga, kesaksian ilmuan mengandungi rekomendasi dan penetapan dari Allah. Keempat, kesaksian Allah meminta ilmuan untuk menyaksikan perkara paling agung, bahawa tiada ilah melainkan Dia.²³³ Ini bermakna kedudukan ilmu dan ilmuan begitu penting dan utama dalam Islam. Lantaran itu, ulama mendapat hak terhadap pusaka anbiya, iaitu mewarisi ilmu.²³⁴

Selain kisah Adam, al-Quran merakamkan banyak kisah anbiya berkaitan aktiviti keilmuan. Umpamanya, nabi Ibrahim dirakamkan mempunyai ilmu.²³⁵ Musa juga diarahkan oleh Allah mengembara menemui Khidir untuk menuntut ilmu.²³⁶ Begitu juga dengan nabi Lut yang telah diberikan ilmu dan hikmah. Berkaitan Lut, firman-Nya: “Dan kepada nabi Lut, Kami berikan hikmat kebijaksanaan dan ilmu; dan Kami

²³¹ Surah al-Baqarah, 2: 30-31; ‘Afif ‘Abd al-Fattah Ṭabbārah, *Ma‘a al-Anbiyā’*, h. 41-42

²³² Surah Āli ‘Imrān, 3: 18

²³³ Ahmad Farid, *Tazkiyatun Nafs*, h. 235

²³⁴ Lihat hadis riwayat al-Darimi, Sunan, Bab fi fadl al-‘ilm, hadis no. 351; Abu Daud, Sunan, bab al-Hath ‘ala talab al-‘ilm, hadis no. 3157; al-Tirmizi, Sunan, bab ma ja’ fi fadl al-fiqh, hadis no. 2606 Maksudnya: “Sesungguhnya ulama adalah pewaris para nabi. Anbiya tidak mewariskan harta, dinar atau dirham, tetapi ilmu.”

²³⁵ Surah al-Anbiyā’, 21: 51: “Dan demi sesungguhnya, Kami telah memberi kepada Nabi Ibrahim sebelum itu jalan yang benar (ilmu) dalam bertauhid, dan Kami adalah mengetahui akan halnya.”

²³⁶ Lihat surah al-Kahf, 18: 60-65; ²³⁶ Lihat huraian Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 387

selamatkan dia dari bandar yang penduduknya selalu melakukan perkara-perkara yang keji; Sesungguhnya mereka itu adalah kaum jahat, yang fasik, derhaka.”²³⁷ Ilmu dan hikmah atau kebijaksanaan adalah dua perkara yang bersepadu. Ilmu ialah kefahaman atau fiqh, manakala hikmah ialah amalan kepada ilmu. Dalam hal ini, Ibn Qutaibah dipetik sebagai berkata, hikmah ialah memperoleh kebenaran serta mengamalkannya. Itulah dinamakan sebagai ilmu yang bermanfaat dan baik.²³⁸ Dengan ilmu dan hikmah tersebut, Lut berdakwah kepada mentauhidkan Allah dan melakukan kebaikan serta tidak turut serta dengan aktiviti kaumnya yang melakukan homoseksual, iaitu kejahatan yang belum pernah dilakukan manusia sebelumnya.²³⁹ Perlu diingati bahawa majoriti kaum Lut asalnya merupakan usahawan dalam bidang ternakan serta terlibat juga melakukan rompakan untuk mendapatkan harta kemewahan.²⁴⁰ Ini bermakna, usahawan perlu menggunakan aktiviti keusahawanan ke arah perkara yang boleh membawa manfaat dan amal soleh dengan bersuluhkan ilmu, bukan nafsu. Hal ini lantaran ilmu sepatutnya membawa kepada aktiviti keusahawanan kearah kebaikan dan keadilan, bukan kezaliman.²⁴¹

Modal insan juga perlu mencontohi aspek keilmuan yang dirakamkan al-Quran dalam kisah Daud dan Sulaiman. Mereka berdua juga dikurniakan ilmu dan hikmah. Firman-Nya: “Maka Kami berikan nabi Sulaiman memahami hukum yang lebih tepat bagi masalah itu; dan masing-masing (dari mereka berdua) Kami berikan hikmat kebijaksanaan dan ilmu (yang banyak); dan Kami mudahkan gunung-ganang dan

²³⁷ Surah al-Anbiyā, 21: 74

²³⁸ Al-Nasafi, *Tafsir al-Nasafi*, h. 722; Ahmad Farid, *Tazkiyatun Nafs*, h. 237

²³⁹ Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 229-230; Lihat surah al-Syu’ara, 26: 160-168; al-Hijr, 15: 73-74. Menjadi tren kini bahawa golongan usahawan yang kaya raya mudah bergelumbang dengan serakah nafsu seperti kaum Lut. Mereka muda membeli layanan gadis pelayan dengan taburan harta kemewahan. Seolah-olah harta menjadi pegangan hidup, bukan ilmu. Misalnya, akhbar melaporkan seorang taikun kewangan bermesra dengan Paris Hilton, seorang artis Barat. Lihat <http://www.thesundaytimes.co.uk/> (1 March, 2015)

²⁴⁰ Muhammad Ahmad Kan’ān, *Qiṣaṣ al-Anbiyā’*, h. 309; ‘Afif ‘Abd al-Fattah Tabbarah, *Ma’a al-Anbiyā’*, h. 143; Surah al-‘Ankabūt, 29: 28-29

²⁴¹ Surah Fāṭir, 35: 28; Al-Ghazali, *Counsel For King*, h. 9

unggas memuji Kami bersama-sama dengan nabi Daud; dan adalah Kami berkuasa melakukan semuanya itu.”²⁴² Ayat ini antara lain menjelaskan bahawa Daud dan Sulaiman masing-masing dikurniakan dengan ilmu dan hikmah.²⁴³ Nabi Daud misalnya, selain memiliki hikmah kebijaksanaan dalam menjatuhkan hukuman dengan adil, Baginda juga diberikan kemahiran oleh Allah dalam pembuatan baju besi, kemahiran bahasa burung dan gunung, serta ilmu yang berkaitan dengan kemaslahatan dunia dan kemampuan kekuasaan.²⁴⁴ Dalam konteks ini Allah berfirman:

“Dan demi sesungguhnya, Kami telah memberikan kepada nabi Daud limpah kurnia dari Kami (sambil Kami berfirman): "Hai gunung-ganang, ulang-ulangilah mengucap tasbih bersama-sama dengan nabi Daud, dan wahai burung-burung (bertasbihlah bersama-sama dengannya)!" dan juga telah melembutkan besi baginya. (Serta Kami wahyukan kepadanya): "Buatlah baju-baju besi yang luas labuh, dan sempurnakanlah jalinannya sekadar yang dikehendaki; dan kerjakanlah kamu (wahai Daud dan umatmu) amal-amal yang soleh. Sesungguhnya Aku Maha Melihat akan segala yang kamu kerjakan.”

(Surah Saba', 34: 10-11)²⁴⁵

Ayat di atas menjelaskan tentang kelebihan yang dimiliki oleh nabi Daud ialah memahami tasbih gunung-ganang serta burung yang menyertai Baginda memuji Allah serta kemahiran mencanai cipta baju besi.²⁴⁶ Dalam ayat tersebut, al-Quran merakam ayat “Kami telah memberikan kepada nabi Daud ‘limpah kurnia’ dari Kami,” dengan lafaz *fadl*, yakni limpah kurnia. Limpah kurnia di sini bermaksud kelebihan ilmu. Konsep yang sama digunakan oleh al-Quran dengan menggunakan lafaz *fadl*, limpah kurnia yang bermaksud rezeki dalam surah al-Jumu‘ah.²⁴⁷ *Fadl* atau kelebihan di sini sebenarnya merujuk kepada limpah kurnia yang luar biasa.²⁴⁸ Ini bermakna, kelebihan

²⁴² Surah al-Anbiyā', 21: 79

²⁴³ Juga disebut dalam surah al-Baqarah, 2: 251: “(Sesudah itu) Allah memberikan kepadanya (Nabi Daud) kuasa pemerintahan, dan hikmat (pangkat kenabian) serta diajarkannya apa yang dikehendakinya.”

²⁴⁴ Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafad*, h. 1: 405

²⁴⁵ Lihat juga surah Ṣad, 38: 17-19

²⁴⁶ Al-Nasafi, *Tafsīr al-Nasafi*, h. 957

²⁴⁷ Surah al-Jumuah, 62:10. “Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari ‘limpah kurnia’ Allah...”

²⁴⁸ Lihat huraian Fahmi Basya, *Borobudur & Peninggalan Nabi Sulaiman*, h. 132-133

Daud mengenai kemahiran membuat baju besi adalah kelebihan luar biasa dan lantaran itu, aktiviti keusahawanan Baginda juga adalah luar biasa. Dengan ilmu dan kemahiran yang dimiliki tersebut, Baginda terkenal sebagai seorang usahawan baju besi serta ternakan. Pernah dikatakan bahawa Baginda tidak makan sesuatu selain dari hasil usaha tangannya sendiri.²⁴⁹

Nabi Sulaiman yang mewarisi kelebihan ilmu dan hikmah daripada bapanya menunjukkan tahap penguasaan ilmu yang tinggi dan pelbagai. Firman Allah: “Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan ilmu pengetahuan kepada nabi Daud dan nabi Sulaiman; dan mereka berdua bersyukur dengan berkata: "Segala puji tertentu bagi Allah yang dengan limpah kurnia-Nya memberi kami kelebihan mengatasi kebanyakan hamba-hamba-Nya yang beriman.”²⁵⁰ Imam Zamakhsyari menterjemahkan kehebatan berilmu Baginda terpancar menerusi penggunaan ayat di atas dengan lafaz ‘ilman’, yakni umum dengan maksud ilmu apa sahaja.²⁵¹ Hakikatnya, Baginda menguasai bahasa alam seperti boleh berkomunikasi dengan angin, burung, semut, jin, manusia dan lain-lain.²⁵² Firman-Nya: “Dan nabi Sulaiman mewarisi (pangkat kenabian dan kerajaan) nabi Daud; dan (setelah itu) nabi Sulaiman berkata: "Wahai umat manusia! Kami telah diajar mengerti bahasa pertuturan burung, dan kami telah diberikan serba sedikit dari tiap-tiap sesuatu (yang diperlukan); Sesungguhnya yang demikian ini adalah limpah kurnia (dari Allah) yang jelas nyata.”²⁵³ Ayat ini mengisyaratkan bahawa kemahiran Baginda banyak dan mencakupi ilmu tiap-tiap sesuatu.²⁵⁴

²⁴⁹ Al-Khālidī, *al-Qaṣaṣ al-Qur’ānī*, h. 3: 433; Hadis riwayat al-Bukhari, *Ṣaḥīḥ*, bab kasb al-rajūl, hadis no. 1931, bermaksud: “Sesungguhnya nabi Allah Daud a.s. tidak makan sesuatu melainkan apa yang diusahakan oleh tangannya sendiri.”

²⁵⁰ Surah al-Naml, 27: 15

²⁵¹ Al-Zamakhsyariy, *al-Kasyf*, h. 3: 352; Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 420

²⁵² Lihat surah al-Naml, 27: 17-19

²⁵³ Surah al-Naml, 27: 16

²⁵⁴ Al-Nasafī, *Tafsīr al-Nasafī*, h. 741

Dari perspektif pembangunan modal insan, khususnya bidang keusahawanan, kisah Daud dan Sulaiman mengisyaratkan beberapa perkara bersabit keadaan berilmu.

Antaranya:

1. Usahawan perlu insaf dengan status sebagai hamba Allah dengan bersyukur, meskipun mempunyai banyak kelebihan.²⁵⁵ Harta kekayaan digunakan sebagai alat beribadat kepada Allah, bukan matlamat.²⁵⁶
2. Wajib melengkapkan diri dengan pelbagai bidang ilmu dan kemahiran. Aktiviti keusahawanan hari ini beroreintasikan kepada konsep K-Ekonomi, yakni ekonomi berasaskan knowledge atau ilmu. Dalam konteks ini, kejayaan dalam persaingan di pasaran memihak kepada usahawan berilmu dan firma bisnes yang dianggotai oleh ahli yang faham dan mahir dengan ilmu yang berkaitan dengan bidang yang diusahakan.²⁵⁷
3. Usahawan perlu peka dengan keperluan semasa dengan memperkenalkan produk baru sepertimana nabi Daud memenuhi permintaan masyarakat.²⁵⁸ Usahawan kini perlu merebut peluang bagi keperluan umat Islam semasa selaras dengan kepesatan dunia era globalisasi serta kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).²⁵⁹

²⁵⁵ Ingat kata-kata nabi Sulaiman: “Ini ialah dari limpah kurnia Tuhanku, untuk mengujiku adakah aku bersyukur atau aku tidak mengenangkan nikmat pemberian-Nya.” Surah al-Naml, 27: 40

²⁵⁶ Sulaiman berkata: “Tidaklah patut kamu memberikan kepadaku pemberian harta-benda, kerana apa yang telah diberikan Allah kepadaku lebih baik dari apa yang telah diberikan-Nya kepada kamu; (bukan aku yang memandang kepada pemberian hadiah) bahkan kamulah yang bergembira dengan hanya kekayaan yang dihadiahkan kepada kamu (atau yang kamu hadiahkan dengan perasaan megah).”

²⁵⁷ Muhammad Ali Haji Hashim, *Bisnes Satu Cabang Jihad*, h. 142

²⁵⁸ Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 407

²⁵⁹ Tiga teras modal insan usahawan berkualiti iaitu ilmu, kemahiran dan abiliti. Lihat Nurul Huda et.al (2016), “The Development of Human Resources in Islamic Financial Industries and Islamic Financial Graduates,” *Al-Iqtisad: Journal of Islamic Economics*, vol. 8 (1): 117-136. Ingat kemajuan umat Islam

Pemilikan dan budaya ilmu yang dihayati oleh usahawan adalah penting bagi menggambarkan keadaan modal insan terbangun. Usahawan berilmu mencirikan sifat kreatif, inovatif dan pengurusan kerja yang bersistematik.²⁶⁰ Sifat usahawan berilmu juga menampilkan sikap jujur dan benar, amanah, menepati janji, berkemahiran serta mempunyai azam yang tinggi.²⁶¹ Tegasnya, budaya ilmu yang dihayati membantu kepada pembentukan sikap usahawan yang tepat menurut kaca mata Islam dalam hubungannya dengan Allah, pesaing, pengguna, diri dan persekitaran.²⁶² Keadaan ini tepat seperti pandangan bekas Perdana Menteri, bahawa meskipun memakai pakaian abad ke-7M, tetapi tanpa ilmu, kemahiran dan teknologi moden tidak akan menjadikan seseorang itu lebih Islam.²⁶³

Kepentingan berilmu sebagai ciri usahawan berjaya disahkan oleh kajian yang dilakukan Hasan terhadap usahawan Kredit Makro, di Johor. Beliau merumuskan, antara 'key success factors' usahawan adalah berkaitan ilmu seperti kemahiran dan belajar dari pakar.²⁶⁴ Keperluan kepada penguasaan ilmu lebih terserlah dalam situasi Malaysia yang menuju negara maju, lantaran usahawan perlu menyerap teknologi baru melalui aktiviti menyerap teknologi baru daripada pelabur-pelabur asing seperti:²⁶⁵

- i. Menghasilkan barangan baru atau dengan kualiti baru
- ii. Menggunakan kaedah pengeluaran baru

terdahulu menyebabkan mereka menjadi pemimpin dalam dunia ilmu dan menjadi pemimpin dunia dalam bidang politik dan ekonomi. Namun apabila kepimpinan ilmu terlepas dari tangan orang Islam, kepimpinan politik dan ekonomi juga turut terlucut. Kesannya, keperluan orang Islam disediakan orang lain menyebabkan banyak barangan asas seperti makanan bercampur antara halal dan haram.

²⁶⁰ Buerah Tonggak dan Husin Salomon, *Budaya Usahawan Berjaya*, h. 36. Fakta ini akan dihurai lebih detail dalam tajuk 'Profesional.'

²⁶¹ Ibid, h. 109

²⁶² Ibid, h. 125

²⁶³ Mahathir Muhammad, *New Straits Times*, 16 Mac 1995: 1. Bidang keusahawanan moden kini memerlukan penguasaan ilmu dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi, malah meruntun kepada pemahaman untuk menentukan status halal atau haram sesuatu bidang perusahaan tersebut. Lihat huraian Zaharuddin Abd. Rahman, *Maqasid al-Syari'ah fi Ahkām al-Buyu'*, h. 403

²⁶⁴ Lihat Hasan Osman, "Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kejayaan Usahawan Kredit Mikro Di Negeri Johor," h. 25-26

²⁶⁵ Siti Arni Basir, Bharudin Che Pa dan Raja Hisyamudin Raja Sulong (2009), "Prinsip-Prinsip Kualiti Kearah Melahirkan Usahwan Muslim Yang Berjaya," *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil 2 (2009): 327-352

- iii. Menemui pasaran baru
- iv. Menemui sumber-sumber baru
- iv. Mewujudkan organisasi baru dalam industri bagi mengeluarkan syarikat dari kumpulan monopoli

Ringkasnya, usahawan berilmu berbakti kepada diri, keluarga dan masyarakat secara berterusan melalui dua cabang amal, iaitu ilmu yang bermanfaat dan sedekah jariah.²⁶⁶ Hal ini berlaku kerana orang berilmu memastikan harta yang diperolehi perlu dengan cara yang halal, dan dibelanjakan pula pada jalan Allah. Keadaan ini dilaksanakan lantaran ulamalah yang paling takut akan Allah.²⁶⁷ Apatah lagi, usahawan sedemikian merupakan penyambung kepada dua keadaan yang dibenarkan berhasad dengki kerana kepentingannya. Iaitu ilmuan yang berbakti dengan ilmunya dan usahawan yang menyumbang dengan hartanya.²⁶⁸ Dengan keutamaan berilmu inilah, al-Quran membuat perbandingan tentang ketidaksamaan antara orang beriman yang berilmu dan yang tidak berilmu dengan beberapa darjat.²⁶⁹ Realitinya, Islam menghalalkan binatang buruan anjing terlatih berbeza dengan hasil buruan anjing tidak terlatih, menjadi bangkai yang haram.²⁷⁰ Lantaran itulah, Allah mengarahkan hamba-Nya berusaha dan berdoa: “Ya Rabb! Tambahkan lah daku ilmu pengetahuan.”²⁷¹

5.2.7. Berzuhud

²⁶⁶ Ingat hadis: “Apabila mati seseorang insan terputuslah amalannya kecuali tiga cara: Sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan doa anak yang soleh.” Riwayat Muslim, *Ṣaḥīḥ*, bab ma yalḥaq al-insān, hadis no. 3084, 4843; Abū Dawud, *Sunan*, bab ma ja’ fi al-sadaqah, hadis no. 2494; Ahmad, *Musnad*, bab musnad Abi Hurairah, hadis no. 8489; al-Darimi, *Sunan*, bab al-Balagh ‘an Rasul Allah, hadis no. 570

²⁶⁷ Surah Fāṭir, 35: 28

²⁶⁸ Ahmad Farid, *Tazkiyatun Nafs*, h. 237; Ingat sabda Baginda: “Tidak boleh berhasad dengki melainkan pada dua keadaan: Seseorang yang diberikan harta lalu dibelanjakan pada haknya dan seseorang yang diberikan ilmu (hikmah) lalu mengamalkan dan mengajarkannya.” Riwayat Ahmad, *Musnad*, bab musnad Abdullah bin Mas’ud, hadis no. 3900; Al-Bukhari, *Saḥīḥ*, bab al-ighṭiyāq fi al-‘ilm, hadis no. 71, 1320; Muslim, *Ṣaḥīḥ*, bab faḍl man yaqūm bi al-Qur’an, hadis no. 1352, 4192

²⁶⁹ Surah al-Zumar, 39: 9

²⁷⁰ Ahmad Farid, *Tazkiyat al-Nufus*, h. 237; Lihat surah al-Mā’idah, 5: 4

²⁷¹ Surah Tāhā, 20: 114

Antara sifat atau keadaan modal insan terbangun adalah hidup berzuhud. Istilah zuhud bermaksud sedikit,²⁷² tidak gemar dengan yang sedikit,²⁷³ lalu berpaling meninggalkannya.²⁷⁴ Ia merujuk kepada keadaan mengalihkan pandangan atau kesenangan terhadap sesuatu yang sedikit, yakni dunia kepada sesuatu yang lebih baik, yakni akhirat. Keadaan berzuhud menunjukkan wujud pengetahuan bahawa sesuatu yang ditinggalkan itu hina, jika dibandingkan dengan sesuatu yang akan diambil.²⁷⁵ Maksudnya, dunia dengan segala isinya itu bersifat sementara, manakala Allah dengan segala janji hidup akhirat itu lebih baik dan kekal. Perbandingannya, umpama permata berharga bagi akhirat, dengan salji kepada dunia yang fana apabila terkena matahari.²⁷⁶ Ringkasnya, zuhud itu tidak menyukai dunia dan berpaling darinya kepada mencintai akhirat dan menjadikannya sebagai matlamat.²⁷⁷ Hakikat ini berlaku kerana wujudnya ilmu berpandukan penerangan al-Quran: “Dan (ingatlah bahawa) kehidupan dunia ini (meliputi segala kesenangan dan kemewahannya, jika dinilai dengan kehidupan akhirat) tidak lain hanyalah ibarat hiburan dan permainan; dan sesungguhnya negeri akhirat itu ialah kehidupan yang sebenar-benarnya; kalaulah mereka mengetahui (hakikat ini tentulah mereka tidak akan melupakan hari akhirat).”²⁷⁸

Ayat di atas menjelaskan mengenai orang berzuhud mengetahui bahawa kehidupan dunia ini berbanding akhirat ibarat permainan atau kesenangan yang menipu, hiburan yang sia-sia dan melalaikan. Sedangkan kehidupan akhirat itu lebih baik dan abadi.²⁷⁹ Lantaran itu, Allah menegaskan bahawa sekali-kali janganlah bersifat dengan mengambil dunia dan meninggalkan akhirat, padahal akhirat itu adalah kehidupan

²⁷² Ibn al-Athīr, *al-Nihāyah fi Gharīb al-Hadīth wa Athār*, h. 2: 321

²⁷³ Al-Asfahānī, *Mu‘jam Mufradat Alfāz al-Qur‘ān*, h. 241

²⁷⁴ Al-Fayyūmī, *al-Miṣbah al-Munir*, h. 1: 257

²⁷⁵ Lihat al-Zuhailī, *Akhlāq al-Muslim: ‘Alaqtuh bi al-Khāliq*, h. 99

²⁷⁶ Ahmad Farid, *Tazkiyat al-Nufus*, h. 63

²⁷⁷ Mandili, *Penawar Bagi Hati*, h. 71

²⁷⁸ Surah al-‘Ankabūt, 29: 64

²⁷⁹ Lihat surah al-A‘lā, 87: 16-17; al-Ra‘d, 13: 26; Āli ‘Imrān, 3: 185; Hūd, 32

sebenar dan kebahagiaan yang kekal.²⁸⁰ Hakikat bahawa kehidupan dunia ini kesenangan yang sedikit serta sementara, dan akhirat adalah kehidupan terbaik telah diteladani oleh Baginda Nabi SAW sendiri. Baginda pernah ibaratkan dunia seumpama baki air yang menitis dari jari yang dicelupkan ke dalam lautan. Air menitis adalah dunia, sementara lautan adalah akhirat. Kerana itu, makanan, pakaian, tempat kediaman serta gaya kehidupan dunia Baginda adalah sederhana sahaja.²⁸¹ Seolah-olah sang musafir yang berehat sementara di wakaf dunia, kemudian meneruskan perjalanan menuju matlamat akhirat.

Berdasarkan cara hidup Baginda, konsep berzuhud tidak bermakna membuang terus dunia secara keseluruhannya. Hakikatnya, hidup di dunia bukan menjadi keutamaan, malah berfungsi sebagai alat untuk menuju matlamat iaitu akhirat. Atau dunia ini tempat sebagai medan persediaan bekalan dalam perjalanan pulang ke kampung asal, iaitu negeri akhirat. Meskipun umpama alat dan ladang, berzuhud dengan kehidupan dunia sepatutnya difahami sebagai alat yang boleh berfungsi dengan baik dan berkualiti. Lantaran itu, manusia wajar melakukan usaha maksimum untuk mendapat alat terbaik atau mengusahakan ladang dengan rajin supaya mendapat hasil atau bekalan yang berkualiti. Iaitu dengan menghayati hidup dunia menepati kehendak Syariat Islam atau aturan yang digariskan oleh al-Quran dan Hadis. Dalam konteks ini, Allah berfirman: “Dan di antara mereka pula ada yang (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka". Mereka itulah yang akan mendapat bahagian yang baik dari apa yang telah mereka usahakan; dan Allah amat cepat hitungan-Nya.”²⁸²

²⁸⁰ Lihat surah al-Qiyāmah, 75: 20-21; Ahmad Farid, *Tazkiyatun Nafs*, h. 292

²⁸¹ Ahmad Farid, *Tazkiyatun Nafs*, h. 292-295

²⁸² Surah al-Baqarah, 2: 201-202

Ayat di atas antara lain menjelaskan bahawa mereka yang berdoa untuk kebahagiaan di dunia dan akhirat sebagai suatu cara yang terbaik dan diakui oleh Allah. Ini kerana, pada ayat sebelumnya ada mereka yang memohon untuk kemegahan dan kekayaan dunia sahaja. Seperti pandangan al-Tabari, sesiapa yang inginkan kehidupan dunia dan berusaha bersungguh-sungguh mendapatkannya, maka Allah memberikan apa yang dia kehendaki dengan segera.²⁸³ Sebenarnya, cara terbaik ialah bermohon untuk kebaikan pada kedua-duanya iaitu nikmat dan aflatun atau ilmu dan ibadat di dunia, sementara keampunan dan maghfirah Allah di akhirat. Atau mendapat harta dan syurga untuk kebaikan dunia dan akhirat. Cara tersebut diperakukan oleh Allah dengan mendapat balasan pahala.²⁸⁴

Dalam konsep ini, Ibn Qudamah menegaskan bahawa berzuhud ialah pengalihan dari sesuatu keinginan kepada yang lebih baik.²⁸⁵ Maksudnya, sesuatu keinginan yang sedikit atau sementara di dunia ini kepada yang terbaik, iaitu balasan Allah di akhirat.²⁸⁶ Menggunakan sesuatu yang sedikit berbanding dengan mencari manfaat yang banyak dikatakan sebagai berzuhud menepati konsep yang digunakan oleh al-Quran sewaktu kisah penjualan nabi Yusuf dengan harga yang sedikit kepada kafilah saudagar ketika Baginda diselamatkan dari dalam telaga.²⁸⁷ Firman-Nya: “Dan (setelah berlaku perundingan) mereka menjualnya (Yusuf) dengan harga yang murah, iaitu beberapa dirham sahaja bilangannya, sebab mereka adalah orang-orang yang *zahidin*, yakni tidak tertarik padanya.”²⁸⁸

²⁸³ A-Tabarī, *Jami' al-Bayān 'ala al-Ta'wil 'an al-Qur'ān*, h. 5: 57

²⁸⁴ Al-Nasaḥī, *Tafsīr al-Nasaḥī*, h. 107

²⁸⁵ Ibn Qudāmah al-Maqdisī, *Mukhtaṣar Minhāj al-Qāṣidīn*, h. 324

²⁸⁶ Terdapat tiga tahap berzuhud dengan tahap tertinggi ialah mencari reda dan pertemuan dengan Allah, di mana dunia ini umpama alat, berguna untuk sampai kepada-Nya. Laksana pemberian sekeping roti kepada anjing yang menjadi pengawal pintu untuk bertemu raja, lalu seseorang itu dapat masuk menghadap raja. Lihat Ibid, h. 325; Ahmad Farid, *Tazkiyatun Nafs*, h. 293

²⁸⁷ Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 258

²⁸⁸ Surah Yūsuf, 12: 20

Ayat di atas menjelas penggunaan perkataan zuhud kepada sesuatu yang tidak menarik ataupun tidak menghargainya sesuatu, yakni Yusuf.²⁸⁹ Dengan konsep itu, jelaslah dengan berzuhud, harta dunia bukan menjadi tarikan utama, tetapi yang lain lebih diutamakan iaitu akhirat dan keredaan Allah. Namun begitu, dalam konteks kisah Yusuf tersebut, ternyata harta masih diperlukan dengan bukti adanya transaksi jual beli dan penerimaan wang dirham oleh orang berzuhud, iaitu pihak yang menjual Baginda. Ini membuktikan bahawa berzuhud bukan menolak dunia, tetapi berpada dengannya.

Konsep yang sama boleh dilihat dalam kisah nabi Sulaiman dengan utusan Balqis yang cuba memberikan hadiah kemewahan dunia kepada Baginda agar tidak membetulkan akidah dan budaya mungkar yang diamalkan kerajaan Saba'. Raja dan rakyat serta pembesar Saba yang memiliki empangan Ma'arib dengan perusahaan terutamanya pertanian yang terletak antara dua lembah,²⁹⁰ beranggapan bahawa dengan kemewahan harta mereka boleh membeli apa sahaja.²⁹¹ Namun, cubaan 'menyogok' tersebut ditolak oleh Baginda Sulaiman dengan semangat zuhud. Al-Quran merakamkan: "Maka apabila (utusan pembawa hadiah itu) datang mengadap nabi Sulaiman, berkatalah nabi Sulaiman (kepadanya): "Tidaklah patut kamu memberikan kepadaku pemberian harta-benda, kerana apa yang telah diberikan Allah kepadaku lebih baik dari apa yang telah diberikan-Nya kepada kamu; (bukan aku yang memandang kepada pemberian hadiah) bahkan kamulah yang bergembira dengan hanya kekayaan yang dihadihkan kepada kamu (atau yang kamu hadiahkan dengan perasaan

²⁸⁹ Al-Ṣābūnī, *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr*, h. 2: 244

²⁹⁰ Harun Yahya (2002), *Kaum-kaum Yang Pupus*, (Terj. *Perished Nations* oleh Rozalli Hashim), Kuala Lumpur: Saba Islamic Media, h. 118. Al-Quran menyebut kawasan pertanian tersebut dengan 'dua taman di kanan dan kiri' seperti dalam surah Saba, 34: 15

²⁹¹ Kerajaan Saba dikatakan terletak di Yaman yang diperintah oleh seorang Perempuan bernama Balqis. Mereka menyembah matahari, bukan mentauhidkan Allah. Kerana itu, nabi Sulaiman berdakwah agar mereka menyembah Allah melalui utusan burung Hud-hud. Mereka bangga dengan segala kenikmatan dan kekuatan yang dilambangkan dengan sebuah istana yang gah. Kerana itu, keputusan diambil untuk memberikan hadiah kepada Sulaiman. Lihat huraian oleh Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1:427-430; Muḥammad Aḥmad Kan'ān, *Qiṣaṣ al-Anbiyā'*, h. 366-370

megah).”²⁹² Ayat ini jelas menceritakan bahawa Sulaiman tidak terpesona dengan kemewahan dunia yang dibawa utusan tersebut, sebaliknya berdakwah dengan sesuatu yang ada pada Allah itu lebih baik dari apa yang mereka banggakan. Di sini Baginda tidak terpengaruh dengan harta dan membiarkan rakyat dan raja Saba’ terus dalam kekufuran, sebaliknya meninggalkan godaan dunia tersebut dan komited berdakwah kepada Allah.²⁹³ Hakikat ini diperkukuhkan lagi dengan tindakan Baginda agar istana Balqis yang menjadi takjub dan kemegahan rakyatnya itu, minta diterbalikkan keadaannya apabila tiba di hadapan Baginda setelah dibawa oleh seorang lelaki berilmu. Sebaliknya pula Baginda yang insaf dengan kelebihanannya itu sebagai satu ujian Allah dan terus bersyukur kepada-Nya.²⁹⁴

Konsep yang serupa ditunjukkan oleh Baginda Muhammad SAW yang terkenal sebagai pedagang berjaya penuh amanah dan dedikasi sehingga dipanggil al-Amin. Ketika berdakwah, Baginda pernah mengalami peristiwa ‘pemujukan’ oleh pemuka kaumnya dengan janji segala kemewahan harta, takhta dan wanita jelita agar meninggalkan dakwah tersebut.²⁹⁵ Bagaimanapun, dengan sikap berzuhud, Baginda menegaskan: “Bukan aku hendak mencari harta benda atau kekayaan kamu, bukan aku inginkan kemuliaan di antara kamu, dan bukan aku ingin menjadi raja untuk menguasai kamu, tetapi Allah mengutus aku kepada kamu semua sebagai Rasul-Nya...”²⁹⁶

²⁹² Surah al-Naml, 27: 36

²⁹³ Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 439

²⁹⁴ Ibid, h. 1: 442-444; Juga surah al-Naml, 27: 39-40

²⁹⁵ Antara pemuka tersebut ialah Utbah bin Rabiah dan Walid bin Mughirah, pemimpin paling berpengaruh Mekah membuat tawaran kepada nabi Muhammad SAW. Lihat KH Moenawar Chalil, *Kelengkapan Tarikh Nabi Muhammad SAW*, h. 2: 32; serta huraian Zulkifli Mohd Yusoff dan Noor Naemah Abd Rahman (2006), *Biografi Muhammad bin Abdullah: Perjalanan Hidup Seorang Nabi*, Batu Caves: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 52-53

²⁹⁶ K.H. Moenawar Chalil, h. 2: 96. Ingat ungkapan terkenal Baginda apabila diberitahu oleh Abu Talib: “Demi Allah! Seandainya mereka meletakkan matahari di tanganku dan bulan di tangan kiriku supaya aku meninggalkan tugasku ini, sekali-kali tidak aku tinggalkan sehingga Allah menjayakannya atau aku mati kerananya.” Lihat Mustafa al-Siba’i (1996), *Perjalanan Hidup Nabi Muhammad SAW: Kajian dan Pengajaran*, (Terj. *al-Sirah al-Nabawiyah: Durusun wa ‘Ibrun* oleh Abdul Rashid Hj Ahmad), Alor Star: Pustaka Darussalam, h. 26

Peristiwa tersebut jelas membuktikan bahawa para anbiya bersederhana dengan dunia dan menjadikan akhirat sebagai matlamat. Dalam konteks ini Aisyah sebagai isteri Baginda memahami konsep tersebut dan direalisasikan menerusi suatu peristiwa apabila beliau diberikan seratus ribu dirham oleh seseorang. Beliau tidak membenci malah menerimanya lalu mengagihkan duit tersebut sehingga habis. Apabila disebutkan oleh khadamnya, alangkah enak jika satu dirham dari duit tersebut digunakan untuk membeli daging, beliau menyatakan kenapa tidak memberitahunya lebih awal, yakni sebelum duit itu habis.²⁹⁷ Peristiwa ini membuktikan bahawa zuhud itu tidak membuang dunia kerana jika harta itu tidak berguna, nescaya Aisyah tidak mengambilnya dan tidak pula menggunakannya untuk bersedekah.²⁹⁸

Tegas, berzuhud merupakan keadaan hati, bukan keadaan pekerjaan anggota badan. Dalam hal ini, Yunus bin Maisarah seorang Salaf, dipetik sebagai berkata bahawa berzuhud terhadap dunia bukanlah dengan cara mengharamkan yang halal dan mengabaikan harta. Tetapi sebaliknya seseorang lebih yakin terhadap apa yang ada di tangan Allah dari apa yang ada di tangannya sendiri. Sikapnya ketika ditimpa musibah atau tidak sama sahaja, begitu juga ketika dipuji atau dicela ketika melaksanakan kebenaran adalah sama.²⁹⁹

Dalam konteks ini, para usahawan perlu menjadikan konsep berzuhud terhadap dunia menepati apa yang dilakukan oleh para anbiya dan penegasan al-Quran. Mencari kekayaan dunia dengan aktiviti keusahawanan tidak salah, malah menjadi suatu kewajipan. Hal ini dapat dilihat dalam banyak kefarduan ibadat dalam Islam yang memerlukan kepada harta. Rukun Islam seperti haji, zakat, solat dan puasa tidak dapat ditegakkan tanpa harta. Sebagai contoh, kewajipan berzakat sepatutnya difahami

²⁹⁷ Mandili, *Penawar Bagi Hati*, h. 73; Al-Ghazalī, *al-Arba'īn Fī Uṣūl al-Dīn*, h.215

²⁹⁸ Ramli Awang, *Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili*, h. 165

²⁹⁹ Ahmad Farid, *Tazkiyat al-Nufus*, h. 65

bahawa seseorang Mukmin wajib bekerja sehingga mampu mengeluarkan zakat, tidak hanya sekadar berzakat apabila ada lebih harta. Hakikatnya, bekerja menjadi suatu ibadat dan berniaga merupakan sumber pendapatan yang mewakili sembilan persepuluh rezeki. Dalam hal ini, al-Quran menganjurkan: “Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan.”³⁰⁰ Ayat ini mengarahkan orang beriman menuntut kehidupan akhirat dengan menggunakan kekayaan dan kemewahan harta untuk bertaqarrub kepada Allah bagi mendapatkan pahala. Namun begitu, harta yang dikurniakan tersebut perlu juga digunakan untuk keperluan makan dan minum, pakaian dan tempat kediaman. Hal ini lantaran semua pihak, Allah, diri dan keluarga mempunyai hak masing-masing.³⁰¹ Harta tersebut bagaimanapun digunakan secara bersepadu untuk mendapat pahala akhirat dan manfaat dunia, misalnya menerusi sedekah, menyambungkan silaturahim dan berbagai jenis kebaikan lagi. Itulah maksud nasib di dunia ini dengan menggunakan harta tersebut tidak dilupakan. Maksudnya, harta digunakan di dunia ini sebaiknya bagi mencari keredaan Allah dan kebahagiaan akhirat.³⁰²

Perkara yang tidak dibenarkan melalui penggunaan harta tersebut ialah dengan melakukan kerosakan dengan cara zalim dan melampaui batas seperti membazir, tamak dan sebagainya. Dalam hal ini, pengaruh faham materialisme Barat telah meletakkan harta kekayaan sebagai matlamat. Usahawan berskala besar misalnya, dengan kekuatan

³⁰⁰ Surah al-Qaṣaṣ, 28: 77

³⁰¹ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, h. 3: 385

³⁰² Al-Nasafī, *Tafsīr al-Nasafī*, h. 879

firma Multi National Cooperation (MNC) dan dibantu oleh revolusi teknologi maklumat seperti televisyen dan komputer serta menggunakan jalan iklan dengan cara tidak sopan dan *brand based product* telah menjajah negara Islam, terutamanya yang berstatus pengeluar minyak bagi mewujudkan masyarakat berbudaya pengguna sama seperti Barat. Impaknya, ramai elit masyarakat Muslim yang bertawaf di gedung membeli belah dan dan berbelanja dengan cara tidak sihat dan merosakkan, seolah-olah mengambil alih peranan masjid. Budaya kepenggunaan ini secara berterusan membina kekuatan dan menjadi penjana harta dan kekayaan serta semata-mata bertujuan mengaut keuntungan dunia.³⁰³ Adakala keuntungan dan bidang utama perniagaan MNC ini melalui barangan yang merosakkan seperti arak dan perjudian.

Hakikat kerosakan yang dibawa oleh pengaruh faham kebendaan kesan dari bawaan fahaman sekularisme ini turut diakui oleh Prof. Khurshid Ahmad dengan katanya:

“The Islamic Ummah is today engaged in a struggle to re-establish its true ideological identity in a world steeped in secularism and worship of wealth, technology and power.”³⁰⁴

Berdasarkan kenyataan di atas, Islam tidak bermusuhan dengan dunia dan harta. Islam melihat harta, kemajuan teknologi dan kekuasaan sebagai alat dan kekal berguna selama mana menjana medium pengabdian terhadap Allah.³⁰⁵ Apabila semua itu menjadi matlamat dan pemujaan hidup manusia, maka semua itu menjadi kesalahan. Contoh kehidupan anbiya seperti nabi Ayub, Daud dan Sulaiman merupakan antara nabi yang terlibat sebagai usahawan, kaya, berkuasa dan berharta. Namun demikian, kemewahan

³⁰³ Muhammad Ali Haji Hashim, *Bisnes Satu Cabang Jihad*, h. 107-108. Tiada kesalahan dalam budaya kepenggunaan Barat selagi masih dalam ruang lingkup halal dan haram serta memelihara kepentingan masalah individu dan kolektif. Lihat etika kepenggunaan Muslim dalam Mohd Zaid Mustafar and Joni Tamkin Borhan (2013), “Muslim Consumer Behavior: Emphasis on Ethics from Islamic Perspective” *Middle-East Journal of Scientific Research*, 18 (9): 1302-1304

³⁰⁴ Khurshid Ahmad (1990), ‘Prakata’, *Sunshine at Madinah*, h. 9

³⁰⁵ Khurshid Ahmad, ‘Prakata’, *Sunshine at Madinah*, h. 9

harta benda tidak melekat dalam hati dan jiwa mereka dan digunakan sebagai alat beribadat serta mencari keredaan Allah. Tegasnya, modal insan terbangun mesti hidup dalam keadaan berzuhud. Hidup berzuhud tidak mesti membuang dunia dan hidup papa, kerana konsep berzuhud hanya sah kepada mereka yang mempunyai harta dan berupaya mengawal diri dari mengabdikan diri kepada harta dan cintakan dunia.³⁰⁶ Sekiranya miskin dan papa, bukan setakat tidak boleh berzuhud, malah banyak bentuk ibadat tidak dapat dilaksanakan. Lantaran itu, berzuhud ertinya golongan usahawan yang berkuasa dan berharta sedar dan insaf bahawa apa yang ada di sisi Allah berupa keampunan serta balasan-Nya jauh lebih bernilai dan kekal dari kesenangan dan perniagaan, kerana Dialah pemilik kekayaan yang sebenar.³⁰⁷

5.2.8. Bersikap Adil

Bersikap adil merupakan sifat modal insan terbangun, yakni sesuatu yang selaras dengan keadaan jiwa yang lurus.³⁰⁸ Adil merujuk kepada meletakkan sesuatu pada tempat yang berhak dan betul.³⁰⁹ Maksudnya memberikan hak kepada yang empunya hak mengikut ukurannya tanpa penindasan atau menzalimi hak orang lain.³¹⁰ Dalam konteks keusahawanan, bersikap adil bermaksud sebarang bentuk aktiviti keusahawanan seperti penggunaan dan penabungan harta atau urusan jual beli dan perkhidmatan yang bertepatan atau selaras dengan kehendak Syariat. Ini bermakna usahawan harus mencari titik keseimbangan antara motif menjana keuntungan individu dengan tanggungjawab terhadap masyarakat.³¹¹

³⁰⁶ Ramli Awang, *Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili*, h. 172

³⁰⁷ Surah al-Jumu'ah, 62: 11

³⁰⁸ Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, entri 'adl, di <http://www.maajim.com/dictionary/ادع>

³⁰⁹ *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah*, entri 'adl, di <http://www.maajim.com/dictionary/ادع>

³¹⁰ Nor 'Azzah Kamri (2006), "Pengurusan Sumber Manusia Menurut Islam: Falsafah dan Etika Perlaksanaan," dalam *Dimensi Pengurusan Islam: Mengurus Kerja dan Mengurus Modal Insan*, (Sunt. Ab. Mumin Ab. Ghani dan Fadhilah Mansor), Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 90

³¹¹ Mamdouh Farid (2007), "Entrepreneurship in Egypt and the US compared: Directions for Further Research Suggested," *Journal of Management Development*, vol. 26(5): 428-440

Konsep adil merangkumi aktiviti penggunaan harta secara sederhana dan tidak membazir, mendapatkan harta dengan jalan sah dan bukan batil, barangan yang diperdagangkan bukan yang diharamkan serta membelanjakan harta pada jalan yang diredai Allah. Dengan kata lain, bersikap adil dalam aktiviti keusahawanan ini menepati ajaran Islam dan tidak membawa kepada perkara yang ditegah seperti boros, tamak, monopoli, melakukan penipuan, tidak membayar zakat dan sebagainya. Tegasnya, bersikap adil adalah menjalankan aktiviti keusahawanan menepati kehendak syariat dan menghindari kemudharatan.³¹²

Bersikap adil ini juga bermaksud modal insan yang menjalankan aktiviti ekonomi atau perniagaan mempunyai semangat keseimbangan (equilibrium) antara kepentingan dirinya sebagai individu serta kebajikan komuniti. Ia juga merujuk kepada wujudnya kesepaduan antara aktiviti ekonomi yang bersifat dunia dan material dengan kepentingan akhirat yang bersifat spiritual.³¹³ Justeru aktiviti keusahawanan sebagai alat ibadat, maka adil juga merujuk kepada maksud kombinasi antara paduan ajaran wahyu serta kecerdasan akal sewaktu menjalankan transaksi perniagaan. Ringkasnya, dengan ciri bersikap adil inilah maka keusahawanan dalam Islam berbeza dengan rupa bentuk usahawan yang menganut fahaman kapitalisme atau sosialisme.³¹⁴ Kapitalisme mementingkan keuntungan pemodal, tanpa memikirkan manfaat komuniti, sementara amalan ekonomi sosialisme pula menyamaratakan hak semua manusia tanpa memberikan pengiktirafan yang wajar terhadap hak milik individu yang kuat bekerja.

³¹²Lihat Muhammad Nejatullah Siddiqi, *Perusahaan Ekonomi Dalam Islam*, h. 34-40

³¹³Said Elfakhani dan Zafar U. Ahmed, "Philosophical Basis of Entrepreneurship Principles Within An Islamic Ethical Framework," h. 9

³¹⁴Buerah Tonggak dan Husin Salamon, *Budaya Usahawan Berjaya*, h. 52

Bekerja adalah suatu kewajiban dalam Islam dan merupakan sumber nilai. Bekerja dianggap sebagai ibadat dan menepati hadis Rasulullah SAW yang menegaskan seseorang yang mengambil sebilah kapak masuk ke hutan untuk mencari kayu api dan menjualnya adalah lebih baik dari hidup meminta-minta.³¹⁵ Apa lagi apabila seseorang itu bekerja sebagai usahawan, maka ia menepati pekerjaan para anbiya.³¹⁶ Sebagai contoh, nabi Allah Yusuf memohon untuk menguruskan hal ehwal ekonomi Mesir lantaran bidang kerja tersebut menepati kepakarannya. Firman-Nya: “Yusuf berkata: "Jadikanlah daku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir); Sesungguhnya aku sedia menjaganya dengan sebaik-baiknya, lagi mengetahui cara mentadbirkannya.”³¹⁷ Ayat di atas menjelaskan bahawa Yusuf berlaku adil kepada dirinya dengan minta diberikan tugas berkaitan hasil mahsul bumi kerana Baginda mampu menjaga amanah dan memiliki kepintaran berkaitan.³¹⁸ Ini bermakna kerja sebagai usahawan menepati sunnah pekerjaan anbiya.

Dalam konteks ini, sebuah hadis sahih menyamakan seorang peniaga yang amanah akan dibangkitkan pada hari akhirat bersama-sama anbiya, syuhada dan siddiqin.³¹⁹ Hakikat ini menepati permohonan setiap orang ketika siang dan malam yang inginkan kepada jalan yang lurus. Iaitu jalan orang-orang yang diberi nikmat dari kalangan anbiya dan Mukminin.³²⁰ Mengukuhkan hal ini, Firman-Nya: “Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka mereka akan (ditempatkan di syurga)

³¹⁵ Hadis bermaksud: “Kiranya seseorang kamu mengambil seutas tali dan pergi ke bukit lalu memikul pulang seberkas kayu api dan menjualnya untuk saraan adalah lebih baik dar dia mengemis daripada manusia sekalipun dia mendapat pemberian atau tidak.” Riwayat Ahmad, *Musnad*, bab musnad al-Zubayr bin al-‘Awwam, hadis no. 1354; Dengan lafaz sedikit berbeza, diriwayatkan oleh Al-Bukhari, *Sahih*, bab bay’ al-hatb, hadis no. 2200; Muslim, *Sahih*, bab karahah al-mas’alah li al-nas, hadis no. 1728

³¹⁶ Ingat misalnya nabi Daud tidak makan kecuali dari hasil usaha tangannya sendiri. Lihat al-Khālidī, *al-Qaṣaṣ al-Qur’ānī*, h. 3: 433

³¹⁷ Surah Yūsof, 12: 55

³¹⁸ Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 270-271

³¹⁹ Al-Tirmīzī, *Sunan*, bab Ma Jāa fi al-Tijāri wa Tasmīyah al-Nabi, hadis no. 1130; Juga Ibn Majah, *Sunan*, bab al-tijarah, hadis no. 2130, “Abi Sa’id menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w berkata: “Seorang peniaga yang jujur dan amanah akan bersama nabi-nabi, para siddiqin dan para syuhada’.”

³²⁰ Al-Nasafī, *Tafsīr al-Nasafī*, h. 15, ketika menafsirkan surah al-Fātihah, 1: 7. Ada juga yang mengatakan khususnya nabi Muhammad dan para Sahabat yang mendapat nikmat dengan membangunkan masyarakat Madinah. Lihat M. Amin Aziz, *The Power of al-Fatihah*, h. 116

bersama-sama orang-orang yang telah dikurniakan nikmat oleh Allah kepada mereka, Iaitu anbiya, dan orang-orang siddiqin, dan orang-orang yang Syahid, serta orang-orang yang soleh. Dan amatlah eloknya mereka itu menjadi teman rakan (kepada orang-orang yang taat).”³²¹Tegasnya, hidup bekerja dan berusaha, terutamanya sebagai usahawan menepati konsep bersikap adil iaitu meletakkan diri seseorang menepati kehendak Islam.

Cara memperolehi harta yang adil ialah menerusi cara yang benar, bukannya secara batil seperti rasuah.³²² Antara cara yang benar, misalnya menerusi urusan perdagangan yang saling reda meredai, tanpa riba dan dengan menjual barangan serta transaksi yang sah di sisi Syariat.³²³ Dalam hal ini, nabi Syuib menunjukkan contoh urusaniaga adil dengan menggunakan sukatan dan timbangan yang tepat dan tidak melalukan manipulasi untuk menjatuhkan harga barang.³²⁴ Manakala nabi Muhammad pula merupakan contoh ideal dalam kes menepati janji perniagaan apabila berjanji. Abu Daud meriwayatkan daripada Abdullah bin Abdul Hamzah yang pernah meminjam sesuatu berjanji dengan Baginda untuk menghantarnya ke suatu tempat namun terlupa. Apabila teringat selang tiga hari kamudian, ia segera pergi dan mendapati Rasulullah setia menantinya. Kata Baginda: “Anda mengecewakan saya. Saya di sini selama tiga hari menanti kamu.”³²⁵

³²¹ Surah al-Nisā, 4: 69

³²² Surah al-Nisā, 4: 29; al-Baqarah, 2: 188; al-Mutaffifin, 83 : 1-3 ; al-Syu'arā', 26 : 181

³²³ Misalnya surah Ali Imran, 3: 130; al-Nisā, 4: 2 ; Contoh terminologi yang digunakan al-Quran dan Sunnah seperti *tijārah*, *bay' al-dayn* (hutang), *al-shirk* (perkongsian), *al-rahn* (gadaian), *sil'm* (jual salam), *khiyar* (pilihan) dan lain-lain. Item barangan seperti *al-dhahab* (emas), *al-fiddah* (perak) bijian and upah. Urusniaga haram seperti *al-riba'* (riba), *ihtikar* (monopoli), *bay' al-gharar* (spekulasi). Artikel haram pula seperti *al-khamr* (arak), and *asnām* (berhala). Charles C. Torrey (1892), *The Commercial-Theological Terms in The Qur'an*, Leiden : E.J. Brill

³²⁴ Surah al-A'rāf, 7: 85; al-Isra, 17: 35; Hūd, 11: 85; Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 239

³²⁵ Afzalur Rahman, *Muhammad Encyclopaedia of Seerah*, Chapter 22 'Principle of Business', h. 3: 302; Lihat juga surah al-Mā'idah, 5: 1 ; al-Isrā', 17: 34 ; al-Baqarah, 2: 40

Sikap jujur dan amanah merupakan contoh utama Baginda dalam urusan niaga. Baginda melayan semua orang terutamanya pengguna, Islam dan bukan Islam sama sahaja. Etiket seperti senyum, mesra, komunikasi baik, adil merupakan cara utama.³²⁶ Hakikat mesra pengguna ini selaras dengan gesaan al-Quran: “Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan.”³²⁷ Hakikat keadilan dalam transaksi perniagaan tergambar apabila pembeli dan penjual perlu jujur serta mempunyai pilihan atau khiyar selama mana belum berpisah. Sabdanya: Jika kedua-duanya jujur dalam urusniaganya, akan mendapat berkat, jika menyembunyikan sesuatu serta berbohong, maka hilanglah keberkatannya.³²⁸ Sehubungan dengan transaksi adil, Imam al-Ghazali mengingatkan usahawan agar sentiasa memerhati dan meneliti setiap urusan yang dilakukan bersama pelanggan. Andainya ia boleh menjawab setiap persoalan yang dikemukakan, maka fikirkanlah juga bagaimana ia harus menjawab persoalan yang dikemukakan di hari kiamat nanti.³²⁹

Impak bersikap adil dalam penggunaan harta dijelaskan oleh al-Quran sebagai orang yang mendapat rahmat dan nikmat Allah. Penggunaan harta yang betul pada jalan Allah berlaku dengan dua cara. Pertama, harta tersebut digunakan untuk manfaat diri sendiri serta keluarga. Sabda Rasulullah SAW: “Sesungguhnya, setiap harta yang dibelanjakan oleh seseorang terhadap dirinya, rumahtangganya, isterinya...merupakan satu sedekah”³³⁰ Kedua, harta tersebut digunakan juga untuk manfaat komuniti. Firman-Nya: “Dan pada harta-harta mereka, (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri

³²⁶ Detail mengenai etiket Islam, lihat Hisham Altalib, *Training Guide for Islamic Workers*. h. 43

³²⁷ Surah al-Nahl, 16: 90

³²⁸ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ*, bab izā bayyana al-bayʿān, hadis no. 1937, 1940, 1968; Muslim, *Ṣaḥīḥ*, bab al-Sidq fi al-bayʿ, hadis no. 2825

³²⁹ Nik Yusri Musa dan Nurullah Kurt, “Kerohanian Dalam Keusahawanan Islam: Perspektif Al-Ghazali Dalam Kitab Ihya’ ‘Ulum Al-Din,” h. 23

³³⁰ Riwayat Ahmad, *Musnad*, bab musnad Abi Ishak, hadis no. 1363; Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ*, bab ma ja’ inna al-a’mal bi al-niyah, hadis no. 53, meriwayatkan sabda Baginda: “Apabila seseorang membelanjakan harta terhadap ahli keluarganya, maka dikira sebagai sedekah.”

(daripada meminta).”³³¹ Maksudnya, harta yang didapati dibelanjakan secara adil dengan sebahagian darinya ada peruntukan terhadap orang yang memerlukan serta orang-orang miskin. Orang miskin ada yang meminta dan ada yang tidak meminta. Kata al-Dahak, mereka itu adalah orang yang tidak mempunyai harta.³³² Lantaran itu, dikatakan adil kerana harta tersebut digunakan pada jalan Allah untuk manfaat individu itu sendiri dan juga komuniti. Dalam hal ini, Ibn al-Qayyim al-Jauziah menjelaskan sebaik-baik harta ialah harta yang diusahakan secara baik dan dibelanjakannya pada jalan kebaikan. Manakala seburuk-buruk harta pula ialah yang didapati dengan jalan maksiat dan digunakannya pada jalan maksiat juga.³³³

Bersikap adil juga merujuk kepada penggunaan atau perbelanjaan harta secara pertengahan. Ia bermaksud harta yang digunakan perlulah secara sederhana serta tidak boros dan membazir, tetapi tidak pula sampai kedekut.³³⁴ Dalam hal ini, Allah berfirman: “Dan berikanlah kepada kerabatmu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau. Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya.”³³⁵ Ayat di atas menerangkan bahawa harta harus digunakan secara adil iaitu memberikan kepada yang berhak serta digunakan secara pertengahan iaitu tidak membazir. Perbuatan boros atau membazir tidak elok kerana menyerupai amalan syaitan. Membazir ialah menyalurkan harta bukan pada tempat yang berhak. Dalam hal ini kata Mujahid, andai dibelanjakan sedikit sahaja dalam perkara batil, dikira membazir. Tetapi jika dibelanjakan pada perkara hak sekalipun banyak tidak dianggap

³³¹ Surah al-Dhāriyāt, 51: 19

³³² Al-Ṣābūnī, *Mukhtaṣar Tafṣīr Ibn Kathīr*, h.3: 384

³³³ Al-Imām Syams al-Dīn Muḥammad bin Abī Bakr bin Ayyūb al-Zar’i al-Dimasyqī(1996), *al-Fu’ād Li Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah*, (Tahqīq Sa’id al-Liḥam), Beirut: Dār al-Fikr al-Lubnani, h. 151

³³⁴ Surah al-Furqān, 25: 67, “Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampau batasan dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.”

³³⁵ Surah al-Isrā’, 17: 26-27

membazir. Tegasnya, tiada pembaziran dalam kebaikan sepertimana tiada kebaikan dalam pembaziran.³³⁶

Ringkasnya, bersikap adil dalam aktiviti keusahawanan merupakan keadaan modal insan muslih. Sebaliknya, jika cara mendapatkan dan membelanjakan harta bertentangan dengan syariat dan mencabul fitrah seperti membazir, merupakan manusia rakus dan bertaraf mufsidin, bukannya usahawan terbaik.³³⁷

5.2.9. Profesional

Modal insan terbangun atau muslih juga bersikap profesional. Profesional bermaksud layak atau sesuai kepada orang yang profesional; cekap, mahir, atau terjamin.³³⁸ Atau mempunyai sifat-sifat yang menunjukkan terlatih dan mahir, seperti melakukan sesuatu secara keberkesanan, kemahiran dan tersusun.³³⁹ Dalam konteks kajian ini bermaksud, seseorang yang terlibat dengan keusahawanan melakukan urusan berasaskan kemampuan atau kemahiran yang diperlukan. Perlu diingat bahawa bidang keusahawanan cukup luas dan merangkumi seluruh aspek keperluan kehidupan manusia. Dengan demikian, tema dan proses kerja bidang keusahawanan banyak berkaitan dengan persoalan pengurusan.³⁴⁰ Pengurusan adalah proses kerja berseni melibatkan sumber manusia dan bukan manusia untuk mencapai matlamat dengan cekap dan berkesan.³⁴¹ Dengan demikian, proses pengurusan melibatkan aktiviti perancangan, kepimpinan, pemantauan, kawalan, komunikasi, membuat keputusan,

³³⁶ Al-Nasaft, *Tafsir al-Nasaft*, h. 621

³³⁷ Mohd Faizal P. Rameli, Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, dan Kalsom Ab. Wahab, "The Entrepreneurs Characteristic from al-Quran and al-Hadis," h. 192

³³⁸ *Oxford Dictionary*, di <https://en.oxforddictionaries.com/definition/professional>, entri *professional*

³³⁹ *Cambridge Dictionary*, di <http://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/professional>, entri *professional*

³⁴⁰ Buerah Tonggak dan Hussin Salamon, *Budaya Usahawan Berjaya*, h. 77

³⁴¹ Frederick W. Taylor (1974), *Scientific Management*. New York: Harper and Bross. h.2

penentuan matlamat, pemasaran, strategi, kos dan seumpamanya yang berkaitan dengan keusahawanan.³⁴²

Perlu diingat bahawa sikap profesionalisme usahawan Muslim tidak terlucah dari memiliki ketinggian nilai kerohanian seperti beriman dan bertakwa, adil, jujur dan bersyukur, serta berakhlak dan amal soleh yang telah dijelaskan di atas. Ciri lain seperti meningkatkan mutu kerja dan berorientasikan kecekapan dan daya pengeluaran,³⁴³ sanggup memikul risiko, mengenalpasti peluang dan seumpamanya.³⁴⁴ Termasuk juga sikap berdikari, daya kepimpinan, jaringan perniagaan, tadbir urus korporat serta kreatif dan inovatif.³⁴⁵

Kepentingan sikap profesional sebagai petunjuk kepada usahawan yang berjaya banyak dibahasakan oleh pengkaji. Rumusan dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa selain faktor kerohanian, kejayaan seseorang usahawan banyak bergantung kepada kemahiran kemahiran pengurusan dan pengkhususan di dalam membuat kerja.³⁴⁶ Iaitu ketepatan membuat keputusan, kreatif dan inovatif, keupayaan mengurus, bijak membaca masa depan, bermotivasi, berilmu dan keyakinan diri.³⁴⁷ Ringkasnya, ciri profesional merujuk kepada keadaan usahawan yang memiliki semangat berusaha untuk meyumbang kepada komuniti dengan cekap dan efisien dalam bidang keusahawanan

³⁴² Mohd Nasir Ripin, Zulkiflee Haron dan Zulkifli Mohd Yusoff, "Pengurusan Menurut al-Quran Berdasarkan Kisah Anbiya Bumi Mesir," h. 17

³⁴³ Lihat Adnan Alias dan Mohamed Dahlan Ibrahim, *Keusahawanan Islam*, h. 71-81

³⁴⁴ Buerah Tonggak dan Hussin Salamon, *Budaya Usahawan Berjaya*, h. 78-79

³⁴⁵ Ab. Mumin Ab Ghani dan Suhaili Sarif "Penerapan Budaya Keusahawanan Dalam Masyarakat Islam", Prosiding Seminar Keusahawanan Islam Peringkat Kebangsaan, Anjuran Jabatan Syariah dan Pengurusan, API, Universiti Malaya, pada 6 Sept. 2005

³⁴⁶ Lihat Nurul Huda Che Abdullah, Ramlee Mustapha (2009), "Kajian Kes usahawan Tani Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Bumiputera di Negeri Terengganu," h. 143-165; Mohd Hassan Bin Mohd. Osman (2007), "Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kejayaan Usahawan Kredit Mikro di negeri Johor," h. 9; Buerah Tunggak, Hussin Salamon & Baharin Abu (2011), "Keperluan Latihan dan Pendidikan Berterusan ke arah Pembangunan Usahawan Muslim Berteraskan Nilai Islam Di Malaysia," *Jurnal teknologi 55* (Sains Sosial), (Mei, 2011):121-144

³⁴⁷ Suhairimi Abdullah, "The Characteristics of Successful Entrepreneurs from Islamic Perspective," h. 322-345; Mohd Adib Abd Muin, Azizi Abu Bakar, dan Suhairimi Abdullah, "Model Usahawan Berjaya dalam Amalan Nilai-nilai Murni Keusahawanan Sosial Islam," h. 137

yang diceburi, di samping mencari rezeki untuk diri sendiri dengan cara dan matlamat untuk mendapat keredaan Allah.

Para anbiya bersikap profesional terhadap tugas asasi mereka sebagai utusan Allah untuk memberi khabar gembira dan menakutkan yang direalisasikan menerusi pelbagai lapangan kehidupan termasuk bidang keusahawanan. Komitmen mereka terhadap tugas tersebut dari segi masa, tenaga dan harta begitu terserlah. Lebih dari itu, perjuangan menegakkan kalimah Allah tersebut terpaksa mengharungi ranjau kesusahan, peperangan, terpisah dengan keluarga dan berkorban jiwa. Pun begitu, sekali mendapat wahyu Allah, selamanya tugas sebagai pembangun umat diperjuangkan. Matlamat dakwah mereka hanya satu, mengajak manusia beriman dengan Allah dan hari akhirat dengan meninggalkan sembah selain-Nya serta melakukan transformasi keimanan tersebut menerusi perlaksanaan perintah dan larangan-Nya dalam pelbagai aspek kehidupan.³⁴⁸ Hakikat ini sekadar contoh, terserlah apabila Yusuf memanfaatkan peluang berdakwah kepada dua orang rakan waktu dipenjarakan agar beriman kepada Allah dan hari akhirat.³⁴⁹

Berkaitan sikap profesional boleh difahami berdasarkan kisah nabi Yusof yang menafsirkan mimpi raja Hykos.³⁵⁰ Baginda menunjukkan kemampuan melakukan transformasi peristiwa dalam mimpi tersebut kepada perusahaan pertanian dalam rangka persediaan menabung makanan, boleh dianggap sebagai pakar perancangan ekonomi. Baginda telah menyediakan pelan tindakan dan proses kerja secara sistematik berasaskan formula pengurusan mapan. Kisah ini dirakamkan oleh al-Quran sebagai:

³⁴⁸ Nabi Muhammad SAW membangunkan modal insan atas asas akidah, akhlak dan syariat melalui implementasi di Madinah dengan strategi membina masjid, mempersaudarakan Muhajirin dan Ansar, membentuk negara dan piagam Madinah serta mempraktikkan dasar-dasar politik, ekonomi dan sosial. Lihat huraian Norhayati Hamzah (2010), "Pembangunan Modal Insan: Analisis Dari Sirah Nabi," dalam *Pembangunan Modal Insan & Tamadun Dari Perspektif Islam*, h. 111-128

³⁴⁹ Surah Yūsof, 12: 39-40; Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-Azīm*, h. 2: 478

³⁵⁰ 'Afif 'Abd al-Fattāḥ Ṭabbārah, *Ma'a al-Anbiyā'*, h.169

“Yusuf menjawab: "Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah dia pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan. Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun kemarau yang besar, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya; kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih)."Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan, dan padanya mereka dapat memerah (hasil anggur, zaitun dan sebagainya).”³⁵¹ Ayat ini menjelaskan tentang kepakaran Yusuf dalam aspek perancangan dengan menyarankan perusahaan pertanian dalam skala waktu dan bentuk besar, yakni tujuh tahun sebagai persediaan menghadapi kekurangan makanan akibat kemarau panjang.³⁵² Baginda juga menyarankan kualiti kerja ‘dengan menanam secara bersungguh-sungguh,’ dan menggunakan analisis persekitaran dalam strategi perancangan, iaitu musim kemarau dan lain-lain. Kemahiran baginda juga terserlah dengan penggunaan sistem jaringan kerja (net-working), iaitu ketua penyedia minuman raja yang menjadi teman di penjara.³⁵³

Proses pemantauan dan kawalan kerja pula boleh dianalisis dari kisah nabi Nuh yang membina kapal apabila Allah berfirman: “Dan buatlah bahtera dengan pengawasan serta kawalan kami, dan dengan panduan wahyu Kami (tentang cara membuatnya); dan janganlah engkau merayu kepada-Ku untuk menolong kaum yang zalim itu, kerana sesungguhnya mereka akan ditenggelamkan (dengan taufan).”³⁵⁴ Ayat ini menjelaskan bahawa proses pembinaan kapal itu memerlukan proses pemantauan dan kawalan. Iaitu Baginda melakukan proses pembinaannya melalui pemantauan dan kawalan dengan

³⁵¹ Surah Yusuf, 12: 47-49

³⁵² Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 268

³⁵³ ‘Afif ‘Abd al-Fattah Ṭabbārah, *Ma‘a al-Anbiyā’*, h. 180. Al-Quran surah Yūsuf, 12: 42, menyebut: “Sebutlah namaku di hadapan raja”. Namun awalnya, temannya terlupa sehingga berlaku peristiwa mimpi raja. Lihat Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur‘ān al-Azīm*, h. 2: 479

³⁵⁴ Surah Hūd, 11: 37

penerangan wahyu Allah. Ibn Abbas dipetik mengatakan bahawa cara membuat kapal tidak diketahui, lalu Allah mewahyukan cara dan bentuknya serta memantaunya.³⁵⁵ Dengan pemantauan sistem kerja tersebut, terhasillah bahtera yang terbaik, mampu belayar meredah gelombang besar setinggi gunung.³⁵⁶ Dalam konteks lain, sistem pemantauan dan kawalan digunakan oleh nabi Syuaib untuk mengekang amalan urusniaga dan aktiviti mungkar supaya kaumnya “menyempurnakan sukatan dan timbangan” serta tidak “berbuat kerosakan” di bumi Madyan.³⁵⁷

Dari segi kepimpinan, nabi Ibrahim meletakkan asas berharga kepada semua bentuk kepimpinan Islam. Gaya kepimpinan Baginda dengan misi melakukan pembaharuan ke arah kebaikan dengan membimbing kaumnya di Iraq yang sesat kepada beriman dengan Allah dan hari akhirat.³⁵⁸ Dalam konteks makro, pengaruh dan legasi kepimpinan Baginda diteruskan oleh anbiya lain seperti Lut di Jordan, Ismail dan Muhammad di Mekah; Ishak dan Yaakub serta Daud dan Sulaiman di Palestine, sementara Yusuf, Musa dan Haron membimbing masyarakat Mesir. Berdasarkan jaringan lokaliti ini mencerminkan seolah-olah gaya kepimpinan Baginda terus hidup dan berkembang. Biarpun Baginda wafat, hakikatnya gaya kepimpinan tersebut terserlah dalam kehidupan anbiya selepasnya itu.³⁵⁹ Malah, misi perubahan yang Baginda asaskan terus mekar hingga kini. Antara kemahiran kepimpinan yang ditekankan ialah penetapan objektif mentauhidkan Allah, arahan tugas, kerja

³⁵⁵ Al-Nasafi, *Tafsir al-Nasafi*, h. 496

³⁵⁶ Surah Hūd, 11: 42; Untuk melihat hubungan antara pemantauan serta kawalan dan penghasilan kerja berkualiti, lihat Fadilah Mansor (2006), “Kualiti Kerja Dalam Organisasi: Tinjauan Dari Perspektif Pengurusan Islam,” dalam *Dimensi Pengurusan Islam*, h. 56-60

³⁵⁷ Surah al-A‘raf, 7:85; Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafad*, h. 1: 238-239

³⁵⁸ Ibid, h. 1: 225; Muhammad Ahmad Kan‘an, *Qisas al-Anbiya*, h. 153-154. Ibrahim merupakan Imam kepada semua orang saleh. Dalam surah al-Baqarah, 2: 124: “Allah berfirman: "Sesungguhnya Aku melantikmu menjadi Imam (Pemimpin ikutan) bagi umat manusia". Nabi Ibrahim pun memohon dengan berkata: "(Ya Tuhanku!) Jadikanlah juga (apalah jua kiranya) dari keturunanku (pemimpin-pemimpin ikutan)". Allah berfirman: "(Permohonanmu diterima, tetapi) janji-Ku ini tidak akan didapati oleh orang-orang yang zalim." Lihat juga surah al-‘Ankabūt, 29: 27 dan al-An‘am, 6: 84-87

³⁵⁹ Lihat tajuk ‘Praktis Kemahiran’ dalam Bab 4 sebelum ini

berpasukan, komunikasi, delegasi kuasa, pengiktirafan, tanggung jawab dan risiko serta lain-lain.³⁶⁰

Selain itu, kisah nabi Sulaiman juga membuktikan bahawa penguasaan jaringan kerja, komunikasi dan penurunan kuasa menjadikan proses pengurusan lebih mudah dan berkesan. Ini terbukti menerusi keupayaan Baginda melakukan eksplorasi, komunikasi, dan melakukan jaringan kerja dengan banyak unsur serta bahasa alam. Impaknya, proses kerja menjadi lebih mudah, apabila burung menjadi pemantau, golongan manusia dan jin menjadi pekerja, manakala orang soleh serta afrit setia untuk kerja berpasukan.³⁶¹

Kisah pengembaraan ilmu nabi Musa dan Khidir pula menyajikan sikap profesional kedua belah pihak. Musa tegas menegur perbuatan Khidir yang dikira bertentangan dengan pegangannya.³⁶² Kisah pertemuan ‘bermakna’ tersebut boleh menatijahkan beberapa panduan dalam konteks pembangunan modal insan, khususnya berkaitan keusahawanan. Antara hikmahnya:³⁶³

- i. Kepentingan ilmu futuristik, di mana Khidir memilikinya dan tidak Musa
- ii. Antara dua kerosakan, pilih yang kecil mudarat dan besar manfaat, di mana Khidir menebuk perahu untuk survival usahawan perikanan
- iii. Mengurus harta untuk manfaat lebih besar ke arah kebaikan

³⁶⁰ Detail, lihat Iqbal Unus, “The story of Musa and Haron: Lessons to leadership,” di laman <http://www.islamist.org/index> (capaian Mac, 2006)

³⁶¹ Al-Khālidi, *al-Qaṣaṣ al-Qur’ānī*, h. 3: 497; Surah al-Anbiyā’, 21: 82. Surah Ṣad, 36-39, menyebut: “Maka (Kami kabulkan permohonannya lalu) Kami mudahkan baginya menggunakan angin yang bertiup perlahan-lahan menurut kemahuannya, ke arah mana sahaja yang hendak ditujunya; Dan (Kami mudahkan baginya memerintah) jin Syaitan; (ia memerintah) golongan-golongan yang pandai mendirikan bangunan, dan yang menjadi penyelam (bagi menjalankan kerja masing-masing). Dan jin-jin Syaitan yang lain dipasung dalam rantai-rantai belunggu. (serta Kami katakan kepadanya): " Inilah pemberian Kami (kepadamu), maka berikanlah (kepada sesiapa yang engkau suka), atau tahankanlah pemberian itu; (terserahlah kepadamu) dengan tidak ada sebarang hitungan (untuk menyalahkanmu).”

³⁶² Lihat kisah pertemuan dua insan ini dalam surah al-Kahf, 18: 66-82

³⁶³ Lihat Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 392-400

- iv. Perlunya simpanan wang atau harta untuk masa depan, di mana Khidir dirikan dinding tempat yang menjadi stor simpanan wang anak yatim.
- v. Impak doa orang soleh makbul dan keturunan mereka terpelihara.

Ringkasnya, sikap profesional para anbiya cukup banyak dan cukup relevan dalam konteks pembangunan modal insan seperti usahawan. Mereka menunjukkan contoh terbaik dalam hubungan dengan Allah dan hari akhirat, keperluan diri sendiri dan kebajikan masyarakat. Ciri tersebut merupakan suatu gambaran tepat kepada keadaan modal insan berkaitan keusahawanan yang terbangun.

5.3. Ciri-ciri Modal Insan Mufsidin

Untuk melihat lebih jelas keadaan modal insan terbangun, maka boleh difahami juga gambaran modal insan tidak terbangun, yakni mufsidin sebagai suatu perbandingan. Hakikat ini menepati penekanan al-Quran serta tugas anbiya sebagai pembawa berita gembira dan pemberi ingatan. Justeru kisah anbiya menyertakan bersama contoh modal insan muslihin dan lawannya, modal insan mufsidin. Mufsidin merujuk kepada keadaan modal insan berkaitan keusahawanan yang berada pada tahap rendah, hina dan melakukan kerosakan. Rata-rata keadaan mereka ini bertentangan dengan keadaan modal insan terbangun dengan ciri-ciri seperti bersyirik, mendustakan dakwah anbiya, takbur, sombong, jahil, zalim dan tenggelam dalam kemewahan harta dunia.

5.3.1. Syirik

Keadaan modal insan mufsidin diterajui oleh sifat syirik, iaitu lawan kepada bertauhid. Syirik secara literal bermaksud berkongsi atau bersekutu.³⁶⁴ Iaitu menyekutukan Allah menerusi keyakinan, ucapan atau perbuatan, seperti percaya atau mengakui wujudnya sekutu bagi Allah.³⁶⁵ Bersyirik juga membawa maksud mengadakan sembah atau ketundukan kepada selain Allah sama ada dalam bentuk mendua atau mensekutukan-Nya secara Zat ataupun sifat-Nya.³⁶⁶ Juga syirik terhadap impak tuntutan kepada keagongan-Nya, seperti dalam penciptaan Allah, dalam ibadah, pengurusan dan pemerintahan, penetapan hukum-hakam dan mensyirikkan Allah sebagai pemberi rezeki.³⁶⁷ Dalam hal ini, Allah berfirman: “Dan katakanlah: "Segala puji tertentu bagi Allah yang tiada mempunyai anak, dan tiada bagi-Nya sekutu dalam urusan kerajaan-Nya, dan tiada bagi-Nya penolong disebabkan sesuatu kelemahan-Nya; dan hendaklah engkau membesarkan serta memuliakan-Nya dengan bersungguh-sungguh!”³⁶⁸ Ayat ini merumuskan bahawa syirik tidak bermaksud tidak mempercayai kewujudan Allah, tetapi dalam masa yang sama mengakui ada tandingan bagi Allah.³⁶⁹

Sembahan selain Allah itu datang dalam pelbagai bentuk seperti sembah berhala yang berlaku kepada masyarakat Arab Jahiliah, atau umat Ibrahim.³⁷⁰ Ada juga datang dalam bentuk mempercayai ketigaan Tuhan seperti fahaman trinit, Kristian dan trimurti, Hindu.³⁷¹ Atau fahaman antropomorfik, iaitu mensifatkan Allah dengan sifat

³⁶⁴ Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, entri *syirk*, di di <http://www.maajim.com/dictionary/شريك>

³⁶⁵ Al-Fayyūmī, *al-Miṣbāh al-Munīr*, h. 1: 311

³⁶⁶ Bertentangan dengan hakikat iman yang mentauhidkan Allah, syirik pula mensekutukan-Nya, seperti penjelasan surah al-Anbiyā’, 21: 22, “Kalau ada di langit dan di bumi tuhan-tuhan yang lain dari Allah, nescaya rosaklah pentadbiran kedua-duanya. Maka (bertauhidlah kamu kepada Allah dengan menegaskan): Maha suci Allah, Tuhan yang mempunyai Arasy, dari apa yang mereka sifatkan.”

³⁶⁷ Lihat huraian maratib syirik oleh Ramli Awang, *Akidah Kehidupan Muslim*, h. 242-246

³⁶⁸ Surah al-Isrā’, 17: 111

³⁶⁹ Surah al-Syu‘arā’, 26: 71; Lihat ‘Afif ‘Abdul Fattāh Tabbārah, *Ma‘a al-Anbiyā’*, h. 303-305

³⁷⁰ Misalnya surah al-An‘ām, 6: 74. Berhala paling berpengaruh bagi masyarakat Jahiliah adalah Hubal serta Manat, Lata dan Uzza. Lihat Philip K. Hitti (1961), *History of the Arab From The Earliest Times To The Present*, London: Macmillan & Co. Ltd, h. 96-98; Martin Lings (1995), *Muhammad his life based on the earliest sources*, Cambridge: The Islamic Text Society, h. 15-16

³⁷¹ Surah al-Mā‘idah, 5: 73; Dinamakan Trinity kerana di samping Allah, Kristian atau Nasrani mempercayai Jesus dan Ruh al-Qudus sebagai Tuhan. Manakala konsep Trimurthy Hindu mempercayai ketigaan Tuhan Brahma, Vishnu dan Siva. Lihat Ramli Awang, *Akidah Kehidupan Muslim*, h. 74-79

bakhlil seperti perlakuan Yahudi.³⁷² Begitu juga dengan falsafah dualisme, seperti penganut Zoroastriarisme, yang mempercayai Tuhan Gelap dan Tuhan Cahaya. Begitu juga dengan aliran Panthisme, yang menganut falsafah kesatuan wujud antara Tuhan dan makhluk.³⁷³ Anihnya, alasan melakukan kesyirikan dengan menyembah berhala atau lain-lain unsur alam tersebut kerana ingin menghampiri Allah dengan lebih dekat.³⁷⁴ Ada juga fahaman yang tidak mensekutukan Allah, tetapi menolak terus kewujudan-Nya, seperti pegangan Dahriyun atau Atheis.³⁷⁵

Penyembahan kepada selain Allah serta penolakan terhadap kekuasaan dan sifat-Nya itu, mengakibatkan pula penolakan terhadap segala bentuk peraturan yang diperintahkan Allah untuk dilaksanakan serta larangan-Nya untuk ditinggalkan. Sebaliknya, keadaan manusia bersyirik kepada Allah menyebabkan mereka meninggalkan suruhan dan melakukan larangan-Nya. Al-Quran menggambarkan keadaan kelompok mufsidin dengan pelbagai istilah seperti musyrikin, kafirin, munafikin dan fasikin.³⁷⁶

Tegasnya, syirik merujuk kepada mensekutukan Allah serta menolak cara hidup berdasarkan kepada perintah Allah. Ia termasuklah dengan memberikan ketaatan kepada selain Allah tanpa izin-Nya. Misalnya, memberikan ketaatan terhadap syaitan, sedangkan syaitan adalah musuh yang nyata dan Allah menyuruh menyembah-Nya sebagai jalan yang lurus.³⁷⁷ Begitu juga ketaatan terhadap manusia lain seperti kepada rahib-rahib, atau menjadikan hawa nafsu sebagai tuhan.³⁷⁸ Menjadikan hawa nafsu sebagai Tuhan maksudnya, mendahului kehendak nafsu seperti cintakan pangkat, harta

³⁷² Surah al-Mā'idah, 5: 64

³⁷³ Ramli Awang, *Akidah Kehidupan Muslim*, h. 76-82

³⁷⁴ Misalnya, surah al-Zumar, 39: 3, menyebut, "kami tidak menyembah berhala-berhala tersebut melainkan supaya mereka menghampirkan kami kepada Allah dengan lebih dekat."

³⁷⁵ Surah al-Jāthiah, 45: 24

³⁷⁶ Lihat misalnya surah al-Nūr, 24: 55 ; al-Nisā', 4: 138-139

³⁷⁷ Surah Yasīn, 36: 60-61

³⁷⁸ Surah al-Taubah, 9: 31, dan al-Jāthiah, 45: 23

dan wang serta memuja tokoh tertentu mengatasi kehendak Allah.³⁷⁹ Manakala menjadikan rahib-rahib sebagai Tuhan pula ialah dengan mentaati atau mengikuti perintah rahib yang menghalal dan mengharamkan sesuatu bertentangan dengan wahyu Allah.³⁸⁰

Bahaya kesyirikan amat jelas lantaran bertentangan dengan dakwah para anbiya yang mengajak manusia mentauhidkan Allah dan menolak segala jenis taghut.³⁸¹ Sebaliknya, bersyirik itu ialah penghayatan segala bentuk taghut. Taghut ialah segala jenis keburukan dan perkara yang melampaui batas yang boleh memalingkan manusia dari mengabdikan diri kepada Allah, sama ada yang ditimbulkan oleh manusia, jin atau syaitan.³⁸² Dalam hal ini, Ibn Taymiah mengatakan taghut itu umum dan boleh berupa dalam bentuk sembah, ikutan dan ketaatan kepada selain Allah. Contohnya seperti syaitan, pemerintah yang zalim, berhukum selain hukuman Allah, dakwaan mengetahui perkara ghaib dan sesuatu sembah selain Allah dengan rela.³⁸³ Ringkasnya, ia merupakan segala hukum dan peraturan yang bertentangan atau tidak bersandarkan kepada al-Quran dan Sunnah.³⁸⁴

Dalam konteks keusahawanan, keadaan insan yang bersyirik dengan Allah memperlihatkan pemahaman tentang konsep rezeki, sumber pendapatan, transaksi urusan niaga dan perbelanjaan bukan setakat tidak menepati aturan Allah, malah bertentangan dengan kehendak-Nya.³⁸⁵ Berdasarkan kisah anbiya, modal insan terbabit bertindak menentang hukum Allah dan ajaran para anbiya dengan pelbagai cara.

³⁷⁹ Ramli Awang, *Akidah Kehidupan Muslim*, h. 61. Bertentangan dengan sabda Rasulullah: "Tidak sempurna iman seseorang kamu sehinggalah hawa nafsunya mengikuti apa yang aku datangkan." Lihat al-Nawawi (t.th), *Matan al-Arba'īn al-Nawawīyyah*, Penang: The United Press, h. 64, hadis no. 41

³⁸⁰ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, h. 2: 349

³⁸¹ Surah al-Nahl, 16: 36

³⁸² Ramli Awang, *Akidah Penghayatan Tauhid al-Quran*, h. 20

³⁸³ Ibn Taymiah dan Muhammad bin Abdul Wahhab (1979), *Majmu'ah al-Tawhid*, Kaherah: Dar al-Fikr, h. 14-15

³⁸⁴ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, h. 1: 519

³⁸⁵ Joni Tamkin Borhan, "Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam," h. 96

Hakikat ini boleh diperhatikan melalui kisah Musa yang menyeru Firaun dan kaumnya yang tidak beriman, yang menggunakan segala kemewahan harta ke arah kesesatan.³⁸⁶ Rakaman al-Quran: “Dan nabi Musa pula (merayu dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau telah memberikan kepada Firaun dan ketua-ketua kaumnya barang-barang perhiasan dan harta benda yang mewah dalam kehidupan dunia ini. Wahai Tuhan kami! (kemewahan yang Engkau berikan kepada mereka) akibatnya menyesatkan mereka dari jalan-Mu (dengan sebab kekufuran mereka). Wahai Tuhan kami! Binasakanlah harta benda mereka dan meteraikanlah hati mereka (sehingga menjadi keras membatu), maka dengan itu mereka tidak akan dapat beriman sehingga mereka melihat azab yang tidak terperi sakitnya.”³⁸⁷ Yakni, Firaun dan ketua-ketua kaumnya diberikan limpahan kemewahan harta benda seperti alatan perkakas perhiasan serta wang kekayaan dan pelbagai nikmat lagi. Bagaimanapun, dengan sebab kekayaan tersebut mereka tidak beriman dengan Allah.³⁸⁸

Sepertimana Firaun yang membunuh anak lelaki,³⁸⁹ dalam kalangan masyarakat Jahiliyah ketika nabi Muhammad SAW diutuskan pula, amalan membunuh anak perempuan merupakan suatu kebiasaan.³⁹⁰ Kenyataannya, mereka membunuh anak perempuan kerana takut papa kedana. Mereka menyangka anak perempuan mendatangkan papa, padahal Allah yang menjamin rezeki. Dalam hal ini, Allah berfirman: “Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kepapaan; Kami yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu. Sesungguhnya perbuatan membunuh mereka adalah satu kesalahan yang besar.”³⁹¹ Ayat ini menjelaskan larangan membunuh anak-anak, yakni anak perempuan lantaran takut papa kerana yang memberi rezeki adalah Allah. Larangan ini selaras dengan tegahan

³⁸⁶ Afif ‘Abdul Fattah Ṭabbārah, *Ma‘a al-Anbiyā’*, h. 237

³⁸⁷ Surah Yūnus, 10: 88

³⁸⁸ Al-Nasafī, *Tafsīr al-Nasafī*, h. 483

³⁸⁹ Al-A‘rāf, 7: 127 dan 7: 141

³⁹⁰ Surah al-Naḥl, 16: 58

³⁹¹ Surah Isrā, 17: 31

mensekutukan-Nya serta lain-lain kejahatan.³⁹² Perbuatan membunuh tersebut mengandung sekurang-kurangnya dua kesalahan utama. Pertama, membunuh, dan kedua, mensyirikkan Allah iaitu dengan mengingkari bahawa Allah sahaja yang memberikan rezeki kepada mereka, ayah dan anak yang dibunuh.³⁹³

Dalam konteks yang lain, mereka yang melakukan syirik memandang urusan pencarian harta dengan aktiviti usahawan atau perniagaan lebih penting dan utama dalam kehidupan dari mengingati Allah. Dengan kata lain, mereka menjadikan perniagaan sebagai matlamat hidup. Mereka adalah golongan yang terpengaruh dengan fahaman materialistik dan bertuhankan hawa nafsu dengan gelaran fasik. Firman Allah: “Katakanlah (Wahai Muhammad): "Jika bapa-bapa kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan isteri-isteri (atau suami-suami) kamu, dan kaum keluarga kamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, - (jika semuanya itu) menjadi perkara-perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan Rasul-Nya dan (daripada) berjihad untuk agama-Nya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusan-Nya (azab seksa-Nya); kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik (derhaka).”³⁹⁴ Ayat di atas merupakan suatu bentuk perbandingan antara keadaan orang beriman dan bersyirik. Allah meminta Rasulullah SAW mengingatkan orang beriman supaya tidak terpengaruh dengan cara hidup orang zalim dan munafik yang bakal mengundang azab. Ini adalah kerana golongan tersebut meletakkan Allah dan Rasul serta berjihad di belakang kepentingan harta dunia seperti keluarga, perusahaan dan perniagaan lantaran bimbangkan kerugian.³⁹⁵ Dalam hal ini, suatu ketika Umar al-Khattab pernah berkata kepada Rasulullah SAW bahawa Baginda

³⁹² Surah al-An‘ām, 6: 151; Juga al-Mumtaḥanah, 60: 12; al-Takwīr, 81: 8-9

³⁹³ Al-Ṣābūnī, *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr*, h. 2: 375-376

³⁹⁴ Surah al-Taubah, 9: 24

³⁹⁵ Al-Nasafī, *Tafsīr al-Nasafī*, h. 430

lebih dicintainya dari sesuatu kecuali dirinya sendiri. Baginda menegaskan bahawa seseorang itu tidak beriman melainkan diri Baginda lebih dicintai dari dirinya sendiri. Mendengar sabda tersebut, Umar terus menegaskan bahawa mulai sekarang Baginda lebih dicintai olehnya dari yang lain termasuk dirinya sendiri. Lalu Rasulullah membenarkannya.³⁹⁶

Senario di atas menjelaskan bahawa golongan yang membelakangkan aturan Allah dan mengambil selain itu sebagai panduan dan cara hidup disebut munafikin. Mereka ialah golongan yang berpura-pura beriman tetapi sebenarnya bersyirik, dan dimurkai oleh Allah dengan janji siksaan.³⁹⁷ Al-Quran mengumpamakan keadaan mereka seperti orang yang kerugian kerana menjual hidayah dengan kesesatan. Firman-Nya: “Mereka itulah orang-orang yang membeli kesesatan dengan meninggalkan petunjuk; maka tiadalah beruntung perniagaan mereka dan tidak pula mereka beroleh petunjuk hidayah. Perbandingan hal mereka (golongan yang munafik itu) samalah seperti orang yang menyalakan api; apabila api itu menerangi sekelilingnya, (tiba-tiba) Allah hilangkan cahaya (yang menerangi) mereka, dan dibiarkannya mereka dalam gelap-gelita, tidak dapat melihat (sesuatu pun). Mereka (seolah-olah orang yang) pekak, bisu dan buta. Dengan keadaan itu mereka tidak dapat kembali (kepada kebenaran).”³⁹⁸

Golongan munafik merupakan mereka yang meninggalkan hidayah dan mengambil kesesatan, seseolah peniaga yang membeli kesesatan dan meninggalkan hidayah. Ini kerana asalnya mereka beriman, tetapi dengan meninggalkannya menjadi kafir. Seumpama peniaga yang inginkan keuntungan, tetapi sebaliknya perniagaan mereka

³⁹⁶ Al-Şābūnī, *Mukhtaşar Tafşır Ibn Kathır*, h. 2: 131

³⁹⁷ Surah al-Baqarah, 2: 8, “Dan di antara manusia ada yang berkata: “Kami telah beriman kepada Allah dan kepada hari akhirat”; padahal mereka sebenarnya tidak beriman.”; Janji azab Allah dalam surah al-Nisā’, 4: 138-139

³⁹⁸ Surah al-Baqarah, 2: 16-18

merugikan lantaran hidayah telah dijual.³⁹⁹ Tiada lagi jalan memperoleh keuntungan kerana dengan kesesatan seseolah tertutup rapat cahaya kebenaran yang telah padam.

Konsep bersyirik banyak merujuk kepada menyembah Allah dengan sesuatu yang lain dan menolak peraturan-Nya dalam kehidupan harian. Hakikat ini sebenarnya berlaku sepanjang sejarah kehidupan. Amalan masyarakat Jahiliyah pada masa nabi Muhammad SAW tidak menolak wujudnya Allah, tetapi mereka mematikan peranan Tuhan dalam kehidupan. Perkara yang sama turut terjadi pada masa kini. Hari ini, ramai manusia tidak lagi menyembah patung berhala secara fizikal. Namun, konsep kesyirikan berlaku dalam bentuk pelbagai fahaman moden seperti liberalisme, kapitalisme dan berbagai-bagai isme lagi yang berindukkan dari sekularisme.⁴⁰⁰ Mereka tidak menolak kewujudan Allah tetapi segala aturan dan hukum hakam Allah tidak berfungsi dalam seluruh aktiviti kehidupan. Apa yang jelas berperanan ialah segala keupayaan akal dan fakulti manusia seperti pancaindera, pengalaman hidup dan sebagainya yang mengatasi atau bertentangan dengan kehendak Allah. Dalam konteks ini, fahaman kapitalisme Barat sebagai contoh, mengamalkan sistem ekonomi berasaskan riba berjaya menakluk sebahagian besar amalan ekonomi dan keusahawanan dunia. Motif mereka hanya satu, membuat seberapa banyak keuntungan material dengan pelbagai cara bersandarkan kepada slogan 'the end justifies the means.'⁴⁰¹

³⁹⁹ Al-Nasaft, *Tafsir al-Nasaft*, h. 28-29

⁴⁰⁰ Sekularisme adalah fahaman berasal dari ajaran Kristian yang memisahkan ajaran agama dari kehidupan. Lihat Joyc M. Hawkins (1986) (editor), *The Oxford Reference Dictionary*, Oxford: Clarendon Press, h. 749. Dengan langkah penjajahan, dunia Islam terpaksa menerima ideologi barat ini dalam semua aspek hidup. Lihat Muhammad al-Bāhī (1973), *al-Fikr al-Islāmi al-Hadith wa Silātuhi bi al-Isti'mar al-Gharbi*, Beirut: Dār al-Fikr, h. 29-37

⁴⁰¹ Idea yang diperkenalkan oleh failasuf Barat, Nicholo Michevelli ini membenarkan apa sahaja tindakan sekalipun buruk dengan matlamat untuk mendapat sesuatu yang baik. Lihat *McGraw-Hill Dictionary of American Idioms and Phrasal Verbs* (2002), The MacGraw-Hill Companies, Inc. at: [Http://idioms.thefreedictionary.com](http://idioms.thefreedictionary.com). Huraian lanjut impak syirik terhadap cara hidup, lihat Ramli Awang, *Akidah Kehidupan Muslim*, h. 173-247

Bersyirik kepada Allah merupakan hasil dari pekerjaan hati, lidah dan anggota badan. Ia menjadi petunjuk kepada modal insan mufsidin lantaran perbuatan tersebut disamakan sebagai perbuatan yang zalim yang besar.⁴⁰² Dalam hal ini, al-Quran juga mengumpamakan orang bersyirik dan kafir sebagai zalim serta najis.⁴⁰³ Hakikatnya, kezaliman merupakan suatu darjat yang kotor secara dalaman dan luaran, mendatangkan impak keburukan bukan sahaja kepada diri sendiri, tetapi juga orang lain. Ini adalah kerana dengan menolak kebenaran dan melakukan keburukan, mereka terjatuh ke lembah kehinaan dengan melakukan maksiat, *su'*, kejelekan dan berbuat *fasad*, kerosakan.⁴⁰⁴ Ibarat peniaga, golongan ini tidak mendapat keuntungan, malah melakukan amal yang sia-sia dan merugikan dan bakal mendapat azab Jahannam di akhirat.⁴⁰⁵ Sebaliknya, bagi mereka yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, mereka akan mendapat kejayaan. Lantaran itu, bagi “sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal soleh dan janganlah ia mempersekutukan sesiapa pun dalam ibadatnya terhadap Tuhannya.”⁴⁰⁶

Tegasnya, impak dari perbuatan syirik bukan sahaja menjadi ciri modal insan mufsidin, tetapi juga membawa kerugian. Hakikat ini termaktub dalam kisah nabi Sulaiman dengan ratu Balkis yang mempunyai negeri Saba' yang makmur dengan hasil pertanian dan sumber air dari empangan Maarab.⁴⁰⁷ Bagaimanapun, lantaran modal

⁴⁰² Surah Luqmān, 31: 13, “Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), Sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar.”

⁴⁰³ Surah al-Baqarah, 2: 254 ; Hūd, 11: 113; al-Taubah, 9: 28. Ibn Qayyim membahagikan syirik kepada besar dan kecil dan kaitannya dengan najis yang memberi impak buruk kepada kehidupan manusia. Lihat Soleh Ahmad al-Shāmī (penyusun) (2007), *Tibb al-Qulūb Li Imām Ibn Qayyim al-Jauziyah*, Damsyiq: Dār al-Qalam, h. 179-180

⁴⁰⁴ Lihat misalnya surah al-Anbiyā', 21: 74; al-A'rāf, 7: 85; Hūd, 11: 84-85.

⁴⁰⁵ Surah al-Kahfi, 18: 103-106; Surah al-Mu'minūn, 23: 117, menyebut: “Dan sesiapa yang menyembah Tuhan yang lain bersama-sama Allah, dengan tidak berdasarkan sebarang keterangan mengenainya, maka sesungguhnya hitungannya (dan balasan amalnya yang jahat itu) disediakan di sisi Tuhannya. Sesungguhnya orang-orang yang kafir tidak akan berjaya.”

⁴⁰⁶ Surah al-Kahfi, 18: 110

⁴⁰⁷ Lihat surah Saba', 34: 15; Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, h. 3: 700

insan, yakni penduduknya bertindak mensekutukan Allah, sumber air menjadi kering mengakibatkan negeri yang makmur dengan tamadun yang hebat tersebut runtuh.⁴⁰⁸

5.3.2. Takbur

Impak dari bersyirik dengan Allah, golongan mufsidin beraksi dengan pelbagai ragam akhlak yang buruk seperti takbur. Takbur berkait dengan perasaan tinggi diri yang menganggap diri sendiri lebih mulia, atau seseorang melihat dirinya serba lebih berbanding orang lain.⁴⁰⁹ Lalu dia memandang rendah terhadap orang lain. Ini bermakna dengan takbur melahirkan kemegahan diri, sombong, riyak dan melampaui batas. Tegasnya, dengan takbur seseorang merasakan bongkak dan memandang rendah kemampuan orang lain yang akhirnya terjerumus dalam pelbagai ragam keburukan.⁴¹⁰ Jadi, takbur menceritakan keadaan hati golongan mufsidin yang dimanifestasikan menerusi kemegahan perbuatan atau perkataan lantaran melihat diri memiliki kesempurnaan.⁴¹¹ Berbeza dengan sifat orang Mukmin yang menghadkan sifat kebesaran diri, angkuh dan sombong hanya milik Allah, lalu dia merendah diri dengan tawaduk, tetapi orang bertakbur bersifat sebaliknya. Firman-Nya: “Demikianlah Allah meteraikan atas hati tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi bermaharajalela pencerobohnya!”⁴¹² Tegasnya, takbur adalah tidak mahu menerima kebenaran kerana

⁴⁰⁸ Joni Tamkin Borhan dan Muhammad Ridhwan Ab. Aziz (2009), “Agriculture and Agribusiness From The Perspective of al-Qur’an and al-Sunnah,” *Jurnal Usuluddin*, Bilangan 30, Julai – Disember, 2009, h. 329-330

⁴⁰⁹ Al-Ghazalī, *al-Arba‘īn Fī Uṣūl al-Dīn*, h. 164

⁴¹⁰ Abdul Karim Zaidan, *Uṣūl al-Da‘wah*, h. 181

⁴¹¹ Ibn Qudāmah al-Maqdisī, *Mukhtaṣar Minhāj al-Qāṣidīn*, h. 227. Beliau membahagikan takbur kepada pertama, hati merasakan dirinya lebih dari orang lain. Kedua, perbuatan ingin dimuliakan dalam majlis, dan ketiga, perkataan yang menzahirkan kesombongan. Lihat ibid, h. 229

⁴¹² Surah al-Mu‘min, 40: 35

memandang diri besar dan dalam masa yang sama meremehkan orang lain.⁴¹³ Lantaran itu, bersikap takbur adalah ditegah sama sekali bagi Mukmin.⁴¹⁴

Faktor manusia bersikap takbur lantaran merasa takjub dengan kehebatan diri sendiri kerana memiliki kelebihan ilmu, harta, kedudukan, darjat, keturunan, pengikut dan teman.⁴¹⁵ Pada hal dia sebenarnya sombong, lupa dan jahil bahawa semua itu adalah nikmat kurniaan Allah. Dalam konteks ini, al-Quran merakamkan: “Ingatlah! Sesungguhnya jenis manusia tetap melampaui batas (yang sepatutnya atau yang sewajibnya). Dengan sebab ia melihat dirinya serba cukup terhadap apa yang dihajatnya.”⁴¹⁶ Dikatakan ayat ini diturunkan kepada musyirikin Quraisy, khususnya kepada Abu Jahal yang melihat dari dalam hatinya serba cukup dan hebat.⁴¹⁷

Dalam kisah anbiya terdapat banyak peristiwa berkaitan dengan sikap takbur penentang kebenaran, terutamanya dari pemuka-pemuka kaum.⁴¹⁸ Umpamanya, pemuka-pemuka Quraisy seperti al-Walid bin Mughirah, merasakan kehebatan yang dimilikinya dengan status kepimpinan dan kekayaan menyebabkan beliau terus menentang dakwah Rasulullah SAW, meskipun terlintas tentang kebenaran yang dibawa Baginda.⁴¹⁹ Firman Allah: “Dan Aku jadikan baginya harta kekayaan yang banyak. Serta anak pinak (yang ramai), yang sentiasa ada di sisinya. Dan Aku mudahkan baginya (mendapat kekayaan dan kekuasaan) dengan semudah-

⁴¹³ Ahmad Farid, *Tazkiyatun al-Nafs*, h. 122

⁴¹⁴ Surah Luqman, 31: 18, 18. "Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong; Sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membanggakan diri."

⁴¹⁵ Ibn Qudāmah al-Maqdisī, h. 211; Ahmad Farid, h. 122-123; Abdul Karim Zaidan, *Uṣūl al-Da'wah*, h. 182

⁴¹⁶ Surah al-‘Alaq, 96: 6-7

⁴¹⁷ Al-Nasaḫī, *Tafsīr al-Nasaḫī*, h. 1362

⁴¹⁸ Misalnya kepada pemuka kaum Nuh, istilah al-mala' digunakan al-Quran surah Hūd, 11: 27

⁴¹⁹ Selain beliau dan Abu Jahal bin Hisham, antara pemuka Quraisy lain seperti Utbah bin Rabiah, Abu Sufyan bin Harb, Ash bin Wa'il, Ubayy bin Khalaf, Nabih bin Hajjaj, Zam'ah bin Aswad, Nadhar bin Harith, Aswad bin Abd Yaghuts, Abdullah bin Umayyah dan lain-lain. Lihat K.H. Moenawar Chalil, *Kelengkapan Tarikh Nabi Muhammad SAW*, h.1: 30, dan kisah penentangan mereka h.1: 95-126. Kisah penentangan tersebut terdapat dalam surah al-Muddathir, 74: 11-26

mudahnya.”⁴²⁰ Beliau merupakan usahawan yang memiliki ladang pertanian yang tidak putus berbuah dan perniagaan dengan anggaran Mujahid, memiliki kekuatan kewangan sekitar 100 ribu dinar. Maka sempurnalah kehebatan dunia yang dimilikinya: Harta dan kuasa.⁴²¹ Ayat ini ditujukan kepada beliau yang datang menemui Baginda untuk menawarkan pelbagai pilihan keduniaan agar tidak lagi berdakwah. Namun semua tawaran ditolak dan Baginda membacakan ayat-ayat al-Quran yang baru diturunkan.⁴²² Meskipun dia terasa ada kebenaran dalam dakwah tersebut, tetapi status kepimpinan dan kesombongan yang memisahkannya. Apabila bertemu kaumnya, dia merekacipta satu istilah: “(Al-Quran) ini tidak lain hanyalah sihir yang dituntut serta dipelajari (dari ahli-ahlinya); "Ini tidak lain hanyalah kata-kata (rekaan) manusia!”⁴²³

Dalam peristiwa lain, pemuka Quraisy terus berbangga dengan kedudukan dan kekayaan mereka dan memperlekehkan pula kedudukan nabi Muhammad SAW sebagai Rasul yang miskin dan yatim. Sikap takbur mereka dirakamkan al-Quran sebagai: “Dan mereka pula berkata: "Mengapa Rasul ini makan minum dan berjalan di pasar-pasar (seperti manusia yang lain)? Sepatutnya diturunkan malaikat kepadanya, supaya malaikat itu turut memberi peringatan dan amaran bersama-sama dengannya (sebagai saksi yang membenarkannya). "Atau diberikan perbendaharaan harta benda kepadanya, atau ia mempunyai sebuah kebun untuk ia makan hasilnya". Dan orang-orang yang zalim itu berkata pula (kepada orang-orang yang beriman): "Sebenarnya kamu hanyalah menurut seorang yang tidak siuman.”⁴²⁴ Ayat di atas menjelaskan tentang sikap takbur kaum Musyrikin dengan menghina Rasulullah melalui empat anjuran. Pertama, apa jenis rasul ini makan dan berjalan di pasar seperti manusia biasa? Kedua, sepatutnya datang malaikat sebagai rasul atau penolong. Ketiga, biarlah rasul itu golongan

⁴²⁰ Surah al-Muddathir, 74: 12-14

⁴²¹ Al-Nasafi, *Tafsir al-Nasafi*, h. 1297

⁴²² Antaranya sebahagian surah Fuṣṣilat, 41: 1-14

⁴²³ Surah al-Muddathir, 74: 24-25

⁴²⁴ Surah al-Furqān, 25: 7-8

hartawan yang melimpah ruah harta kekayaan. Keempat, rasul itu sepatutnya usahawan yang memiliki ladang dan kebun yang berhasil. Begitupun, kebanggaan mereka itu disempurnakan dengan tuduhan terhadap Baginda sebagai tukang sihir gila.⁴²⁵ Dalam kisah lain, mereka juga memperlekehkan Baginda dengan mengatakan sepatutnya tugas kerasulan diberikan kepada pembesar Mekah dan Taif, bukannya Muhammad.⁴²⁶ Sikap angkuh dan takbur yang sama diperlihatkan oleh golongan Munafikin⁴²⁷ serta kaum Yahudi yang menolak atau mempermainkan seruan Nabi SAW, lantaran merasakan diri mereka berkuasa dan berharta.⁴²⁸

Cerita kesombongan pemuka kaum ini sebenarnya kitaran sejarah yang berlaku terhadap para anbiya sebelum itu. Pemuka kaum nabi Nuh menolak dakwah Baginda mentauhidkan Allah dan bertakwa, lantaran merasakan diri dan status mereka lebih hebat.⁴²⁹ Dalam hal ini, Allah menjelaskan:

“Maka berkatalah ketua-ketua yang kafir dari kaumnya: "Kami tidak memandangi (Wahai Nuh) melainkan sebagai seorang manusia seperti kami; dan kami tidak nampak golongan yang mengikutmu melainkan orang-orang kami yang miskin hina, lagi berfikiran singkat; dan kami juga tidak memandangi kamu (semua) mempunyai sebarang kelebihan yang mengatasi kami, bahkan kami menganggap kamu orang-orang pendusta.”
(Surah Hūd, 11: 27)

Ayat di atas menerangkan perihal pemuka kaum Nuh yang takbur lantaran sikap takjub dan merasakan diri mereka kaya dan berharta, serta mempunyai kedudukan tinggi berbanding Nuh. Takbur mereka itu dicirikan dengan beberapa keadaan. Pertama, Nuh manusia biasa, tidak wajar menjadi nabi. Kedua, pengikut Nuh hanya kaum miskin dan hina. Ketiga, kaum bawahan yang mengikut Nuh adalah orang yang rugi dan berfikiran singkat. Keempat, kaum atasan menolak Nuh kerana lebih mulia. Kelima, mereka

⁴²⁵ Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 2: 51

⁴²⁶ Surah al-Zukhruf, 43: 31-32; Juga Abdul Karim Zaidan, *Uṣūl al-Da‘wah*, h. 191

⁴²⁷ Surah al-Baqarah, 2: 204-206

⁴²⁸ Surah Āli ‘Imrān, 3: 181. Juga Abdul Karim Zaidan, *Uṣūl al-Da‘wah*, h. 192

⁴²⁹ Kisah kesombongan kaum Nuh lihat Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 138-144; Surah al-Mu‘minūn, 23: 23, menyebut: "Nabi Nuh kepada kaumnya lalu berkatalah ia: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah (sebenarnya) tidak ada Tuhan bagi kamu selain daripadanya. Oleh itu, tidakkah kamu mahu bertakwa kepada-Nya?"

merasa anih dengan seruan Nuh kerana tidak pernah mendengarnya sebelum ini dalam amalan nenek moyang mereka. Keenam, muktamad keangkuhan mereka dengan tuduhan bahawa Nuh orang gila dan sesat.⁴³⁰

Dalam kes kesombongan kaum nabi Hud pula, al-Quran merakamkan kisah berikut:

“Ada pun kaum Ad, maka mereka berlaku sombong takbur di muka bumi dengan tiada sebarang alasan yang benar, serta berkata: "Siapakah yang lebih kuat dari kami?" dan (Mengapa mereka bersikap demikian?) tidakkah mereka memerhatikan bahawa Allah yang menciptakan mereka (dari tiada kepada ada) adalah lebih besar kekuatan-Nya dari mereka? dan sememangnya mereka sengaja mengingkari tanda-tanda kekuatan Kami (sedang mereka sedia mengetahuinya).”

(Surah Fuṣṣilat, 41: 15)

Dalam ayat tersebut Allah menjelaskan fakta kesombongan kaum Ad terhadap seruan Hud agar meninggalkan keburukan kepada berbuat baik dan beriman dengan Allah. Namun seruan tersebut ditolak dengan penuh keangkuhan tanpa alasan kukuh. Lantaran merasakan kehebatan dengan ketinggian darjat serta kekuatan tubuh badan menjadi kebanggaan: "Siapakah yang lebih kuat dari kami?," yang menyebabkan mereka boleh meneroka ke serata pelusuk padang dan gunung ganang.⁴³¹ Keangkuhan mereka terserlah dengan aktiviti keusahawan yang berorientasikan kepada sumber empangan yang mereka bina seperti yang dirakamkan pada batu bersurat Hisn al-Ghurab. Kuasa empangan tersebut menjadi lambang kekuatan ekonomi dan kekuasaan politik mereka. Bagaimanapun, segala nikmat dan anugerah tersebut dibalas dengan sikap takbur.⁴³² Tambahan kepada keangkuhan mereka itu adalah sikap membazir dengan membina bangunan tinggi untuk bermegah-megah. Tegasnya, dengan imej bangunan dan

⁴³⁰ Afzalur Rahman, *Ensiklopedia Sirah*, h. 3: 226; ‘Afif ‘Abd al-Fattah Ṭabbārah, *Ma‘a al-Anbiyā’*, h. 116-117; Abdul Karim Zaidan, *Uṣūl al-Da‘wah*, h. 190; Lihat surah al-A‘rāf, 7: 60-63; Surah Nuh, 71: 2-4; Surah al-Mu‘minūn, 23: 24-26; Surah Saba, 34: 35

⁴³¹ Al-Nasafī, *Tafsīr al-Nasafī*, h. 1071

⁴³² Afzalur Rahman, *Ensiklopedia Sirah*, h. 3: 235

monumen tersebut, mereka adalah masyarakat pemuja kebendaan dan kemegahan.⁴³³ Apatah lagi, mereka menuduh pula Hud sebagai sesat dan bodoh,⁴³⁴ padahal merekalah sebenarnya yang bodoh.

Ciri kesombongan modal insan mufsidin dengan sikap takbur juga berlaku dalam ceritera berskala besar. Hakikat ini tergambar dalam kisah nabi Musa dan Harun yang berdakwah kepada Firaun serta pemuka kaum yang berbangga dengan kemewahan harta, kekuasaan politik, mempunyai ramai pengikut dan kemegahan bangunan berupa pasak-pasak yang besar.⁴³⁵ Al-Quran menggambarkan kemewahan mereka sewaktu mengejar Musa sebagai: “Banyak sungguh kebun-kebum dan matair, mereka tinggalkan. Dan juga berbagai jenis tanaman serta tempat-tempat kediaman yang indah – mulia. Dan juga kemewahan hidup, yang mereka sekian lama menikmatinya.”⁴³⁶ Malah, Firaun turut mengungkit jasa-jasanya seperti membesarkan Musa.⁴³⁷ Namun demikian, apabila diseru agar menyembah Allah yang Esa, mereka menolak dan menentang. Al-Quran menyebutkan: “Pergilah kamu berdua kepada Firaun, sesungguhnya ia telah melampaui batas dalam kekufurannya.”⁴³⁸ Kemegahan Firaun lantaran dilengkapi dengan kepatuhan pembantunya Hamman, Qarun, serta pembesar dan juga bala tenteranya serta tukang-tukang sihir.⁴³⁹ Urusan pemerintahan terletak di bahu Hamman, urusan perekonomian terletak di tangan Qarun, manakala urusan lain terletak pada tukang sihir.⁴⁴⁰ Maka, Musa berkata: “Hai Firaun! Sesungguhnya aku ini adalah seorang Rasul dari Tuhan sekalian alam. Sudah semestinya aku tidak mengatakan sesuatu terhadap

⁴³³ Ibid., h. 3: 236

⁴³⁴ Surah al-A‘rāf, 7: 66

⁴³⁵ Surah al-Fajr, 89: 12. Firaun adalah gelaran pemerintah Mesir dahulu dengan Raja Ramses II dan anaknya, Menpethah, adalah Firaun yang berkuasa ketika zaman nabi Harun dan Musa. Lihat ‘Afif ‘Abd al-Fattah Ṭabbārah, *Ma‘a al-Anbiyā’*, h. 217- 218, dan 241

⁴³⁶ Surah al-Dukhān, 44:25; Surah al-Syu‘arā’, 26: 57-58; “Dengan sebab itu maka Kami jadikan mereka (Firaun dan tenteranya) keluar meninggalkan kebun-kebum dan matair, dan juga khazanah-khazanah kekayaan serta tempat tinggal yang mulia.”

⁴³⁷ Surah al-Syu‘arā’, 26: 18-20

⁴³⁸ Surah Tāhā, 20: 43; 20: 24;

⁴³⁹ Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 316-318; Surah al-Qaṣaṣ, 28: 8, 28: 32, 28: 39

⁴⁴⁰ Al-Khālidī, *al-Qaṣaṣ al-Qur‘ānī*, h. 3: 400

Allah melainkan yang benar.”⁴⁴¹ Seruan Musa kepada Firaun agar meninggalkan kekufuran dan melakukan kerosakan, kepada menyembah Allah yang Esa untuk pengislahan, tetapi dianggap dusta oleh Firaun. Lantaran itulah Baginda menjelaskan bahawa sudah semestinya seruan Baginda hanya untuk mengatakan sesuatu yang benar terhadap Allah.⁴⁴²

Kemuncak keegoan Firaun adalah dengan mengaku sebagai Tuhan yang paling tinggi. Dia dan kaumnya mentertawakan Musa serta memperlekehkan Baginda dengan pelbagai cara.⁴⁴³ Pertama, Firaun memerintahkan supaya dibina bangunan tinggi untuk naik ke langit dan mencabar Tuhan Musa. Al-Quran merakamkan: “Dan Firaun pula berkata: Wahai orang-orangku! Aku tidak mengetahui ada bagi kamu sebarang Tuhan yang lain daripadaku. Oleh itu, Wahai Haman, bakarkanlah untukku batu-bata, serta binalah untukku bangunan yang tinggi, supaya aku naik melihat Tuhan Musa (yang dikatakannya itu); dan sesungguhnya aku percaya adalah Musa dari orang-orang yang berdusta.”⁴⁴⁴ Ayat ini menjelaskan kekufuran dan sikap ego Firaun yang mengaku sebagai tuhan sekaligus menegaskan bahawa dakwaan Musa ada tuhan lain adalah dusta. Perintahnya kepada Perdana Menteri Hamman untuk membina bangunan pencakar langit sekadar untuk menampakkan kekayaan, kekuatan serta kesombongan dirinya, dan dalam masa yang sama ingin menampakkan kebohongan dakwaan Musa kepada rakyatnya.⁴⁴⁵ Arahan Firaun ini juga untuk menunjukkan kewibawaan dan

⁴⁴¹ Surah al-A‘rāf, 7: 104-105

⁴⁴² Firaun berkenaan adalah Qabus atau al-Walid bin Mus‘ab. Lihat Al-Nasafi, *Tafsīr al-Nasafi*, h. 378. Ada kemungkinan ini adalah sebutan Arab dan nama Ramses II yang dijelaskan di atas adalah gelaran. Hakikat ini juga disokong oleh Abu Bakar al-Asy‘ari yang mengatakan Firaun tersebut adalah Ramses II dan anak ke-13nya, Menpethah merupakan Firaun yang banyak melakukan kerosakan dan melampaui batas dengan dengan mengaku Tuhan serta meperhambakan Bani Israel yang membina dua kota Pithum dan Birramases atau istana Ramses. Firaun tersebut juga yang mengejar Musa dan tenggelam dalam lautan. Lihat Abu Bakar al-Asy‘ari, *Sejarah Anbiya*, h. 2: 91-92

⁴⁴³ Surah al-Nāzi‘ah, 79: 24; Surah al-Zukhruf, 43: 47

⁴⁴⁴ Surah al-Qaṣaṣ, 28: 38; Juga surah Ghāfir, 40: 36-37

⁴⁴⁵ Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 324

mengaburi mata rakyatnya.⁴⁴⁶ Kedua, Firaun memperolok-olok seolah-olah dia nampak Tuhan Musa lalu memanah ke langit. Apabila panah tersebut jatuh, dia mendakwa Tuhan Musa telah binasa dengan panahannya.⁴⁴⁷

Ketiga, keangkuhan Firaun serta pembesar kaumnya tergambar dengan sindiran tajam. Misalnya, firman-Nya: “Dan Firaun pula menyeru (dengan mengisytiharkan) kepada kaumnya, katanya: "Wahai kaumku! Bukankah kerajaan negeri Mesir ini - akulah yang menguasainya, dan sungai-sungai ini mengalir di bawah (istana) ku? Tidakkah kamu melihatnya? Bahkan bukankah aku lebih baik daripada orang yang hina keadaannya ini, dan yang hampir-hampir tidak dapat menjelaskan perkataannya? (Kalau betul ia seorang Rasul) maka sepatutnya ia dipakaikan (oleh Tuhannya) gelang-gelang emas (yang menandakan ia seorang pemimpin), atau datang malaikat bersama-sama dengannya (sebagai saksi tentang kebenarannya)?”⁴⁴⁸ Ayat di atas sekadar menjelaskan sikap takbur dan sombong Firaun beserta kaumnya terhadap kenabian Musa dan Haron. Dia berhasrat memperdayakan kaumnya bahawa dirinya lebih layak membawa kebenaran berbanding Musa.⁴⁴⁹ Dia mendakwa semua kuasa dan kekayaan bumi Mesir, daratan dan sungainya di bawah miliknya. Lantaran itu, dia lebih mulia dari Musa yang dianggap hina. Jika tidak, sudah tentu Musa datang sebagai Rasul penuh kemuliaan dengan pakaian kemewahan seperti gelang emas atau datang dengan iringan malaikat.⁴⁵⁰

Hakikatnya, sikap takbur Firaun tidak berkesudahan, malah ingin memenjarakan Musa, jika tidak membawa bukti kebenaran dakwaan sebagai Nabi. Bagaimanapun, apabila Baginda Musa menggunakan mukjizat tangan dan tongkat sebagai bukti

⁴⁴⁶ ‘Afif ‘Abd al-Fattah Ṭabbārah, *Ma‘a al-Anbiyā’*, h. 229

⁴⁴⁷ Firaun naik ke atas menara dan melepaskan panah yang terlebih dahulu disapu darah. Apabila panah tersebut kembali semula, kaumnya melihat panah tersebut berlumuran darah melambangkan Tuhan Musa telah binasa. Lihat ‘Afif ‘Abd al-Fattah Ṭabbārah, *Ma‘a al-Anbiyā’*, h. 229

⁴⁴⁸ Surah al-Zukhruf, 43: 51-53.

⁴⁴⁹ Abdul Karim Zaidan, *Uṣūl al-Da‘wah*, h. 197

⁴⁵⁰ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, h. 4: 129; Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 325

kerasulan, keangkuhan Firaun pula mendakwa Musa sebagai tukang sihir yang sesat dan membawa kerosakan. Apatah lagi apabila tukang sihir Firaun sendiri turut beriman dengan Musa. Kesudahannya, Firaun dan tenteranya tenggelam di telan lautan ketika mengusir Musa serta orang beriman dari bumi Mesir.⁴⁵¹

Senario kisah para anbiya di atas mencerminkan bahawa sikap para pemuka sama sahaja. Mereka bertakbur melalui ketiga-tiga aspek iaitu hati, perkataan dan perbuatan. Firaun dan pengikutnya merasa takbur untuk mengikut kebenaran dan sentiasa melakukan kejahatan. Sebaliknya pula mereka mendakwa Musa dan Harun ingin memisahkan masyarakat dari amalan nenek moyang.⁴⁵² Hakikat bertakbur menggambarkan jiwa yang sakit, kerendahan hati, akal dan nilai serta merugikan diri sendiri dan orang lain. Penyebabnya tidak lain lantaran merasakan diri serba hebat berbanding orang lain dengan sandaran kehebatan yang bersifat sementara, yakni harta dan kuasa.⁴⁵³ Kenyataannya, kehebatan sebenar adalah milik-Nya. Tiada siapa yang boleh memberikan rezeki jika Allah menahannya. “Bahkan mereka (yang musyrik itu) kekal terus dalam keadaan sombong angkuh serta melarikan diri (dari kebenaran).”⁴⁵⁴

5.3.3. Berdusta

Sikap berdusta menjadi ciri golongan mufsidin yang berlawanan dengan modal insan muslimin. Beriman bermaksud membenarkan kata-kata atau dakwah yang dibawa oleh para anbiya. Manakala menolak dan menentang dakwah dan seruan mereka pula dinamakan sebagai berdusta, iaitu bohong dan tidak benar.⁴⁵⁵ Dusta merupakan antara

⁴⁵¹ Lihat ‘Afif ‘Abd al-Fattah Ṭabbārah, *Ma‘a al-Anbiyā’*, h. 517-547; Surah Yūnus, 10: 75-78; surah al-Syu‘arā’, 26: 34-35; Tāhā, 20: 57-59; Surah Ghāfir, 40: 26-27; Yūnus, 10: 90-92; al-A‘rāf, 7: 127-129

⁴⁵² Abdul Karim Zaidan, *Uṣūl al-Da‘wah*, h. 192

⁴⁵³ Ibid., h. 434

⁴⁵⁴ Surah al-Mulk, 67: 21

⁴⁵⁵ *Al-Mu‘jam al-Wasīṭ*, entri *kadhb*, di <http://www.maajim.com/dictionary/كاذب>

bentuk keburukan lidah yang lahir dari gambaran keadaan kehitaman hati yang diluahkan menerusi kata-kata.⁴⁵⁶ Dusta merujuk kepada pernyataan tentang sesuatu yang tidak sesuai atau tidak menepati hakikat atau keadaannya yang sebenar.⁴⁵⁷

Dalam konteks ini, berdusta merujuk kepada tindakan mendustakan kebenaran yang dibawa oleh para anbiya. Pada hal, dakwah anbiya itu benar, dan penentang merekalah yang berdusta. Kenyataannya, berdusta merupakan sikap terkeji dan menjadi salah satu ciri Munafik yang ditegah oleh Allah. Firman-Nya: “Sebenarnya yang tergamak berdusta itu hanyalah orang-orang yang tidak beriman kepada ayat-ayat Allah, dan mereka itu ialah orang-orang yang bertabiat berdusta”⁴⁵⁸ Ayat ini menjelaskan seburuk-buruk pendustaan adalah mendustakan ayat Allah.⁴⁵⁹ Kerana itu, keburukan berdusta lantaran menjadi induk kepada pelbagai sifat tercela lain yang boleh merugikan diri pendusta secara khusus, dan masyarakat secara umum. Dalam konteks keusawanan, dusta bukan sahaja menggambarkan modal insan yang dengkel, malah boleh meruntuhkan perniagaan. Lantaran itu usahawan berjaya mesti berlaku jujur dan menjauhi dusta. Umpamanya, seorang usahawan menegaskan: “Apa-apa pun kena jujur, baru berkat. Timbangan tu kalau nak curi sikit orang tak tau kan? Tapi tak boleh. Kebersihan buat kerja, dia begini, macam mana kita buat untuk kita makan, macam tu la kita buat untuk orang (untuk jual).”⁴⁶⁰

Pandangan di atas menjelaskan meskipun berdusta lazimnya tergambar menerusi perkataan, tetapi dusta berkaitan dengan hati dan menjadi aplikasi perbuatan. Hal ini berpunca dari banyak keadaan yang mengarahkan kepada timbulnya sikap berdusta.

⁴⁵⁶ Al-Ghazalī, *al-Arba‘īn Fī Uṣūl al-Dīn*, h.118

⁴⁵⁷ *Mu‘jam al-Lughah al-‘Arabiyyah al-Mu‘aṣṣirah*, <http://www.maajim.com/dictionary/كذب> entri *kadh*

⁴⁵⁸ Surah al-Nahl, 16: 105

⁴⁵⁹ Al-Nasafī, *Tafsīr al-Nasafī*, h. 609

⁴⁶⁰ Informen IN2, dalam Mohd Zain Mubarak et al., “Elemen Kerohanian Dalam Keusahawanan Islam: Kajian Terhadap Usahawan Berjaya Di Negeri Kelantan,” h. 49

Antaranya, kerana ingin mendapat pujian atau kedudukan, melepas diri dari tuduhan kesalahan atau hukuman, meraih simpati atau pertolongan, kejahilan tentang hukum berbohong serta lalai dari mengingati Allah. Ataupun lantaran berdusta merupakan suatu kebiasaan yang dirasakan tiada kesalahan.⁴⁶¹ Dalam konteks contoh usahawan di atas, berdusta didorong oleh tujuan mencari keuntungan dunia dengan cara tidak benar.⁴⁶²

Al-Quran merakamkan banyak kisah pendustaan yang berlaku terhadap dakwah para anbiya. Firman-Nya:

“Dan jika mereka (yang kafir itu) mendustakanmu (Wahai Muhammad), maka (yang demikian tidaklah pelik) kerana sesungguhnya sebelum mereka kaum nabi Nuh, dan Ad (kaum nabi Hud), serta Thamud (kaum nabi Saleh) telah juga mendustakan Rasul masing-masing. Dan (demikian juga) kaum nabi Ibrahim dan kaum nabi Lut. Dan juga penduduk Madyan; dan nabi Musa juga telah didustakan. Maka Aku memberi tempoh kepada orang-orang kafir itu, kemudian Aku menimpakan mereka dengan azab seksa. Dengan yang demikian perhatikanlah bagaimana buruknya kesan kemurkaan-Ku. Maka bukan sedikit negeri-negeri yang Kami binasakan dengan sebab kezaliman penduduknya, lalu runtuh ranaplah bangunan-bangunannya; dan bukan sedikit pula telaga yang telah terbiar, dan istana yang tersergam (telah kosong, ditinggalkan).”

(Surah al-Hajj, 22: 42-45)

Ayat di atas menjelaskan bahawa fitrah dakwah para anbiya semenjak nabi Nuh sehingga nabi Muhammad menjadi sasaran pendustaan dan penentangan kaum masing-masing. Ini merupakan suatu peringatan Allah terhadap penutup para anbiya, Muhammad SAW, di mana jika kaum Baginda mendustakannya, maka kaum Nuh sehingga kaum Musa telah mendustakan anbiya mereka juga. Dengan pendustaan

⁴⁶¹ Al-Ghazalī, *al-Arbaʿīn Fī Uṣūl al-Dīn*, h. 59

⁴⁶² Menurut Al-Ghazali, usahawan mesti menjauhi perkara mungkar seperti berdusta dalam urusan perniagaan. Malah, pedagang dan peniaga perlu berusaha menghindari perkara atau urusan syubhat dan tidak hanya berusaha menjauhi atau menghindari perkara haram sahaja. Lihat Nik Yusri Musa dan Nurullah Kurt, “Kerohanian Dalam Keusahawanan Islam: Perspektif Al-Ghazali Dalam Kitab Ihya’ ‘Ulum Al-Din,” h. 23

tersebut, maka mereka telah berlaku zalim dan menjadi sebab kepada kemurkaan Allah dengan menurunkan azab.⁴⁶³

Ayat di atas juga menjelaskan bahawa bagaimana kesan pendustaan tersebut mendatangkan kemusnahan terhadap segala bentuk aktiviti kehidupan yang dibanggakan sebelumnya seperti keruntuhan bangunan yang tersergam indah, sumber air yang kering kontang dan negara kota dengan istana yang ditinggalkan.⁴⁶⁴ Semua ini sebenarnya sebagai cara pengajaran al-Quran untuk menarik perhatian insan supaya memerhati dan mengambil iktibar dari kisah tersebut melalui akal, mata dan telinga. Namun, semuanya bergantung pada hati, yakni beriman atau mendustakan.⁴⁶⁵

Dalam hal ini, contoh kemurkaan Allah cukup terserlah apabila impak pendustaan terhadap nabi Nuh, seluruh harta benda dan kehidupan kaumnya binasa tenggelam dalam banjir besar melainkan golongan yang bersama-sama Baginda dalam bahtera.⁴⁶⁶ Manakala kaum Ad yang mendustakan dakwah nabi Hud memiliki bangunan tinggi pencakar langit di tanah tinggi, membina benteng-benteng pada istana yang kukuh, memiliki hasil ternakan dan pertanian yang melimpah ruah serta keluarga yang ramai, akhirnya musnah jua.⁴⁶⁷ Mereka merasa rugi jika mengikuti dakwah Hud mentauhidkan Allah, lalu mendustai Baginda serta meminta-minta diturunkan siksaan.⁴⁶⁸ Akhirnya, Allah hentikan hujan bertukar menjadi kemarau selama tiga tahun yang mematikan tanaman. Apabila mereka terus berdegil, muncul ribut melanda mereka selama lapan hari dan tujuh malam tanpa henti, menyapu bersih mereka serta apa yang

⁴⁶³ Al-Ṣābūnī, *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr*, h. 2: 548-549

⁴⁶⁴ Al-Nasaḫī, *Tafsīr al-Nasaḫī*, h. 742

⁴⁶⁵ Surah al-Hajj, 22: 46; Al-Nasaḫī, h. 742

⁴⁶⁶ Surah Hūd, 11: 42-43; Surah al-Mu'minūn, 23: 27. Dikatakan banjir besar berlaku di Mesopotamia, merangkumi dua dataran sungai Furat dan Dajlah, Iraq kini. Lihat Harun Yahya, *Kaum-Kaum yang Pupus*, h. 21

⁴⁶⁷ Surah al-Syu'arā', 26: 128-135; 'Afīf 'Abd al-Fattāḥ Ṭabbārah, *Ma'a al-Anbiyā'*, h. 175

⁴⁶⁸ Abu Bakar al-Asy'ari, *Sejarah Anbiya'*, h. 1: 58

mereka banggakan selama ini.⁴⁶⁹ Begitulah juga dengan balasan terhadap kaum nabi Ibrahim dan Lut serta kaum nabi Saleh dan Musa yang dimusnahkan akibat pendustaan terhadap anbiya mereka.⁴⁷⁰

Al-Quran turut merakamkan suatu kisah sebagai perbandingan untuk manusia terhadap penduduk sebuah negeri atau kota yang diutuskan tiga orang rasul, tetapi mereka didustakan. Firman-Nya: “Dan ceritakanlah kepada mereka satu keadaan yang ajaib mengenai kisah penduduk sebuah bandar (yang tertentu), iaitu ketika mereka didatangi Rasul-rasul (Kami). Ketika Kami mengutuskan kepada mereka dua orang Rasul lalu mereka mendustakannya. Kemudian Kami kuatkan (kedua Rasul itu) dengan Rasul yang ketiga, lalu Rasul-rasul itu berkata: Sesungguhnya Kami ini adalah diutuskan kepada kamu. Penduduk bandar itu menjawab: "Kamu ini tidak lain hanyalah manusia seperti kami juga, dan Tuhan yang Maha Pemurah tidak menurunkan sesuatupun (tentang agama yang kamu dakwakan); kamu ini tidak lain hanyalah berdusta.”⁴⁷¹

Ayat di atas menerangkan perihal kisah ajaib atau pelik kerana sebuah bandar diutuskan dua orang rasul yang menyeru agar beriman dengan Allah Yang Maha Pemurah dan meninggalkan sembah berhala, tetapi didustakan. Lalu Tuhan utuskan yang ketiga sebagai pembantu, dakwah mereka semua juga ditolak.⁴⁷² Pendustaan

⁴⁶⁹ ‘Afif ‘Abd al-Fattah Ṭabbārah, *Ma‘a al-Anbiyā’*, h. 90-91; Abu Bakar al-Asy’ari, h. 1: 61; Surah al-Haaqah, 69: 6-8; Surah al-Dhāriyāt, 51: 41-42. Dikatakan bandar mereka bernama Uber (Ahqaf), terletak di kawasan selatan semenanjung Arab, antara Yaman dan Oman, dan selaras dengan bandar Iram dalam sebutan al-Quran, surah al-Fajr, 89: 6-8. Lihat Harun Yahya, h. 67-82

⁴⁷⁰ Untuk melihat cara dan impak pendustaan terhadap para anbiya dan bentuk kemusnahan, lihat huraian Harun Yahya, h. 35-40 (kaum Ibrahim), h. 43-65 (kaum Lut), h. 83-90 (kaum Thamud), dan h. 93-113, bagi Firaun yang mewakili kemusnahan kaum Musa.

⁴⁷¹ Surah Yasīn, 36: 13-15

⁴⁷² Al-Nasafi menjelaskan tiga orang Rasul tersebut adalah utusan nabi Isa kepada penduduk Antokia bernama Sadiq, Saduq dan Samaun. Lihat *Tafsīr al-Nasafi*, h. 985. Al-Ṣābūnī yang merumuskan pandangan Ibn Kathīr dan mengesahkan bandar tersebut dengan sedikit perubahan pada nama iaitu Sadiq, Saduq dan Syalum. Mereka semua didustakan penduduk tersebut. Lihat *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr*, h. 3: 158. Bagaimanapun, ada juga kemungkinan, negeri tersebut adalah tempat yang diutuskan diutuskan dua orang Rasul seperti Musa dan Haron ke Mesir. Lihat Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 540-

penduduk bandar tersebut dijelaskan oleh al-Quran dengan kata-kata angkuh bahawa semua anbiya tersebut tidak lain dari manusia biasa seperti mereka, malah Tuhan tidak menurunkan sesuatu apapun untuk diikuti. Sebaliknya para utusan tersebut pula diitudo berdusta. Inilah yang dikatakan sebagai ajaib.⁴⁷³ Dengan penegasan tersebut, nyata sekali pendustaan penduduk bandar tersebut terhadap seruan tauhid adalah muktamad.⁴⁷⁴

Masyarakat pedagang seperti kaum Madyan menolak dakwah nabi Syuaib agar mentauhidkan Allah dengan alasan bertentangan dengan kebiasaan budaya yang diwarisi sekian lama. Apa lagi seruan Baginda agar menjauhi bentuk ekonomi mungkar seperti merampas harta serta menipu takaran.⁴⁷⁵ Al-Quran merakamkan kisah seperti berikut:

Mereka berkata: "Wahai Syuaib! Adakah sembahyangmu (yang banyak itu) menyuruhmu perintahkan kami supaya meninggalkan apa yang disembah oleh datuk nenek kami, atau supaya kami lakukannya apa yang kami suka melakukannya dalam menguruskan harta kami? Sesungguhnya engkau (wahai Syuaib) adalah orang yang penyabar, lagi bijak berakal (maka bagaimana pula engkau menyuruh kami melakukan perkara yang bertentangan dengan kebiasaan kami)?"

(Surah Hūd, 11: 80)

Ayat di atas menjelaskan keanihan pemuka kaum Syuaib mengenai seruan dakwah untuk menyembah Allah dan menunaikan solat dengan meninggalkan amalan nenek moyang iaitu menyembah berhala? Atau berlaku adil dalam urusaniaga? Jawapan perlekehan mereka bahawa itu semua harta kami, biarlah kami mengurusnya mengikut kemahuan kami.⁴⁷⁶ Sedangkan kamu seorang pelembut dan lurus, bagaimana mahu

541. Jika dakwaan ini benar, maka yang ketiga adalah mungkin lelaki beriman dari kaum Firaun yang datang membela dua utusan Allah tersebut, seperti gambaran surah Ghafir, 40: 28. Namun, jika dilihat tren al-Quran mengisahkan cerita anbiya, ada kemungkinan tiga rasul tersebut adalah utusan nabi Isa, sepertimana Baginda mempunyai pengikut yang dinamakan sebagai al-Hawariyyun (surah al-Saf, 61: 14). Apatah lagi, apabila menceritakan kisah anbiya yang disebut 25 namanya, al-Quran turut menjelaskan nama mereka sekali.

⁴⁷³ Al-Ṣābūnī, *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr*, h. 3: 158

⁴⁷⁴ Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 540

⁴⁷⁵ Surah al-A'raf, 7: 85

⁴⁷⁶ Al-Ṣābūnī, *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr*, h. 2: 229

memerintahkan kami.⁴⁷⁷ Kisah Syuaib ini ternyata menggambarkan tabiat serta perwatakan yang tipikal terhadap mereka berkuasa dan berharta, khususnya yang mendustai kebenaran.

Dalam konteks aktiviti keusahawanan moden hari ini, penolakan terhadap ajaran Nabi mungkin tidak berlaku secara lansung. Penolakan berlaku dalam konteks tidak menghayati ajaran Islam secara total dalam bidang politik, ekonomi dan sosial, lantaran masih banyak terpengaruh dengan budaya penjajahan Barat.⁴⁷⁸ Bentuk penolakan tergambar dengan aktiviti keusahawanan yang bertentangan dengan Islam seperti berleluasa barangan serta perkhidmatan haram, transaksi yang tidak menepati kehendak syariah, tipuan atau iklan palsu serta eksploitasi terhadap wanita dan sebagainya.⁴⁷⁹ Alasan penolakan dengan andaian bahawa pelaksanaan Islam sepenuhnya boleh membantutkan minat pelabur luar negara untuk berdagang atau boleh menimbulkan keresahan.⁴⁸⁰ Padahal, konsep dan isu yang hampir sama telah berlaku dalam sejarah dakwah anbiya apabila seruan mereka dibalas oleh kaum masing-masing dengan penolakan, khususnya kisah Syuaib dan kaum Madyan ini.

Dakwaan menolak ajaran Islam sebagai cara hidup total tidak bersesuaian seolah-olah ulangan semula kisah pendustaan pemuka kaum Madyan terhadap Syuaib yang bertindak melakukan kerosakan, merampas harta milik orang lain, menipu dalam urusanniaga dan menakut-nakutkan orang di perjalanan serta menghalangi orang beriman

⁴⁷⁷ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, h. 2: 232

⁴⁷⁸ Dalam bidang ekonomi dan keusahawanan, pengaruh sistem ekonomi kapitalis masih rancak diamalkan, meskipun Negara telah lama merdeka

⁴⁷⁹ Al-Quran merakamkan antara bentuk penolakan dengan mengatakan riba sama dengan jual beli. Lihat surah al-Baqarah, 2: 282. Dari satu sudut, budaya 'along' dengan aktiviti peras ugut masih menjadi amalan terutamanya dalam kalangan kaum bukan Islam. Kaum Islam Melayu pula masih wujud kes-kes 'santau' sebagai tindak balas yang tidak berpuas hati terhadap saingan perniagaan.

⁴⁸⁰ Dalam perkembangan berkaitan, Kolum Awang Selamat, *Mingguan Malaysia*, 22hb Mac, 2015 meminta penyampai radio BFM bertaubat berikutan penerbitan klip video dalam laman You Tube bertajuk 'Hudud Isi Periuk Nasi' yang didakwa menghina Islam.

dari mengamalkan ajaran Allah.⁴⁸¹ Intisari perlakuan mereka dan dakwah Baginda seperti rakaman al-Quran adalah: “Sembahlah kamu akan Allah...janganlah kamu kurangkan bagi manusia akan benda-benda dan perkara-perkara yang menjadi haknya; dan janganlah kamu berbuat kerosakan di muka bumi...janganlah kamu duduk pada tiap-tiap jalan lalu-lalang dengan menakut-nakutkan dan menghalangi orang-orang yang beriman dari melalui jalan Allah.”⁴⁸²

Ayat di atas menyenaraikan beberapa bentuk kemungkaran ekonomi yang menjadi budaya kaum Madyan seperti menghalang orang melakukan kebaikan dan menakut-nakutkan orang ramai, menipu dalam transaksi urusniaga serta melakukan kerosakan.⁴⁸³ Konsep penolakan tersebut sebenarnya tidak banyak perbezaan dengan situasi umat manapun kehidupan manusia, dari dulu sehingga sekarang. Cumanya barangkali konteks dan bentuk penentangan terdapat sedikit perbezaan.

Hari ini, pendustaan terhadap kebenaran ketara menerusi beberapa bentuk urusniaga seperti menerusi pengiklanan palsu, promosi barangan atau transaksi yang diharamkan Islam atau manipulasi wanita sebagai bahan dagangan. Pengiklanan palsu atau barangan yang diharamkan oleh Islam misalnya arak sebagai contoh, merupakan suatu bentuk baru projeksi imej kepada barangan atau perkhidmatan untuk dianggap sebagai baik, padahal merosakan untuk tarikan umum.⁴⁸⁴ Situasi ini seseolah sebagai ganti projeksi imej lama tuduhan palsu terhadap anbiya oleh kaum penentang dakwah yang diwar-warkan kepada umum. Al-Quran merakamkan konspirasi pemuka kaum masing terhadap anbiya dengan pelbagai projeksi imej pendustaan. Nabi Nuh pernah diejek dan dituduh sebagai dusta, sesat dan gila.⁴⁸⁵ Hud juga dilemparkan hinaan dengan

⁴⁸¹ Lihat Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 240

⁴⁸² Lihat surah al-A‘rāf, 7: 85-86

⁴⁸³ Lihat ‘Afif ‘Abd al-Fattāḥ Ṭabbārah, *Ma‘a al-Anbiyā’*, h. 440-443

⁴⁸⁴ Misalnya iklan Genting Highland sebagai kota keriang, padahal sebenarnya destinasi cuti perjudian.

⁴⁸⁵ Lihat surah Hūd, 11: 27 ; al-A‘rāf, 7: 60 dan al-Qamar, 54: 9

dusta dan bodoh.⁴⁸⁶ Manakala seruan Saleh terhadap kaum Thamud yang terkenal dengan industri binaan, didustai melalui tuduhan sebagai terkena sihir.⁴⁸⁷

Sementara Yusof pula terperangkap dengan komplot tuduhan palsu wanita sehingga dipenjarakan.⁴⁸⁸ Industri hari ini banyak menyaksikan eksploitasi wanita sebagai tarikan perdagangan menerusi paparan iklan yang menyolok mata, seseolah merendahkan martabat kaum Hawa. Pada zaman Jahiliah, Nabi Muhammad SAW mengharamkan pembunuhan bayi perempuan atau merendahkan status sebagai komoditi,⁴⁸⁹ dan sebaliknya meletakkan taraf wanita setanding dengan lelaki.⁴⁹⁰ Kaum wanita sepatutnya bergerak seiring dengan lelaki dan berfungsi mengikut kesesuaian dalam membangunkan umat. Menggunakan wanita sebagai medium pengiklanan sepatutnya menerusi kepintaran intelek dan akhlak, bukan dengan tarikan biologi tubuh badan. Pendustaan terhadap kebenaran ini mudah berlaku lantaran penguasaan terhadap kecanggihan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Kecanggihan ICT dan kelicikan manusia mengurus industri berasaskan pendustaan serta gharar dengan pakej sempurna pengiklanan seperti permainan judi dan spekulasi yang penuh tipu muslihat, nampak seperti benar. Sedangkan sesuatu yang gharar, banyak atau sedikit adalah pendustaan.⁴⁹¹

Sebagai rumusan, pendustaan terhadap kebenaran yang dibawa oleh para anbiya merupakan indikator kepada keadaan kerendahan golongan mufsidin. Mereka mendustakan perintah Allah dan tetap kekal dengan akidah kufur dan perlakuan fasad

⁴⁸⁶ Surah al-A'raf, 7: 66

⁴⁸⁷ Lihat surah al-Syu'ara', 26: 153

⁴⁸⁸ Lihat detail dalam surah Yūsof, 12: 30-34

⁴⁸⁹ Mengenai taraf wanita masa jahiliyah, lihat S. Abul Hasan Ali Nadwi (1979), *The life of Prophet Muhammad*, (Terj. *Muhammad Rasulullah* oleh Mohiyuddin Ahmad), Lucknow: Academy of Islamic Research and Publications, h. 28. Juga surah al-Takwīr, 81: 8; al-Isra, 17: 31; al-Nahl, 16: 58-59

⁴⁹⁰ Misalnya gandingan wanita dengan lelaki dalam surah al-Ahzāb, 33: 35

⁴⁹¹ Abdul Hadi Awang (2012), "*Gharar* Dalam Perspektif *Fiqh Al-Hadith*: Analisis Terhadap 'Illah dan Prinsip" *HADIS: Jurnal Ilmiah Berimpak*. Tahun Kedua, Bil: 4, Safar 1434h, (Disember), h. 67

lantaran bimbangkan kerugian dalam kehidupan.⁴⁹² Walhal, penolakan terhadap seruan anbiya itulah yang rugi dengan sikap berdusta tersebut, lantaran menggantikan dengan azab-Nya, berbanding rezeki sekiranya mereka beriman dan bersyukur.⁴⁹³

5.3.4. Tamak

Sikap orang muslihin selaku modal insan terbangun terhadap harta dan kemewahan adalah dengan berzuhud. Bukan maksud menolak dunia dan isinya, tetapi harta tersebut dijadikan alat ibadah dan tidak melekat di hati, dengan segala perolehan dan penggunaan menepati kehendak Allah. Bagaimanapun, sikap bertentangan menjadi ciri golongan mufsidin apabila mereka merasa tamak dan haloba terhadap harta serta segala kemewahan. Tamak merujuk kepada perasaan inginkan sesuatu tanpa batasan.⁴⁹⁴ Sementara haloba adalah tersangat tamak, yang biasanya menyebabkan hilang malu lalu mencari sesuatu perolehan yang tidak mencukupi menerusi jalan terhina.⁴⁹⁵ Tamak adalah lawan kepada berpada. Dalam hal ini, Umar berkata: Tamak membawa kefakiran, sedangkan berpada membawa kepada kekayaan.⁴⁹⁶ Dalam konteks modal insan keusahawanan, tamak merujuk kepada segala bentuk perolehan, transaksi dan penggunaan harta yang bercampur antara halal dan haram, atau tidak menepati kehendak Allah SWT. Impak dari sifat tamak dalam aktiviti keusahawan boleh mengundang sifat dengki terhadap kekayaan orang lain, kemudiannya merebak kepada sifat khianat, zalim, penipuan dan meruntuhkan perniagaan orang lain pula.⁴⁹⁷

⁴⁹² Surah al-Mu'minūn, 23: 34, menyebut: "Demi sesungguhnya, jika kamu taati manusia yang seperti kamu, tentulah kamu dengan membuat demikian, menjadi orang-orang yang rugi."

⁴⁹³ Surah al-Wāqī'ah, 56: 82

⁴⁹⁴ *Al-Mu'jam al-Wasīl*, entri *tama'*, di <http://www.maajim.com/dictionary/طمع>

⁴⁹⁵ *Cambridge Dictionary*, di <http://dictionary.cambridge.org/dictionary/english-arabic/greedy>, entri *greedy*; *Lisān al-'Arab*, entri *jasya'*, di <http://www.maajim.com/dictionary/جشع>

⁴⁹⁶ *Lisān al-'Arab*, entri *tama'*, di <http://www.maajim.com/dictionary/طمع>

⁴⁹⁷ Detail faktor kegagalan perniagaan, lihat R. M. Gaedeke dan D. H. Tootelian (1991), *Small Business Management*, New York: Allyn and Bacon. Lihat faktor kegagalan dan kejayaan usahawan dari pespektif pakar motivasi keusahawanan, Azizan Osman (2014), di <http://azizanosman.com/kegagalan-adalah-kejayaan-bangkit-2014/>

Tamak merupakan merupakan lingkaran kepada sikap takbur dan zalim. Al-Quran memperihalkan kisah ketamakan manusia bersabit dengan usaha dan harta melalui kisah Qarun, seorang hartawan umat nabi Musa yang bersekongkol dengan Firaun.⁴⁹⁸ Firman-Nya bermaksud:

“Sesungguhnya Qarun adalah ia dari kaum nabi Musa, kemudian ia berlaku sombong dan zalim terhadap mereka; dan Kami telah mengurniaknya dari berbagai jenis kekayaan yang anak-anak kuncinya menjadi beban yang sungguh berat untuk dipikul oleh sebilangan orang yang kuat sasa. (ia berlaku sombong) ketika kaumnya berkata kepadanya: "Janganlah engkau bermegah-megah (dengan kekayaanmu). Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang bermegah-megah (seperti lagakmu itu).”

(Surah al-Qaṣaṣ, 28: 76)

Ayat di atas menjelaskan perihal Qarun, seorang hartawan pada zaman nabi Musa yang bersikap sombong dengan kekayaannya.⁴⁹⁹ Ibn Abbas mengatakan Qarun merupakan sepupu atau anak bapa saudara nabi Musa berketurunan Bani Israel. Asalnya merupakan seorang yang beriman, tetapi menjadi tamak dan melampaui batas lantaran kekayaan harta dan anak.⁵⁰⁰ Kekayaan beliau kerana memperolehi kanuz, yakni perbendaharaan harta yang digambarkan mempunyai aset terkumpul dalam gedung-gedung berkunci. Kunci-kunci gedung hartanya berat untuk dibawa oleh sekumpulan manusia yang gagah terdiri sekitar sepuluh orang. Atau jika kunci tersebut dibawa menggunakan keldai sehingga mencapai enam puluh ekor.⁵⁰¹

Bagaimanapun, Qarun menjadi tamak dan ingkar ajaran Musa, meskipun menurut al-Sūddī, beliau telah dinasihati oleh kaumnya sendiri dari Bani Israel. Antara

⁴⁹⁸ Al-Khālidī, *al-Qaṣaṣ al-Qur'ānī*, h. 2: 400

⁴⁹⁹ Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 525

⁵⁰⁰ Kata Ibn Juraij, namanya adalah Qarun bin Yushab bin Qahis. Manakala Musa bin 'Imran bin Qahis. Kata Qatadah, Qarun dikenali dengan merdu suara apabila membaca kitab Taurat, tetapi menjadi munafik seperti Samiri, lantaran kekayaannya. Lihat Al-Ṣābūnī, *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr*, h. 3: 23

⁵⁰¹ Al-Nasafī, *Tafsīr al-Nasafī*, h. 879; Al-Qurtubī, *al-Jamī' li Ahkām al-Qur'ān*, h. 13: 310; Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 525

nasihat yang diberikan kepada beliau, pertama, jangan berbangga dan sombong dengan harta kerana tidak disukai Allah. Kedua, carilah pahala akhirat melalui kesenangan harta tersebut. Ketiga, hendaklah berbuat baik sepertimana Allah memberikan kebaikan, dan keempat, tidak melakukan kerosakan.⁵⁰² Sebaliknya, beliau menjawab dengan sombong bahawa harta kekayaan yang dimilikinya hanyalah disebabkan pengetahuan dan kepandaian yang ada padanya.⁵⁰³ Dengan jawapan tersebut, nyata sekali beliau merupakan contoh usahawan tamak dan bodoh sombong, lantaran telah ramai orang yang mempunyai lebih kekayaan sebelumnya dimunshahkan Allah kerana melakukan dosa.⁵⁰⁴

Kesan dari peristiwa kekayaan Qarun ini, ramai orang berangan-angan ingin mendapat kekayaan seperti Qarun, apabila suatu hari ia keluar di hadapan umum dengan penuh kemewahan dan kemegahan. Firman-Nya: “Kemudian Qarun keluar kepada kaumnya dengan memakai perhiasannya. (Pada saat itu) berkatalah orang-orang yang semata-mata inginkan kesenangan kehidupan dunia: "Alangkah baiknya kalau kita ada kekayaan seperti yang didapati oleh Qarun! Sesungguhnya dia adalah seorang yang bernasib baik.”⁵⁰⁵ Kata al-Nasafi, Qarun keluar pada suatu hari Sabtu dengan penuh kebanggaan dengan pakaian warna warni bersalut emas dan diiringi empat ribu pengiring, kiri dan kanan. Maka orang melihatnya berkata: “Alangkah baiknya kalau kita ada kekayaan seperti yang didapati oleh Qarun! Sesungguhnya dia adalah seorang

⁵⁰² Surah al-Qaṣaṣ, 28: 76-77; Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 526-527

⁵⁰³ Surah al-Qaṣaṣ, 28: 78. Dikatakan bahawa Qarun memiliki tiga jenis keilmuan. Pertama, ilmu mengenai kitab taurat dan dia berdoa kepada Allah menggunakan keilmuannya itu dan diberikan kekayaan. Kedua, memiliki ilmu kimia yang boleh menukar bahan material menjadi emas. Ketiga, memiliki kemahiran perusahaan dan perniagaan. Lihat huraian al-Nasafi, *Tafsīr al-Nasafi*, h. 880; Al-Ṣābūnī, *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr*, h. 3: 24

⁵⁰⁴ Surah al-Qaṣaṣ, 28: 78

⁵⁰⁵ Ibid, 28: 79

yang bernasib baik.”⁵⁰⁶ Namun begitu, orang beriman dan berilmu menegaskan: “Wailakum, celaka bagi kamu semua! Pahala di sisi Allah adalah lebih baik.”⁵⁰⁷

Nabi Musa memberi amaran kepada Qarun agar melakukan kebaikan seperti membayar zakat dan tidak melakukan keburukan, iaitu setiap seribu dinar hartanya diwajibkan satu dinar zakat. Namun, setelah dia menghitung jumlah hartanya, dia berasa tamak kerana zakatnya terlalu besar. Seruan Baginda tidak dilayan, sebaliknya Qarun menfitnah Musa ingin merampas harta dan mengupah seorang wanita agar mengaku melakukan nista bersama Baginda.⁵⁰⁸ Akhirnya Musa berdoa kepada Allah dan Qarun serta segala kekayaan dan ketamakannya hilang ditelan bumi.⁵⁰⁹

Demikian kisah modal insan mufsidin berkaitan keusahawanan. Qarun adalah lambang usahawan berjaya yang boleh membeli segala-galanya, termasuk wanita jelita, namun bersikap tamak menyebabkan dia dan segala harta kemewahannya bersemadi dalam sebuah tasik ketamakan.⁵¹⁰ Terbuktilah kebenaran al-Quran agar manusia tidak bersifat kedekut atau tamak, kerana akibatnya akan kembali kepada dirinya sendiri, sedangkan Allah Maha Kaya.⁵¹¹

5.3.5. Zalim

⁵⁰⁶ Al-Nasafi, *Tafsir al-Nasafi*, h. 880

⁵⁰⁷ Surah al-Qaṣaṣ, 28: 80

⁵⁰⁸ Wanita tersebut mengaku di hadapan pengadilan bahawa Qarun mengupahnya untuk berbuat buruk dengan Musa. Baginda bermohon kepada Allah agar bumi menelan Qarun dan makbul. Lihat al-Nasafi, *Tafsir al-Nasafi*, h. 881; Mutawalli al-Sya'rawi, *Sejarah & Kisah Nabi-Nabi Dalam al-Quran*, h. 630-632

⁵⁰⁹ Surah al-Qaṣaṣ, 28: 81

⁵¹⁰ Imej Tasik Qarun dengan sisa istana beliau yang terletak kira-kira 40 kilometer dari bandar Fayyoun, Mesir. Kajian mendapati kemewahan istana berkenaan lengkap dengan 360 bilik, menjadi iktibar masyarakat kini. Lihat, <http://satuumat.blogspot.com/2013/03/sejarah-mesir-inilah-istana-qarun.html> (2014)

⁵¹¹ Surah Muḥammad, 47: 37

Zalim diberikan makna nada negatif sebagai tidak berperikemanusiaan, tidak adil, bengis dan kejam.⁵¹² Modal insan mufsidin berkeadaan zalim yang berlawanan dengan ciri insan terbangun yang berkeadaan adil. Istilah asal bahasa Arab ini, secara literal bermaksud gelap.⁵¹³ Iaitu melambangkan kegelapan hati atau keburukan seperti sifat kejam, bengis, tidak berperikemanusiaan, suka kepada penderitaan dan kesengsaraan, kemungkaran, penganiayaan, kemusnahan harta benda, ketidakadilan dan banyak lagi sifat yang sinonim dengan keji dan hina. Ringkasnya, dalam konteks yang lebih menyeluruh, zalim adalah meletakkan sesuatu perkara bukan pada tempatnya yang sebenar.⁵¹⁴ Lantaran itu, orang yang berbuat zalim disebut *zalimin*. Sifat ini berlawanan dengan akhlak dan fitrah manusia yang menggunakan akal untuk melakukan kebaikan.⁵¹⁵

Al-Quran menggunakan perkataan zalim kepada beberapa keadaan atau pendekatan. Umumnya, keadaan tersebut merujuk kepada segala perbuatan jahat ataupun berbuat aniaya kepada orang lain, diri sendiri dan makhluk lain. Misalnya, zalim merujuk kepada syirik dengan Allah.⁵¹⁶ Lantaran itu, syirik sebagai perbuatan yang zalim merupakan satu dosa besar dan perbuatan yang melampaui batas.⁵¹⁷ Zalim juga bermaksud salah tempat ikutan, iaitu menurut hawa nafsu dan mengkhianati orang lain.⁵¹⁸ Kesannya, orang zalim tidak menjalankan hukuman dengan hukum Allah,⁵¹⁹ melakukan penafian terhadap kebenaran dan mengeluarkan dakwaan secara dusta

⁵¹² *Cambridge Dictionary*, entri *tyrant*, di <http://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/tyrant>

⁵¹³ *Al-Mu'jam al-Wasit*, entri *zalm*, di <http://www.maajim.com/dictionary/ظلم>

⁵¹⁴ *Lisān al-'Arab*, entri *zalm*, di <http://www.maajim.com/dictionary/ظلم>

⁵¹⁵ Juga bermaksud al-baghy dan tidak kurang dari 200 tempat digunakan oleh al-Quran dan merujuk kepada perlakuan zalim manusia kepada dirinya dan yang lain, bukan dari Allah kepada manusia. Firman-Nya: "Sesungguhnya Allah tidaklah berbuat zalim kepada manusia barang sedikitpun, akan tetapi manusia itu sendirilah yang berbuat zalim kepada diri mereka sendiri." Surah Yūnus, 10: 44

⁵¹⁶ Surah al-Baqarah, 2: 165; Surah Hūd, 11: 101

⁵¹⁷ Surah Luqmān, 31: 13; Surah al-Baqarah, 2: 229

⁵¹⁸ Surah al-Mā'idah, 5: 47

⁵¹⁹ Surah al-Baqarah, 2: 229

ataupun auta.⁵²⁰ Ini kerana, orang zalim adalah golongan yang tidak mendapat petunjuk dan sesat.⁵²¹ Lalu, jadilah sifat diri mereka itu angkuh, sombong serta kufur.⁵²² Yakni suatu sikap yang dibenci Allah dan bakal menerima azab yang pedih.⁵²³ Tegasnya, keadaan orang yang melakukan kezaliman tidak berjaya,⁵²⁴ kerana tiadalah bagi mereka itu pelindung.⁵²⁵

Dalam konteks keusahawanan, al-Quran umumnya memperlihatkan pelaku zalim dengan keadaan mendustakan dakwah yang disampaikan oleh para anbiya. Mereka menolak kebenaran dengan mensyirikkan Allah serta mengamalkan peraturan hidup yang berasaskan hawa nafsu serta berpaksikan keburukan. Dalam hal ini, Allah berfirman:

“Dan Kami tidak mengutus kepada sesebuah negeri seseorang Rasul pemberi amaran melainkan orang-orang yang berada dalam kemewahan di negeri itu berkata: "Sesungguhnya kami tetap mengingkari apa yang kamu diutuskan membawanya". Dan mereka berkata lagi: "Kami lebih banyak harta benda dan anak pinak, dan kami pula tidak akan diseksa.”

(Surah Saba', 34: 34-35)

Ayat di atas antara lain menjelaskan peringatan kepada nabi Muhammad SAW serta pengikut Baginda bahawa tugas anbiya untuk berdakwah dan memberi ingatan kepada penduduk sesebuah bandar supaya beriman dengan Allah dan mengikuti peraturan-Nya. Seruan tersebut hanya diimani oleh golongan miskin dan lemah, tetapi golongan berkedudukan yang mempunyai harta dan kekayaan mengingkarinya. Hakikat ini misalnya, terjadi kepada kaum nabi Nuh dan Saleh.⁵²⁶ Seseolah mereka yang mendapat kemewahan harta dan zuriat yang banyak tersebut, merintis perlakuan yang dituruti oleh

⁵²⁰ Surah al-‘Ankabūt, 29: 46 ; Surah al-An‘ām, 6: 93

⁵²¹ Surah al-Baqarah, 2: 258; Āli ‘Imrān, 3: 68; Surah Nūh, 71: 24

⁵²² Surah al-Kahfi, 18: 35

⁵²³ Surah al-Syūrā, 42: 42

⁵²⁴ Surah al-An‘ām, 6: 21 dan 6: 135

⁵²⁵ Surah al-Syūrā, 42: 8

⁵²⁶ Al-Ṣābūnī, *Mukhtaṣar Tafṣīr Ibn Kathīr*, h. 3: 132-133

penduduk Mekah yang terkenal dengan kota perdagangan, dengan sikap pendustaan serta berbangga dengan nikmat harta dan anak pinak.⁵²⁷

Kaum Thamud merupakan umat nabi Saleh yang disebutkan dalam ayat di atas menjadi sampel kes kepada modal insan mufsidin yang dikurniakan pelbagai nikmat, tetapi sombong dan tidak beriman dengan Allah. Antara nikmat seperti kehidupan makmur dengan status khalifah yang mengusahakan kegiatan pertanian menikmati hasil kebun kurma yang banyak. Dengan nikmat tersebut mereka membina bangunan mercu tanda seperti istana di tanah datar serta mengukir batu pergunungan sebagai tempat kediaman yang dihiasi taman yang indah dan mata air yang mengalir.⁵²⁸ Namun, mereka mensekutukan Allah dengan melakukan kerosakan dan maksiat. Dakwah Baginda Saleh supaya menyembah Allah dan meninggalkan kerosakan dengan membawa bukti yang nyata dari Allah berupa seekor unta betina, dibalas dengan ejekan dan cemuhan, terutamanya oleh kaum bangsawan.⁵²⁹ Mereka menegaskan tetap dengan keingkaran, dan menuduh pula Saleh sebagai insan biasa yang sombong dan sesat, lalu merancang untuk membunuh Baginda. Begitupun, kezaliman mereka dibalas oleh Allah dengan gempa lalu mereka mati bergelimpangan dalam hancuran bangunan.⁵³⁰ Kenyataannya, dengan segala kepakaran bidang keusahawanan seperti kemahiran pembinaan dan pertanian, mendorong kaum Thamud berlaku kezaliman terhadap diri sendiri, orang lain dan Allah.⁵³¹

⁵²⁷ Al-Nasafi, *Tafsir al-Nasafi*, h. 964

⁵²⁸ Lihat surah al-Syu'ara', 26: 146-155; Thamud terkenal dengan kemahiran mengukir, terutama yang berskala besar seperti batu-batu pejal dan istana yang besar dengan bilik yang banyak. Sisa kemegahan mereka dikatakan masih kedapatan di suatu tempat bernama Hijr, antara Hijaz dan Syria hingga ke Wadi al-Qurā. Lihat Abu Bakar al-Asy'ari, *Sejarah Anbiya'*, h. 1: 66-67

⁵²⁹ Surah al-A'raf, 7: 73

⁵³⁰ Terdapat 9 orang pemuka kaum yang merancang untuk membunuh nabi Saleh. Surah al-Naml, 27: 47-50; Juga Harun Yahya, *Kaum-kaum Yang Pupus*, h. 83-92

⁵³¹ Lihat huraian Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 183-188

Menghuraikan makna zalim sebagai tidak meletakkan sesuatu pada tempatnya, maka orang yang syirik dan menolak dakwah anbiya mencipta peraturan sendiri yang bertentangan dengan kehendak Allah. Dalam hal ini, firman-Nya: “Dan sesiapa yang melanggar aturan-aturan hukum Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.”⁵³² Meskipun rujukan asal ayat ini berkaitan pelanggaran hukum hakam kekeluargaan, namun manifestasinya berkaitan semua aspek. Dalam hal ini, orang yang zalim mengingkari perintah Allah dengan menjalankan aktiviti ekonomi secara zalim, misalnya dengan mengurangi sukatan dan timbangan yang berlaku kepada umat nabi Syuaib di Madyan.⁵³³ Begitu juga dengan transaksi ekonomi yang menggunakan sistem riba sepertimana amalan penduduk Mekah sewaktu kebangkitan nabi Muhammad SAW, nyata bertentangan dengan hukum Allah yang mengharamkan riba.⁵³⁴ Dengan kata lain, kezaliman mereka lantaran melakukan aktiviti merosakkan secara menghalalkan apa yang diharamkan oleh Allah. Hakikat inilah yang dikatakan syirik itu sebagai suatu kezaliman yang besar. Sebab perlakuan manusia melampaui batas dan melanggar ketentuan Allah, sedangkan darjat manusia adalah hamba dan pemegang amanah-Nya sahaja.⁵³⁵

Apabila keadaan syirik atau mencabuli hukum Allah ini berlaku, nyata sekali manusia berada pada tahap mufsidin lantaran menzalimi dirinya sendiri, apatah lagi orang lain. Dalam konteks ini, kisah Balqis misalnya menegaskan bahawa beliau telah berlaku zalim sebelum menyerahkan diri kepada Allah bersama-sama dengan Sulaiman.⁵³⁶

Hakikat yang sama berlaku terhadap usahawan lelaki yang mempunyai ladang pertanian

⁵³² Surah al-Baqarah, 2: 229

⁵³³ Surah Hūd, 11: 84-85

⁵³⁴ Surah al-Baqarah, 2: 275

⁵³⁵ Lihat surah al-A‘rāf, 7: 3-5 ; Surah al-Nahl, 16: 116

⁵³⁶ Surah al-Naml, 27: 44, “(setelah itu) dikatakan kepadanya: "Dipersilakan masuk ke Dalam istana ini." maka ketika ia melihatnya, disangkanya halaman istana itu sebuah kolam air, serta Dia pun menyingsingkan pakaian dari dua betisnya. Nabi Sulaiman berkata: "Sebenarnya ini adalah sebuah istana yang diperbuat licin berkilat dari kaca". (Mendengar yang demikian), Balqis berdoa: "Wahai Tuhanku, Sesungguhnya Aku telah menganiaya diri sendiri dan (Sekarang aku menegaskan bahawa) aku berserah diri memeluk Islam bersama-sama Nabi Sulaiman, kepada Allah Tuhan sekalian alam".

dengan hasil yang lumayan, menzalimi dirinya, berbanding seorang lelaki lain yang mempunyai kekayaan tetapi beriman.⁵³⁷ Tegasnya, pelanggaran hukum Allah ini diakui sebagai zalim oleh nabi Yunus sewaktu berdoa, dan juga Adam selepas tersedar tentang kesalahan memakan buah larangan.⁵³⁸ Hal ini dikatakan zalim lantaran mereka berlaku angkuh dengan kekayaan atau menyalahgunakan harta, serta dengan menukar keadaan bersyukur kepada bersalah, atau beriman kepada kufur.⁵³⁹

Orang yang zalim sebenarnya golongan yang tidak mendapat hidayah Allah.⁵⁴⁰ Mereka bukan sahaja tidak beriman, malah menjadi kedekut dan tidak mahu membelanjakan harta, lantaran bimbang akan kehabisan. Dengan sikap kekufuran tersebut, sebenarnya mereka itu menzalimi bukan setakat diri mereka sendiri, malah orang lain sekali. Hakikat sebaliknya berlaku kepada hartawan yang beriman yang dengan senang hati membelanjakan harta pada jalan Allah. Keadaan mereka adalah tenang, tiada rasa takut dan bimbang.⁵⁴¹ Mereka sedar bahawa harta yang dikumpul secara zalim tidak akan membawa manfaat pada hari akhirat.⁵⁴²

Ringkasnya, modal insan zalim adalah mereka yang angkuh dan tidak membelanjakan harta kekayaan yang dimiliki pada jalan Allah serta tidak mensyukuri

⁵³⁷ Surah al-Kahf, 18: 35, "dan ia pun masuk ke kebunnya (bersama-sama rakannya), sedang ia berlaku zalim kepada dirinya sendiri (dengan sebab kufurnya), sambil ia berkata: "Aku tidak fikir, kebun ini akan binasa selama-lamanya."

⁵³⁸ Menzalimi diri bagi Adam dan Yunus terhad kepada melakukan kesalahan, lantaran mereka itu anbiya, maka disebut zalim atau aniaya, bukan sampai ke tahap zalim dalam maksud syirik. Surah al-Anbiyā', 21: 87. "Dan (sebutkanlah peristiwa) Zun-Nun, ketika ia pergi (meninggalkan kaumnya) dalam keadaan marah, yang menyebabkan ia menyangka bahawa Kami tidak akan mengenakan kesusahan atau cubaan; (setelah berlaku kepadanya apa yang berlaku) maka ia pun menyeru dalam keadaan yang gelap-gelita dengan berkata: "Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau (Ya Allah)! Maha suci Engkau (daripada melakukan aniaya, tolongkanlah daku)! Sesungguhnya Aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri"." Surah al-A'rāf, 7: 23, Adam dan Hawa berdoa: "Wahai Tuhan kami, kami telah menganiaya diri kami sendiri, dan kalau Engkau tidak mengampunkan kami dan memberi rahmat kepada kami, nescaya menjadilah kami dari orang-orang yang rugi."

⁵³⁹ Nabi Adam dan Yunus sekadar melakukan kesilapan, bukan syirik

⁵⁴⁰ Surah al-Ahqāf, 46: 10

⁵⁴¹ Surah al-Baqarah, 2: 262, 274

⁵⁴² Surah al-A'rāf, 7: 48-49

nikmat-Nya.⁵⁴³ Mereka juga mendapatkan harta secara tidak halal seperti dengan cara menipu sukatan dan merampas.⁵⁴⁴ Corak transaksi juga adalah secara tidak betul seperti dengan cara riba. Penggunaan harta pula secara boros ataupun kedekut, serta bertentangan dengan kehendak Allah.⁵⁴⁵ Mereka itu diibaratkan sebagai golongan bodoh di mana semakin tinggi kezaliman, maka semakin tinggi pula degree kebodohan.⁵⁴⁶ Nyata sekali kezaliman mereka mencakupi aspek spiritual dan fizikal. Spiritual melalui hati, jiwa dan akal, manakala fizikal menerusi perlakuan dan perkataan. Tegasnya, mereka itulah golongan yang sebenarnya rugi.⁵⁴⁷ Balasan mereka adalah dengan kemusnahan dan kehancuran.⁵⁴⁸

Nyata bahawa kezaliman merupakan keadaan modal insan yang bertaraf mufsidin dan banyak dipraktiskan golongan usahawan kini. Bagi mengatasi sifat buruk ini, sarjana seperti Imam al-Ghazali, menegaskan terdapat empat perkara yang perlu diberi perhatian oleh peniaga atau usahawan agar menepati tuntutan agama. Iaitu kesahihan (al-sihah), yakni amalan atau perusahaan atau akad yang dilakukan menurut syariat; keadilan (al-‘adl), yakni menjauhi apa jua bentuk kezaliman atau penindasan; berbuat baik (al-ihsan), yakni kepada diri dan pelanggan; serta menjaga (al-Syiqqah) masalahat agama dalam apa jua situasi keadaan.⁵⁴⁹

5.3.6. Ghafilah

⁵⁴³ Lihat misalnya surah al-Hajj, 22: 45; al-A‘rāf, 7: 75-76; Tāhā, 20: 127-128

⁵⁴⁴ Misalnya surah al-Syu‘arā’, 26: 181-188

⁵⁴⁵ Surah al-A‘rāf, 7: 31; Surah al-Furqān, 25: 67; Lihat al-Ghazālī, *Ihyā’ ‘Ulūm al-dīn*, h.3: 231-233

⁵⁴⁶ Surah al-Aḥzāb, 33: 72, “Sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.”

⁵⁴⁷ Surah al-Isrā, 17: 82, “Dan (sebaliknya) Al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua.”

⁵⁴⁸ Surah al-Qaṣaṣ, 28: 59, “Dan tidaklah menjadi kebiasaan Tuhanmu membinasakan mana-mana negeri sebelum ia mengutus ke ibu negeri itu seorang Rasul yang akan membacakan kepada penduduknya ayat-ayat keterangan kami; dan tidaklah menjadi kebiasaan Kami membinasakan mana-mana negeri melainkan setelah penduduknya berlaku zalim.

⁵⁴⁹ Lihat al-Ghazālī, *Ihyā’ ‘Ulūm al-dīn*, h. 2: 94; Nik Yusri Musa dan Nurullah Kurt, “Kerohanian Dalam Keusahawanan Islam: Perspektif Al-Ghazali Dalam Kitab Ihyā’ ‘Ulum al-Din,” h. 14

Rumusan kepada seluruh modal insan mufsidin adalah bersikap ghaflah, yakni berlawanan dengan zuhud. Ghaflah adalah istilah Qurani, yang bermaksud lalai.⁵⁵⁰ Sikap ini merujuk kepada keadaan manusia yang lalai dan alpa dengan kelekaan serta kesenangan hidup dunia sehingga terlupa fungsi atau peranan sebagai hamba dan khalifah Allah dan matlamat hidup akhirat.⁵⁵¹ Dalam hal ini, al-Quran menjelaskan: “Sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat). Mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai.”⁵⁵² Ayat ini menerangkan bahawa golongan ghaflah dihumban ke neraka Jahannam, lantaran mereka tidak menggunakan semua fakulti modal insan seperti hati, akal dan segala pancaindera untuk beriman dan beribadat kepada Allah. Akibat keingkaran terhadap seruan anbiya, mereka menjadi lebih sesat dari binatang, lantaran haiwan tidak mempunyai akal dan boleh pula diambil manfaat. Jadi, kerana hawa nafsu telah mengatasi kewarasan akal, maka mereka berkeadaan ghaflah yang sempurna.⁵⁵³

Berasaskan konsep di atas, ghaflah bermaksud mengutamakan kehidupan dunia tanpa memperdulikan kehidupan akhirat. Hakikat ini berlawanan dengan keadaan berzuhud golongan muflihah yang menutamakan akhirat. Di mana golongan ghaflah melayari kehidupan dunia tanpa panduan wahyu dengan segala masanya dibelanjakan

⁵⁵⁰ Misalnya surah Yasīn, 36: 6. Lihat *Lisān al-‘Arab*, <http://www.maajim.com/dictionary/غفلة> entri ghaflah

⁵⁵¹ Surah al-Baqarah, 2: 30; Yūnus, 10: 14; al-Dhāriyāt, 51: 55; Abu Bakar al-Asy’ari, *Sejarah Anbiya’*, h.1: 9-10

⁵⁵² Surah al-A‘rāf, 7: 179

⁵⁵³ Al-Nasafī, *Tafsīr al-Nasafī*, h. 397

untuk aktiviti bukan dalam konteks ibadah kepada Allah.⁵⁵⁴ Keadaan ini boleh disamakan dengan sikap cintakan dunia, atau keadaan yang berlawanan dengan sikap zuhud. Di mana dengan sikap ghaflah, manusia menjadikan setiap perkara material atau spiritual dunia ini sesuatu yang diingini lagi menyeronokkan, seperti cintakan harta dan kemegahan. Sedangkan keadaan tersebut tidak memberikan manfaat terhadap kehidupan akhirat.⁵⁵⁵ Dalam konteks ini, semua bentuk aktiviti sepanjang masa hidupnya hanyalah dihabiskan untuk kepentingan dunia sahaja.⁵⁵⁶ Sedangkan, modal seorang manusia adalah waktunya. Selama mana penggunaan masa atau usianya untuk hal yang tidak berguna dan bukan menjana pahala di akhirat, bererti ia telah mensia-siakannya atau merugikan.⁵⁵⁷

Ringkasnya, ghaflah membawa kepada sikap cintakan dunia. Cintakan dunia merupakan sikap mementingkan hawa nafsu yang tertarik dengan semua jenis keinginan dan keseronokan sehingga melupakan Allah dan hari akhirat.⁵⁵⁸ Firman-Nya berhubung dengan ini: “Sesiapa yang keadaan usahanya semata-mata berkehendakkan kehidupan dunia dan perhiasannya (dengan tidak disaksikan sama oleh al-Quran tentang sah batalnya), maka Kami akan sempurnakan hasil usaha mereka di dunia, dan mereka tidak dikurangkan sedikitpun padanya. Merekalah orang-orang yang tidak ada baginya pada hari akhirat kelak selain daripada azab neraka, dan pada hari itu gugurlah apa yang mereka lakukan di dunia, dan batallah apa yang mereka telah kerjakan.”⁵⁵⁹ Ayat ini antara lain menerangkan perihal manusia yang bersikap ghaflah, hanya mementingkan

⁵⁵⁴ Dalam hal ini al-Ghazali menegaskan: ‘Tidak seharusnya bagi setiap peniaga usahawan Muslim, menyibukkan dirinya dengan kehidupan dunia tanpa menghiraukan tempat pulangnya (akhirat), sekiranya berlaku juga maka pasti tempoh umur kehidupannya akan hilang begitu sahaja dan perniagaannya akan mengalami kerugian. Lihat al-Ghazali, *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, h. 2: 94; Nik Yusri Musa dan Nurullah Kurt, ‘Kerohanian Dalam Keusahawanan Islam: Perspektif Al-Ghazali Dalam Kitab Ihyā’ ‘Ulum al-Din,’ h. 19

⁵⁵⁵ Maksud material dan spiritual misalnya harta jika betul penggunaan seperti membelanjakannya pada jalan Allah, tidak bersifat dunia. Manakala solat, jika untuk tujuan riak, juga bersifat dunia. Mandili, *Penawar Bagi Hati*, h. 49

⁵⁵⁶ Surah al-Baqarah, 2: 200

⁵⁵⁷ Ahmad Farid, *Tazkiyatun al-Nafs*, h. 42

⁵⁵⁸ Surah al-Ḥadīd, 57: 20; al-Zuhailī, *Akhlāq al-Muslim: ‘Alaqaṭuhu bi al-Khāliq*, h. 157

⁵⁵⁹ Surah Hūd, 11: 15-16

kehidupan dunia sahaja. Manakala untuk hidup akhirat tiada dalam kamus mereka selain siksaan neraka. Sikap keduniaan seperti ini diumpamakan oleh Baginda Rasulullah SAW sebagai syurga bagi orang kafir.⁵⁶⁰

Sukakan keindahan dunia dan tarikannya merupakan fitrah insan dan tidak salah. Keadaan akan menjadi silap apabila menjalani kehidupan dunia serta memperkudakan nafsu secara maksimum tanpa panduan dan melupakan Allah. Hakikat ini diperkukuhkan dengan firman-Nya: “Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu. Iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia, dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga).”⁵⁶¹ Ayat ini menjelaskan bahawa kesenangan hidup dunia dengan memiliki keluarga dan harta menjadi hiasan adalah fitrah hidup. Bagaimanapun, semua tarikan dunia tersebut perlu digunakan dalam rangka kerja yang diharuskan oleh Islam.⁵⁶² Sebarang penggunaan masa untuk perkara keduniaan sahaja serta membelakangkan hukum Allah, menepati konsep ghaflah dan cintakan keduniaan. Keadaan ini menyebabkan usaha manusia menjadi sia-sia dan hidup dalam kerugian. Melainkan jika segala aktiviti dan penggunaan masa tersebut disepadukan dengan keimanan dan amal soleh.⁵⁶³

Mereka yang tidak mengguna pakai konsep tersebut, dan menjadikan kehidupan untuk keseronokan dunia sahaja dikira lalai atau ghaflah. Keadaan ini dirakamkan oleh

⁵⁶⁰ Al-Zuhailī, *Akhlāq al-Muslim: ‘Alaqaṭuhu bi al-Khāliq*, h. 156. Beliau menukilkan hadis bermaksud: “Dunia ini penjara bagi Mukmin dan syurga bagi Kafir.”

⁵⁶¹ Surah Āli ‘Imrān, 3: 14

⁵⁶² M. Kabir Hassan dan William J. Hippler, “Entrepreneurship and Islam: An Overview,” h. 173; Miles K. Davis, “Entrepreneurship: An Islamic perspective,” h. 66

⁵⁶³ Lihat surah al-‘Aṣr, 103

al-Quran sebagai sesat, mengikut hawa nafsu dan melampaui batas.⁵⁶⁴ Banyak contoh modal insan menepati konsep tersebut dalam kisah anbiya. Misalnya, kaum nabi Lut yang berlatar belakangkan pengalaman sebagai usahawan ternakan, menggunakan pengalaman tersebut untuk meraih kemewahan harta dan kesenangan hidup dunia. Bagaimanapun, nikmat tersebut diterjemahkan dengan keangkuhan dan melakukan kerosakan. Mereka juga melakukan rompakan dan menggunakan hasilnya dengan membudayakan maksiat serta homoseksual. Dengan demikian, mereka bersikap ghaflah dengan kemewahan harta dunia yang dimiliki serta menjadi printis kepada perlakuan *fahisyah* dan pemuja hawa nafsu.⁵⁶⁵ Dalam hal ini, Allah berfirman: “Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas.”⁵⁶⁶ Yakni, kaum Lut telah melampaui batas syariat Allah dengan mendatangi lelaki, sebagai ganti yang sepatutnya mendatangi wanita untuk kelangsungan hidup.⁵⁶⁷ Namun demikian, kealpaan dalam keseronokan duniawi yang sementara merupakan suatu tempahan kerugian abadi, apabila mereka dimusnahkan oleh Allah dengan penurunan hujan azab serta keterbalikan bumi pada subuh hari.⁵⁶⁸

Dalam situasi lain, modal insan bidang keusahawanan yang bersikap ghaflah membuatnya alpa dengan nikmat dunia dan berkira terhadap Allah serta melupakan perintah-Nya. Kisah dua anak Adam iaitu Qabil dan Habil boleh menjadi sampel kes berkaitan.⁵⁶⁹ Adam ingin mengahwinkan Qabil dengan pasangan yang lahir bersama

⁵⁶⁴ Surah al-Kahf, 18: 28

⁵⁶⁵ ‘Afif ‘Abd al-Fattah Ṭabbārah, *Ma‘a al-Anbiyā’*, h. 143. Lihat juga surah al-A‘rāf, 7: 80; Surah al-Naml, 27: 54; Surah al-‘Ankabūt, 29: 28

⁵⁶⁶ Surah al-A‘rāf, 7: 81; Surah al-Naml, 27: 55; Surah al-‘Ankabūt, 29: 29

⁵⁶⁷ Mutawalli al-Sya’rawi, *Sejarah & Kisah Nabi-Nabi Dalam al-Quran*, h. 195

⁵⁶⁸ Azab kaum Lut dengan diterbalikkan bumi yang menelan seluruh kehidupan dikatakan berlaku sekitar Laut Mati antara Israel dan Jordan kini. Lihat Harun Yahya, *Kaum-kaum Yang Pupus*, h. 43-65. Surah al-Hijr, 15: 73-76; Surah al-Qamar, 54: 37-38; Surah Hūd, 11: 82-83.

⁵⁶⁹ Qabil lahir bersama pasangan wanita yang cantik, manakala Habil lahir bersama pasangan yang kurang cantik. Menurut syariat ketika itu, perkahwinan antara adik beradik mesti secara bersilang pasangan. Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 108

Habil dan begitu pula sebaliknya Habil bersama pasangan yang lahir bersama Qabil. Bagaimanapun, perancangan tersebut ditolak oleh Qabil yang terpikat dengan kecantikan pasangan yang lahir bersama-samanya. Lantaran itu, Baginda menyarankan agar diadakan ibadah korban sebagai cara taqarub kepada Allah bagi menentukan siapa yang layak mengahwini gadis tersebut. Habil, seorang usahawan ternakan berhati mulia, mempersembahkan kambing paling gemuk dan terbaik. Manakala Qabil, seorang peladang yang berhati busuk memberikan hasil tanaman yang buruk serta tidak diperlukan lagi. Lalu muncul api dari langit menyambar korban Habil menandakan Allah menerimanya.⁵⁷⁰ Akibatnya, timbul perasan amarah dan iri di hati Qabil dan bertekad ingin membunuh Habil. Kesudahannya, meskipun Qabil berjaya membunuh Habil, tetapi dia tergolong dalam kalangan orang yang rugi. Firman-Nya: “Maka nafsu jahat (Qabil) mendorongnya (sehingga ia tergamak) membunuh saudaranya, lalu ia membunuhnya. Oleh itu menjadilah dia dari golongan orang-orang yang rugi.”⁵⁷¹ Ayat ini secara jelas menjadi indikator kepada sikap ghaflah sebagai faktor kepada penguasaan nafsu yang mendorong kepada tindakan yang merugikan. Yakni, ghaflah telah merapuhkan benteng pertahanan diri dari godaan gelora nafsu jahat.⁵⁷² Kata Sayyid Qutub, kerugian Qabil kerana jiwanya terjerumus kepada kebinasaan serta rugi kerana kehilangan saudara akrabnya yang banyak menolong. Rugi di dunia kerana hidupnya tidak lagi tenang dan rugi di akhirat kerana menanggung dosa pertama dan terakhir.⁵⁷³

Impak berkeadaan ghaflah tidak sekadar cinta dunia dan melupakan Allah, tetapi lebih dari itu sehingga sanggup mengaku sebagai Tuhan. Misalnya, sepertimana dijelaskan dalam topik ‘bersikap zalim’ di atas, Firaun dengan bangga mengaku kepada

⁵⁷⁰ Surah al-Mā'idah, 5: 27-30; Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, h. 2: 42-43; 'Afif 'Abd al-Fattah Ṭabbārah, *Ma'a al-Anbiyā'*, h. 53

⁵⁷¹ Surah al-Mā'idah, 5: 30

⁵⁷² 'Afif 'Abd al-Fattah Ṭabbārah, *Ma'a al-Anbiyā'*, h. 54

⁵⁷³ Sayyid Qutub, *Fī Zilāl al-Qur'ān*, h. 2: 876, versi online di <https://tafsirzilal.files.wordpress.com/>

kaumnya bahawa kerajaan Mesir dan segala hasil mahsul serta sungai-sungai berada di bawah kekuasaannya.⁵⁷⁴ Hal ini terjadi lantaran keangkuhan dan menolak kebenaran, selain megah kerana mempunyai segala kekayaan dan kekuasaan.⁵⁷⁵ Lebih dari itu, kekufuran tersebut lantaran tertutup hidayah serta termeteri hati, pendengaran dan penglihatan terhadap kekuasaan Allah dan kebenaran akhirat. Itulah hakikat sebenar orang yang bersikap ghaflah.⁵⁷⁶

Sebagai rumusan, modal insan bersikap ghaflah terhadap Allah dan lalai dengan ulitan dunia yang dicintai merasakan bahawa dengan nikmat dan kekayaan harta yang dimiliki boleh meneruskan kehidupan serba lengkap mereka. Dalam hal ini, al-Quran merakamkan citra rasa mereka yang berkata: “Sesungguhnya kami tetap mengingkari apa yang kamu (rasul-rasul) seru...kami lebih banyak harta benda dan anak pinak, dan kami pula tidak akan diseksa.”⁵⁷⁷ Hakikat ini terjadi lantaran mereka merasakan bahawa harta akan menyelamatkan dan membahagiakan hidup mereka. Kerana itu, tumpuan mereka hanyalah mengumpul harta dunia. Firman-Nya: “(Orang) yang mengumpulkan harta dan berulang-ulang menghitung kekayaannya. Ia menyangka bahawa hartanya itu dapat mengekalkannya (hidup dalam dunia ini)!”⁵⁷⁸ Dalam hal ini, orang yang mempunyai harta kekayaan itu menyangka bahawa mereka kekal hidup dengan segala nikmat yang dimiliki di dunia ini.⁵⁷⁹ Sikap inilah yang dimaksudkan dengan modal insan ghaflah sebagai golongan yang melampaui batas dan mendapat kemurkaan Allah. Firman-Nya: “Maka (dapatlah masing-masing mengetahui kesudahannya); adapun orang yang melampau (perbuatan derhakanya), serta ia

⁵⁷⁴ ‘Afif ‘Abd al-Fattah Ṭabbārah, *Ma‘a al-Anbiyā’*, h. 235; Surah al-Zukhruf, 43: 51

⁵⁷⁵ Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 325

⁵⁷⁶ Surah al-Naḥl, 16: 107-109

⁵⁷⁷ Surah Saba’, 34: 34-35

⁵⁷⁸ Surah al-Humazah, 104: 2-3. Ayat ini asalnya ditujukan kepada golongan pengumpat yang kikir.

⁵⁷⁹ Al-Nasafī, *Tafsīr al-Nasafī*, h. 1373

mengutamakan kehidupan dunia semata-mata, maka sesungguhnya neraka Jahanamlah tempat kediamannya.”⁵⁸⁰

Kisah di atas menggambarkan contoh modal insan bersikap ghaflah serta mufsidin. Mereka tidak beriman dengan dakwah anbiya dan tidak mengharapkan pertemuan dengan Allah pada hari akhirat. Apa yang jadi keutamaan adalah kehidupan dunia sahaja. Mereka bersenang lenang dengan nikmat dunia dan lalai terhadap ayat-ayat Allah.⁵⁸¹ Sikap mereka ini samalah halnya dengan pendeta yang menjual hidayah Allah demi mempertahankan nikmat dunia yang sementara.⁵⁸² Sedangkan sepatutnya mereka hidup berpandukan hidayah dan mengutamakan akhirat. Iaitu dengan menjadikan dunia sebagai alat untuk kehidupan akhirat, lantaran hakikat dunia adalah *mazra'ah*, yakni ladang persediaan untuk hidup akhirat.⁵⁸³ Dengan demikian, sikap ghaflah ditukar ganti dengan mengingati dan mengikuti perintah Allah dalam semua aktiviti keusahawanan pada setiap kesempatan semasa berdiri atau duduk untuk bekerja ataupun sewaktu berehat.⁵⁸⁴

Bagi merawat sifat ghaflah ini, al-Ghazali sebagai contoh menegaskan bahawa setiap usahawan perlu sedar dan insan matlamat kewujudannya adalah untuk beribadat dan akan kembali ke akhirat. Manusia terbahagi kepada tiga golongan. Pertama, golongan yang sentiasa disibukkan dengan tempat kembalinya daripada tempat

⁵⁸⁰ Surah al-Nāz'iat, 79: 37-39

⁵⁸¹ Ahmad Farid, *Tazkiyat al-Nufus*, h. 126; Maksud surah Yūnus, 10: 7-8, “Sesungguhnya orang-orang yang tidak menaruh ingatan akan menemui Kami (pada hari akhirat untuk menerima balasan), dan yang reda (berpuashati) dengan kehidupan dunia semata-mata serta merasa tenang tenteram dengannya, dan orang-orang yang tidak mengendahkan ayat-ayat (keterangan dan tanda-tanda kekuasaan) Kami. Mereka yang demikian keadaannya (di dunia), tempat kediaman mereka (di akhirat) ialah neraka; disebabkan keingkaran dan kederhakaan yang mereka telah lakukan.”

⁵⁸² Surah Āli ‘Imrān, 3: 187

⁵⁸³ Al-Ghazālī, *al-Arba‘īn Fī Uṣūl al-Dīn*, h.157

⁵⁸⁴ Surah Āli ‘Imrān, 3: 191, menjelaskan sifat ululalbab yang sentiasa sedar berlawanan dengan sikap ghaflah. Mereka “mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha suci engkau, maka peliharalah Kami dari azab neraka.”

kehidupannya yang sementara. Mereka adalah usahawan yang berjaya. Kedua, golongan yang sama-sama memberi penekanan dan keutamaan antara dunia dan akhirat. Namun tumpuan kepada dunianya tidaklah sehingga melupakan atau melalaikan akhirat. Ketiga, golongan yang sentiasa disibukkan dengan kehidupan dunia dari akhiratnya, sehingga terlupa tempat kembalinya.⁵⁸⁵ Lantaran itu, beliau mengingatkan, usahlah keriuhan urusan jual beli di pasaraya dan tempat jualan dunia menghalangnya dari pasaraya akhirat, iaitu masjid.⁵⁸⁶

Al-Quran menganjurkan agar sentiasa bersabar di samping mengingati Allah. Jangan terpicat dengan perhiasan dunia serta tidak mentaati orang yang hatinya lalai dari mengingati Allah serta mengikuti hawa nafsu.⁵⁸⁷ Kelak pada hari kiamat Allah akan melupakan dirinya, sepertimana di dunia dia ghaflah, hanya sibuk bersenang-senang dengan *la'ibun wa lahwun* melalui kemewahan harta sahaja tanpa mengingati Allah.⁵⁸⁸ Ibarat kata Ibn Abbas, Allah tidak akan memberikan kepadanya rahmat.⁵⁸⁹ Ini bermakna, manusia yang senang dalam hidup bukan hanya sekadar mempunyai banyak harta dan lain-lain kesenangan dunia sahaja. Sebaliknya, manusia yang mempunyai kesenangan sebenar ialah modal insan yang senang mengingati Allah dan menunaikan hak-hak-Nya apabila sampai waktunya di dunia ini untuk hidup akhirat, seperti senang bersolat dan menunaikan zakat.

5.4. Kesimpulan

⁵⁸⁵ Lihat al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, h. 2: 94; Nik Yusri Musa dan Nurullah Kurt, "Kerohanian Dalam Keusahawanan Islam: Perspektif Al-Ghazali Dalam Kitab Iḥyā' 'Ulum al-Din," h. 20

⁵⁸⁶ Nik Yusri Musa dan Nurullah Kurt, *ibid*, h. 22

⁵⁸⁷ Lihat surah al-Kahf, 18: 28

⁵⁸⁸ Lihat surah al-A'rāf, 7: 51

⁵⁸⁹ Lihat Ali bin Abu Thalhah, *Tafsir Ibnu Abbas*, h. 332

Hasil perbincangan di atas merumuskan bahawa ciri modal insan berkaitan keusahawanan sepertimana yang terdapat dalam kisah anbiya terbahagi kepada dua keadaan. Pertama, modal insan muslihin, yakni yang berkeadaan terbangun dengan segala ciri yang berindukkan kepada beriman dengan Allah. Kedua, modal insan mufsidin, yang berorientasikan kepada sikap bersyirik dengan Allah.⁵⁹⁰

Ekoran dari bersyirik dengan Allah, ciri golongan mufsidin melakukan aktiviti keusahawanan dengan perkara yang bertentangan dengan perintah dan larangan-Nya. Lantaran itu, usaha mereka untuk mendapatkan rezeki adalah secara zalim melalui tipuan sukatan dan timbangan dalam perniagaan, menjual barangan secara batil atau tidak berdasarkan kualiti yang sepatutnya dan mencari keuntungan secara transaksi riba. Jalan lain untuk mendapatkan harta seperti melalui rampasan atau rompakan. Kesan dari perbuatan syirik juga mendorong golongan mufsidin ini membunuh anak-anak lantaran percaya kepada konsep kaya dan papa disebabkan anak, bukan Allah. Dengan kemilau harta dan kesenangan dunia, mereka menjadi tamak dan menolak seruan anbiya agar beriman dengan Allah. Kenyataannya, mereka bertuhankan kebendaan dan mengejar keseronokan dunia yang sementara dengan budaya hidup lalai, melakukan maksiat dan kerosakan.

Keadaan modal insan mufsidin ini sebenarnya berada pada tahap kehidupan yang hina, sesat, melampaui batas, zalim dan mengalami kerugian di dunia dan akhirat. Implikasi dari perlakuan dan fenomena itu, layaklah mereka digelar sebagai Kafirun, yani golongan inkarkan dakwah anbiya; Musyrikun, yakni golongan yang mensyirikkan Allah dengan harta benda dan nafsu; Munafikun, yakni golongan yang berpura beriman tetapi palsu kerana terpengaruh dengan kesenangan dunia yang sementara. Mereka

⁵⁹⁰ Pembahagian ini juga dibuat oleh Ahmad Farid, *Tazkiyat al-Nufus*, h. 126

itulah disifatkan sebagai zalimun dan khasirun, yakni zalim lagi rugi. Itulah golongan modal insan yang berhaluan kiri serta berkeadaan syarrul bariah.⁵⁹¹ Keadaan mereka ini menepati firman Allah: “Dan (sebaliknya) orang-orang yang kafir menikmati kesenangan di dunia serta mereka makan minum sebagaimana binatang-binatang ternak makan dan minum, sedang nerakalah menjadi tempat tinggal mereka.”⁵⁹²

Manakala modal insan yang terbangun menerapkan aktiviti keusahawanannya dalam rangka bertauhid dan beriman dengan Allah. Keyakinan hati mereka terhadap seruan dakwah anbiya diterjemahkan melalui perkataan dan amalan. Mereka yakin bahawa Allah bukan sekadar mengurniakan rezeki, malah turut mewahyukan aturan untuk mengendalikan urusan hidup berpandukan suruhan dan larangan-Nya tersebut, termasuk dalam aktiviti keusahawanan. Mereka berusaha secara baik, menjual barangan baik dan berkualiti dengan cara baik serta membelanjakan keuntungan dari aktiviti tersebut pada jalan Allah. Mereka menggunakan segala kurnia tersebut sebagai cara untuk mengabdikan diri kepada Allah serta melakukan amal soleh, secara tersembunyi atau terbuka kerana mengharapkan *tijāratān lan tabūr*, yakni perniagaan yang bermanfaat dan menguntungkan serta mustahil rugi.⁵⁹³

Ciri atau keadaan golongan ini berada pada tahap tinggi dengan hidayah Allah, mendapat sinar cahaya keimanan, ketenangan jiwa dan mendapat keuntungan dunia serta kejayaan yang sebenar di akhirat. Budaya keusahawanan mereka dihiasi dengan rasa syukur, takwa, zuhud, amanah, tanggungjawab dan profesional. Implikasi dari keadaan tersebut mereka disebut dengan panggilan indah seperti Mukminin, Muhsinin, Mukhlisin, Muttaqin, Syakirin dan Muflihin. Meskipun terdapat dalam kalangan golongan ini kesalahan dan kesilapan dalam aktiviti seharian, namun mereka segera

⁵⁹¹ Surah al-Balad, 90: 19; surah al-Bayyinah, 98: 6

⁵⁹² Surah Muḥammad, 47: 12

⁵⁹³ Al-Nasafī, *Tafsīr al-Nasafī*, h. 978; Surah Fāṭir, 35: 29

bertaubat dan menggantikannya dengan kebaikan. Mereka ini disifatkan sebagai ‘ahsani taqwim,’ ‘khairu ummat’ atau ‘ummatan wasatā’, yakni umat terbaik. Ringkasnya, mereka layak disebut sebagai modal insan terbangun dan menepati penjelasan al-Quran sebagai golongan berhaluan kanan atau khairul barriyah.⁵⁹⁴ Pembangunan golongan ini melibatkan semua aset modal insan seperti fizikal dan spiritual seperti roh, kalbu, akal serta nafsu. Hal ini demikian ekoran dari proses pembangunan yang melibatkan metode persekitaran, teladan, motivasi, amal soleh, jihad, praktis kemahiran dan penilaian. Impak dari proses tersebut melahirkan modal insan yang terbangun yang dinamakan sebagai muslihin. Meskipun proses yang menggunakan metode dan ciri-ciri modal insan tersebut berasaskan kisah anbiya, namun segala konsep dan realitinya menepati aktiviti keusahawanan hari ini.

⁵⁹⁴ Surah al-Balad, 90: 18; surah al-Bayyinah, 98: 7-8

BAB 6: RUMUSAN DAN PENUTUP

6.1. Pengenalan

Kisah anbiya memaparkan pelbagai aspek berkaitan pembangunan modal insan khususnya berkaitan keusahawanan. Aspek pembangunan ini bersesuaian dengan dwi fungsi anbiya, iaitu sebagai pembawa berita gembira dan pemberi ingatan. Membawa berita gembira atau basyir dengan seruan keimanan kepada Allah agar manusia menuruti perintah-Nya dan mendapat balasan kejayaan Syurga dari-Nya. Sementara peranan sebagai pemberi ingatan atau nazir, agar manusia meninggalkan tegahan Allah atau berdepan azab siksaan Neraka di akhirat. Dalam bidang keusahawanan, selaras dengan dwi fungsi tersebut anbiya menunjukkan contoh berkaitan pembangunan modal insan dengan dua cara utama. Pertama, anbiya sendiri merealisasikan keimanan dalam aktiviti kehidupan selaku usahawan seperti contoh yang ditunjukkan oleh nabi Daud. Kedua, anbiya berperanan sebagai pengimbang atau pemberi amaran terhadap aktiviti keusahawanan, seumpama yang dilakukan oleh nabi Syuib yang menegah transaksi penipuan sukatan dan timbangan terhadap kaum Madyan.

Berdasarkan kisah anbiya tersebut, pembangunan modal insan melibatkan semua aspek fizikal dan spiritual manusia seperti hati, akal, jiwa dan roh. Rujukan pembangunan ini dapat difahami menerusi dua aspek, iaitu sebagai proses dan keadaan. Dari perspektif proses, pembangunan pembangunan modal insan berlaku sepanjang jalan dakwah yang diterapkan oleh anbiya dengan kandungannya tertumpu kepada

pembangunan diri, keluarga serta komuniti atau organisasi. Proses tersebut melibatkan pelbagai metode seperti teladan, melakukan amal soleh dan praktis kemahiran atau latihan. Dalam konteks keusahawanan, proses ini boleh disimpulkan sebagai anjuran melakukan makruf dan tegahan melakukan mungkar serta berjihad pada jalan Allah dengan diri dan harta. Berjihad dengan diri dan harta meskipun bersifat fizikal, namun melibatkan elemen spiritual, iaitu menggambarkan ketulusan hati, ketinggian jiwa dan kebersihan rohani. Proses pembangunan ini perlu berlaku secara berterusan.

Manakala maksud pembangunan modal insan dari perspektif keadaan pula menerangkan hakikat manusia secara fitrahnya diciptakan Allah berkeadaan mulia. Dalam konteks ini, al-Quran menunjukkan pelbagai ciri manusia yang terbangun atau muslihin dan tidak terbangun atau mufsidin. Tahap kemuncak kemuliaan manusia mestilah beriman dengan Allah dan menjauhi taghut. Dengan demikian, usahawan yang beriman dengan Allah bersifat takwa, tawakal, syukur, berzuhud, bersikap adil dan profesional. Mereka juga memiliki ilmu sebagai pewaris anbiya. Ciri tersebut menerangkan hakikat atau keadaan muslihin, yakni modal insan yang terbangun.

Sebagai perbandingan, keadaan sebaliknya pula mencirikan modal insan yang tidak terbangun. Dengan demikian, usahawan yang menghayati budaya fasad seperti bersyirik dengan Allah, mendustakan dakwah anbiya, tamak dengan harta dunia dan bersikap zalim menjelaskan hakikat modal insan mufsidin. Kenyataannya, aktiviti keusahawanan yang dilakukan berkisar sekitar kehidupan dunia sahaja, terpalit dengan transaksi yang merosakkan, serta sanggup membunuh kerana harta. Mereka itulah golongan yang bersifat ghaflah, yakni leka alpa dengan kemewahan dan kekayaan harta dunia hasil dari aktiviti keusahawanan yang tidak sebenar sehingga berlaku sombong. Mereka ini menceritakan keadaan fizikal yang wujud secara tidak sihat kerana dijana

oleh segala fakulti spiritual seperti hati, jiwa atau nafsu yang sakit dan kotor. Tegasnya, keadaan golongan ini memerlukan remedi ampuh agar sembuh dan membangun sepertimana keadaan modal insan terbangun.

Sebagai rumusan, remedi ampuh terhadap permasalahan aktiviti keusahawanan yang lahir dari keadaan modal insan yang mufsidin ini boleh diambil iktibar berdasarkan modal insan muslihin yang terbangun untuk dijadikan sebagai prinsip.

6.2. Prinsip Pembangunan Modal Insan

Antara prinsip yang boleh dijadikan asas dalam pembentukan sikap pembangunan modal insan berkaitan keusahawanan termasuklah dari aspek konsep atau kerangka, dari aspek proses atau aktiviti keusahawanan dan dari aspek hasil atau matlamat. Semua prinsip ini bagaimanapun masih bersifat falsafah, bukan merujuk kepada tatacara atau pelaksanaan.

6.2.1. Dari segi konsep atau kerangka

Prinsip pertama ialah menerusi kefahaman sebenar tentang pandangan semesta atau *worldview* tentang hakikat manusia yang terdiri dari unsur jasmani dan rohani.¹ Asal usul manusia adalah makhluk yang diciptakan Allah dari tanah, tetapi mulia dengan tiupan roh dari-Nya. Dari segi tujuan hidup dan peranan manusia di dunia sebagai hamba dan khalifah Allah untuk berbakti kepada-Nya dan memakmurkan muka bumi ini dengan ajaran-Nya. Konsep hidup manusia pula berupa ujian dari-Nya dalam dua bentuk, iaitu kesusahan seperti sakit dan kekurangan makanan, dan juga kesenangan seperti

¹ Lihat huraian tentang insan oleh Wan Mohd Nor Wan Daud (1994), *Konsep Ilmu dalam Islam*, (Terj. *The Concept of Knowledge in Islam* oleh Rosnani Hashim), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 24-34

kemewahan harta dan ramai keturunan. Dari segi konsep ‘segala kemudahan’ dunia adalah sebagai alat untuk pengabdian dan pembinaan tamadun yang perlu digunakan secara amanah dan syukur kepada-Nya. Dari segi matlamat hidup serta kesudahan manusia adalah untuk mencapai keredaan Allah sebagai syarat kebahagiaan hidup dunia dan kejayaan akhirat. Semua konsep ini mesti menjadi prinsip kerangka atau acuan yang tertanam dalam minda setiap Muslim, terutamanya usahawan sebagai satu tasawwur atau pandangan semesta.²

Segala konsep dan kerangka pandangan semesta tersebut boleh difahami dari perspektif Islam sepertimana yang didakwahkan oleh anbiya. Dengan demikian, syarat utama untuk memahami konsep atau kerangka hakikat manusia dan hubungannya dengan segala aktiviti keusahawanan perlulah merujuk kepada epistemologi Islam. Iaitu menggunakan sumber atau teori ilmu berdasarkan ajaran Islam yang meletakkan al-Quran dan Sunnah sebagai sumber utama. Manakala epistemologi atau sumber lain seperti menggunakan akal, pengalaman, pancaindera, budaya ilmu asing dari barat atau timur hanya berguna setakat mana sumber tersebut selaras atau tidak bertentangan dengan wahyu. Dalam konteks ini, al-Quran serta Sunnah bertindak sebagai filter yang menyaring segala ilmu dari keupayaan insan atau budaya ilmu asing. Ini bermakna semua teori ilmu bukan wahyu, khususnya dari Barat, tetapi selaras dengan syariat Islam diiktiraf sebagai benar dan merupakan sebahagian dari tamadun yang bersifat sejagat.³ Ini adalah kerana sumber ilmu dalam Islam cukup luas, sesuai dengan sifatnya

² Istilah *worldview* atau pandangan semesta merujuk kepada hakikat dan kedudukan segala yang ada dalam akal atau minda manusia termasuk sesuatu yang ghaib dan nyata. Antara unsur-unsur penting dalam pandangan semesta Islam yang tidak mengalami perubahan adalah makrifah terhadap sifat-sifat Allah, hakikat wahyu(al-Quran), hakikat alam semesta , hakikat diri manusia, hakikat ilmu, hakikat agama, hakikat kebebasan, hakikat nilai dan akhlak, dan hakikat kebahagiaan. Lihat S.M. N. Al-Attas (1995), *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*, Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), h. 1. Lihat juga huraian bab 2 bertajuk “Weltanschauung Islam” oleh Wan Mohd Nor Wan Daud, *Konsep Ilmu dalam Islam*, h. 15-51

³ Lihat Hairuddin Harun (1992), *Daripada Sains Yunani Kepada Sains Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

sebagai tamadun hidayah dan rahmat yang mengarah kepada kebaikan dari segi asas dan matlamat.⁴

Berdasarkan epistemologi Islam, semua ilmu bersifat sepadu lantaran bersumberkan dari Allah Yang Maha Mengetahui.⁵ Ini bermakna tiada pemisahan dalam sistem nilai atau epistemologi keilmuan Islam antara beriman dengan Allah dan aktiviti dunia seperti ilmu keusahawanan. Lantaran itu, prinsip ini menekankan bahawa setiap manusia termasuk usahawan perlu akur dengan kerangka kerja bahawa semua ilmu dan manifestasinya mesti membawa kepada keimanan dan ketakwaan terhadap Allah.⁶ Dalam hal ini, semua anbiya meletakkan tugas menyeru manusia agar mentauhidkan Allah sebagai matlamat utama.⁷ Implementasi tauhid ini diterjemahkan anbiya dalam bidang kehidupan kaum masing-masing seperti politik oleh Musa dan Haron, aspek sosial oleh Lut dan bidang keusahawanan oleh nabi Syuib.⁸ Hakikat usahawan mesti beriman dengan Allah ini turut diakui oleh Timbalan Presiden, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Dato' Haji Mohamad Alayuddin Che Hasan. Kata beliau: “Bagi saya lain sikit, usahawan ialah beriman dengan Allah dan menunaikan segala suruhan serta meninggalkan segala larangan-Nya.”⁹ Tegasnya, epistemologi keilmuan Islam memmanifestasikan nilai kesepaduan antara profesion hidup seperti usahawan

⁴ ‘Abdul Ḥalīm Maḥmūd (1998), *Al-Islām wa al-‘Aql*, Kaherah: Dār al-Ma‘ārif, h. 216-217

⁵ Wan Mohd Nor Wan Daud, *Konsep Ilmu dalam Islam*, h.1-11. Istilah epistemologi bermaksud teori atau sumber ilmu. Lihat Syed Muhammad Dawilah al-Edrus (1990), *Islamic Epistemology*, Penang: The Islamic Academy, Cambridge-Sekretariat Falsafah dan Sains Islam, USM. Konsep ini juga dihurai oleh Osman Bakar (1991), *Tauhid and Science*, Penang-Kuala Lumpur: Sekretariat Falsafah dan Sains Islam, USM –Nurin Enterprise, h. 1-39.

⁶ Lihat surah Fāṭir, 35: 28

⁷ Misalnya surah al-Naḥl, 16: 36; al-Anbiyā’, 21: 25; al-Mu’minūn, 23: 23

⁸ Ada pandangan mengatakan bahawa orang awam mempelajari tauhid melalui sifat dua puluh, Mutakalimin mempertahankan tauhid Allah menerusi ilmu Kalam. Maka, golongan intelektual dan usahawan merealisasikan tauhid menerusi ilmu dan profesion mereka. Lihat huraian Osman Bakar, *Tauhid and Science*, terutama bab 4 berjudul “Islam and Modern Science, h. 173-243 . Lihat juga Abdul Majid al-Zandani (1989), *Tauhid Pendekatan Saintifik* (Terj. *Kitab Tauhid al-Khaliq* oleh Osman Khalid et al), 3 Jilid, Bandar Baru Bangi: Al-Rahmaniah

⁹ Dato’ Haji Mohamad Alayuddin Che Hasan, temubual dengan pengkaji bersama rombongan 4 orang staf pengurusan, Fakulti Tamadun Islam, UTM, Skudai, diketuai oleh Dekan, Prof. Madya Azmishah Suratman, dalam program “Prospek Usahawan Mikro FTI,” di pejabat Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), No. 33 & 35, Jalan Medan Setia 1, Plaza Damansara, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, pada 19hb Ogos, 2011, pukul 9.00 hingga 10.00 pagi.

dalam konteks mentauhidkan Allah menerusi praktikal kepada syariat-Nya, iaitu berusaha mencari rezeki menurut acuan Allah.

Perlu diingat bahawa hakikat ilmu dalam Islam mesti membawa manfaat kepada semua pihak, bukan sebaliknya mudarat. Manfaat dalam konteks yang lebih luas bermaksud membawa kebaikan kepada diri, keluarga dan komuniti dalam skala kehidupan dunia serta juga kehidupan akhirat. Ianya bukan seperti pandangan pemikir fahaman Utilitarianisme yang hanya menghadkan manfaat sekadar berguna dalam konteks kehidupan dunia sahaja, lantas menolak sumber agama atau wahyu sebagai epistemologi ilmu.¹⁰ Sebaliknya, dalam perspektif epistemologi anbiya, manfaat dilihat dalam konteks holistik merangkumi dua tempat, iaitu dunia dan akhirat. Dalam konteks ini, setiap usahawan perlu menggunakan segala ilmu dan kemahiran mencari rezeki untuk mengutamakan manfaat secara bersama. Hal ini selaras dengan pandangan Ibn Khaldun, yang menegaskan bahawa rezeki itu ialah semua bentuk yang membawa kepada manfaat.¹¹ Hakikat ini juga menepati pandangan Prof. Wan Mohd Nor Wan Daud yang menjelaskan bahawa manifestasi dari usaha pembangunan mesti membawa kepada islah atau pembaikan, iaitu manfaat secara holistik.¹²

Kegagalan manusia menggunakan epistemologi Islam atau tidak menurut skala ilmu yang diasaskan oleh anbiya boleh menimbulkan kekeliruan dalam aktiviti pembangunan khususnya keusahawanan. Di mana segala ilmu dan kemahiran yang manusia ada digunakan untuk mendapat kekayaan untuk diri sendiri sahaja, seperti

¹⁰ Utilitarianisme merupakan suatu teori dalam etika normatif yang diasaskan oleh failasuf dan ahli ekonomi English, Jeremy Bantham dan John Stuart Mill lewat abad ke 18M. Jelasnya, asas etika teori dari sudut analisis ekonomi ini adalah berorientasikan kemanusiaan yang melihat kegunaan dunia dan kebahagiaan sebagai baik. Manakala epistemologi yang menggunakan aspek spiritual seperti agama atau wahyu tidak berguna untuk hidup dunia. Fahaman itu adalah kesan dari anutan faham sekularisme yang memisahkan urusan agama dari urusan hidup seharian. Lihat *Encyclopaedia of Britannica*, entri utilitarianism, di <http://global.britannica.com>.

¹¹ Ibn Khaldūn, *Muqaddimah*, h. 381

¹² Lihat kupasan beliau tentang makna islah dan manifestasinya dalam *Pembangunan Di Malaysia*, terutama h. 21-23

amalan kaum kapitalis, atau untuk kehidupan dunia sahaja tanpa kaitan dengan hidup akhirat dan keimanan kepada Allah seperti faham sosialis dan komunis. Al-Quran sifatkan situasi tersebut sebagai golongan keliru dan bertukar dari membawa manfaat kepada kerosakan. Mereka menyangka dengan aktiviti keusahawanan dan pembangunan tersebut telah melakukan islah atau pembaikan, tetapi sebenarnya berbuat fasad atau kerosakan.¹³ Hari ini misalnya, ilmuan yang sepatutnya bertauhid dan bertakwa kepada Allah,¹⁴ dan bukanlah orang yang mempunyai rancangan mendambakan harta perbendaharaan, serta mesti menyampaikan ilmu dengan adil,¹⁵ bertukar menjadi sebaliknya. Dengan pandangan semesta atau epistemologi yang tidak benar, ilmu telah dan sedang dihasilkan untuk tujuan perdagangan dengan sains dan teknologi sebagai pemain peranan utama.¹⁶ Dalam skala baru ini menurut Lyotard, ilmu menjadi bahan dagangan maklumat yang berstatus wajib sebagai pertaruhan termahal dalam persaingan kuasa sejagat. Negara bangsa akan sanggup berperang untuk mengawal maklumat seperti pernah berlaku peperangan untuk mengawal sempadan, mengawal hak dan eksplotasi bahan mentah serta buruh yang murah. Medan baru ini terbuka untuk muslihat perindustrian dan muslihat perdagangan dari satu segi, serta muslihat politik dan ketenteraan dari satu segi yang lain.¹⁷

Medan baru tersebut boleh dilihat dalam dua aspek utama kehidupan, iaitu berkaitan dengan manusia dan alam sekitar. Contoh amalan sistem keilmuan dan

¹³ Lihat misalnya surah al-Baqarah, 2: 11-12. Golongan ini adalah modal insan yang tidak terbangun atau mufsidin dengan hatinya sakit, lantas menjual hidayah dengan membeli kesesatan. Lihat surah al-Baqarah, 2: 9-16. Hari ini, konsep yang hampir serupa muncul dalam dunia perniagaan yang membelakangkan perintah dan larangan Allah semata-mata mencari keuntungan dan kesenangan hidup dunia.

¹⁴ Surah Fāṭir, 35: 28, bermaksud: Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang-orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun.”

¹⁵ Al-Ghazali (1964), *Counsel for Kings*, (Terj. *Nasihat al-Muluk* oleh F.R.C. Bagley), New York-London: Oxford University Press, h. 9

¹⁶ Wan Mohd Nor Wan Daud, *Pembangunan Di Malaysia*, h. 93

¹⁷ Jean-Francois Lyotard (1984), *The Post Modern Condition: A Report On Knowledge* (Terj. dari Perancis oleh G. Bennington dan B. Massumi), Minneapolis: Uni. of Minneapolis Press, h. 4-5

pendidikan moden Barat kini yang telah memperdagangkan nilai kemanusiaan dengan harga kebendaan boleh dilihat dalam bidang kejuruteraan genetik. Di mana, kehidupan manusia pada tahap molekul lagi boleh dipinda dan diubah dengan membeli telur dan menyewa rahim wanita atas nama 'kesempurnaan' teknologi DNA.¹⁸ Manakala dalam mengeksploitasi alam sekitar, lahir satu bidang ilmu dinamakan geoengineering. Iaitu suatu bidang ilmu manipulasi berskala besar terhadap lingkungan global berkaitan penempatan perisai atau tabir suria di angkasa bagi pengawalan cuaca dan manipulasi keseimbangan energi atau kuasa.¹⁹ Dengan kemampuan ini, empunya ilmu kemahiran tersebut boleh mengawal iklim dunia dan berupaya 'mencipta' bencana alam buatan seperti gempa bumi, taufan, tsunami dan sebagainya dengan 'nilai' dagangan atau harga yang mahal.²⁰ Segala keupayaan tersebut disokong pula dengan penguasaan Barat dalam ilmu dan teknologi angkasa lepas serta pelancaran satelit yang memungkinkan segala aktiviti yang berlaku seantero dunia dapat dicerap dengan mudah. Maklumat tersebut diterjemahkan bagi tujuan penguasaan Barat terhadap dunia, terutama melalui penciptaan senjata.²¹ Tegasnya, dengan penguasaan bidang ilmu tersebut, maka muslihat politik dan ketenteraan yang berselindung di balik tabir perindustriaan dan perdagangan menjadi amalan Barat seperti pandangan Lyotard di atas.

¹⁸ Pandangan Anes Ahmad Munawwar dipetik oleh Ziaudin Sardar (1989), *Explorations in Islamic Science*, London: Mansell, h. 99-100

¹⁹ Jerry E. Smith (2013), *Konspirasi Bencana Alam* (Terj. *Weather Warfare* oleh Ahmad Syukron), Jakarta Selatan: PT. Ufuk Publishing House, h. 255-256

²⁰ Lihat huraian Jerry E. Smith, terutamanya bahagian pendahuluan, h. XIII. Gempa bumi misalnya, boleh dicipta berdasarkan permintaan dengan cara menyuntik limbah cairan jauh ke dasar bumi dengan tekanan yang sangat tinggi. Ahli geofizik Jerman dan Inggeris percaya bahawa gempa di Tabas, Iran pada tahun 1978 yang mengorbankan lebih 25 ribu nyawa mungkin dipicu menggunakan ledakan nukliar bawah tanah. Lihat huraian Jerry E. Smith, h. 59-76. Hakikat ini nampak logik dengan andaian bahawa teknologi dunia moden kini berupaya melakukan pembenihan awan untuk menurunkan hujan bagi mengatasi kemarau. Lihat Muka Depan, *Kosmo*, 22 Februari, 2015

²¹ Majalah *New Scientist* menegaskan dengan keupayaan satelit, Barat berjaya mencipta senjata masa depan yang berupaya merentas dunia, terdiri dari 10 jenis seperti robot pemusnah, laser bertenaga tinggi, senjata di angkasa lepas, pesawat hypersonic, senjata microwave, peluru berpandu nuclear, senjata renjatan elektrik, bom microwave, lapisan-lapisan misil dan peperangan maklumat (<http://www.newscientist.com/topic/weapons>). Lihat huraian Pegawai Sains Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Mohd Zamri Shah Mastor (2015), "Kaitan Angkasa Lepas Dengan Senjata Canggih," dalam *Al-Islam*, Tahun ke-41, Bil. 492 (Februari, 2015): 52-55

Nyata sekali bahawa sistem dan amalan keilmuan sebegini membawa kepada kesan negatif dan kesengsaraan kepada ramai pihak. Dalam hal ini, sebarang ilmu atau teori yang lahir dalam skala epistemologi Barat tersebut diibaratkan oleh Prof Osman Bakar sebagai ‘ilmu yang tersilap kandung.’²² Atau dalam istilah Prof. S.M.N. al-Attas pula sebagai ilmu yang ‘terkandung dalam kezaliman.’²³ Ini adalah kerana ilmu tersebut telah hilang maksud dan tujuan tertentu, di samping membawa kepada kekacauan dan huru-hara. Umpamanya, ilmu berkaitan ekonomi tajaan sistem kapitalis yang mengamalkan riba membawa kepada penindasan, jurang ekonomi, perjudian, monopoli dan spekulasi.²⁴ Pada hal, ilmu sepatutnya membawa kepada ketenteraman, keamanan dan keadilan kepada manusia sepertimana seruan para anbiya.

Dalam skala anbiya, ilmu kemahiran seperti keusahawanan perlu berintegrasi dengan wahyu supaya boleh memberi manfaat maksimum kepada manusia. Kesepaduan tersebut diumpamakan sebagai seponon pokok yang hanya nampak batang, dahan dan buah untuk manfaat manusia, namun bergantung kepada akar yang ‘ghaib’ di bawah tanah untuk terus hidup. Prinsip kesepaduan ini ditegaskan oleh Osman Bakar sebagai:

“Akar umbi ilmu ialah wahyu, iaitu fenomena ghaib yang tersembunyi dari pada pandangan biasa manusia, samalah halnya dengan akar umbi pokok yang biasa terbenam tersembunyi di bawah tanah. Teras ilmu adalah tauhid, iaitu ilmu tentang keesaan Allah, ilmu yang mempertemukan semua cabang ilmu sepertimana juga batang dan teras pokok yang mempertemukan semua cabang dan rantingnya.”²⁵

²² Osman Bakar (1994), “Mewujudkan Tamadun Ilmu Berlandaskan Tauhid,” dalam Baharuddin Ahmad, *Falsafah Sains Daripada Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 130

²³ S.M. N. Al-Attas, *Islam Faham Agama dan Asas Akhlak*, h. 90

²⁴ Kesan riba bukan hanya menempah keburukan di dunia, menzalimi orang lain, malah juga diri sendiri. Di akhirat pula dibangkitkan seumpama orang dirasuk syaitan dan dihumban ke neraka. Lihat surah al-Baqarah, 2: 275

²⁵ Osman Bakar (1991), “Keistimewaan Nama Kesturi,” *KESTURI*, (4), 1: 2. Idea beliau di atas nampak selaras dengan konsep integrasi ilmu pandangan Imam Suprayogo, Pengasas Universitas Islam Negeri (UIN), Malang, Indonesia, melalui pohon ilmu UIN Maliki, Malang. Ibarat sebatang pohon, metafora pengintegrasian antara ilmu dan wahyu digambarkan dengan akar dan batang berpunca dari atau berteraskan wahyu, manakala cabang dan dahan pohon merupakan bidang-bidang ilmu seperti psikologi, matematik, ekonomi dan sebagainya yang nampak zahir. Lihat Wahyudi Siswanto (2013), *Teladan Sang Pemimpin*, Malang: Genius Media, h. 165

Hakikat di atas menggambarkan dua bentuk sistem keilmuan yang berbeza iaitu antara perspektif Islam atau anbiya dengan perspektif Barat. Jika anbiya atau Islam dengan sistem ilmu yang sepadu mengarahkan kepada kebaikan menyeluruh, dalam sistem keilmuan Barat pula, ilmu tidak membawa ke arah kebaikan secara holistik. Keadaan ini berlaku ekoran pengaruh fahaman sekularisme buatan Barat yang mengamalkan konsep pemisahan ilmu yang berorientasikan kehidupan dunia dari ajaran agama. Dalam skala sekularisme, ilmu yang bermanfaat hanyalah lahir dari sumber kemanusiaan seperti menerusi akal, pengkajian dan pengalaman. Sementara ajaran agama dengan wahyu dan amalan rohani tidak boleh dinamakan ilmu atau bukan bersifat saintifik dan non-eksperimental.²⁶

Dengan proses penjajahan yang dilakukan oleh Barat pada suatu ketika dan proses globalisasi sekarang, fahaman pemisahan ilmu ini menular ke serata dunia. Teori-teori buatan manusia misalnya teori ekonomi kapitalis, teori klasik seperti pengurusan saintifik Frederick Taylor, teori organisasi oleh Max Weber, teori tingkah laku atau motivasi oleh Abraham Maslow, Sigmund Freud dan teori humanistik oleh Elton Mayo dan rakan-rakan, telah lama dihadam dan dipraktikkan dalam pelbagai bidang. Begitu juga dengan teori nilai dalam organisasi seperti Model Peristiwa Kritis oleh Nedler, teori Bandura dan lain-lain sekian lama digunakan oleh Muslim atau negara umat Islam. Meskipun mungkin teori-teori tersebut tidak salah secara umum, bagaimanapun tidak pula benar secara khusus. Ini kerana, dalam skala Islam, manusia merupakan hamba dan khalifah Allah perlu menggunakan ilmu untuk mentauhidkan Allah, pada hal hakikat ini tidak berlaku dalam sistem keilmuan Barat. Dalam aspek lain, ukuran kebenaran yang datang dari ilmu yang lahir dari fakulti kemanusiaan tersebut pula boleh berubah mengikut zaman atau keadaan. Dalam hal ini, manusia

²⁶ Huraian lanjut tentang implikasi pemisahan ilmu ini boleh dilihat dalam Ramli Awang et.al (2014), "The Impact of Separation Between Science and Religion: An Observation" *The Social Sciences* 9 (1): 37-41, 2014 (<http://www.medwelljournals.com>)

boleh diumpamakan sebagai ‘teks sastera’ yang terdedah kepada kaedah dan pelbagai teori kritikan, di mana spekulasi menjadi penentu utama dalam metode penilaian tanpa memahami status manusia dan hakikat amal ibadat.²⁷ Sedangkan, amal ibadat menjadi kriteria utama usahawan Muslim.²⁸ Begitu juga, ukuran kebenaran menurut sistem keilmuan Islam ditentukan oleh Allah, bukannya manusia. Kebenaran sepatutnya bersifat mutlak dan tidak boleh berubah. Jelas sekali, ilmu tidak bersalah. Bagaimanapun, pemahaman dan amalan pemisahan ilmu dalam faham sekularisme Barat yang jelas bersalah serta bertentangan dengan kesepaduan ilmu yang dicanangkan oleh para anbiya.

Konsep kesepaduan ini juga bermakna menerima epistemologi dan pandangan semesta yang dibawa oleh anbiya perlu dalam konteks keseluruhan sistem kehidupan politik, ekonomi dan sosial, bukan serpihan bidang keusahawan sahaja. Ini kerana tuntutan bertauhid dengan Allah memerlukan manifestasi semua urusan hidup manusia diorientasikan kepada ajaran-Nya sahaja. Hakikat inilah yang diperjuangkan oleh para anbiya dalam dakwah mereka siang dan malam agar manusia melaksanakan sistem hidup yang diperintahkan Allah dan menolak amalan yang bertentangan dengan kehendak-Nya. Dalam konteks ini, prinsip pandangan semesta dan kerangka keimanan yang dibawa oleh para anbiya perlu dijadikan sebagai paksi kehidupan sekurang-kurangnya bagi umat Islam, jika tidak kepada seluruh manusia.²⁹ Manakala seluruh sistem hidup yang tidak selaras dengan skala semesta anbiya, terutamanya berkaitan dengan bidang keusahawanan perlu ditinggalkan sedikit demi sedikit, jika tidak sekali gus.

²⁷ Roslan Jelani (2004), “Amalan Pengurusan Islam Di Malaysia,” Kertas Kerja Kursus Pengurusan Islam, INTAN, Bukit Kiara, pada 10-12 Ogos, 2004

²⁸ Lihat Mohd Faizal P. Rameli, Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, dan Kalsom Ab. Wahab, “The Entrepreneurs Characteristic from al-Quran and al-Hadis”, h.192-193

²⁹ Lihat huraian Nik Abdul Aziz Nik Mat (2006), *Sirah Nabawiyah: Insan Teladan Sepanjang Zaman*, Kuala Lumpur: Nufair Street Sdn Bhd, h. 25

Dalam konteks ini, kesedaran ke arah keperluan serta implementasi Islam sebagai cara hidup termasuk berkaitan keusahawanan khususnya di Malaysia telah lama wujud dan masih berterusan. Kesedaran dan amalan ini perlu diperkasa dan dibudayakan serta diterima sebagai suatu jenama secara serius sehingga ke tahap amalan keusahawanan bukan Islam dan yang bertentangan dengan ajarannya, seperti dari jenama kapitalis tidak lagi tergambar dalam kotak minda Muslim, apatah lagi menjadi amalan dan budaya. Usaha ini tidak mudah dan memerlukan sokongan dari semua pihak yang terlibat dari peringkat bawah sampai pihak pengurusan tertinggi dan melibatkan semua aspek politik, ekonomi dan sosial. Sebagai contoh, pengamal media serta teknologi maklumat dan komunikasi, perlu bertindak sebagai pewaris anbiya yang bekerja membangunkan tauhid dan menjauhi taghut. Sokongan ini akan memperkukuhkan serta memperkasakan akidah modal insan yang semestinya lahir dari sistem pendidikan yang berorientasikan falsafah tauhid dalam seluruh bidang profesional termasuk keusahawanan dan pengurusan perniagaan. Di sinilah akan tercapai maksud mana-mana kerjaya atau kerja sebagai usahawan itu berperanan sebagai penyaksi kebenaran, atau lebih tepat lagi mempraktikkan tauhid menerusi pekerjaan.³⁰

Bidalan kata menyebut: ‘Bagimana acuan maka begitulah kuihnya.’ Justeru, kepentingan pemahaman terhadap prinsip ini tergambar seumpama pentingnya peta kepada pengembara, atau resipi kepada tukang masak. Ia menjadi rujukan minda terhadap kedudukan sesuatu perkara atau kerja yang hendak dipraktikkan dalam pembinaan tamadun khususnya pembangunan modal insan. Dalam konteks ini, Baginda Nabi Muhammad SAW telah mengasaskan pemahaman masyarakat Makkah terhadap

³⁰ Al-Quran menggunakan konsep *ummatan wasatā*, yakni sebagai penyaksi kebenaran dan pengimbang kepada manusia. Lihat surah al-Baqarah, 2: 143. Ingat akuan Muslim bahawa seluruh hidup dan mati adalah kerana Allah. Lihat surah al-An‘ām, 6: 162

pandangan semesta ini selama tiga belas tahun. Acuan atau kerangka konsep tersebut dimanifestasikan pula dalam bentuk realiti pembinaan tamadun Islam pada era Madinah.

Ringkasnya, prinsip kerangka ini memastikan setiap modal insan khususnya usahawan memahami tasawwur Islam yang boleh diperincikan seperti berikut.³¹

- (i) Allah sebagai pemilik dan penguasa
- (ii) Manusia sebagai pemegang amanah dan pengamal
- (iii) Alam sebagai medan dan skala waktu
- (iv) Ilmu fardu ain dan kifayah sebagai kerangka nilai
- (v) Sumber alam sebagai peralatan
- (vi) Usaha atau ibadat sebagai perkaedahan
- (vii) Akhirat serta keredaan Allah sebagai matlamat.

6.2.2. Dari segi proses atau teknik

Semua Muslim perlu berpegang dengan prinsip bahawa semua aktiviti hidup termasuk hal ehwal keusahawanan sebagai suatu proses merealisasikan keimanan. Secara umum, iman merupakan gabungan tiga elemen, iaitu yakin, ikrar dan amal.³² Yakin merupakan ketasdkan hati terhadap perintah dan larangan Allah yang disampaikan oleh anbiya khususnya bersabit aktiviti keusahawanan. Manakala ikrar adalah pernyataan lidah terhadap kebaikan melakukan perintah dan keburukan larangan tersebut. Sementara amalan merupakan suatu bentuk manifestasi dari rasa yakin dan kepatuhan terhadap apa yang diikrar berkaitan aktiviti keusahawanan tersebut dalam bentuk tindakan.

³¹Ubahsuai dari pandangan Syukri Salleh (2003), *7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*, Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn. Bhd.

³²Al-Quran merakamkan banyak contoh kesepaduan elemen yakin, ikrar dan amal sebagai makna iman seperti yang dilakukan oleh anbiya. Misalnya surah al-Baqarah, 2: 260; 2: 25; surah al-Hujurat, 49: 15; surah al-Anfal, 8: 2-4 dan lain-lain.

Ringkasnya, aktiviti keusahawanan seseorang merupakan penzahiran keimanan dalam kehidupan atau profesion melalui pelbagai proses atau teknik. Berikut adalah antara bentuk atau teknik dalam proses penzahiran keimanan tersebut.

1. Aktiviti keusahawanan sebagai bentuk amal soleh

Islam menegaskan bahawa tujuan utama manusia dicipta adalah untuk berbakti kepada Allah dengan melakukan ibadat atau amal soleh. Amal soleh boleh dizahirkan dalam dua bentuk asas. Pertama, menerusi ibadat khusus seperti yang terkandung dalam lima rukun Islam seperti solat dan zakat. Kedua, melalui ibadat umum yang berkaitan dengan bidang kehidupan yang diceburi seperti keusahawanan. Bagaimanapun, bentuk dan proses ibadat umum tertakluk kepada syarat tertentu, antaranya berniat ikhlas kepada Allah dan aktiviti tersebut sah di sisi Islam. Dalam hal ini, usahawan mesti terlibat dengan kedua-dua bentuk amal soleh tersebut. Maksudnya, aktiviti usahawan seperti berusaha dan berniaga mestilah menepati syarat amal soleh, manakala usahawan itu sendiri mestilah melakukan amal soleh dalam bentuk pertama, yakni ibadat khusus.

Umumnya, para anbiya menyampaikan perintah Allah agar manusia melakukan ibadat khusus. Contohnya, nabi Ibrahim dan anaknya, Ismail telah diperintahkan oleh Allah membangunkan semula Kaabah sebagai tapak dan cara untuk menunaikan ibadat khusus tersebut. Kemudian, manusia selepas mereka melakukan ibadat khusus seperti solat dan haji berdasarkan manasik yang diasaskan oleh mereka. Kaabah menjadi kiblat bagi ibadat solat dan tempat bertawaf bagi ibadat haji atau umrah. Dalam hal ini, semua manusia sebagai hamba Allah wajib secara hakiki dan aini melakukan ibadat khusus atau amal soleh tersebut. Kepentingan melakukan amal soleh bentuk pertama ini adalah untuk manfaat dan pembangunan diri manusia itu sendiri, bukan sebaliknya kepada

Allah. Hal ini kerana manusia bertaraf hamba yang berada di pihak lemah, manakala Allah pula adalah tuan yang bersifat Maha Berkuasa sebagai Pencipta. Apatah lagi profesion sebagai usahawan yang sentiasa mengharapkan limpah kurnia dan rezeki daripada-Nya, lebih lagi memerlukan penggantungan terhadap Allah. Dalam hal ini, Nabi Nuh AS misalnya mengarahkan pengikutnya agar melakukan amal soleh dengan bertaubat dan beristighfar kepada Allah agar Dia mengurniakan rezeki.³³ Begitu juga dengan seruan Nabi Saleh kepada kaum Thamud yang diberikan nikmat untuk memakmuri muka bumi agar menyembah Allah dan memohon keampunan-Nya.³⁴ Hakikat yang serupa perlu dilakukan oleh umat Muhammad hari ini. Al-Quran menganjurkan agar manusia melakukan amal soleh dengan banyak berzikir dan beristighfar supaya Allah mengurniakan rezeki dengan berlipat kali ganda.³⁵ Proses ini adalah suatu metode dakwah yang menarik, di mana dengan taat dan melakukan amal soleh seperti bertaubat, Allah akan menurunkan keberkatan kepada manusia dengan limpahan rezeki berupa harta yang pelbagai dan keturunan yang ramai.³⁶

Bagi usahawan yang majoritinya melakukan urusan perniagaan dan perkhidmatan yang sering bermain dengan kiraan untung atau rugi,³⁷ ibadat khusus seperti solat dan zakat acap kali dilihat dari sisi angka. Dalam hal ini, Imam Tirmizi

³³ Surah Nūh, 71: 10-12 bermaksud: "Sehingga aku (Nuh) berkata (kepada mereka): 'Pohonkanlah ampun kepada Tuhan kamu, sesungguhnya Dia Maha Pengampun. (Sekiranya kamu berbuat demikian), Dia akan menghantarkan hujan lebat mencurah-curah kepada kamu dan akan memberi kepada kamu dengan banyaknya harta kekayaan serta anak-pinak; dan Dia akan mengadakan bagi kamu kebun-kebun tanaman, serta mengadakan bagi kamu sungai-sungai (yang mengalir di dalamnya).'"

³⁴ Surah Hud, 11: 61, bermaksud: "Dan kepada kaum Thamud, Kami utuskan saudara mereka Nabi Saleh. ia berkata: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! Sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripada-Nya. Dia lah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya. Oleh itu mintalah ampun kepada Allah dari perbuatan syirik, kemudian kembalilah kepada-Nya dengan taat dan tauhid. Sesungguhnya Tuhanku sentiasa dekat, lagi sentiasa memperkenankan permohonan hamba-Nya."

³⁵ Surah Muhammad, 47: 19. Juga Mohd Faizal P. Rameli, Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, dan Kalsom Ab. Wahab, "The Entrepreneurs Characteristic from al-Quran and al-Hadis", h.193

³⁶ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, h. 4: 425

³⁷ Untung apabila ada lebihan terhadap dua unsur pengeluaran utama iaitu usaha dan modal. Rugi pula apabila berlaku sebaliknya. Muhammad Murtada al-Zabidi (1306), *Taj al-'Arūs*. Juz. 6, Mesir: al-Matba'ah al-Khayriyyah, h. 279. Untuk detail konsep untung dan rugi, lihat Mohammad Taqiuddin Mohamad et al. (2012), "Analisis Kaedah Pengukuran Untung (al-Ribh) dari Perspektif Muamalat Islam," *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*, 59 (2012): 135-140

merakamkan suatu hadis yang menjelaskan bahawa amal seseorang yang mula-mula dihisab pada hari kiamat adalah solat. Jika solatnya diterima, maka dia beruntung. Jika solatnya ditolak, maka dia akan rugi.³⁸ Islam menetapkan pahala setiap amal soleh manusia dibalas oleh Allah dalam kiraan berganda sebagai bonus. Misalnya, solat berjamaah mempunyai nilai 27 kali ganda berbanding solat bersendirian.³⁹ Manakala bersolat di masjid Nabi di Madinah menyamai seribu kali solat di masjid lain, melainkan di Masjidil Haram, Makkah yang menyamai seratus ribu kali.⁴⁰ Meskipun tidak ramai yang berupaya ke sana, namun terdapat banyak masjid yang berada di persekitaran kehidupan manusia yang boleh dikunjungi untuk beribadat dan dimakmuri. Usahawan yang memakmuri masjid Allah merupakan contoh modal insan terbangun dan mendapat hidayah.⁴¹ Sementara beribadat dan melakukan amal soleh pada malam al-Qadar pula melebihi nilai seribu bulan.⁴² Lantaran itu, setiap manusia harus merebut peluang tawaran daripada Allah ini untuk mendapat keuntungan dan menjauhi kerugian dengan melakukan amal soleh. Tegasnya, setiap usahawan mesti menepati prinsip ini, iaitu wajib melakukan amal soleh. Apabila mematuhi, merekalah contoh modal insan terbangun dan berjaya, iaitu menyemai benih amal soleh di dunia dan menuai hasil di akhirat.⁴³

Namun begitu, penyempurnaan ibadat khusus memerlukan kepada tuntutan agar manusia menceburi bidang kehidupan yang dinamakan profesion atau pekerjaan. Iaitu

³⁸ Hadis dari Abū Hurairah riwayat Ibn Mājah, *Sunan*, bāb ma jā'a fi awwal ma yuḥāsibu bihi, hadis no. 1415, h. 4: 349; Aḥmad, *Musnad*, Bab hadis Tamim al-Dari r.a., hadis no. 16342, h. 34: 306

³⁹ Hadis masyhur diriwayatkan oleh ramai, antaranya Imam Bukhārī daripada Abdullah bin Umar nabi bersabda: "Solat berjamaah lebih afdal dari solat sendirian sebanyak dua puluh tujuh kali ganda." Lihat *Ṣaḥīḥ*, bab faḍl ṣolāt al-jamā'ah, hadis no. 609, h. 3: 34; Muslim, *Ṣaḥīḥ*, bāb faḍl ṣolāt al-Jama'ah wa bayan, hadis no. 1038, h. 3: 377. Manakala menerusi sanad Abu Sa'īd al-Khudri pula menyatakan kelebihan tersebut sebanyak 25 kali ganda. Lihat Bukhari hadis no. 610; Muslim, hadis no. 1036

⁴⁰ Ahmad, *Musnad*, bab Jabir bin Abdullah, hadis no. 14733, h. 30: 238 dan banyak hadis dalam bab musnad Abdullah bin Umar, misalnya, hadis no. 6147, hlm. 13: 184. Juga al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ*, hadis no. 1116; Muslim, *Ṣaḥīḥ*, hadis no. 2472; Ibn Mājah, *Sunan*, hadis no. 1394

⁴¹ Surah al-Taubah, 9: 18

⁴² Surah al-Qadr, 97: 1-5

⁴³ Proses ini disebut oleh Mohd Zaini Mohd Ariff dan Muhd Kamil Ibrahim sebagai 'usahawan akhirat'. Lihat buku mereka (2014), *Usahawan Akhirat*, Petaling Jaya: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.

manusia melakukan tugas harian atau berusaha mencari rezeki untuk kesihatan dan memenuhi keperluan tubuh badan bagi meneruskan kehidupan agar boleh melakukan amal soleh dalam bentuk ibadat khusus tersebut. Dalam hal ini, setiap manusia wajib bekerja atau berusaha untuk keperluan hidup supaya mereka boleh beribadat kepada Allah. Tugas atau aktiviti kehidupan inilah yang dimaksudkan sebagai amal soleh dalam bentuk ibadat umum.

Pekerjaan sebagai usahawan sebagai contoh, merupakan suatu bentuk amal soleh yang diiktiraf oleh Islam dengan teladan datang dari anbiya termasuk nabi Muhammad SAW sendiri. Hal ini kerana dengan aktiviti keusahawanan yang dilakukan, maka keperluan hidup manusia lain dapat dipenuhi. Indahnyanya amal seseorang usahawan lantaran dari hasil kerjanya dapat memberikan manfaat bukan setakat kepada diri sendiri, tetapi juga manusia lain. Secara rasional, manfaat dari hasil kerja seorang usahawan dalam bentuk ibadat umum ini bersifat kekal, lebih terbuka dan berterusan, berbanding dengan ibadat khusus yang lebih bersifat individu. Umpamanya, sebuah jambatan yang dibina oleh sebuah syarikat pembinaan boleh digunakan oleh ramai orang secara kekal selagi tidak musnah. Sedangkan ibadat khusus, misalnya doa yang dibacakan oleh seorang Imam sempena perasmian untuk membuka penggunaan jambatan tersebut akan tamat sebaik sahaja selesai doa dibacakan. Ringkasnya, hasil kerja usahawan tersebut berupa amal soleh yang berterusan menepati penjelasan hadis Nabi Muhammad SAW bahawa apabila seseorang insan meninggal dunia, maka terputuslah amalannya melainkan dalam tiga bentuk: Doa anak yang soleh, amal jariah dan ilmu yang bermanfaat.⁴⁴ Dalam konteks ini, usahawan yang membina jambatan tersebut menepati dua darinya, iaitu amal jariah dan ilmu yang bermanfaat. Lantaran itu,

⁴⁴ Lafaz masyhur ialah *idhā māta al-insān*, bukan *ibn Ādam*. Lihat Aḥmad, *Musnad*, hadis no. 8489; Muslim, *Ṣaḥīḥ*, hadis no. 3084; Abū Dawūd, *Sunan*, hadis no. 2494; al-Tirmīzī, *Sunan*, hadis no. 1297; al-Nasa'i, *Sunan*, hadis no. 3591; Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ*, hadis no. 3080; Al-Baihaqi, *Sunan al-Kubrā*, Juz 6, h. 6: 278

kefahaman tentang hakikat amal ibadat dan pengurusan rezeki sebagai amanah Allah merupakan satu keperluan.⁴⁵

Tegasnya, pekerjaan sebagai usahawan apabila menepati syarat merupakan sebahagian dari bentuk ibadat dan amal soleh dalam Islam yang mempunyai kedudukan terpuji. Hakikat ini diakui oleh Nabi Muhammad SAW dalam sabda Baginda di mana peniaga yang amanah akan dibangkitkan pada hari kiamat bersama para anbiya, syuhada dan orang-orang yang benar.⁴⁶ Lantaran itu, aktiviti keusahawanan tidak boleh bertentangan dengan syariat Islam sama ada dari segi transaksi, jenis barangan serta amalan usahawan itu sendiri bagi menepati maksud amal soleh.

2. Keusahawanan sebagai amar makruf dan nahi mungkar

Para anbiya telah meletakkan urusan dan aktiviti keusahawanan sebagai suatu cara untuk menegakkan amar makruf dan nahi mungkar. Amar makruf atau anjuran melakukan kebaikan dan nahi mungkar atau tegahan melakukan kerosakan merupakan perintah Allah yang wajib dilaksanakan.⁴⁷ Dalam konteks ini, para anbiya seperti nabi Syuaib telah menjadikan urusan keusahawanan sebagai salah satu cara untuk menegakkan makruf dan mencegah mungkar. Hakikat ini terserlah melalui anjuran Baginda agar kaum Madyan melakukan urusan jual beli dengan menyempurnakan sukatan dan timbangan serta menegah mereka dari melakukan penipuan dalam transaksi jualan.⁴⁸ Contoh yang sama dilakukan oleh anbiya yang lain dengan Nabi Muhammad SAW sendiri pernah masuk ke pasar Madinah memantau aktiviti jualan. Sekali Baginda

⁴⁵ Lihat huraian lanjut tema “Urus Rezeki” dalam majalah *Iman*, Bil. 36, (2015), terutama h. 16-23

⁴⁶ Hadis daripada Abu Sa’id riwayat al-Tirmīzī, *Sunan*, bab ma jā’ a fī al-tujjār, hadis no. 1130, h. 4: 471. Ibn Mājah pula meriwayatkan daripada Ibn ‘Umar dengan maksud peniaga yang amanah pada hari kiamat dibangkit bersama-sama dengan syuhada’. Lihat *Sunan*, bab al-hath ‘ala al-makasib, hadis no.2130, h. 6: 356. Begitu juga dengan riwayat al-Tabrani, *al-Mu’jam al-Kabīr*, hadis no. 577

⁴⁷ Lihat misalnya surah Āli ‘Imrān, 3: 104; 3: 114; surah al-A’rāf, 7: 157; surah al-Taubah, 9: 71

⁴⁸ Kaum Madyan merupakan contoh para pedagang yang melakukan transaksi fasad. Lihat surah al-A’rāf, 7: 85-86; Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 237

memasukkan tangan ke dalam timbunan barang jualan seorang peniaga dan mendapati bijian tersebut basah serta busuk. Peniaga maklumkan bahawa sebahagian barang tersebut rosak terkena hujan dan dia meletakkan yang elok di atas bagi menutupi yang busuk di bawah. Baginda lantas menegahnya serta menegaskan bahawa bukan kalangan orang yang beriman yang melakukan transaksi dengan cara menipu.⁴⁹

Islam mempunyai cara melakukan aktiviti keusahawanan yang tersendiri. Umpamanya, barangan yang didagangkan perlu halal. Transaksi perniagaan pula mesti jelas dan adil, serta tidak zalim dan menindas. Lantaran itu, sebarang bentuk ketidakadilan dalam urusan keusahawanan atau perniagaan perlu dibasmikan. Usahawan perlu menunjukkan contoh aktiviti keusahawanan yang halal serta adil sebagai cara menganjurkan makruf. Dalam masa yang sama perlu menjauhi dan menegah wujudnya sebarang bentuk perniagaan yang haram seperti berunsurkan riba, monopoli, hording, spekulasi atau gharar sebagai cara menegah mungkar. Realiti kini, transaksi dan aktiviti keusahawanan yang berlaku dalam kalangan umat Islam sudah menghayati bentuk keusahawanan yang halal sebagai anjuran makruf.⁵⁰ Namun demikian, dalam masa yang sama masih terdapat juga bentuk aktiviti keusahawanan yang haram atau mungkar.⁵¹

Ada kemungkinan berlaku kesukaran untuk menghapuskan terus aktiviti keusahawanan mungkar kerana muncul dalam banyak bentuk melibatkan niat, proses atau matlamat. Misalnya, dalam aspek kerangka, masih ramai beranggapan bahawa Allah bukan merupakan pemilik mutlak rezeki. Impaknya, ramai usahawan seperti

⁴⁹ Lihat al-Tirmizī, *Sunan*, bāb ma jā'a fi kirahiyat al-ghishah fi al-buyu', hadis no. 1236, h. 5: 143; Juga Ibn Mājah, *Sunan*, bab al-nahy an al-ghish, hadis no. 2216

⁵⁰ Di Malaysia, pihak berwajib seperti JAKIM mewar-warkan halal hub dan melalukan banyak perkara untuk promosi perniagaan halal bukan sahaja secara lokal tetapi juga global. Lihat misalnya, Abdul Raufu Ambali dan Ahmad Naqiyuddin Bakar (2013), "Halāl food and products in Malaysia: People's awareness and policy implications," *Intellectual Discourse*, vol.21:1 (2013): 7-32

⁵¹ Dalam konteks dunia moden kini, ada bentuk perniagaan dengan status halal dan haram bukan atas asas agama, tetapi atas asas legal atau illegal seperti perniagaan judi haram kerana beroperasi tanpa lesen.

kontraktor sanggup bertindak luar batasan seperti menfitnah atau membunuh untuk memenangi kontrak. Aktiviti keusahawanan lebih mementingkan keuntungan dan tidak mementingkan manfaat ramai, halal dan berkat. Hasilnya, ada usahawan makanan misalnya, sanggup mencampurkan bahan makanan dengan sesuatu yang tidak baik, haram dan tidak berkhasiat untuk mendapat untung yang lebih.⁵² Kadang kala, urusan keusahawanan yang sudah sebatu dengan budaya sesuatu masyarakat seperti fahaman ekonomi kapitalis yang mengamalkan sistem riba menyebabkan pandangan semesta masyarakat melihat banyak kebaikan dalam sistem tersebut dan tidak mudah untuk diubah.

Kisah anbiya dengan jelas membuktikan bahawa sebarang bentuk keusahawanan yang baik perlu ditegakkan dan sebarang bentuk keusahawanan yang buruk perlu dihentikan. Para anbiya terus berusaha sehingga kebaikan ditegakkan dan tidak berhenti berusaha sehingga kemungkaran dihapuskan. Dalam pegangan Muslim hari ini, prinsip tersebut diperkukuhkan dengan hadis ‘tegahan mungkar’ yang menegaskan sebarang bentuk keburukan perlu dicegah secara tertib sama ada dengan tangan, lisan atau hati.⁵³ Lantaran itu, usahawan Muslim wajib mempromosi dan membudayakan semua bentuk aktiviti serta urusan keusahawanan yang baik dan halal sebagai cara amar makruf. Dalam masa yang sama keusahawanan mungkar wajib dibanteras. Setidak-tidaknya mereka tidak boleh terlibat dengan sebarang bentuk keusahawanan mungkar. Ataupun menyimpan tekad benci di hati supaya suatu masa nanti tiada lagi gambaran

⁵² Malaysia pernah dikejutkan dengan pengilang Bihun mencampurkan bahan plastik dalam makanan tersebut untuk mendapat untung yang lebih. Kilang tersebut diarahkan tutup. Kes serupa juga berlaku di Kepala Batas, Pulau Pinang apabila sebuah kilang yang beroperasi sejak 5 tahun lalu mencampurkan daging dan perut babi bagi menghasilkan bebola ikan. Lihat *Kosmo*, 17 Februari, 2015. Ingat kes serupa dalam kisah Khalifah ‘Umar al-Khattab tentang ibu dan anak yang mencampurkan air dengan susu jualan supaya menjadi banyak untuk mengaut untung. Umar mencegah perbuatan tersebut.

⁵³ Hadis daripada Abū Sa‘īd al-Khudrī beliau mendengar Baginda bersabda: “Sesiapa yang melihat perkara mungkar hendaklah menegahinya dengan tangan. Sekiranya tidak berkuasa, maka dengan lidahnya, dan jika sekiranya tidak berkuasa hendaklah dengan hati. Itulah selemah-lemah iman.” Riwayat Muslim, *Ṣaḥīḥ*, Bāb bayān kawn al-nahy an al-mungkar, hadis no. 70; Juga Ibn Mājah, *Sunan*, Bāb al-Amr bi al-Ma’ruf wa al-nahy an al-mungkar, hadis no. 4003

kesusahawanan mungkar menjadi budaya dalam komuniti Muslim atau dalam negara Islam.

3. Keusahawanan sebagai cara berdakwah dan berjihad

Prinsip ini meletakkan semua bentuk aktiviti keusahawanan sebagai suatu cara merealisasikan tugas dakwah dan jihad pada jalan Allah. Hakikat ini dapat difahami menerusi kefahaman tentang tugas asasi serta rasmi para anbiya adalah menyeru manusia ke jalan Allah. Medium dan tema yang digunakan mereka adalah pelbagai termasuk aktiviti keusahawanan. Dengan dua metode yang dijelaskan sebelum ini, iaitu sebagai pengimbang kepada aktiviti keusahawanan ataupun turut sama terlibat sebagai usahawan, para anbiya menerapkan mesej dakwah serta turut berjihad agar manusia beriman dengan Allah. Hakikat ini terserlah menerusi banyak kisah yang diaplikasikan oleh anbiya.

Nabi Allah Sulaiman menyeru Balqis agar beriman dengan Allah, sedangkan Baginda sendiri turut bersyukur dengan pelbagai nikmat kurniaan-Nya. Habil putera Adam AS menunjukkan contoh dakwah melalui teladan sewaktu melakukan ibadat korban dengan hasil pertanian yang terbaik secara ikhlas dalam merealisasikan perintah bapanya menjunjung syariat Allah. Kesungguhan para anbiya menyampaikan dakwah, berterusan siang dan malam sampai ke tahap maksimum sehingga sanggup berjihad dengan harta dan nyawa. Nabi Ibrahim misalnya, sanggup menggadaikan nyawa menegur aktiviti keusahawanan dan dagangan berhala yang tidak benar, sehingga ditangkap dan dibakar. Nabi Nuh AS memanfaatkan bahtera hasil dari aktiviti keusahawanan sebagai cara merealisasikan dakwah dan jihad pada jalan Allah. Begitu juga Nabi Daud AS menggunakan kemahiran membuat baju besi untuk berperang

melawan musuh Allah. Tegasnya, aktiviti keusahawanan yang dilakukan oleh para anbiya tidak terlepas dari proses merealisasikan dakwah agar manusia beriman dengan Allah serta sebagai cara berjihad pada jalan-Nya.

Perlu diingati bahawa para anbiya mendekati masyarakat dengan menunjukkan contoh yang baik atau membetulkan kesalahan yang berlaku dalam masyarakat. Mereka juga macam orang biasa, cuma mendekati masyarakat dengan membawa akidah yang benar.⁵⁴ Peluang ini misalnya telah digunakan oleh Nabi Ibrahim untuk mendekati masyarakat dengan menerapkan akidah yang benar terhadap kaumnya. Kata Profesor M. Amin Aziz: “Ibrahim mula-mula bukanlah apa-apa. Ia seorang yang sedang belajar jadi tukang kayu, dan menjual patung di jalanan. Kemudian ia jadi pengembala. Kemudian manusia dengan asal usul sederhana ini berubah menjadi manusia yang paling besar dalam sejarah. Ia memperkenalkan suatu keyakinan monoteistik yang dalam perkembangan sejarah menjadi dasar...”⁵⁵ Jika para anbiya yang bermula dengan manusia biasa dan dilantik oleh Allah menjadi rasul mendekati masyarakat, maka usahawan juga perlu bersikap demikian. Para usahawan juga orang yang mendekati masyarakat dengan menabur berbakti menerusi pelbagai perkhidmatan atau produk keusahawanan. Lantaran itu, peluang ini perlu digunakan untuk berdakwah dan berjihad pada jalan Allah.⁵⁶

Barang kali generasi terdahulu memahami prinsip ini lantas meletakkan aktiviti perdagangan sebagai aktiviti dakwah. Atau mereka berdakwah menerusi aktiviti perdagangan. Atau selain mahir berniaga, mereka juga pendakwah. Kesannya, Islam

⁵⁴ Pandangan Ali Syariati dipetik oleh M. Amin Aziz (2012), *The Power of al-Fatihah*, h. 502

⁵⁵ Ibid, h. 502. Ingat firman Allah tentang Baginda yang bermaksud: “Bukanlah Nabi Ibrahim itu seorang pemeluk agama Yahudi, dan bukanlah ia seorang pemeluk agama Kristian, tetapi ia seorang yang tetap di atas dasar tauhid sebagai seorang Muslim (yang taat dan berserah bulat-bulat kepada Allah), dan ia pula bukanlah dari orang-orang musyrik.” (Surah Āli ‘Imrān, 3: 67)

⁵⁶ Yunus Olalekan Muhammadul-Awwal, “Importance of Entrepreneurship In The Effectiveness of Dā‘ī,” h. 106-119

tersebar ke serata dunia termasuk sampai ke Nusantara antaranya melalui jalan perdagangan yang disampaikan oleh para pedagang.⁵⁷ Dalam konteks ini, maka usahawan Muslim hari ini perlu meletakkan prinsip bahawa semua aktiviti keusahawanan bukan hanya setakat mencari keuntungan harta, tetapi juga sebagai proses dakwah dan jihad untuk membangunkan modal insan agar beriman dengan Allah. Proses ini boleh berlaku dengan dua cara. Pertama, bekerja sebagai usahawan serta bertugas sebagai pendakwah. Atau kedua, penerapan secara integrasi bahawa semua aktiviti keusahawanan bukan sahaja suatu bentuk profesion, malahan sebagai ibadat dan dakwah pada jalan Allah. Cara kedua ini mungkin berdepan dengan cabaran dan perlu berjihad untuk menegakkan yang makruf menerusi bentuk keusahawanan yang diharuskan oleh Allah dan mencegah aktiviti keusahawanan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Apatah lagi dalam realiti negara seperti Malaysia bermasyarakat majmuk, profesion sebagai usahawan terdedah kepada banyak persaingan dalam dunia keusahawanan. Lantaran itu, dengan pengalaman masyarakat majmuk, konteks dakwah dan jihad boleh berlaku secara luas meliputi arena tempatan atau juga di peringkat antara bangsa.

Dalam konteks dan strategi dakwah, pendekatan ini menepati rumusan metode targhib dan tarhib.⁵⁸ Targhib, iaitu para usahawan boleh menarik manusia dengan memanfaatkan barangan atau keadilan aktiviti keusahawanan Islam. Manakala tarhib, iaitu ancaman atau keburukan yang bakal tiba terhadap manusia ekoran dari aktiviti keusahawanan yang bertentangan dengan kehendak Allah.

⁵⁷ Lihat huraian Mahayudin Haji Yahya (2001), *Islam Di Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 4-14

⁵⁸ Targhib bermaksud memikat, dan tarhib bererti menakutkan. Para anbiya menggunakan pendekatan ini dalam dakwah mereka. Lihat Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h. 1: 133-134

Prinsip berdakwah dan berjihad merupakan suatu kewajiban. Allah SWT memberikan motivasi dan menganjurkan kewajiban berdakwah dan berjihad tersebut menerusi teladan nabi-Nya. Firman-Nya: “Dialah yang telah mengutuskan Rasul-Nya (Muhammad s.a.w) dengan membawa hidayah petunjuk dan agama yang benar (Islam), supaya ia memenangkannya dan meninggikannya atas segala agama yang lain, walaupun orang-orang musyrik tidak menyukainya.”⁵⁹ Ayat ini mengisyaratkan bahawa perjuangan menegakkan Islam, khususnya dalam konteks aktiviti keusahawanan wajib ditegakkan dan jihad tersebut bakal dibantu oleh Allah untuk mencapai kemenangan.

Pendekatan awal yang perlu diambil untuk merealisasikan prinsip ini adalah dengan membina dan memantapkan kewajiban tersebut secara berterusan. Seterusnya menghapuskan blok minda yang melingkari sebahagian besar umat Islam bahawa usahawan atau perniagaan itu asing dari Islam dan orang Melayu.⁶⁰ Kedapatan Muslim merasakan untuk memaksimumkan perintah Allah perlu menjauhi aktiviti ekonomi dan kekayaan dan hidup berpada dalam kemiskinan. Anehnya, dalam masa yang sama merasa kagum dan membiarkan ‘orang lain’ yang bukan Islam, terutamanya Barat menjalankan aktiviti keusahawanan dan menyediakan semua keperluan untuk orang Islam termasuk bahan makanan dan alatan ibadat. Sedangkan terbukti bahawa aspek ekonomi, perniagaan dan aktiviti keusahawanan merupakan suatu bahagian yang bersehati dengan ajaran Islam. Adalah wajib bagi Muslim memenuhi tuntutan keperluan hidup sendiri, apalagi untuk keperluan ibadat, dengan barangan atau produk, cara, bentuk dan wajah orang Islam sendiri. Hal ini tidak dapat dilakukan melainkan dengan wujudnya semangat keusahawanan Islam.

⁵⁹ Surah al-Şaf,61; 9

⁶⁰ Lihat budaya keusahawanan Melayu dalam Mohd Koharuddin Mohd Balwi dan Mohd Azhar Abd Hamid (2003), “Budaya Perniagaan dan Perdagangan dalam Peradaban Melayu: Kajian ke atas budaya keusahawanan di kalangan masyarakat Melayu silam dan sejauhmanakan kesinambungan dengan masyarakat Melayu hari ini.” Prosiding Seminar Za’ba Mengenai Alam Melayu, anjuran UPSI di UPSI, Tanjung Malim, pada 12-14 Ogos, 2003

Dalam konteks ini, menjadi tanggungjawab semua orang termasuk usahawan menghayati sistem hidup Islam dan menolak fahaman bukan Islam sepertimana diakui dalam bacaan al-Fatihah yang menjadi dasar hidup Muslim.⁶¹ Setiap Muslim wajib memohon hidayah Allah serta ingin mencontohi para anbiya yang diberikan jalan lurus serta segala nikmat oleh Allah dalam ibadat khusus dan umum, meliputi urusan perniagaan dan ekonomi, bersosial, berpolitik dan sebagainya. Dalam masa yang sama mereka ingin menjauhi sistem hidup yang dimurkai Allah serta sesat termasuk sistem ekonomi ribawi, kapitalisme dan imperialisme global.⁶² Lantaran itu, rasa keindahan sistem hidup termasuk aktiviti keusahawanan ciptaan ‘orang lain’ yang bukan Islamik, perlu diterbalikkan menjadi musuh yang sesat bertujuan melawan impak keburukan dari sistem tersebut serta juga untuk menghapuskan belenggu yang mempengaruhi minda untuk terus membangun. Sehubungan dengan ini, tegas Prof. M. Amin: “Hanya dengan melihatnya sebagai musuh saya dapat mendudukkannya sebagai lawan saya. Musuh di sini bukan hanya kapitalisme, yahudisme, sistem ekonomi ribawi, sekularisme, ateisme, pergaulan free sex, tetapi juga dampak yang diakibatkannya seperti kemiskinan, kebodohan dan keterbelakangan.”⁶³

Hakikat ini boleh dilakukan dengan jalan dakwah, menunjukkan keindahan sistem hidup Islam, dan berjihad melawan keburukan sistem bukan Islam. Menyedari kepentingan prinsip inilah mendorong Ketua Eksekutif Johor Corporation, Tan Sri Muhammad Ali Hashim mengishtiharkan bahawa bisnes itu satu bentuk jihad.⁶⁴

Pandangan ini tepat memandangkan mereka yang terlibat dengan urusan perniagaan

⁶¹ Antara ikrar Muslim dalam al-Fātihah ialah: “Engkaulah sahaja (ya Allah) yang kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan. Tunjukilah kami jalan yang lurus. Iaitu, jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai, dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat.” Surah al-Fātihah, 1: 5-7

⁶² M. Amin Aziz, *The Power of al-Fatihah*, h. 507-508

⁶³ Ibid, h. 509.

⁶⁴ Lihat Muhammad Ali Haji Hashim (2003), *Bisnes Satu Cabang Jihad*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

sentiasa berdepan dengan tarikan keuntungan dan godaan harta untuk meninggalkan prinsip perdagangan secara adil dan beretika. Kesan kekayaan dunia boleh mengabui mata sehingga mengenyahkan aturan untuk kepentingan diri sendiri, mengatasi hukum Islam dan manfaat komuniti. Lebih dari itu, usahawan bertanggungjawab untuk membangunkan masyarakat dengan menyediakan keperluan yang halal lagi berkat. Kepentingan keusahawanan sebagai cara berjihad ini turut diakui oleh Dato Aliyuddin, Timbalan Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia yang menekankannya sebagai suatu tuntutan dalam Islam. Katanya, “dahulu ayah berpesan, jadilah tentera-tentara Allah!”⁶⁵ Barang kali tentera yang dimaksudkan bukanlah berjuang dengan senjata di medan perang, tetapi berjuang menegakkan sistem ekonomi Islam menerusi bidang keusahawanan sebagai cara membangunkan modal insan bagi kesejahteraan seluruh masyarakat.

Ringkasnya, berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk membudayakan keusahawanan Islam merupakan suatu cara berdakwah dan berjihad dalam perspektif Islam. Kepentingan prinsip ini boleh digambarkan dalam rangka sesuatu yang asalnya haram, tetapi apabila difahami dan diimplentasikan dengan betul menjadi suatu tuntutan. Iaitu asalnya hasad dengki itu haram, melainkan dalam dua perkara. Satu keadaan di mana manusia boleh berhasad dengki dan berlumba-lumba menuntut ilmu untuk manfaat umat. Keadaan kedua di mana manusia boleh berlumba-lumba mencari kekayaan harta dan menggunakannya pada jalan Allah.⁶⁶

6.2.3. Dari segi matlamat atau hasil

⁶⁵ Dato' Haji Mohamad Alayuddin Che Hasan, temubual dengan pengkaji pada 19hb Ogos, 2011, pukul 9.00 hingga 10.00 pagi di Kuala Lumpur

⁶⁶ Lihat al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ*, hadis no. 71, 1320, 6608 dan 6772 ; Muslim, *Ṣaḥīḥ*, hadis no. 1352

Prinsip terakhir yang perlu dijadikan pegangan adalah berkaitan matlamat atau hasil dari aktiviti keusahawanan. Dengan demikian, segala bentuk yang dihasilkan menerusi aktiviti keusahawanan sama ada berupa sumber kekayaan atau pendapatan, bentuk atau cara pengurusannya, atau hasil akhir dalam bentuk produk atau perkhidmatan mestilah bertujuan kerana Allah sahaja.

Dalam konteks ini, apabila meletakkan matlamat untuk akhirat, tidak pula bermaksud sebarang urusan perniagaan tidak boleh membuat keuntungan. Atau tidak pula bermaksud sebarang usaha seseorang melalui industri pertanian dan penternakan tidak boleh mencari harta sebagai nafkah diri dan keluarga. Ia bermaksud, niat dan cara perusahaan tersebut adalah untuk mencari keredaan Allah serta prosesnya berlaku dalam cara yang tidak bertentangan dengan syariat-Nya, sepertimana yang dihuraikan sebelum ini. Malah, niat dan matlamat setiap usaha bukan setakat mencari keredaan Allah, tetapi juga menepati perintah-Nya agar berusaha mencari rezeki. Lantaran itu, sebarang bentuk hasil akhir dalam bentuk perkhidmatan atau produk mesti dilaksanakan dalam konteks ibadat. Iaitu untuk manfaat semua dan bukan hanya sekadar mencari untung di dunia sahaja, malah dengan matlamat utama adalah untuk meraih *al-falah* di akhirat. Itulah maksud mencari keredaan Allah menerusi keusahawanan untuk kebahagiaan hidup.⁶⁷

Para anbiya meletakkan matlamat semua urusan termasuk urusan mencari nafkah hidup menerusi keusahawanan sebagai cara memburu keredaan Allah dan kebahagiaan hidup akhirat. Persoalan iman dengan Allah dan hari Akhirat menjadi tema utama kisah dan dakwah anbiya kepada manusia. Kisah dan dakwah mereka memmanifestasikan keimanan tersebut dengan meletakkan dunia atau aktiviti

⁶⁷ Lihat misalnya surah al-Bayyinah, 98: 8 dan surah al-Qaşaş, 28: 77

keusahawanan sebagai alat atau medan, digunakan sebagai tempat, jambatan atau cara untuk menuju, mencapai atau meraih matlamat kehidupan Akhirat. Rumusan intisari dakwah tersebut menjelaskan bahawa orang yang berjaya atau modal insan terbangun adalah orang yang menepati konsep keimanan tersebut.

Hakikat ini terserlah dalam semua kisah anbiya. Nabi Nuh umpamanya, mengutamakan keimanan kepada Allah menyeru kaumnya siang dan malam selama hampir seribu tahun.⁶⁸ Baginda tidak menjanjikan kepada kaumnya dengan gudang rezeqi dan kekayaan Allah, tetapi hanya keampunan dan keselamatan dari azab Allah pada hari kiamat. Namun, apabila mereka berdegil, Baginda bermohon kepada Allah agar keangkuhan kaumnya dengan kemewahan dunia dimusnahkan.⁶⁹ Hal yang sama ditunjukkan oleh nabi Hud, ketika menyeru kaum Ad yang dilimpahi dengan pelbagai rezeqi seperti binatang ternak, kebun-kebun dan keturunan yang ramai agar mentauhidkan Allah dan bertakwa kepada-Nya. Kata Baginda: “Aku takut kamu akan ditimpa azab pada hari yang besar.”⁷⁰ Sementara Yusuf yang terkenal dengan pakar perancangan ekonomi dan keusahawanan meletakkan keredaaan Allah serta akhirat sebagai keutamaan. Firman-Nya: “Wahai Tuhanku! Sesungguhnya Engkau telah mengurniakan daku sebahagian dari kekuasaan (pemerintahan) dan mengajarku sebahagian dari ilmu tafsiran mimpi. Wahai Tuhan yang menciptakan langit dan bumi Engkau penguasa dan pelindungku di dunia dan di akhirat; sempurnakanlah ajalku (ketika mati) dalam keadaan Islam, dan hubungkanlah daku dengan orang-orang yang soleh.”⁷¹ Di sini, Baginda bermohon agar Allah menyempurnakan nikmat-Nya di dunia

⁶⁸ Lihat misalnya dalam Abdul Karim Zaidan, *al-Mustafād*, h.2: 129

⁶⁹ Lihat surah Hūd, 11: 29-31; surah Nūh, : 5-9; surah al-‘Ankabūt, 39: 14; surah al-A‘rāf, 7: 59

⁷⁰ Lihat surah al-Syu‘arā’, 26: 131-135

⁷¹ Surah Yūsuf, 12: 101

dan kekal sehingga ajalnya tiba, yakni mati dalam keadaan Islam dan bergabung dengan orang soleh,⁷² golongan insan yang berjaya di akhirat.

Kisah tersebut harus tersemat di hati setiap Muslim khususnya para usahawan agar meletakkan keredaan Allah dan akhirat sebagai keutamaan. Penarafan prinsip ini dalam aktiviti keusahawanan dirumuskan sebagai usahawan akhirat. Iaitu mereka yang menyemai benih usaha di dunia dan menuai hasilnya di akhirat dengan kejayaan dan keredaan Allah. Nyata sekali, “usahawan akhirat secara pintar melihat dunia hanya sebagai singgahan sementara. Mereka berniaga di sini. Keuntungannya boleh dinikmati di dunia dan lebih mewah lagi di akhirat.”⁷³ Cara untuk mencapai status ini amat mudah. Iaitu: “Usahawan akhirat sentiasa berasa muda lagi bahagia kerana sentiasa berpuas hati terhadap nikmat kehidupan yang dianugerahkan Allah. Mereka sentiasa bersyukur. Kita menghargai nikmat yang ada tanpa perasaan tamak ataupun boros. Jika mewah, kita boleh membantu mereka yang susah. Mereka yang sihat boleh membantu mereka yang sakit dan yang ceria boleh menggembirakan mereka yang berduka. Maka kita semua akan berasa senang bahagia. Kelayakan untuk menjadi usahawan akhirat sangat mudah. Kita sayangi diri kita. Insya-Allah kita akan mencintai Allah serta mengasihi Nabi Muhammad SAW.”⁷⁴

Pandangan di atas nampak selaras dengan ketetapan al-Quran dan sunnah berkaitan kehidupan dunia sebagai medan usaha dan akhirat menjadi keutamaan. Dunia dengan segala tarikan kemewahan ibarat kesenangan yang menipu kerana bersifat sementara. Manakala akhirat adalah lebih baik dan kekal.⁷⁵ Hakikat keuntungan atau

⁷² Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, h. 2: 429

⁷³ Pandangan pakar motivasi, Dato’ Dr. Mohd Fadzilah Kamsah sebagai ‘Kata Pengantar’, *Usahawan Akhirat*, h. xv

⁷⁴ Mohd Zaini Mohd Ariff dan Muhd Kamil Ibrahim, *Usahawan Akhirat*, h. 19

⁷⁵ Lihat ayat-ayat seperti surah al-An‘ām, 6: 32, 6: 70, 6: 130; Hūd, 11: 30; al-Ra‘d, 13: 18; 13: 20; Muḥammad, 47: 36 dan lain-lain.

kejayaan sebenar adalah kejayaan di akhirat. Firman Allah bermaksud: “Ketika itu sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke syurga maka sesungguhnya ia telah berjaya. Dan (ingatlah bahawa) kehidupan di dunia ini (meliputi segala kemewahannya dan pangkat kebesarannya) tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya.”⁷⁶ Lantaran itu, modal insan terbangun merealisasikan prinsip ini dengan mengharapkan hasil aktiviti keusahawanan yang dilakukan mendapat keredaan Allah dengan membelanjakannya pada jalan Allah dan mengharapkan pahala di akhirat, di samping kehidupan dunia.⁷⁷ Mereka sedar dan insaf bahawa segala amal dan usaha di dunia bakal dihitung pada hari akhirat.⁷⁸

Dalam konteks ini, Nabi Muhammad SAW bersabda: “Kedua kaki seorang hamba tidak akan berganjak dari tempatnya pada hari kiamat hingga ia ditanya tentang empat perkara. Tentang umurnya digunakan untuk apa, tentang ilmunya ke mana ia gunakan, tentang hartanya dari mana didapati dan ke mana dibelanjakan dan tentang diri tubuhnya untuk apa dimanfaatkan?”⁷⁹ Hadis tersebut secara jelas berkaitan dengan modal insan yang merangkumi aset umur atau masa, ilmu atau kepintaran akal, tubuh badan atau jasmani serta aktiviti keusahawanan merangkumi cara mendapat dan membelanjakan harta. Jelas sekali, modal insan terbangun memegang prinsip menggunakan semua aset tersebut secara betul, iaitu menjadikan kehidupan dunia sebagai tempat persediaan untuk akhirat. Cara ini menepati sabda Baginda: “Orang yang

⁷⁶ Surah Āli ‘Imrān, 3: 185

⁷⁷ Surah al-Baqarah, 2: 3-5, misalnya bermaksud: “Orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki Yang Kami berikan kepada mereka. Dan juga orang-orang yang beriman kepada Kitab "al-Quran" yang diturunkan kepadamu (Wahai Muhammad), dan kitab-kitab yang diturunkan dahulu daripadamu, serta mereka yakin akan (adanya) hari akhirat (dengan sepenuhnya). Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan merekalah orang-orang yang berjaya.”

⁷⁸ Ingat maksud surah Yasīn, 36: 65: “Pada waktu itu Kami meteraikan mulut mereka (sejurus); dan (memberi peluang kepada) tangan-tangan mereka memberitahu Kami (kesalahan masing-masing), dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan.”

⁷⁹ Hadis riwayat al-Tirmīzī, *Sunan*, Bāb ma jā’a fī sya’n al-ḥisāb, hadis no. 2341; al-Dārimī, *Sunan*, hadis no. 546 dan 548; al-Ṭabrānī, *al-Mu’jam al-Kabīr*, hadis no. 16533

bijaksana adalah modal insan yang menilai diri dan melakukan persiapan untuk kehidupan selepas mati.”⁸⁰

Pandangan sebaliknya menjadi amalan Barat atau perspektif bukan Islam yang meletakkan segala bentuk aktiviti keusahawan sebagai cara untuk mengaut keuntungan dunia sahaja. Justeru, pembangunan manusia adalah bermatlamatkan, dan dinilai berdasarkan kepada pencapaian dan keseronokan di dunia ini.⁸¹ Pandangan ini menepati slogan: “Dunia ini adalah segala-galanya dan sudah mencukupi.”⁸² Sudah tentu pencapaian dan keseronokan yang dimaksudkan mereka adalah bersifat jasadi dan rasional sahaja tanpa rujukan kepada rohani dan Ilahi. Dalam hal ini, tiga perkara utama dalam Indeks Pembangunan Insan yang dirumuskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, iaitu panjang umur, pencapaian pendidikan dan kadar kehidupan berdasarkan Keluaran Negara Kasar perkapita, memberikan gambaran tentang keutamaan hidup yang bersifat keuntungan jasadi duniawi dan tidak merujuk kepada akhirat.⁸³ Lantaran itu, berdasarkan laporan tahun 1998 tersebut, negara Eropah dan Amerika Utara mendominasi semua 25 indeks petunjuk pembangunan negara paling tinggi, melainkan Jepun yang mewakili Asia yang berada di tangga ke lapan.⁸⁴

Hakikat ini turut terserlah dalam budaya keusahawanan di Barat. Banyak pihak bergabung tenaga melakukan jalinan kerjasama, misalnya dalam aktiviti kesukanan untuk mencari keuntungan atas nama suatu bentuk industri. Kelab-kelab utama bola sepak dunia seperti Chelsea dari Liga Perdana Inggeris atau kelab Liga Bola Sepak

⁸⁰ Hadis riwayat Ahmad, *Musnad*, bab hadis Syadad bin Aus, hadis no. 16501; Ibn Mājah, *Sunan*, hadis no. 4250; al-Tirmīzī, *Sunan*, hadis no. 2383; al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Kabīr*, hadis no. 6995; al-Baihaqi, *al-Sunan al-Kubrā*, juz 3, h. 3: 369

⁸¹ Wan Mohd Nor Wan Daud, *Pembangunan di Malaysia*, h. 5

⁸² “This World is All and Enough,” menjadi tajuk dalam bab 3, buku Corliss Lamont (1957), *The Philosophy of Humanism*, New York: The Wisdom Library.

⁸³ Lihat United Nations Development Programme, *Human Development Report 1998*, New York-Oxford: Oxford University Press, h. 107

⁸⁴ *Human Development Report 1998*, Ibid, h. 134. Berdasarkan indeks tersebut Malaysia berada pada kedudukan ke-60 dunia.

Sepanyol seperti Real Madrid dan Barcelona, mempunyai kuasa kewangan tinggi serta mampu menjana keuntungan besar. Dengan sokongan pelabur berskala besar, jalinan kerjasama dengan pelbagai syarikat perniagaan terkemuka dunia dari alatan sukan, penerbangan, pengeluar minuman, syarikat penyiaran, malah artis popular dunia, maka kelab-kelab tersebut mampu memiliki pemain ternama serta mempunyai rangkaian kelab peminat seantero dunia.⁸⁵ Apabila hujung musim, pendapatan kelab terbabit akan diaudit untuk disenaraikan antara kelab-kelab yang banyak membuat keuntungan besar. Laporan berakhir tahun 2014 menyaksikan Real Madrid kekal sebagai kelab terkaya dunia selama sepuluh tahun berturut-turut.⁸⁶ Keuntungannya naik sebanyak 4 peratus berbanding tahun sebelumnya, atau kira-kira 172 juta dolar Amerika.⁸⁷ Tidak pelik jika fenomena mengejar keuntungan dunia ini berlaku di Barat. Anihnya, situasi yang serupa juga dilaporkan berlaku di negara timur seperti Malaysia, apabila kedapatan aktiviti keusahawanan tidak mementingkan amalan kerohanian lantaran ingin mencari keuntungan dunia.⁸⁸ Ada laporan bahawa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah menahan empat individu termasuk dua pegawai kanan Jabatan Air Sabah serta dua ahli perniagaan dengan rampasan bernilai lebih RM 100 juta atas dakwaan salah guna

⁸⁵ Menurut Majalah Forbes, (<http://www.forbes.com>) kontrak Ronaldo yang memenangi Pemain Terbaik Dunia 2014 bersama Real Madrid disambung selama lima tahun lagi dengan nilai AS\$206 juta (RM740 juta) untuk musim 2014/15 ini. Lihat juga *Mailonline*, 17 April 2013, di <http://www.dailymail.co.uk/sport/football>

⁸⁶ Laporan liga pendapatan bola sepak yang diwujudkan oleh Deloitte menjelaskan kekayaan Real Madrid berjumlah RM 2.6 bilion, Manchester United (2.36b), Bayern Munich di kedudukan ketiga (RM2.27 bilion), manakala Barcelona keempat (RM2.21 bilion). Lihat *Utusan Online*: 23 Januari, 2015 di <http://www.utusan.com.my>. Kelab-kelab ini membuat keuntungan kewangan kerana mampu menarik ramai peminat untuk membeli tiket perlawanan di stadium serta perlawanan mengelilingi dunia pra musim, menarik penajaan dari pengeluar alatan sukan seperti Adidas dan Nike, syarikat penerbangan, pengeluar minuman keras; manggamit tajaan siaran langsung dari syarikat penyiaran dunia, berupaya menjual barangan kelab kepada peminat seluruh dunia, terutama apabila berlaku sesuatu pembelian pemain ternama dunia dengan penjualan jersey serta mampu menarik sokongan artis popular sebagai model. Misalnya, iklan kejayaan kelab Barcelona yang bekerjasama dengan Qatar Airway dan diperagakan oleh model popular untuk tujuan promosi disiarkan oleh saluran Astro Supersport di Malaysia.

⁸⁷ Lihat <http://www.forbes.com/> (Soccer Team Values)

⁸⁸ Berdasarkan pengamatan pengkaji, wujud situasi atau aktiviti peniaga pasar malam beragama Islam yang umumnya membuka gerai sewaktu senja tidak berganjak dari gerai jualan untuk menunaikan solat Maghrib, lantaran ramai pelanggan pada waktu berkenaan.

kuasa memberikan tender prasarana kepada syarikat yang ada kaitan dengan keluarga melibatkan bajet kerajaan berjumlah 3.3 bilion semenjak tahun 2010.⁸⁹

Fenomena ini menggambarkan bahawa tujuan utama aktiviti keusahawanan mereka adalah untuk mencari keuntungan dunia, tanpa ada kaitan dengan kehidupan akhirat. Matlamat ini jelas bertentangan dengan prinsip keusahawanan anbiya yang bermatlamatkan kejayaan akhirat, di samping kehidupan dunia. Malah, fenomena tersebut menepati pegangan penentang dakwah anbiya seperti Hammam dan Qarun yang menentang Musa, kaum Ad yang menentang Hud, atau kaum Thamud yang menentang dakwah Saleh. Meskipun berbeza masa dan lokasi, hakikatnya semua mereka menolak keimanan kepada Allah dan akhirat, sebaliknya berbangga dengan kehidupan dan kekayaan dunia.⁹⁰ Jika ini matlamat hidup mereka, maka al-Quran membayangkan keadaan tersebut adalah melalaikan, seumpama kehidupan binatang yang hanya untuk makan, minum dan membiak.⁹¹ Tiada peranan Tuhan, hanya masa sahaja yang menentukan kehidupan dan kehancuran manusia di dunia.⁹²

Prinsip hidup di atas nyata bertentangan dengan Islam yang melihatnya secara bersepadu, iaitu menggunakan harta untuk manfaat dunia sebagai alat ibadat mencari keredaan Allah. Tanpa reda Allah, semua harta atau aktiviti keusahawanan menjadi sia-sia dalam konteks kehidupan akhirat. Iaitu suatu hari di mana semua harta dan anak pinah tidak berguna, melainkan seseorang yang datang mengadap Allah dengan hati

⁸⁹ Lihat kenyataan Media Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), SPRM, Dato' Azam Baki pada 5hb Oktober, 2016, di <http://www.sprm.gov.my/index.php/arkib-kenyataan-media/>. Lihat fakta lain dalam Bab 1, Latarbelakang Masalah

⁹⁰ Bezanya, penentangan musuh terhadap anbiya adalah secara terbuka, manakala aktiviti keusahawanan bukan Islam menentang dakwah Islam secara tidak lansung.

⁹¹ Lihat surah al-An'ām, 6: 130-131. Surah al-Hijr, 15: 3, bermaksud: "Biarkanlah mereka makan dan bersenang-lenang dengan kemewahan dunia dan dilalaikan oleh angan-angan (daripada bertaubat dan insaf); kemudian mereka akan mengetahui kelak (bencana perbuatan mereka)."

⁹² Surah al-Jāthiah, 45: 23-24

yang sejahtera.⁹³ Yakni, hati yang aman sentosa kerana mencapai reda Allah sewaktu kehidupan alam dunia termasuk dalam aktiviti keusahawanan, bukannya aktiviti yang tidak selaras dengan kehendak dan syariat-Nya. Hakikatnya, harta dan hasil dari aktiviti keusahawanan tidak bersalah. Pegangan dan keyakinan manusialah yang menyalahgunakan harta ataupun menjadi punca salah urus aktiviti keusahawanan. Ringkasnya, ketepatan serta penyalahgunaan harta atau aktiviti keusahawanan adalah berkait rapat dengan modal insan itu sendiri.

Di sinilah penerapan ilmu secara bersepadu saranan anbiya perlu dilakukan untuk membangunkan modal insan dalam semua institusi pendidikan. Ini kerana prinsip mengutamakan matlamat hidup akhirat ini akan tercapai apabila manusia memahami hakikat atau aktiviti keusahawanan dalam kedudukan yang sebenar menurut Islam, iaitu dengan ilmu. Sehubungan dengan itu, anbiya tidak mewariskan harta, tetapi ilmu sebagai kekayaan.⁹⁴ Sesiapa yang memilikinya akan mendapat keuntungan berganda, harta dan kebahagiaan, dunia dan akhirat.

Dalam konteks ini, maka al-Quran dan ilmu bersepadu ajaran anbiya merupakan merupakan perkara utama yang perlu difahami lantaran ilmu tersebutlah yang menjelaskan kehidupan dunia serta kebenaran persoalan berkaitan akhirat.⁹⁵ Ilmu cerapan manusia seperti amalan budaya Barat hanya mampu membicarakan persoalan

⁹³ Lihat surah al-Hāqah, 69: 28-29; Surah al-Syu'arā', 26: 88-89, berbunyi: "Hari yang padanya harta benda dan anak-pinak tidak dapat memberikan pertolongan sesuatu apapun. Kecuali (harta benda dan anak-pinak) orang-orang yang datang menghadap Allah dengan hati yang selamat sejahtera (dari syirik dan penyakit munafik)."

⁹⁴ Hadis riwayat Abū Dawud, al-Tirmīzī dan Ibn Hibbān bermaksud: "Sesungguhnya para ulama adalah pewaris para Nabi. Sesungguhnya anbiya tidak mewariskan dinar dan dirham tetapi mewariskan ilmu. Maka sesiapa yang mengambilnya bermakna ia telah mengambil keuntungan." Lihat al-Tirmizi, *Sunan*, bab ma jā'a fi faql al-fiqh, hadis no. 2606; Abū Dawud, *Sunan*, bāb al-hath 'alā talabi al-'ilm, hadis no. 3157; Ibn Hibban, *Ṣaḥīḥ*, bab dhukira wasf al-'ulama', hadis no. 88. Lihat juga al-Mundhirī, *al-Targhīb wa al-Tarhīb*, hadis no. 7, h. 1: 95

⁹⁵ Misalnya, surah al-Zumar, 39: 9, bermaksud: "(Engkaukah yang lebih baik) atau orang yang taat mengerjakan ibadat pada waktu malam dengan sujud dan berdiri sambil takutkan (azab) hari akhirat serta mengharapakan rahmat Tuhannya? "Katakanlah lagi (kepadanya): "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan tersebut hanyalah orang-orang yang berakal sempurna."

kehidupan dunia sahaja. Begitupun, perbezaan tahap pemahaman tentang kebenaran menyebabkan manusia berbeza dalam menghayati gesaan anbiya tersebut. Dalam hal ini, Allah berfirman: “Kemudian Kami jadikan al- Quran itu diwarisi oleh orang-orang yang Kami pilih dari kalangan hamba-hamba Kami. Maka di antara mereka ada yang berlaku zalim kepada dirinya sendiri (dengan tidak mengindahkan ajaran al-Quran), dan di antaranya ada yang bersikap sederhana, dan di antaranya pula ada yang mendahului (orang lain) dalam berbuat kebaikan dengan izin Allah. Hal yang demikian itu ialah limpah kurnia yang besar (daripada Allah semata-mata).”⁹⁶

Ayat di atas menjelaskan bahawa terdapat dua kelompok utama manusia dalam melayari kehidupan di dunia ini. Pertama, golongan ingkar yang hanya mementingkan kehidupan dunia sahaja. Kedua, golongan menerima ajaran al-Quran dengan pelbagai tahap dan reaksi seperti berlaku zalim (*zālimun linafsih*), bersikap sederhana (*muqtasidun*), dan bersegera melakukan kebaikan (*sābiqun bilkhayrāt*).⁹⁷ Golongan *zālimun linafsih*, menzalimi dirinya dengan melakukan kesalahan, tetapi akhirnya insaf dan bertaubat. Golongan *muqtasidun* pula bersikap sederhana dengan melakukan perkara wajib dan menikmati kesenangan dunia menurut perintah Allah. Sementara golongan *sābiqun bilkhayrāt* adalah modal insan yang berlumba-lumba melakukan kebaikan dan mencari pahala serta keredaan Allah untuk hari akhirat melalui kekayaan dan aktiviti keusahawanan. Itulah contoh modal insan terbangun yang menjadikan aktiviti keusahawanan di dunia dengan matlamat mencapai keredaan Allah untuk kebahagiaan hidup akhirat.

⁹⁶ Surah Fāṭir, 35: 32

⁹⁷ Ahmad Farid, *Tazkiyat al-Nufus*, h. 126-127; Al-Nasaḥī memetik riwayat Ibn ‘Umar mengatakan bahawa golongan Sabiqun tanpa hisab, Muqtasidun berjaya dengan hisab yang mudah, namun golongan Zalimun diampuni dan berjaya ke Syurga setelah melalui hisab yang berat. Lihat *Tafsīr al-Nasaḥī*, h. 979

Berdasarkan kategori manusia di atas, wajar bagi setiap manusia berlomba-lomba mengerjakan kebaikan. Dalam merealisasikan prinsip dunia sebagai tempat ibadat menuju akhirat, maka segala aktiviti dan hasil keusahawanan menjadi berguna apabila mendapat keredaan Allah. Segala aktiviti yang bersifat keduniaan meskipun bernilai dan berharga pada pandangan biasa insan, namun tanpa sijil keredaan Allah tidak berharga berbanding dengan amal soleh yang diredai-Nya, seperti zakat dan solat.⁹⁸ Dalam hal ini, Baginda Muhammad SAW pernah bersabda: “Solat sunat dua rakaat sebelum bersolat subuh adalah lebih baik di sisi Allah dari dunia dan segala isinya.”⁹⁹

Kesimpulannya, manusia harus menjadikan segala aktiviti dunia seperti aktiviti keusahawanan sebagai suatu bentuk perlumbaan kebaikan untuk mendapat keredaan Allah di samping melakukan amal soleh yang lain seperti bersolat. Pedoman untuk menjadikan matlamat mencari keredaan Allah kepada usahawan boleh didapati dari pegangan individu ini. Prof. Dr. H. Imam Suprayogo, Rektor UIN Maliki Malang (1998-2013) yang melahirkan ramai modal insan berintegrasi, memetik pesanan ayahnya:

“Jika kelak kamu menjadi orang kaya, bangunlah masjid. Syukur kalau masjid itu berukuran besar dan bagus. Jika kamu tidak punya kekayaan untuk membangun masjid besar, bangunlah masjid kecil atau musholla juga tidak apa-apa. Tapi, jika kamu masih tetap belum mampu membangun masjid atau musholla, bantulah orang yang membangunkan masjid sekuat kemampuanmu. Bila dengan sedikit uang saja, kamu masih belum mampu, ya bantulah dengan tenaga maupun pikiran. Terakhir, jika kamu terlalu miskin dan lemah, sehingga tidak bisa melakukan apa-apa, saya tidak kecewa asalkan dengan satu syarat, kamu masih menjadi isinya masjid.”¹⁰⁰

⁹⁸ Surah al-Nahl, 16: 96. Surah al-Kahf, 18: 46 bermaksud: “Harta benda dan anak pinak itu ialah perhiasan hidup di dunia; dan amal-amal soleh yang kekal faedahnya itu lebih baik pada sisi Tuhanmu sebagai pahala balasan, dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan.”

⁹⁹ Hadis daripada Aisyah, riwayat Muslim, *Ṣaḥīḥ*, bab Istihbāb rak’atai sunnat al-fajr, hadis no.1193

¹⁰⁰ Pesanan Kiai Hasan Muchrodji kepada putera-puterinya, termasuk Imam Suprayogo. Lihat Wahyudi Siswanto, *Teladan Sang Pemimpin*, h. 171

Pesanan di atas merupakan contoh aktiviti keusahawanan yang direalisasikan menjadi ibadat menuju akhirat sebagai matlamat untuk mencari keredaan Allah. Usahawan kaya membina masjid besar, sederhana kaya membina masjid kecil, atau memberikan sumbangan idea serta tenaga. Jika tidak memiliki apa-apa, maka semua orang perlu memakmurkan masjid.¹⁰¹ Proses dan keadaan usahawan demikian menjadi petunjuk kepada usahawan yang terbangun rohani, hati, akal dan nafsu untuk mematuhi peranannya sebagai hamba dan khalifah Allah.


6.3. Model Pembangunan Modal Insan

Berdasarkan kepada konsep, dapatan dan perbincangan di atas, dapat dilakarkan suatu model pembangunan modal insan berdasarkan kisah anbiya berkaitan dengan keusahawanan dalam al-Quran. Penjelasan ringkas model tersebut, rujuk Rajah 4: Model Pembangunan Modal Insan Anbiya di bawah.

Model bermula dengan status manusia menurut anbiya merupakan hamba dan khalifah Allah di dunia ini. Lantaran itu manusia berperanan sebagai pemegang amanah Allah untuk memakmurkan muka bumi dengan cara berusaha mencari rezeki yang dikurniakan oleh Allah SWT. Banyak sumber alam meliputi daratan, air dan udara boleh menjadi sumber keusahawanan manusia. Bagaimanapun, aktiviti keusahawanan misalnya menerusi bidang pengeluaran, perkhidmatan dan pemasaran perlu mematuhi syariat Allah, seperti yang dicontohkan oleh Nuh, Yusof, Syuaib, Daud dan nabi Muhammad SAW. Aktiviti keusahawanan yang tidak patuh syariat mesti dicegah seperti mana tindakan nabi Syuaib terhadap usahawan Madyan.

¹⁰¹ Detail berhubung dengan masjid dan usahawan, lihat Joni Tamkin Borhan, Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, Mohd Fauzi Abu@Hussin (2011), "Membentuk Usahawan Muslim: Peranan Dana Masjid", *Al-Basirah*, Vol 1, No. 1: 53-63

Rajah 4: Model Pembangunan Modal Insan Anbiya



Model Pembangunan Modal Insan Anbiya

Rajah 4 menggambarkan Model Pembangunan Modal Insan Anbiya menerusi ‘proses’ melaksanakan program pembelajaran menerusi aktiviti dakwah yang menghasilkan ‘keadaan’ modal insan usahawan yang berjaya berdasarkan kisah anbiya dalam al-Quran (MN Ripin, 2016).

Penglibatan anbiya dalam bidang keusahawanan merupakan medan untuk menyampaikan dakwah bagi membangunkan manusia, yakni modal insan. Dalam model anbiya, konsep pembangunan modal insan boleh difahami dari dua dimensi yang saling berkaitan, iaitu proses dan keadaan. Proses merujuk kepada maksud pembangunan modal insan ialah suatu set aktiviti pembelajaran yang dirancang oleh organisasi secara formal untuk menyediakan pekerja terhadap keperluan tugas, namun dalam rangka kerja anbiya proses ini perlu dilihat secara sepadu. Pembangunan secara bersepadu melibatkan sebarang bentuk aktiviti pembangunan sama ada seperti latihan, pendidikan dan pembangunan merangkumi elemen fizikal dan spiritual manusia seperti roh, akal, kalbu dan nafsu yang dilaksanakan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Matlamat dari proses ini adalah untuk memenuhi kehendak organisasi, sekali gus matlamat pekerja, keluarga, komuniti dan umat Islam. Matlamat tersebut menjadi serampang dua mata, yakni memenuhi tuntutan kehidupan dunia sama ada sebagai pekerja, atau sumbangan kepada organisasi dan umat. Dalam masa yang sama, menepati peranan manusia sebagai hamba dan khalifah Allah, untuk memakmurkan dunia dengan bentuk keusahawanan patuh syariat dan menjadi ibadat bagi mencapai keredaan-Nya untuk kebahagiaan akhirat. Manakala keadaan pula merujuk kepada hasil atau kesan dari proses pembangunan tersebut, diharapkan pekerja atau manusia mencapai matlamat yang ditetapkan oleh organisasi serta menepati peranan hamba dan khalifah Allah.

Proses pembangunan modal insan berkaitan keusahawanan berdasarkan kisah anbiya dalam al-Quran menggunakan pendekatan persekitaran, teladan, motivasi, amal soleh, jihad, praktikal kemahiran dan penilaian. Semua pendekatan tersebut bertujuan membangunkan semua potensi manusia dari sudut fizikal dan spriritual secara

bersepadu. Ini bermakna meskipun model ini menggunakan pendekatan kisah anbiya yang telah lama berlaku, namun proses ini tidak menafikan kemahiran keusahawan terkini yang menjadi ciri usahawan berjaya seperti kemahiran pengurusan, jaringan kerjasama, penerapan teknologi maklumat dan komunikasi dan sebagainya seperti yang ditekankan dalam metode praktikal kemahiran.

Hasil dari proses tersebut, diharapkan manusia dengan segala potensinya dapat memenuhi kehendak organisasi keusahawanan dan menepati syariat Allah. Begitupun, hasil atau impak dari proses tersebut mewujudkan dua keadaan modal insan yang berbeza. Pertama, keadaan modal insan terbangun yang dinamakan muflihun, dengan memiliki ciri seperti bertauhid, bertawakkal, bertakwa, bersyukur, bersabar, berilmu, bersikap adil, bersikap zuhud serta profesional dalam bidang keusahawanan yang diceburi. Ciri tersebut melambangkan kepatuhan terhadap dakwah anbiya yang berbeza dengan keadaan modal insan yang tidak terbangun yang menolak dan menentang dakwah anbiya, terutama menerusi aktiviti keusahawanan. Lantaran itu, modal insan berkeadaan begitu dinamakan sebagai mufsidun dengan ciri-ciri seperti bersyirik dengan Allah, berlaku zalim, berdusta, bersikap tamak, takbur dan ghaflah, yakni lalai dengan kemewahan harta dunia.

Ringkasnya, sebagai rawatan mujarab kepada pelaku bidang keusahawanan agar menepati ciri muflihun dan menghidari usahawan mufsidun, adalah melalui kefahaman terhadap aktiviti keusahawanan anbiya. Dalam konteks ini, modal insan yang menceburi bidang keusahawanan harus menepati tiga prinsip utama: Kerangka dan konsep keusahawanan anbiya; proses dan cara pelaksanaan aktiviti keusahawanan; dan matlamat serta hasil keusahawanan agar menepati skema ibadah bagi mencapai keredaan Allah untuk kebahagiaan hidup dunia dan akhirat.

6.4. Penutup

Pembangunan modal insan merupakan kerja utama para anbiya yang meliputi banyak bidang kehidupan termasuk keusahawanan. Ianya merupakan tugas mulia serta suatu proses berterusan yang perlu dilakukan bagi memastikan manusia kekal sebagai makhluk terbaik ciptaan Allah. Iaitu merupakan suatu keadaan atau tahap kehidupan manusia yang merealisasikan tugas sebagai hamba Allah dan khalifah-Nya. Dalam konteks keusahawanan, tugas tersebut merupakan manifestasi keimanan melalui amal soleh dan dalam masa yang sama meninggalkan keburukan untuk manfaat secara bersama atau bersepadu bagi dua dimensi, untuk kesejahteraan hidup dunia dan kejayaan di akhirat.

Berdasarkan kisah anbiya dalam al-Quran, boleh dirumuskan tiga perkara utama sebagai panduan, terutama bidang keusahawanan.¹⁰²

Pertama, model terbaik dalam konteks pembangunan insan tidak semestinya berada sezaman dengan masa kehidupan manusia. Dalam hal ini, model terbaik datang dari ajaran anbiya yang dirakamkan sejak mula manusia wujud di dunia ini lagi. Tidak dapat dinafikan manusia perlu mengambil kira perkembangan semasa, terutama kemajuan bidang sains dan teknologi, medan dan keperluan terhadap bidang keusahawanan dan sebagainya. Bagaimanapun, perkara asas keperluan manusia, tujuan mereka dicipta, konsep pembangunan, matlamat akhir kehidupan, sistem ilmu, nilai serta akuntabiliti dan lain-lain, telah dijelaskan oleh para anbiya. Hakikat ini diperkukuhkan lagi dengan realiti bahawa anatomi diri setiap manusia yang meliputi unsur jasad, rohani, akal, hati nurani dan nafsu serta keperluan, watak dan tabiat setiap

¹⁰² Berdasarkan cetusan idea Wan Mohd Nor Wan Daud, *Pembangunan di Malaysia*, h. 144-152

insan hampir sama walaupun mereka hidup dalam generasi mana sekalipun. Manusia sejak zaman Adam lagi telah terbahagi dua: Cenderung kepada kebaikan seperti Habil, seorang usahawan tani, atau cenderung kepada keburukan seperti Qabil, usahawan ternakan. Hal ini berlaku kerana peranan dan dominasi akal atau nafsu yang bertindak sebagai penasihat kepada hati. Datang Iblis yang bersikap takbur menggoda manusia, yang perlu dianggap bukan sebagai sahabat, tetapi selaku musuh pertama yang perlu dijauhi dengan senjata ikhlas menurut perspektif anbiya.

Atas asas pembangunan modal insan tersebutlah para anbiya sejak zaman awal bertindak selaku penyampai berita gembira dan janji Syurga bagi pelaku kebaikan serta pengingat berita ancaman Neraka bagi pelaku keburukan. Namun begitu, tabiat dan watak manusia dalam siri kisah anbiya adalah serupa, ada pengikut dan penentang. Alasan penentangan manusia terhadap dakwah anbiya juga hampir sama. Iaitu bersifat peribadi seperti anbiya sebagai manusia biasa, golongan lemah dan miskin, orang gila dan tidak sesuai dengan perkembangan semasa. Ataupun, dakwah yang disampaikan anbiya yang menyalahi warisan nenek moyang. Pada hal, mereka yang menentang bersifat angkuh kerana sudah kaya raya, berkuasa dan terpesona dengan kehidupan dunia. Maka, alasan yang serupa juga berlaku pada masa moden kini. Ramai penentang kebaikan lantaran merasakan mempunyai kedudukan dan kekayaan harta, serta kerakusan dan kegilaan mengejar keuntungan dan kemewahan duniawi dan pengaruh.

Dari perspektif lain pula, hakikat bahawa manusia sebenarnya makhluk ciptaan Allah yang bersifat lemah, banyak perkara berada di luar kemampuan dan kemajuan ilmu pengetahuan. Lantaran itu, keperluan hidup manusia sebagai makhluk ciptaan Allah telah lebur dalam maklumat ilmu Allah yang mengutus para anbiya untuk menjadi model kehidupan. Anihnya, jika hendak diukur dari segi masa, model atau qudwah

hasanah anbiya sebagai model terbaik bagi umat kini secara biologi, telah wafat lebih seribu tahun lalu. Begitupun, panduan berguna yang ditinggalkan dalam rakaman al-Quran tetap segar dan menjawab persoalan semasa manusia. Berdasarkan hakikat inilah, maka kisah anbiya bertindak sebagai model dalam konteks penjelasan, rahmat, hidayah, pengajaran dan penguat hati bagi proses pembangunan modal insan.¹⁰³

Boleh disimpulkan bahawa semua anbiya adalah berkaitan dengan keusahawanan sama ada terlibat secara langsung atau sebagai pengimbang aktiviti tersebut. Mereka sepakat menganjurkan agar manusia berusaha mencari rezeki melalui aktiviti keusahawanan sebanyak mungkin. Namun demikian, transaksi atau aktiviti keusahawanan tersebut perlu berprinsip atau beretika seperti adil, tidak rakus serta tidak menindas orang lain.¹⁰⁴

Kedua, model keusahawanan yang dijelaskan oleh anbiya adalah bersifat sepadu. Bersepadu dalam maksud kombinasi antara rohani dan jasmani, manfaat diri dan komuniti serta gabungan antara keperluan hidup dunia dan akhirat. Model anbiya ternyata mengambil kira semua kehendak manusia, bukan hanya sekadar bersifat rohani dan bukan pula sekadar bersifat jasmani. Meskipun hakikat insan adalah bersifat rohani, dalam maksud keinsanan manusia sebenar adalah rohnya, tetapi dalam konteks keusahawanan kedua-dua elemen rohani dan jasmani perlu dipenuhi. Dalam hal ini, untuk keperluan hidup dan kesejahteraan jasmani, manusia perlu berusaha mencari rezeki. Dalam masa yang sama rezeki tersebut mestilah halal dan berkat, yakni baik, suci, berkhasiat untuk kepuasan rohani.

¹⁰³ Surah al-An‘ām, 6: 90; Hūd, 11: 129; Yūsuf, 12: 111; Abdul Karim Zaidan, *Uṣūl al-Da‘wah*, h. 205

¹⁰⁴ Surah al-Ḥajj, 22: 65; al-Humazah, 1-2; Lihat huraian prinsip tersebut oleh Mohamad Azhar Hashim (2015), “Kumpullah Kekayaan, Jagalah Prinsip Islam,” *Iman*, Bil. 36, (2015): 58-59

Model bersepadu ini juga merupakan suatu bentuk aktiviti yang menggabungkan keperluan individu yang berusaha mencari rezeki untuk diri dan keluarga, tetapi dalam masa yang sama berkhidmat untuk keperluan masyarakat. Umpamanya, usahawan yang berniaga untuk mencari keuntungan bagi kegunaan peribadi, dalam masa yang sama menabur jasa menyediakan perkhidmatan atau barangan yang diperlukan oleh komuniti. Atas alasan ini juga sebenarnya urusan perniagaan atau aktiviti keusahawanan seseorang itu meskipun nampak macam bersifat keduniaan, tetapi dengan niat ikhlas kerana Allah, maka usahanya menjadi ibadat yang berguna untuk kehidupan akhirat. Dalam hal ini, Nabi Muhammad SAW meletakkan skema bahawa seseorang manusia yang berusaha menanam sebatang pokok, meskipun dia tidak sempat menikmati hasilnya kerana diambil oleh manusia lain atau dimakan binatang, maka dia juga mendapat pahala sedekah.¹⁰⁵

Andaikan model yang ingin dibina tersebut bukan sepadu, tetapi hanya bersifat fizikal sahaja sesuai dengan aktiviti keusahawanan yang bersifat fizikal, maka ternyata model tersebut tidak komprehensif. Hal ini tidak diterima dalam model anbiya lantaran dari sudut fizikal sahaja sebenarnya tiada beza ketara antara fizikal Habil yang menurut perintah Allah dan Qabil yang menentang Allah. Perbezaan jelas adalah dengan mengambil kira elemen rohani dari segi keimanan, ketakwaan dan keikhlasan dalam melakukan pengorbanan harta. Begitu juga andaikan kepentingan individu sahaja yang menjadi fokus aktiviti keusahawanan, seperti amalan ekonomi kapitalisme yang mencari keuntungan individu melalui sistem riba. Maka hal ini tidak diterima dalam model anbiya kerana maksud pengharaman riba adalah untuk keadilan ekonomi, atau supaya agihan pendapatan dirasai bersama-sama komuniti lain melalui amalan zakat, hibah atau sedekah. Ataupun, bukan juga sama seperti budaya sosialisme yang meletakkan

¹⁰⁵ Lihat al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ*, bāb faḍl al-zar‘, hadis no. 2152; Muslim, *Ṣaḥīḥ*, Faḍl al-ghars, hadis no. 2900, al-Tirmīzī, *Sunan*, hadis no. 1303; Ibn Mājah, *Sunan*, hadis no. 3797; Aḥmad, *Sunan*, hadis no. 12038, 12910, 13068, 13065; al-Dārimī, *Sunan*, hadis no. 2666

kepentingan masyarakat dalam setiap usaha mencari harta sehingga menafikan hak milik individu. Jika ini berlaku, maka tiadalah kewajipan zakat atau fitrah yang disyariatkan sebagai rukun Islam.

Tegasnya, model keusahawanan yang ditekankan melibatkan komponen modal insan yang terbangun; komponen harta atau bidang keusahawanan yang halal, komponen transaksi atau aktiviti yang patuh syariah; serta komponen matlamat yang ingin dicapai, yakni memenuhi kehendak aktiviti pembangunan yang dirancang serta mencapai keredaan Allah.

Ketiga, makna pembangunan modal insan melibat dua aspek utama iaitu sebagai proses dan keadaan. Keadaan modal insan terbangun ditarafi menerusi kesahihan akidah, ilmu dan akhlak. Anbiya telah menjelaskan bahawa kualiti diri seseorang manusia terletak kepada kesahihan akidah, iaitu bertauhid dengan Allah yang Esa. Dengan tauhid, manusia membenarkan menerusi ikrar dan perlakuannya terhadap segala tuntutan dan larangan Allah. Ini bermakna manusia membenarkan Allah selaku pencipta, tempat tumpuan segala ibadat dan sembah, mohon pertolongan dan sumber segala peraturan hidup termasuk bidang keusahawanan. Juga bermaksud menjadikan dunia ini sebagai medan amalan dan akhirat sebagai matlamat. Hakikat ini hanya tercapai dengan ilmu yang benar dari sumber atau epistemologi yang benar, iaitu al-Quran dan Hadis. Lantaran itu, modal insan yang terbangun wajib memiliki ilmu serta kemahiran untuk memenuhi dwi fungsi kejadiannya, yakni hamba dan khalifah Allah.

Dengan demikian, pembangunan modal insan mesti dicirikan dengan manusia yang beriman dengan Allah dan hari Akhirat serta memanifestasikannya dengan amal soleh dan budaya makruf. Praktis kepada budaya beriman dan beramal soleh ini

menepati hakikat sebenar status manusia sebagai makhluk *aḥsani taqwīm*. Keadaan ini dicirikan dengan penzahiran akhlak yang baik sebagai manifestasi keimanan seperti bertakwa, bertawakkal, bersabar dan bersyukur, berlaku adil dan bersikap profesional. Sikap dan kemahiran profesional amat penting lantaran bidang keusahawanan berkaitan dengan pengurusan harta serta manusia yang mendambakan penguasaan terhadap ilmu dan teknologi semasa, jaringan usaha di peringkat tempatan dan antarabangsa, bagi memastikan peranan sebagai khalifah Allah dapat direalisasikan secara tepat. Manakala segala bentuk budaya mungkar dan akhlak buruk seperti syirik dengan Allah, berlaku zalim dan bersikap ghaflah dalam melaksanakan aktiviti keusahawanan sebaliknya dihindari. Dengan demikian, modal insan terbangun berusaha mencari kekayaan dunia secara sopan serta amanah dalam konteks ibadat dan keredaan Allah. Bukannya secara rakus serta melampaui batas dengan slogan matlamat membuat keuntungan menghalalkan apa cara dan kesempatan yang terbuka. Jika itu berlaku, ia menggambarkan modal insan mufsidin.

Anbiya memastikan bahawa proses untuk sampai kepada keadaan terbangun tidak mudah. Beberapa pendekatan dilaksanakan secara berterusan bagi mencapai tahap tersebut. Antranya seperti menggunakan pendekatan menceburi persekitaran kerja keusahawanan atau mengimbangkan kegiatan berkaitan keusahawanan supaya berjalan mengikut kehendak Allah. Metode lain yang turut diambil termasuklah teladan, motivasi, amal soleh, jihad, praktis kemahiran dan penilaian. Ringkasnya, proses berterusan untuk mencapai keadaan beriman dan amal soleh itulah merupakan contoh modal insan terbangun bidang keusahawanan berdasarkan kisah anbiya dalam al-Quran.

Akhir sekali, kajian ini dapatlah dirumuskan sebagai menepati persoalan dan objektif yang ditetapkan menerusi penegasan berikut:

1. Semua anbiya terlibat dengan pembangunan modal insan dan keusahawanan. Namun begitu, anbiya yang banyak terlibat dengan keusahawanan berdasarkan kisah mereka yang dirakamkan al-Quran adalah Adam dan anak-anaknya, Nuh, Hud, Saleh, Ibrahim dan Ismail, Lut, Yusof, Syuaib, Ayub, Musa, Daud, Sulaiman dan nabi Muhammad SAW.
2. Pembangunan modal insan menurut anbiya boleh difahami menerusi dua konsep, iaitu proses dan keadaan. Keadaan merujuk kepada hakikat insan diciptakan dalam seelok-elok kejadian, sementara beriman dan beramal soleh merupakan proses asas untuk sampai ke tahap keadaan terbangun tersebut.
3. Proses anbiya untuk membangunkan modal insan berkaitan keusahawanan menggunakan pelbagai metode seperti menerusi pendekatan persekitaran, motivasi, teladan, amal soleh, berjihad, praktis kemahiran dan penilaian. Semua metode tersebut diaplikasikan dalam rangka anbiya sendiri menceburi bidang keusahawanan seperti Yusof, Syuaib dan Daud. Ataupun mereka bertindak sebagai pengimbang kepada aktiviti keusahawanan, seperti Hud dan Ibrahim.
4. Keadaan modal insan terbangun berindukkan kepada ciri beriman atau mentauhidkan Allah. Ciri-ciri lain seperti bertakwa, bertawakkal dan bersyukur. Manakala ciri adil, zuhud dan sabar serta bersikap profesional merupakan ciri usahawan yang terbangun. Semua ciri tersebut wajar dipraktiskan oleh setiap usahawan Muslim sebagai kriteria pembeza dengan usahawan mufsidin, yakni ciri yang tidak terbangun. Ia merupakan ciri yang berlawanan kerana ditandai dengan sifat syirik, dusta, zalim, tamak dan ghaflah. Modal insan yang memiliki

segala unsur rohani seperti akal, nafsu dan hati serta jasmani yang terbangun merupakan usahawan berjaya dan mendapat al-falah. Manakala modal insan bercirikan mufsidin adalah usahawan yang muflis dan rugi. Ciri mufsidin begini tidak wajar diikuti dan perlu diberikan sepenuh remidi.

5. Pembangunan modal insan berkaitan keusahawanan perlu mengambil kira tiga prinsip utama. Pertama, dari segi kerangka atau konsep manusia sebagai makhluk. Kedua, dari segi proses atau teknik keusahawanan sebagai ibadat dan jihad. Ketiga, dari segi hasil atau matlamat aktiviti keusahawanan yang tepat adalah mencari keredaan Allah. Prinsip ini menjadi payung kepada model pembangunan modal insan anbiya berkaitan keusahawanan.

Perlu juga difahami bahawa semua kisah anbiya tersebut adalah merupakan pengajaran, iktibar dan teladan yang terbuka kepada semua manusia dan tidak terhad kepada aspek yang berkaitan keusahawanan sahaja. Iktibar dan kefahaman dari kisah tersebut adalah sah lantaran telah diperkukuhkan dengan ayat al-Quran yang bertindak sebagai dalil atau bukti bagi pelaksanaan pembangunan modal insan, khususnya berkaitan keusahawanan.

@@@@@

RUJUKAN

Al-Quran dan Terjemahan serta Hadis

Sheikh Abdullah Basmeih (2001), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an (30 Juz)*, Kuala Lumpur: Darul Fikir

Maktabah Shamilah, enjin pencarian hadis dan kutub

'10 Prinsip Islam Hadhari', <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/agama/86-definisi-islam-hadhari>

'9 cabaran dalam wawasan 2020', <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat>

'Abdul Ḥalim Maḥmūd (1998), *Al-Islam wa- 'Aql*, Kaherah: Dar al-Ma'arif

'Abdul Karīm Zaidān (1975), *Uṣūl al-Da'wah*, Beirut: Muassasah al-Risalah

'Abdul Karim Zaidan (1998), *Al-Mustafād Min Qaṣaṣ al-Qur'ān Lil Da'wah Wa al-Du'āt*, 2 jilid, Beirut: Mu'assasah al-Risalah

'Abdullah bin Aḥmad bin Maḥmūd al-Nasaḥī (2000), *Tafsīr al-Nasaḥī*, Beirut: Dār al-Ma'rifah

'Abdullah Nāsiḥ 'Ulwān (1988), *Tarbiyah Awlād fī al-Islām*, 2 jilid, Kaherah: Dār al-Salam

'Afif 'Abd al-Fattāḥ Ṭabbārah (1985), *Ma'a al-Anbiyā' Fī al-Qur'ān: Qiṣaṣun wa Durusun wa 'Ibrun min ḥayātihim*, Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malayin

'Utilitarianism', *Encyclopedia Britannica*, <http://global.britannica.com>

"Urus Rezeki", *Iman*, Bil. 36, (2015): 16-23

A Nurdianto (2016), "Zakat Nabi-Nabi Terdahulu Dalam Al-Qur'an," *El-Wasathiya: Jurnal Studi Agama*, (160-165) (ejournal.kopertais4.or.id)

A. David Silver (1983), *The Entrepreneurial Life: How to Go for It*, New York: John Wiley & Sons

Ab. Aziz Yusof dan Zakaria Yusof (2004), *Prinsip Keusahawanan*, Selangor: Prentice Hall

- Ab. Mumin Ab Ghani dan Suhaili Sarif “Penerapan Budaya Keusahawanan Dalam Masyarakat Islam”, Prosiding Seminar Keusahawanan Islam Peringkat Kebangsaan, Anjuran Jabatan Syariah dan Pengurusan, API, Universiti Malaya, pada 6 Sept. 2005
- Ab. Mumin Ab. Ghani & Fadillah Mansor (2006), (eds.), *Dimensi Pengurusan Islam, Mengurus Kerja dan Mengurus Modal Insan*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ab. Rashid Dail (1984), *Prinsip Ekonomi Islam*, Bangi: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah
- Abdul Ghani Farinda et.al (2009), “Building Business Network: A Proposed Framework for Malaysian SMEs,” *International Review Business Research Papers*, Vol. 5, No 2 (Mac, 2009): 151-160
- Abdul Hadi Awang (2012), “Gharar Dalam Perspektif *Fiqh Al-Hadith*: Analisis Terhadap ‘*Illah Dan Prinsip*” *HADIS: Jurnal Ilmiah Berimpak*. Tahun Kedua, Bil: 4, Safar 1434h, (Disember 2012): 63-94
- Abdul Hafiz Abdullah (2012), “Pengaruh Persekitaran Dalam Pentafsiran al-Quran: Kajian Terhadap Tafsir Al-Azhar”, Tesis PhD, Universiti Malaya
- Abdul Jalil Borham (2011), “Modal insan dalam aspek keusahawanan dan ekonomi: Cabaran ke arah memertabatkan umat”, dalam *Mengangkasa Modal Insan Isu dan Cabaran*, (Suntingan Abdul Jalil Borham et.al), Kuantan: Penerbit Universiti Malaysia Pahang
- Abdul Jalil Borham et al (2011), “Mengangkasa Modal Insan” dalam *Mengangkasa Modal Insan Isu dan Cabaran*, (Suntingan Abdul Jalil Borham et al), Kuantan: Penerbit UMP
- Abdul Mustaqim (2011), “Kisah al-Qur’an: Hakekat, Makna, dan Nilai-Nilai Pendidikannya,” *Ulumuna*, Vol. XV, No. 2, (Dis., 2011): 265-260
- Abdul Qadir Mandili (1964), *Penawar Bagi Hati*, Yala: Sahabat Press
- Abdul Raufu Ambali dan Ahmad Naqiyuddin Bakar (2013), “Halāl food and products in Malaysia: People’s awareness and policy implications,” *Intellectual Discourse*, vol.21:1 (2013): 7-32
- Abdullah Ahmad Badawi, ‘10 Prinsip Islam Hadhari,’
<http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/agama/86-definisi-islam-hadhari>
- Abdullah Ahmad Badawi, “Ucapan Perasmian Gerak Usahawan Nasional 2009,” Pusat Dagangan Dunia Putra, pada 6 Februari, 2009,
<http://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=paklah&id=3221>

- Abdullah Ahmad Badawi, "Ucapan Perasmian Perayaan Jubli intan Jabatan Perkhidmatan Awan, Pusat Konvensyen Antarabangsa Puterajaya, 2009, <http://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=paklah&id=3223>
- Abdullah Al-Amin Al-Na'miy (1994), *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibn Khaldun dan Al-Qabisi*, (Terj. *al-Manhaj wa Turuq al-Ta'lim Inda al-Qabisi wa Ibn Khaldun* oleh Mohd. Ramzi Omar), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abdullah Sani S.H. (1984), *Asma-Ul Husna Dalam Komentari (Digali Dari Al Quran)*, Johor Bahru: Thinker's Library
- Abdulrezak A. Hashi and Bashiir Abd Samad "Human Capital from Islamic Perspective," International Conference on Human Capital Development" by UMP, Kuantan, May 22 – 27, 2009
- Abraham H. Maslow (1970), *Motivation and Personality*, Singapore: McGraw Hill
- Abu al-A'la al-Maududi (1976), *Asas-asas Islam*, (Terj. H.O.K. Rahmat), Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar
- Abu Bakar al-Asy'ari, (1952), *Sejarah Anbiya*, 3 jilid, Pulau Pinang: Haji Muhammad Ali Haji Muhammad Rawi
- Abul Hasan M. Sadeq (1990), "Entrepreneurship, Achievement Motivation and Economic Development", *Light on Islamic Economics*, vol. 2, Issue 1 (Nov., 1990): 39-44
- Abul Hasan M. Sadeq (1990), *Economic Development in Islam*, Petaling Jaya: Pelanduk Publication
- Adeyeye, J. O. (2009), "Human Capital Development Practices and Organizational Effectiveness: A Focus on the Contemporary Nigerian Banking Industry," *Pakistan Journal of Social Sciences*, 6 (4): 194 – 199
- Adnan Alias & Mohammad Dahlan Ibrahim (2002), *Keusahawanan Islam*, Petaling Jaya: Prentice Hall
- Adnan Alias (1997), "Usahawan dan Keusahawanan" dalam *Keusahawanan*, Suntingan Zainab Ahmad et al, Shah Alam: MEDEC, ITM
- Afzalur Rahman (1984), *Muhammad Encyclopaedia of Seerah*, Vol. 3, London: The Muslim Schools Trust
- Afzalur Rahman (1993), *Ensiklopedia Sirah Perkembangan Ilmu*, (Terj. Melayu oleh Badrul Hisham Hassan et al.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

- Ahmad Farid (2013), *Tazkiyatun Nafs Penyucian Jiwa Dalam Islam*, (Terj. *al-Bahru al-Ra'iq fi al-Zuhudi wa al-Raqa'iq* oleh Muhammad Suhadi), Jakarta Timur: Ummul Qura
- Ahmad Farid (Penyusun) (t.th), *Tazkiyah al-Nufūs Wa Tarbiyatuha Kamā Yuqarriruhu 'Ulama' al-Salaf Ibn Rajab al-Ḥanbalī, Ibn al-Qayyim wa Abī Ḥāmid al-Ghazālī*, (Tahqiq Majid Abi al-Layl), Beirut: Dār al-Salam
- Ahmad Kilani Mohamed dan Yahya Jusoh (2013), *Pembangunan Modal Insan Menurut Perspektif al-Quran*, Skudai: Penerbit UTM.
- Ahmad Sarji (2003), *Wawasan 2020 Malaysia, Memahami Konsep, Implikasi dan Cabaran*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Shukri Mohd Nain (2002), *Tingkah Laku Organisasi*, Skudai: Penerbit UTM
- Ahmad Sunawari Long (2006), *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, UKM
- Al-'Umari, Akram Diya' (1991), *Madinan Society at the Time of the Prophet: Its Characteristics and Organization*, (Terj. Inggeris oleh Huda Khattab), 2 jilid, Virginia: The International Institute of Islamic Thought
- Al-Ashqār, 'Umar Sulaymān (2000), *al-'Aqidah fi Allah*, Amman: Dar al-Nafais
- Al-'Askarī, Abī al-Hilal al-Ḥasan bin 'Abdullah bin Sahl (1997), *Al-Awā'il*, (Ed. 'Abd al-Razzaq Ghalib al-Mahdi), Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1977), *Islam Faham Agama dan Asas Akhlak*, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1985), *Islam Secularism and The Philosophy of the Future*, London-New York: Mansell Publishing Limited
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1990), *The Nature of Man and the Psychology of the Human Soul*, Kuala Lumpur: ISTAC
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1995), *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*, Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (2010), *Islam dan Sekularisme* (Terj. *Islam and Secularism* oleh Khalif Muammar), Bandung: PIMPIN-CASIS, UTM
- Al-Bāhī, Muḥammad (1973), *al-Fikr al-Islāmi al-Hadith wa Silatuhu bi al-Isti'mar al-Gharbi*, Beirut: Dār al-Fikr
- Al-Buraey, Muhammad (1992), *Pembangunan Pentadbiran Menurut Perspektif Islam*, (Terj. *Administrative Development: An Islamic Perspective* oleh Abdullah Md. Noor, Norlida Abdul Halim & Noorlela Hassan), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

- Al-Būtī, Muḥammad Sa'īd Ramaḍān (1991), *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyah Ma'a Mujīz Li Tārīkh al-Khilāfah al-Rāshidah*, Beirut - Dimasyq : Dār al-Fikr
- Al-Dimasyqī, al-Imām Syams al-Dīn Muḥammad bin Abī Bakr bin Ayyūb al-Zar'ī (1996), *al-Fu'ād Li Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah*, (Tahqīq Sa'id al-Lihām), Beirut: Dār al-Fikr al-Lubnānī
- Al-Edrus, Syed Muhammad Dawilah (1990), *Islamic Epistemology*, Penang: The Islamic Academy, Cambridge - Sekretariat Falsafah dan Sains Islam, USM
- Al-Faruqī, Ismail Raji (1998), *Al-Tauhid: Its implication for thought and life*, Herndon: International Institute of Islamic Thought (IIIT)
- Al-Fayyūmī, Aḥmad bin Muḥammad bin 'Alī al-Muqārī (t.th), *al-Miṣbāh al-Munīr fī gharīb al-syarh al-kabīr lil al-Rafī'ī*, 2 jilid, Beirut: al-Maktabah al- 'Ilmiyyah
- Al-Ghazalī, Abū Ḥāmīd Muḥammad (1964), *Counsel for Kings*, (Terj. *Nasihāt al-Muluk* oleh F.R.C. Bagley), New York-London: Oxford University Press
- Al-Ghazalī, Abū Ḥāmīd Muḥammad (1970), *al-Arba'īn fī Uṣūl al-Dīn*, (Tahqīq Muhammad Mustafā Abu al-'Ila), Mesir: Maktabah al-Jundi
- Al-Ghazalī, Abū Ḥāmīd Muḥammad (1990), *Mukhtaṣar Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, Beirut: Mu'assasah al-Kutub al-Thaqafiyah
- Al-Ghazalī, Abū Ḥāmīd Muḥammad (t.th), *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, 4 jilid, (Takhrij hadith oleh Iraqī), Beirut: Dār Ihyā al-Turath al-'Arabi
- Al-Ghazzali, Abū Ḥāmīd Muḥammad (2010), *The Alchamy of Happiness*, New York: Cosimo Classics
- Al-Habshi, Syed Othman, (1986) "Pembangunan Insan dan Dasar Pertanian Negara" Kertas Kerja Seminar Pembangunan Insan Dalam Konteks Pembangunan Negara pada 17 – 19 Februari, di Kuala Lumpur
- Al-Hamawī, Yākūt bin 'Abdullah (1955), *Mu'jam al-Buldān*, 5 vol. Beirut: Dār Ṣadir Li al-Tibā'ah
- Al-Hindī, Ala' al-Dīn al-Muttaqī bin Hisham al-Dīn (1989), *Kanz al-Ghumāl Fī Sinīn al-Aqwāl wa al-Af'āl, Fī anwa' al-Kasb*, Juz 4, (Tahqīq Sheikh Bakri Hayyati dan al-Sheikh Safwah al-Saqa), Beirut: Mu'assasat al-Risalah
- Al-Kisā'ī, Abū Ḥasan Alī Hamzah al-Asadi Muḥammad (1997), *Qiṣaṣ al-Anbiyā'*, Karachi: Kazi Publication
- Ali Aslan Gümüşay (2015), "Entrepreneurship from an Islamic Perspective" *Journal of Business Ethics*, August 2015, Volume 130, Issue 1: 199–208
- Ali bin Abu Thalhah (2013), *Tafsir Ibnu Abbas*, (Tahqīq Rasyid Abdul Muni'im ar-Rajal), (Ter. *Tafsir Ibn Abbas* oleh Muhyiddin Mas Rida et al), Jakarta Selatan: Pustaka Azzam

- Ali Hasan (2009), *Manajemen Bisnis Syariah*, Yogyakarta: Penerbit Pustaka Pelajar
- Al-Jurjānī, ‘Alī bin Muḥamad al-Syarif (1969), *Kitāb al-Ta’rīfāt*, Beirut: Maktabah Lubnan
- Al-Jaw’aniy, Muḥammad Najīb Hamadiy (2005), *Dawāb al-Tijārah fī al-Iqtisād al-Islāmī*, Beirut: Dār al-kutub al-‘ilmiyyah
- Al-Khālīdī, Ṣalāh (1998), *al-Qaṣaṣ al-Qur’ānī*, 4 jilid, Dimasyq: Dār al-Qalam
- Al-Marāghī, Aḥmad bin Mustafā (1946), *Tafsīr al-Marāghī*, Mesir: Mustafā al-Bābī al-Halabiy
- Al-Mawardī, ‘Alī bin Muḥammad Habīb al-Baṣri (1983), *Aḥkām al-Sulṭāniyyah al-wilayat al-diniyyah*, Kaherah: Dār al-Fikr
- Al-Mu’jam al-Wasīt*, <http://www.maajim.com/dictionary/>
- Al-Nadwī, S. Abul Hasan Ali (1979), *The life of Prophet Muhammad*, (Terj. *Muhammad Rasulullah* oleh Mohiyuddin Ahmad), Lucknow: Academy of Islamic Research and Publications
- Al-Najjār, ‘Abd al-Wahāb (t.t), *Qiṣaṣ al-Anbiyā’*, Beirut: Dār Ihyā’ al-Turath al-‘Arabi
- Al-Naishābūri, Abū Ishāq Ibrāhīm bin Mansūr bin Khalaf (1961), *Qiṣaṣ al-Anbiyā’*, Tehran: Majmu‘ al-Mutunī
- Al-Nasafī, ‘Abdullah bin Aḥmad bin Maḥmūd (2000), *Tafsīr al-Nasafī*, Beirut: Dār al-Ma‘rifah
- Al-Nawawī, Abū Zakaria Yahya bin Syaraf (t.th), *Matan al-Arba‘īn al-Nawawiyyah*, Penang: The United Press
- Al-Nawawi, Abu Zakaria Yahya bin Syaraf (1976), *Forty Hadith*, (Terj. Inggeris oleh Ezzeddin Ibrahim dan Denys Johnson-Davies), Beirut: The Holy Qur’an Publishing House
- Al-Qamūs al-Muhīt*, <http://www.baheth.info/index>
- Al-Qaraḍawī, Yūsuff (1985), *The Lawful and the Prohibited In Islam*, London: Shorouk International
- Al-Qaraḍawī, Yūsuf (1991), *al-‘Ibādah fī al-Islām*, Beirut: Mu’assasah al-Risalah

- Al-Qaraḍawī, Yūsuf (1994), *al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fī al-Islām*, Beirut: Maktabah al-Islami
- Al-Qaraḍawī, Yūsuf (2001), *Dawr al-Qiyām wa al-Akhlāq fī al-Iqtisād al-Islāmī*, Cairo: Maktabah Wahbah
- Al-Quraisyiy, Ali (2004), *Malek Bin Nabi & Pergolakan Sosial*, (Terj. Mohd. Safwan Amrullah), Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia
- Al-Qurtubī, Abī ‘Abdillah Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr (2006), *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān*, (Tahqīq Dr Abdullah bin Abd al-Muhsin al-Turki), 24 Jilid, Beirut: Mu’assasah al-Risalah
- Al-Rāghib al-Asfahānī, Abī Qasim al-Ḥusayn bi Muḥammad (1997), *Mu‘jam Mufradāt Alfāz al-Qur’ān*, (Tahqīq Ibrahim Shamsuddin), Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah
- Al-Rawandī, Qutb al-Dīn Sa‘īd ibn Ḥibbat Allah (1989), *Qiṣaṣ al-Anbiyā’* (ed. Ghulam Rizayi Irfaniyan al-Yazdi), Beirut: Mu’assasat al-Mufīd
- Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn Muḥammad Ibn ‘Umar, (1985), *Tafsīr al-Kabīr*, 16 jilid, Beirut: Dār al-Fikr
- Al-Ṣābūnī, Muḥammad ‘Alī (1986), *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr*, 3 Jilid, Beirut: Dār al-Qalam
- Al-Shāmī, Ṣaleh Aḥmad (Penyusun) (2007), *Tibb al-Qulūb Li Imām Ibn Qayyim al-Jauziyah*, Damsyiq: Dār al-Qalam
- Al-Siba’ī, Mustafā (1996), *Perjalanan Hidup Nabi Muhammad SAW: Kajian dan Pengajaran*, (Terj. al-Sirah al-Nabawiyah: Durusun wa ‘Ibrun oleh Abdul Rashid Hj Ahmad), Alor Star: Pustaka Darussalam
- Al-Sya’rawī, Muhammad Mutawallī (t.t), *Mu‘jizat al-Qur’ān*, Makīt: Asyraf Husin, 10 jilid, T.Tp: Akhbar al-Yaum
- Al-Syaukānī, Muḥammad bin ‘Alī (1984), *Irsyād al-Thiqat ilā Ittifāq al-Syar‘i*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Al-Tha‘labī, Abū Ishāq Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn Ibrāhim (t.t.), *Arā’is al-Majālis: Qiṣaṣ al-Anbiyā’*, Beirut: Dār al-Rakiyya al-Kutub al-‘Arabiyyah
- Al-Tabarī, Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr (1987), *Tārīkh al-Rusul Wa al-Muluk*, 2 jilid, Albany: SUNY Press
- Al-Tabarī, Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr (1997), *Jami‘ al-Bayān ‘an al-Ta’wil ‘ay al-Qur’ān*, (Taqrib dan tahzib oleh Solah al-Khalidi), 5 jilid, Dimasq: Dār al-Qalam
- Al-Tabarī, Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr (2002), *Qiṣaṣ al-Anbiyā’*, (Qadam wa allaq Mustafā Abd al-Qadir ‘Ata), Beirut: Dār al-Fikr,

- Al-Wāqidī, Abū `Abdullah Muḥammad Ibn `Umar Ibn Waqid al-Aslāmī (1966), *Kitāb al-Maghāzi*, (Sunt. Marsden Jones), London: Oxford University
- Al-Zabidī, Muḥammad Murtaḍā (1306), *Tāj al-`Arūs*, Juz 6, Mesir: al-Matba'ah al-Khayriyyah
- Al-Zamakhsyariy, Abū al-Qāsim Maḥmūd bin Muḥammad `Umar (t.t), *al-Kasyyaf an Haqā`iq al-Tanzīl*, 4 jilid, Beirut: Dār al-Fikr
- Al-Zandānī, Abdul Majid (1989), *Tauhid Pendekatan Saintifik* (Terj. *Kitab Tauhid al-Khaliq* oleh Osman Khalid et al), 3 Jilid, Bandar Baru Bangi: Al-Rahmaniah
- Al-Zuhailī, Wahbah (1997), *Al-Quran Dalam Perlaksanaan Hukum dan Peradaban Manusia* (Terj. *al-Qur'an al-Karim Bunyatuhu wa al-Tasyri'yyat* oleh Muhammad Luqman Hakiem dan Mohammad Fuad Hariri), Batu Caves: Albaz Publishing & Distribution Sdn Bhd
- Al-Zuhailī, Wahbah (2003), *Akhlāq al-Muslim: `Alaqtuhu bi al-khāliq*, Dimasyq: Dār al-Fikr
- Amrul Mutaqin (2013), "Konsep Periklanan Dalam Ekonomi Islam," *Cahaya Aktiva*, Vol.3, No.1, (Mac, 2013): 1-10
- Anes Ahmad Munawwar dipetik oleh Ziaudin Sardar (1989), *Explorations in Islamic Science*, London: Mansell
- Arpandi Ismail (2001), "Kisah Nabi Nuh alayh al-salam dalam al-Qur'an: Suatu kajian tentang metodologi pemantapan akidah umat Islam," Dissertation (M.Usuluddin), Universiti Malaya
- Ash-Shabuni, Muhammad Ali (2003), *Kemuliaan Para Nabi*, (Terj; Saiful Mohd. Ali), Johor Bahru: Jahabersa
- Asmak Ab Rahman (2009), "Sekuriti Makanan Dari Perspektif Syariah," *Jurnal Syariah*, Jilid 17, Bil. 2: 299-326
- Asmak Ab. Rahman (2011), *Pertanian Dari Perspektif Ekonomi Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Asmar Abdul Rahim dan Mahmud Zuhdi Mohd Nor (2011), "Kapal dan Pengertiannya: Satu Pengungkaian Mengikut Perspektif Al-Quran," *Jurnal Undang-Undang & Masyarakat*, vol. 15, (2011): 19-30
- Asy-Sya'rawi, Syeikh Muhammad Mutawalli (2012), *Sejarah & Kisah Nabi-Nabi Dalam al-Quran*, (Terj. Melayu oleh H. Muhammad Zuhirsyan dan H. Suhendri Irandi), Puchong: Jasmin Publications

Awang Selamat, *Mingguan Malaysia*, 22hb Mac, 2015

Ayesha Dias (2000), "Human Rights, Environment and Development: With Special Emphasis On Corporate Accountability", *Human Development Report 2000 Background Paper*, tajaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, <http://core.ac.uk/download/pdf/6248783.pdf>

Ayief Fathurrahman (2011), "Globalisasi: Langkah Menuju Westernisasi Global," *Jurnal Akademika*, Vol. 16, no. 1 (2011): 1-17

Azam Baki (2016), "Kenyataan Media Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi)," *SPRM*, pada 5hb Oktober, <http://www.sprm.gov.my/index.php/arkib-kenyataan-media/>

Azhar Muhammad (2008), *Perumpamaan al-Quran*, Skudai: Penerbit UTM Press

Azizan Osman (2014), <http://azizanosman.com/kegagalan-adalah-kejayaan-bangkit-2014/>

Azli Fairuz Laki, Mohd Shafiee Hamzah, Wan Hishamudin Wan Jusoh (2015), "Pembentukan Akhlak Mahmudah Sebagai Mekanisme Pembangunan Insan: Analisis Terhadap Tafsir Fi Zilal Al-Quran," *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, Vol. 10, Isu 2: 36-48

B.F Skinner (1938), *The Behavior of Organisms: An Experimental Analysis*, New York: Appleton-Century Crofts.

Barjoyai Bardai (2000), *Keusahawanan Dan Perniagaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Basheer AM al-Alak dan Shorouq Eletter (2010), "Islamic Entrepreneurship: An Ongoing Driver for Social Change," *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in Business*, vol. 1, no. 12 (2010): 81-97

Bonita Barger (2008), "The Anatomy of Program Design For an On-Line Business Management Course." *College Teaching Methods & Styles Journal*, Vol. 4, No.1 (Jan.): 99-110

Bradley J. Cook, (2000), "The Book of Abraham and the Islamic Qisas al-Anbiya' (Tales of the Prophets) Extant Literature," *Dialogue: A Journal of Mormon Thought*, Vol. 33, Num. 4 (Winter, 2000): 127 – 146

Bruce R. Barringer & R Duane Ireland (2006), *Entrepreneurship Successfully Launching New Ventures*, New Jersey: Pearson

Buerah Tunggak (2007), "Budaya Niaga Usahawan Bumiputera Dan Implikasinya Terhadap Pendidikan dan Pembangunan Keusahawanan Muslim", Disertasi PhD, UTM.

Buerah Tunggak dan Hussin Salamon (2011), *Budaya Usahawan Berjaya*, Skudai: Penerbit UTMPress

Buerah Tunggak, Hussin Salamon & Baharin Abu (2011), "Keperluan Latihan dan Pendidikan Berterusan ke arah Pembangunan Usahawan Muslim Berteraskan Nilai Islam Di Malaysia," *Jurnal teknologi 55 (Sains Sosial)*, (Mei, 2011):121-144

Business Dictionary, <http://www.businessdictionary.com/>

Cambridge Dictionary, <http://dictionary.cambridge.org/dictionary/>

Chandra Shekar Kumar (2006), "Human Capital and Growth Emperics," *The Journal of Developing Areas*, Vol. 40, no. 1 (Autumn): 153-159

Charles C. Torrey (1892), *The Commercial-Theological Terms in The Qur'an*, Leiden: E.J. Brill

Charles C. Torrey (1892), *The Commercial-Theological Terms in The Qur'an*, Leiden: E.J. Brill

Che Bakar Che Mat et al (2007), *Pembangunan dari Perspektif Islam*, Shah Alam: Universiti Teknologi MARA

Clayton P Alderfer (1972), *Existence, Relatedness and Growth*, New York: Free Press

Clyde (1980), "Protecting All Employees Against Unjust Dismissal," *Harvard Business Review*, 58 (Jan-Feb. 1980)

Clyde W. Summers (1980), "Protecting All Employees Against Unjust Dismissal," *Harvard Business Review*, 58 (Jan-Feb.): 132-140

Corliss Lamont (1957), *The Philosophy of Humanism*, New York: The Wisdom Library

Covey, Stephan R. (1989), *The 7 Habits of Highly Effective People*, New York: Simon & Schuster

Covey, Stephen R. (1992), *Principle - Centred Leadership*, London: Simon & Shuster

D. F. Kuratko & R. M. Hodgetts (2004), *Entrepreneuership: A Contemporary Approach*, Harcourt College Publishers

David C. MacClelland (1971), "The Achievment Motive in Economic Growth," dalam Peter Kilbi (ed), *Entrepreneuership and Economic Development*, New York: The Free Press

Direktori Usahawan Malaysia, http://portal.dumei.com/ar_mot5.php

- Donald Kirkpatrick (1976), "Evaluation of training." in R. L. Craig (Ed.), *Training and Development Handbook*, New York: McGraw Hill.
- Donald Kirkpatrick (1994), *Evaluating Training Programs*, Berrett-Koehler Publishers.
- Emin Baki Adas (2006), "The Making of Entrepreneurial Islam and the Islamic Spirit of Capitalism" *Journal for Cultural Research*, Vol.10 (2): 113-137
- Encyclopaedia of Britannica*, <http://global.britannica.com>.
- English Oxford Dictionaries*, <https://en.oxforddictionaries.com/definition/comparative>
- Ensiklopedia Islam* (2004), 4 Jilid, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Fadillah Mansor (2006), "Kualiti Kerja Dalam Organisasi: Tinjauan Dari Perspektif Pengurusan Islam," dalam Ab. Mumin Ab. Ghani & Fadillah Mansor (eds.), *Dimensi Pengurusan Islam, Mengurus Kerja dan Mengurus Modal Insan*. Kuala Lumpur: Penerbit UM
- Fadillah Mansor & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim (2008), "Pembangunan modal insan dari perspektif pengurusan Islam." *Jurnal Al- Tamaddun 3* (Disember-Januari 2008): 75-96
- Fadillah Mansor (2007), "Pembangunan Modal Insan", *VISI*, Bil. 74, Februari 2007
- Fahmi Basya (2012), *Borobudur & Peninggalan Nabi Sulaiman*, Jakarta: Zaytuna PT Ufuk Publishing House
- Faizatul Najihah Mohd Azaman & Faudzinaim Badaruddin (2016), "Nilai-Nilai Pembangunan Modal Insan Menurut al-Ghazali," *UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. vol.3, no. 1 (2016): 11–27
- Farahwahida Mohd Yusof et.al (2015), *Keusahawanan Menurut Perspektif al-Quran*, Skudai: Penerbit UTM Press
- Fatimah Ibrahim, Wan Abu Bakar Wan Abas dan Ng Siew Cheok (2009), *Solat: Kebaikan Dari Perspektif Sains*, Kuala Lumpur: Jabatan Kejuruteraan Bioperubatan, UM
- Fatimah Salwa Abd Hadi dan Joni Tamkin Borhan (2013), "Faktor-faktor Kejayaan Perniagaan Khadijah binti Khuwailid: Analisis Terhadap Usahawan Asnaf di Lembaga Zakat Selangor," *Jurnal Syariah*, Jil. 21, Bil. 2 (2013): 117-144
- Fauzi Saleh (2012), "Fikih Peradaban Dalam Kisah al-Qur'an," *Al-Mu'ashirah*, Vol. 9, No. 1, (Jan., 2012): 39-48

- Ferrell, O.C., Grosham, L.G., & Fraderich, J. (1989), "A Synthesis of Ethical Decision Models for Marketing," *Journal of Macromarketing*, (Fall 1989): 58-59.
- Franz Rosenthal (1970), *Knowledge Triumphant*, Leiden: E.J. Brill
- Fred Luthans (1995), *Organizational Behavior*, Singapore: McGraw Hill
- Frederick W. Taylor (1974), *Scientific Management*. New York: Harper and Bross
- Friedman, M. (1970), "The Social Responsibility of Business Is to Increase Profits," *Times Magazine*, New York, September 13.
- George D. Pamplona-Roger (2013), *Makanan Sehat* (terj. Juraniya Mabin dan Edwin Jihang), Madrid: Safeliz
- George M. Alliger dan Elizabeth A. Janak, "Kirkpatrick's Levels of Training Criteria: Thirty Years Later," *Personnel Psychology*, Volume 42, Issue 2, (June, 1989): 331-342
- H. Abudin Nata (2002) (editor), "Pandangan al-Quran Tentang Hari Akhirat," dalam *Kajian Tematik al-Quran Tentang Ketuhanan*, Bandung: Penerbit Angkasa
- H. Abudin Nata (editor) (2002), *Kajian Tematik al-Quran Tentang Ketuhanan*, Bandung: Penerbit Angkasa
- H.H. Stevenson and J.C. Jarillo (1990), "A paradigm of entrepreneurship: entrepreneurial Management", *Strategic Management Journal*, Vol. 11, No. 5, (1990): 17-27
- Hairuddin Harun (1992), *Daripada Sains Yunani Kepada Sains Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- HAMKA, Haji Abdul Karim Amrullah (1974), "Pandangan Islam Tentang Keluarga Berencana," dalam *Panji Masyarakat*, No. 256, 1 Okt. 1978, Jakarta: Yayasan Nurul Islam
- HAMKA, Haji Abdul Karim Amrullah (1983), *Iman dan Amal Soleh*, Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru
- HAMKA, Haji Abdul Karim Amrullah (1999), *Tafsir al-Azhar*, 10 jilid, Singapore: Pustaka Nasional Pte Ltd
- Hans Wehr, (1974), *A Dictionary of Modern Written Arabic- Arabic-English*, London: Macdonald & Evans LTD
- Hariyaty Ab Wahid dan Norasmah Othman (2013), "Social Entrepreneurship and the Competitiveness of Students in Social Entrepreneurship Program," *Management Research Journal*, Vol. 2, No. 1 (2013): 80 - 91

- Harun Yahya (2002), *Kaum-kaum Yang Pupus*, (Terj. *Perished Nations* oleh Rozalli Hashim), Kuala Lumpur: Saba Islamic Media
- Hassan Mohd. Osman (2007), “Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kejayaan Usahawan Kredit Mikro Di Negeri Johor,” *Laporan Projek Penyelidikan Vot 75002*, Skudai: Fakulti Pengurusan, Universiti Teknologi Malaysia
- Hisham Altalib (1991), *Training Guide For Islamic Workers*. Herndon: International Institute of Islamic Thought
- Hisrich Robert. D & Peters Micheal P. (2002), *Entrepreneurship*, Cornell: McGraw Hill
- Hosein Ali Ahmadi et.al (2016), “Ethics review of entrepreneurship from the perspective of Prophet Mohammad (PBUH),” *International Academic Journal of Economics*, Vol. 3, No. 3, (2016): 17-25
- Howard H. Stevenson, J. Carlos Jarillo (1990), “A Paradigm of Entrepreneurship: Entrepreneurial Management,” *Strategic Management Journal*, Special Issue: Corporate Entrepreneurship 11(5) (Summer, 1990): 17-27
- <http://www.sarawakreport.org> (2 Mac, 2015)
- <http://www.themalaysianinsider.com> (13 Disember, 2014)
- <http://www.thesundaytimes.co.uk/> (1 March, 2015)
- <http://www.usahawan.com/tokoh-perniagaan/rahsia-kejayaan-tan-sri-lim-goh-tong.html>
- <https://hbr.org/1988/01/the-coming-of-the-new-organization>
- Huntington, Samuel P. (1997), *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*, London: Penguin Books
- Husin Salamon (1999), “Pembangunan Dari Perspektif Islam” Kertas Kerja Bengkel Pembangunan Menurut Islam, anjuran Fakulti Alam Bina di Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru
- I.L.Preston (1996), “Reasonable Consumer or Ignorant Consumers, How the FTC Decided?” dalam Joseph R. Des Jardins & John J. McCall (eds), *Contemporary Issues in Business Ethics*, California: Wadsworth: 369-376
- Ibn Hisham, Abu Muhammad 'Abd al-Malik (1998), *al-Sirah al-Nabawiyah*, (Tahqiq oleh Mustafa al-Syaqa et al), 4 jilid, Beirut: Dar ihya al-turath al-‘arabi
- Ibn Ishāq, Muḥammad bin Ishāq (1955), *The Life of Muhammad*, (Terj *Sirat Rasul Allah* oleh Alfred Guillaume), London - Toronto: Oxford University Press
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’ Ismā‘īl bin Kathīr (1968), *Qiṣaṣ al-Anbiyā’*, Cairo: Dār al-Kutub al-Hadithah

- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'īl bin Kathīr (1993), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 4 jilid, Madinah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'īl bin Kathīr (2015), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, versi online, <http://www.ibnukatsironline.com/2015/05/tafsir-surat-hud-ayat-40.html>
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Ismail bin Kathir al-Quraisy (2004), *Kisah Para Nabi Teladan Bagi Orang Berakal*, (Terj. *Qisas al-Anbiya' Ibratun Li uli al-Albab* oleh Panel Penterjemah dan disemak Datuk Abu Hasan Din al-Hafiz), Kuala Lumpur: Darul Fajr
- Ibn Khaldūn, 'Abd Raḥmān bin Muḥammad bin Khaldūn (1310H), *Muqaddimah Ibn Khaldūn*, Tehran: Intisyarat Istiqlal
- Ibn Manzūr, Muḥammad bin Mukarram (t.t), *Lisān al-'Arab*, 6 juzuk, (tahqiq Abdullah 'Alī al-Kabīr, Muḥammad Aḥmad Hasbullah dan Hasyim Muḥammad al-Syadhli), Kaherah: Dār al-Maarif
- Ibn Miskawaih, Abū 'Alī Aḥmad bin Muḥammad (1967), *Tahdhīb al-Akhlāq wa Taḥḥīr al-A'rāq*, Qahirah: Muassasat al-Khanijī
- Ibn Qayyim al-Jauziah (1983), *Al-Amthāl fī al-Qur'ān al-Karīm*, Kaherah: Dār al-Syuruk
- Ibn Qayyim al-Jauziah (2007), *Tib al-Qulūb*, Dimasyq: Dar al-Qalam
- Ibn Qudāmāh al-Maqdisī, al-Imām al-Syeikh Aḥmad bin 'Abd al-Raḥmān (1978), *Mukhtaṣar Minhāj al-Qāṣidīn*, Damsyiq: Maktabah Dār al-Lubnan
- Ibn Sa'ad, Abū 'Abd Allāh Muḥammad (1967), *Tabaqāt al-Kabir*, (Terj. English oleh S.Moinul Haq), 2 Vol., Karachi: Pakistan Historical Society
- Ibn Taimiyyah, Aḥmad bin 'Abd al-Ḥalīm (1969), *Al-'Ubudiyyah*, Edisi kedua, Beirut: al-Maktab al-Islami
- Ibn Taymiyah dan Muḥammad bin 'Abdul Wahhāb (1979), *Majmu'ah al-Tawhīd*, Kaherah: Dār al-Fikr
- Ibnul Qayyim (1992), *Roh*, (Terj. *al-Ruh* oleh Syed Ahmad Semait), Singapura: Pustaka Nasional
- Ibrahim Mamat (2001), *Reka Bentuk dan Pengurusan Latihan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ilhaamie Abdul Ghani Azmi (2008), "Amalan Pengurusan Sumber Manusia Berteraskan Kompetensi dan Kualiti Perkhidmatan dalam Organisasi Awam di Malaysia: Kesaling Bergantungan Tugas sebagai Penyederhana." Tesis Doktor Falsahah, Universiti Sains Malaysia

- Ilhaamie Abdul Ghani Azmi (2008), Pembangunan Modal Insan Dalam Menjayakan Perniagaan Dari Perspektif Islam, *Jurnal Usuluddin*, 28: 123-138
- Ilhaamie Abdul Ghani Azmi (2009), "Human Capital Development and Organizational Performance: A focus on Islamic perspective," *Shariah Journal*, Vol 17, no. 2: 353 –372
- Ilhaamie Abdul Ghani Azmi (2015), "Islamic human resource practices and organizational performance: Some findings in a developing country", *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, Vol. 6 Iss: 1: 2 – 18
- Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan FIK-IKIP
- Imam Jalalayn (t.t.), *Tafsir al-Quran al-Azim*, Pulau Pinang: Dar al-Maarif
- Iqbal Unus (2006), "The story of Musa and Haron: Lessons to leadership," versi online, <http://www.islamist.org/index>
- J.A.Schumpeter (1971), "The theory of economic development", dalam P.Kilby, *Entrepreneurship and Economic Development*, New York: The Free Press
- Jaafar Muhammad (1997), *Kelakuan Organisasi*, Kuala Lumpur: Leeds Publications
- Jackson J.H, Miller R.L, Miller S.G (1997), *Business and Society Today: Managing Social Issues*, New York: West Publishing Co.
- Jean-Francois Lyotard (1984), *The Post Modern Condition: A Report On Knowledge* (Terj. Perancis oleh G. Bennington dan B. Massumi), Minneapolis: Uni. of Minneapolis Press
- Jerry E. Smith (2013), *Konspirasi Bencana Alam* (Terj. *Weather Warfare* oleh Ahmad Syukron), Jakarta Selatan: PT. Ufuk Publishing House
- John B. Watson (1913) "Psychology as the Behaviorist View It" dalam *Psychology Review* 20: 158-177
- John W. Creswell (2009), *Research Design Pendekatan Kualitatif, Kuantitatif dan Mixed*, (Terj. *Research Design Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* oleh Achmad Fawaid), Yogyakarta: Pustaka Pelajar
- Jon M. Werner dan Randy L. DeSimone (2006), *Human Resource Development*, Ohio: Thomson South-Western
- Joni Tamkin Bin Borhan (2008), "Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam," *Jurnal Usuluddin*, Bil 27: 93-107
- Joni Tamkin Borhan dan Muhammad Ridhwan Ab. Aziz (2009), "Agriculture and Agribusiness From The Perspective of al-Qur'an and al-Sunnah," *Jurnal Usuluddin*, Bil. 30, (Julai – Disember): 329-330

- Joni Tamkin Borhan, Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, Mohd Fauzi Abu@Hussin (2011), "Membentuk Usahawan Muslim: Peranan Dana Masjid", *Al-Basirah*, Vol 1, No. 1: 53-63
- Joyc M. Hawkins (1986) (editor), *The Oxford Reference Dictionary*, Oxford: Clarendon Press
- K.H. Moenawar Chalil (1987), *Kelengkapan Tarikh Nabi Muhammad SAW*, 8 Jilid, Jakarta: PT Bulan Bintang
- Kalam Setia, Hafiziannur, & Zawawi Ismail (2014), "Nabi Yusuf AS dan Makna Pendidikan dalam Islam," *Fikiran Masyarakat*, Vol. 2, No. 1, (2014): 1-18
- Kamaruddin Ngah et al. (1990), *Kaedah Penyelidikan Panduan Mudah Kerja Luar*, Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Kamus Dewan*, Edisi Keempat, versi online, <http://prpm.dbp.gov.my>
- Karl Vesper (1980), *New Venture Strategies*, New Jersey: Prentice Hall
- Kenichi Ohmae (1995), *The End of Nation State: the Rise of Regional Economies*, New York: Simon and Schuster Inc.
- Kenichi Ohmae (1999), *The borderless world: power and strategy in the interlinked economy*, (rev. ed). New York: Harper Business
- KH Fahmi Basya (2012), *Borobodur & Peninggalan Nabi Sulaiman*, Jakarta Selatan: Zaytuna PT Ufuk Publishing House
- Khurshid Ahmad (1980), "Economic Development in an Islamic Framework", dalam Khurshid Ahmad (ed.), *Studies in Islamic Economics*, Leicester: The Islamic Foundation
- Khurshid Ahmad (1990), 'Foreword' buku Zakaria Bashier, *Sunshine at Madinah: Studies in the Life of the Prophet Muhammad*, Liecester: The Islamic Foundation
- Leonard Nadler (1989) *Designing training programs: The critical events model*. Reading, MA: Addison-Wesley
- Lim Goh Tong (2004), *Cerita Saya*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications
- Lisān al- 'Arab*, versi online, <http://www.maaajim.com/dictionary/>
- M. Ali Hassan (2003), *Berbagai Transaksi Dalam Islam (Fiqh Muamalat)*, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada
- M. Amin Aziz (2012), *The Power of al-Fatihah*, Jakarta Timur: Da'i Fiah Qalilah

- M. Friedman, (1970), "The Social Responsibility of Business Is to Increase Profits," *Times Magazine*, New York, September 13.
- M. Kabir Hassan & William J. Hippler (2014), "Entrepreneurship and Islam: An Overview," *Econ Journal Watch*, 11(2) (May 2014): 170-178
- M. Quraish Shihab (1997), *Wawasan Al-Quran: Tafsir Maudhu'i atas Pelbagai Persoalan Umat*, Bandung: Mizan
- M. Syaib al-Faiz dan Thoriq Abdul Aziz At-Tamimi (2012), 'Pengantar Penterjemah' *Hikmah Kisah-kisah Dalam al-Quran* (Abdul Karim Zaidan, Al-Mustafad Min Qashash al-Qur'an), 2 jilid, Jakarta Timur: Darus Sunnah Press
- M. Weidenbaum,(1996), "Consumers Product Regulation," dalam Joseph R. Des Jardins & John J. McCall (eds), *Contemporary Issues in Business Ethics*, California: Wadsworth: 79-83
- M.A. Manan (1995), *Teori dan Praktek Ekonomi Islam*.(terj. M.Nastangin), Jogjakarta: Dana Bhakti Wakaf
- M.Z. Azmie (1999), *Pengurusan Dari Perspektif Solat*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd
- Maan Z Madina (1973), *Arabic-English Dictionary*, New York: Pocket Books
- Mahadhir Muhammad (1999), *Kebangkitan Semula Asia*, Subang Jaya: Pelanduk Publication
- Mahadhir Muhammad, *New Straits Times*, 16 Mac, 1995: Muka Depan
- Mahayuddin Yahya (2001), *Islam Di Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mahayuddin Yahya (2013), "Umran Dan Aplikasinya Di Alam Melayu." *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Jil. 6, bil, 1 (2013): 1-33
- Mahmud Yunus (2006), *Tafsir Mahmud Yunus al-Quranul Karim Rasm Uthmani*, Klang: Klang Book Centre
- Mailonline*, 17 April 2013, <http://www.dailymail.co.uk/sport/football>
- Maimunah Aminuddin (2003), *Panduan Pengurusan Sumber Manusia*, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Majalah New Scientist*, <http://www.newscientist.com/topic/weapons>
- Mamdouh Farid (2007), "Entrepreneurship in Egypt and the US compared: Directions for Further Research Suggested," *Journal of Management Development*, vol. 26(5): 428-440
- Mannā al-Qaththān (1973), *Mabāhith fī 'Ulum al-Qur'ān*, t.tp: Mansyurah al-'Aṣr al-Hadith

- Mardzelah Makhsin (2006), "Proses Kejadian Manusia Daripada Perspektif Islam," dalam *Sains Pemikiran & Etika*, Kuala Lumpur: PTS Profesional Publising
- Martha Reeves (1996), *Evaluation of Training*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications
- Martin Lings (1995), *Muhammad his life based on the earliest sources*, Cambridge: The Islamic Text Society
- Mathew B Miles dan Micheal Huberman (1984), *Qualitative Data Analysis*, Beverly Hill: Age Publication
- McGraw-Hill Dictionary of American Idioms and Phrasal Verbs* (2002), The MacGraw-Hill Companies, Inc, (<http://idioms.thefreedictionary.com/>)
- Md Golam Mohiuddin (2009), *Islamic Management*, Dhaka: The University Grants Commission of Bangladesh
- Merriam-Webster Dictionary*, (<http://www.merriam-webster.com/dictionary/>)
- Miftahur Rahman El-Banjari (2014), *Rasulullah's Entrepreneur School*, Jakarta: PT Elex Media Komputindo
- Miles K. Davis (2013), "An Islamic Perspective on Entrepreneurship," *International Journal of Entrepreneurship and Small Business*, Vol. 20, No. 1, (2013): 63-69
- Mohamad Azhar Hashim (2015), "Kumpulilah Kekayaan, Jagalah Prinsip Islam," *Iman*, Bil. 36, (2015): 58-59
- Mohamad Kamil Abd Majid & Rahimin Affandi Abd Rahim, "Perubahan Sosial dan Impaknya Terhadap Pembentukan Modal Insan Menurut Ibn Khaldun" *Jurnal Hadhari*, Bil 1 (2009): 45-76
- Mohamed Khalid Nordin (2009), "Memantapkan Budaya Keusahawanan Di Kalangan Generasi Baru Melalui Sistem Pendidikan Nasional Dan Pengajian Agama: Gagasan dan Cabaran Merealisasikannya," Kertas Kerja Kongres Ekonomi Islam Ketiga (KEI-3), Dewan Merdeka, PWTC, Kuala Lumpur, pada 12-15, Januari 2009
- Mohammad Taqiuddin Mohamad, Joni Tamkin Borhan, Mohd Sollehudin Shuib, Ahmad Azam Sulaiman@Mohamad (2012), "Analisis Kaedah Pengukuran Untung (Al-Ribh) dari Perspektif Muamalat Islam," *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*, 59 (2012): 135-140
- Mohd Adib Abd Muin et.al (2014), "Model Usahawan Berjaya Dalam Amalan Nilai-nilai Murni Keusahawanan Sosial Islam," *Journal of Human Development and Communication*, Vol. 3, (2014): 129-141
- Mohd Fadzilah Kamsah (2014), 'Kata Pengantar', buku Mohd Zaini Mohd Ariff dan Muhd Kamil Ibrahim *Usahawan Akhirat*, Petaling Jaya: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.

- Mohd Faizal P. Rameli, Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, dan Kalsom Ab. Wahab (2013), "The Entrepreneurs Characteristic from al-Quran and al-Hadis," *International Journal of Trade, Economics and Finance*, Vol. 4, No. 4, August, 2013: 191-196
- Mohd Kamal Hassan (1988), *Pendidikan dan Pembangunan: Satu Perspektif Bersepadu*, (Suntingan Zambry Kadir), Kuala Lumpur: Nurin Enterprise
- Mohd Koharuddin Mohd Balwi dan Mohd Azhar Abd Hamid (2003), "Budaya Perniagaan dan Perdagangan dalam Peradaban Melayu: Kajian ke atas budaya keusahawanan di kalangan masyarakat Melayu silam dan sejauhmanakan kesinambungan dengan masyarakat Melayu hari ini." Prosiding Seminar Za'ba Mengenai Alam Melayu, anjuran UPSI di UPSI, Tanjung Malim, pada 12-14 Ogos, 2003
- Mohd Nasir Ripin (2001), "Prophet Mohammad as a Manager", Tesis MPhil, University of Wales
- Mohd Nasir Ripin, Zulkiflee Haron dan Zulkifli Yusof (2012), "Pengurusan Menurut Perspektif al-Quran Berdasarkan Kisah Anbiya Bumi Mesir," *Jurnal Teknologi* 57 (Sains Sosial), Jan. 2012: 15-30
- Mohd Othman Najati (1992), *Psikoterapi menurut al-Quran*, (Suntingan Abdul Rahman Ahmad), Serdang: Human Resource Enterprise
- Mohd Shafiee Hamzah (2009), "Konsep Pembangunan Modal Insan: Suatu Tinjauan Terhadap Kisah-Kisah Dalam Quran," Kuala Lumpur: JAKIM
- Mohd Shafiee Hamzah (2012), "Konsep Perekayasaan Modal Insan Menurut Sayyid Qutb: Analisis Terhadap Fi Zilal Al-Quran." Thesis (Ph.D) Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
- Mohd Shafiee Hamzah dan Mustaffa Abdullah (2012), "The Concept of Human Capital Development In al-Quran: A Study on The Story of Adam in Tafsir Fi Zilal Al-Qur'an," dalam *Transformation of Research in Islamic Studies*, Kuala Lumpur: UM Press: 432-442
- Mohd Zaid Mustafar dan Joni Tamkin Borhan, "Muslim Consumer Behavior: Emphasis on Ethics from Islamic Perspective," *Middle-East Journal of Scientific Research*, 18 (9), (2013): 1301-1307
- Mohd Zain Mubarak, (2014) "Keusahawanan Islam Berasaskan Ciri Personaliti dan Kerohanian di Negeri Kelantan," Tesis Ph.D., Universiti Malaysia Terengganu
- Mohd Zain Mubarak, Asyraf Ab. Rahman dan Mohd Rafi Yaacob (2015), "Elemen Kerohanian Dalam Keusahawanan Islam: Kajian Terhadap Usahawan Berjaya Di Negeri Kelantan," *Journal of Business and Social Development*, Vol. 3 No. 1, (March 2015): 43-53
- Mohd Zaini Mohd Ariff dan Muhd Kamil Ibrahim (2014), *Usahawan Akhirat*, Petaling Jaya: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.

- Mohd Zamri Shah Mastor (2015), "Kaitan Angkasa Lepas Dengan Senjata Canggih," dalam *Al-Islam*, Tahun 41, Bil. 492, (Februari, 2015): 52-55
- Monir Tayeb, (2006) "Islamic revival in Asia and human resource management", *Employee Relations*, Vol. 19, Iss. 4: 352-364
- Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyah al-Mu'asirah*, <http://www.maaajim.com/dictionary/>
- Muhammad Ali Haji Hashim (2003), *Bisnes Satu Cabang Jihad*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd
- Muhammad bin Ahmad Kan'an (2004), *Qiṣaṣ al-Anbiyā' wa Akhbār al-Mādīn Khulasah Tārikh Ibn Kathīr*, Beirut: Dār al-Ma'arif
- Muhammad Ḥamidullah (1979), *Muhammad Rasulullah*, Karachi: Huzaifa Publications
- Muhammad Husein Haykal (1983), *The Life of Muhammad*, (Terj. English oleh I. R. al-Faruqi), London: Shorouk International
- Muhammad Iswadi (2013), "Pemikiran Quraish Shihab Tentang Ayat-Ayat Ekonomi," *FENOMENA*, Vol.V, No. 2, (2013): 241-259
- Muhammad Kamīl Ḥasan al-Muḥamī (1970), *al-Qur'ān wa al-Qiṣaṣ al-Hadithah* (t.tp: Dar al-Buhuth al-'Ilmiyyah
- Muhammad Muhyuddin (2013), *Ajaibnya Sedekah: Semakin Bersedekah Semakin Kaya*, Batu Caves: PTS Millennia Sdn Bhd.
- Muhammad Nejatullah Siddiqi (1972), *The Economic Enterprise in Islam*, Lahore: Islamic Publications
- Muhammad Nejatullah Siddiqi (1988), *Perusahaan Ekonomi Dalam Islam*, (Terj. *The Economic Enterprise in Islam* oleh Md. Sharit Bharuddin dan Akibah Abu Hassan), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhammad Syukri Salleh (2003), *7 Prinsip pembangunan berteraskan Islam*, Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn. Bhd
- Muhammad Zainiy Uthman (2012), *Pemikiran dan pembinaan tamadun: Transformasi modal insan ke arah negara maju*. Kuala Lumpur: Akademi Kenegaraan BTN
- Mumtaz Begam Abdul Kadir, Norasiken Bakar dan Norhayatee Ismail (2002), *Kualiti Dalam Pengurusan Sumber Manusia*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd
- Mustafa Muhammad Thahhan (2006), *Panduan Gerakan Persatuan Pelajar*, Sri Kembangan: KONSIS Network

- Mustofa S.Ag. (2013), "Enterpreneursip Syariah: Menggali Nilai-Nilai Dasar Manajemen Bisnis Rasulullah," *Al-Mizan* , Vol. 9, No. 1 (Jun, 2013): 29-46
- Naail Mohammed Kamil, Ali Hussain Al-Kahtani dan Mohamed Sulaiman (2011), "The Components of Spirituality in The Business Organizational Context: The Case of Malaysia," *Asian Journal of Business and Management Sciences*, Vol. 1 No. 2:166- 180
- Nabiroh Kassim (2006), "Kisah Nabi Musa dan Firaun di dalam al-Quran: Aplikasinya di dalam pendidikan Islam" Dissertation (M.Usuluddin), Universiti Malaya
- Nasr, Seyyed Hossein (1989), *Etika Kerja dalam Tradisi Islam* (terjemahan "Islamic Work Ethics" oleh Nasir Muhammad dengan Pengantar oleh Osman Bakar), Kuala Lumpur: Nurin Enterprise
- Nasr, Seyyed Hossein (1992), *Pengenalan Doktrin Kosmologi Islam* (Terj. *Islamic Cosmological Doctrine* oleh Baharuddin Ahmad), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nasr, Seyyed Hossein (2013), *The Plight Of Modern Man*, Kindle Edition, Lahore: Kazi Publication
- Nawawi Mohd. Jan (1999), "Keusahawanan Korperat Dalam Era Globalisasi," dalam *Keusahawanan*, (Suntingan Zainab Ahmad et al), Shah Alam: Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC)
- Nazamul Hoque, Abdullahil Mamun dan Abdullah Mohammad Ahshanul Mamun (2014), "Dynamics and traits of entrepreneurship: An Islamic Approach," *World Journal of Entrepreneurship Management and Sustainable Development*, Vol. 10, No. 2, (2014): 128-142
- Nazrudin Hashim dan Munirah Zakaria (2016), "Amalan Keusahawanan Nabi Daud AS: Analisa Daripada Al-Quran dan Hadis," *Kolokium Keushawanan 2016*, (sunt. Jaslin Dahlan et.al), Segamat: UiTM Johor: 52-57
- New Oxford English-English-Malay Dictionary* (2009), Second Edition, Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd
- Nicholo Michevelli (2002), *McGraw-Hill Dictionary of American Idioms and Phrasal Verbs*, McGraw-Hill Companies Inc, <http://idioms.thefreedictionary.com>
- Nik Abdul Aziz Nik Mat (2006), *Sirah Nabawiyyah: Insan Teladan Sepanjang Zaman*, Kuala Lumpur: Nufair Street Sdn Bhd
- Nik Yusri Musa dan Nurullah Kurt (2015), "Kerohanian Dalam Keusahawanan Islam: Perspektif al-Ghazali Dalam Kitab Ihya' Ulum al-Din," dalam *Konsep*

Noeng Muhadjir (1996), *Metedologi Penelitian Kualitatif*, Yogyakarta: Rake Sarisin

Nor ‘Azzah Kamri (2006), “Pengurusan Sumber Manusia Menurut Islam: Falsafah dan Etika Perlaksanaan,” dalam *Dimensi Pengurusan Islam: Mengurus Kerja dan Mengurus Modal Insan*, (Suntingan Ab. Mumin Ab. Ghani dan Fadhilah Mansor), Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

Nor ‘Azzah Kamri, (2009) “Etika Usahawan Muslim Berpandukan al-Quran dan al-Sunnah,” dalam *Keusahawanan Islam: Konsep dan Isu-Isu Pelaksanaannya*, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah, API

Nor Anisah Abdul Malik (1992), *Konsep Manusia Menurut Pandangan Islam*, KL: Arena Ilmu Sdn Bhd.

Norhayati Hamzah (2010), “Pembangunan Modal Insan: Analisis Dari Sirah Nabi,” dalam *Pembangunan Modal Insan & Tamadun Dari Perspektif Islam*, (Editor Mohd Roslan Mohd Nor dan Ahmad Zaki Berahim@ Ibrahim), Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, API, Universiti Malaya

Nurul Huda Che Abdullah dan Ramlee Mustapha (2009), “Kajian Kes usahawan Tani Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Bumiputera di Negeri Terengganu,” *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34 (2) (2009):143-165

Nurul Huda et.al (2016), “The Development of Human Resources in Islamic Financial Industries and Islamic Financial Graduates,” *Al-Iqtisad: Journal of Islamic Economics*, vol. 8 (1): 117-136

Osman Bakar (1991), “Keistimewaan Nama Kesturi,” *KESTURI*, (4), 1: 2

Osman Bakar (1991), *Tauhid and Science*, Penang-Kuala Lumpur: Sekretariat Falsafah dan Sains Islam, USM –Nurin Enterprise

Osman Bakar (1992), *Classification of Knowledge in Islam: A Study in Islamic Philosophies of Science*, Kuala Lumpur: Islamic Policy Research

Osman Bakar (1994), “Mewujudkan Tamadun Ilmu Berlandaskan Tauhid,” dalam Baharuddin Ahmad, *Falsafah Sains Daripada Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Osman Bakar (1994), “Mewujudkan Tamadun Ilmu Berlandaskan Tauhid,” dalam Baharuddin Ahmad, *Falsafah Sains Daripada Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Oxford Dictionary, online, <https://en.oxforddictionaries.com/definition/professional>

- Panel Penulis ISRA (2011), *Islamic Financial System: Principles & Operations*, Kuala Lumpur: International Shari'ah Academy for Islamic Finance (ISRA)
- Perutusan Ketua Pesuruhjaya, *Laporan Tahunan 2012 SPRM*, Kuala Lumpur: SPRM
- Peter Drucker (1988), "The Coming of the New Organization," *Harvard Business Review*, January-February
- Peter F. Drucker (1993), *Post-Capitalist Society*, Oxford: Butterworth-Heinemann Ltd.
- Peter M. Senge (1991), *The Fifth Discipline: The Art and Practice of the Learning Organization*, New York: Doubleday
- Philip K. Hitti (1961), *History of the Arab From The Earliest Times To The Present*, London: Macmillan & Co. Ltd.
- Preston, I. L (1996), "Reasonable Consumer or Ignorant Consumers? How the FTC Decided", dalam Joseph R. Des Jardins & John J. McCall, (eds). *Contemporary Issues in Business Ethics*, California: Wadsworth
- R. M. Gaedeke dan D. H. Tootelian (1991), *Small Business Management*, New York: Allyn and Bacon
- R. O. Brinkerhoff (1991), *Achieving results from training: How to evaluate human resource development to strengthen programs and increase impact*, San Francisco: Jossey-Bass
- Raja Nazrin Shah, "Ucapan sempena Majlis Konvokesyen Kolej Islam Darul Ridwan Ke-3," pada 29 Ogos, 2007,"
<http://www.rajanazrin.com/html/speeches.php?tahun=2007>
- Ramli Awang (2003), *Falsafah Sains dan Pembangunan: Ke Arah Dimensi Baru*, Skudai: Penerbit UTM
- Ramli Awang (2005), *Akidah Penghayatan Tauhid al-Quran*, Skudai: Penerbit UTM
- Ramli Awang (2008), *Syeikh Abdul Kadfir Mandili: Biografi & Pendidikan Akhlak*, Skudai: Penerbit UTM Press
- Ramli Awang (2012), *Akidah Kehidupan Muslim*, Skudai: Penerbit UTM Press
- Ramli Awang (2012), *Pemikiran Islam Aliran dan Gagasan*, Skudai: Penerbit UTM Press
- Ramli Awang (2014), *Fiqh al-Tauhid Dalam Akidah Islam*, Skudai: Penerbit UTM Press
- Ramli Awang et.al (2014), "The Impact of Separation between Science and Religion: An Observation" *The Social Sciences* 9 (1): 37-41
- Ramli Awang, Mohd Nasir Ripin dan Zulkiflee Haron (2011), *Kemahiran Generik Dari Perspektif Islam*, Skudai Penerbit UTM Press

- Ramli Awang, Mohd Nasir Ripin, Kamarulzaman Yusoff, Badlishisham Mohd Nasir, Zulkiflee Haron dan Hussin Salamon (2014), "The Impact of Separation Between Science and Religion: An Observation" *The Social Sciences* 9 (1): 37-41, <http://www.medwelljournals.com>
- Rancangan Malaysia Ke 9, Teras Kedua, "Memperkukuh Modal Insan", <http://ww1.utusan.com.my/utusan/SpecialCoverage/RMK9/bahasa/Bab11.pdf>
- Rasem N. Kayed dan M. Kabir Hassan (2010), "Islamic entrepreneurship: A case study of Saudi Arabia," *Journal of Developmental Entrepreneurship*, Vol. 15, (04): 379-413
- Robert Frager (1999), *Heart, Self, and Soul: The Sufi Psychology of Growth, Balance, and Harmony*, San Francisco: Harper Collins Publishers
- Roslan Jelani (2004), "Amalan Pengurusan Islam Di Malaysia," Kertas Kerja Kursus Pengurusan Islam, INTAN, Bukit Kiara, pada 10-12 Ogos, 2004
- Saari Sungib (1993), *Beberapa Aspek Pengurusan dalam Organisasi Islam*, Kuala Lumpur: Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia
- Said Elfakhani dan Ahmed Zafar (2013), "Philosophical Basis of Entrepreneurship Principles within an Islamic Ethical Framework," *The Journal of Transnational Management (JTM)*, Vol. 18, No. 1: 52-78
- Sa'īd Ḥawā (2003), *Al-Asās Fī al-Tafsīr*, 11 jilid, Kaherah: Dār al-Salam
- Sa'īd Ḥawā (1999), *Tarbiyatunā al-Rūhiyyah*, Kaherah: Dār al-Salam
- Saleh Faghizadeh (2004). *Sosiologi Sosiologi*, (terj. Mohd Fauzi Yaacob), Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad
- Samuel P. Huntington (1997), *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*, London: Penguin Books
- Sayyid Qutub (2012), *Fī Zilāl al-Qur'ān*, versi online, <https://tafsirzilal.files.wordpress.com/2012/06/at-taubah-indon.pdf>
- Shafiee Md Tarmudi dan Muhammad Ismail Pahmi (2016), "Perkhidmatan Pengendali Umrah: Peluang Untuk Membantu Atau Menipu" dalam *Kolokium Keusahawanan 2016* (Sunt. Jaslin Dahlan et.al), Segamat: UiTM Cawangan Johor, h. 127-129
- Shibli Nu'mani (1970), *'Allamah Shibli's Sirat al-Nabi*, (Terj. English oleh Fazlur Rahman), 2 jilid, Karachi: Pakistan Historical Society
- Shohana Hussin (2010), "Pemikiran Pembangunan Modal Insan Dalam kitab Hidayah al-Salikin: Kajian Teks dan Kontekstual," Tesis PhD, API Universiti Malaya

- Shohana Hussin (2014) “Kitab Hidayah al-Salikin Karangan al-Falimbani: Analisis Naskhah dan Kandungan” *Jurnal Usuluddin*, 39 (2014): 71-109
- Sidi Ghazalba (1981), *Pembimbing Latihan Ilmiah dan Tesis*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara
- Siti Arni Basir, Bharudin Che Pa dan Raja Hisyamudin Raja Sulong (2009), “Prinsip-Prinsip Kualiti Kearah Melahirkan Usahwan Muslim Yang Berjaya,” *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil 2 (2009): 327-352
- Siti Hafidah Ayub Asnawi (2012), “Metodologi dakwah nabi Muhammad SAW melalui pengkisahan: Kajian tentang penerapan akhlak dalam Sahih al-Bukhari,” Dissertation (M.Islam Stud.), Universiti Malaya
- Soccer Team Values, *Majalah Forbes*, versi online, <http://www.forbes.com>
- Solahuddin Abdul Hamid dan Che Zarrina Sa'ari (2011), “Reconstructing Entrepreneur's Development Based on al-Qur'an and al-Hadith,” *International Journal of Business and Social Science*, vol. 2, No. 19 (Special Issue - October 2011): 110-11
- SPRM, Kes Kejayaan Pendakwaan, *Laporan Tahunan 2012 SPRM*, Kuala Lumpur: SPRM
- Stanford Encyclopedia of Philosophy*, (<http://plato.stanford.edu/entries/hermeneutics/>)
- Stephan R. Covey (1989), *The 7 Habits of Highly Effective People*, New York: Simon & Schuster
- Stephen R. Covey (1992), *Principle - Centred Leadership*, London: Simon & Shuster
- Suhaimi Mansur (1991), *Jalan Pintas Keusahawanan*, Kuala Lumpur: Watan
- Suhairimi Abdullah (2011), “Nilai-Nilai Murni Dalam Keusahawanan Islam: Satu Kajian Terhadap Usahawan Berjaya Di Perlis,” Tesis PhD, Universiti Sains Malaysia
- Suhairimi Abdullah (2013), “The Characteristics of Successful Entrepreneurs from Islamic Perspective,” *Journal of Islamic Human Advanced Research*, 3(6): 322-345
- Surtahman Kastin Hasan (1992), “Konsep Pembangunan Islam” dalam *Islam al-Quran dan Ideologi Masa Kini*, suntingan Baharuddin Yatim dan Sulaiman Nordin, Bangi: PPU, UKM
- Syaik Abdullah Hasan Mydin Abdullah & Issham Ismail (2006), “Konsep Pembangunan Modal Insan Berkiblatkan Ajaran Islam,” Prosiding Persidangan

Antarabangsa Pembangunan Aceh, UKM Bangi, 26-27 Disember, 2006:165 – 190, versi online, <http://pdfioo.org/k-371135.html>

Syaraf al-Qudha (2010), *Petunjuk Nabawi bagi Hati*, (Terj. Fauzi Deraman, Zulkifli Mohd Yusof dan Abdul Rashid Ahmad), Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research, UM

Syed Arabi Idid (1992), *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Syed Muhammad Osama (2008), *The Encyclopaedic Index of the Quran*, New Delhi: Goodword Books

Syed Shah Alam, Mohd Fauzi Mohd Jani & Nor Asiah Omar (2011), “An Empirical study of success factors of women entrepreneurs in southern region In Malaysia,” *International Journal of Economics and Finance*, Vol 3, No 2, (May, 2011)

Syukri Salleh (2003), *7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*, Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn. Bhd.

T. W. Schultz (1971), *Investment in Human Capital*, New York: The Free Press.

Tasik Qarun (2014), versi online, <http://satumat.blogspot.com/2013/03/sejarah-mesir-inilah-istana-qarun.html>

Teuku Iskandar (2003), *Kamus Dewan*, Edisi Ketiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

The Lexicon Webster Dictionary (1985), Vol. I, USA: The Delair Publishing Co. Inc.

Tom Regan (ed.) (1984), *Earthbound: Introductory Essays in Enviromental Ethics*, New York: Random House

United Nations Development Programme (1998), *Human Development Report 1998*, New York-Oxford: Oxford University Press

Utusan Online: (23 Januari, 2015), <http://www.utusan.com.my>

Vanessa Ratten, Veland Ramadani, Léo-Paul Dana, Shqipe Gërguri-Rashiti (2016), “Islamic Entrepreneurship and Management: Future Research Directions,” *Entrepreneurship and Management in an Islamic Context* (Editors: Veland Ramadani, Léo-Paul Dana, Shqipe Gërguri-Rashiti, Vanessa Ratten), USA: Springer International

Veland Ramadani, Léo-Paul Dana, Vanessa Ratten, Sadush Tahiri (2015) “The Context of Islamic Entrepreneurship and Business: Concept, Principles and Perspectives,” *International Journal of Business and Globalisation*, vol.15, (3): 244–261

Victor H. Broom (1964), *Work and Motivation*, New York: Wiley

- Victor H. Broom dan Edward L Decci (1989), *Management and Motivation*, London: Penguin Books
- W.M. Cohen dan D.A. Levintal (1990), "Absorptive capacity: a new perspective on learning and innovation", *Administrative Science Quarterly*, Vol. 35, No. 1, (1990):128–152
- Wafica Ali Ghoul (2015), "Entrepreneurship within the framework of Shari'ah," *International Journal of Business and Globalisation*, vol.15, no.3 (2015): 262 - 271
- Wahyudi Siswanto (2013), *Teladan Sang Pemimpin*, Malang: Genius Media
- Wan Abu Bakar Wan Abas dan Ng Siew Cheok (2009), *Solat: Kebaikan Dari Perspektif Sains*, Kuala Lumpur: Jabatan Kejuruteraan Bioperubatan, Universiti Malaya.
- Wan Mohd Nor Wan Daud (1994), *Konsep Ilmu dalam Islam*, (Terj. *The Concept of Knowledge in Islam* oleh Rosnani Hashim), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Wan Mohd Nor Wan Daud (2001), *Pembangunan Di Malaysia: Ke Arah Satu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna*, Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC)
- Wan Sabri Wan Hussin (2001), "Nilai dan etika Islam dalam perniagaan: Amalan dan tanggapan masyarakat Malaysia," Tesis Ph.D, Universiti Malaya
- Wan Sabri Wan Hussin (2003), "Ciri-ciri Usahawan Berjaya Dari Perspektif al-Qur'an," *Jurnal Usuluddin*, Bil. 18 (2003): 81-110
- Wan Sabri Wan Hussin (2005), "Mengurus Perniagaan Melalui Etika: Satu Perspektif Pembangunan Usahawan Yang Berjaya," Kertaskerja Seminar Keusahawanan Islam peringkat Kebangsaan, APIUM, anjuran Jabatan Syariah dan Pengurusan, pada 6 september, 2005
- Wan Zailan Kamaruddin (1997), *Hakikat Kenabian Menurut al-Quran*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Wawasan 2020*, versi online, <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat>
- Weidenbaum, M. (1996), "Consumers Product Regulation," dalam Joseph R. Des Jardins & John J. McCall (eds) (1996), *Contemporary Issues in Business Ethics*, California: Wadsworth
- Werner, Jon M. & DeSimone, Randy L. (2006), *Human Resources Development*, Australia-US: Thomson South-Western

- William C. Chittick (2002), *Jalan Cinta Sang Sufi: Ajaran-Ajaran Spiritual Jalaluddi Rumi*, (Terj. *The Sufi Path of Love: The Spiritual Teaching of Rumi* oleh M Sadat Islamil dan Achmad Nidjam), Yogyakarta: Qalam
- Wishnu Arya Wardhana (2009), *Al-Quran dan Energi Nuklir*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar
- Yahya Jusoh (1997), “Konsep Mal Dalam al-Qur’an”, Disertasi PhD, IAIN Sharif Hidayatullah, Jakarta
- Yahya Jusoh dan Azahar Muhammad (2005), *Interaksi Harta Dalam al-Qur’an*, Skudai: Penerbit UTM
- Yahya Jusoh dan Azhar Muhammad (2007), *Pendidikan Falsafah Sains al-Qur’an*, Skudai: Penerbit UTMPress
- Yep Putih (1989), *Keusahawanan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- You Tube bertajuk ‘Hudud Isi Periuk Nasi’,
<https://www.youtube.com/watch?v=WIS08K6ssQk>
- Yunus Olalekan Muhammadul-Awwal (2015), “Importance of Entrepreneurship in the Effectiveness of Dā‘ī,” *E-Journal of Arabic Studies and Islamic Civilization*, (E-ISSN 2289 – 6759): 106-119 (WorldConferences.net)
- Yusof Abbas (2006), *Bio-Mekanik Solat: Kaedah Kemahiran Khusyuk Melalui Fitrah Biologi dan Satu Kaedah Terapi*, Skudai: Nur Tijarah Enterprise
- Zaharuddin Abd Rahman (2014), *Maqasid al-Syariah fi Ahkam al-Buyu’: Fiqh Kewangan Islam*, Batu Caves: PTS Islamika Sdn Bhd
- Zaini Ujang (2009), *Mengangkasa Pengajian Tinggi*, Skudai: Penerbit UTM Press
- Zakaria Bashier (1978), *The Meccan Crucible*, London: FOSIS
- Zakaria Bashier (1990), *Sunshine at Madinah: Studies in the Life of the Prophet Muhammad*, Liecester: The Islamic Foundation
- Zakaria Stapa (1993), *Beberapa Aspek Kefahaman Islam: Persoalan Ketuhanan dan Kemanusiaan*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara
- Zakry Abadi (1983), *Skandal BMF Pedih dan Memalukan*, Kuala Lumpur: Gatra Jaya
- Zawawi Yusoff (2014), “Mesej Dakwah Para Rasul (A.S.) Kepada Golongan Pembesar Negara”, *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, Bil. 8 Jun (2014): 86-112
- Ziaudin Sardar (1989), *Explorations in Islamic Science*, London: Mansell

Zulkifli Mohamad al-Bakri (2007), *Himpunan Hadis Modal Insan 2*, Kuala Lumpur: Telaga Biru

Zulkifli Mohd Yusoff dan Noor Naemah Abd Rahman (2006), *Biografi Muhammad bin Abdullah: Perjalanan Hidup Seorang Nabi*, Batu Caves: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd

Zulkifli Yusoff (2004), "Pembangunan Ummah Dari Perspektif al-Quran," *Al-BAYAN Journal of al-Quran al-Hadith*, vol. 2, (Mei, 2004): 57-70

Zulkifli Yusoff et.al (2010), *Kamus al-Quran*, Kuala Lumpur: Penerbit PTS

Zuridan Mohd Daud (2007), "Aplikasi Pembangunan Modal Insan: Metode & Teknik Pendidikan Nabi Muhammad SAW" dalam *Modal Insan: Konsep, Aplikasi dan Isu-isu Kontemporari dalam Cabaran Pemeraksanaan Tamadun Insan*, (sunt. Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin et.al), Kuantan: Universiti Malaysia Pahang

Siaran Radio

Nik Mustafa Nik Hassan, "Pandangan pakar ekonomi Islam tentang Nabi Yusof dan ayat surah Yusof, 12: 46-49," Siaran Radio IKIM, pada Isnin, 11hb Feb., 2008, jam 12.00 tengahari.

Roslan Jelani, "Hakikat Insan," siaran Radio IKIM, pada Khamis, 14hb Feb., 2008, jam 12.30 tengahari

Temubual

Dato' Haji Mohamad Alayuddin Che Hasan, Temubual dengan pengkaji bersama rombongan 4 orang staf pengurusan, Fakulti Tamadun Islam, UTM, Skudai, diketuai oleh Dekan, Prof. Madya Azmishah Suratman, dalam program "Prospek Usahawan Mikro FTI," di pejabat Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), No. 33 & 35, Jalan Medan Setia 1, Plaza Damansara, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, pada 19hb Ogos, 2011, pukul 9.00 hingga 10.00 pagi.

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A

2.1. Adam AS

Adam merupakan nama yang diberikan sendiri oleh Allah kepada manusia pertama. Al-Quran merakamkan nama Adam sebanyak 25 kali dalam pelbagai tempat.¹ Rakaman tersebut antara lain mengisahkan asal kejadian Adam,² perintah Allah kepada Malaikat supaya bersujud kepada Adam, keengganan Iblis bersujud kepada Adam,³ matlamat kejadian Adam sebagai khalifah di bumi,⁴ kisah Adam dan Hawa di Syurga,⁵ pujukan Iblis dan Adam dikeluarkan dari Syurga serta lain-lain kisah berkaitan.⁶

Penciptaan Adam menarafkan status manusia yang dimuliakan oleh Allah dari beberapa situasi. Pertama, Allah sendiri mencipta Adam, kedua; meniupkan sendiri roh ke dalam jasad Adam dan ketiga, menyuruh para malaikat bersujud kepadanya.⁷ Al-Quran juga merakamkan Baginda dinamakan sebagai Adam dan diwahyukan sendiri oleh Allah SWT. Apatah lagi statusnya sebagai manusia pertama dan bapa kalangan manusia.⁸ Kemuliaan Adam juga tergambar dengan pemilihan untuk memikul amanah sebagai khalifah di bumi.⁹ Untuk merealisasikan tugas dan peranan tersebut, baginda telah diajarkan ilmu oleh Allah SWT sendiri akan *asma* seluruh alam.¹⁰

Kisah nabi Adam merumuskan hakikat penciptaan manusia sebagai modal insan yang mulia, bertugas memakmurkan muka bumi atas landasan kebenaran.¹¹ Hal ini menimbulkan rasa

¹ Kisah Adam secara sendirian disebut sebanyak 16 kali, dan 9 kali pula menyebut nama Adam beserta keturunannya. Namanya terdapat dalam sembilan surah iaitu al-Baqarah, Ali Imran, al-Ma'idah, al-'Araf, al-Isra', al-Kahfi, Maryam, Taha dan surah Yasin. Manakala kisah Adam terdapat dalam 7 surah iaitu al-Baqarah, al-'Araf, al-Hijir, al-Isra'; al-Kahfi, Taha dan surah Sad. Lihat Solah al-Khalidi, h. 1: 82; Juga Syed Muhammad Osama (2008), *The Encyclopaedic Index of the Quran*, New Delhi: Goodword Books, h. 46 – 49.

² Adam merupakan manusia pertama ciptaan Allah terdiri dua unsur jasad dan roh. Unsur jasad adalah dari campuran *turab* (Ali Imran, 3: 59), *tin* (Sad, 38: 71), tanah kental yang berubah warna dan bau (al-Hijir, 15: 26), serta liat kering seperti tembikar (al-Rahman, 55: 14). Manakala unsur roh pula adalah ciptaan Allah melalui *nafakh*, apabila berlaku tiupan ke dalam jasad Adam yang telah sempurna. Lihat misalnya surah Sad, 38: 71; al-Hijir, 15: 28 – 29; Menurut Solah al-Khalidi, peringkat kejadian jasad Adam yang diciptakan oleh Allah bermula dengan *turab*, *tin*, *tin lazib*, *salsalin min hama'in masnun*, dan *salsalin kalfakhhkar*. Lihat *al-Qasas al-Qur'ani*, h. 1: 87 - 95

³ Misalnya Surah Sad, 38: 73 - 78

⁴ Surah al-Baqarah, 2: 30

⁵ Lihat al-A'raf, 7: 19 - 21

⁶ Lihat misalnya surah al-A'raf, 7: 24 – 25 dan Taha, 20: 123

⁷ Afif Abd Fatah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiya'*, h. 33; surah al-Hijir, 15: 28 - 29

⁸ Al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur'ani*, h. 1: 81. Al-Qur'an menggunakan istilah Adam sebagai bapa manusia boleh dilihat dalam surah al-A'raf, 7: 27

⁹ Surah al-Baqarah, 2: 30

¹⁰ Berlaku peristiwa pengujian dan arahan oleh Allah agar bersujud kepada Adam, yang ditaati oleh para Malaikat, namun Iblis ingkar dan bersumpah menjadikan Adam sebagai musuh. Lihat surah al-Baqarah, 2: 30-33; Sad, 38: 73 – 78; Taha, 20: 117, 20: 120 - 123; Surah al-A'raf, 7: 19 – 25

¹¹ Lihat surah al-Mukminun, 23: 12

cemburu Iblis yang ingin menarik manusia ke arah kebatilan, sesuai dengan watak durkaha yang takbur. Lantaran itu, detik kelahiran Adam menimbulkan sengketa berpanjangan antara kesombongan Iblis yang mengajak kepada kesesatan dengan Adam dan keturunannya yang cenderung kepada naluri kebenaran. Impak segera bisikan Iblis ini kepada keturunan Adam boleh dilihat dalam peristiwa Qabil yang dipengaruhi rasa kedekut dan dengki, dengan saudaranya Habil yang mewakili kemuliaan insan melalui sifat pemurah dan ikhlas dalam pengorbanan kepada Allah.¹²

2.2. Nuh AS

Al-Quran merakamkan nama Nuh sebanyak empat puluh tiga kali¹³ dalam pelbagai surah dan menarifikannya sebagai seorang nabi menerusi firman-Nya: “Sesungguhnya Kami telah mengutus Nuh kepada kaumnya (dengan berfirman kepadanya): "Berikanlah peringatan dan amaran kepada kaummu sebelum mereka didatangi azab yang tidak terperi sakitnya.”¹⁴ Baginda ialah Nuh bin Lami' bin Metushaleh bin Akhnukh (Idris) bin Jared bin Mahlael bin Qinan bin Anush bin Sheth bin Adam.¹⁵

Selain surah Nuh, kisah Baginda dirakamkan oleh al-Quran dalam surah al-A'raf, Yunus, Hud, al-Anbiya, al-Mu'minin, al-Syu'ara', al-Ankabut, al-Shafat dan al-Qamar.¹⁶ Baginda merupakan rasul pertama yang menyeru manusia agar kembali mentauhidkan Allah dan meninggalkan sembah berhala dan perlakuan zalim.¹⁷ Kaumnya, penduduk Iraq merupakan contoh kelompok manusia awalan yang mengalami kesesatan akidah dengan menjadi kafur.¹⁸

Intisari kisah Nuh dalam al-Quran menjelaskan tentang kezaman dakwah Baginda menyeru kaumnya agar beriman kepada Allah, siang dan malam selama 950 tahun.¹⁹ Bagaimanapun, hanya segelintir sahaja kaumnya yang beriman lantaran kedegilan dan keangkuhan.²⁰ Lantaran itu, Allah memerintahkan Baginda supaya membina bahtera bagi menyelamatkan diri dari ditimpa bala banjir yang besar.²¹ Dengan demikian, Baginda dikatakan

¹² Lihat kisah putera-putera Adam ini dalam Afif Abd al-Fatah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiya'*, h. 53 – 55; Surah al-Ma'idah, 5: 27 - 30

¹³ Lihat al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur'ani*, h. 1: 151; Juga Syed Muhammad Osama, *Encyclopaedic Index of the Quran*, h. 558 – 561. Terdapat satu surah sempena namanya iaitu Surah Nuh, 71

¹⁴ Surah Nuh, 71: 1

¹⁵ Abu Bakar al-Asy'ari, *Sejarah Anbiya'*, h. 1: 39.

¹⁶ Lihat surah Nuh, 71: 1-28; surah al-A'raf, 7: 59-64; Yunus, 10: 71-73; Hud, 11: 25-49; al-Anbiya, 21: 76-77; al-Mu'minin, 23: 23-30; al-Syu'ara', 26: 105-122; al-Ankabut, 29: 14-15; al-Shafat, 37: 75-82 dan al-Qamar, 54: 9-17.

¹⁷ Afif Abd al-Fatah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiya'*, h. 61; Al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur'ani*, h.1: 162; Surah Nuh, 71: 23-24

¹⁸ Kaum Nuh merupakan masyarakat tempat kelahiran Baginda di daerah Ur, Iraq. Mereka menjadi penyembah berhala dan syirik dengan Allah lantaran jarak masa dengan dakwah nabi Adam menjangkau sekitar sepuluh abad serta kesan dari godaan Syaitan. Lihat Sami Abdullah al-Maghlouth (2011), *Atlas Sejarah Para Nabi & Rasul*, (Terjemahan *Atlas Tarikh al-Anbiya' wa al-Rusul* oleh Qasim Shaleh dan Dewi Kournia Sari), Jakarta Timur: Penerbit Almahira, h. 70

¹⁹ Surah al-Ankabut, 29: 14; Juga Abdul Karim Zaidan, *Hikmah Kisah-Kisah*, h. 1: 149

²⁰ Lihat misalnya surah Hud, 11: 27 dan al-A'raf, 7: 60-63

²¹ Al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur'ani*, h.1: 185; Surah Hud, 11: 36-39. Lihat juga Afif Abd al-Fatah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiya'*, h. 68-70. Lantaran ditimpa banjir, keturunan manusia hari ini berasal dari anak Nuh iaitu Yafits, Sam dan Ham. Seorang lagi anaknya, Kan'an tenggelam ditelan banjir. Lihat al-Maghlouth, *Atlas Sejarah Para Nabi*, h. 79; Juga surah al-Saffat, 37: 77 dan surah Hud, 11: 42-43

nabi yang mempunyai kemahiran berdakwah serta kemahiran ilmu pertukangan, khususnya membuat kapal.²²

2.3. Hud AS

Kisah Hud berserta kaumnya Ad dirakamkan oleh al-Quran dalam lapan belas tempat, termasuk surahnya sendiri, Hud.²³ Baginda merupakan seorang nabi Allah dari keturunan Abdullah bin Rabah bin al-Khulud, bin Ad bin Aus bin Iram, bin Sam bin Nuh.²⁴ Berasal dari kabilah al-Khulud, Baginda merupakan seorang yang berkulit putih, elok rupa paras, segak serta berjanggut panjang.²⁵

Nabi Hud diutuskan Allah untuk berdakwah kepada kaumnya, Ad yang tinggal di Lembah Ahqaf agar menyembah Allah.²⁶ Firman Allah:

“Dan kepada kaum Ad, Kami utuskan saudara mereka Nabi Hud. Ia berkata: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripadanya. Kamu hanyalah orang-orang yang mengada-adakan perkara-perkara yang dusta (terhadap Allah).”

(Surah Hud, 11: 50)²⁷

Kaum Ad merupakan kaum yang dikurniakan Allah dengan kekuatan jasmani dan keberanian yang tiada tandingan dengan kaum lain.²⁸ Antara kelebihan mereka juga seperti keupayaan membina bangunan pencakar langit serta istana dan kota di puncak bukit, berbangga dengan kilang-kilang dan hasil produktiviti yang banyak, anak pinak, binatang ternak, kebun ladang dan sistem perairan.²⁹ Dengan kemewahan tersebut, dakwah dan nasihat Hud mendapat tiga respon negatif kaumnya. Iaitu menuduh Hud sebagai bodoh (safahah), tidak berakal (taisy) serta pendusta (kazib).³⁰ Ejekan tersebut dijawab lembut oleh Hud dengan mengatakan bahawa

²² Al-Quran menyebutnya sebagai *al-fulkul masyhūn*, yang bermakna bahtera yang mampu menampung muatan yang banyak dan *dhātu al-wāhin wa dusurin*, ertinya yang mempunyai papan-papan dan paku-paku. Lihat surah al-Syu'ara', 26: 119 dan al-Qamar, 54: 13. Banyak spekulasi tentang penemuan bahtera ini oleh para Arkeologi. Satu penemuan dalam ekspedisi yang dilakukan di pergunungan Ararat di Turki adalah antara yang didakwa sebagai bahtera Nabi Nuh. Lihat al-Maghlouth, h. 74-75

²³ Al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur'ani*, h. 1: 217; Iaitu surah al-A'raf, 7: 65-72; al-Taubah, 9: Hud, 11: 50-60; al-Mu'minun, 23: 31-41; Ibrahim; al-Haj; al-Furqan; al-Syu'ara', 26: 123-140; al-'Ankabut, 29: Sad, Ghafir, Fussilat, : 15; al-Ahqaf, 46: 21-25; Qaf; al-Dzariyat, 51: 41-42; al-Najm; al-Qamar, 54: 18-22; al-Haqqah, 69: 6-8; dan al-Fajr, 89: 6-8; Syed Muhammad Osama, *Encyclopaedic Index of the Quran*, h. 395 – 397.

²⁴ Afif'Abdul Fattāh Tabbārah, *Ma'a al-Anbiya'*, h. 85; Muhammad bin Jarir al-Tabari (2002), *Qisas al-Anbiya'*, (Qadam wa allaq Mustafa Abd al-Qadir 'Ata), Beirut: Dar al-Fikr, h. 118

²⁵ Abu Bakar al-Asy'ari, *Sejarah Anbiya'*, h. 1: 57

²⁶ Surah Ahqaf, 46: 21. Ahqaf merupakan padang pasir tinggal yang terletak ke utara Haharamaut dan ke timur Oman. Sekarang terletak di kawasan antara sempadan Yaman, Oman dan Saudi Arabia. Lihat Solah al-Khalidi, h. 1: 228. Kaum Ad dinisbahkan oleh al-Qura'an dalam Surah al-Fajr, 89: 7 sebagai 'penduduk Iram yang mempunyai bangunan-bangunan yang bertiang tinggi'. Iram dimaksudkan sebagai kota atau tempat (satu daerah yang terletak 25 km ke timur Aqabah) oleh sebahagian penulis, misalnya Afif'Abdul Fattāh Tabbārah, *Ma'a al-Anbiya'*, h. 86. Sebahagian penulis lain merujuk Iram sebagai nama kabilah, iaitu kabilah Ad bersusur galur dari Iram bin Sam bin Nuh, di mana mereka membina bangunan tinggi pencakar langit. Lihat misalnya al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur'ani*, h. 1: 231 – 232.

²⁷ Lihat juga Surah al-A'raf, 7: 65, dan al-Ahqaf, 46: 21. Mereka tidak mengesakan Allah sebaliknya menyembah 3 berhala utama: Shadda, Shamud dan al-Haba'. Lihat Afif'Abd al-Fattāh Tabbārah, h. 86

²⁸ Al-Khalidi, h. 1: 229; Surah al-A'raf, 7: 69

²⁹ Surah al-Fajr, 89: 6-7; al-Syu'ara', 26: 128 – 135; Al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur'ani*, h. 1: 229 – 230.

³⁰ Afif'Abdul Fattāh Tabbārah, *Ma'a al-Anbiya'*, h. 87

baginda seorang Rasul yang menyampaikan perintah Allah serta pemberi nasihat yang penuh amanah (nasihun amin).³¹

2.4. Saleh AS

Nabi Saleh adalah Saleh bin Ubaid bin Asif bin Masikh bin Ubayd bin Khadir bin Thamud bin Jathir bin Iram. Baginda merupakan seorang nabi yang mempunyai susur galur keluarga dengan Nabi Hud dari keturunan Iram bin Sam bin Nuh.³² Jika Hud diutuskan kepada kaum Ad, maka baginda pula diutuskan kepada kaum Thamud.³³ Firman Allah:

“Dan kepada kaum Thamud, Kami utuskan saudara mereka Saleh. Ia berkata: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! Sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripada-Nya.”

(Surah Hud, 11: 61)

Thamud merupakan kaum yang mahir dengan seni binaan dan ukiran batu batan. Lantaran itu, kawasan yang dihuni oleh kaum Nabi Saleh ialah kawasan yang ada batu batan serta yang mempunyai lembah.³⁴ Kemahiran mereka itu diterjemahkan dengan tersergamnya istana dan kediaman mewah di tanah datar serta dari batu pergunungan yang dipahat, taman-taman indah yang terdapat saluran air, serta kebun pertanian yang mengeluarkan hasil.³⁵ Ringkasnya, Thamud adalah kaum yang diberikan nikmat yang banyak oleh Allah SWT dengan lokasi penempatan yang subur dan terletak dalam jalur perdagangan antara Syam dan Yaman.³⁶

Al-Quran memerihalkan nabi Saleh dan kaumnya dalam berbagai surah.³⁷ Kisah tersebut terdapat dalam surah al-A'raf, Hud, Hijir, al-Syu'ara', al-Naml, al-Qamar, al-Syams, Isra, Fussilat, al-Fajr, al-Dzariyat, al-Najm, al-Taubah, Ibrahim, al-Hajj, al-Furqan, al-Ankabut, Shad, Ghafir, Qaf, al-Haqqaf dan surah al-Buruj.³⁸ Ada kala al-Quran mengisahkan Saleh dan kaum Thamud, Saleh sahaja atau Thamud sahaja, ataupun kisah berkaitan dengan mereka.³⁹

³¹ Surah al-Araf, 7: 66 – 68. Kaum Ad akhirnya ditimpa kemarau selama 3 tahun sebelum dibinasakan dengan rebu sarsar selama 7 hari 8 malam. Lihat Afif'Abd al-Fattah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiya'*, h. 90; Surah al-Sy'ara', 26: 124 - 135

³² Afif Abd al-Fattah Tabbarah, h. 85

³³ Kaum Thamud dikatakan tinggal di kawasan bernama Hijr yang terletak antara Hijaz dan Syria hingga ke wadi al-Qura, kini dikenali dengan al-Ula. Hijr juga dikenali dengan nama Madain Saleh, terletak 20 km ke utara Bandar al-Ula, kira-kira 400km ke utara Madinah dan 500km ke selatan Petra, Jordan. Hijr dikatakan termasuk dalam kawasan laluan antara Madinah dan Tabuk. Lihat Abu Bakar al-Asy'ari, *Sejarah Anbiya'*, h. 1: 66; Menurut *Ensiklopedia Wikipedia*, Thamud dikenali sebagai salah satu kaum Arab purba sekitar tahun-tahun millennium pertama Sebelum Masihi hingga sebelum kelahiran Nabi Muhammad yang menghuni pergunungan Atlab. Lihat <http://en.wikipedia.org/wiki/thamud> (23 Jun, 2011). Ingat peristiwa Rasulullah SAW bersama para Sahabat menuju Tabuk, Baginda menegah para Sahabat minum air dari perigi di Hijr dengan alasan perigi yang dimiliki oleh kaum yang mendapat musibah Allah SWT. Lihat al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur'ani*, h. 1: 274-275. Lihat juga hadis riwayat al-Bukhari, *Sahih*, hadis no. 3378 dan Muslim, *Sahih*, hadis no. 2981 mengenai peristiwa tersebut.

³⁴ Abu Bakar al-Asy'ari, *Sejarah Anbiya'*, h. 1: 66; Afif Abd al-Fattah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiya'*, h. 92; Lihat surah al-Fajr, 89: 9

³⁵ Lihat al-Khalidi, h. 1: 276 – 277; Surah al-Syu'ara', 26: 146 – 149; al-A'araf, 7: 74

³⁶ Al-Maghlouth, *Sejarah Para Nabi*, h. 90

³⁷ Al-Quran menyebut perihal Saleh dan kaumnya lebih dari 22 ayat atau tempat. Lihat Syed Muhammad Osama, *Encyclopaedic Index of the Quran*, h. 686 - 688.

³⁸ Al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur'ani*, h. 1: 265 – 269; Misalnya dalam surah al-A'raf, 7: 23-29; Hud, 11: 61-68; Hijir, 15: 80-84; al-Syu'ara', 26: 141 – 159; al-Naml, 27: 45-53; al-Qamar, 54: 23-32; al-Syams, 91: 11-15; Isra, 17: 59; Fussilat, 41:17 -18; al-Fajr, 89: 19; al-Dzariyat, 51: 43-45; al-Najm, 53: 15; al-Taubah, 9: 70; Ibrahim, 14: 9; al-Hajj,

2.5. Ibrahim AS

Nabi Ibrahim mempunyai pengaruh dan kedudukan yang tinggi kepada tiga (3) agama besar dunia iaitu Yahudi, Kristian dan Islam.⁴⁰ Al-Quran menyebut nama Baginda sebanyak 69 kali dalam 25 surah.⁴¹ Banyak kisah Baginda terpahat terutamanya dalam surah al-Baqarah, Ali Imran, al-An'am, Hud, Ibrahim, al-Hijir, Maryam, al-Anbiya', al-Hajj, al-Syu'ara' dan al-'Ankabut.⁴² Antara intipatinya mengisahkan pencarian Tuhan dan penolakan berhala, dakwah dan bicara dengan kaum Namrud, pengembaraan ke Mesir, Palestin dan Mekah, perkahwinan dan keturunan serta keperibadian seperti kebijaksanaan Baginda dalam berkata-kata.⁴³

Salsilah Baginda adalah Ibrahim bin Azar bin Nahur bin Sarugh bin Arghu bin Faligh bin Abir bin Syalikh bin Arfakhsyad bin Sam bin Nuh.⁴⁴ Manakala ibunya Umailah atau Buna binti Karibta bin Karthiy.⁴⁵ Baginda lahir di negeri Ur, Mesopotamia, selatan Iraq.⁴⁶ Kini Ur atau Caledonia dikenali dengan nama Mughir, terletak antara sungai Tigris dan Furat. Dalam persekitaran Ur atau bandar Babylon yang diperintah Raja Namrud bin Kan'an inilah bermula dakwah Ibrahim.⁴⁷ Baginda wafat ketika berumur 175 tahun.⁴⁸

Tanpa Ibrahim tiadalah tamadun manusia seperti hari ini. Hal ini lantaran Baginda umpama pemimpin dan bapa kebanyakan para nabi.⁴⁹ Dari dua anak Bagindalah lahir agama dan tamadun di timur dan barat. Menerusi anaknya, Ishak berzuriat kepada Yaakub dan Bani Israil dengan Isa sebagai yang terakhir. Sementara dari Ismail pula, lahir Muhammad yang

22: 42; al-Furqan, 25: 38; al-Ankabut, 29: 38; Shad, 38: 13; Ghafir, 40 :31; Qaf, 50: 12; al-Haqqaf, 69: 4-5; dan Surah al-Buruj, 85: 18

³⁹ Al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur'ani*, h. 1: 265

⁴⁰ Afif 'Abd al-Fattah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiya'*, h. 105.

⁴¹ Surah tersebut adalah al-Baqarah, Ali Imran, al-Nisa, al-An'am, al-Taubah, Hud, Yusuf, Ibrahim, al-Hijir, al-Nahl, Maryam, al-Anbiya', al-Hajj, al-Syu'ara', al-'Ankabut, al-Ahzab, al-Shaffat, Shad, al-Syura, al-Zukhruf, al-Dzariyat, al-Najm, al-Hadid, al-Mumtahanah, dan surah al-A'la. Lihat Soleh al-Khalidi, h. 1: 304. Nyatanya, al-Quran seawal surah al-Baqarah (2) sehingga Surah al-A'la (87) menyebut perihal Ibrahim dan kaumnya sekitar 100 ayat atau tema dengan namanya sendiri terpahat sebagai satu surah ke-14, Ibrahim. Lihat Syed Muhammad Osama, *Encyclopaedic Index of the Quran*, h. 395 – 397.

⁴² Lihat surah al-Baqarah, 2: 124-141, 258 & 260; Ali Imran, 3: 33, 65-68; al-An'am, 6: 73-86 dan 161; Hud, 11: 69-76; Ibrahim, 14: 35-41; al-Hijr, 15: 51-60; Maryam, 19: 41-50; al-Anbiya', 21: 51-73; al-Hajj, 22: 26-29; al-Syu'ara', 26: 69-89 dan al-'Ankabut, 29: 16-27.

⁴³ Lihat al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur'ani*, h.1: 304-310; Abu Bakar al-Asy'ari, *Sejarah Anbiya'*, h. 1: 76-88; 'Afif 'Abd al-Fattah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiya'*, h. 109; Surah al-Anbiya', 21: 57-60.

⁴⁴ Al-Maghlouth, *Sejarah Para Nabi*, h. 95. Ada pandangan mengatakan bapa nabi Ibrahim bukan Azar, tetapi Tarikh yang diambil dari kitab Taurat. Jika orang Yahudi boleh mengubah isi kandungan kitab Taurat ini, tidak mustahil juga mereka mengubah juga nama bapa nabi Ibrahim dari Tarikh kepada Azar. Lihat al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur'ani*, h.1: 323. Sarjana lain mengatakan bapa baginda adalah Tarah bin Nahur, di mana Azar ialah gelarannya (misalnya Imam Jalalayn (t.t.), dalam *Tafsir al-Quran al-Azim*, Pulau Pinang: Dar al-Maarif, h.1: 119), atau Azar itu ialah nama kepada berhala. Lihat Abu Bakar al-Asy'ari, *Sejarah Anbiya'*, h. 1: 76. Ada kemungkinan berlaku kesilapan sebutan terhadap nama Tarah menjadi Tarikh atau sebaliknya. Bagaimanapun, yang pasti nama Azar sebagai ayah Ibrahim disebutkan oleh Quran, Surah al-An'am, 6: 74 bermaksud: "Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berkata kepada bapanya Azar: "Patutkah ayah menjadikan berhala-berhala sebagai tuhan-tuhan? Sesungguhnya Aku melihatmu dan kaummu dalam kesesatan yang nyata."

⁴⁵ Abu al-Fida' Ismail bin Kathir al-Quraishi (2004), *Kisah Para Nabi Teladan Bagi Orang Berakal*, (Terjemahan *Qisas al-Anbiya' Ibratun Li uli al-Albab* oleh Panel Penterjemah), Kuala Lumpur: Darul Fajr, h. 166.

⁴⁶ Al-Maghlouth, *Sejarah Para Nabi*, h. 94.

⁴⁷ 'Afif 'Abd al-Fattah Tabbarah, h. 108. Juga Yakut al-Hamawi (t.t), *Mu'jam al-Buldan*, jilid 4, h. 487

⁴⁸ Abu Bakar al-Asy'ari, *Sejarah Anbiya'*, h. 1:113

⁴⁹ Lihat Surah al-An'am, 6: 84 – 86; 'Afif 'Abd al-Fattah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiya'*, h. 137

menyampaikan Islam. Hakikatnya, Ibrahim al-Khalil telah membawa cahaya tauhid kepada dunia mengatasi kegelapan berhala dan syirik. Tanda tangannya abadi sebagai maqam binaan rumah Allah, Kaabah di Mekah hingga kini.⁵⁰ Perjuangan Baginda menegakkan kebenaran dirakamkan oleh al-Quran dengan gelaran *khalilullah*, yakni teman Allah.⁵¹ Firman-Nya:

“Dan tidak ada yang lebih baik agamanya daripada orang yang menyerahkan dirinya kepada Allah (dengan ikhlas), sedang ia berusaha mengerjakan kebaikan, dan ia pula mengikut agama nabi Ibrahim yang lurus (yang tetap di atas dasar tauhid); dan (kerana itulah) Allah menjadikan nabi Ibrahim kesayangan-Nya.”

(Surah al-Nisa', 4: 125)

2.6. Lut AS

Lut adalah putera Haran bin Taarah. Baginda merupakan anak saudara kepada nabi Ibrahim al-Khalil. Oleh itu Ibrahim, Haran dan Nahur adalah saudara kandung⁵². Dengan hubungan tersebut, al-Quran merakamkan kesinambungan dakwah mereka berdua. Lut diutuskan Allah menjadi nabi pada masa kerasulan bapa saudaranya, nabi Ibrahim. Baginda bagaimanapun menetap di Sodom, Jordan.⁵³ Allah berfirman: ”Setelah itu Lut beriman kepadanya dan Ibrahim pun berkata: Aku hendak berhijrah kepada Tuhanku, sesungguhnya Dialah jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”⁵⁴

Al-Quran menyebut nama Lut sebanyak 25 kali dalam pelbagai surah.⁵⁵ Kisah Lut dapat dibahagikan kepada tiga kelompok utama. Pertama, kisah dakwah Lut dengan kaumnya secara terperinci terdapat dalam surah al-A'raf (7: 79-84), Hud (11: 69-83), al-Hijr (15: 57-77), al-Syu'ara' (26: 160-175), al-'Ankabut (29: 28-35), al-Qamar (54:33-40), an-Naml, (27: 54-58) dan surah as-Saffat (37: 133-138). Kedua, ayat-ayat ringkas tentang Lut, terdapat dalam surah al-Taubah (9: 70), al-Furqan (25: 40), al-Anbiya' (21: 74), al-Dzariyat, (51: 31-37), al-Najm (53: 53-54), dan al-Tahrim (66: 10). Ketiga, Lut bersama nabi lain seperti Ismail, Yunus dan lain-lain, disebut dalam surah al-An'am, (6: 86), al-Haj (22: 43), Shad (38: 13), dan surah Qaf, (50: 13).⁵⁶

Intipati kisah Lut adalah berkaitan dakwah kepada kaumnya yang tidak beriman dengan Allah, merompak pedagang dan melakukan perbuatan buruk homoseksual atau liwat.⁵⁷ Al-

⁵⁰ Lihat surah al-Baqarah, 2: 125-127; Ibrahim, 14: 37-38. Allah memerintahkan Ibrahim membina semula Kaabah di Mekah, yang pertama kali dibina oleh nabi Adam. Lihat kisah pembinaan 'Baitul Atiq' ini dalam al-Maghlouth, *Sejarah Para Nabi*, h. 107-109

⁵¹ Al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur'ani*, h. 1: 311; Abu Bakar al-Asy'ari, *Sejarah Anbiya'*, h. 1: 76.

⁵² Muhammad bin Ahmad Kan'an (2004), *Qisas al-Anbiya' wa Akhbar al-Madhin Khulasah Tarikh Ibn Kathir*, Beirut: Dar al-Ma'arif, h. 309.

⁵³ Al-Maghlouth, h. 119. Lut beberapa kali mengikuti bapa saudaranya Ibrahim berhijrah dari Ur ke Palestine dan Mesir, lalu kembali semula ke Palestine dengan mendapat hadiah dari yang banyak dari raja Mesir berupa binatang ternakan. Perkembangan ternakan pengikut Lut membawa kepada anjuran Ibrahim agar Lut dan pengikutnya berhijrah ke Sodom dan Amurah, Jordan. Lihat 'Afif 'Abd al-Fattah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiya'*, h. 142; Abu Bakar al-'Asy'ari, h. 1: 115

⁵⁴ Surah al-'Ankabut 29: 26.

⁵⁵ Adakala Lut disebut dengan *marfu'* (29: 26), *mansub* (29: 32) dan *majrur* (15: 61). Lihat al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur'ani*, h. 1: 473; Syed Muhammad Osama, *Encyclopaedic Index of the Quran*, h. 474 - 475.

⁵⁶ Lihat al-Khalidi, h. 1: 474

⁵⁷ Majoriti kaum Lut adalah usahawan ternakan berjumlah 400 ribu orang tinggal dalam 5 buah perkampungan, suka merompak dan gemar melakukan hubungan jenis luar tabii sesama lelaki. Lihat Al-Maghlouth, *Sejarah Para Nabi*, h. 119; Abu Bakar al-Asy'ari, *Sejarah Anbiya'*, h.1: 115. Kerana itu barang kali mereka disebut liwat. Namun, ada pandangan mengatakan bahawa liwat bukanlah sandaran kepada Lut, sebab liwat adalah sebutan Arab, manakala Lut adalah bahasa ajnabi atau ajam. Lihat al-Khalidi, h. 1: 479

Quran merakamkan: "Dan Nabi Lut juga (Kami utuskan). Ingatlah ketika dia berkata kepada kaumnya: "Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun dari penduduk alam ini sebelum kamu? "Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas."⁵⁸ Kerana dosa besar tersebut, kaum Sodom lenyap dalam peristiwa keterbalikan bumi menjadi Laut Mati.⁵⁹

2.7. Ismail AS

Ismail merupakan anak nabi Ibrahim bersama isterinya, Hajar. Setelah kembali dari Mesir ke Palestine, Sarah isteri pertama Baginda yang sudah berusia dan mandul membenarkan suaminya mengahwini Hajar untuk mendapatkan anak.⁶⁰ Dari Hajar, lahirlah Ismail bin Ibrahim sebagai anak pertama. Tidak lama selepas itu, lahir pula Ishaq sebagai anak keduanya, tetapi dari isterinya, Sarah.⁶¹ Baginda kemudiannya membawa Ismail dan Hajar berhijrah ke Mekah.⁶² Di sinilah kisah Ismail dan bapanya, Ibrahim menempa sejarah ketamadunan insan sehingga selama 170 tahun.⁶³

Al-Quran mengisahkan Ismail sebanyak 12 kali dalam dalam 8 surah. Surah tersebut adalah al-Baqarah, Ali 'Imran, an-Nisa', al-An'am, Ibrahim, al-Anbiya', Shad dan Maryam.⁶⁴ Ada ketika al-Quran menggambarkan Ismail bersendirian seperti dalam surah Maryam, dan ada ketika bersama-sama dengan anbiya yang lain.⁶⁵ Majoriti kisah Ismail adalah berserta bapanya Ibrahim. Antaranya berkaitan pengungsian Mekah,⁶⁶ pembentukan keluarga,⁶⁷ peristiwa air zamzam, pembinaan Kaabah⁶⁸ dan peristiwa pengorbanan.⁶⁹ Rumusan kisah Baginda berkaitan dengan ibadat, doa, rezeki dan manasik Haji.⁷⁰ Baginda merupakan lambang ketaatan seorang anak yang bersifat penyantun.⁷¹

⁵⁸ Surah al-A'raf, 7: 80-81; Lihat juga surah al-Ankabut, 29: 29.

⁵⁹ Hari ini tempat tersebut dikenali sebagai Laut Mati. Al-Maghlouth, *Sejarah Para Nabi*, h. 120-121. Gambaran kemurkaan Allah terhadap mereka misalnya dijelaskan oleh surah Hud, 11: 81-83; al-Hijr, 15: 74

⁶⁰ Surah al-Saffat, 37: 100, menyebut doa Ibrahim: 100. "Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku anak yang terhitung dari orang-orang yang soleh!"; Juga surah Ibrahim, 14:39; Solah al-Khalidi, hlm. 1: 381-382

⁶¹ Ketika Hajar melahirkan Ismail, Ibrahim telah mencapai 86 tahun. Sementara jika dikira jarak dengan kelahiran Ishaq ialah 13 atau 14 tahun. Lihat Abu Bakar al-Asy'ari, *Sejarah Anbiya'*, h. 1: 103; Al-Maghlouth, h. 126; Ibn Kathir, *Kisah Para Nabi*, h. 200.

⁶² Dikatakan Sarah tidak selesa dengan Hajar dan anaknya, Ismail menyebabkan Ibrahim atas perintah Allah membawa mereka ke Mekah. Lihat 'Afif 'Abd al-Fattah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiya'*, h. 259. Al-Quran merakamkan peristiwa ini dalam surah Ibrahim, 14: 37-38

⁶³ Ismail mangkat ketika usia 170 tahun dan dimakamkan di Hijir berdampingan ibunya Hajar. Lihat Ibn Kathir, h. 246-247.

⁶⁴ Al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur'ani*, h. 1: 383. Al-Quran menyebut perihal Ismail sebanyak 20 ayat. Misalnya dalam surah Ibrahim, (14: 39) Maryam, (19: 54-55) al-Anbiya', (21: 85-86) Shad, (38: 48) dan lain-lain. Lihat Syed Muhammad Osama, *Encyclopaedic Index of the Quran*, h. 416 – 418

⁶⁵ Misalnya surah Maryam, 19: 54-55 dan al-Anbiya', 21: 85-86

⁶⁶ Misalnya surah Ibrahim, 14: 37-38;

⁶⁷ Ismail mengahwini al-Saidah binti Mudhadh bin 'Amr al-Jurhumiy dan mempunyai 12 orang anak yang membawa kepada kelahiran nabi Muhammad. Lihat Abu Bakar al-Asy'ari, *Sejarah Anbiya'*, h. 1: 106-107

⁶⁸ Misalnya surah al-Baqarah, 2: 125-127

⁶⁹ Misalnya surah al-Shaffat, 37: 99-112

⁷⁰ Orientasi ibadat dalam Islam berkisar sekitar kisah dua anbiya ini seperti Kaabah sebagai kiblat dan manasik dalam ibadat haji.

⁷¹ Ingat firman-Nya surah al-Shaffat, 37: 101, bermaksud: "lalu Kami berikan kepadanya berita yang mengembirakan, bahawa ia akan beroleh seorang anak yang Penyabar." Selain itu, sifatkan Ismail adalah sopan

Gambaran kisah Ismail dan bapanya tercantum dalam rakaman doa berikut: “Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah (Tanah suci Makkah) yang tiada tanaman padanya, di sisi rumahmu yang diharamkan mencerobohnya. Wahai Tuhan kami, (mereka ditempatkan di situ) supaya mendirikan solat (dan memakmurkannya dengan ibadat). Oleh itu, jadikanlah hati sebahagian dari manusia tertarik gemar kepada mereka, (supaya datang beramai-ramai ke situ) dan kurniakanlah rezeki kepada mereka dari berbagai jenis buah-buahan dan hasil tanaman, semoga mereka bersyukur.”⁷²

2.8. Ishak AS

Ishaq merupakan anak kedua nabi Ibrahim dari isteri pertamanya, Sarah dan adalah seorang nabi.⁷³ Apabila dikhabarkan bakal mendapat anak, Sarah ketawa serta menutup muka.⁷⁴ Bagaikan tidak percaya, padahal beliau mandul dan usianya dan suaminya pula sudah tua.⁷⁵ Ishak berdakwah di Palestine dan wafat ketika berumur 180 tahun serta dimakamkan di Hebron, iaitu di Kota al-Khalil.⁷⁶ Dari keturunan Baginda lahir pula anbiya yang lain seperti anak dan cucunya, Yaakub dan Yusof.⁷⁷

Nama Ishak disebut oleh al-Quran sebanyak 17 kali, iaitu dalam surah al-Baqarah (2: 133, 136 dan 140), Ali 'Imran (3: 84), an-Nisa'(4: 163), al-An'am (6: 84), Hud (11: 69-73), Yusuf (12: 6 & 38), Ibrahim (14: 39), Maryam (19: 49), al-Anbiya' (21: 71-73), al-'Ankabut (29: 27), as-Shaffat (37: 112-113), dan Shad (38: 45).⁷⁸ Kebanyakan kisah Ishak bergandingan dengan bapanya, seperti kelahirannya sebagai berita gembira kepada Ibrahim dan Sarah. Ishak merupakan model dalam institusi kekeluargaan, seorang anak serta bapa yang bijaksana, seorang nabi yang soleh, beramal dengan ikhlas serta Allah memberkatinya.⁷⁹

2.9. Yaakub AS

Yaakub adalah anak nabi Ishak bin Ibrahim. Manakala ibunya bernama Rifqah binti Batuil bin Nahur. Nahur adalah saudara kandung nabi Ibrahim.⁸⁰ Al-Quran tidak banyak menceritakan secara khusus latar belakang nabi Yaakub, melainkan kisahnya berkaitan keluarga dan anaknya,

santun dan setia pada janji, menjaga solat dan kewajipan terhadap Allah. Lihat surah al-Shaffat, 37: 101-102; Maryam, 19: 55. Detail kisah Baginda, lihat Afif Abd al-Fattah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiya'*, h. 255-270; al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur'ani*, h. 1: 381-416

⁷² Surah Ibrahim, 14: 37

⁷³ Afif Abd Fattah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiya'*, h. 331.

⁷⁴ Ini adalah perkara kebiasaan yang berlaku terhadap wanita Arab ketika merasa takjub. Lihat Muhammad Ahmad Kan'an, *Qisas al-Anbiya'*, h. 186.

⁷⁵ Ketika kelahiran Ishaq, Sarah berusia 90 tahun dan Ibrahim pula berumur lebih 100 atau 120 tahun. Ibn Kathir, h. 254; al-Maghlouth, *Sejarah Para Nabi*, h. 126. Lihat Surah Hud, 11: 71-72

⁷⁶ Nama Khalil dinisbahkan kepada Ibrahim Kahlil ar-Rahman (teman Allah Yang Maha Pengasih). Al-Maghlouth, *Sejarah Para Nabi*, h. 127; Abu Bakar al-Asy'ari, *Sejarah Anbiya'*, h. 1: 114

⁷⁷ Lihat surah Hud, 11: 69-73; al-Hijr, 15: 51-56 dan al-Dzariyat, 51: 24-30.

⁷⁸ Al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur'ani*, h. 1: 427-429. Al-Quran menyebut perihal Ishak tidak kurang dari 10 ayat. Lihat Syed Muhammad Osama, *Encyclopaedic Index of the Quran*, h. 415

⁷⁹ Abu Bakar al-Asy'ari, h. 1: 115; Surah as-Shaffat, 37: 112

⁸⁰ Afif Abd Fattah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiya'*, h. 334; Abu Bakar al-Asy'ari, *Sejarah Anbiya'*, h.1: 118.

Yusuf.⁸¹ Yaakub pernah mengunjungi bapa saudaranya Laban di Harran, Iraq dan tinggal di sana selama dua puluh tahun. Baginda mendapat jodoh dengan dua anak bapa saudaranya, Lailah dan adiknya, Rahil serta dua hamba mereka iaitu Zulfa dan Balhah. Dari empat isteri inilah Yaakub mendapat 12 anak. Selepas kembali ke Palestine, Baginda menetap di Hebron atau al-Khalil.⁸²

Al-Quran merakamkan Yaakub dengan namanya sebanyak 16 kali serta dengan panggilan Israil pula sebanyak 2 kali.⁸³ Kisah Baginda boleh dilihat dalam surah al-Baqarah, Ali 'Imran, al-Nisa', Yusuf, Maryam, Hud, al-Anbiya', al-Ankabut, dan Shad.⁸⁴ Umpamanya, firman Allah bermaksud: "Mereka itulah sebahagian dari nabi-nabi yang telah dikurniakan Allah nikmat yang melimpah-limpah kepada mereka dari keturunan nabi Adam, dan dari keturunan orang-orang yang Kami bawa (dalam bahtera) bersama-sama nabi Nuh, dan dari keturunan nabi Ibrahim, dan (dari keturunan) Israil- dan mereka itu adalah dari orang-orang yang Kami beri hidayah petunjuk dan Kami pilih. Apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat (Allah) Al-Rahman, mereka segera sujud serta menangis."⁸⁵ Ayat di atas menjelaskan perihal anbiya sebagai model kehidupan bagi manusia, antaranya dari Israel iaitu Yaakub yang terkenal dengan slogan 'sabrun jamil'⁸⁶, serta keturunannya, yakni Bani Israil.⁸⁷ Wasiat terkenal Yaakub terhadap anak-anaknya ialah: "Apakah yang kamu semua sembah sepeninggalanku nanti?"⁸⁸ Nampaknya kebimbangan Baginda berasas apabila ramai Bani Israel tidak beriman selepas kewafatannya.

2.10. Yusuf AS

Yusuf merupakan salah seorang anak dari keluarga besar nabi Yaakub yang dilantik oleh Allah menjadi nabi.⁸⁹ Jadi, Yusuf bin Yaakub bin Ishak bin Ibrahim adalah seorang nabi, anak seorang nabi, cucu seorang nabi dan cicit kepada seorang nabi yang mulia.⁹⁰ Menurut Solah al-Khalidi, semua anak Yaakub adalah lelaki dan tiada sumber yang lebih tepat selain al-Quran dan al-Hadis yang hanya menyebut nama Yusuf sahaja. Sedangkan saudaranya yang lain bukanlah para nabi.⁹¹ Kisah Baginda merupakan antara kisah anbiya yang disebut dalam al-Quran secara detail. Kisah

⁸¹ Lihat surah Yusuf, 12: 4-7

⁸² Dari 4 isteri inilah lahir anak-anak Yaakub iaitu Lailah, 6 orang; Rahil, yang paling cantik, lahir Yusuf dan Bunyamin; Balhah dan Zulfa juga masing-masing ada 2 anak. Gelaran 'Israel' dinisbahkan kepada Yaakub, dan 'bani' kepada keturunannya. Lihat Afif Abd Fattah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiya'*, h. 334-336

⁸³ Al-Quran menyebut perihal Yaakub sebanyak 19 ayat. Lihat Syed Muhammad Osama, *Encyclopaedic Index of the Quran*, h. 421 – 423. Meskipun banyak sebutan Israel dalam al-Quran, tetapi yang dimaksudkan sebagai Yaakub hanya dalam surah Ali 'Imran dan surah Maryam sahaja. Lihat al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur'ani*, h. 2: 50-51. Misalnya, surah Ali 'Imran, (3: 93) menyebut: "Segala jenis makanan dahulu adalah halal bagi Bani Israel, kecuali makanan yang diharamkan oleh Israel (nabi Yaakub) kepada dirinya sendiri sebelum diturunkan Kitab Taurat"

⁸⁴ Lihat penjelasan al-Khalidi, h. 2: 50-51

⁸⁵ Surah Maryam, 19: 58

⁸⁶ Bermaksud sabar terbaik. Lihat surah Yusuf, 12: 83

⁸⁷ Ramai anbiya terdiri dari Bani Israel yang bermula dari Yaakub sehingga Isa. Hanya nabi Muhammad dari sebelah nabi Ismail. Semua mereka adalah keturunan Ibrahim. Lihat al-Khalidi, h. 2: 57.

⁸⁸ Surah al-Baqarah, 2: 133

⁸⁹ Lihat footnote no 100 di atas.

⁹⁰ Dal hal ini nabi Muhammad bersabda: *يوسف بن يعقوب بن إسحاق بن إبراهيم*

"Baginda adalah orang yang mulia, anak orang mulia, dari cucu yang mulia dan dari cicit yang mulia, maksudnya Yusuf bin Yaakub bin Ishaq bin Ibrahim". (Hadis riwayat al-Bukhari, no. 3382)

⁹¹ Al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur'ani*, h. 2: 73.

Baginda bermula zaman kanak-kanak yang lahir di Hebron, remaja dan dewasa serta hidup berpengaruh di bumi Mesir.⁹²

Al-Quran menyebut nama Yusuf sebanyak 27 kali dalam tiga surah.⁹³ Sesuai dengan 'kemuliaan' Baginda, surah ke-12 dalam al-Quran diabadikan atas namanya, Yusuf. Kisah yang dianggap oleh al-Quran sebagai 'sebaik-baik kisah' terpapar dalam satu surah sahaja.⁹⁴ Rumusan kisah Baginda berkisar sekitar isu kekeluargaan, kenabian, cabaran kehidupan, dakwah dalam penjara, kepakaran dan kemahiran, kedudukan dan pengaruh sebagai pembesar di Mesir.⁹⁵ Ringkasnya, selain isu dakwah dan akidah, kisah Yusuf menterjemahkan penyelesaian terhadap isu sosial dan kekeluargaan, politik dan kuasa serta permasalahan ekonomi.⁹⁶

2.11. Ayub AS

Ayub merupakan seorang nabi yang bersusur galur dari nabi Ibrahim. Bapanya Amush bin Tawakh bin Rum bin al-'Aish bin Ishak bin Ibrahim.⁹⁷ Baginda menetap di al-Batsniyyah, Hauran, diutus kepada bangsa Romawi.⁹⁸ Baginda merupakan seorang yang kaya raya dengan pelbagai jenis kekayaan seperti tanah yang luas, ternakan, harta perhiasan dan keluarga yang besar.⁹⁹

Jika keturunan nabi Ishak bin Ibrahim menerusi Yaakub, terkenal dengan Bani Israel melahirkan anbiya, maka seorang lagi anak Baginda iaitu al-'Aish juga melahirkan zuriat seorang nabi iaitu Ayub. Hakikat ini disebut oleh al-Quran dengan: "Dan Kami telah kurniakan kepada nabi Ibrahim: (anaknyanya) Ishak (dari isterinya Sarah), dan (cucunya) Yaakub. Tiap-tiap seorang (dari mereka) Kami telah berikan petunjuk, dan nabi Nuh juga Kami telah berikan petunjuk dahulu sebelum itu; dan dari keturunannya itu (ialah Nabi-nabi): Daud, dan Sulaiman, dan Ayub, dan Yusuf, dan Musa, dan Harun dan demikianlah Kami memberi balasan kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amal perbuatannya".¹⁰⁰

Nama Ayub disebut sebanyak 4 kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah an-Nisa', (4: 163), surah al-An'am, (6: 84), surah al-Anbiya', (21: 83) dan surah Shad, (38: 41).¹⁰¹ Meskipun kisah Ayub tidaklah panjang dan detail, tetapi yang lebih penting adalah pengajarannya. Kisah Baginda merupakan contoh kesabaran seorang nabi yang menerima ujian, asalnya mempunyai harta, keluarga, kesihatan, dan berpengaruh tetapi hilang akibat terkena penyakit.¹⁰² Ketabahan

⁹² Kisah bermula dengan Baginda bermimpi melihat sebelas bintang, matahari dan bulan bersujud kepadanya. Lihat surah Yusuf, 12: 4

⁹³ Al-Quran menyebut nama Yusuf sebanyak 25 kali dalam surah Yusuf serta masing-masing sekali dalam surah al-An'am (6: 84) dan Ghafir/ al-Mu'min (40: 34) dengan jumlah semuanya sebanyak 27 kali. Lihat al-Khalidi, h. 2: 74; Syed Muhammad Osama, *Encyclopaedic Index of the Quran*, h. 435 – 438.

⁹⁴ Surah Yusuf, 12: 2

⁹⁵ Afif Abd al-Fattah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiya'*, h.337-412.

⁹⁶ Lihat Abdul Karim Zaidan, *Hikmah Kisah-Kisah*, h. 346-357

⁹⁷ Al-Maghlouth, *Atlas Sejarah Para Nabi*, h. 138

⁹⁸ Termasuk dalam kawasan Syria kini. Lihat Ibid. h. 138

⁹⁹ Afif Abd al-Fattah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiya'*, h. 464

¹⁰⁰ Surah al-An'am, (6: 84). Maksud 'dari keturunannya' dalam ayat tersebut ialah keturunan nabi Ibrahim, iaitu nabi Sulaiman, nabi Ayub, nabi Yusuf, nabi Musa, nabi Harun, dan bukannya bermaksud keturunan nabi Nuh. Lihat al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur'ani*, h. 4: 8

¹⁰¹ Al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur'ani*, h. 4: 7

¹⁰² Ayub dikatakan mengidap penyakit kulit yang teruk. Lihat Afif Abd al-Fattah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiya'*, h. 469; Abu Bakar al-Asy'ari, *Sejarah Anbiya'*, h. 3: 58.

Baginda dengan berserah dan mengadu kepada Allah menyebabkan nikmat tersebut dikurniakan semula.¹⁰³

2.12. Syuaib AS

Syuaib bin Mikail bin Yasyjur bin Madyan bin Ibrahim merupakan salah seorang nabi Allah yang diutuskan ke dunia Arab. Baginda terkenal dengan gelaran ‘khatibul anbiya’ lantaran kepetahannya berdakwah.¹⁰⁴ Al-Quran merakamkan nama Syuaib sebanyak 11 kali. Iaitu 4 kali dalam surah al-‘Araf (7: 85, 88, 90 dan 92), 4 dalam surah Hud (11: 84,87, 90 dan 95), sekali dalam surah as-Syu ‘ara’ (26: 177), dan surah al-‘Ankabut, (29: 36).¹⁰⁵

Kisah Syuaib berkisar sekitar pengutusannya kepada kaum Madyan dan Aikah. Madyan merupakan perkampungan daerah Ma’an, yang terletak antara Syria dan Hijaz.¹⁰⁶ Penduduk Madyan mempunyai kemahiran dalam bidang perniagaan, pertanian dan berbahasa Arab.¹⁰⁷ Bagaimanapun, kelebihan tersebut disalahgunakan untuk mengaut keuntungan ketika berurusanniaga dengan mengurangi timbangan, merampas barangan di jalanan, memeras ugut dan menghalang perjalanan orang lain.¹⁰⁸ Allah berfirman menceritakan keingkaran kaumnya:

“Mereka berkata: "Wahai Syuaib! Adakah sembahyangmu (yang banyak itu) menyuruhmu perintahkan kami supaya meninggalkan apa yang disembah oleh datuk nenek kami, atau supaya kami lakukannya apa yang kami suka melakukannya dalam menguruskan harta kami? Sesungguhnya engkau (Wahai Syuaib) adalah orang yang penyabar, lagi bijak berakal (maka bagaimana pula engkau menyuruh kami melakukan perkara yang bertentangan dengan kebiasaan kami)?”

(Surah Hud, 11: 87)¹⁰⁹

2.13. Musa AS

Salah seorang nabi dari kalangan Bani Israel ialah Musa bin ‘Imran bin Qahat bin Azir bin Lawi bin Yaakub bin Ishak bin Ibrahim. Berkahwin dengan Shafura dan mendapat dua anak, Azir dan Jarsyun.¹¹⁰ Lahir di Mesir dalam suasana perintah membunuh bayi lelaki berkuatkuasa, Musa

¹⁰³ Afif Abd al-Fattah Tabbarah, h. 465. Lihat juga surah al-Anbiya’, 21: 83-84

¹⁰⁴ Al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur’ani*, h. 2: 9; Al-Maghlouth, *Atlas Sejarah Para Nabi*, h. 134

¹⁰⁵ Al-Khalidi, h. 2: 7. Al-Quran memerihai Syuaib dan kaumnya lebih dari 21 ayat atau tema. Lihat Syed Muhammad Osama, *Encyclopaedic Index of the Quran*, h. 702 - 704.

¹⁰⁶ Afif Abd al-Fattah Tabbarah, h. 439. Ada pandangan mengatakan bahawa Syuaib diutuskan kepada dua atau tiga kaum yang berlainan. Misalnya, firman-Nya: “(demikian juga) penduduk "Aikah" telah mendustakan rasul-rasul (yang diutus kepada mereka). Ketika Nabi Syuaib berkata kepada mereka: "Hendaknya kamu mematuhi perintah Allah dan menjauhi laranganNya”(al-Syu’ara’, 26: 167-177). Begitupun, dipersetujui, misalnya oleh Ibn Kathir bahawa Madyan dan Aikah merupakan satu kaum yang sama, lantaran Aikah nisbah kepada hutan, yakni kaum Madyan yang sesat menyembah belukar. Lihat Al-Khalidi, h. 2: 37; Al-Maghlouth, *Atlas Sejarah Para Nabi*, h. 135

¹⁰⁷ Afif Abd al-Fattah Tabbarah, *Ma’a al-Anbiya’*, h. 439; Ibn Kathir, *Kisah Para Nabi*, h. 284.

¹⁰⁸ Al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur’ani*, h. 2: 9; Afif Abd al-Fattah Tabbarah, h. 439-440. Lihat surah Hud, 11: 84-86; surah al-A’raf, 7: 86-87

¹⁰⁹ Menurut Ibn Abbas, Maimun Ibn Mahran, Ibn Juraih, Zaid bin Aslam dan Ibn Jarir, tujuan mereka lemparkan kata-kata sedemikian bukanlah untuk memuji baginda tetapi bertujuan untuk mempermain-mainkan Baginda. Lihat Muhammad Ahmad Kan’an, *Qisas al-Anbiya’*, h. 324; Ibn Kathir, *Tafsir*, h. 290

¹¹⁰ Al-Maghlouth, *Atlas Sejarah Para Nabi*, h. 142. Dikatakan Musa berbangsa ‘Ibrani. Nama bapanya, ‘Imran adalah sebutan bagi bangsa ‘Ibrani. Lihat Abu Bakar al-Asy’ari, *Sejarah Anbiya’*, h. 2: 6. Hakikat ini selaras dengan hadis riwayat Muslim dan lain-lainnya dari Ibn ‘Abbas r.a bahawa nabi Muhammad saw bersabda bermaksud: “*Aku berjalan pada malam Isra’ bersama Musa bin ‘Imran a.s...*” Lihat al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur’ani*, h. 2: 279.

sebaliknya membesar dalam istana Firaun.¹¹¹ Lantaran itu, Firaun dan kaumnya menjadi misi dakwah Musa dengan saudaranya Haron bertindak sebagai pembantu.¹¹² Salah seorang rasul yang mendapat dua gelaran, iaitu *ulul'azmi*, bermaksud yang mempunyai cita-cita tinggi,¹¹³ serta *Kalimullah*, yakni berbicara dengan Allah tanpa perantaraan.¹¹⁴

Kisah nabi Musa merupakan satu-satunya kisah yang paling banyak disebutkan dalam al-Quran. Nama Musa disebut sebanyak 136 kali dalam 34 buah surah yang bermula dengan surah al-Baqarah hinggalah surah al-'Ala'. Kekekapan nama Musa disebut dalam surah al-Baqarah, 13 kali, Ali 'Imran sekali, al-Nisa', al-Maidah dan al-An'am 3 kali, al-'Araf 21 kali, Yunus 8 kali, Hud, Ibrahim dan al-Isra' 3 kali, al-Kahfi 2 kali, Maryam sekali, Taha 17 kali, al-Anbiya' dan al-Haj sekali, al-Mukminun 2 kali, al-Furqan sekali, al-Syu'ara' 8 kali, an-Naml 3 kali, al-Qashash 18 kali, al-'Ankabut dan al-Sajdah sekali, al-Ahzab dan as-Shaffat 2 kali, Ghafir 5 kali, Fussilat, al-Syura, dan al-Zukhruf sekali, al-Ahqaf 2 kali, az-Zariyat, al-Najm, al-Shaf, al-Nazi'at dan al-'Ala' sekali.¹¹⁵

Intisari kisah Baginda berkaitan dengan dakwah terhadap Firaun dan pembantunya Hammam, hartawannya, Qarun serta para ahli sihir. Begitu juga hubungan Baginda dengan Bani Israel, Harun, Khidir serta nabi Syuaib di Madyan.¹¹⁶ Ringkasnya, kisah Musa banyak berkaitan dengan akidah dalam situasi sosiopolitik dan ekonomi. Firman Allah: "Pergilah kepada Firaun, sesungguhnya dia telah melampaui batas". Nabi Musa berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku, lapangkanlah bagiku dadaku, mudahkanlah bagiku tugasku, lepaskanlah simpulan dari lidahku, supaya mereka faham perkataanku."¹¹⁷ Ayat ini menjadi bukti misi dakwah Baginda terhadap kezaliman Firaun, sementara doanya pula menjadi azimat yang berguna untuk amalan manusia.

2.14. Harun AS

Kisah nabi Harun tidak banyak disebut dalam al-Quran. Nabi Harun adalah adik kepada nabi Musa dan anak kepada 'Imran. Baginda berkahwin dengan Ayariha.¹¹⁸ Kenabian Harun adalah atas permintaan nabi Musa sendiri untuk membantunya kepada Allah berdakwah terhadap Firaun dan pembesarnya. Firman Allah yang bermaksud: "Dan jadikanlah bagiku, seorang penyokong dari keluargaku, iaitu Harun saudaraku. Kuatkanlah dengan sokongannya, pendirianku dan jadikanlah dia turut campur bertanggungjawab dalam urusanku."¹¹⁹ Al-Quran merakamkan nama Harun sebanyak 19 kali dalam surah-surah al-Baqarah, al-Nisa', al-An'am, al-'Araf, Yunus, Maryam, Taha, al-Anbiya', al-Mu'minin, al-Furqan, as-Syu'ara', al-Qashash dan al-Shaffat.¹²⁰ Intisari kisah Harun berkisar sekitar dakwah terhadap Firaun sebagai pembantu Musa. Firman-

¹¹¹Lihat surah al-Baqarah, 2: 49 dan surah al-Qasas, 28: 7. Firaun yang memerintah waktu itu adalah Ramses II dan kemudian anaknya, Mineptah. Lihat al-Maghlouth, h. 146.

¹¹² Surah Taha, 20: 29-32. Kebetulan sewaktu Haron lahir, perintah membunuh bayi tidak berlaku kerana berselang seli. Lihat Afif Abd al-Fattah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiya'*, h. 481-482

¹¹³ Abu Bakar al-Asy'ari, *Sejarah Anbiya'*, h. 2: 6

¹¹⁴ Lihat surah al-Nisa', 4: 164; dan al-'Araf, 7: 144; Abu Bakar al-Asy'ari, h. 2: 6; Afif Abd al-Fattah Tabbarah, h. 479.

¹¹⁵ Al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur'ani*, h. 2: 270-171.

¹¹⁶ Al-Khalidi, h. 2: 270; Afif Abd al-Fattah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiya'*, h. 485-600

¹¹⁷ Surah Taha, 20: 24-30.

¹¹⁸ Al-Maghlouth, *Atlas Sejarah Para Nabi*, h. 142.

¹¹⁹ Surah Taha, 20: 29-32; Lihat juga surah Maryam, 19: 53

¹²⁰ Al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur'ani*, h. 2: 271-272.

Nya: “Dan Kami kurniakan kepadanya dari rahmat kami, saudaranya Harun, yang juga berpangkat Nabi”.¹²¹

2.15. Daud AS

Daud merupakan salah seorang nabi kalangan anbiya Bani Israel yang dikaitkan dengan bangsa Yahudi. Hal ini lantaran Baginda lahir dari jalur Yahuda, salah seorang anak nabi Yaakub dengan isterinya Lailah. Salsilah keturunan Baginda adalah Daud bin Isya bin ‘Ubaid bin Bu’az bin Salmun bin Hasyun bin Amina Dab bin Aram bin Hashrun bin Faris bin Yahudza bin Yaakub bin Ishaq bin Ibrahim.¹²²

Al-Quran merakamkan nama Daud sebanyak 16 kali.¹²³ Kisah Baginda tertera dalam al-Quran menerusi surah al-Baqarah, al-Nisa’, al-Maidah, al-An’am, al-Isra berkaitan syariatnya.¹²⁴ Manakala menerusi surah al-Anbiya berkaitan tasbih gunung dan burung serta penghakiman Baginda terhadap usahawan tani dan ternakan.¹²⁵ Dalam surah al-Naml, berkaitan kesyukuran Daud terhadap kurnian nikmat dan hikmah.¹²⁶ Sementara surah Saba’ menjelaskan kemahiran Baginda mencipta baju besi.¹²⁷ Surah Shad pula mencerita segala unsur alam seperti gunung dan burung yang dipermudahkan Allah kepada Daud, menyebabkan Baginda menjadi insan yang beribadat dan bersyukur.¹²⁸

Beberapa ciri keistimewaan Daud seperti bertubuh sederhana, baik hati dan pembersih,¹²⁹ hakim yang adil, memiliki kerajaan yang besar,¹³⁰ kemahiran membentuk logam besi,¹³¹ seorang hamba yang kuat beribadat,¹³² dikurniakan suara yang merdu dengan gunung dan burung ikut bertasbih bersamanya pagi dan petang,¹³³ serta diberikan kitab Zabur.¹³⁴

2.16. Sulaiman AS

Sulaiman merupakan anak kepada nabi Daud. Memiliki beberapa kelebihan seperti ayahnya, serta mempunyai akal yang cerdas, bijak dalam mentadbir dan menghukum sesuatu perkara.¹³⁵

¹²¹ Surah Maryam, 19: 53

¹²² Disebut juga sebagai Daud bin Yasi bin Obed bin Boas bin Salmon bin Nahason bin Amina Dab bin Ram bin Hezron bin Pherez. Lihat al-Maghlouth, *Atlas Sejarah Para Nabi*, h. 150; Abu Bakar al-‘Asy’ari, *Sejarah Anbiya’*, h. 2: 151

¹²³ Al-Khalidi, h. 3: 402; Syed Muhammad Osama, *Encyclopaedic Index of the Quran*, h. 202-204. Lihat misalnya surah al-Baqarah, 2: 252; al-An’am, 6: 84; al-Nisa’, 4: 163; al-Isra, 17: 55; al-Maidah, 5: 78; al-Anbiya, 21: 78 dan 21: 79, al-Naml, 27: 15 dan 27: 16; Saba, 34: 10 dan 34: 13; Shad, 38: 18, 38: 23, 38: 24, 38: 26 dan 38: 26.

¹²⁴ Misalnya surah al-Baqarah, 2: 251, mengisahkan Daud membunuh Jalut dan Baginda mendapat kekuasaan.

¹²⁵ Misalnya surah al-Anbiya, 21: 78-80

¹²⁶ Misalnya al-Naml, 27: 15

¹²⁷ Misalnya Saba’, 34: 10-11

¹²⁸ Misalnya Shad, 38: 18-26

¹²⁹ Al-Maghlouth, *Atlas Sejarah Para Nabi*, h. 150-151.

¹³⁰ Surah Shad, 38: 26

¹³¹ Surah Saba’, 34: 10; Surah al-Anbiya’, 21: 80

¹³² Surah Shad, 38: 17; al-Isra, 17: 55

¹³³ Surah Shad, 38: 18-19

¹³⁴ Surah al-Nisa’, 4: 163; Lihat kupasan al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur’ani*, h. 3: 402-412.

¹³⁵ Lihat surah al-Anbiya’, 21: 79; al-Naml, 27: 15-19. Baginda mewarisi kerajaan Daud sejak usia belasan tahun. Lihat Al-Maghlouth, *Atlas Sejarah Para Nabi*, h. 156; Afif Abd al-Fattah Tabbarah, *Ma’a al-Anbiya’*, h. 643

Contohnya, sewaktu memutuskan hukuman antara pemilik ladang dan penternak kambing yang memusnahkan tanaman. Dalam hal ini, Allah berfirman: “Maka Kami berikan nabi Sulaiman memahami hukum yang lebih tepat bagi masalah itu; dan masing-masing (dari mereka berdua) Kami berikan hikmah kebijaksanaan dan ilmu (yang banyak); dan Kami mudahkan gunung-ganang dan unggas memuji Kami bersama-sama dengan nabi Daud; dan adalah Kami berkuasa melakukan semuanya itu.”¹³⁶ Dengan kefaqihan dalam sesuatu hukuman, baginda digelar nabi Sulaiman al-Hakim.¹³⁷

Al-Quran menyebut nama Sulaiman sebanyak 17 kali. Kisah Baginda terpapar dalam surah al-Baqarah, al-Nisa’, al-An’am, Saba’, al-Anbiya’ al-Naml dan Shad¹³⁸ Kisah Sulaiman berorientasikan kepada komunikasi tentera semut,¹³⁹ burung Hud Hud membawa berita ratu Balkis dari negeri Saba¹⁴⁰ dan kelebihan Baginda menguasai bahasa alam seperti angin, gunung dan burung.¹⁴¹

Kisah Sulaiman merupakan ikon tentang peribadi yang mendapat ilmu dan hikmah serta harta dan kuasa, tetapi tunduk dan bersyukur kepada Allah. Firman-Nya: “Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan ilmu pengetahuan kepada nabi Daud dan nabi Sulaiman; dan mereka berdua bersyukur dengan berkata: "Segala puji tertentu bagi Allah yang dengan limpah kurnia-Nya memberikan kami kelebihan mengatasi kebanyakan hamba-hamba-Nya yang beriman.”¹⁴²

2.17. Yunus AS

Yunus bin Matta merupakan seorang nabi yang sampai nasabnya kepada Bunyamin bin Yusuf telah diutuskan oleh Allah kepada kaum Ninawa, Iraq sekitar tahun 780SM.¹⁴³ Sebagai pusat

¹³⁶ Surah al-Anbiya’, 21: 78-79. Kecerdikan nabi Sulaiman dapat dilihat dalam kes dua orang pengadu, iaitu antara pemilik ladang tanaman dan pemilik kambing mengadu kepada ayahnya. Baginda memutuskan pemilik kambing yang bersalah. Ketika itu umur Baginda ialah 11 tahun. Lihat Abu Bakar al-Asy’ari, *Sejarah Anbiya’*, h. 3: 4

¹³⁷ Afif Abd al-Fattah Tabbarah, h. 631

¹³⁸ Lihat al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur’ani*, h. 3: 477; Syed Muhammad Osama, *Encyclopaedic Index of the Quran*, h. 716 – 718. Misalnya, dalam surah Shad, 38: 30; al-Nisa’, 4: 163; al-An’am, 6: 84; Saba’, 34: 12-14 & 34: 30-40; surah al-Anbiya’, 21: 78-79 & 21: 81-82; dan surah an-Naml, 27: 15-44

¹³⁹ Misalnya, surah al-Naml, 27: 18. Sulaiman mendengar seekor semut mengarahkan tenteranya agar masuk ke dalam lubang supaya tidak terpijak oleh bala tentera baginda dalam keadaan tidak sedar. Baginda tersenyum dan bersyukur. Lihat Afif Abd al-Fattah Tabbarah, h. 643-644. Ada pandangan mengatakan lembah semut yang berlaku dalam ayat ini berada di kepulauan Jawa, Indonesia. Lihat tajuk ‘Ada 40 Bukti Eksak Indonesia Negeri Saba’, dalam KH Fahmi Basya (2012), *Borobodur & Peninggalan Nabi Sulaiman*, Jakarta Selatan: Zaytuna PT Ufuk Publishing House, h. 161. Namun ada pandangan yang menyelaraskannya bahawa kedudukan geografi dunia sebelum ini sudah berubah ekoran bencana alam, menyebabkan Indonesia terpencil jauh ke timur dari kedudukan asal.

¹⁴⁰ Misalnya, surah an-Naml, 27: 22-44. Hud Hud melaporkan bahawa Balqis, pemerintah kerajaan Saba’ serta rakyatnya menyembah matahari, bukan Allah. Burung ini terbang dari Palestine (kerajaan nabi Sulaiman) ke Saba’, Yaman dengan jarak beribu kilometer. Al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur’ani*, h. 3: 529

¹⁴¹ Misalnya, surah al-Naml, 27: 16-17; al-Anbiya, 21: 81. Mengenai kemudahan angin sebagai transportasi. Dengan kemudahan itu, Baginda boleh memerintahkan angin dari padang pasir Palestine sampai ke Iraq. Lihat al-Maghlouth, *Atlas Sejarah Para Nabi*, h. 158

¹⁴² Surah al-Naml, 27: 15. Kelebihan Baginda dijawab oleh surah Shad, 38: 35, ”Wahai Tuhanku! Ampunkanlah kesilapanku, dan kurniakanlah kepadaku sebuah kerajaan (yang tidak ada taranya dan) yang tidak akan ada pada sesiapa pun kemudian daripadaku; Sesungguhnya Engkaulah yang sentiasa melimpah kurnia-Nya.”

¹⁴³ Al-Maghlouth, *Atlas Sejarah Para Nabi*, h. 49. Matta adalah bapanya berpandukan hadis riwayat ’Abdullah bin ’Abbas: لا يبيح غيلا بعد أن يقول: لَأَمْخِرُ مِنْ يَمِينِ سَبَأَ رَبِّي وَنَبِيَّ إِلَى بِلَدِي (Tidak boleh seseorang hamba itu berkata: Aku lebih baik dari Yunus bin Matta. Iaitu baginda dinisbahkan kepada bapanya). Lihat al-Bukahri, hadis no. 3395; Muslim, hadis no. 2377; Al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur’ani*, h. 4: 34-35

pemerintahan Kerajaan Assyria, dan kota terkaya di bahagian timur dunia dengan nikmat yang melimpah ruah, kaumnya tetap dalam kesesatan kerana sifat mereka gemar melakukan kejahatan dan kemaksiatan serta menyembah berhala.¹⁴⁴ Hal ini menyebabkan Yunus meninggalkan mereka menaiki sebuah kapal. Apabila gelora melanda, Yunus diundi untuk dicampakkan ke laut dan ditelan ikan besar.¹⁴⁵

Selain diabadikan pada surah ke-10, Yunus, al-Quran menamakannya sebanyak 4 kali, iaitu dalam surah an-Nisa', 4: 163, al-An'am, 6: 86, Yunus, 10: 98 dan al-Shaffat, 38: 139. Manakala ayat-ayat yang mengisahkan diri Baginda tanpa menyebut namanya terdapat dalam surah al-Anbiya' dari ayat 87 hingga 88 dan surah al-Qalam dari ayat 48 hingga 50.¹⁴⁶ Intisari kisah Baginda berkisar sekitar balasan keimanan dengan Allah menyebabkan terlepas dari azab.¹⁴⁷ Buah tangan istimewa Yunus kepada manusia ialah sifat taubat dan penyesalannya terhadap cubaan melalui suatu ungkapan keramat: "Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau (Ya Allah)! Maha suci Engkau (daripada melakukan aniaya, tolongkanlah daku)! Sesungguhnya Aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri."¹⁴⁸ Ungkapan ini dikenali sebagai 'Doa Dzu- Nun', yakni nabi Yunus sewaktu dalam kesusahan.¹⁴⁹

2.18. Isa AS

Isa Ibn Maryam merupakan nabi terakhir dari Bani Israil dan lahir tanpa bapa di Betlehem, Palestine pada zaman kerajaan raja Herodes Romawi.¹⁵⁰ Isa adalah namanya dan al-Masih pula gelarannya.¹⁵¹ Baginda dinasabkan kepada ibunya, Maryam binti 'Imran, yang merupakan saudara dengan isteri nabi Zakaria.¹⁵² Beliau seorang perawan suci yang kuat beribadat dan menjaga kehormatannya.¹⁵³

Al-Quran menyebut Isa dengan tiga gelaran: Isa, al-Masih dan Isa atau al-Masih ibn Maryam.¹⁵⁴ Kisah Baginda pula disebut dalam surah Ali 'Imran, (3: 48-74), an-Nisa', (4: 156-162), al-Maidah, (5: 111-120), Maryam, (19: 16-40), as-Shaf, surah az-Zukhruf, (43: 57-65), al-Hadid, (57: 27) dan (61: 6, 14 dan 27). Manakala nama Isa sahaja terdapat dalam surah al-Baqarah, sebanyak 3 kali, sekali dalam al-An'am, al-Ahzab dan as-Syura.¹⁵⁵

¹⁴⁴ Afif Abd al-Fattah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiya'*, h. 695; Al-Maghlouth, h.169

¹⁴⁵ Lihat surah al-Shaffat, 37: 139-142

¹⁴⁶ Al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur'ani*, h. 4: 33-34; Syed Muhammad Osama, *Encyclopaedic Index of the Quran*, h. 433 - 434

¹⁴⁷ Surah Yunus, 10: 98

¹⁴⁸ Surah al-Anbiya, 21: 87

¹⁴⁹ Abdul Karim Zaidan, *Hikmah Kisah-kisah*, h. 1: 568

¹⁵⁰ Al-Maghlouth, *Atlas Sejarah Para Nabi*, h. 178. Al-Quran samakan kelahiran Isa dengan Adam. Firman-Nya: 59. Sesungguhnya perbandingan (kejadian) nabi Isa di sisi Allah adalah sama seperti (kejadian) nabi Adam. Allah telah menciptakan Adam dari tanah lalu berfirman kepadanya: "Jadilah engkau!" maka jadilah ia. Lihat surah Ali Imran, 3: 59

¹⁵¹ Muhammad Ali ash-Shabuni, *Kemuliaan Para Nabi*, h.388

¹⁵² Al-Maghlouth, *Atlas Sejarah Para Nabi*, h. 179

¹⁵³ Surah al-Anbiya', 21: 91. Firman Allah: "Dan (sebutkanlah peristiwa) perempuan yang telah menjaga kehormatan dan kesuciannya; lalu Kami tiupkan padanya dari roh (ciptaan) kami, dan Kami jadikan dia dan anaknya sebagai satu tanda (yang menunjukkan kekuasaan kami) bagi umat manusia"

¹⁵⁴ Nama Isa di sebut 25 kali, Ibn Maryam sebanyak 23 kali dan al-Masih sebanyak 11 kali. Lihat al-Khalidi, h. 3: 163

¹⁵⁵ Ibid, h. 3: 163-167; Syed Muhammad Osama, *Encyclopaedic Index of the Quran*, h. 423 – 425.

Paparan kisahnya seperti keistimewaan Isa bercakap ketika masih dalam buaian,¹⁵⁶ menghidupkan orang mati,¹⁵⁷ turun makanan dari langit memenuhi permintaan Hawariyyun,¹⁵⁸ penafian Isa disalib,¹⁵⁹ serta pengharaman riba dan judi.¹⁶⁰ Penolakan terhadap dakwah Isa dijelaskan al-Quran: “Dan (ingatlah) ketika Isa Ibn Maryam berkata: "Wahai Bani Israil, sesungguhnya aku ini pesuruh Allah kepada kamu, mengesahkan kebenaran Kitab yang diturunkan sebelumku, iaitu kitab Taurat, dan memberikan berita gembira dengan kedatangan seorang Rasul yang akan datang kemudian daripadaku - bernama: Ahmad". Maka ketika ia datang kepada mereka membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata, mereka berkata: "Ini ialah sihir yang jelas nyata!"¹⁶¹

2.19. Muhammad SAW

Muhammad¹⁶² adalah nabi terakhir yang diutuskan selepas nabi Isa.¹⁶³ Lahir di Mekah dari bangsa Quraisy dan bani Hasyim sebagai anak yatim kepada Abdullah bin Abdul Muttalib bin Hasyim sehingga sampai kepada nabi Ismail bin Ibrahim.¹⁶⁴ Ibunya bernama Aminah bin Wahhab bin Awi Zahrah bin Qushai bin Kilab, sama dengan nasab ayahnya pada Qushai bin Kilab.¹⁶⁵ Terkenal dengan panggilan al-Amin,¹⁶⁶ Baginda dilantik sebagai pesuruh Allah kepada masyarakat Jahiliah Mekah serta seluruh manusia berikutan turunnya wahyu pertama.¹⁶⁷ Firman Allah: “Dan tiadalah Kami mengutusmu (Wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar); akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu).”¹⁶⁸

Meskipun Muhammad diabadikan sebagai satu surah dan namanya hanya disebut sebanyak 4 kali sahaja iaitu dalam surah Ali ‘Imran, (3: 144), al-Ahzab, (33: 40), Muhammad, (47: 2) dan al-Fath, (48: 29), keseluruhan al-Quran adalah menceritakan kisah Baginda sendiri.¹⁶⁹ Atau, Baginda sendiri adalah al-Quran. Kata Zakaria Bashier: “The life of the Prophet was the practical embodiment of the Quran. It was educated, shaped and matured by the successive

¹⁵⁶ Surah Maryam, 19: 29

¹⁵⁷ Afif Abd al-Fattah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiya'*, h. 744; Juga surah Ali ‘Imran, 3: 49-50

¹⁵⁸ Surah al-Maidah, 5: 112-115. Al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur'ani*, h. 4: 328. Hawariyyun adalah pengikut setia Isa. Lihat surah al-Shaff, 61: 14; Ali Imran, 3: 52

¹⁵⁹ Surah an-Nisa', 4: 157-158. Pendeta Yahudi berdusta kepada Raja Herodes tentang Isa, menyebabkan arahan bunuh. Seorang Hawariyyun, Yahudza Iskariot membocorkan tempat persembunyian Isa menyebabkan Allah iraskan wajahnya seakan Isa, dan dia ditangkap serta disalib. Lihat al-Maghlouth, *Atlas Sejarah Para Nabi*, h. 178

¹⁶⁰ Surah an-Nisa', 4: 160-161

¹⁶¹ Surah al-Shaf, 61: 6

¹⁶² S.A.W. Lihat surah al-Ahzab, 33: 56. Boleh dikatakan seluruh isi al-Qur'an adalah berkenaan dengan Muhammad. Terdapat banyak ayat yang merujuk khusus kepada nama, gelaran, sifat, keluarga, isteri, sahabat, tugas, seruan dakwah, rintangan dan pelbagai tema lagi berkenaan baginda, malah terdapat satu surah dinamakan Muhammad, 47. Lihat pembahagian ayat-ayat mengenai baginda yang dilakukan oleh Syed Muhammad Osama, *Encyclopaedic Index of the Quran*, h. 538 – 532.

¹⁶³ Lihat surah al-Ahzab, 33: 40; Al-Khalidi, h. 4: 335

¹⁶⁴ Bapanya meninggal dunia ketika berniaga di Syam. Lihat al-Maghlouth, *Atlas Sejarah Para Nabi*, h. 187

¹⁶⁵ Afif Abd al-Fattah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiya'*, h. 776-777; Al-Maghlouth, h. 187

¹⁶⁶ Surah al-Qalam, 68: 4; Afif Abd al-Fattah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiya'*, h. 1022

¹⁶⁷ Lihat surah al-Alaq, 96: 1-5; Ali Imran, 3: 144; al-Taubah, 9: 128

¹⁶⁸ Surah Saba', 34: 28

¹⁶⁹ Surah al-Isra', 17: 1, menceritakan perjalanan dan mikraj Baginda

Qur'anic revelations continuously.”¹⁷⁰ Kisah Baginda ada kalanya terpancar menerusi panggilan al-Quran dengan “Wahai Rasulullah!,”¹⁷¹ “Wahai Nabi!,”¹⁷² “mereka bertanya engkau,”¹⁷³ “katakanlah (wahai Muhammad)”¹⁷⁴, sesuatu perintah atau larangan,¹⁷⁵ penceritaan sesuatu peristiwa dan sebagainya.¹⁷⁶ Ringkasnya, al-Quran yang diwahyukan secara beransur-ansur itu seluruhnya adalah kisah nabi Muhammad.¹⁷⁷

Kisah Baginda menjelaskan keseluruhan *din* Islam yang dinamakan sendiri oleh al-Quran,¹⁷⁸ lengkap sempurna dalam dua period: Mekah dan Madinah.¹⁷⁹ Intipatinya adalah beriman kepada Allah dan hari akhirat serta tuntutan kedua-duanya, seperti firman-Nya: “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”¹⁸⁰

Ringkasnya, kisah nabi Muhammad dalam al-Quran menggambarkan keseluruhan para anbiya sebagai utusan Allah untuk manusia beriman kepada-Nya dan hari akhirat dengan cara melakukan perintah dan menjauhi larangan-Nya.

¹⁷⁰ Zakaria Bashier, *Sunshine At Madinah*, h. 12

¹⁷¹ Misalnya surah al-Maidah, 5: 41

¹⁷² Misalnya surah al-Ahzab, 33: 1

¹⁷³ Misalnya surah al-Anfal, 8: 1

¹⁷⁴ Misalnya surah al-Kafirun, 109: 1

¹⁷⁵ Misalnya surah al-Baqarah, 2: 190-191

¹⁷⁶ Misalnya surah Abasa, 80: 1-10, di mana nabi bersikap tidak melayan pertanyaan Abdullah Makhtum yang buta kerana melayan pembesar Quraisy ditegur oleh Allah. Lihat Afif Abd al-Fattah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiya'*, h.826

¹⁷⁷ Ingat peristiwa Saad bin Hisham bertanya Aisyah tentang akhlak nabi Muhammad SAW, lalu dijawab: “Bahawa akhlak Baginda adalah al-Quran.” Lihat Ahmad, *Musnad*, Bab hadith al-Sayyidah ‘Aisyah r.a., hadis no. 23460, 24139 & 24629; Lihat Afif Abd al-Fattah Tabbarah, h.964


¹⁷⁸ Surah Ali Imran, 3: 19

¹⁷⁹ Surah Maidah, 5: 3

¹⁸⁰ Surah al-Ahzab, 33: 21

LAMPIRAN:

LOKALITI PENGUTUSAN ANBIYA DALAM AL-QURAN



Sumber:

Al-Maghlouth, Sami Abdullah (2011), *Atlas Sejarah Para Nabi & Rasul*, (Terj. *Atlas Tarikh al-Anbiya' wa al-Rusul* oleh Qasim Shaleh dan Dewi Kournia Sari), Jakarta Timur: Penerbit Almahira, h. 52



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Faculty of
Islamic Civilisation

Faculty of Islamic Civilisation
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru
Johor, Malaysia

Tel : +(6)07-5557670/57690 Fax : +(6)07-5557623 <http://islamic.utm.my> Email: fti@utm.my

OUR REF. : UTM.J.33/23.12/1 (36)

1 Ogos 2011

YOUR REF. :

En. Mohd Nasir bin Ripin
Ketua Jabatan Program Luar,
Fakulti Tamadun Islam
UTM Johor Bahru

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Saudara,

**ARAHAN TUGAS : PERBINCANGAN BERSAMA DATO' HAJI MOHAMAD
ALAYUDDIN CHE HASAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.


2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak pengurusan fakulti telah bersetuju untuk melantik saudara sebagai ahli perbincangan bagi dengan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) bagi program Prospek Usahawan Mikro FTI. Detail agenda perbincangan akan dimaklumkan kemudian.

3. Oleh yang demikian, pihak pengurusan fakulti berharap dengan pelantikan ini dapat meningkatkan lagi kerjasama Fakulti Tamadun Islam khususnya dengan DPMM.

Sekian, والسلام

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,


PROF. MADYA AZMI SHAH BIN SURATMAN

Dekan
Fakulti Tamadun Islam
☎ 607-55 35090
☎ 607-55 35011
✉ azmishah@utm.my



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Faculty of
Islamic Civilisation

Faculty of Islamic Civilisation
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru
Johor, Malaysia

Tel : +(6)07-5557670/57690 Fax : +(6)07-5557623 <http://islamic.utm.my> Email: fti@utm.my

OUR REF. :

YOUR REF. : UTM.J.33/12.11/1/3 Jld 3 (35)

2 Ogos 2011

Dato' Haji Mohamad Alayuddin Che Hasan

Timbalan Presiden
Dewan Perniagaan Melayu Malaysia
No. 33 & 35, Jalan Medan Setia 1
Plaza Damansara,
50490 Kuala Lumpur.

Assalamualaikum wr. wb.

Yg. Bhg. Datuk,

**PERJUMPAAN BERSAMA DEKAN DAN ROMBONGAN FAKULTI TAMADUN ISLAM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR BAHRU**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Susulan daripada perbincangan melalui telefon bersama saya pada 1 Ogos 2011 jam 3.15 petang, berikut adalah butir-butir perjumpaan antara Yg. Bhg. Datuk bersama Dekan dan pentadbir akademik FTI.

Tarikh : 19 Ogos 2011(Jumaat)
Masa : 9.30 pagi
Tempat : DPMM, PLAZA DAMANSARA
No. 33 & 35, Jalan Medan Setia 1
Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur.

3. Tujuan perjumpaan ini diadakan adalah untuk mendapatkan pandangan Yg. Bhg. Datuk mengenai isu-isu berkaitan keusahawanan dan prospek penubuhan usahawan mikro pelajar FTI, UTM.

4. Pihak kami berbesar hati sekiranya Yg. Bhg. Datuk dapat meluangkan sedikit masa bagi perjumpaan tersebut.

Terima kasih. **Wassalam.**

"MENJANA MINDA KREATIF DAN INOVATIF"

Yang benar,

MASNIZAH BINTI OSMAN

Penolong Pendaftar
Fakulti Tamadun Islam
UTM Johor Bahru
☎ 07-5535164
✉ masnizah@utm.my

s.k. i. Dekan FTI UTM
ii. Pentadbir Akademik FTI UTM
iii. Fail Pentadbiran